

program  
transformasi  
negara



LAPORAN TAHUNAN  
**2015**

# LAPORAN TAHUNAN 2015

Sebagai simbol kepada negara kita yang pesat berkembang, kanak-kanak mewakili masa hadapan Malaysia. Jalur Gemilang pula melambangkan semangat patriotisme dan optimisme negara kita yang bertapak kukuh. Harapan, keyakinan, ketelusan, akauntabiliti dan daya tahan. Kualiti transformasi yang akan memacu negara kita maju ke hadapan. Laporan Tahunan Program Transformasi Negara 2015 menandakan waktu untuk melihat kembali dan meraikan kemajuan negara dalam mencapai matlamat 2020.



*Program Transformasi Kerajaan (GTP) direka khusus untuk menyediakan rakyat Malaysia akses kepada perkhidmatan awam tanpa mengira bangsa, agama dan latar belakang bagi merealisasikan konsep 1Malaysia.*




*Program Transformasi Ekonomi (ETP) merupakan inisiatif berfokus, inklusif dan mampan yang akan mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020*



# KANDUNGAN

- 2 **MEMBINA DAYA TAHAN DAN KEMAMPAHAN SOSIOEKONOMI**
- 4 **PERPADUAN ADALAH ASAS KEPADA MASA DEPAN MALAYSIA**
- 6 **KEMBALI MERANGKUL KECEMERLANGAN NEGARA**  
Malaysia: Selepas Lima Tahun Program Transformasi Negara
- 22 **PERTUMBUHAN, KEYAKINAN DAN DAYA TAHAN**  
Tinjauan Tahun 2015
- 30 **NTP**  
Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)  
Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA)  
Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI)
- LAMPIRAN**
- 266 **BAJET PERBELANJAAN 2015**
- 267 **TATACARA YANG DIPERSETUJUI OLEH PWC**
- 268 **PRESTASI NTP 2015**  
Petunjuk Prestasi Utama
- 289 **PENGHARGAAN**

# MEMBINA DAYA TAHAN DAN KEMAMPAHAN SOSIOEKONOMI



“*Melihat perjalanan sepanjang enam tahun yang lepas, nyata NTP merupakan pemangkin yang penting dalam mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan awam menerusi GTP serta menyusun semula kedinamikan kerjasama sektor awam dan swasta menerusi ETP.*”

Setiap tahun sejak Program Transformasi Negara (NTP) diperkenalkan pada tahun 2010, Kerajaan telah menerbitkan dua Laporan Tahunan, iaitu laporan tahunan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan laporan tahunan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Bagi menyediakan laporan transformasi negara yang lebih bersepadu, dan juga menggambarkan sinergi antara GTP dengan ETP, saya ingin membentangkan Laporan Tahunan Program Transformasi Negara 2015 yang menggabungkan pencapaian dan cabaran GTP dan ETP pada tahun lepas. Pada masa yang sama ia mengetengahkan impak pelbagai inisiatif di bawah NTP sejak program ini mula dilaksanakan enam tahun yang lalu.

Semasa melancarkan program NTP pada tahun 2010, kita rasa program itu amat diperlukan untuk melonjakkan potensi pertumbuhan Malaysia. Berdepan dengan cabaran berat membawa Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020, kebimbangan saya ialah sama ada kita mempunyai kecekalan untuk mencapai hasrat ini.

Melihat perjalanan sepanjang enam tahun yang lepas, nyata NTP merupakan pemangkin yang penting dalam mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan awam menerusi GTP serta menyusun semula kedinamikan kerjasama sektor awam dan swasta menerusi ETP.

Hasil usaha semua pihak, ekonomi Malaysia telah dapat mencatat prestasi yang baik dengan pertumbuhan yang memberangsangkan sejak tahun 2010, didorong oleh peningkatan pelaburan swasta, struktur dan penciptaan peluang ekonomi baharu di Malaysia.

Pada tahun 2015, kami mengambil iktibar bahawa sesetengah cabaran berada di luar kawalan kita. Seperti Malaysia, kebanyakan negara, baik negara maju mahupun negara sedang membangun, mengalami perubahan, menyesuaikan diri dengan persekitaran baru ini, yang mencakupi penurunan permintaan pengguna, keyakinan pelabur yang lemah berikutan suasana yang mencabar akibat ketidakpastian dalam ekonomi global besar, harga komoditi yang rendah dan juga persaingan perdagangan.

Perbelanjaan luar dan dalam negara telah memberikan kesan terhadap nilai ringgit dan meletakkan tekanan terhadap keyakinan pelabur. Bagi Malaysia, semua ini merupakan ujian terhadap keberkesanan perancangan transformasi yang telah dilaksanakan sepanjang enam tahun yang lepas.

Pembikinan dasar yang tepat dan pelaksanaan yang berdisiplin penting dalam menghadapi waktu yang amat mencabar ini. Dalam konteks ini, NTP telah memainkan peranan yang penting dalam memperkukuh daya tahan untuk membantu negara mengharungi cabaran semasa yang melanda negara.

Berasaskan langkah-langkah yang bercirikan keinklusi dan kemampunan, program-program di bawah NTP sedang dilaksanakan selaras dengan hasrat kita untuk mencapai tahap negara maju pada 2020.

GTP yang menyasarkan transformasi perkhidmatan awam merupakan satu cabaran yang mencabar. Setelah menetapkan sasaran yang tinggi bagi GTP 2.0 pada tahun 2012 (selepas berakhirnya fasa GTP 1.0 dari tahun 2010 hingga 2012), kita telah mencapai keberhasilan yang baik sepanjang tiga tahun lepas, sebagaimana yang terdapat dalam 'Laporan Negara NTP 2010-2015'.

Demikian juga, ETP telah dapat merencanakan penyertaan sektor swasta dalam 12 Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi Negara (NKEA) termasuk inisiatif pembaharuan strategik untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang menggalakkan untuk menyokong pertumbuhan perniagaan. Sektor awam, bekerjasama dengan sektor swasta untuk melaksanakan sasaran yang telah ditetapkan menerusi pemantauan penunjuk prestasi utama (KPI) yang teliti dan pendekatan penyelesaian masalah yang berulang.

Keluaran kasar dalam negeri (KDNK) telah mencatat pertumbuhan sebanyak 5 peratus bagi tahun 2015. Dalam hal ini, sektor swasta terus menjadi pemacu utama menerusi penggunaan dan pelaburan. Ini sejajar dengan aspirasi ETP, iaitu untuk mewujudkan persekitaran yang menggalakkan untuk sektor swasta memainkan peranan yang utama dalam memacu ekonomi ke hadapan.

Tahun lepas merupakan tahun titik perubahan apabila Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) mula dilaksanakan pada bulan April. Ia bertujuan untuk memperkenalkan sistem percukaian yang lebih adil dalam negara. Pengenal GST terbukti tepat pada masanya dalam mewujudkan penampakan kewangan negara dalam kita menghadapi kejatuhan harga minyak secara mendadak yang menjejaskan kewangan negara.

SRI Pembangunan Modal Insan juga menghasilkan kejayaan dasar yang penting pada tahun 2015 dengan pewujudan Majlis Pembangunan Modal Insan Kebangsaan, yang bertanggungjawab menerajui dasar dan

inisiatif yang akan menyokong pewujudan tenaga kerja berpendidikan pada peringkat global di Malaysia.

Dalam usaha mencapai status negara berpendapatan tinggi, Kerajaan sedar akan kesukaran yang dihadapi rakyat dalam berhadapan dengan peningkatan kos sara hidup. Dalam konteks ini, NKRA Menangani Kos Sara Hidup Rakyat menggunakan dua pendekatan untuk mencapai matlamatnya dalam memberikan bantuan kepada rakyat. Bantuan tunai bersasaran disampaikan menerusi program seperti BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia), BB1M (Baucar Buku 1Malaysia) dan BKAP1M (Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia). Kerajaan juga memberikan keutamaan terhadap penyediaan keperluan asas dan perkhidmatan yang mampu dinikmati seperti K1M (Kiinik 1Malaysia), KR1M (Kedai Rakyat 1Malaysia) dan MR1M (Menu Rakyat 1Malaysia).

Disebalik semua pencapaian ini kita tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian yang lalu. Kita harus akur bahawa persaingan untuk meraih pelaburan terbaik dan keinginan untuk berjaya adalah matlamat setiap negara. Dengan peraturan yang senantiasa berubah dan perjanjian perdagangan baharu seperti Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), lima tahun yang akan datang ini merupakan satu cabaran yang amat besar. Namun Malaysia boleh menghadapi cabaran ini melalui usaha dan dedikasi yang sama yang telah membawa kejayaan kepada kita sepanjang enam tahun ini.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kakitangan perkhidmatan awam yang telah berusaha dengan gigih dan dedikasi dalam membawa perubahan yang ketara untuk memacu agenda transformasi, dan sektor swasta kerana menyambut cabaran untuk terus bekerjasama kerajaan, dan rakyat atas sokongan kepada program yang dilaksanakan di bawah NTP.

Berdasarkan pencapaian kita, saya yakin bahawa menjelang tahun 2020, kita akan mencapai cita-cita kita, menjadi sebuah negara yang berjaya.



**YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN HJ. ABDUL RAZAK**  
PERDANA MENTERI MALAYSIA

# PERPADUAN ADALAH ASAS KEPADA MASA DEPAN MALAYSIA



“*Memasuki tahun 2016, saya berkeyakinan tinggi bahawa NTP akan meneruskan trajektorinya dengan keyakinan untuk melaksanakan perubahan yang memberikan makna dan mempertingkatkan kehidupan rakyat Malaysia merentas pelbagai lapisan masyarakat.*”

**T**ransformasi negara hakikatnya ialah melaksanakan usaha yang dihampani kesukaran, yang menuntut keberanian yang tinggi dan keazaman yang kental untuk mencipta kejayaan. Memasuki lima tahun terakhir menuju Wawasan 2020 yang dikongsi bersama untuk menyertai kelompok negara maju, Kerajaan terus berdiri teguh untuk menyempurnakan perjalanan program transformasi ini.

Menerusi Program Transformasi Negara (NTP), kami telah berjaya melaksanakan prakarsa yang berimpak tinggi secara berterusan dan inklusif untuk memastikan bahawa tiada seorang pun rakyat yang dibiarkan ketinggalan dalam usaha kita untuk mencapai negara berpendapatan tinggi.

Terdapat inisiatif yang bertujuan membolehkan rakyat meraih manfaat dan terdapat beberapa aspek tertentu dalam usaha kami, seperti pembaharuan dalam kewangan awam yang kelihatan sukar untuk diterima namun kritikal terhadap daya saing dan kemampuan sebagai sebuah negara secara keseluruhan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga saya sebagai Timbalan Perdana Menteri telahpun menyatakan komitmen kami yang paling tinggi terhadap usaha meneruskan transformasi, dengan mengambil kira kebimbangan yang disuarakan oleh rakyat Malaysia.

Permintaan terhadap penyampaian perkhidmatan awam yang lebih baik terus meningkat dan kerajaan telahpun mengambil sikap yang responsif terhadap permintaan ini untuk mencapai tahap perkhidmatan yang membanggakan dan menjaga impak transformasi yang memberikan impak kepada rakyat.

Sebagai pengerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan juga portfolio saya di Kementerian Dalam Negeri, saya akan memastikan bahawa kita akan terus menginstitusikan dan menerima transformasi secara keseluruhan dalam semua bidang yang berkaitan dengan usaha menambah baik penyampaian perkhidmatan awam dan menjaga keamanan negara.

Semua ini memberikan petanda yang baik kepada Malaysia. Di samping mewujudkan rasa tenteram dalam kalangan masyarakat, daya tarikan negara kita kepada pelancong dan pelabur asing dapat dipertingkatkan, sekali gus membuka peluang kepada penciptaan peluang pekerjaan dan taraf kehidupan yang lebih baik.

Inisiatif di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah telahpun dilaksanakan, memberikan sumbangan kepada penurunan Jenayah Indeks Malaysia sebanyak purata 6.6 peratus setahun sejak tahun 2010. Meskipun demikian, kejadian jenayah terus berlaku dalam segmen masyarakat kita, menyebabkan wujudnya rasa ragu-ragu orang ramai terhadap keberkesanan langkah-langkah membanteras jenayah yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Hakikatnya kami memahami situasi ini. Apabila berbicara tentang perasaan selamat, kami juga percaya perlunya untuk menyokong cita-cita untuk mewujudkan masyarakat yang bebas daripada jenayah, iaitu matlamat yang jauh lebih sempurna dan idealistik daripada praktikal tetapi tetap merupakan sesuatu yang kita hasratkan pencapaiannya.

Saya berikrar kepada rakyat bahawa saya akan terus bekerja dengan agensi yang berkaitan untuk bergerak ke arah mencapai matlamat yang murni ini.

Harapan saya kepada seluruh rakyat Malaysia ialah bahawa kita akan terus berganding bahu dan bermuafakat sebagai sebuah negara untuk meraikan semangat perpaduan dalam kepelbagaian dan menggunakannya sebagai kekuatan untuk mempertahankan keharmonian negara kita secara keseluruhan. Kita hendaklah memelihara dan melindungi asas-asas kukuh pembinaan negara kita dalam berdepan dengan setiap serangan yang mengancam cara hidup kita.

Memasuki tahun 2016, saya berkeyakinan tinggi bahawa NTP akan meneruskan trajektorinya dengan keyakinan untuk melaksanakan perubahan yang memberikan makna dan mempertingkatkan kehidupan rakyat Malaysia merentas pelbagai lapisan masyarakat. Meskipun berdepan dengan cabaran yang tidak terhitung jumlahnya sepanjang perjalanan transformasi ini, saya yakin bahawa kita berada di landasan yang betul ke arah mencapai impian negara untuk memperoleh status negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020.



**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI**  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA





# KEMBALI MERANGKUL KECEMERLANGAN NEGARA

MALAYSIA: SELEPAS  
LIMA TAHUN PROGRAM  
TRANSFORMASI  
NEGARA



**DATU' SRI ABDUL WAHID OMAR**  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
UNIT PERANCANG EKONOMI

**W**alaupun baru mencecah titik pertengahan NTP yang bertempoh 10 tahun, Malaysia sudah mampu menampilkan bukti kejayaan yang dimatlamatkannya.

Sebuah kajian yang bertajuk “Doing, Learning, Being: A Study of Malaysia’s Transformation Programme”<sup>1</sup> yang telah dijalankan di bawah Program Industri Kompetitif dan Inovasi anjuran Bank Dunia mengesahkan bahawa Program Transformasi Negara (NTP) telah berjaya membuah hasil transformasi susulan daripada metodologi khusus yang digunakan untuk melaksanakannya.

Dengan hanya bersandarkan siri makmal dan hala tuju yang menggariskan sasaran utama yang hendak dicapai, pihak-pihak berkepentingan yang begitu teruja dengan matlamat ini telah berpadu tenaga demi melaksanakan perancangan yang dikenali sebagai pelan ‘tiga-peringkat’. Pihak berkepentingan yang terdiri daripada wakil sektor awam dan swasta berserta wakil kumpulan sivil telah merangka pelan tersebut ketika siri makmal dengan tujuan untuk mengenal pasti dan merungkai masalah ekonomi negara yang paling ketara.

Malah, agensi multilateral seperti Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia, termasuklah agensi penarafan antarabangsa seperti Standard & Poor’s, Moody’s dan Fitch semuanya memuji komitmen Kerajaan kerana mampu memperkenalkan pembaharuan berstruktur sehingga berupaya memperkukuh daya tahan ekonomi negara.

Sasaran akhir NTP adalah sejajar dengan matlamat Model Ekonomi Baharu Malaysia, yakni melonjakkan kedudukan Malaysia agar mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 berlandaskan langkah-langkah yang mampan dan terangkum. Di bawah NTP, Program Transformasi Kerajaan (GTP) disasarkan dengan matlamat untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan awam serta memantapkan institusi awam. Sementara itu, Program Transformasi Ekonomi (ETP) pula dirangka untuk mewujudkan sebuah ekonomi yang

mempunyai ciri diversifikasi dan berdaya tahan agar mampu mendepani landskap ketidakpastian ekonomi global.

Tahun 2015 menampilkan peluang untuk kita mengimbuai kembara NTP yang sudah mencecah titik tengahnya sekali gus mengamati kemajuan yang telah kita capai setakat ini.

Berlatarkan kedudukannya yang strategik di antara India dan China, sejarah silam pernah menyaksikan Selat Melaka berperanan sebagai pelabuhan pesat yang menyambut pelbagai pedagang dari serata dunia yang berulang-alik dan meninjau peluang dagangan rempah dan barangan lain di Malaysia.

Dengan memanfaatkan sumber ekonomi yang kaya dan arus perindustrian yang semakin mengukuh berbanding ekonomi berasaskan pertanian suatu ketika dulu, Malaysia berjaya menikmati pertumbuhan yang mantap sebagai sebuah negara terbuka berpendapatan tinggi sederhana yang mencatatkan peningkatan pendapatan per kapita setinggi 8 peratus setahun sejak 1970 sehinggalah 2010, dengan mencecah USD8,636 per kapita.


Justeru, tidak hairanlah nikmat serta peluang yang mampu disediakan oleh Malaysia untuk rakyatnya melimpah-ruah, bahkan, subsidi menyeluruh

mampu disalurkan demi melegakan bebanan rakyat tanpa perlu mengenakan cukai yang tinggi terhadap sebahagian besar populasi negara.

Namun begitu, krisis kewangan Asia yang menerjah pada 1998 ialah peringatan pahit bahawa langit tidak sentiasa cerah. Kejatuhan ekonomi merempuh dengan begitu pantas sehingga merencatkan ekonomi. Rentetan itu, Kerajaan terpaksa mengeluarkan simpanan tabung negara untuk berdepan dengan kejutan mendadak demi memastikan ekonomi negara masih mampu bertahan ketika langkah pemulihan dilaksanakan.

Akan tetapi, disusuli pula dengan Krisis Kewangan Global (GFC) pada 2009, KDNK Malaysia menyusut 1.5 peratus buat pertama kalinya sejak penyusutan KDNK sebanyak 7.4 peratus ketika krisis 1998 berlaku.

Terbeban dengan hutang dan defisit yang belum dapat dilunaskan sejak kegawatan 1998, ditambah pula dengan subsidi yang meningkat dan cabaran lain seperti jurang yang begitu ketara dalam produktiviti dan daya saing sesama rakyat, Malaysia terkitar-kitar dalam perangkap pendapatan sederhana sehinggakan masa depan yang menanti negara dibayangi dengan ketidakpastian.



<sup>1</sup> Kajian bertajuk ‘Doing, Learning, Being: A Study of Malaysia’s Transformation Programme’ oleh Profesor Charles Sabel, Profesor Undang-undang dan Sains Sosial di Columbia Law School dan Luke Jordan, mantan pakar pembangunan di Bank Dunia, Januari 2015 (Sumber: <https://www.theciip.org/sites/ciip/files/documents/PEMANDU%20Study%20--Final.pdf>)

## Terbang Tinggi Umpama Helang

Berlatarkan keadaan yang muram tersebutlah maka teretusnya strategi untuk mengangkat semula martabat Malaysia. Justeru, Model Ekonomi Baru (MEB) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak pada 2009 merupakan perancangan terperinci bertujuan untuk merubah Malaysia menjadi negara yang kompetitif pada tahap global dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

MEB diumumkan ketika dunia masih bergelut menghadapi kesan krisis kewangan global ekoran kegawatan isu 'subprime' di AS. Malah, pada ketika itu pula, model-model pemulihan yang dikatakan lemah di negara-negara membangun yang lain bergantung pada hutang untuk mencetuskan pertumbuhan semula ekonomi mereka. Namun, Kerajaan Malaysia tekad dan enggan tunduk kepada model tersebut dan sebaliknya melancarkan model ekonomi yang berani demi menjamin masa depan negara.

Model pertumbuhan Malaysia yang baharu memfokuskan beberapa perkara penting:

- Konsolidasi fiskal dengan mewujudkan ruang semakan secara progresif menerusi pengurangan hutang dan kadar defisit
- Mengurangkan risiko kebergantungan melampau pada pendapatan negara bersumberkan minyak dan gas, dan sebaliknya, mengambil langkah diversifikasi dan penstrukturan semula ekonomi bertujuan untuk menggalakkan inovasi dan produktiviti dalam sektor-sektor utama. Selain itu, sektor swasta didorong untuk melabur dalam 12 sektor teratas bagi memacu pertumbuhan ekonomi. Dalam hal ini, Kerajaan berperanan sebagai



Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak menyampaikan ucapan semasa pelancaran Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan pada Januari 2010.  
Gambar ihsan daripada BERNAMA Images

pemudah cara dengan membantu mewujudkan persekitaran yang memberangsangkan agar perniagaan dapat berkembang maju menerusi pembaharuan dan proses rekayasa perniagaan

- Ekoran pembaharuan tersebut, Kerajaan berupaya mengutamakan sumber kekayaannya untuk membawa standard kehidupan dan jaringan keselamatan yang lebih baik bagi memastikan semua rakyat Malaysia, tidak kiralah latar belakang mereka, dapat meraih manfaat bersama. Di samping itu, mekanisme keseluruhan penyampaian perkhidmatan awam diperbaiki sehingga standard yang terserlah kelak adalah sejajar dengan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi

Demi merealisasikan matlamat tersebut, pihak berkepentingan merangkumi wakil Kerajaan, sektor swasta, masyarakat sivil dan rakyat jelata amnya disatukan dalam sebuah siri makmal pada 2010 untuk mengenal pasti permasalahan sebenar termasuklah mencari kaedah penyelesaian berasaskan perancangan 'tiga-peringkat' yang terperinci dan menggariskan cara pelaksanaannya berserta hala tuju yang bakal membawa negara ke tahap pendapatan tinggi.

Perancangan terperinci tersebut kemudiannya dijadikan sebagai KPI bagi agensi-agensi Kerajaan yang bakal melaksanakannya, dengan gandingan pihak berkepentingan yang dikenal pasti ketika siri makmal tersebut dijalankan agar berupaya membuahkan kejayaan. Selari dengan tujuan tersebut, terciptalah GTP dan ETP.

**“ Kerajaan berupaya mengutamakan sumber kekayaannya untuk membawakan standard kehidupan dan jaringan keselamatan yang lebih baik bagi memastikan semua rakyat Malaysia, tidak kiralah latar belakang mereka, dapat meraih manfaat bersama. Di samping itu, mekanisme keseluruhan penyampaian perkhidmatan awam diperbaiki sehingga standard yang terserlah kelak adalah sejajar dengan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi.**

GTP merangkumi enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang menangani isu kesejahteraan sosial iaitu Mengurangkan Jenayah, Membanteras Rasuah, Memastikan Pendidikan Berkualiti, Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah, Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar dan Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar. NKRA ketujuh iaitu Menangani Kos Sara Hidup Rakyat telah disenaraikan setahun selepas itu manakala pada 2014, Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam yang sebelum itu diletakkan di bawah ETP telah diangkat menjadi NKRA yang kelapan.

Sementara itu, sektor-sektor teratas yang mempunyai kelebihan relatif berbanding sektor-sektor ekonomi yang lain telah diangkat peranannya oleh ETP sebagai ‘hot spot’ bagi aktiviti pelaburan. Maka, ETP menentengahkan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang terdiri daripada Minyak, Gas dan Tenaga, Perkhidmatan Kewangan, Minyak Sawit dan Getah, Pemborongan dan Peruncitan, Pertanian, Pelancongan, Elektrikal dan Elektronik, Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi, Penjagaan Kesihatan, Perkhidmatan Perniagaan dan Pendidikan. NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley bukanlah sebuah ‘sektor’ dalam erti kata sebenar, namun posisinya sebagai hab ekonomi utama negara menjanjikan banyak potensi yang boleh dimanfaatkan.

Ekoran pelancaran dua buah program ini, struktur tadbir urus khusus telah dirangka untuk setiap bidang keberhasilan utama demi memastikan sebarang isu yang timbul diselesaikan secara efektif dan efisien, menjanjikan kata putus yang pantas serta hubungan yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak Kerajaan dan swasta.

Sementara itu, langkah pembaharuan turut disasarkan untuk meningkatkan kesesuaian dan kemudahan menjalankan perniagaan



di samping mewujudkan suasana yang lebih kompetitif untuk syarikat-syarikat berkembang maju. Justeru, ETP telah memperkenalkan enam SRI pada awalnya, iaitu Pembaharuan Kewangan Am, Persaingan, Standard dan Liberalisasi, Pembangunan Modal Insan, Merapatkan Jurang Ketaksamaan, Mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan<sup>2</sup> dan Penyampaian Perkhidmatan Awam<sup>3</sup>.

Berasaskan 37 dasar tindakan yang disarankan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC), SRI tersebut dibentuk daripada hasil perbincangan yang dilaksanakan pada tahun 2011 dalam enam makmal membabitkan 500 wakil sektor awam dan swasta.

Dalam laporan ini, kami akan menentengahkan bidang-bidang utama yang telah berjaya memberikan hasil positif berlatarkan ekosistem transformasi yang dirangka, sekaligus membuktikan bahawa perubahan yang dihasratkan sudah terealisasi dan memberikan pulangan positif kepada setiap pihak yang terbabit.

**“Struktur tadbir urus telah dirangka untuk setiap bidang keberhasilan utama demi memastikan sebarang isu yang timbul diselesaikan secara efektif dan efisien, menjanjikan kata putus yang pantas serta hubungan yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak Kerajaan dan swasta.”**

<sup>2</sup> Pada 2015, PEMANDU ditugaskan untuk menyemak dan menentu ukur semula petunjuk prestasi utama (KPI) bagi SRI Mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan memandangkan penjualan aset oleh 33 syarikat yang memberikan komitmen untuk berbuat demikian ketika pelancaran SRI pada 2011 telah pun dimuktamadkan. Selain itu, seperti yang dijelaskan dalam Laporan Transformasi Ekonomi 2014, “Kerajaan dan syarikat-syarikat milik kerajaan telah bertindak menginstitusikan proses jualan aset bukan strategik dalam model operasi mereka. Sebagai langkah seterusnya, sebarang program penjualan aset masa hadapan akan dipacu sepenuhnya oleh proses tadbir urus masing-masing.”

<sup>3</sup> Pada 2014, SRI Penyampaian Perkhidmatan Awam telah diletakkan di bawah bidang kuasa GTP sebagai Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam untuk memperkukuh integrasi dan fokus terhadapnya, sekaligus mempercepat penyampaian yang disasarkan

# Kemampuan dan Ketahanan Penentu Pertumbuhan

Kebimbangan Kerajaan yang paling ketara melibatkan isu makroekonomi pada 2010 sejurus sebelum pelaksanaan NTP adalah betapa mudahnya ekonomi negara tergoncang akibat kejutan global lantaran dagangan negara yang begitu tinggi dengan negara luar. Sungguhpun kesan pasaran global adalah di luar kawalan Kerajaan, namun daya tahan yang lebih utuh boleh dibangunkan dalam persekitaran domestik.

Berhubung dengan hal ini, antara perkara paling utama untuk ditangani ialah cabaran berganda, yakni hutang dan defisit yang kian meningkat yang bakal mengheret kewangan Kerajaan ke tahap paling meruncing sekiranya tiada tindakan sewajarnya diambil. Kerajaan turut menyedari hakikat yang paling pahit ditelan iaitu, kemampuan NTP dan keupayaan negara untuk mengekalkan status pendapatan tinggi menjangkau tempoh NTP amat bergantung pada keutuhan kewangan negara yang teratur.

Melihat pada sejarah, beberapa negara dunia yang mengejar status pendapatan tinggi sering mengesampingkan pengurusan hutang ketika memburu pertumbuhan ekonomi sedangkan tindakan tersebut menyempitkan ruang fiskal kerajaan tersebut dalam mengambil langkah sewajarnya.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan memilih sikap berhemat dan mengelak hutang berlebihan untuk menyuntik dana bagi pertumbuhan jangka pendek, dan sebaliknya menerapkan sebuah model 'hutang-kepada-ekuiti' yang lebih seimbang serta mampu merangsang pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan defisit.

Di samping itu, Malaysia mengamalkan dasar sekat dan imbang (*check and balance*) kerana hutang negara tidak boleh melebihi tahap siling iaitu 55 peratus KDNK seperti yang termaktub di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dan Akta Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) 2005.

Menyedari cabaran rumit yang menanti, dasar tindakan yang tegas dirangka dan langkah konsolidasi fiskal negara yang menyusul kemudiannya telah dilaksanakan dalam tempoh lima tahun yang lepas.


Pelaksanaan dua langkah paling penting dalam tempoh ini termasuklah rasionalisasi terhadap subsidi menyeluruh menerusi pewujudan jaringan keselamatan yang bertujuan memperkemas perbelanjaan Kerajaan, serta pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sebanyak 6 peratus pada 1 April 2015 sebagai suatu mekanisme pungutan cukai yang lebih adil, lebih efektif dan mencakupi asas percukaian yang lebih luas. Kedua-dua langkah ini diambil semata-mata demi manfaat rakyat Malaysia.

Dalam pada itu juga, penilaian berkaitan kedudukan Malaysia telah dikemukakan dalam laporan 'Article IV Mission to Malaysia'<sup>4</sup> oleh Tabung Kewangan Antarabangsa bagi tahun

2015 yang menyebut, antara lain, "pihak berkuasa telah berupaya mengekalkan kestabilan makroekonomi dan kewangan sekali gus mempamerkan kemajuan yang signifikan dalam usaha memperbaiki asas pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam tempoh pertengahan." Artikel tersebut turut memuji pelaksanaan GST dan rasionalisasi subsidi sebagai langkah yang berjaya membantu negara mendepani kejutan ekonomi sejak akhir 2014.

Dalam perkembangan yang sama, agensi penarafan seperti Fitch, Moody's and Standard dan Poor's – semuanya pernah berpandangan kritis terhadap kedudukan fiskal Malaysia sebelum 2013 – kini mereka memuji pembaharuan yang dilaksanakan, termasuklah langkah mengurangkan kebergantungan terhadap hasil minyak dan gas menerusi langkah diversifikasi dalam sektor ekonomi yang lain.

Berikutan itu, dalam tempoh lima tahun yang lepas, Malaysia telah berjaya mencapai sasaran defisit fiskal dari tahun ke tahun (Rajah 1) di samping memastikan tahap hutang negara tidak melebihi 55 peratus (54.5 peratus KDNK dicapai pada tahun 2015).



Rajah 1: Berada di Landasan Bagi Keseimbangan Fiskal pada tahun 2020

<sup>4</sup> Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), 'Article IV Mission to Malaysia', 2016 <https://www.imf.org/external/np/sec/pr/2016/pr1621.htm>

## Pemangkin Ekonomi



Pengerang Independent Terminals Sdn Bhd, terminal laut dalam, merupakan sebuah perjanjian awam-swasta di antara Dialog Group Berhad, Holland's Royal Vopak N.V. dan Kerajaan Negeri Johor yang telah memulakan operasinya pada tahun 2014, dan telah disewakan sepenuhnya dalam sebulan

Serentak dengan pewujudan pelan kestabilan makroekonomi, penekanan turut diberikan kepada sektor swasta untuk membolehkan mereka membina asas yang kukuh ke arah mencapai status pendapatan tinggi.

12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) merangkumi sektor-sektor terpilih yang menawarkan peluang ekonomi kepada sektor swasta untuk memacu Malaysia ke arah status negara berpendapatan tinggi. Walaupun Malaysia mempunyai kelebihan kompetitif dalam beberapa sektor dan berpotensi menyerlahkan sektor-sektor tersebut, NKEA yang dipilih merupakan bukti pendekatan terfokus demi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Kesemua NKEA ini mendapat sokongan prioriti Kerajaan lantaran potensinya untuk meningkatkan Pendapatan Negara Kasar (PNK).

Dengan itu, setiap NKEA menawarkan peluang kepada sektor swasta untuk sama-sama terlibat dan melabur dalam Projek Permulaan (EPP) yang bertujuan untuk merealisasikan pertumbuhan yang dijana oleh sektor swasta. Setakat ini, 149 EPP telah diumumkan sekali gus menjadi hala tuju pembangunan industri seperti yang tercatat ketika sesi makmal pada 2010 yang diadakan antara sektor awam dengan sektor swasta.

Semua EPP ini telah berulang kali mempamerkan ketahanan serta kekuatan ekonomi terutamanya ketika berlaku ketidaktentuan ekonomi lewat ini.

Sebagai satu contoh, di bawah NKEA Minyak dan Gas, perkembangan yang disaksikan di Pengerang menyuntik harapan bahawa tindakan Kerajaan yang memfokuskan pertumbuhan industri hiliran adalah tepat. Hal ini dikatakan demikian kerana, walaupun berdepan dengan suasana ekonomi yang begitu mencabar, penerusan projek seperti Pembangunan Bersepadu Petrokimia dan Loji Penapisan (RAPID) di Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang membuktikan bahawa sektor swasta yakin akan haluan yang diambil oleh Kerajaan. Malah, sewaktu harga minyak jatuh, fasiliti penyimpanan laut dalam milik Dialog Group Bhd mendapat permintaan penuh hanya dalam tempoh beberapa bulan setelah pelancarannya. Perkembangan ini dilihat terus positif berdasarkan Projek Terminal Pengerang Fasa 2 yang sedang dibangunkan oleh Dialog ketika ini.

Pemfokusan terhadap industri hiliran ini bukan hanya memberikan penajaan nilai dan pelaburan yang lebih tinggi untuk sektor minyak dan gas, malah turut berperanan sebagai perisai teguh yang mampu mempertahankan industri huluuan tatkala berdepan dengan kegawatan ekonomi.

Selain itu, fokus terhadap segmen hiliran turut disasarkan terhadap NKEA Minyak Sawit dan Getah. Fokus terancang terhadap segmen hiliran termasuklah pengeluaran derivatif oleo dan produk berasaskan makanan kesihatan terpilih telah membolehkan syarikat-syarikat

oleokimia tempatan yang utama meningkatkan hasil pendapatan mereka. Susulan itu, eksport derivatif oleo turut membawa impak dari segi peningkatan CAGR iaitu setinggi 9.2 peratus dengan mencatatkan RM2.8 bilion pada tahun 2014 berbanding RM1.5 bilion pada tahun 2008.

Sehingga hari ini, terdapat 18 projek di bawah EPP6: Membangunkan Derivatif Oleo. Bersandarkan matlamat agar pengeluaran negara beralih daripada derivatif oleokimia asas kepada derivatif oleokimia bernilai tinggi yang bakal menyumbang 40 peratus pasaran menjelang tahun 2020 (berbanding 1 peratus pada tahun 2009), EPP ini menyasarkan permintaan global setinggi 14 peratus bagi lima produk utamanya (agrokimia, surfaktan, pelincir bio, polioli bio dan derivatif gliserol), sekali gus menjana impak PNK sebanyak RM5.8 bilion dan mencipta 5,900 pekerjaan dalam negara.

Sementara itu, NKEA Perkhidmatan Perniagaan berjaya menarik pengeluar rekaan tulen (OEM) aeroangkasa untuk merangsang industri pembuatan termaju ini di Malaysia, sekali gus mencipta nilai yang lebih tinggi. Subsektor ini mempunyai kesan pengganda yang signifikan dari segi penajaan kerja bernilai tinggi serta pemindahan teknologi menerusi inisiatif Penyelidikan dan Pembangunan (P&P).

Malah, dalam tempoh lima tahun yang lepas, EPP7: Menjadikan Malaysia sebagai Hub OEM Aeroangkasa di Asia Tenggara telah menyaksikan detik penting termasuklah perjanjian pelaburan bernilai RM830 juta yang dimeterai antara Rolls Royce dengan UMW. Perjanjian 25-tahun tersebut bakal menyaksikan UMW M&E Sdn Bhd dan syarikat subsidiarinya, UMW Aerospace Sdn Bhd mengeluarkan bekas kipas untuk enjin pesawat Rolls-Royce Trent 1000 yang dibangunkan bagi pesawat Boeing 787 Dreamliner.

Namun begitu, bukan hanya syarikat-syarikat besar sahaja yang mampu meraih manfaat daripada ledakan aktiviti bernilai tinggi, bahkan, peniaga-peniaga kecil di bawah NKEA Pertanian juga beroleh manfaat hasil daripada pulangan yang lebih tinggi. Ekoran transformasi dan penyepaduan pelbagai pasaran kecil yang sebelum ini berpindah-randah tanpa lokasi tetap ke sebuah lokasi pasar

komuniti khas – dikenali umum sebagai Pasar Komuniti (PAKAR) - yang dilengkapi semua kemudahan asas serta standard kebersihan yang ditambah baik serta pengalaman pembeli yang lebih selesa.

Bermula hanya dengan sebuah PAKAR di Manjung, Perak pada 2012 dengan mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM384,081, inisiatif ini telah merekodkan pertumbuhan yang memberangsangkan pada tahun-tahun kebelakangan. Malah, setakat 31 Disember 2015, terdapat 10 PAKAR yang bertempat di negeri Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Johor, Sabah dan Sarawak dengan jumlah jualan yang dijana mencecah RM76.6 juta dan mewujudkan 2,738 pekerjaan. Kerajaan telah menyuntik pelaburan bernilai RM52 juta untuk inisiatif ini dalam tempoh antara 2012 dan 2015.


Begitu juga halnya dengan NKEA Pemborongan dan Peruncitan yang menyaksikan 2,216 kedai runcit biasa memanfaatkan penambahbaikan di bawah EPP2: Pemodenan melalui program transformasi kedai runcit kecil (TUKAR). Kajian TNS pada 2013 bahkan melaporkan bahawa 77 peratus peserta TUKAR meraih pulangan yang lebih tinggi setelah transformasi kedai mereka.

Secara keseluruhannya, usaha memperkemas sektor-sektor ekonomi ini di samping pelaburan yang lebih tinggi dalam bidang-bidang tersebut berjaya membuahkan hasil yang positif.


Pelaburan ternyata jelas lebih tinggi pasca-ETP berdasarkan CAGR setinggi 8.3 peratus bagi tempoh antara 2011 dan 2015, berbanding 5.3 peratus bagi tempoh antara 2006 dan 2010 (Rajah 2).

Selain itu juga, dalam tempoh lima tahun lepas, kita telah melihat betapa jurang pelaburan antara sektor awam dengan sektor swasta semakin melebar memandangkan jumlah pelaburan daripada sektor swasta yang kian meningkat (Rajah 3). Hal yang demikian ini adalah sejajar dengan aspirasi negara untuk memastikan sumbangan sektor swasta mencecah 92 peratus menjelang 2020.


Walau bagaimanapun, hakikat yang lebih penting adalah, dalam tempoh lima tahun lepas, Kerajaan sudah berjaya mengurangkan kebergantungan pada sumber minyak dan gas (Rajah 4) dengan memfokuskan pembangunan sektor-sektor ekonomi yang lain.



Rajah 2: Pelaburan Terealisasi semakin cepat diperoleh pasca-ETP, dipacu sektor swasta



Rajah 3: Sektor swasta menguasai nisbah pelaburan



Rajah 4: Kerajaan semakin kurang kebergantungannya terhadap sumber minyak

## Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan

Pelancaran GTP dan ETP telah berhasil mentransformasikan pendekatan perjawat awam terhadap tugas mereka. Dengan dasar yang lebih dinamik, responsif dan proses berasaskan perniagaan yang bertunjangkan metodologi penyelesaian masalah yang lebih kukuh, rakyat kini menyaksikan pembaikan yang amat ketara dari aspek hubungan dan maklum balas perjawat awam terhadap keperluan mereka. Budaya positif ini merupakan hasil usaha yang dilaksanakan di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah, Membanteras Rasuah dan Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam (PSDT).

Sehubungan dengan itu, pada 2015, Malaysia berjaya melompat tujuh mata dalam tinjauan Bajet Terbuka (*Open Budget*) oleh Bank Dunia. Peningkatan ini tercetus susulan daripada pengukuhan bidang kuasa Jabatan Ketua Audit Negara serta pembentangan Laporan Ketua Audit Negara kepada tiga kali setahun. Kedua-dua inisiatif penting ini dilaksanakan di bawah NKRA Membanteras Rasuah. Malah, Malaysia mencapai skor setinggi 46 daripada 100 menurut Indeks Bajet Terbuka, melepasi nilai purata global sebanyak 45, dan kedudukan Malaysia adalah setanding dengan India dan Ukraine, mengatasi kedudukan Thailand, Vietnam dan China. Sementara itu, skor Malaysia semakin baik dalam tahun-tahun kebelakangan, mencatatkan skor 39 pada tahun 2010 dan 2012 berbanding 35 pada tahun 2008.

Pengurusan Bahagian Susulan Audit (BSA) di Jabatan Ketua Audit Negara memainkan tiga peranan penting dalam usaha memantau jabatan-jabatan Kerajaan yang berdepan dengan isu seperti yang tercatat dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Peranan BSA termasuklah menguruskan Dashboard Ketua Audit Negara yang memaparkan status



Gambar ihsan daripada BERNAMA Images

tindakan susulan terhadap isu utama yang digariskan dalam Laporan tersebut. BSA turut berperanan sebagai sekretariat kepada Jabatan Tindakan Laporan Ketua Audit Negara dan kepada Inkuisiti Putrajaya membabitkan isu yang belum diselesaikan walaupun sudah melewati setahun.

Selain itu, agensi tersebut turut memantau semua maklum balas daripada pihak yang diaudit setiap suku tahun dan sekiranya isu itu masih belum dimuktamadkan, BSA akan membawa perkara tersebut ke meja perbincangan.

Bahkan, sebagai bukti komitmen Kerajaan untuk memastikan tiada ketirisan berlaku dalam penganugerahan kontrak Kerajaan, langkah pencegahan untuk mematahkan rasuah dalam sektor awam telah diwujudkan. Rentetan itu, setakat 2014, sebanyak 574,592 pakatan integriti yang ditandatangani sebagai kelangsungan inisiatif untuk melaksanakan pakatan integriti yang menyeluruh bagi projek kerjasama awam-swasta (PPP). Inisiatif ini dirangka berdasarkan model Transparency International kerana menyedari peri pentingnya standard antarabangsa dalam usaha memperkukuh keyakinan orang awam terhadap tadbir urus Kerajaan membabitkan perbelanjaan awam. Setakat 2015, semua syarikat yang terlibat dalam PPP telah memeterai perjanjian integriti dengan Unit Kerjasama Awam Swasta.

Dalam pada itu lagi, salah satu inisiatif terpenting terhadap pengurangan jenayah telah dibuat oleh NKRA Mengurangkan Jenayah dengan memperkenalkan program *Omnipresence* dan rondaan polis di kawasan kediaman untuk mengangkat ketampakan polis di kawasan sekitar dan mencegah kejadian pecah rumah. Inisiatif rondaan polis di kawasan kediaman bandar (URB) ini dirangka berdasarkan tanda aras Jabatan Polis Seattle dan Unit Rondaan Bermotosikal di bawah Jabatan Polis Michigan dan setakat lima tahun yang lepas, 2,111 tangkapan suspek telah dibuat.

Dengan bermodelkan Jadual Liga Penilaian Prestari Polis di England dan Wales, inisiatif Jadual Liga Balai di balai polis negara yang juga dibawakan oleh NKRA Mengurangkan Jenayah telah menyuntik suatu budaya prestasi tinggi dalam kalangan polis, malah turut mendorong balai polis setempat untuk beramah mesra dengan masyarakat setempat.

Sementara itu, dengan berbekalkan pelaburan bernilai antara RM900,000 dan RM1.1 juta, sebanyak 788 balai telah dinilai prestasinya pada setiap tahun dalam lima kategori, balai dengan pencapaian terbaik diberikan pengiktirafan berasaskan peratusan jenayah yang dikurangkan dan aktiviti kemasyarakatan yang dilakukan. Setakat 2014, penilaian prestasi ini

dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia dan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, sebuah NGO.

Sehubungan dengan pengiktirafan tersebut, pada tahun lepas, Balai Polis Muar telah berjaya meraih kedudukan teratas dengan diikuti oleh Balai Polis Sungai Besi. Bagi kesemua 5 kategori ini, balai polis yang menduduki tempat pertama dan kedua dianugerahkan insentif tunai, sijil penghargaan, Piala Liga Balai dan Lawatan Sambil Belajar untuk pemenang terpilih yang ditaja oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia.

Dalam perkembangan lain, kepantasan kadar ubanisasi ketika ini mewajarkan perkhidmatan yang lebih efektif dan cekap dibawakan oleh fasiliti penjagaan kesihatan negara. Usaha di bawah NKRA PSDT untuk mengoptimumkan aliran pesakit menerusi inisiatif LEAN, yang bertujuan mengurangkan waktu menunggu, rata-rata telah mencatatkan kejayaan.

Dalam hal ini, berbekalkan jumlah pelaburan sebanyak RM191,000, waktu menunggu di Hospital Sultan Ismail Johor Bahru (HSIJJB) bagi pesakit yang memerlukan pelbagai jenis rawatan telah banyak dikurangkan. Bahkan, waktu menunggu bagi pesakit kanser juga telah dikurangkan kepada 30 hari berbanding 120 hari dahulu, selaras dengan standard Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO). Hal ini sekali gus membolehkan klinik tersebut merawat lebih ramai pesakit, iaitu daripada 30 kepada 48 pesakit sehari, bersamaan dengan peningkatan 60 peratus pesakit. Selain itu, waktu menunggu di klinik ortopedik juga mencatatkan pengurangan waktu menunggu secara signifikan, iaitu 62 minit berbanding 115 minit sebelum ini.

Di samping itu, pelaburan berjumlah RM 1.29 juta di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang (HTAR) turut menyaksikan aliran pesakit di Jabatan

Kecemasan diperbaiki sehingga berupaya meningkatkan bilangan pesakit di Zon Hijau (zon bukan kritikal) yang dirawat dan dibenarkan pulang dalam tempoh kurang dua jam kepada tiga kali ganda, iaitu peningkatan 70 peratus berbanding 18 peratus sebelum ini.

Selain itu, kadar penggunaan katil wad perubatan juga telah banyak dikurangkan, sehinggakan peratusan pesakit yang dibenarkan pulang dalam tempoh empat jam meningkat kepada 100 peratus kini berbanding 72 peratus dahulu. Hal ini merupakan bukti penambahbaikan kemudahan dan perkhidmatan yang berupaya mempertingkatkan kapasiti katil wad kepada 42 peratus, justeru tempoh mendapat kebenaran pulang (atau discaj) juga diperbaiki.

Menjelang 2020, NKRA PSDT berhasrat untuk memperluas inisiatif LEAN ke seluruh negara, iaitu di 133 hospital milik Kementerian Kesihatan.

**“...waktu menunggu bagi pesakit kanser juga telah dikurangkan kepada 30 hari berbanding 120 hari dahulu, selaras dengan standard Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO). Hal ini sekali gus membolehkan klinik tersebut merawat lebih ramai pesakit, iaitu daripada 30 kepada 48 pesakit sehari, bersamaan dengan peningkatan 60 peratus pesakit.**



## Mewujudkan Persekitaran yang Mesra Perniagaan

**“Ukuran sebenar daya saing dan kematangan ekonomi sesebuah negara adalah kemampuannya untuk berdagang bebas dalam persekitaran yang liberal. Oleh hal yang demikian, sejak tahun-tahun kebelakangan, Malaysia telah mengambil dasar liberalisasi yang progresif. Proses liberalisasi tersebut dikoordinasi, diawasi dan dipantau oleh Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (MSDC) yang dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.**

Pelbagai dasar tindakan yang kukuh bertujuan mewujudkan persekitaran yang kompetitif telah berhasil membina sebuah asas kukuh bagi pertumbuhan yang mampan. Inisiatif difokuskan terhadap penciptaan persekitaran yang lebih efisien, kompetitif dan mesra perniagaan di Malaysia untuk menyemarakkan semangat juara tempatan agar berkembang ke tahap dunia sekali gus menarik pelibatan pelabur asing yang bernilai tinggi.

Justeru, perkembangan penting di bawah SRI Persaingan, Standard dan Liberalisasi ialah pelaksanaan Akta Persaingan 2010. Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan pada April 2011 untuk menguatkuasakan Akta Persaingan bermula 1 Januari 2012, dan bidang kuasanya merangkumi skop penerimaan dan penyiasatan aduan, mengeluarkan kata putus dan melaksanakan kajian pasaran untuk menilai bentuk dan tahap persaingan yang berlaku dalam kalangan industri dan sektor.

Inisiatif ini jelas mendapat sambutan besar berdasarkan peningkatan aduan yang diterima oleh MyCC, iaitu 232 aduan pada tahun 2015 berbanding 8 aduan pada tahun 2012.

Ekosistem standard di Malaysia juga telah diolah bagi memastikan perniagaan Malaysia mampu mengekalkan daya saing dengan menerapkan standard yang sewajarnya dalam produk dan perkhidmatan mereka. Setakat 2015, sejumlah 6,204 Standard Malaysia dibangunkan oleh agensi pembangunan standard yang dilantik. Daripada jumlah ini, 3,622 standard adalah setanding dengan standard antarabangsa. Malah, bagi mendorong pematuhan standard di Malaysia, Program Pematuhan Standard Nasional telah dilancarkan oleh Standard Malaysia pada 2014.

Namun, ukuran sebenar daya saing dan kematangan ekonomi sesebuah negara adalah kemampuannya untuk berdagang bebas dalam persekitaran yang liberal. Oleh hal yang demikian, sejak tahun-tahun kebelakangan, Malaysia telah mengambil dasar liberalisasi yang progresif. Proses liberalisasi tersebut dikoordinasi, diawasi dan dipantau oleh Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (MSDC) yang dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Lantaran itu, antara tahun 2010 dan 2020, 18 subsektor dikenal pasti

untuk menjalani liberalisasi secara berperingkat. 15 daripada 18 subsektor perkhidmatan ini menjalani liberalisasi pada tahun 2013, manakala tahun berikutnya menyaksikan liberalisasi tiga subsektor yang lain berserta penghapusan bebanan peraturan rumit yang menghambat sektor-sektor lain seperti pembinaan, penjagaan kesihatan, perkhidmatan profesional dan pendidikan tertiar.

Demi mengorak langkah selanjutnya dalam proses liberalisasi, Malaysia menjadi negara ahli dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). Demi memastikan kepentingan negara, TPPA akan membantu memperkukuh daya kompetitif negara dalam pasaran serantau dan global.

Dalam perkembangan lain, SRI Merapatkan Jurang Ketaksamaan yang dirangka khusus untuk mengangkat pembinaan keupayaan usahawan Bumiputera agar kehadiran mereka lebih terseleh dalam pasaran ekuiti, pekerjaan bernilai tambah dan bernilai tinggi serta dalam jawatan pengurusan turut memperlihatkan kejayaan dalam tempoh lima tahun lepas.

Sehubungan dengan itu, antara tahun 2010 dan 2015, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah menyediakan peluang pekerjaan, sokongan kewangan dan pembangunan modal insan bernilai RM63.39 bilion menerusi 23 program dan inisiatif lain untuk manfaat usahawan Bumiputera.

Syarikat Bumiputera yang berpotensi malah turut diberikan khidmat nasihat dan sokongan untuk penyenaian di Bursa Malaysia. Syarikat-syarikat tersebut dibimbing oleh Teraju dan Ekuinas untuk membangunkan perancangan IPO masing-masing bertujuan mempercepatkan penyenaian baharu di Bursa Malaysia, yang merupakan sebahagian daripada program Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJJB). Setakat ini, 11 syarikat telah disenaraikan sekali gus meningkatkan jumlah permodalan pasaran syarikat Bumiputera kepada RM5.62 bilion setakat Disember 2015 berbanding RM1.93 bilion sebelumnya.

# Memupuk Benih Bakat Demi Masa Depan

Kerajaan telah mencurahkan banyak usaha demi memperkukuh takungan bakat negara sejak permulaan NTP pada 2010. Usaha di bawah NKRA Pendidikan, NKEA Pendidikan dan SRI Pembangunan Modal Insan kini sudah membuahkan hasil, malah terbukti akan terus memberikan pulangan kepada negara.

NKRA Pendidikan telah mencatatkan 132 Sekolah Berprestasi Tinggi dalam tempoh lima tahun yang lepas. Angka ini bukan hanya mengatasi sasaran awal iaitu 100 sekolah seperti yang terkandung dalam Hala Tuju GTP 2.0, bahkan telah mengubah nasib ramai pelajar.

Dengan bersandarkan fokus untuk memastikan Sekolah Berprestasi Tinggi yang sudah tercapai mengekalkan standard dan kualiti mereka, Kementerian Pendidikan akan turut membantu sekolah lain yang berpotensi menjadi Sekolah Berprestasi Tinggi untuk turut mencapai status tersebut. Aspirasi menjelang 2020 turut merangkum hasrat negara agar sekolah-sekolah ini menjadi contoh atau 'role model' kepada sekolah-sekolah lain di samping mencetuskan sebuah wawasan untuk berdiri sebaris dengan sekolah bertaraf dunia yang bakal menjadi tanda aras sebagai sekolah bertaraf antarabangsa.

Dalam pada itu, program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) 1.0 yang bermula dalam Bahasa Melayu pada 2010 kini turut merangkumi Bahasa Inggeris sejak 2013 ketika LINUS 2.0 dilancarkan. Demi memastikan murid-murid sekolah rendah darjah 3 kompeten dalam komponen Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan numerasi sebelum melangkah ke darjah 4, tahun 2015 telah mencatatkan literasi murid dalam

Bahasa Melayu setinggi 98.6 peratus, Bahasa Inggeris setinggi 94.1 peratus dan numerasi mencecah 99.1 peratus.

Usaha ini turut mencakup penubuhan pasukan petugas LINUS yang bertanggungjawab memantau pencapaian dan prestasi murid secara terus-menerus dan pada tahap individu. Dalam hal ini, perkembangan murid disaring dua kali setahun untuk memantau sekiranya ada murid yang tercicir dan jika ada, murid tersebut akan dibimbing dengan latihan khusus menerusi kelas peralihan agar mereka setanding dengan murid-murid lain.

Kebimbangan tentang penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah dalam kalangan murid sekolah sudah begitu lama menghambat negara. Justeru, setelah dipertimbangkan secara mendalam, sebuah jalan penyelesaian yang penting dicapai pada tahun 2015.

Kata putus tersebut diperoleh selepas sesi makmal Bahasa Inggeris yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan dengan PADU dan PEMANDU sebagai pemudah cara. Dua buah program iaitu 'Highly Immersive Programme' (HIP)

dan 'Dual Language Programme' (DLP) telah diperkenalkan, selari dengan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia & Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) ketika ini.

Disebabkan polariti yang wujud dalam kalangan semua pihak terbabit, Kerajaan telah mengambil pendekatan jalan tengah yang menyaksikan pihak sekolah dan ibu bapa diberi kuasa untuk menentukan sama ada hendak melaksanakan program tersebut. Dalam erti kata lain, keputusan tidak lagi dibuat oleh pihak Kerajaan dalam menentukan dasar terbaik bagi sekolah berkaitan. Pendekatan ini diyakini sebagai jalan terbaik untuk masa depan sekali gus memberikan Kerajaan ruang untuk memfokuskan pewujudan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran.

Yang pasti, agihan kuasa kepada pihak sekolah dan ibu bapa dalam menentukan dasar terbaik untuk pelajar serta anak-anak mereka ialah perkembangan yang positif yang bakal menyaksikan pembaharuan lain, seiring matlamat untuk mengangkat sistem pendidikan Malaysia ke tahap dunia.



## Keterangkuman



Sedang kita mengejar status negara berpendapatan tinggi, sudah tentulah akan terdapat segelintir masyarakat yang terpaksa berhempas pulas agar tidak tercicir. Lantaran itulah, dalam tempoh lima tahun lepas, pasukan NKRA Mengurangkan Jenayah, Menangani Kos Sara Hidup Rakyat, Mempertingkatkan TarafKehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah dan Pembangunan Luar Bandar telah melaksanakan pelbagai langkah untuk merapatkan jurang ketaksamaan agar tercipta kesetaraan antara masyarakat yang mewah dengan masyarakat yang susah.

Justeru, dalam tempoh lima tahun ini, Program 1AZAM telah begitu banyak membantu keluarga miskin yang melarat. Berlatarkan enam program 1AZAM termasuklah AZAM Tani, AZAM Niaga, AZAM Kerja, AZAM Khidmat, AZAM Bandar serta 1AZAM Sabah dan 1AZAM Sarawak, masyarakat yang hidup susah dibimbing untuk menjana pendapatan yang lebih mampan dengan sokongan bantuan kewangan, latihan kemahiran dan sokongan motivasi. Hasilnya, kadar kemiskinan negara jatuh ke paras 1 peratus hari ini berbanding 3.8 peratus pada tahun 2009.

Malah, usaha gigih telah digiatkan menerusi pangkalan data e-Kasih yang dilancarkan untuk membantu golongan miskin dan daif dengan mengenal pasti permasalahan mereka agar bantuan dapat dihulurkan. Portal e-Kasih dengan

data yang terperinci ini menyenaraikan maklumat isi rumah yang memerlukan bantuan. Pada 2012, portal ini meraih Anugerah Perkhidmatan Awam daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Rentetan itu, pada Mei 2013 pula, Bank Pembangunan Asia (ADB) turut memperakui penurunan kadar kemiskinan masyarakat Malaysia yang hidup di bawah garis kemiskinan, dengan mencatatkan penurunan 55.3 peratus, angka terbesar berbanding negara-negara ASEAN yang lain.

Di samping itu, Laporan Pemantauan Ekonomi oleh Bank Dunia pada 2014 menggelarkan Malaysia sebagai “sebuah kisah kejayaan perkongsian kekayaan” kerana, walaupun semua isi rumah menikmati peningkatan pendapatan, kadar peningkatan tersebut adalah lebih ketara bagi golongan isi rumah pada lapisan terbawah dalam agihan kekayaan, sekali gus, jurang ketaksamaan turut menguncup. Dalam laporan yang sama, Bank Dunia memuji Malaysia kerana berupaya memanfaatkan sumber asli negara sepanjang 40 tahun yang lepas sehinggakan kadar kemiskinan mutlak hampir tiada sama sekali. Hal ini terbukti daripada penurunan kepada 1 peratus pada tahun 2014 berbanding 49 peratus pada tahun 1970.

Sementara itu, pembangunan yang mampan sudah tentu memerlukan faktor pertumbuhan yang wajar diagihkan kepada semua rakyat, tidak kiralah

mereka tinggal di bandar atau di kawasan pedalaman. Atas sebab inilah, NKRA Pembangunan Luar Bandar berusaha sehabis mungkin untuk memastikan standard sewajarnya dinikmati oleh semua warga Malaysia.

Justeru, GTP 2.0 berhasil memberikan akses air bersih yang dirawat kepada 345,665 isi rumah sementara 143,899 isi rumah yang lain kini dapat menikmati bekalan elektrik 24-jam sejak Disember 2015. Keduanya merupakan inisiatif Akses Air dan Elektrik dan disasarkan untuk memberi manfaat kepada 99 peratus isi rumah Malaysia menjelang 2020.

Selari dengan matlamat keterangkuman ini, NKRA Mengurangkan Jenayah melancarkan Program Penjara Berciri Industri pada 2013 ketika permulaan GTP 2.0 yang bertujuan untuk melenyapkan stigma terhadap bekas banduan ketika proses pemulihan dan untuk mengurangkan kadar ulang laku jenayah (residivisme). Susulan itu, setakat Disember 2015, seramai 1,757 banduan berjaya menamatkan latihan kemahiran di bawah Sijil Kemahiran Malaysia (SKM-SLDN), Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK-CIDB) dan program Pemanduan Kenderaan Perdagangan (Metro). Usaha ini disasarkan untuk mempertingkatkan kemahiran banduan agar peluang mereka memperoleh pekerjaan selepas dibebaskan lebih cerah. Ekoran itu, beberapa penjara diberikan kelengkapan bakeri “in-house” yang turut menyediakan latihan bakeri. Bahkan, inisiatif ini turut memperkenalkan elemen sendiri, yakni penjara berkenaan membekalkan roti hasil buatan mereka untuk kegunaan sendiri.

Usaha ini dimodelkan daripada program penjara di serata dunia seperti Program Pensijilan Peningkatan Kemahiran Industri Penjara di Amerika Syarikat, Unit Industri Penjara di Australia dan juga United Kingdom.

Maka, dalam menggapai aspirasi 2020, inisiatif ini diharapkan mampu mengurangkan peratusan kes ulang laku jenayah, meningkatkan bilangan bekas banduan yang memperoleh pekerjaan selepas pembebasan dan fasiliti bakeri yang dibina di penjara-penjara, termasuklah penjara sendiri yang mampu membekalkan sumber makanan mereka sendiri.

Dalam pada itu lagi, usaha untuk menangani bebanan peningkatan kos hidup telah menyaksikan pelancaran Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) oleh NKRA Menangani Kos Sara Hidup Rakyat yang menyediakan barangan runcit pada harga yang lebih murah, malah bermutu tinggi.

Dengan pelaburan sebanyak RM86 bilion dalam inisiatif ini, sejak 2011, barangan berjenama Produk Rakyat 1Malaysia bukan sahaja dijual di kedai atau outlet KR1M bahkan juga di kedai bukan KR1M. Sejumlah 185 KR1M<sup>5</sup> telah ditubuhkan di seluruh negara.

Selain itu, inisiatif Klinik 1Malaysia (K1M) turut dilancarkan dengan kemudahan akses rawatan perubatan atau khidmat nasihat hanya dengan bayaran RM1, khusus untuk manfaat rakyat. Kini, 334 K1M<sup>6</sup> beroperasi di seluruh negara.

## Kuala Lumpur: Bandar Berdaya Huni Menjelang 2020

Selaku hab ekonomi utama negara, sudah tentulah daya huni bandar Kuala Lumpur wajar berdiri sebaris dengan bandar-bandar bertaraf dunia yang lain. Aspirasi NKEA Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley adalah untuk tersenarai dalam kalangan 20 bandar terbaik dunia dari aspek pertumbuhan ekonomi di samping menduduki tangga 20 teratas dalam senarai daya huni bandar dunia menjelang 2020.

Menurut laporan 'Pendarafan Daya Huni' oleh Economist Intelligence Unit (EIU) pada 2015, Kuala Lumpur menduduki tangga ke-73 daripada 140 bandar, iaitu naik lima tangga berbanding kedudukannya pada tahun 2010.

Berlatarkan jangkaan bahawa Kuala Lumpur bakal dihuni oleh 10 juta orang menjelang 2020 berbanding 6 juta orang pada 2010, sebuah perancangan pembangunan yang mampan dan komprehensif perlu diwujudkan agar cabaran urbanisasi yang terlalu pantas kini dapat ditangani sebaik mungkin.

Oleh hal yang demikian, bandar seperti Singapura dan Taipei, yang terkenal dengan Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) yang meluas telah dijadikan contoh, justeru Malaysia juga telah melancarkan projek infrastrukturnya yang dianggap terbesar setakat ini di bawah NKEA Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley.

Dengan menyedari hakikat bahawa sistem rel bandar di Klang Valley perlu dipertingkatkan, Kerajaan menyuntik pelaburan bernilai RM32 bilion untuk pembinaan projek MRT Laluan 1 yang menjangkau dari Sungai Buloh ke Kajang. Perkhidmatannya dijangka bermula pada akhir 2016 dan sehingga 1.2 juta penumpang di sepanjang koridor ini bakal memanfaatkannya.

Sementara itu, MRT Laluan 2 akan menyaksikan stesen Sungai Buloh menembusi Serdang dan Putrajaya dengan 2 juta penumpang sepanjang koridor tersebut yang berupaya memanfaatkannya. Pembinaan Laluan 2 akan bermula kelak dan tarikh siapnya disasarkan pada suku kedua 2022.

Kedua-dua projek MRT tersebut akan memainkan peranan yang signifikan dalam usaha melegakan kesesakan lalu lintas di kawasan Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley.

Dengan perkhidmatan rel bersepadu sebagai tunjang utama rangkaian pengangkutan awam, NKRA Pengangkutan Awam Bandar turut berusaha meningkatkan kesalinghubungan penduduk menerusi inisiatif yang termasuk KTM Komuter, LRT Kelana Jaya dan Projek Pelanjutan LRT (LEP).

Dalam pada itu, KTM Komuter menyaksikan pelaburan bernilai RM1.98 bilion pada Mac 2012 untuk membeli 38 set tren enam gerabak untuk meningkatkan perkhidmatannya, lantas berjaya menambah bilangan penumpang harian sebanyak 46 peratus berbanding tahun 2012. Kekerapan perkhidmatan juga dipertingkat daripada tempoh satu jam waktu menunggu kepada 15 minit. Di samping itu, peningkatan kapasiti tren kini mampu memuatkan 1,100 penumpang untuk setiap set tren.



<sup>5</sup> 6 Setakat Disember 2015

Sementara itu, LRT Kelana Jaya memperoleh pelaburan bernilai RM1.65 bilion untuk melancarkan 35 set tren empat gerabak pada Mac 2010, sekali gus meningkatkan peratus penumpang harian sebanyak 19 peratus berbanding tahun 2011. Kekekapan perkhidmatan pula dipertingkatkan kepada hanya 2.5 minit ketika waktu puncak.

Namun begitu, tulang belakang jalinan pengangkutan awam negara

sudah tentulah tidak dibiarkan tanpa sokongan. Justeru, inisiatif perkhidmatan bas terus dikekalkan. Pada 2015, Malaysia menyaksikan bas rapid transit miliknya yang pertama, BRT Sunway beroperasi meliputi laluan sejauh 5.4km untuk manfaat penduduk Subang Jaya seramai 500,000 orang. Projek ini dimodelkan daripada sistem yang serupa di bandar-bandar padat penduduk seperti Curitiba dan Colombia.

Bandar-bandar lain seperti Adelaide, Perth dan Christchurch pula dijadikan contoh oleh NKRA Pengangkutan Awam Bandar yang telah melancarkan GO-KL, suatu inisiatif bas bandar percuma. Perkhidmatan tanpa tambang yang ditawarkan termasuk kekekapan bas setiap 15-20 minit telah dimanfaatkan oleh 40,000 penumpang Kuala Lumpur dengan kepadatan 1.7 penduduk setiap hari.

## Memastikan Usaha Pembangunan Sosioekonomi Kekal Mampan

Lima tahun terakhir yang harus kita kejar sebelum tiba di garis penamat 2020 amatlah penting yang memerlukan setiap pihak, termasuklah sektor swasta, untuk berusaha sehabis daya.

Satu sebab utama Malaysia keciciran berbanding negara lain yang juga mengejar status negara berpendapatan tinggi, contohnya Korea Selatan, sedangkan negara-negara tersebut berlepas dari tempat permulaan yang sama adalah berpunca daripada ketidakmampuannya untuk menerobos tembok yang tepat bagi mempertingkatkan pertumbuhan produktiviti. Tiada pendorong yang cukup ampuh untuk mencetuskan inovasi dalam kalangan syarikat-syarikat tempatan agar mereka mampu meraih pulangan lumayan pada pasaran global seperti yang telah dilakukan oleh jenama seperti Samsung dan Hyundai.

Hakikatnya, perniagaan Malaysia perlu berusaha menjadi lebih kompetitif pada peringkat global dan mereka sebenarnya tidak perlu berselisih sesama sendiri hanya untuk berebut pasaran tempatan yang kecil. Sudah tiba masanya syarikat-syarikat ini menyedari bahawa Kerajaan hanya boleh membantu mewujudkan persekitaran yang kompetitif, namun bukan peranan Kerajaan untuk mencetuskan inovasi. Dalam tempoh lima tahun yang akan datang, inovasi harus digerakkan oleh

syarikat-syarikat dengan diterajui oleh eksekutif dan semua pekerja terbabit.

Sehubungan dengan itu, sedang pasaran menjadi semakin liberal dan perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik bakal terlaksana sepenuhnya, perniagaan tempatan perlu mencari jalan untuk membangunkan produk dan perkhidmatan yang tiada tolok bandingnya dan tidak berasa gentar apabila bersaing dengan syarikat-syarikat terhandal. Kerajaan akan terus berperanan sebagai pemudah cara untuk mencipta sebuah persekitaran yang kondusif agar perniagaan berkembang maju.

Dalam pada itu, sebuah cabaran besar adalah usaha untuk membangunkan sebuah rangka kerja yang mantap membolehkan pembiayaan politik di Malaysia agar tercipta sebuah 'padang sama rata' dalam arena politik Malaysia. Walaupun pelbagai saranan telah diajukan seawal 2010, inisiatif ini masih belum terlaksana sepenuhnya kerana ahli politik di kedua-dua pihak tidak berasa terdorong untuk menguatkuasakan inisiatif ini. Walaupun penubuhan Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik pada Ogos 2015 memberikan sedikit harapan, masih banyak yang perlu dilakukan dan sokongan masih diperlukan untuk mendesak pembentukan peraturan kawal selia yang lebih kukuh melibatkan pembiayaan politik. Usaha ini sedang diteruskan.

**“Perniagaan Malaysia perlu berusaha menjadi lebih kompetitif pada peringkat global dan mereka sebenarnya tidak perlu berselisih sesama sendiri hanya untuk berebut pasaran tempatan yang kecil. Sudah tiba masanya syarikat-syarikat ini menyedari bahawa Kerajaan hanya boleh membantu mewujudkan persekitaran yang kompetitif, namun bukan peranan Kerajaan untuk mencetuskan inovasi. Dalam tempoh lima tahun yang akan datang, inovasi harus digerakkan oleh syarikat-syarikat dengan diterajui oleh eksekutif dan semua pekerja yang terlibat.**

## Teguh di Landasan

NTP sudah membuahkan hasil positif lima tahun selepas pelaksanaannya, justeru rakyat Malaysia harus yakin bahawa negara kita berada pada landasan yang tepat untuk merealisasikan negara berpendapatan tinggi. Namun, walaupun kita boleh menarik nafas lega apabila melihat hasil yang telah tercapai setakat ini, adalah penting untuk setiap pihak berpegang teguh pada matlamat akhir dan melaksanakan segala komitmen yang tercatat dalam hala tuju GTP dan ETP.

Kerajaan akan terus komited untuk menyempurnakan pelaksanaan NTP sehingga ke titik terakhir demi memastikan kemampanan, keterangkuman dan kepentingan negara.

Secara tuntasnya, kelak, apabila semua program tiba di garis penamat 2020, rakyat Malaysia akan bangkit dan mendabik dada kerana telah menyaksikan bahawa, antara 2010 dan 2020, setiap warga Malaysia berpadu dan bersatu secara kolektif demi menyokong transformasi negara untuk melahirkan sebuah Malaysia yang lebih utuh demi kelangsungan generasi akan datang.





# PERTUMBUHAN, KEYAKINAN DAN DAYA TAHAN

**DATO' SRI IDRIS JALA**

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, UNIT PENGURUSAN PRESTASI DAN PELAKSANAAN (PEMANDU)

**“ Mengetahui bahawa tiada kembara yang sunyi daripada sebarang cabaran, kita melangkah ke tahun 2016 dari suatu kedudukan yang kukuh, keazanam untuk berjaya dan kecekalan untuk meneruskan perjalanan. hingga kita mencapai status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020.**

**K**ami memulakan perjalanan transformasi dengan mengambil pendekatan berbentuk intervensi, menangani cabaran yang memerlukan keberhasilan yang besar lagi pantas. Hari ini, kami telah mengubah pendekatan untuk mengekalkan dan menginstitusikan perubahan. Sejak diperkenalkan pada tahun 2010, prakarsa transformasi kami telah berkembang maju mengikut pelan, disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang kukuh tahun demi tahun.

Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Performance Monitoring and Delivery Unit, PEMANDU), saya telah diberi mandat untuk memantau kemajuan Program Transformasi Kerajaan (Government Transformation Programme, GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme, ETP). Bersama-sama dengan perkhidmatan awam, sektor swasta dan seluruh rakyat Malaysia, kami telah menyempurnakan tahun keenam transformasi negara.

Bagi tahun 2015, saya ingin berkongsi tinjauan keseluruhan yang

holistik tentang kesan pelaksanaan program GTP dan ETP terhadap Malaysia. Laporan ini akan menjelaskan kisah pertumbuhan, keyakinan dan daya tahan Malaysia yang telah dicetuskan oleh transformasi.

Laporan ini merupakan bukti komitmen perkhidmatan awam, sektor swasta dan ramai rakyat Malaysia, yang telah menyumbang tanpa mengenal erti penat dan jemu kepada matlamat untuk membawa Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Laporan ini mengetengahkan kemajuan selama lima tahun; perspektif transformasi yang menyeluruh dan mendalam, menampilkan usaha hebat yang telah dilaksanakan dalam tempoh tersebut dan impak yang terhasil terhadap rakyat.

Kami akan turut membentangkan perkembangan tahunan GTP dan ETP pada tahun 2015, berpegang teguh kepada hasrat untuk memikul akauntabiliti terhadap rakyat atas komitmen yang telah dibuat ketika kami melancarkan Pelan Hala Tuju GTP dan ETP pada tahun 2010.

# Pertumbuhan Mampan

Kisah Malaysia secara konsisten diterajui oleh pertumbuhan. Ini termasuk kemajuan dalam kerajaan, kemajuan dalam ekonomi dan kemajuan dalam masyarakat secara keseluruhan.

Kerajaan pada hari ini berada pada kedudukan yang lebih baik untuk melaksanakan perkhidmatan awam dengan berkesan, dan telah mengekalkan usaha yang berterusan untuk mewujudkan taraf kehidupan yang lebih baik untuk semua. Termasuk dalam kemas kini tahunan yang dimuatkan dalam laporan ini ialah kisah perubahan hidup yang telah dicetuskan oleh komitmen bersama terhadap transformasi.

Saya berbesar hati dan bertuah dapat mendengar cerita tentang harapan dan keazaman daripada beberapa rakyat Malaysia, yang menjadi saksi kepada transformasi sosial dan ekonomi yang amat hebat dan membanggakan dalam kalangan mereka.

Chik Azmily yang berasal dari Kelantan merupakan salah seorang daripada rakyat Malaysia ini. Gaji sebanyak RM500 sebulan sebagai buruh harian tidak memadai, kerana jumlah itu tidak mencukupi bagi Chik Azmily untuk menyara keluarganya. Melalui inisiatif 1AZAM Tani yang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (Malaysian Agricultural Research and Development Institute, MARDI), lelaki berusia 31 tahun ini berupaya meningkatkan pendapatan bulannya sebanyak sepuluh kali ganda kepada RM5,000, sekali gus membebaskan keluarganya daripada cengkaman kemiskinan tegar.

Daripada kisah transformasi individu, terdapat juga kisah perubahan infrastruktur yang luar biasa. Salah satu kisah yang benar-benar menyerlah ialah ribuan rakyat Malaysia yang bekerjasama

untuk menjadikan fasa pertama MRT Lembah Klang aliran Sungai Buloh - Kajang (SBK) satu realiti. Mereka yang tinggal di kota dapat mengesahkan penyesuaian awal yang dibawa oleh projek infrastruktur pada skala yang tidak pernah berlaku di Malaysia sebelum ini. Namun pada hari ini, kita berada pada fasa penamat Aliran 1 dan tidak lama lagi, negara akan merasai impak projek yang begitu besar ini.

Semua ini terangkum di bawah sepanduk pertumbuhan ekonomi mampan yang diterajui oleh sektor swasta. Mengatasi pertumbuhan global 2.4 peratus pada tahun 2015, Malaysia mencapai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang kukuh sebanyak 5 peratus. Antara tahun 2010 hingga 2015, KDNK meningkat 30 peratus daripada RM797.3 bilion kepada RM 1.13 trilion (Rajah5).


Pertumbuhan yang dijana oleh pelaburan dan penggunaan berterusan daripada sektor swasta ini membanggakan, sejajar dengan aspirasi ETP untuk melihat peningkatan

penyertaan sektor swasta dalam memacu ekonomi ke hadapan.

Selain pertumbuhan, saya ingin menekankan bahawa meskipun pengenalan langkah seperti Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST) dan kesan rasionalisasi subsidi bahan api, inflasi kekal terkawal, dengan Indeks Harga Pengguna (Consumer Price Index, CPI) mencatat 2.1 peratus pada tahun 2015 berbanding dengan 3.2 peratus pada tahun 2014.

Apabila kami memberikan keutamaan kepada pertumbuhan ekonomi, kami bekerja keras untuk memastikan bahawa kami telah dan sentiasa mempunyai pendekatan pengembangan yang sederhana. Strategi terukur dan berhemat ini telah membina keupayaan kami untuk memperoleh hasil pertumbuhan yang melepasi anggaran.

Langkah yang dilaksanakan oleh Malaysia antara 2010 hingga 2015 untuk lebih berdaya tahan dari segi fiskal jelas membuahkan hasil.



Rajah 5

Sejak tahun 2013, Malaysia kekal dalam “Zon Selamat” fiskal, iaitu satu ukuran yang menunjukkan kekukuhan fiskal negara, yang menghendaki hutang awam berada di bawah 75


peratus daripada KDNK sementara defisit dikekalkan pada empat peratus daripada KDNK atau kurang (Rajah6).

Pada tahun 2015, defisit fiskal terus dikurangkan mengikut sasaran,

iaitu pada 3.2 peratus daripada KDNK berbanding dengan 5.4 peratus pada tahun 2010.

Sementara itu, hutang awam Malaysia berjumlah 54.5 peratus daripada KDNK, kekal di bawah siling hutang menurut undang-undang, iaitu 55 peratus daripada KDNK. Pada tahun 2015, hutang yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan ialah 15.3 peratus daripada KDNK. Ini meletakkan hutang Kerajaan di bawah 70 peratus, sekali gus memenuhi keperluan ‘Zon Selamat’.

Banyak kerajaan di seluruh dunia berhasrat mencapai situasi ini tetapi untuk memperoleh ‘Zon Selamat’ ini, keputusan dasar yang tegas dan tidak popular terpaksa dibuat. Pada tahun 2015, kami terus membangunkan daya tahan fiskal dengan memantau rasionalisasi subsidi dan pengurangan perbelanjaan yang tidak penting terhadap penawaran, perkhidmatan dan pembelian aset. Pada bulan April 2015, GST telah dilaksanakan sekali gus membantu mewujudkan penampungan bagi hasil kerajaan dalam persekitaran harga minyak yang rendah.



Rajah 6

## Keyakinan dan Pengesahan

Dalam satu nota<sup>1</sup> baru-baru ini, Perkhidmatan Penarafan Standard & Poor’s (S&P) memperakukan bahawa Malaysia akan terus kekal berada pada landasan pertumbuhan yang kukuh, dengan menyatakan bahawa, “eksport barangan perkilangan dan pertumbuhan dalam penggunaan swasta dan pelaburan mungkin memacu pengembangan”.

Prestasi sektor swasta dalam ekonomi baru-baru ini boleh dijadikan bukti kepada trajektori yang dijangkakan ini. Kami yakin bahawa sektor swasta akan terus memainkan peranannya dalam memacu penggunaan, yang

seterusnya menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Pada tahun 2015, penggunaan swasta sebanyak 52.4 peratus KDNK, ialah empat kali lebih banyak daripada penggunaan awam, iaitu 13.5 peratus (Rajah 7). Secara keseluruhan, penggunaan merangkumi 65.9 peratus daripada KDNK (Rajah 1.14). Trend ini, yang berterusan sejak lima tahun lalu, disokong oleh sektor swasta yang berkembang maju, pelaburan yang meningkat, keadaan pasaran pekerja yang stabil dan pertumbuhan upah.

Sepanjang tempoh lima tahun transformasi ekonomi, sektor swasta turut berkembang dan mempunyai bahagian nisbah pelaburan yang ketara lebih besar. Pada tahun 2015, sektor swasta menyumbang 65 peratus daripada jumlah pelaburan di Malaysia, sementara

selebihnya disumbangkan oleh sektor awam (Rajah 8).


Pelaburan terealisasi (*realised investments*) meningkat dengan pesat antara tahun 2011 hingga 2015 pada kadar pertumbuhan tahunan terkompoun (compound annual growth rate, CAGR) sebanyak 8.3 peratus, berbanding dengan hanya 5.3 peratus antara tahun 2006 hingga 2010. Ruang ini juga didominasi oleh sektor swasta, berikutan pelaksanaan ETP pada bulan September 2010 (Rajah 9).

Ini merupakan senario awal yang cemerlang kepada aspirasi untuk mendorong peserta sektor swasta memiliki bahagian pelaburan yang besar, iaitu sasaran 92 peratus daripada jumlah pelaburan menjelang tahun 2020.

Amat penting bagi kita melaksanakan usaha ini, demi meraih pertumbuhan

<sup>1</sup> Pengesahan S&P dalam Penarafan Mata Wang Asing dan Tempatan Malaysia. Sumber: <http://www.bernama.com/bernama/v8/bu/newsbusiness.php?id=1229527>


## Penggunaan Sektor Swasta yang Mendorong Peningkatan Pertumbuhan KDNK



Nota: Angka yang digunakan adalah harga tetap  
Sumber: BNM

Rajah 7


## Sektor Swasta Menguasai Nisbah Pelaburan



Sumber: Anggaran Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi (Harga Tetap 2010)

Rajah 8

## Pelaburan Terealisasi semakin cepat diperoleh pasca-ETP



Sumber: Anggaran Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi (Harga Tetap 2010)

Rajah 9

yang mampan dan bertanggungjawab untuk Malaysia. Jika sektor swasta dapat menjadi peneraju dalam menarik pelaburan ke Malaysia, Kerajaan akan dapat memberikan tumpuan pada usaha membangunkan persekitaran yang kondusif dan mesra perniagaan untuk membolehkan pertumbuhan sektor, dan pada masa yang sama meneruskan usaha untuk menambah baik kualiti kehidupan, kebajikan rakyat dan mengukuhkan institusi negara.


Banyak inisiatif kini telah dilaksanakan dengan ketara untuk meningkatkan keyakinan terhadap institusi sektor awam negara. Kami telah mencatat beberapa kemajuan dalam NKRA Membanteras Rasuah, yang memperluas Ikrar Integriti Korporat kepada Sistem Integriti Korporat Malaysia, selain memperkenalkan pembaharuan pada cara Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan dan diambil tindakan, di samping mendidik generasi muda tentang akibat membiarkan amalan rasuah.

Kami juga telah memperkukuh NKRA Mengurangkan Jenayah yang memfokuskan usaha mengurangkan jenayah indeks, terutamanya jenayah jalanan. Skop NKRA ini telah disemak semula untuk memperkukuh pencegahan kecurian kenderaan, pecah masuk rumah dan menangani isu ulang laku jenayah meneruskan usaha meningkatkan kemahiran banduan. Semua ini dilakukan untuk memastikan rakyat berasa selamat dan dilindungi di negara mereka sendiri.

NKRA Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam (Public Service Delivery Transformation, PSDT) terus membina keupayaan perkhidmatan awam, agar perkhidmatan awam berupaya menyampaikan perkhidmatan berkualiti tinggi dengan cekap dan berkesan kepada rakyat, selain membina keyakinan dan kepercayaan rakyat apabila mereka menyaksikan sendiri kemajuan sedemikian.

Perkongsian telah diwujudkan dengan pelbagai kementerian dan aliran kerja utama mereka telah diperiksa dan dinilai. Kami telah mencatat kejayaan awal dalam banyak inisiatif transformasi sedemikian.

## Kedudukan Malaysia Dalam Laporan Daya Saing



Rajah 10

Semasa transformasi Gym1Malaysia misalnya, projek rintis mencatat peningkatan enam kali dalam bilangan pelawat. Dalam projek transformasi 'kerosakan lif DBKL', projek rintis telah berjaya mengurangkan masa kerosakan sebanyak 50%.

Projek rintis peningkatan kecekapan ini dimulakan dengan hasrat untuk meluaskannya ke peringkat nasional. Salah satunya ialah program Penjagaan Kesihatan LEAN (LEAN Healthcare), iaitu usaha untuk mengurangkan masa menunggu pesakit dan meningkatkan pengalaman pesakit di hospital kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan. Pegawai penjagaan kesihatan yang berdedikasi telah berjaya mengurangkan masa menunggu di 16 hospital dan pelan sedang dijalankan untuk memperluas projek yang berjaya

ini ke semua hospital di seluruh negara.

Dengan dasar yang betul, program yang berkesan dan transformasi ekonomi yang progresif, kisah Malaysia telah menjadi fokus pelbagai kajian dan penilaian antarabangsa, sekali gus menjadi penunjuk kepada keyakinan yang jelas di samping penglibatan Malaysia secara beransur-ansur ke dalam ekonomi dunia sebagai peserta global yang berpengaruh.

Pada bulan September 2015, Forum Ekonomi Dunia meletakkan Malaysia antara 20 negara paling berdaya saing di dunia dalam Laporan Daya Saing Global 2015-2016. Di tempat ke-18, Malaysia memperoleh kedudukan tertingginya sejak tahun 2005, selain turut menjadi ekonomi Asia sedang membangun yang meraih kedudukan paling tinggi (Rajah 10).

Laporan 'Ease of Doing Business' 2015 oleh Bank Dunia turut memberikan penilaian yang positif tentang Malaysia, dengan menyebut persekitaran perniagaan yang bertambah baik sepanjang setahun lalu, sekali gus menempatkan negara dalam kumpulan 20 ekonomi global teratas dan negara pertama dalam kalangan ekonomi Asia Timur yang sedang pesat membangun dari segi kemudahan menjalankan perniagaan.

Tahun 2015 menandakan satu lagi acara penting dalam takwim transformasi kerana Malaysia menjadi hos dalam Global Transformation Forum yang julung kali diadakan. Lebih 3,000 perwakilan daripada 70 buah negara yang terdiri daripada pemimpin transformasi ikonik dan individu-individu daripada sektor swasta dan sektor awam dengan berkongsi cerita-cerita transformasi mereka daripada perspektif peribadi, organisasi dan negara.

Keupayaan Malaysia untuk bersaing pada peringkat global, merupakan hasil usaha kita membangunkan keupayaan negara untuk bertindak balas secara proaktif terhadap kesan ekonomi yang dicituskan oleh ketidakpastian global. Ketegangan geopolitik, turun naik mata wang dan harga komoditi, dikatakan telah melembapkan pemulihan ekonomi global. Namun, kisah pertumbuhan dan keyakinan Malaysia menawarkan alternatif dan perspektif yang meyakinkan tentang daya tahan sesebuah negara.

## Membina Daya Tahan Untuk Masa Hadapan

Memang tidak disangkal lagi bahawa tahun 2015 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran. Nilai ringgit terjejas, seperti kebanyakan mata wang global lain, berikutan kesan buruk kejatuhan harga minyak yang mendadak dan perubahan pola permintaan global,

apabila ekonomi besar seperti AS, Zon Euro dan China berusaha memperkukuh ekonomi negara masing-masing.

Hasil daripada trend ekonomi global, kami menjangkakan ambang pendapatan tinggi, seperti yang dikira oleh Bank Dunia, akan berkurangan pada tahun 2015 disebabkan susut nilai ketara Euro dan Yen berbanding dengan USD. Daripada USD12,735 pada tahun 2014, kami mengunjurkan ambang akan berkurangan kepada USD12,303<sup>2</sup>.

Di samping itu, seperti banyak negara lain yang mengalami susut nilai mata wang berbanding dengan dolar AS,

Malaysia bukanlah bersendirian dalam mengalami kesan faktor luaran ini. Pada tahun 2015, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita, iaitu ukuran tahap pendapatan negara menurut Bank Dunia, menurun kepada USD10,110 pada tahun 2015, berbanding dengan USD10,760 pada tahun 2014. Ini disebabkan purata kadar pertukaran pada tahun 2015 turut mengambil kira penurunan nilai mata wang berbanding dengan USD pada separuh kedua tahun tersebut.

Walau bagaimanapun, dengan ringgit yang terus mengukuh untuk mencerminkan asas benar pada

<sup>2</sup> Unjuran PEMANDU berdasarkan pengiraan PNK per kapita Bank Dunia menggunakan Kaedah Atlas

bulan-bulan akan datang, dan apabila transformasi ekonomi Malaysia terus menunjukkan hasil, kami tetap yakin bahawa sasaran status negara berpendapatan tinggi akan dapat dicapai menjelang tahun 2020.

Di samping pembedahan pasaran dan keadaan luaran yang bertambah baik, kami turut melihat pertumbuhan

dalam hasil Kerajaan. Meningkat kepada RM165.4 bilion pada tahun 2015, iaitu 0.8 peratus lebih tinggi berbanding dengan kutipan pada tahun 2014, peningkatan ini berpunca daripada kutipan GST, yang dianggarkan berjumlah RM27 bilion pada tahun 2015, sekali gus menampakan tabung kerajaan daripada terlalu terjejas akibat royalti dan cukai minyak yang

lebih rendah disebabkan kejatuhan teruk dalam minyak mentah Dated Brent daripada USD100 setong kepada USD50 setong.


Analisis turut mendedahkan bahawa CAGR bagi hasil cukai antara tahun 2011 hingga 2015 berkembang 8.6 peratus berbanding dengan 6.3 peratus antara tahun 2006 hingga 2010. Ini merupakan petanda positif bahawa Kerajaan berada pada landasan yang betul dengan pelaksanaan langkah pengukuhan untuk mempertingkatkan daya tahan fiskal negara (Rajah 11).

Kepelbagaian sektor NKEA yang lebih meluas turut mengurangkan dengan ketara kebergantungan Kerajaan kepada hasil minyak. Pada tahun 2015, hasil minyak Malaysia jatuh kepada anggaran 21.5 peratus selepas harga minyak merosot dengan mendadak kepada kurang USD50 setong bagi minyak mentah Dated Brent, jauh berbeza dengan hasil yang lazim diterima oleh Kerajaan sebelum tahun 2010 (Rajah 12).

Sekiranya negara tidak melaksanakan ETP untuk membangunkan lagi dan menarik pelaburan ke dalam sektor ekonomi yang Malaysia mempunyai kekuatan kompetitif, situasi ini pastinya mencemaskan. Walau bagaimanapun, seperti yang dilihat daripada (Rajah 13), struktur PNK Malaysia cukup pelbagai, dengan sumbangan yang diberikan oleh NKEA lain untuk mengimbangi tekanan daripada harga minyak yang rendah.

**Keupayaan Malaysia untuk bersaing pada peringkat global merupakan hasil usaha kita membangunkan keupayaan negara untuk bertindak balas secara proaktif terhadap kesan ekonomi yang dicituskan oleh ketidaktentuan global.**


## Peningkatan Hasil Kerajaan



Sumber: Kementerian Kewangan

Rajah 11

## Kerajaan semakin kurang kebergantungannya terhadap sumber minyak



Sumber: Kementerian Kewangan

Rajah 12

SEKTOR NKEA	Sumbangan KDNK pada harga semasa (RM bilion)
Pertanian	64.5
Minyak Sawit dan Getah	61.0
Minyak, Gas dan Tenaga	171.1
Elektrik dan Elektronik	53.0
Borong & Runcit	168.6
Pendidikan	9.0
Penjagaan Kesihatan	9.8
Kandungan Komunikasi & Infrastruktur	51.0
Pelancongan	67.1
Perkhidmatan Kewangan	62.7
Perkhidmatan Perniagaan	46.2
Industri-industri lain	360.8
<b>JUMLAH KNK</b>	<b>1,124.7</b>

Rajah 13

Penting diambil perhatian bahawa meskipun keperluan untuk mengkaji semula Belanjawan 2016 negara dan mengambil langkah berjaga-jaga untuk menampai diri kita daripada kemungkinan kemelesetan ekonomi global, Kerajaan tidak akan mengurangkan projek pembangunan modal dan akan meneruskan pelan yang telah ditetapkan dalam hal ini.

Meskipun berdepan dengan ekonomi yang perlahan, beberapa projek besar di Malaysia, seperti pembangunan MRT dan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang, tidak terhalang dan terus berjalan lancar.

Kerajaan juga kekal komited untuk memastikan kisah pertumbuhan, keyakinan dan daya tahan Malaysia akan turut menjadi naratif yang inklusif. Keutamaan kepada rakyat yang tinggal

di kawasan luar bandar dan isi rumah berpendapatan rendah masih menjadi agenda utama, dalam usaha kami untuk memastikan mereka dapat menikmati pembangunan dan kekayaan ekonomi negara, dan supaya kenaikan kos sara hidup tidak terlampau membebankan rakyat, terutamanya golongan berpendapatan 40% terendah dalam piramid pendapatan (B40).

Kembara transformasi kita telah mencetuskan komitmen untuk sistem manfaat sosial yang lebih tersasar dan terselaras. Untuk mencapai tujuan ini, BR1M yang menyasarkan bantuan wang tunai terus kepada isi rumah yang berpendapatan kurang RM4,000 sebulan, telah membantu golongan yang memerlukan.

Lebih 7.1 juta rakyat Malaysia telah menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia

(BR1M) pada tahun 2015, dan daripada jumlah tersebut, kira-kira 4.6 juta isi rumah menerima BR1M pada tahun 2014 dan 2015. BR1M telah ditambah setiap tahun sejak pengenalannya, iaitu sebanyak RM500 bagi setiap isi rumah (yang berpendapatan RM3,000 atau kurang) kepada RM950 pada tahun 2015.

Dengan menyalurkan sumber yang kurang kepada kumpulan sasaran yang lebih, kami dapat menyalurkan sumber untuk mewujudkan impak yang lebih besar dan pada masa yang sama, menjadikan peruntukan subsidi lebih cekap. Ini untuk memastikan bahawa tiada sesiapa yang ditinggalkan keciciran dalam kembara transformasi negara kita untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi.

## Mengekalkan fokus dan terus komited

Tidak diragui lagi bahawa tahun 2016 merupakan tahun yang mencabar bagi negara kita disebabkan ekonomi global yang mencabar. Seperti semua negara lain, Malaysia akan turut terjejas, namun, kita masih boleh berasa lega meskipun berdepan masa yang penuh ujian ini, bukan sahaja tidak mengalami pengecutan, ekonomi Malaysia malah mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 5 peratus pada tahun 2015, dengan agensi luar seperti Bank Dunia, IMF, Moody's dan lain-lain memuji Kerajaan kerana telah mengambil langkah-langkah yang betul untuk mempelbagaikan ekonomi dan membina daya tahan fiskal.

Usaha gigih yang telah dilaksanakan dan keputusan sukar yang diambil dalam beberapa tahun kebelakangan sejak NTP mula diperkenalkan kini membuahkan hasil yang positif. Kita mampu mengekalkan pertumbuhan. Kita terus meraih keyakinan. Kita berdaya tahan dalam menghadapi cabaran global.

Namun, usaha tidak terhenti di sini. Masih ada empat tahun lagi sebelum tiba di garisan penamat NTP pada tahun 2020. Kerajaan, bersama-sama dengan sektor swasta, mesti terus nekad, meneruskan rancangan dan kekal komited untuk melihat program ini disempurnakan pada tahun 2020.

Salah satu bidang keutamaan dalam beberapa tahun akan datang ialah memupuk lebih ramai 'juara Malaysia'. Syarikat tempatan hendaklah terus mempertingkatkan inovasi agar dapat berkembang maju dalam pasaran global dengan produk dan perkhidmatan bertaraf dunia yang berdaya saing. Sektor awam tidak harus teragak-agak dalam usahanya untuk memperkemas dan

menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan, dan pada masa yang sama bertanggungjawab dan telus dalam penyampaian.

Pada kesempatan ini, saya benar-benar ingin menekankan betapa pentingnya mengekalkan momentum yang telah terbina sepanjang enam tahun lalu untuk kita mencapai status berpendapatan tinggi dengan cara yang inklusif dan mampan.

Mengetahui bahawa tiada kembara yang sunyi daripada sebarang cabaran, kita melangkah ke tahun 2016 dari suatu kedudukan yang kukuh, keazaman untuk berjaya dan kecekalan untuk meneruskan perjalanan hingga kita mencapai status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

**“...usaha tidak terhenti di sini. Masih ada empat tahun lagi sebelum tiba di garisan penamat NTP pada tahun 2020. Kerajaan, bersama-sama dengan sektor swasta, mesti terus nekad, meneruskan rancangan dan kekal komited untuk melihat program ini disempurnakan pada tahun 2020.**





# NTP

## BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA (NKRA)

- 32 Menangani Kos Sara Hidup Rakyat
- 38 Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar
- 46 Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar
- 56 Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah
- 64 Memastikan Pendidikan Berkualiti
- 78 Mengurangkan Jenayah
- 88 Membanteras Rasuah
- 96 Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam

## BIDANG EKONOMI UTAMA NEGARA (NKEA)

- 106 Greater Kuala Lumpur/Klang Valley
- 124 Minyak, Gas dan Tenaga
- 134 Perkhidmatan Kewangan
- 144 Pemborongan dan Peruncitan
- 152 Minyak Sawit dan Getah
- 164 Pelancongan
- 172 Elektrik dan Elektronik
- 180 Perkhidmatan Perniagaan
- 190 Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi
- 198 Pendidikan
- 212 Pertanian
- 220 Penjagaan Kesihatan

## INISIATIF PEMBAHARUAN STRATEGIK (SRI)

- 232 Persaingan, Standard dan Liberalisasi
- 244 Pembaharuan Kewangan Awam
- 250 Merapatkan Jurang Ketaksamaan
- 256 Pembangunan Modal Insan

# KEPENTINGAN MEMBANGUNKAN JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL YANG LEBIH FOKUS DAN BAIK



**DATO' SERI DR.  
AHMAD ZAHID HAMIDI**

TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

NKRA Menangani Peningkatan Kos Sara Hidup Rakyat (*Cost of Living*, COL) terus menjadi bidang keutamaan bagi kerajaan; mengurangkan beban ekonomi masyarakat yang sedang menyesuaikan diri dengan peralihan kepada status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

NKRA Menangani Kos Sara Hidup Rakyat jelas berbeza daripada enam NKRA yang lain. NKRA ini menangani kebimbangan rakyat menerusi langkah reaktif berterusan – inisiatif jaringan keselamatan sosial dilaksanakan mengikut keperluan sebagai tindak balas terhadap keadaan pasaran – untuk melindungi kebajikan rakyat Malaysia, khususnya golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dari segi ekonomi. Menerusi NKRA ini, bantuan jangka pendek dan segera disampaikan kepada golongan masyarakat yang terjejas, untuk membantu mereka menangani kos sara hidup yang meningkat dan mengurus perbelanjaan isi rumah dengan lebih berkesan.

Mengimbas kembali tahun 2015, beberapa pencapaian penting berjaya dilaksanakan untuk membantu kerajaan menyusun model perbelanjaan awam yang lebih

cepat dan kurang membebankan untuk jaringan keselamatan negara. Dalam usaha menghapuskan subsidi menyeluruh yang tidak cekap, dan mewujudkan sistem yang lebih khusus agar dapat dinikmati oleh golongan yang benar-benar memerlukan, rasionalisasi subsidi telah dilaksanakan. Di samping itu, pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 6 peratus (*Goods and Services Tax, GST*) pada bulan April 2015 – cukai yang lebih berkesan dan meluas – menyediakan lebih banyak dana kepada kerajaan untuk membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat.

Meskipun penting, pengenalan GST dan aktiviti rasionalisasi subsidi secara tidak langsung telah menyumbang kepada kenaikan harga barangan dan perkhidmatan, sekali gus memberikan tekanan tambahan kepada rakyat. Menyedari kepentingan langkah ini dalam memperkukuh daya tahan kewangan jangka panjang negara, kerajaan akan terus mengimbangi kesan kenaikan harga dan terus fokus dalam melaksanakan inisiatif NKRA COL untuk membantu rakyat Malaysia yang memerlukan selagi mereka memerlukannya.

“*BB1M membantu mengurangkan sedikit beban kewangan saya sebagai pelajar, kerana saya lebih gemar membeli buku teks asal yang baharu.*”

— Rachel Ruran Leong

Pelajar Universiti Malaysia Sarawak

**M**enerusi Program Transformasi Nasional, beberapa inisiatif khusus untuk menampung golongan berpendapatan 40 peratus terendah daripada ketidakpastian ekonomi dan membantu mereka untuk lebih berdaya tahan dari segi kewangan telah diperkenalkan

NKRA COL mengambil dua pendekatan dalam melaksanakan objektifnya untuk memberikan kelegaan segera kepada rakyat. Pertama, dengan memberikan bantuan wang tunai terus secara bersasaran menerusi program seperti BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia), BB1M (Baucar Buku 1Malaysia) dan BKAP1M (Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia). Kedua, melalui peningkatan ketersediaan (dan kebolehcapaian) keperluan asas dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan seperti K1M (Klinik 1Malaysia), KR1M (Kedai Rakyat 1Malaysia) dan MR1M (Menu Rakyat 1Malaysia).

#### DALAM NKRA INI

1

Bantuan Secara Langsung Kepada yang Memerlukan

2

Meningkatkan Ketercapaian kepada Barangan Asas

1

## Bantuan Secara Langsung Kepada yang Memerlukan

Melalui program seperti BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia), BB1M (Baucar Buku 1Malaysia) dan BKAP1M (Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia), kumpulan rakyat Malaysia yang disasarkan akan diberi bantuan wang tunai secara langsung, agar mereka dapat mengurus kos keperluan asas dan pendidikan dengan lebih baik.

Inisiatif BR1M merupakan bantuan wang tunai secara langsung yang disasarkan kepada isi rumah yang berpendapatan kurang RM4,000 sebulan. Jumlah BR1M yang diberikan turut meningkat tahun demi tahun sejak BR1M mula diperkenalkan, iaitu RM500 kepada RM950 pada tahun 2015 bagi setiap isi rumah (berpendapatan bulanan RM3,000 atau kurang). Pada tahun 2015, di bawah **inisiatif BR1M**, sejumlah 7.1 juta rakyat Malaysia (termasuk individu dan isi rumah) menerima bantuan BR1M, dan daripada

jumlah tersebut, kira-kira 4.6 juta isi rumah telah menerima BR1M pada tahun 2014 dan 2015.

Inisiatif **BKAP1M** bertujuan mengurangkan beban ibu bapa dalam menyediakan perbelanjaan persekolahan anak-anak. Pada tahun 2015, sejumlah 5.13 juta pelajar telah menerima manfaat daripada inisiatif ini. Sejak tahun 2014, jumlah bantuan yang diberikan ialah RM100 bagi setiap pelajar Malaysia daripada Tahun 1 hingga Tingkatan 5 di sekolah awam dan swasta.

Untuk meringankan beban perbelanjaan pendidikan untuk membeli buku, sejumlah 1.3 juta pelajar pendidikan tinggi (termasuk pelajar Tingkatan 6) telah menerima baucar buku berjumlah RM250 di bawah program **BB1M**. Diperkenalkan pada tahun 2013, inisiatif ini turut bertujuan memupuk sikap minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

### BILANGAN PELAJAR YANG MENERIMA BKAP1M

2015  
5,127,222

2014  
5,153,811

2013  
5,202,778

## IBU BAPA MENGHARGAI BANTUAN BKAP1M

Sebagai penerima inisiatif BKAP1M, ibu pelajar, Alliene Ong, menghargai usaha kerajaan untuk mengurangkan beban perbelanjaan barang-barang keperluan sekolah. “Saya mempunyai seorang anak perempuan berusia 16 tahun pada tahun ini. Anak saya belajar dalam Tingkatan Empat dan menerima bantuan BKAP1M sejak tiga tahun lalu. Wang tunai sebanyak RM100 yang disumbangkan oleh kerajaan pada awal tahun membantu dalam persediaan pembelajarannya,” jelas beliau.

Alliene menggunakan wang RM100 daripada BKAP1M untuk membeli alat tulis anaknya. “Dengan pendapatan isi rumah bulanan yang terhad dan perbelanjaan lain yang perlu diperuntukkan, BKAP1M dapat mengurangkan sedikit tekanan kewangan pada awal tahun yang disebabkan segala perbelanjaan sekolah,” ujar Alliene. “Walaupun bagaimanapun, dengan kenaikan kos barangan ketika ini, saya mencadangkan

agar jumlah bantuan bagi setiap pelajar ditambah kepada RM300 setahun supaya kesan bantuan ini benar-benar dapat dirasai. Namun, bantuan yang sedikit lebih baik daripada tiada langsung, dan saya tidak tahu mana-mana negara lain yang melaksanakan inisiatif seperti ini, oleh itu saya amat bersyukur menerima bantuan BKAP1M dan berterima kasih kepada kerajaan yang menyediakan bantuan sedemikian kepada rakyat yang amat memerlukan.”

Alliene percaya bahawa langkah kerajaan dalam memberikan bantuan ini kepada rakyat, di samping inisiatif NKRA Menangani Kos Sara Hidup yang lain, menunjukkan komitmen kerajaan untuk meringankan beban yang ditanggung rakyat. “Misalnya KR1M, walaupun terletak jauh dari laluan yang biasa saya gunakan, justeru menyebabkan saya jarang membeli-belah di situ, namun konsepnya masih bagus,” jelas Alliene.



Alliene Ong bersama anaknya, Aina Kamalia

# BB1M DARI PERSPEKTIF PELAJAR UNIVERSITI



**Daniel Darnas**  
Swinburne University  
of Technology Sarawak

**Rachel Ruran Leong**  
Pelajar Universiti  
Malaysia Sarawak

Pelajar Universiti Malaysia Sarawak, Rachel Ruran Leong kini berada dalam tahun akhir program 4 tahun dan telah menjadi penerima BB1M selama tiga tahun sejak memulakan pengajiannya. Rachel percaya bahawa beliau seorang daripada segelintir pelajar yang menggunakan sumbangan tersebut untuk tujuannya yang sebenar, iaitu membeli buku teks, meskipun pernah mendengar pelajar lain menggunakan wang itu untuk membeli alat tulis, cakera keras dan kasut, terutamanya pada tahun-tahun terawal skim ini diperkenalkan.

“Saya individu yang agak ketinggalan zaman. Saya suka menggunakan buku fizikal dan universiti saya kebanyakannya menggunakan buku teks antarabangsa terbitan Pearson, Cambridge dan seumpamanya, yang harganya agak mahal. BB1M membantu mengurangkan sedikit beban kewangan saya sebagai pelajar, kerana saya lebih gemar membeli buku teks asal yang baharu, dan setiap buku teks berharga antara RM200-RM300,” terang Rachel.

Daniel Darnas, yang menerima pinjaman untuk membiayai yuran pengajian dan elaun di Swinburne University of Technology Sarawak memberitahu bahawa BB1M membantu menjadi penampakan kepada wang simpanannya. “Dengan menggunakan BB1M untuk membeli buku teks dan alat tulis misalnya, saya dapat membeli

barang untuk keperluan kursus lain yang tidak dapat saya beli sekiranya tiada sumbangan ini.”

Rachel dan Daniel bersetuju bahawa amaun baucar BB1M tidak harus dinaikkan. Rachel berpendapat bahawa membantu semua pelajar membeli buku serba baharu sepanjang tahun bukanlah penggunaan dana yang paling berkesan. Daniel sebaliknya berpendapat bahawa inisiatif ini sepatutnya menjadi bantuan tambahan, dan bukan bantuan kewangan sepenuhnya.

“Meskipun saya berpendapat jumlah sumbangan harus diagihkan untuk dua semester dalam setahun, misalnya RM125 bagi setiap setengah tahun. Memandangkan baucar ini hanya sah selama tiga bulan, pelajar terpaksa menghabiskan semua RM250 dalam satu semester. Ini menggalakkan penyalahgunaan dan perbelanjaan tidak berhemat dalam kalangan pelajar,” tambahnya.

Walau bagaimanapun, Rachel sangat berterima kasih dengan pemberian BB1M. “Permulaan yang sangat baik, dan saya gembira dengan inisiatif BB1M yang sedia ada,” jelasnya. Beliau turut berasa gembira dengan satu lagi inisiatif NKRA Menangani Kos Sara Hidup iaitu KR1M. “Ketika di kampus, saya mendapati jenama tertentu lebih murah sedikit di KR1M, tetapi apabila pulang ke kampung, dengan adanya KR1M, kami tidak perlu lagi pergi jauh ke bandar untuk membeli keperluan harian kami.”

Sementara itu, Daniel berpendapat inisiatif sedia ada sangat membantu. Daniel percaya bahawa Kerajaan harus menyampaikan maklumat tentang inisiatif ini dengan lebih meluas agar lebih ramai rakyat dapat menerima manfaat daripada inisiatif yang dilaksanakan ini.

“ Dengan menggunakan BB1M untuk membeli buku teks dan alat tulis misalnya, saya dapat membeli barang untuk keperluan kursus lain yang tidak dapat saya beli sekiranya tiada sumbangan ini.

— Daniel Darnas

2

## Meningkatkan Ketercapaian kepada Barangan Asas

Fokus utama NKRA COL adalah untuk memastikan rakyat yang tinggal di kawasan yang kurang membangun selain kumpulan miskin bandar mendapat akses kepada kemudahan, keperluan dan penjagaan kesihatan asas pada harga yang berpatutan. Melalui inisiatif seperti **K1M** (Klinik 1Malaysia), **KR1M** (Kedai Rakyat 1Malaysia) dan **MR1M** (Menu Rakyat 1 Malaysia), **NKRA COL** berusaha menyediakan barangan dan perkhidmatan asas seperti barang runcit, penjagaan kesihatan dan makanan pada harga yang berpatutan bagi semua lapisan rakyat, sekali gus membantu rakyat memanfaatkan lebih banyak pendapatan boleh guna mereka.

185 **kedai KR1M** yang terdapat di seluruh negara memberi rakyat Malaysia pilihan untuk membeli produk isi rumah asas pada harga yang lebih rendah. Di semua **kedai KR1M** terdapat jenama **Produk Rakyat 1Malaysia**, iaitu barangan runcit keluaran tempatan dan diberi nama generik yang biasanya dijual pada harga 15 peratus-30 peratus lebih rendah daripada barangan serupa yang berjenama premium. Merangkumi sejumlah 234 jenis barangan, jenama **Produk Rakyat 1Malaysia** kini lebih mudah didapati oleh orang ramai kerana produk ini turut dijual di 569 kedai lain. Pada tahun 2015, pembukaan kedai **KR1M** tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan disebabkan

cabaran pelaksanaan seperti kegagalan memperoleh lokasi perniagaan yang strategik pada kos yang munasabah dari segi sewaan, logistik dan infrastruktur.

Melalui 334 klinik **K1M** di seluruh negara, rakyat Malaysia dapat menikmati perkhidmatan perubatan asas yang rendah pada kadar RM1 sahaja bagi setiap lawatan (warga emas dikecualikan daripada bayaran). Dikendalikan oleh jururawat dan pembantu perubatan bertauliah yang mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman, klinik ini mampu melakukan pembedahan kecil, jahitan, pembersihan dan pembalutan luka, serta merawat penyakit seperti batuk, selesema, demam, diabetes dan darah tinggi. Ditempatkan di lokasi yang strategik di kawasan-kawasan perumahan, terdapat tiga hingga empat klinik **K1M** ini di setiap negeri. Sejak pelancarannya pada tahun 2010, **klinik K1M** telah memberikan lebih 21.87 juta rawatan asas.



(Kiri Atas) Perkhidmatan yang disediakan di K1M tidak lagi terhad kepada penjagaan pesakit luar. K1M terpilih kini menawarkan perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak. (Kanan) Gerai makanan yang menawarkan hidangan Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M) terletak di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) di Rawang. Gambar ihsan daripada Bernama Images. (Bawah kiri) Outlet **KR1M** beroperasi dalam format pasar mini yang menawarkan pelbagai keperluan asas di bawah label Kedai Rakyat 1Malaysia (**KR1M**) dan dijual sehingga 50% lebih murah berbanding jenama lain di pasaran



## TINJAUAN MASA HADAPAN

Pada tahun 2015, ekonomi Malaysia berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi yang berpunca daripada persekitaran luaran, yang menyaksikan penurunan hasil berasaskan minyak yang diperoleh kerajaan dan kejatuhan nilai ringgit. Faktor-faktor ini, selain faktor lain seperti permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan import serta pengukuhan dolar AS, telah mengurangkan kekuatan mata wang negara sekali gus kuasa beli khususnya untuk barangan import.

Untuk mencapai disiplin fiskal yang lebih berkesan, Kerajaan terpaksa membuat keputusan yang sukar untuk menstrukturkan semula model subsidi negara; khususnya dengan merasionalisasikan kaedah pengagihan subsidi. Penarikan subsidi bahan api, meskipun menambahkan tekanan ke atas kos pengangkutan dan logistik, ia merupakan tindakan yang perlu dilakukan untuk memastikan produk dan perkhidmatan mencerminkan kos pengeluarannya yang sebenar dan kekal berdaya saing pada jangka masa panjang.

Pelaksanaan GST, meskipun penting dalam mentransformasikan sistem percukaian untuk menjadikannya lebih cekap, secara tidak langsung turut meningkatkan kos sesetengah barangan dan perkhidmatan. Untuk melindungi isi rumah B40 daripada kenaikan kos sara hidup, Kerajaan telah memastikan keperluan asas seperti beras, gula dan minyak masak termasuk dalam barangan berkadar cukai sifar (tidak dikenakan cukai) dan perkhidmatan hospital juga dikecualikan GST.

Dengan mengambil kira cabaran-cabaran ini, NKRA COL menyedari keperluan mendesak rakyat, khususnya bagi isi rumah yang tidak berupaya dari segi kewangan untuk menangani kesan situasi ekonomi yang mencabar ini. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus komited untuk melaksanakan inisiatif dalam NKRA ini dalam usaha memastikan bantuan dapat dinikmati oleh golongan yang paling memerlukan.

# MEWUJUDKAN KEMAMPAHAN KOMUNITI LUAR BANDAR



**DATO' SRI  
ISMAIL SABRI YAAKOB**

MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

Dalam perjalanan kita menuju status negara maju dan berpendapatan tinggi, pembangunan negara terus menekankan prinsip keinklusifan untuk menangani keperluan rakyat di kawasan bandar dan luar bandar.

Kebimbangan rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan luar bandar di Malaysia terus menjadi keutamaan. Sejak kami memperkenalkan program NTP pada tahun 2010, fokus kami adalah untuk meningkatkan dan melengkapkan kawasan luar bandar dengan kemudahan asas selain mentransformasikan kawasan luar bandar menjadi pusat perniagaan yang berkembang maju dan mampan.

Sepanjang 6 tahun lalu, inisiatif di bawah NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar (NKRA Pembangunan Luar Bandar) telah memberikan impak kepada kehidupan lebih 5.567 juta rakyat Malaysia di luar bandar, menerusi pembinaan jalan raya, penyediaan air bersih/terawat, pembinaan rumah kediaman dan bekalan elektrik 24 jam untuk meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar. Dari tahun 2010 hingga 2015, NKRA Pembangunan Luar Bandar

menyasarkan pembekalan elektrik 24 jam kepada 139,061 rumah. Walau bagaimanapun, menjelang akhir tahun 2015, jumlah rumah yang telah menerima bekalan elektrik 24 jam melebihi sasaran sebanyak 3.5 peratus (143,899 rumah).

Hal yang demikian memastikan tiada seorang pun rakyat yang ketinggalan dalam transformasi negara yang sedang pesat berubah. Jika kampung-kampung dilengkapi semua kemudahan infrastruktur moden, kita dapat mengubah trend penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar. Malah landskap luar bandar mampu menyokong lebih banyak aktiviti ekonomi yang bernilai tinggi. Dengan prospek dan peluang pekerjaan yang lebih terjamin, penduduk yang telah berhijrah ke bandar mungkin akan mempertimbangkan untuk kembali ke luar bandar semula dan seterusnya memberikan nafas baharu kepada komuniti mereka.

“*Lebih 5.567 juta rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan luar bandar telah menikmati akses yang sama kepada kemudahan asas seperti air, bekalan elektrik, dan rangkaian jalan raya seperti yang terdapat di bandar.*”

Pembangunan inklusif untuk mewujudkan komuniti luar bandar yang makmur dan mampan telah menjadi aspirasi NKRA Pembangunan Luar Bandar sejak bermulanya prakarsa transformasi Malaysia. Mula dikenali sebagai NKRA Mempertingkatkan Infrastruktur Luar Bandar (RBI) pada tahun 2010, matlamat utamanya adalah untuk memastikan rakyat Malaysia di kawasan luar bandar dilengkapi infrastruktur seperti jalan raya, air, elektrik dan rumah. Pada hari ini, kebanyakan kawasan luar bandar mendapat akses kepada infrastruktur melalui inisiatif yang membawa pembangunan ke kawasan luar bandar, untuk membolehkan rakyat menikmati kemudahan seperti yang tersedia di kawasan bandar.

Kemampuan melangkaui peruntukan kemudahan asas merupakan premis program Kampung Abad ke-21 (KA-21) NKRA Pembangunan Luar Bandar yang diperkenalkan

#### DALAM NKRA INI

- 1 Menyediakan Akses Sejagat kepada Kemudahan Asas Melalui Pembangunan Inklusif
- 2 Membangunkan Ekonomi Luar Bandar

pada tahun 2012. Sejak itu, inisiatif ini telah mencetuskan inovasi dalam pelbagai aktiviti ekonomi, sekaligus memperkasakan usahawan agar lebih berdikari, selain memberikan akses yang lebih baik kepada peluang pasaran dan perniagaan. Rakyat Malaysia dalam komuniti ini digalakkan untuk terus tinggal di kampung masing-masing sambil terus menyumbang kepada pertumbuhan dan kejayaan negara.

1

## Menyediakan Akses Sejagat kepada Kemudahan Asas Melalui Pembangunan Inklusif



Kerja-kerja penyelenggaraan jalan di Jalan Madrasah Lebai Che Will Wakat Bharu, Kelantan

Berbanding dengan tahun 2010, lebih 5.567 juta rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan luar bandar pada hari ini menikmati akses yang sama kepada kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan raya sebagaimana mereka yang tinggal di bandar, sekaligus membuktikan bahawa prakarsa transformasi Malaysia tidak berat sebelah dan hanya tertumpu di bandar. Justeru, penghijrahan dari luar bandar ke bandar dapat dikurangkan. Selain itu, kepadatan penduduk diharapkan dapat dikekalkan pada paras yang lebih selesa. Rakyat boleh tinggal dan bekerja di tempat mereka lahir dan membesar, disokong oleh (dan menyokong) keluarga, rakan dan jiran masing-masing.

Sejak tahun 2010 hingga 2015, kampung-kampung di luar bandar mengalami pertumbuhan mampan yang ketara. Sejumlah 2.71 juta rakyat Malaysia kini mendapat akses kepada jalan raya baharu dan dinaik taraf (5,286.25km pada Disember 2015). Dalam tempoh tersebut, kira-kira 1.73 juta rakyat Malaysia lagi

mendapat bekalan air bersih, merangkumi 345,665 isi rumah di seluruh Malaysia Timur dan Barat. Sejumlah 143,899 isi rumah lagi kini mendapat akses bekalan elektrik 24 jam. Di bawah inisiatif perumahan Program Bantuan Rumah (PBR), lebih 82,472 isi rumah memperoleh bantuan membina dan membaiki rumah bagi keluarga yang tidak mampu.

Sistem hibrid solar, yang menggunakan panel solar dan sokongan jana kuasa diesel, telah diperkenalkan di Semporna, Sabah pada tahun 2015. Kejayaan usaha ini di Semporna dan di Bario, Sarawak merupakan faktor penting yang mendorong keputusan untuk membawa sistem hibrid solar ke kawasan luar bandar yang lain. Penggunaan hibrid solar ini dijangka meliputi kebanyakan kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak pada tahun depan. Ini akan membantu meningkatkan aktiviti perniagaan, menggalakkan pertumbuhan ekonomi selain menyediakan akses teknologi maklumat kepada penduduk kampung.

Dari segi kesalinghubungan jalan raya yang lebih baik, beberapa pencapaian penting pada tahun 2015 termasuk di kawasan seperti Batang Padang, Perak. Di Batang Padang, sebatang jalan raya sepanjang 11km telah dibina. Pembinaan jalan raya berjaya menyumbang kepada peningkatan ekonomi kampung-kampung di sekitar wilayah yang dihubungkan oleh jalan raya tersebut, sekaligus meningkatkan nilai harta tanah di kawasan kampung tersebut dan kampung yang berhampiran. Infrastruktur ini turut membolehkan akses yang lebih meluas kepada pasaran bagi peladang/pengeluar minyak sawit luar bandar di kampung. Di Kulim, Kedah, jalan raya sepanjang 3km telah membuka laluan kepada beberapa kawasan perumahan baharu di kawasan sekitar. Laluan ini telah meluaskan dan meningkatkan hubungan dan jaringan antara kampung yang berhampiran.

Dari tahun 2010–2015, sejumlah 24,004 isi rumah telah ditempatkan di rumah yang baru dibina, sementara 57,645 isi rumah menerima manfaat daripada usaha membaiki pulih rumah masing-masing dalam tempoh yang sama.

Peningkatan ini berjaya dicapai setelah melepasi beberapa cabaran pada tahun 2015. Kebanyakan rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan luar bandar tidak biasa membayar sendiri kemudahan asas ini. Antara sebabnya termasuklah tabiat dan kekurangan pendidikan (cth. manfaat kesihatan bekalan air bersih). Malah, ada yang lebih gemar mengekalkan gaya hidup lebih ringkas tanpa kemudahan asas ini. Dalam hal ini, penglibatan awal dan kerap bersama pihak berkepentingan setempat telah membantu melancarkan urusan, agar penduduk menyedari perkara yang akan berlaku berhampiran dengan kawasan mereka dan menangani kebimbangan yang dihadapi. Cabaran pembangunan infrastruktur, seperti pembinaan jalan raya di kawasan pedalaman, sering berdepan dengan kekangan cuaca dan geografi. Di samping itu, terdapat isu pemilikan tanah. Namun, semua isu tanah telah diselesaikan sebelum proses pemberian tender dengan mengenal pasti dan menyelesaikan isu berkaitan dengan tanah.

## Membangunkan Ekonomi Luar Bandar



**(Kiri)** Salah satu daripada tarikan yang terdapat di Kampung Semelor, Perak adalah jeti kampung di bawah inisiatif Desa Lestari  
**(Kanan)** Chalet kabin yang dibina di sebahagian daripada 10 buah kampung di bawah program Desa Lestari menggalakkan ekopelancongan



Projek besar dalam program KA-21 merupakan fokus utama NKRA Pembangunan Luar Bandar sejak tahun 2012. Kejayaan projek-projek ini telah meningkatkan keyakinan bahawa mewujudkan ekonomi luar bandar yang berjaya di Malaysia merupakan matlamat yang boleh dicapai. Penduduk di kampung-kampung Desa Lestari di bawah Program KA-21 menikmati pendapatan yang lebih tinggi dan kemajuan ekonomi yang lebih pesat. Selain itu, pemenang Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar (RBC) mula menjadi perintis kepada belia Malaysia dalam mengekang penghijrahan ke bandar. Semua program ini merupakan sebahagian usaha untuk merapatkan jurang dengan membangunkan ekonomi luar bandar yang mampan, berpendapatan tinggi dan bernilai tambah.

Program KA-21 direka khusus untuk merancakkan ekonomi luar bandar dan menjadikannya lebih menarik kepada golongan belia dalam komuniti. Desa Lestari, yang merupakan sebahagian program KA-21, bertujuan menggalakkan kampung membangunkan industri bernilai tinggi, mewujudkan pekerjaan berkemahiran dan menggalakkan pelancongan 'hijau'. Dengan cara ini, kampung dapat menjadi lebih mampan, selain menjadi destinasi pelancongan unik yang tidak menjejaskan sumber semula

jadi Malaysia pada masa akan datang.

Program yang terdapat di bawah KA-21 telah berjaya mentransformasikan kawasan luar bandar menjadi tempat yang meriah dan menarik untuk dijadikan tempat tinggal, bekerja dan melancong. Projek Permulaan 'Ladang Buah-buahan/Sayur-sayuran Berskala Besar' merupakan salah satu inisiatif di bawah KA-21 yang menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar. Ladang seluas lebih 200 ekar telah ditanam dengan pelbagai jenis buah-buahan premium kualiti eksport. Bertan-tan nanas, pisang, betik dan tembikai dipasarkan di dalam dan di luar

negara, termasuk di Korea dan Jepun.

Di bawah pelaksanaan Desa Lestari, dua projek ikon telah diperkenalkan, iaitu projek pemeliharaan lebah tanpa sengat dan pembinaan chalet kabin untuk memacu pembangunan program inap desa. Sejumlah 28 buah kampung mengambil bahagian dalam projek pemeliharaan lebah tanpa sengat dan menjana pendapatan tahunan antara RM10,000 hingga RM19,000. Sementara itu, 10 buah kampung telah menyertai pembinaan chalet kabin sebagai sebahagian aktiviti ekopelancongan yang menjana antara RM18,000 hingga RM54,000 setahun.



Aktiviti-aktiviti ekopelancongan telah mempertingkatkan kehidupan penduduk luar bandar di Kampung Lonek, Negeri Sembilan.

Kampung Bukit Bulat di Melaka dan Kampung Lonek di Negeri Sembilan merupakan peneraju dalam inisiatif ini. Penduduk Kampung Bukit Bulat mempunyai kepakaran dalam mengurus penternakan lebah tanpa sengat dan pertanian tanaman. Penduduk kampung juga menjana pendapatan tambahan dengan menggabungkan aktiviti pelancongan (pelancongan alam semula jadi) dengan ekspedisi mencari madu, serta mempromosikan produk madu sebagai organik yang tidak mengandungi bahan kimia yang digunakan semasa penuaian.

Kedua-dua kampung ini menjana pendapatan kira-kira RM40,000 setahun, dengan peningkatan hasil yang konsisten setiap tahun. Kampung ini turut menyediakan chalet inap desa, van persiaran, aktiviti komersial dan pakej permainan/aktiviti tradisional untuk pelancong.

Pertandingan RBC juga merupakan komponen penting dalam Program KA-21. RBC diwujudkan untuk memupuk sikap keusahawanan dalam kalangan belia luar bandar. Sejak itu, pemenang RBC telah menubuhkan Persatuan Usahawan RBC Malaysia. Persatuan ini dianggotai

secara eksklusif oleh pemenang program RBC agar mereka dapat saling membantu membangunkan lagi usaha niaga masing-masing dan meneroka peluang perniagaan yang lain. Persatuan ini berazam untuk mencapai matlamat jangka panjangnya, iaitu menubuhkan sekurang-kurangnya satu RBC Mart dan RBC Bistro di setiap negeri mulai tahun 2016.

Sejak tahun 2012, RBC telah menyumbangkan geran berjumlah RM59.07 juta kepada 77 usahawan muda bercita-cita tinggi yang menjalankan perniagaan sendiri di kawasan luar bandar. Pemenang pada tahun 2012 dan 2013 (seramai 31 orang) telah membuka 213 peluang pekerjaan dan mewujudkan 180 usahawan baharu. Purata peningkatan pendapatan bagi pemenang tahun 2012 pada tahun 2014 ialah 171 peratus; manakala bagi pemenang tahun 2013 pada tahun 2015 pula, purata peningkatan ialah 106 peratus.

Contohnya, Hazleen (salah seorang pemenang RBC) kembali ke kampung asalnya di Sungai Petani sebaik sahaja menamatkan pengajian untuk memulakan perniagaannya sendiri.

Menurut beliau, keputusan itu dibuat kerana terdapat banyak peluang perniagaan di Kedah. Beliau memulakan perniagaan membuat coklat sendiri dan kini jenama “Hazleen Chocolate” miliknya telah berkembang ke seluruh negara dan mempunyai pejabat di Sungai Petani, Klang dan Kuantan.

**“Kejayaan projek-projek ini telah meningkatkan keyakinan bahawa mewujudkan ekonomi luar bandar yang berjaya di Malaysia merupakan matlamat yang boleh dicapai.”**



Satu lagi Pojek Desa Lestari yang ikonik - penternakan lebah kelulut



## TRANSFORMASI PERNIAGAAN MELALUI PERTANDINGAN PELAN PERNIAGAAN LUAR BANDAR



Salah seorang peserta Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar (RBC) pada tahun 2013, Syuhaini binti Abdul Rahman, 36, menyifatkan kemenangannya dalam Pertandingan itu hasil daripada persediaan rapi yang dibuatnya sepanjang tahun, selain mematuhi syarat Pertandingan dengan teliti, iaitu membangunkan kawasan luar bandar dan membawa manfaat kepada komuniti luar bandar.

Syuhaini mengendalikan FBC Resources, sebuah kilang yang menghasilkan barangan bakeri, pai dan kek. "Sebelum memenangi RBC, perniagaan saya menjana hasil RM960,000 setahun. Saya menyewa tingkat atas sebuah rumah kedai, menggunakan mesin berskala kecil dan pembungkusan produk juga kurang menarik," jelas beliau.

Syuhaini mendapat maklumat tentang RBC melalui Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Antarabangsa Malaysia (MAHA) 2012, dan membuat keputusan untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan tersebut. "Perniagaan saya berubah secara mendadak selepas memenangi RBC," kata Syuhaini. Menggunakan geran RBC, beliau dapat memulakan pembinaan kilang berkeluasan 10,000 kaki persegi dan memohon HACCP dan pensijilan

halal. Malah Syuhaini dapat mempertingkatkan operasi pengeluarannya dengan peralatan dan mesin yang bersaiz lebih besar, meningkatkan jumlah jualan dan saluran pemasaran serta mereka bentuk teknologi pembungkusan. "Hari ini, disebabkan oleh RBC, saya telah meningkatkan pendapatan kasar tahunan kepada RM1.5 juta," ujarnya.

Menurut Syuhaini, kebanyakan usahawan luar bandar memfokuskan pengeluaran, dan kurang memberikan perhatian terhadap pemasaran atau membangunkan saluran jualan mereka. Justeru, produk mereka tidak mendapat pendedahan yang diperlukan. "Ianya sangat baik jika kerajaan dapat menyediakan sokongan strategi jualan dan pemasaran kepada perniagaan luar Bandar. Dengan cara itu, mereka dapat menumpukan kemahiran terbaik mereka dalam aspek pengeluaran," cadangnya.

Bagi individu dalam komuniti luar bandar yang berhasrat untuk memulakan perniagaan sendiri, Syuhaini menasihatkan mereka agar mencari sumber yang terdapat di luar bandar dan menggunakannya untuk memulakan perniagaan. "Terdapat permintaan bagi produk luar bandar di pekan dan pusat bandar, jadi mereka boleh mempertimbangkan untuk menjual dan memasarkan barangan tersebut," jelasnya.

## MEMANFAATKAN POTENSI KHAZANAH LUAR BANDAR

Pelbagai inisiatif di bawah NKRA Pembangunan Luar Bandar didasarkan untuk meningkatkan prospek ekonomi komuniti luar bandar dan menunjukkan bahawa peluang memperoleh pendapatan tinggi tersedia untuk mereka jika mereka sanggup merebut peluang dan berusaha. Mohd. Ridwan Ishak dari Lembah Bujang di Kedah merupakan contoh terbaik, kerana usaha keras dan ketabahnya telah membuahkan hasil yang lumayan.

Dilahirkan dan dibesarkan di Kampung Sungai Batu Besi berhampiran Sungai Merbok, Ridwan yang berusia 45 tahun ialah pemilik dan pengendali ladang ternakan tiram (hanya terdapat 10 di Semenanjung Malaysia). Meskipun terletak di kawasan pedalaman dan akses yang terhad, ladang ini dikunjungi antara 60-100 pelancong setahun. Beliau memelihara sehingga 60,000 tiram, dan menuai 1,000 – 3,000 tiram setiap bulan.

Walau bagaimanapun, Ridwan bukanlah asalnya seorang peminat akuakultur tetapi beliau merupakan bekas nelayan. Ladang tiramnya

merupakan hasil proses pemindahan pengetahuan ihsan Profesor Madya Dr. Aileen Tan Shau Hwai dari Sekolah Sains Biologi, Universiti Sains Malaysia (USM). USM dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (MOHE), menyediakan dana penyelidikan untuk mengendalikan pemindahan pengetahuan serta pembukaan tempat penetasan tiram di Balik Pulau, Pulau Pinang. Satu daripada hanya dua tempat penetasan seumpamanya di Asia Tenggara telah menjadi sumber tiram Ridwan.

Ladang tiram yang hanya memelihara tiram makanan (bukan tiram mutiara seperti yang diternak oleh kebanyakan penternak di Sabah misalnya), turut menjadi hos kepada sukarelawan pemuliharaan (kebanyakannya pengunjung tetap) yang ingin melihat sistem akuakultur yang bersih. Menurut Ridwan dalam temu bual dengan akhbar harian berbahasa Inggeris *The Star*, sukarelawan ini antara lain membantu beliau mengerak-gerakkan sangkar tiram, membersihkan sangkar dan mengasingkan tiram mengikut saiz.

Sesungguhnya, Ridwan percaya bahawa ekopelancongan berpotensi memberikan ganjaran ekonomi kepada penduduk kampung sepertinya.



## MEREALISASIKAN IMPIAN MELALUI PELUANG DAN TEKAD

Pada usia 27 tahun, Sharol Hafizi bin Jamaludin daripada Agro Highlands Enterprise amat berterima kasih kepada NKRA Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah atas usaha mereka dalam mengembangkan ekonomi luar bandar melalui Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar (*Rural Business Challenge*, RBC).

Perniagaan Sharol di Cameron Highlands tertumpu kepada penanaman strawberi dan penginapan chalet untuk agropelancongan. Sebelum memenangi RBC, Sharol hanya dapat menyediakan 8 unit bilik penginapan iaitu cukup untuk memuatkan 40 orang. "Pada masa itu, perolehan saya kira-kira RM10,000-RM15,000 sebulan. Saya hanya mampu mengupah 2-3 orang pekerja kerana ianya merupakan perniagaan berskala kecil."

Sharol percaya bahawa beliau memenangi Pertandingan pada tahun 2013 disebabkan tiga

faktor utama; takdir, projek tersebut menepati keperluan pertandingan selain sokongan daripada keluarga serta rakan.

Dengan geran RM2 juta, Sharol telah mentransformasikan perniagaannya sehingga menjadi perniagaan yang semakin meningkat naik. "Kini saya mempunyai 32 unit bilik di tengah-tengah ladang strawberi, yang mampu memuatkan sehingga 100 tetamu, lengkap dengan bilik seminar/mesyuarat dan dewan makan. Saya kini memperoleh pendapatan antara RM30,000-RM60,000 sebulan."

Pada masa ini Sharol mempunyai 11 pekerja dan menawarkan perniagaan tetap kepada tiga usahawan. "Misalnya, dewan makan dikendalikan oleh katerer makanan luar. Saya turut menggunakan khidmat ejen jualan dalam talian dengan membayar komisen, selain khidmat pemandu pelancong luar yang disediakan untuk tetamu. Secara asasnya, terdapat kesan pengganda ekonomi dari pertambahan saiz dan

keupayaan perniagaan saya."

Sharol percaya RBC ialah platform yang baik untuk mengurangkan atau menghapuskan penghijrahan golongan muda dari luar bandar ke bandar. "Sebahagian besar penghijrahan ini disebabkan pekerjaan berpendapatan rendah/kekurangan peluang. Namun, melalui perniagaan, anda boleh memperoleh gaji yang sama seperti pekerjaan di bandar. Oleh itu, golongan muda sanggup melakukannya jika terdapat sokongan untuk perniagaan luar bandar. Mereka hanya memerlukan ruang dan peluang, yang dapat disediakan oleh RBC dan inisiatif serupa.

"Saya berterima kasih kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah atas inisiatif RBC. RBC telah mengubah kehidupan saya. Wawasan saya yang dahulunya cuma impian, kini sudah menjadi realiti. Tanpa RBC, semua pencapaian saya masih lagi merupakan impian yang belum menjadi kenyataan."



Fetigasi strawberi secara bertingkat di atas chalet Agro Highland



## TINJAUAN MASA HADAPAN


**M**elangkah ke hadapan, ekonomi luar bandar Malaysia akan terus memainkan peranan penting dalam pembangunan negara secara keseluruhan. Keberhasilan NKRA Pembangunan Luar Bandar hendaklah merangkumi manfaat daripada pertumbuhan yang diagihkan secara adil, penyediaan peluang pekerjaan yang sesuai kepada semua dan sumber semula jadi yang diurus secara mampan. Dari skala makroekonomi, produktiviti pertanian mesti ditingkatkan secara mampan, sekaligus mengukuhkan pasaran pertanian yang menyumbang kepada jaminan makanan dan nutrisi yang mencukupi untuk semua.

Meskipun sasaran yang lebih tinggi untuk inisiatif semasa selain peningkatan kualiti bekalan (cth. air bersih, jalan raya yang lebih baik) telah ditetapkan, NKRA Pembangunan Luar Bandar kini memfokuskan pembangunan matlamat yang lebih baik dan memandang ke hadapan

untuk memenuhi aspirasi ini. Hasil projek di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur (NKEA CCI) dan manfaatnya mestilah turut diagihkan ke kawasan luar bandar selain kawasan bandar.

Jangkauan dan kualiti jalur lebar yang lebih baik (melalui projek Jalur Lebar Kelajuan Tinggi 2 dan Jalur Lebar Subbandar), serta kesalinghubungan pelbagai mod dengan pusat bandar, bukan disasarkan semata-mata untuk menjadikan kehidupan di luar bandar lebih menarik, malah untuk memberi penduduk luar bandar kemudahan untuk meningkatkan output ekonomi dan pilihan peluang perniagaan di tempat yang didiami mereka. Dengan cara ini, mereka juga, boleh turut menjadi sebahagian daripada ekonomi masyarakat generasi Malaysia akan datang.

# MENJADIKAN PENGANGKUTAN AWAM SEBAGAI SEBUAH PILIHAN



**DATO' SRI  
LIOW TIONG LAI**

MENTERI PENGANGKUTAN

Memandangkan Malaysia berada pada fasa peralihan yang penting, khususnya dalam ekosistem pengangkutan bandar sebagai satu daripada tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP), peningkatan dan pembangunan sistem pengangkutan awam bandar sangat diperlukan.

Kami komited dalam usaha menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien, berkesan dari segi kos, andal, selesa dan selamat kepada rakyat khususnya di lokasi yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seperti kawasan Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (GKL/KV).

Negara berada pada landasan yang betul untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam bandar (UPT) bertaraf dunia yang lengkap dan andal. Wawasan 2020 menasarkankan bandar yang disokong oleh sistem pengangkutan awam yang cekap dan dapat diakses dengan mudah oleh pengguna.

Pelancaran Projek Sambungan Jajaran LRT (LRT Line Extension Project, LEP) Fasa 1 dan Bas Rapid Transit Laluan Sunway (BRT Sunway Line) pada tahun 2015 merupakan prakarsa terkini dalam program transformasi negara.

Bilangan pengguna yang menggunakan pengangkutan awam pada setiap hari dan juga hasil kepuasan pelanggan terus mencatat peningkatan memberangsangkan berbanding dengan garis asas 2010. Malah, dijangkakan mutu pengangkutan awam akan bertambah baik lagi dengan penyempurnaan projek pengangkutan yang berskala lebih besar seperti LEP, projek menaik taraf KL Monorel yang sedang dilaksanakan dan BRT KL-Klang yang sedang dirancang.

Kami berbesar hati mengumumkan pelancaran aliran LEP penuh pada tahun 2016 – Kelana Jaya dan Sri Petaling ke Putra Heights – yang akan memberikan kesan yang signifikan terhadap landskap bandar dan menjadi pilihan bagi rakyat yang bergantung pada pengangkutan awam bandar.

Yang pasti, terdapat cabaran untuk mencapai aspirasi murni ini. Kerjasama yang lebih erat antara badan-badan Kerajaan dan badan bukan Kerajaan yang terlibat dalam ekosistem pengangkutan awam amatlah penting demi memastikan manfaat dan faedah kepada rakyat.

**“ Kita kini berada di landasan yang tepat untuk mewujudkan sistem Pengangkutan Awam Bandar bertaraf dunia dengan kemudahan dan kecekapan yang dipertingkatkan. ”**

**M**atlamat untuk menyediakan pengangkutan awam sebagai pilihan yang lebih baik berbanding memandu kenderaan persendirian bagi penghuni bandar di Malaysia telah mendorong usaha mentransformasikan sistem pengangkutan awam KL kepada perkhidmatan berwibawa dan memudahkan pengguna untuk sampai ke destinasi. Kerja-kerja sedang dijalankan untuk meningkatkan kesalinghubungan dan ketercapaian, dengan tumpuan terhadap permintaan pengangkutan awam dan kepuasan pelanggan selain mengatasi pelbagai halangan yang mencabar dalam pelaksanaan projek.

Wilayah GKL/KV merangkumi ibu kota perniagaan dan pentadbiran Malaysia. Penduduk di kawasan ini dijangka mencapai 10 juta orang menjelang tahun 2020. Memenuhi keperluan pengangkutan pada skala ini memerlukan penambahbaikan ketara dalam infrastruktur pengangkutan awam di kawasan ini.

#### DALAM NKRA INI

1

Meningkatkan Kesalinghubungan dan Ketercapaian

2

Kepuasan Pengguna merupakan Faktor Kejayaan Utama

3

Penggunaan Pengangkutan Awam adalah Penting dalam Menangani Kepadatan Urbanisasi

Projek infrastruktur pengangkutan awam berskala besar telah dilaksanakan untuk menambah kapasiti pada rangkaian pengangkutan awam. Inisiatif turut tertumpu ke arah peningkatan kecekapan dan keandalan perkhidmatan yang sedia ada. Matlamat utama usaha tersebut adalah untuk menjadikan pengangkutan awam lebih menarik agar kesesakan lalu lintas secara keseluruhan dapat dikurangkan dalam kawasan GKL/KV.

## 1 Meningkatkan Kesalinghubungan dan Ketercapaian



Stesen Awan Besar adalah salah satu stesen yang baru disiapkan di bawah Projek Sambungan Jajaran LRT (LEP) Ampang

Pelaburan, masa dan usaha yang banyak telah dilakukan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan projek pengangkutan awam yang berimpak tinggi di kawasan Greater KL/ Lembah Klang. Projek-projek ini yang merangsang peningkatan dari aspek kesalinghubungan dan ketercapaian mod pengangkutan awam merupakan sebahagian daripada matlamat ekonomi dan pembangunan mampan di Malaysia.

Melaksanakan pembaharuan terhadap rangkaian pengangkutan Greater KL merupakan keutamaan dalam memenuhi keperluan rakyat Malaysia untuk sampai ke destinasi mereka dengan mudah dan lancar. Keperluan semua penumpang adalah untuk menjimatkan masa selain berasa selamat dan selesa. Justeru, menerusi pelaksanaan projek yang berimpak

tinggi, NKRA UPT berhasrat melegakan beban rakyat Malaysia yang berdepan dengan masalah lalu lintas ketika memandu masuk dan keluar dari Greater KL setiap hari dan terutamanya pada waktu puncak.

Sistem **Bas Rapid Transit (BRT)** Malaysia yang pertama telah siap dan dilancarkan pada Jun 2015. BRT Laluan Sunway sepanjang 5.4 km ini melalui tempat-tempat strategik di kawasan pinggir bandar Sunway dan Subang Jaya, untuk memberikan perkhidmatan kepada kira-kira 500,000 penduduk. BRT dilengkapi ciri kemudahan seperti sistem transit aliran ringan dengan penggunaan lorong khusus, bas mesra alam sekitar serta infrastruktur yang mesra pelanggan. Di samping menyediakan perkhidmatan di tujuh stesen dan satu kemudahan '*Park & Ride*', stesen terminal BRT Sunway

juga merupakan stesen pertukaran yang menghubungkan perkhidmatan ini kepada KTM Komuter dan aliran LRT Kelana Jaya. Tidak seperti perkhidmatan bas henti-henti yang perlu bersaing dengan lalu lintas biasa, kekerapan BRT boleh diramalkan dan penumpang boleh menjangkakan sebuah bas setiap empat minit pada waktu puncak dan setiap lapan minit pada waktu luar puncak. Menerusi perkhidmatan ini, pengguna dapat merancang perjalanan mereka dan sampai ke destinasi yang dituju tepat pada masanya.

Fasa 1 **Projek Sambungan Jajaran LRT (LEP) Ampang** memulakan operasi pada 31 Oktober 2015, dengan pembukaan empat stesen di Awan Besar, Muhibbah, Alam Sutera dan Kinrara BK5. LEP Ampang memberikan manfaat kepada penduduk Bukit Jalil, Projek Perumahan Rakyat Muhibbah dan Bandar Kinrara di Puchong, sekali gus meningkatkan bilangan penumpang Aliran Ampang kepada 196,000 orang setiap hari dengan akses yang selesa ke LRT; malah, ke seluruh rangkaian pengangkutan awam bersepadu.

Projek **penyusunan semula Rangkaian Bas Henti-henti Lembah Klang** yang dilancarkan pada Disember 2015 disasarkan untuk menaik taraf perkhidmatan bas yang kurang sekata sebelum ini disebabkan kekerapan yang tidak dapat diramalkan dan ada kalanya, perkhidmatan yang dibatalkan tanpa makluman, terutamanya di kawasan permintaan rendah. Inisiatif ini bertujuan menyediakan perkhidmatan kepada 241 laluan berbanding dengan 182 laluan sebelum pelaksanaannya. Penumpang bakal menikmati kawasan liputan dan ketercapaian yang lebih luas kepada perkhidmatan bas henti-henti. Langkah penyusunan semula akan turut memperkenalkan sistem penomoran laluan bas yang diseragamkan bagi semua pengendali. Sistem ini bertujuan membantu penumpang membiasakan diri dengan laluan destinasi setiap perkhidmatan bas dengan hanya membaca nombor perkhidmatan bas tersebut. Masih dalam peringkat awal pelaksanaan, SPAD sedang memperkemas pelan pelaksanaan langkah penyusunan semula dan komunikasi kepada orang ramai.

# PERKHIDMATAN BAS RAPID TRANSIT PERTAMA TELAH BERMULA



**Shamsul Rizal**  
Ketua Pegawai  
Operasi, BRT Sunway

Walaupun manfaat penuh Bas Rapid Transit (BRT) Sunway belum lagi menjadi kenyataan, ia telah menunjukkan tanda-tanda positif semasa percubaan dalam tempoh dua bulan pertama. Namun, Ketua Pegawai Operasi BRT Laluan Sunway, Shamsul Rizal menjangka kesan sebenarnya hanya akan dirasai setelah projek-projek lain mula beroperasi. “Selain fasa penuh Projek Sambungan Jajaran LRT (dijadualkan pada pertengahan 2016), pembangunan bercampur dan komersil seperti Sunway Geo dan peluasan Pusat Perubatan akan turut menyumbang kepada pemilihan BRT sebagai mod pengangkutan,” tambahnya.

Dengan jumlah penduduk 500,000 orang yang dihubungkan oleh tiga lebuh raya utama (NPE, LDP, KESAS), bandar Sunway sering berdepan kesesakan yang teruk pada waktu pagi, memandangkan bandar ini turut mempunyai beberapa kawasan tarikan pelancong. “BRT bertujuan melegakan kesesakan dan membolehkan penduduk berulang-alik dari Sunway dengan selamat, mudah dan selesa, melalui kesalinghubungan dengan jaringan pengangkutan awam yang lain (LRT, KTM Komuter dan bas),” jelas Shamsul.

Keputusan untuk menggunakan sistem BRT yang agak baharu di Malaysia sebahagian besarnya disebabkan oleh kecekapan kos bagi sistem sebegini. “Membina laluan bertingkat sepenuhnya adalah berkos tinggi tetapi lebih murah berbanding dengan rel, kerana laluan ini ialah jalan biasa tanpa landasan, sistem elektrik atau sistem semboyan, selain menggunakan bas biasa sebagai ‘sarana

rel’ (*rolling stock*). BRT juga berfungsi dengan baik pada tanah rata (aras bumi), yang menghasilkan penjimatan kos yang banyak.” Penggunaan bas elektrik sepenuhnya juga menjimatkan kos kerana bas ini sangat senyap dan tidak memerlukan pembinaan penghalang hingar atau pengkalisan bunyi.

Shamsul menekankan bahawa kapasiti dapat ditambah dengan mudah melalui penggunaan bas bersendi atau meningkatkan kekerapan bas (atau kedua-duanya). Kini, pada waktu puncak, BRT boleh membawa 1,000 penumpang setiap jam sehal.

Shamsul menekankan bahawa sistem BRT ini kini melalui cabaran pelaksanaan awal yang agak lazim bagi

mana-mana operasi baharu. Walau bagaimanapun, jumlah penumpang sedia ada boleh ditingkatkan melalui penyebaran maklumat yang lebih meluas tentang manfaatnya, termasuk keupayaan merancang perjalanan dan diskaun tambang. “Saya berbual dengan seorang wanita yang memberitahu beliau terpaksa menaiki bas pada pukul enam pagi kerana jika lebih lambat, kesesakan lalu lintas akan menyebabkan beliau lambat sampai ke tempat kerja. Setelah saya memberitahu beliau bahawa bas BRT beroperasi setiap empat minit pada waktu puncak, dan bas ini boleh membuat pusingan penuh dalam masa 32 minit, beliau tidak lagi kelihatan keluar seawal itu,” ujarnya sambil ketawa.



# MEMBANGUNKAN RANGKAIAN PENGANGKUTAN AWAM YANG BERSEPADU

**Mohd. Azharuddin Mat Sah**  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Suruhanjaya Pengangkutan  
Awam Darat (SPAD)



Dengan matlamat NKRA UPT untuk meningkatkan bahagian mod pengangkutan awam dalam kawasan GKL/KV kepada 40 peratus menjelang 2030, jaringan pengangkutan awam perlu bersepadu, selesa, senang disalinghubungi, mudah digunakan dan murah jika dibandingkan dengan memandu kenderaan persendirian.

Dalam kawasan GKL/KV, pelan induk pengangkutan awam menyatakan bahawa perkhidmatan rel merupakan tulang belakang bagi jaringan bersepadu sedemikian. Sepanjang tahun 2015, NKRA UPT telah menyaksikan penambahan kapasiti yang amat diperlukan kepada perkhidmatan rel sedia ada di samping pembinaan projek infrastruktur rel berskala besar. Projek-projek ini akan mula beroperasi, dengan aliran LEP penuh akan bermula pada pertengahan tahun 2016 dan juga aliran MRT Lembah Klang yang pertama dijadualkan bermula menjelang akhir tahun 2016.

Seperti yang dijelaskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) *Prasarana Rail and Infrastructure Projects Sdn Bhd* (PRAISE), Dato' Ir. Zohari Sulaiman, LEP adalah usaha penambahbaikan menyeluruh bagi Aliran Ampang (LRT1) dan Kelana Jaya (LRT2) sedia ada, dan akan menyediakan kesalinghubungan hujung ke hujung bagi kedua-dua aliran tersebut

melalui stesen pertukaran Putra Heights. “Kami turut mengambil kesempatan ini untuk menaik taraf infrastruktur sedia ada, sarana rel (*rolling stock*), sistem isyarat dan lain-lain lagi, terutamanya di aliran Ampang, yang telah wujud sejak 20 tahun yang lalu,” jelas beliau.

Malah, fasa pertama LEP Ampang kini menyaksikan purata jumlah penumpang 4,000 orang setiap hari sejak pelancarannya pada akhir Oktober 2015. “Kemudahan *Park 'n' Ride* sentiasa penuh, sekali gus 2,000 kereta tidak menggunakan jalan raya,” ujar Dato' Zohari. Beliau turut menjelaskan bahawa sambutan yang memberangsangkan daripada penduduk di sekitar kawasan tersebut menunjukkan bahawa mereka mendapati LRT lebih mudah digunakan berbanding dengan memandu.

MRT Lembah Klang menjanjikan manfaat yang serupa kepada penduduk Lembah Klang. Pada awalnya, MRT Lembah Klang menawarkan perjalanan serba canggih lagi selesa dari Sungai Buloh ke Kajang dalam masa 88 minit. Malah, MRT telah pun memberikan impak positif terhadap ekonomi bagi kawasan-kawasan seperti Balakong dan Sungai Buloh (untuk maklumat lanjut, rujuk kepada KVMRT – paparan *All Set To Go* di bawah bab NKEA GKL/KV).

Sementara itu, SPAD sedang mengkaji cara untuk menambah baik semua

mod pengangkutan awam lain bagi kesalinghubungan peringkat awal dan akhir perjalanan, termasuk perkhidmatan bas dan teksi.

Projek penyusunan semula Rangkaian Bas Henti-henti Lembah Klang (BNR) adalah salah satu inisiatif sedemikian yang dilaksanakan pada Disember 2015. Matlamatnya adalah untuk menambah liputan kawasan bas sehingga 17 peratus (termasuk laluan yang kurang diberi perkhidmatan sebelum ini), meningkatkan kekerapan, selain menambah baik prestasi pengendali dan kecekapan rangkaian bas.

“Kami telah memperuntukkan laluan tertentu kepada pengendali yang berkenaan, untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka dan kami berhasrat untuk memantau mereka dengan lebih rapi,” jelas CEO Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Mohd. Azharuddin Mat Sah.

Menurut beliau, dengan adanya laluan khusus, pengendali dapat menumpukan usaha dan perbelanjaan untuk menambah bilangan bas, mengurangkan masa menunggu dan juga menyediakan kualiti perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. “Kami berharap secara beransur-ansur pada masa akan datang, pengendali bas akan meningkatkan perkhidmatan mereka, supaya bas menjadi pilihan



pertama untuk kesalinghubungan peringkat awal dan akhir perjalanan di antara hab pengangkutan rel dengan pengangkutan awam lain, dan untuk perkhidmatan langsung dalam kawasan GKL/KV yang tidak dijangkau perkhidmatan rel,” tambahnya.

Begitu juga, perkhidmatan teksi memainkan peranan besar dalam memberikan tanggapan awal terhadap kualiti sistem pengangkutan awam bandar. SPAD membayangkan perkhidmatan teksi yang disediakan di GKL/KV bakal menjadi setara dengan standard terbaik teksi di ASEAN. “Model perniagaan bagi industri perkhidmatan teksi memerlukan transformasi,” kata Azharuddin. Perkembangan teknologi, kehendak pengguna serta isu perundangan menjadi pendorong utama bagi industri teksi menambahbaik taraf perkhidmatan selari dengan perubahan arus zaman.

Bagi Azharuddin, suasana kini bukan seperti dahulu lagi bagi industri teksi negara. “Industri teksi perlu bersedia untuk menerima dan bergerak seiring dengan arus teknologi dan berkembang secara lebih bersepadu, dengan perkhidmatan yang diperkemas, garis panduan dan peraturan yang lebih jelas untuk dikawal selia. Persaingan mesti juga dilihat sebagai batu loncatan dan bukan halangan agar

perkhidmatan terbaik dapat dinikmati oleh pengguna,” kata beliau.

Mengambil kira perspektif ini, SPAD telah melaksanakan makmal teksi pada Disember 2015, yang menumpukan usaha ke arah penajajaran semula industri secara strategik untuk memenuhi permintaan pada masa ini. Ini termasuklah mencari model perniagaan yang optimum untuk industri teksi, meningkatkan ketersediaan perkhidmatan semasa waktu puncak dan pada waktu lain apabila penawaran perkhidmatan berada pada tahap lebih rendah, mempertingkatkan kecekapan dan tingkah laku pemandu, memastikan kenderaan sentiasa dalam keadaan baik dan menggalakkan penggunaan inovasi teknologi. Justeru itu, SPAD juga sedang mengkaji dan meneliti cadangan-cadangan bagi menangani dua isu utama industri teksi iaitu pertamanya pendapatan dan kebajikan pemandu teksi dan keduanya isu kereta sewa yang menggunakan aplikasi telefon pintar.

“Persaingan perlu dilihat sebagai bantu loncatan dan bukan sebagai halangan untuk membolehkan perkhidmatan terbaik dinikmati oleh rakyat. Kami sedar akan potensi untuk mentransformasikan industri teksi dan kami akan terus mempertimbangkan penyelesaian paling berkesan demi kepentingan semua pihak yang terlibat,” tambahnya.

“**Sepanjang tahun 2015, NKRA UPT telah menyaksikan penambahan kapasiti yang amat diperlukan kepada perkhidmatan rel sedia ada di samping pembinaan projek infrastruktur rel berskala besar.**”

2

## Kepuasan Pengguna merupakan Faktor Kejayaan Utama

Sejak awal pelaksanaannya, meningkatkan keyakinan penumpang dengan menyediakan sistem pengangkutan awam yang andal dan kerap merupakan komponen penting NKRA UPT. Prestasi ketepatan masa akan terus dipertingkatkan memandangkan ia merupakan salah satu faktor utama dalam mempengaruhi kepuasan pelanggan meskipun pengendali pengangkutan awam berdepan dengan banyak cabaran. Tinjauan Kepuasan Pelanggan terhadap pengangkutan awam dijalankan pada setiap tahun untuk mencerminkan permintaan ini dan mendapatkan maklum balas orang ramai.

Hasil Tinjauan Kepuasan Pelanggan yang dijalankan oleh SPAD pada tahun 2015 menyaksikan peningkatan yang signifikan dalam indeks kepuasan daripada 48 peratus (2010) kepada 74 peratus (2015). Menurut tinjauan tersebut, penumpang paling berpuas hati dengan perkhidmatan rel iaitu LRT, KTM dan ERL. Maklum balas menunjukkan bahawa penambahbaikan dalam perkhidmatan rel yang lebih andal dan cekap dapat dirasai oleh orang ramai. Perkhidmatan rel pada hari ini merupakan alternatif yang lebih murah berbanding dengan pengangkutan persendirian di samping menawarkan keselamatan dan keselesaan

yang lebih baik. Satu lagi faktor besar yang menyumbang kepada kepuasan penumpang ialah sistem pertukaran dan sambungan yang mudah antara perkhidmatan rel yang berlainan, melalui sistem penjualan tiket standard iaitu LRT, Monorel dan ERL. Sistem Kutipan Tambang Automatik (AFC) untuk KTM Komuter juga sedang dinaik taraf dan dijangka siap menjelang suku kedua tahun 2016.

Permintaan terhadap pengangkutan awam telah meningkat dengan ketara selepas penambahan 38 tren enam gerabak yang baharu dalam perkhidmatan KTM Komuter sejak Mac 2012, peningkatan pada kekerapan puncak LRT sejak tahun 2014 dan kapasiti tambahan menerusi projek menaik taraf KL Monorel yang sedang dilaksanakan. Penumpang menikmati peningkatan *headway* daripada 30-45 minit (sebelum 2012) kepada setiap 15 minit (semasa, setakat 2015) bagi KTM Komuter, dengan prestasi ketepatan masa pada waktu puncak pagi adalah sebanyak 95 peratus dan perkhidmatan LRT yang andal dengan kekerapan setiap tiga minit semasa waktu puncak. Peningkatan kecekapan perkhidmatan rel menyumbang kepada peningkatan hasil Tinjauan Kepuasan Pelanggan yang ketara setiap tahun.

Bas henti-henti dan teksi bajet yang memberikan perkhidmatan sokongan kepada sistem rel juga penting dalam menangani permintaan dan kepuasan terhadap pengangkutan awam. Masih terdapat ruang untuk menambah baik inisiatif ini dan usaha sedang dijalankan untuk menanganinya. Penggunaan Bas Henti-henti di GKL/KV memastikan usaha ditumpukan untuk menangani peningkatan permintaan pengangkutan awam, kesalinghubungan yang lebih baik kepada perkhidmatan rel dan peningkatan kecekapan perkhidmatan bas untuk penumpang.

Ini jelas menunjukkan usaha yang telah dilakukan dalam NKRA UPT selain menunjukkan bahawa penumpang menyedari dan menghargai pelbagai penambahbaikan dalam pengangkutan awam bandar.



Set tren empat gerabak monorel baru yang mempunyai kapasiti yang berganda, dan 5 daripadanya telah beroperasi pada hujung Disember 2015

## Penggunaan Pengangkutan Awam adalah Penting dalam Menangani Kepesatan Urbanisasi



Set tren enam gerabak bagi KTM Komuter

Menerusi usaha bersepadu sejak beberapa tahun yang lalu, NKRA UPT sentiasa memfokuskan transformasi pengangkutan awam kepada mod pengangkutan alternatif yang menarik bagi penumpang bandar. Perkongsian mod pengangkutan awam bandar meningkat daripada 10 peratus pada tahun 2009 kepada 20 peratus pada akhir tahun 2015, meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran pelaksanaan. Angka-angka ini jelas sekali menunjukkan peratusan yang lebih tinggi bagi orang ramai yang telah memilih menggunakan pengangkutan awam semasa perjalanan waktu puncak pagi, “perubahan minda

pengangkutan awam” yang dijangka akan lebih meningkat apabila MRT Aliran 1 dilancarkan pada tahun 2017.

Seperti kebanyakan industri lain, pengangkutan awam dipacu oleh bekalan dan permintaan. Selain menangani aspek pembekalan, NKRA UPT turut mempunyai peruntukan untuk mengendalikan aspek permintaan. Gabungan strategi ‘pull’ (penarik) dan ‘push’ (pendorong) penting dalam memastikan orang ramai mengambil lonjakan paradigma untuk menggunakan pengangkutan awam sebagai cara hidup. Strategi ‘pull’ merangkumi usaha menjadikan pilihan pengangkutan

awam lebih menarik dan berdaya maju untuk orang ramai. Manakala strategi ‘push’ pula direka untuk menjadikan penggunaan kenderaan persendirian sebagai bentuk pengangkutan ke bandar yang kurang menarik berbanding pengangkutan awam.

Dari aspek pembekalan, peningkatan infrastruktur yang ketara telah dicapai untuk melonjakkan kapasiti penumpang terutamanya semasa waktu puncak melalui pengenalan **38 set enam gerabak baharu** untuk perkhidmatan KTM Komuter, **35 set empat gerabak** untuk LRT Aliran Kelana Jaya dan 14 set gerabak tambahan baharu bakal dihantar untuk menyokong Projek Sambungan Jajaran LRT untuk Aliran Kelana Jaya. **Perkhidmatan bas percuma GoKL** turut diperkenalkan untuk empat laluan dalam Kawasan Pusat Bandar (CBD).

Dari aspek pengurusan permintaan pula, kemudahan pertukaran stesen telah dibina untuk menyediakan pemindahan yang lancar di antara aliran rel yang berlainan. Beberapa kemudahan **Park ‘n’ Ride** di beberapa lokasi menyediakan sehingga 10,000 ruang letak kereta dan memenuhi matlamat untuk memudahkan kesalinghubungan awal perjalanan. Penumpang tidak perlu memandu ke CBD sebaliknya boleh menuju ke kemudahan ini dan meletakkan kereta mereka dengan selamat, kemudian menggunakan rangkaian pengangkutan awam untuk membawa mereka ke destinasi tanpa kesulitan.

Di samping itu, penumpang kini boleh bertukar dengan lancar dari stesen Monorel Kuala Lumpur Sentral ke Stesen Sentral Kuala Lumpur melalui jambatan hubungan berbumbung melalui Pusat Beli-belah Nu Sentral. Pencapaian besar lain yang telah diraih ialah kelulusan yang diperoleh bagi memulakan pembinaan projek tertangguh **Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) Gombak** pada Jun 2016. Terminal ini akan mengendalikan bas ekspres yang menyediakan perkhidmatan di Koridor Timur. Lebih daripada 400 bas akan dilencongkan dari memasuki kawasan CBD selepas ITT Gombak mula beroperasi.

# MEWUJUDKAN AKSES YANG LEBIH BAIK UNTUK RANGKAIAN PENGANGKUTAN BERSEPADU

“Salah satu inisiatif penting di bawah NKRA Pengangkutan Awam Bandar adalah untuk memastikan rakyat mendapat manfaat daripada kesalinghubungan dan keselesaan yang lebih baik.

Terminal Pengangkutan Bersepadu Gombak, atau ITT Gombak, yang telah lama ditunggu-tunggu kini berada pada landasan yang terbaik untuk menjadi realiti. Menurut Veejendran a/l Ramdas, Ketua NKRA Pengangkutan Awam Bandar di Kementerian Pengangkutan, pembinaan dijadualkan bermula pada pertengahan tahun 2016. “Kami menganggarkan projek ini akan mengambil masa 2 tahun untuk disiapkan. Selepas itu, sejumlah 400 bas laluan Pantai Timur dapat dipindahkan dari terminal Hentian Pudu dan Pekeliling ke ITT Gombak,” ujarnya.

Projek ITT merupakan hasil makmal UPT yang diadakan pada tahun 2009, dengan matlamat mengurangkan kesesakan kawasan pusat Bandar (CBD) KL daripada bas ekspres yang datang dari pelbagai lokasi di Malaysia Barat. “Kami menggunakan Puduraya sebagai model kerana Puduraya terletak di tengah-tengah bandar dan dihubungkan dengan monorel. Puduraya juga menyediakan perkhidmatan teksi, malah KTM Komuter terletak berdekatan, justeru model ini digunakan dalam mencetuskan idea untuk membangunkan atau membina lebih banyak terminal,” jelas Veejendran.

ITT Gombak adalah ITT kedua daripada tiga ITT yang telah dirancang. ITT pertama, yang menyediakan perkhidmatan untuk bas ke Selatan, telah mula beroperasi di Bandar Tasik Selatan (BTS) pada tahun 2011. Lokasi itu dipilih berdasarkan kebolehcapaian berbilang mod yang mudah, terutamanya ke stesen LRT Gombak. “Kami tidak mahu membina terminal untuk bas sahaja. Pengguna mesti mempunyai akses kepada mod pengangkutan yang lain juga. Mesti ada perkhidmatan teksi, bas dan rel,” kata Veejendran lagi. Satu lagi ITT dirancang untuk dibina di Sungai Buloh, yang akan menyediakan perkhidmatan bas ke Utara.

“Salah satu inisiatif penting di bawah NKRA Pengangkutan Awam Bandar adalah untuk memastikan rakyat mendapat manfaat daripada kesalinghubungan dan keselesaan yang lebih baik,” ujar Veejendran.





# TINJAUAN MASA HADAPAN

Pada tahun 2016, NKRA UPT menyasarkan penyiapan projek infrastruktur pengangkutan awam berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan untuk mempertingkatkan liputan, kapasiti, kesalinghubungan dan ketercapaian pengangkutan awam. Fasa penuh LEP yang disasarkan beroperasi penuh pada Julai 2016 dengan 25 stesen baharu akan menyediakan perkhidmatan di kawasan baharu seperti Bandar Kinrara, Puchong, Subang Jaya, USJ dan Putra Heights. Sebagai sebahagian daripada NKEA Greater KL/KV di bawah Program Transformasi Ekonomi, fasa pertama Aliran 1 (Sungai Buloh – Semantan) bagi rangkaian Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) akan turut disiapkan menjelang Disember 2016, yang akan siap sepenuhnya pada Julai 2017. MRT Aliran 2, yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada Oktober 2015, seterusnya akan mengubah rangkaian pengangkutan awam. Peluasan KL Monorel dijangka menambah kapasiti kepada perkhidmatan semasa dengan memperkenalkan 12 set tren empat gerabak; lima daripadanya telah pun mula beroperasi.

Terdapat beberapa isu yang perlu diselesaikan bermula pada tahun 2016. Antara usaha yang sedang dilaksanakan sekarang, NKRA UPT akan menumpukan usaha ke arah penyampaian dan penyiapan projek yang tertangguh seperti peluasan KL Monorel, khususnya bagi memastikan penyampaian tujuh set tren 4 gerabak lagi untuk menambahkan

kapasiti penumpang; pelaksanaan BRT KL-Klang sejauh 34 km dari Pasar Seni ke Bandar Klang melalui Lebuhraya Persekutuan untuk liputan yang lebih meluas, kesalinghubungan yang lebih baik dan kapasiti pengangkutan awam yang lebih tinggi di sepanjang koridor ini; dan baikpulih separa (semi-overhaul) KTM Komuter Kelas 83 untuk kapasiti tren yang lebih tinggi.

Sistem Pembayaran Tanpa Tunai Bersepadu (ICPS), merupakan satu sistem pembayaran sepunya bersepadu dalam transit untuk Kereta Api Bandar dan Bas Rapid, turut disasarkan beroperasi pada Januari 2018. Di bawah ICPS, semua sistem tiket pengendali yang berkenaan akan disepadukan dengan sistem akhir berpusat yang membolehkan penumpang menikmati perjalanan bersepadu di semua aliran. Sistem penjualan tiket kertas pada masa ini yang digunakan oleh KTM tidak dapat disepadukan dengan aliran lain, justeru Sistem Kutipan Tambang Automatik (AFC) KTM adalah penting untuk memastikan ia boleh disepadukan dengan ICPS.

Untuk pemantauan prestasi pengangkutan awam yang lebih baik, usaha penting termasuklah penyiapan Sistem Hab Pemantauan Prestasi (PMHS) dan Sistem Sokongan Teksi Berpusat (CTSS) yang akan menjadi platform untuk memantau semua perkhidmatan bas henti-henti dan teksi di kawasan GKL/KV. Aplikasi Perancang Perjalanan (*Journey*

*Planner*) yang sedang dibangunkan akan menambahkan pengalaman penumpang dengan membolehkan pengguna pengangkutan awam mencapai maklumat masa sebenar (*real-time*) berkaitan dengan masa ketibaan, kedudukan kenderaan yang sebenar dan maklumat gangguan perkhidmatan. Projek ini dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang akhir tahun 2016.

Untuk menangani kesalinghubungan awal perjalanan ke kebanyakan stesen KTM Komuter, projek Parkway Dropzone sedang dilaksanakan di stesen Komuter Kampung Dato Harun Petaling Jaya, Serdang dan Batu 3 Shah Alam pelancaran telah dijadualkan pada pertengahan tahun 2017. Akhir sekali, isu-isu dasar yang dihadapi industri teksi kini menjadi fokus utama di bawah SPAD di mana hasil cadangan dari inisiatif Makmal Transformasi Teksi akan dibentangkan bagi kelulusan pihak Kerajaan dan dijangka akan mula dilaksanakan pada awal tahun 2016.

Ini adalah masa yang amat mengujakan bagi pengangkutan awam bandar. Dengan pelaburan berskala besar untuk menggalakkan lebih ramai pengguna beralih kepada pengangkutan awam, kami menantikan saat di mana sasaran perkongsian mod 40 peratus bagi pengangkutan awam bandar dapat menjadi kenyataan, sekali gus membawa kepada pengurangan kesesakan di jalan raya bandar serta peningkatan mobiliti dan kualiti hidup.

# MEMBASMI KEMISKINAN SEBAHAGIAN DARIPADA PROGRAM INKLUSIF



Para peserta di Pusat Latihan 1AZAM, Kuching



**DATO' SRI  
ROHANI ABDUL KARIM**

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

Dalam usaha mentransformasikan Malaysia untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, kita tidak akan meminggirkan kumpulan yang paling mudah terjejas, menerusi usaha kita yang bersifat inklusif dan bertanggungjawab dari segi sosial. Sepanjang 6 tahun lalu, paras kemiskinan negara mencatat penurunan yang kukuh; dari 3.8 peratus pada tahun 2009 ke 0.6 peratus pada tahun 2014. Pencapaian ini merupakan hasil gabungan inisiatif oleh sektor awam dan swasta.

Usaha-usaha ini tidak harus dipandang ringan, kerana realitinya, perjalanan ini bukanlah mudah untuk diredah. Sebahagian isi rumah yang berpendapatan paling rendah tinggal di kawasan paling terpencil, yang memerlukan pengangkutan melalui jalan air dan udara untuk sampai ke lokasi. Sebelum pelaksanaan inisiatif NTP yang bersifat inklusif, ramai rakyat Malaysia tinggal di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan raya. Saya menyanjung dan menghargai dedikasi penjawat

awam kita, kakitangan NGO dan sukarelawan yang telah berjaya mengubah landskap ini. Tanpa mementingkan diri sendiri, mereka mengambil risiko dengan menyertai perjalanan yang jauh lagi berbahaya untuk menghantar makanan dan memberikan perkhidmatan pergigian serta perubatan ke lokasi-lokasi ini.

Program 1AZAM (Akhiri Zaman Miskin) yang dilaksanakan dengan kerjasama NGO yang lebih arif dengan keadaan di lapangan, membanteras kemiskinan dengan menangani keperluan berbeza untuk dilaksanakan secara mampan, kerana kami sedar bahawa 'tiada satu model pun yang sesuai untuk semua'. Pada tahun 2015 sahaja, lebih 193,390 orang telah meraih manfaat daripada program ini, menjadikan sejumlah 85,866 orang yang telah berjaya meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya RM600. Saya menyanjung usaha yang telah dijalankan oleh kementerian, agensi dan pejabat kerajaan tempatan serta NGO dan rakan kerjasama korporat, selain rakyat sendiri yang telah merebut peluang untuk meningkatkan taraf kehidupan masing-masing.

“Sebelum pelaksanaan inisiatif NTP yang bersifat inklusif, ramai rakyat Malaysia tinggal di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan raya.

Dalam perjalanan negara menuju ke status berpendapatan tinggi, dasar dan inisiatif bagi jaringan keselamatan bagi rakyat Malaysia yang mudah terjejas, terutamanya golongan berpendapatan rendah, adalah sangat penting.

NKRA ini memfokuskan pemberian bantuan kepada isi rumah berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukan dengan memperkasakan mereka hingga mampu berdikari. Dengan cara itu, mereka boleh membebaskan diri sendiri daripada belenggu kemiskinan. Matlamat kami adalah untuk mengurangkan pergantungan pada bantuan wang tunai terus dengan menerapkan nilai “teaching them how to fish”, iaitu “mengajar golongan ini memancing ikan” untuk membolehkan mereka meraih keupayaan berdikari dalam kehidupan. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kami telah melihat banyak individu daripada golongan ini yang telah berjaya membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan dan berusaha pula membantu serta membimbing orang lain untuk mencapai kejayaan seperti mereka. Pada asasnya, inilah program-program mampan yang mampu membanteras kemiskinan mutlak di Malaysia buat selama-lamanya.

#### DALAM NKRA INI

1

Pengagihan Sumber yang Optimum

2

Pemerkasaan Ekonomi

3

Memulakan Transformasi Luar Bandar

Sebagai langkah pertama, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) mewujudkan pangkalan data e-Kasih yang menyimpan butiran semua isi rumah berpendapatan rendah di negara ini. Pangkalan data ini merupakan pemacu penting bagi semua inisiatif lain yang menyasarkan peningkatan taraf kehidupan individu yang berdaftar. Salah satu inisiatif ini ialah

program 1AZAM, yang direka khusus agar bersifat fleksibel untuk memenuhi keperluan pelbagai golongan dan oleh yang demikian, program ini dibahagikan kepada beberapa bidang fokus.

Memenuhi perjuangan untuk membanteras kemiskinan paling berkesan dilaksanakan secara holistik dan dengan kerjasama pihak lain yang terlibat. Justeru, kerajaan telah

mendapatkan dan mengalu-alukan penyertaan badan bukan kerajaan (NGO) dan rakan sektor swasta untuk membiayai dan menyokong program yang mengurangkan kemiskinan. Program-program ini dipacu oleh rakan kerjasama; pasukan pelaksana NKRA, dengan sokongan yang diperlukan, akan menyediakan rangka kerja tadbir urus dan pelaporan.

## 1

# Pengagihan Sumber yang Optimum



Berhubung dengan golongan bawah 40 peratus, untuk memahami pelbagai keadaan yang dikategorikan di bawah kemiskinan, dan aktiviti turun padang memainkan peranan yang besar dalam memastikan peruntukan sumber yang optimum. Sejak bertahun-tahun, penjawat awam yang turun padang telah membahayakan nyawa mereka untuk melakukan usaha ini. Maklumat yang dikumpulkan oleh mereka amat penting dalam mengenal pasti keperluan kumpulan sasaran dan mudah terjejas ini.

Untuk tiba ke lokasi keluarga berpendapatan rendah yang terletak di kawasan pedalaman dan terpencil di Sarawak, misalnya, perlu melalui Bario dan Pa'tik yang mengambil masa dua hari untuk sampai ke destinasi. Sebaik sahaja keluarga ditemui, proses memenuhi keperluan mereka merangkumi saluran bantuan wang tunai terus dan juga peruntukan peralatan atau sumber. Proses ini didokumenkan dalam pangkalan data e-Kasih, yang menyimpan semua maklumat isi rumah berpendapatan rendah di seluruh negara. Pangkalan data ini turut menjelaskan bahawa dinamik setiap keluarga atau individu berbeza-beza. Justeru, seorang pegawai perlu berada di lokasi untuk memahami dan mengenal pasti keperluan mereka.

Namun, perkongsian maklumat penting inilah yang meningkatkan keberkesanan inisiatif yang dilaksanakan dan memastikan impak yang terbesar kepada peserta.



AZAM Tani tertumpu kepada pertanian dan aktiviti-aktiviti berasaskan agro yang menyediakan latihan, peralatan pertanian, dan bantuan kewangan untuk petani-petani yang beraspirasi atau pengusaha ternakan

Mencapai objektif utama NKRA bererti menyediakan kelengkapan yang sewajarnya kepada isi rumah berpendapatan rendah supaya mereka boleh mencari pendapatan sambil memberikan sumbangan yang produktif kepada ekonomi. Untuk melaksanakan inisiatif ini dengan berkesan, inisiatif yang sesuai perlu disalurkan dengan betul kepada penerima sasaran. Sejak NKRA ini diperkenalkan pada tahun 2011, usaha ini telah dilakukan melalui penggunaan pangkalan data kemiskinan negara (e-Kasih) untuk menghubungkan penerima inisiatif dengan bidang fokus 1AZAM yang betul. Selain program yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan, 1AZAM turut mengetengahkan projek oleh NGO. Sebaik sahaja penerima 1AZAM mampu berdikari, program Beyond 1AZAM akan dimulakan bagi individu terpilih yang meraih pencapaian yang tinggi untuk meningkatkan lagi keupayaan dan mengukuhkan potensi pendapatan mereka.

AZAM Tani memfokuskan aktiviti pertanian dan aktiviti berasaskan

pertanian dengan menyediakan latihan, peralatan pertanian dan bantuan kewangan kepada bakal petani atau penternak. AZAM Niaga menyediakan sokongan kepada bakal usahawan dengan memberikan bimbingan perniagaan dan pinjaman mikro. AZAM Kerja membantu mempertemukan majikan dengan pekerja dan menempatkan pekerja, selain mengajar pemohon tentang penampilan diri agar lebih menarik perhatian pengurus pengambilan pekerja untuk jawatan yang dihasratkan. AZAM Khidmat menyediakan latihan dalam industri perkhidmatan dan bekerja sendiri (*self-employed*), selain memberikan pinjaman mikro dan peralatan. AZAM Bandar menumpukan aktiviti yang membawa manfaat kepada golongan miskin bandar.

Di Malaysia Timur, 1AZAM Sabah dan 1AZAM Sarawak dikendalikan secara berasingan oleh kerajaan negeri berautonomi masing-masing. Kerajaan

negeri bertanggungjawab melaksanakan semua saluran AZAM lain yang disenaraikan di atas.

Program 1AZAM kini sudah beralih kepada program *Beyond 1AZAM*, memandangkan aspirasinya adalah agar semua peserta 1AZAM dapat menyertai program yang mampan melalui peluang pembiayaan mikro. Peserta 1AZAM yang telah menerima bantuan peralatan dan latihan, dan telah berjaya keluar daripada belunggu kemiskinan serta memasuki kumpulan berpendapatan sederhana rendah, akan terus dibantu menerusi *Beyond 1AZAM*. Dalam fasa ini, bantuan peralatan tidak diperlukan lagi. Walau bagaimanapun, peserta masih diberi semua sokongan yang diperlukan dari segi latihan, pementoran, tunjuk ajar dan bantuan lain untuk memastikan mereka memperoleh sekurang-kurangnya peningkatan 50 peratus dalam pendapatan berbanding dengan projek 1AZAM sedia ada untuk tempoh 3 bulan atau lebih.

# MEMUDAHKAN PENINGKATAN PENDAPATAN MELALUI 1AZAM

Inisiatif 1AZAM telah memberikan kesan terhadap kehidupan banyak keluarga berpendapatan rendah, khususnya mereka yang tinggal di kawasan yang kurang membangun. Misalnya, Chik Azmily bin Che Abdul Aziz yang berusia 31 tahun (pada tahun 2015) dan berasal dari Kampung Beoh Gunong di Kelantan, memperoleh pendapatan RM500 sebulan sebagai buruh harian yang diupah untuk menjaga kebun rumah orang lain, selain memetik buah kelapa sawit.

Melalui inisiatif 1AZAM Tani yang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (Malaysian Agricultural Research and Development Institute, MARDI), yang disertai oleh Che Azmily sejak tahun 2013, Che Azmily telah diberi peralatan dan bahan-bahan pertanian (benih, baja dan racun herba/racun serangga). Isteri beliau pula diberi mesin jahit untuk membantu beliau dalam kerja jahit menjahitnya. Ini membolehkan Che Azmily menanam tanaman kontan bermusim jangka pendek seperti timun, ubi, sayur daun dan tembikai, yang kemudian dijual kepada pemborong. Sementara itu, isteri Che Azmily telah diberi kontrak untuk menjahit kemeja batik oleh seorang pemilik kilang batik.

Che Azmily berjaya meningkatkan pendapatan bulannya sehingga 1000 peratus (atau 10 kali) kepada RM5,000, sekali gus membebaskan keluarga beliau daripada cengkaman kemiskinan tegar. 1AZAM Tani membolehkan beliau membina sebuah rumah menggunakan bahan-bahan yang dibeli daripada hasil pertaniannya, selain memulakan penternakan lebah kelulut (lebah tanpa sengat) untuk mendapatkan madunya. Beliau berhasrat mengembangkan aktiviti pertaniannya dengan menyewa tanah terbiar atau tanah yang tidak

digunakan. Di samping itu, beliau juga merancang untuk menjual hasil tanamannya sendiri di pasar-pasar tani berdekatan tanpa menggunakan khidmat pemborong.

1AZAM Tani turut membawa manfaat kepada Tiu Hock Tong dari Kampung Pasir Parit, juga di Kelantan, yang menyertai inisiatif ini pada tahun 2012. Tiu yang

berusia 64 tahun juga diberi bantuan peralatan dan bahan-bahan pertanian, yang dimanfaatkan sepenuhnya di sebidang tanah berkeluasan 1 ekar. Selain itu, Tiu turut menternak lebah kelulut. Ini membolehkan Tiu menggandakan pendapatan bulannya daripada RM500 kepada RM1000, meskipun tanamannya tidak dituai sepanjang tahun.



Chik Azmily (**atas**) dan Tiu Hock Tong (**bawah**) berjaya meningkatkan pendapatan bulanan dengan bantuan daripada 1AZAM Tani

“ **Sebelum menyertai saluran 1AZAM Niaga pada tahun 2014, Tim menggunakan rumahnya sebagai kedai runcit secara kecil-kecilan. Susulan penyertaannya, Tim telah berjaya mendapatkan lesen perniagaan yang sah dan memperluas ruang niaganya. Ini seterusnya membolehkan Tim menyusun semula produk jualannya dengan lebih kemas dan teratur.** ”

Inisiatif NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah, khususnya program 1AZAM, sangat dihargai di Sabah dan Sarawak dan program ini dikendalikan secara autonomi oleh kerajaan negeri sendiri. Perkadaran isi rumah berpendapatan rendah lebih tinggi dalam pelbagai kumpulan di sana dan mereka telah meraih lebih banyak manfaat daripada inisiatif ini.

Salah seorang penerima manfaat ini ialah Sidi anak Tuba dari Sungai Liuk, Mukah di Sarawak. Sebelum Sidi menyertai saluran 1AZAM Tani pada tahun 2010, jumlah pendapatan isi rumah Sidi ialah RM450. Di bawah kendalian Jabatan Pertanian Sarawak, Sidi mula menanam jagung dan sayuran lain di tanah miliknya seluas 3.6 hektar. Hasil tuaiannya kemudiannya dijual di pasar Mukah dan di sekeliling kampung. Pendapatan Sidi meningkat begitu besar sebanyak 20 kali sehingga RM9,000 sebulan, jauh melebihi purata pendapatan rakyat Malaysia, iaitu satu pencapaian yang boleh dibanggakan oleh Sidi dan keluarganya.

Jabatan turut membantu Tim anak Kawen yang tinggal di Kampung Rejo di Siburan, Sarawak. Sebelum menyertai saluran 1AZAM Niaga pada tahun 2014, Tim menggunakan rumahnya sebagai kedai runcit *ad hoc*. Susulan penyertaannya, Tim telah berjaya mendapatkan lesen perniagaan yang sah dan memperluas ruang niaganya. Ini seterusnya membolehkan Tim menyusun semula produk jualannya dengan lebih kemas dan teratur. Sejak itu, pendapatan Tim telah meningkat daripada RM600 kepada RM2,800 sebulan. Malah, Tim dapat menyediakan kediaman yang lebih selesa untuk keluarganya dan dengan operasi kedai runcitnya, penduduk kampung dapat membeli bekalan harian mereka tanpa perlu pergi ke bandar.



### 3 Memulakan Transformasi Luar Bandar

Pada tahun 2013, sebagai sebahagian daripada GTP 2.0, 1AZAM diperluas untuk mencapai kumpulan mudah terjejas lain. 1AZAM turut bekerjasama dengan NGO dan sektor swasta untuk memperluas bentuk dan pembiayaan inisiatif, sekali gus mewujudkan persekitaran yang mampan bagi inisiatif lain. Bilangan projek 1AZAM yang dijalankan dengan kerjasama NGO dan sektor korporat berjaya mencapai KPInya setiap tahun secara konsisten, dan kesediaan NGO bekerjasama dengan agensi kerajaan dalam pelaksanaan program 1AZAM telah membawa banyak manfaat. NGO menyedari nilai dan impak program ini terhadap penerima meskipun pemilihan yang dijalankan oleh agensi pelaksana adalah sangat ketat.

Sesetengah isi rumah berpendapatan rendah, terutamanya yang tinggal di kawasan pedalaman atau yang berasal daripada komuniti yang hidup dalam kemiskinan tegar, mendapat manfaat daripada inisiatif bukan 1AZAM seperti program bakul makanan yang membolehkan isi rumah menjimatkan perbelanjaan komoditi asas. Bentuk bantuan wang tunai terus yang lain, termasuk akses kepada penjagaan kesihatan dan perkhidmatan pergigian, kesalinghubungan dan akses kepada kemudahan asas yang lebih baik, dan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak untuk anak-anak mereka, merupakan sebahagian daripada usaha dalam menyediakan pemangkin ekonomi (*economic enablers*) kepada mereka.

Senarai NGO yang mengandungi kumpulan penerima untuk membolehkan sumber diperuntukkan dengan efisien semasa menyampaikan bantuan. Kerjasama dalam membasmi kemiskinan terendah di kawasan NGO beroperasi telah membuahkan hasil. Dari tahun 2014 hingga akhir tahun 2015, kerajaan, NGO dan syarikat sektor swasta telah bekerjasama dengan jayanya dalam 80 projek.

Sejak tahun 2014, 123 program komuniti atau program berasaskan kumpulan telah dilaksanakan untuk memberi manfaat kepada mereka yang tidak berdaftar dengan e-Kasih. Kumpulan atau komuniti ini tinggal di kawasan unik yang memerlukan sebuah program yang lebih segera dan teguh yang memfokuskan demografi khusus mereka. Program ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan di kawasan luar bandar berbanding dengan kawasan bandar disebabkan bentuknya yang lebih relevan dengan kumpulan sasaran.



(Kiri) Membina keupayaan menerusi latihan - kemahiran menjahit untuk menjana pendapatan (Kanan) Lawatan KPWKM ke Tasputra, sebuah pusat kanak-kanak kurang upaya



# TINJAUAN MASA HADAPAN

**M**eskipun jumlah kemiskinan secara keseluruhan kini berkurangan, kadar kemiskinan dalam kalangan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak masih agak tinggi, terutamanya di kawasan luar bandar dan kawasan terpencil. Memandangkan belanjawan bagi tahun 2016 yang terhad, NKRA akan membuat pelarasan berdasarkan Rancangan Malaysia ke 11, yang memfokuskan usaha meningkatkan ekonomi rakyat di samping memastikan ekonomi utama terus berkembang maju.

Dalam hal ini, ekonomi rakyat mempunyai ciri yang berorientasikan rakyat, yang merangkumi prioriti utama dan kepentingan rakyat seperti peningkatan kos sara hidup, pendapatan isi rumah, pendidikan dan peluang pekerjaan, keusahawanan serta jaringan keselamatan sosial yang mencukupi. Inisiatif NKRA yang sejajar dengan ekonomi rakyat termasuk usaha memperuntukkan perkhidmatan pengurusan hutang kewangan bagi golongan miskin, mempercepat penerapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan mengukuhkan sistem penyampaian program yang menjangkau golongan bawah 40 peratus (B40) isi rumah di Malaysia.

NKRA LIH akan bekerjasama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit Bank Negara (AKPK) untuk memperkenalkan perkhidmatan pengurusan hutang kewangan kepada isi rumah B40 yang cenderung mengambil pinjaman peribadi untuk menyokong perbelanjaan harian mereka. Pada 2014, isi rumah yang mempunyai pendapatan RM3,000 sebulan atau kurang mempunyai paras keberhutangan yang bersamaan dengan 7 kali pendapatan isi rumah tahunan mereka.

Penerapan ICT akan dipercepat, sekali gus meningkatkan akses kepada maklumat dalam pelbagai bidang dan memperluas peluang perniagaan serta penjana pendapatan. Program eRezeki yang dilancarkan pada Jun 2015 bertujuan meningkatkan purata pendapatan isi rumah B40. Program ini akan diperluas dengan menyediakan latihan ICT asas sebelum mempertemukan peserta dengan pekerjaan yang relevan seperti pemasukan data, pemantauan harga dan penterjemahan dokumen. Pekerjaan mikro ini boleh dilakukan dari rumah atau Pusat eRezeki.

Sementara itu, penerima 1AZAM sedia ada akan mendapat manfaat setelah membuat pendaftaran

di portal prolehan dana awam (*crowdsourcing*) setempat (*orang.e.com*) yang diwujudkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Portal yang disediakan percuma sepanjang hayat ini akan meningkatkan keterlihatan dan kumpulan tenaga mahir dalam kalangan rakyat Malaysia dan membolehkan penerima 1AZAM menerokai pasaran baharu bagi produk mereka.

Dengan melengkapkan penanda aras Paras Garis Kemiskinan (PLI) dengan Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI), cerapan dan pemahaman baharu tentang keadaan sebenar kemiskinan di negara ini dapat diperolehi, dan NKRA LIH dapat mengatur dan memperkemas sokongan yang diterima oleh isi rumah B40 dengan lebih baik, sekali gus menambah baik penyampaian program yang sewajarnya. Antara lain, ini bererti bahawa kerjasama yang berlangsung dengan sektor swasta akan diteruskan, dengan melaksanakan program-program CSR dan menghulurkan bantuan kepada peserta-peserta eKasih dan memastikan bantuan tersebut sampai kepada kumpulan sasaran.



# MENINGKATKAN KUALITI DENGAN MENYEMAI BUDAYA BERTERASKAN PRESTASI



**DATO' SERI  
MAHDZIR KHALID**

MENTERI PENDIDIKAN

Dalam dunia yang semakin kecil melalui peningkatan kebolehcapaian dan keterhubungan, kita harus memastikan sistem pendidikan Malaysia menyediakan asas untuk generasi pelajar kita bersaing pada peringkat global dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan. Untuk mencapai matlamat ini, pihak Kementerian telah memfokuskan inisiatif-inisiatif yang menyumbang kepada pembangunan kualiti sistem pendidikan negara, dan sejak enam tahun lepas, Kementerian telah mengatur langkah untuk mewujudkan budaya pembelajaran dan dunia akademik berorientasikan prestasi.

Inisiatif Program Transformasi Negara (NTP) merupakan subset kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), yang menyediakan garis panduan tentang cara untuk menambah baik sistem pendidikan Malaysia demi menyokong matlamat negara. Matlamat kita di sini ialah menghamparkan asas yang kukuh untuk menyampaikan pendidikan berkualiti kepada generasi

pelajar kita dan memastikan kemampuannya seiring dengan peredaran masa.

Dalam jangka masa panjang, matlamat kita ialah memiliki sebuah sistem pendidikan yang holistik dan fleksibel, yang mengambil kira keperluan khusus setiap pelajar. Ini akan memastikan negara dilengkapi dengan tenaga kerja berkualiti tinggi, berkemahiran dan produktif, serta mampu memberikan sumbangan yang besar kepada negara dalam aspek ekonomi, sains dan budaya.

“*Menyampaikan pendidikan berkualiti kepada pelajar-pelajar memerlukan penglibatan empat pihak iaitu pengetua, guru, ibu bapa dan pelajar untuk bekerjasama dan meningkatkan prestasi sekolah.*”

**B**idang Keberhasilan Utama Negara Memastikan Pendidikan Berkualiti (NKRA Pendidikan) memfokuskan usaha menambah baik kualiti pendidikan yang disampaikan kepada pelajar oleh sistem pendidikan kita. Langkah-langkah *ad hoc* sahaja tidak memadai untuk menyelesaikan isu-isu yang telah berakar berumbi dan juga tidak dapat menyediakan asas yang kukuh untuk pembangunan persekitaran pembelajaran yang mampan. Oleh yang demikian, pemikiran yang teliti diperlukan melalui perancangan dan pelaksanaan multidimensi dalam semua aspek. Justeru, terhasillah inisiatif yang bertujuan menyemai budaya akademik berteraskan prestasi. Ini termasuklah program yang direka bentuk untuk memastikan pelajar mendapat kelebihan permulaan yang teguh dan akses kepada pendidikan awal yang

#### DALAM NKRA INI

- 1 Akses kepada Pendidikan Awal
- 2 Meningkatkan Standard Pembelajaran
- 3 Memartabat Keunggulan Profesion yang Mulia

berkualiti, meningkatkan standard sekolah dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang berkesan di samping mempertingkatkan prestij guru dan memberikan sokongan kepada mereka, agar profesion perguruan menjadi profesion pilihan.



Asas yang kukuh memberi dorongan untuk membina kemahiran bagi pekerjaan masa hadapan

Untuk melaksanakan usaha ini, beberapa cabaran harus diatasi. Semua pelajar di kawasan bandar dan juga luar bandar mesti mendapat peluang yang sama dan akses yang saksama kepada pendidikan awal yang berkualiti tinggi. Kemahiran pemimpin dan guru sekolah mesti dipertingkatkan dan motivasi mereka perlu disuntik semula untuk menyampaikan pendidikan bertaraf tinggi secara konsisten. Ekosistem pengajaran perlu diperkukuh; graduan berprestasi tinggi perlu melihat perguruan sebagai pilihan kerjaya yang menarik. Pada masa yang sama, pelajar dari prasekolah hingga peringkat menengah dan pendidikan tinggi mestilah mendapat tahap sokongan pendidikan yang sama, tanpa mengira tempat mereka belajar.

Beberapa pencapaian yang membanggakan telah diraih. Lebih banyak kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan prasekolah dan penajaan kanak-kanak, dan bantuan kewangan telah diberikan kepada mereka yang tidak mampu membayar kos pendidikan tersebut. Penanda

aras yang ditetapkan oleh Sekolah-sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) membolehkan sekolah-sekolah tersebut menjadi contoh untuk diteladani oleh sekolah lain. Hampir semua sekolah berprestasi terendah di negara kita telah memanfaatkan sokongan ini dengan meningkatkan prestasi masing-masing.

Namun, masih ada cabaran yang perlu ditangani. Negara yang maju dan berpendapatan tinggi memerlukan tenaga buruh mahir yang berterusan dan tenaga kerja yang terpelajar, agar warga tempatan dapat diambil bekerja untuk memenuhi keperluan negara. Majikan dan perekrut Sumber Manusia telah menyatakan bahawa graduan Malaysia tidak selalunya mempunyai kemahiran yang dicari-cari oleh majikan. Kecekapan dalam bahasa Inggeris, yang masih lagi berfungsi sebagai *lingua franca* dan bahasa sains di dunia, serta pembangunan pemikiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah merupakan bidang yang menjadi sasaran keutamaan NKRA dalam pendidikan. Kelulusan pelaksanaan Program Dwibahasa (DLP) dan Program Imersif Tinggi (HIP) yang disasarkan

pada tahun 2016 membuktikan Kerajaan memandang serius usaha menangani kelemahan berbahasa Inggeris dalam kalangan pelajar kita.

Namun, pendidikan tidak tertumpu hanya pada kebolehpayaan graduan untuk diambil bekerja. Golongan belia Malaysia perlu lebih produktif dan menjadi anggota masyarakat sekitar yang aktif memberikan sumbangan. Atas sebab inilah banyak NGO dan sektor swasta melihat pendidikan sebagai usaha demi kebaikan sosial yang boleh disertai oleh semua pihak. Antara inisiatif yang dijalankan oleh NGO termasuklah *Malaysia Collective Impact Initiative* dan pengenalan platform pendanaan daripada orang ramai (*crowdfunding*) seperti *give.my* dan *100% Project*.

Antara sebab NKRA Pendidikan mempunyai tumpuan khusus terhadap pelajar berkeperluan khas adalah untuk memastikan semua pelajar mempunyai peluang yang sama untuk berjaya.

Usaha ini dan inisiatif yang lain akan diteruskan pada tahun 2016, yang merupakan permulaan Gelombang 2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Tema bagi Gelombang 2 ialah “Memacu peningkatan sistem”, yang akan meneruskan program Gelombang 1 dan membawanya ke tahap seterusnya. Gelombang 2 bakal menyaksikan pelaksanaan kurikulum sekolah yang baharu, penambahbaikan kecekapan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar kita, memperkukuh pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), serta perubahan struktur lain untuk menambah baik penyampaian pendidikan.

Usaha membina generasi masa hadapan Malaysia yang mengamalkan budaya berteraskan prestasi dan keberhasilan memerlukan sistem pendidikan holistik yang tergolong dalam kelompok satu pertiga teratas pada peringkat global, meliputi semua tahap dan jenis pendidikan secara menyeluruh, dan tetap terbuka kepada semua tanpa mengira umur, jantina atau status ekonomi.

## Akses kepada Pendidikan Awal

Inisiatif prasekolah, yang menyasarkan penambahbaikan akses kepada pendidikan awal yang berkualiti tinggi untuk semua rakyat Malaysia, telah menyaksikan peningkatan enrolmen prasekolah serta lebih banyak kawasan geografi mendapat manfaat daripada inisiatif tersebut. Pendidikan awal kanak-kanak sangat penting kepada pembangunan akademik mereka pada masa hadapan. NKRA Pendidikan mengikuti garis panduan amalan terbaik global dengan menjadikan pendidikan awal ini sebagai bidang fokus. Justeru,

NKRA Pendidikan menumpukan usaha dalam pemberian bantuan kewangan kepada pelajar dan juga pengusaha prasekolah untuk membuka cawangan-cawangan baharu. NKRA Pendidikan turut menguatkuasakan dan memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan pentadbiran prasekolah, serta memantau kemajuan pelajar tatkala mereka memasuki peringkat pendidikan rendah.

Peningkatan enrolmen prasekolah kepada 84.63 peratus pada tahun 2015 (daripada 67 peratus pada tahun 2009) ialah sesuatu yang amat membanggakan.

32,722 pelajar telah menerima bantuan yuran untuk menggalakkan akses berterusan kepada pendidikan pada peringkat paling awal, terutamanya kanak-kanak daripada isi rumah berpendapatan rendah. Sementara itu, banyak usaha telah dilakukan untuk menangani kekurangan prasekolah di negara kita. 417 prasekolah swasta baharu telah dibuka di seluruh negara pada tahun 2015. 252 prasekolah swasta baharu telah menerima geran permulaan untuk membantu pengusaha dalam operasi masing-masing. Secara keseluruhan, 555 prasekolah awam dan swasta telah dibuka untuk meningkatkan akses kepada pendidikan prasekolah.

Namun, kebolehcapaian yang tinggi sahaja tidak mencukupi. Pendidikan yang diterima oleh kanak-kanak ini mestilah berkualiti tinggi juga. Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) yang dipertingkatkan telah diwujudkan dalam bentuk instrumen dalam talian untuk menilai kualiti prasekolah. Selanjutnya, prasekolah yang berprestasi kurang baik boleh diberi sokongan untuk penambahbaikan berterusan. Rangka kerja penandaarasan kebangsaan turut diwujudkan. Setelah pelajar memasuki sekolah rendah, Saringan Literasi dan Numerasi yang ditambah baik, iaitu LINUS 2.0, menyasarkan usaha memastikan 100 peratus pelajar Tahun 3 menguasai kemahiran asas literasi Bahasa Melayu (BM) dan Bahasa Inggeris. LINUS 2.0 turut menyasarkan pencapaian 100 peratus dalam numerasi menjelang usia tersebut. Pada masa ini, 94.1 peratus daripada pelajar Tahun 3 celik bahasa Inggeris, 98.6 peratus celik BM dan 99.1 peratus daripada mereka celik nombor. Hal ini membuktikan LINUS 2.0 telah mencatat kemajuan yang besar dalam memastikan bahawa menjelang akhir Tahun 3, peratusan pelajar yang celik huruf dan celik nombor adalah lebih tinggi. Lebih banyak usaha akan dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memastikan semua pelajar celik huruf dan nombor menjelang akhir Tahun 3.



Pembelajaran sepanjang hayat bermula dengan pendidikan yang teguh pada peringkat asas

2

## Meningkatkan Standard Pembelajaran

Melalui peningkatan dan penumpuan standard dan kualiti sekolah di seluruh negara, sekolah-sekolah yang dahulunya berprestasi rendah telah dicabar untuk lebih berteraskan prestasi. Sebelum ini, pencapaian pelajar berbeza-beza antara negeri, daerah dan juga sekolah. Ibu bapa daripada komuniti yang lebih berada dapat memastikan anak mereka mengikuti pengajian di sekolah

yang lebih baik berbanding dengan keluarga berpendapatan rendah. Oleh itu, diwujudkan program-program yang menggalakkan dan menyokong sekolah yang berprestasi baik untuk menjadi lebih bagus, serta memantau kemajuan sekolah yang berprestasi rendah. Ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk memastikan peluang yang lebih saksama dan pencapaian pelajar ditingkatkan.



Persekitaran yang kondusif memainkan peranan penting untuk menentukan prestasi pelajar

Sebagai permulaan, usaha ini dilaksanakan melalui program Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Sejumlah 132 SBT telah dikenal pasti setakat ini. Program ini bertujuan melonjakkan kualiti sekolah terbaik di Malaysia. Sekolah-sekolah ini dijangka menunjukkan prestasi yang baik pada peringkat antarabangsa. SBT mendorong tahap kecemerlangan pelajar dengan mewujudkan persekitaran yang memudahkan pembelajaran. Program tersebut bukan sekadar mengkaji kecemerlangan akademik, malah turut meneliti budaya sekolah serta sikap pelajar dan guru. Dengan cara ini, standard untuk sekolah-sekolah lain dalam sistem dapat dipertingkatkan. Sekolah-sekolah yang dikenal pasti sebagai SBT menerima pelbagai insentif untuk membantu mengekalkan status masing-masing. Sebagai balasan, sekolah tersebut diharapkan dapat membantu meningkatkan ranking sekolah-sekolah di sekitarnya, melalui bimbingan dan hubungan perangkaian guru.

Pada masa yang sama, Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP) menyokong semua sekolah, terutamanya sekolah berprestasi lebih rendah. Salah satu teras utama SIP adalah untuk meningkatkan ranking semua sekolah agar keluar daripada band terendah (iaitu Band 6 dan 7), serta lebih banyak sekolah dalam kategori Band 1 dan 2. Kemajuan yang memberangsangkan telah dicapai dalam kedua-dua aspek. Peratus sekolah dalam Band 6 dan 7 telah menurun daripada 6.98 peratus pada tahun 2010 kepada 0.95 peratus (95 daripada 10,010 sekolah di seluruh negara). 36.8 peratus daripada semua sekolah kini berada dalam Band 1 dan 2, meningkat daripada 19.4 peratus pada tahun 2010 dan 31 peratus daripada tahun 2014. SIP membolehkan KPM untuk memfokuskan usaha dan sumber terhadap sekolah berprestasi rendah. Sekolah tersebut kemudiannya boleh mula merapatkan jurang prestasinya dengan sekolah lain yang berprestasi lebih tinggi. Dengan pelaksanaan SIP, sekolah-sekolah kini lebih peka tentang prestasi sendiri, dan menjadikannya lebih terdorong untuk menanjak kedudukan masing-masing.

Perubahan haluan dan transformasi menyeluruh oleh SK Lemoi secara berterusan merupakan kisah kejayaan

SIP yang wajar diuar-uarkan. Sebuah sekolah luar bandar yang terletak jauh di dalam hutan Pahang, SK Lemoi memenuhi keperluan Orang Asli semata-mata. Ia tergolong dalam band sekolah terendah pada tahun 2010 dan hanya 8 peratus pelajarinya lulus UPSR. Dengan sokongan KPM, yayasan swasta dan komuniti, ditambah pula dengan kepemimpinan sekolah yang mantap, SIP berjaya mencipta keajaiban kecil di sana. Dalam tempoh singkat selama 3 tahun, sekolah tersebut meningkat 3 band kepada Band 4 dan mencapai kadar lulus 92 peratus bagi mata pelajaran bahasa Inggeris UPSR, daripada peratus lulus yang amat teruk sekali sebelum itu, iaitu 0 peratus. SK Lemoi turut mencapai kadar lulus keseluruhan 60 peratus dalam peperiksaan UPSR.

Pada masa yang sama, sekolah yang mempunyai pelajar dan kemudahan Keperluan Pendidikan Khas (SEN) menyaksikan perubahan terhadap cara keperluan mereka dipenuhi. Beberapa program rintis di bawah segmen SEN telah berjaya dilaksanakan di bawah model Perkongsian Awam-Swasta (PPP) di samping sokongan NGO. Program Peralihan Pekerjaan SEN menyaksikan pelaksanaannya di 5 buah sekolah di Malaysia Timur dan Barat. Daripada 129 pelajar yang mengambil bahagian dalam komponen penempatan industri, 56 daripada mereka (43.4 peratus) terus mendapat pekerjaan sepenuh masa. Di Sabah, program tersebut dijalankan secara konsortium dengan 17 buah sekolah lain melalui kerjasama dengan Kumpulan BTC, iaitu sebuah syarikat katering tempatan. Satu lagi program, iaitu inisiatif Kelab Buddy, menyaksikan pelajar SEN berintegrasikan dengan pelajar arus perdana daripada prasekolah sehinggalah peringkat kolej. Program rintis diperkenalkan dengan penggunaan bola sepak dan kayuhan basikal tandem sebagai platform penyatuan, dan telah berjaya mempertemukan pelajar daripada kedua-dua aliran ini. Pada tahun 2015, 800 pelajar daripada 18 sekolah terlibat dalam inisiatif Kelab Buddy. Program ini akan diperluaskan kepada 30 buah sekolah yang lain pada tahun 2016.

## MEMBANGUNKAN KEMAHIRAN UNTUK PROSPEK YANG LEBIH CERAH

Program Peralihan Pekerjaan, yang merupakan sebahagian daripada inisiatif Keperluan Pendidikan Khas (SEN), telah menikmati beberapa kejayaan dalam tempoh singkat pelaksanaannya. Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Reko, iaitu salah sebuah sekolah yang mengambil bahagian dalam program tersebut, telah mengendalikan kelas SEN sejak tahun 1995, dan dari segi kebolehcapaian fizikal, sekolah ini telah memasang tanjakan (*ramp*) dan memastikan bilik darjah SEN terletak di tingkat bawah. Pelajar SEN di sini merangkumi mereka yang kekurangan upaya fizikal dan juga mental, dan sekolah tersebut menilai keperluan khusus pelajar sebelum menempatkan mereka pada peringkat yang bersesuaian.

Pengetua sekolah tersebut, Wan Roslan Wan Yaakob, percaya bahawa pelajar SEN harus mampu berdikari dan hidup berasingan daripada ibu bapa mereka. Untuk memberikan peluang kepada pelajar SEN berbuat demikian, SMK Jalan Reko bekerjasama dengan Kagumas Culinary Arts College, Tesco Kajang dan pelbagai restoran di Bangi untuk memberikan latihan kemahiran dan latihan semasa bekerja. Setelah pelajar mencapai usia 16

tahun atau lebih, sekolah tersebut turut membincangkan prospek pelajar dengan ibu bapa mereka, yang mungkin dapat menghubungkan sekolah dengan pemilik perniagaan yang lain.

Antara penerima manfaat program ini ialah Ahmad Hudzeir Mohamadiah. Ahmad, iaitu bekas pelajar SMK Jalan Reko, merupakan barista yang turut menyediakan makanan di Restoran Aneka Selera di Bandar Baru Bangi. Sekolah tersebut turut membuat pengaturan untuk Ahmad menjalani latihan di Kagumas Culinary Arts College dalam kemahiran kulineri dan hospitaliti.

Majikannya, iaitu pemilik restoran Zul Azwan, memuji Ahmad sebagai salah seorang pekerja terbaik di restorannya, walaupun beliau pemalu dan kurang mahir bersosial dan berkomunikasi. Beliau mengimbangi kelemahan tersebut melalui kemahirannya dalam penyajian makanan. Zul telah menggaji pekerja kurang upaya selama 11 tahun, dan Zul percaya bahawa dengan latihan awal sebelum menyertai tenaga kerja dan kesabaran yang tinggi semasa mengajari mereka selok-belok pekerjaan, mereka boleh menjadi pekerja yang berdedikasi, jujur dan kompeten.



# MEWUJUDKAN PENDIDIKAN BERTARAF DUNIA YANG BERPRESTASI TINGGI

Usaha NKRA Pendidikan untuk menggalakkan sekolah yang mempunyai kualiti antarabangsa telah membuahkan hasil. Pada tahun 2012, SABK Imtiaz Yayasan Terengganu Besut (Imtiaz) tergolong dalam Kohort 2 bagi inisiatif Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Sejak itu, sekolah agama yang bertempat di Terengganu ini telah menjadi antara sekolah terbaik di negeri tersebut, malah di negara kita.

Imtiaz, yang merupakan cetusan idea Dato' Sri Idris Jusoh (kini Menteri Pendidikan Tinggi), bermula sebagai institusi yang dibiayai oleh pihak swasta, dengan pengambilan pada awalnya sebanyak tujuh orang pelajar pada tahun 1999. Pada masa ini, Imtiaz mempunyai lebih 2,000 pelajar merentas 7 kampus di seluruh Terengganu. Imtiaz berasal daripada kalimah Arab yang bermaksud 'kecemerlangan', justeru menerangkan visinya untuk menjadi sekolah berciri Islam yang terbaik dalam kelasnya.

Menurut pengetuanya, Haji Abdul Wahab bin Mohd. Arshad, Imtiaz telah meraih kejayaan cemerlang dalam banyak pertandingan antarabangsa, termasuk menjadi pemenang pingat emas dan perak di Pameran Reka Cipta dan Reka Bentuk Antarabangsa Kaohsiung 2015. Imtiaz turut bekerjasama dengan Universiti Cambridge sejak tahun 2013, membolehkan pelajarannya menduduki peperiksaan International General Certificate of Secondary Education (IGCSE). Bagi kedua-dua pentaksiran Tingkatan 3 PT3 dan SPM, Imtiaz merupakan sekolah yang mencapai markah terbaik di Terengganu.

Imtiaz menggabungkan pengajian daripada pelbagai sukatan pelajaran, dan merupakan sekolah agama pintar yang pertama (dan satu-satunya setakat ini) di Malaysia. Selain asas agama



yang menyeluruh, pelajar digalakkan untuk mendalami pengajian mereka secara holistik; mempelajari kemahiran insaniah yang diperlukan oleh negara, menguasai pelbagai bahasa dan pelbagai bidang ilmu, selain membina keperibadian mereka. "Kami juga menerima pakai inisiatif Persekutaran Pembelajaran Maya (1BestariNet) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan menjadikannya sebahagian daripada etos sekolah," terang Abdul Wahab.

Imtiaz turut memupuk kemahiran berfikir aras tinggi dan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar, dengan menggunakan hal-ehwal semasa yang berlaku di dunia sebagai alat bantu pengajaran. "Kami mahu pelajar kami mempunyai pengetahuan ensiklopedik juga, agar mereka dapat bersaing pada peringkat global."

Setelah menjadi sekolah kerajaan pada tahun 2007, Imtiaz dibuka kepada pelajar di seluruh Malaysia, dengan hanya 60 peratus enrolmen dari Terengganu, untuk meningkatkan pendedahan pelajar kepada rakan sebaya di seluruh negara.

Pelajar Imtiaz berasal daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, walaupun pelajar miskin diberi keutamaan.

Abdul Wahab amat bersyukur dengan adanya inisiatif KPM yang didasarkan untuk memajukan pelajar dan juga sekolah. "Setiap perkembangan atau inisiatif baharu yang diperkenalkan oleh KPM, saya cuba menerimanya dan menyesuaikannya untuk kegunaan sekolah. Misalnya, kami menggunakan Rakan Pembimbing Pembangunan Prestasi Sekolah (SIPartner+), yang kami dapati agak berguna, dan juga Jurulatih Pakar Pembangunan Prestasi Sekolah (SISC+). Kini kami sedang melaksanakan Program Dwibahasa (DLP), yang dirangka untuk meningkatkan kecekapan pelajar dalam bahasa Inggeris."

"Saya berbesar hati kerana berpeluang memperkenalkan sekolah ini kepada khalayak yang lebih luas, dan kami berharap dapat menjadikan Imtiaz sekolah terbaik di Malaysia. Kami merancang untuk memajukan jenama Imtiaz kepada pendidikan tinggi. Harapan kami pada tahun 2020, kami juga akan mempunyai kolej dan universiti Imtiaz."

## Memartabat Keunggulan Profesion yang Mulia

Pemimpin sekolah dan guru memperoleh akses kepada pakej kerjaya dan saraan yang berasaskan prestasi, dalam usaha memastikan perguruan dilihat sebagai profesion berstatus tinggi dan bergaji besar. Ini sejajar dengan pernyataan UNESCO<sup>1</sup> bahawa guru berkualiti merupakan faktor yang paling penting dalam pembelajaran pelajar. Profesion perguruan yang berkualiti amat penting dalam mencapai tahap pendidikan yang lebih baik, sekali gus merangsang produktiviti dan kesejahteraan.

Walaupun sangat penting dalam membentuk dan memupuk generasi pelajar yang akan menjadi pemimpin pada masa hadapan dan tenaga kerja negara, profesion perguruan menghadapi cabaran tanggapan yang tidak adil. Ini merupakan fenomena sejagat dunia; sebuah kajian oleh Kementerian Pendidikan<sup>2</sup> NZ pada tahun 2006 turut menyatakan isu yang sama, seperti yang ditunjukkan oleh satu tinjauan pendapat<sup>3</sup> pada tahun 2014 di Amerika Syarikat, laporan responden menunjukkan penurunan terhadap kepercayaan dan hormat antara guru dan pelajar. Jurang persepsi ini perlu ditangani bagi memastikan para guru bermotivasi untuk menyampaikan pendidikan yang berkualiti kepada pelajar Malaysian.

Justeru, NKRA Pendidikan memfokuskan usaha untuk mengubah sistem dan cara berfikir sebegini. Ini perlu dilakukan dengan menyokong guru dan memfokuskan kemahiran teras mereka. PPPM mempunyai matlamat yang jauh lebih tinggi. Menjelang tahun 2025, perguruan dijangka menjadi profesion

elit yang terbuka hanya kepada graduan dalam kelompok 30 peratus teratas. Guru akan diberi peluang pembangunan profesional berterusan (CPD) sepanjang kerjaya yang memberangsangkan dan memuaskan. Pada tahun 2015, 69,530 orang lepasan SPM memohon untuk menyertai Institut Pendidikan Guru, dan 2,924 daripada mereka diterima setelah menjalani proses saringan dan temu duga. Calon yang terpilih itu tergolong dalam kalangan lepasan SPM 30 peratus teratas.

Usaha ini bermula dengan penelitian terhadap pakej saraan dan imbuhan untuk guru dan juga pemimpin sekolah. Pengetua dan guru besar tercakup di bawah inisiatif Tawaran Baharu. Tawaran Baharu memberikan ganjaran insentif kewangan dan kerjaya kepada pemimpin sekolah yang berprestasi tinggi (dan yang meningkat maju). Di samping itu, pakej kerjaya yang disemak telah disediakan untuk pemimpin sekolah. Proses untuk memperkemas rancangan penggantian pemimpin sekolah yang bakal bersara turut diwujudkan.

Guru-guru juga dapat menjangkakan perhatian yang lebih banyak tertumpu kepada perkembangan kerjaya mereka. Sebelum ini, 5 penilaian prestasi yang berbeza digunakan. Pada tahun 2015, satu instrument Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) untuk menilai prestasi guru dan juga pemimpin sekolah telah dilancarkan sebagai sebahagian daripada sesi prapelaksanaan dalam kalangan 410,000 guru. Ketidaktepatan pelaksanaan telah dikenal pasti dan diatasi sebagai persediaan untuk pelaksanaan

sepenuhnya ke seluruh negara pada tahun 2016.

Pada tahun 2016, PBPPP akan digunakan untuk menilai prestasi guru bagi menggantikan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT). Guru-guru berprestasi tinggi dapat menjangkakan perkembangan kerjaya yang lebih pantas dan mencapai prestasi penuh mereka lebih awal. Guru-guru berprestasi rendah pula akan diberi latihan pemulihan, bimbingan dan pementoran. Jika prestasi mereka tidak meningkat, mereka akan ditempatkan semula dalam tugas bukan perguruan yang mungkin lebih sesuai buat mereka. Pendidik juga boleh bertukar-tukar pilihan kerjaya dengan bebas; sama ada sebagai guru, pemimpin atau pakar bidang.

Jika kecekapan berbahasa Inggeris penting untuk pelajar, ia semestinya lebih penting lagi untuk guru bahasa Inggeris mereka. Peningkatan Kemahiran Profesional Guru Bahasa Inggeris (ProELT) merupakan program peningkatan kecekapan guru berskala besar. Sehingga akhir tahun 2015, 3 kohort guru bahasa Inggeris (seramai 15,502 orang) telah mengikuti program ini. Bagi Kohort 2, 87 peratus daripada guru kelompok B1 (Pertengahan) telah meningkat sekurang-kurangnya kepada tahap B2, manakala 43 peratus daripada guru kelompok B2 (Pertengahan Atas) telah meningkat sekurang-kurangnya kepada tahap C1. Ini membawa kepada peningkatan yang amat ketara dalam kelas bahasa Inggeris yang disampaikan oleh guru-guru ini.

<sup>1</sup> <http://unesdoc.unesco.org/images/0023/002347/234755E.pdf>

<sup>2</sup> <http://www.educationcounts.govt.nz/publications/ECE/2535/5971>

<sup>3</sup> <http://www.theatlantic.com/education/archive/2014/01/poll-teachers-dont-get-no-respect/283318/>

# PARA GURU MEMAINKAN PERANAN PENTING

**Fadzli Mohd Saleh**  
Guru BM di Sekolah Kebangsaan  
Bandar Utama Damansara (4)



Cikgu Fadzli Mohd Saleh, Penyelaras Tahun 6 dan guru Bahasa Melayu di Sekolah Kebangsaan Bandar Utama Damansara (4), sentiasa merasakan bidang perguruan ialah kerjaya yang sesuai untuk dirinya. “Sayalah yang mendidik dan menjaga adik-adik saya dahulu, kerana ibu dan bapa saya bekerja,” jelas beliau.

Walaupun semasa menjadi guru muda di kawasan bandar, Fadzli masih lagi dipandang tinggi. Guru diandaikan berkebolehan dalam semua bidang, jadi beliau kerap diundang seperti tokoh setiap kali aktiviti kemasyarakatan dianjurkan. “Saya fikir apabila saya semakin berumur, dan pindah ke tempat lain, keadaan itu akan berubah. Namun, selepas 20 tahun kemudian pun, rasa hormat masyarakat terhadap saya tidak surut. Saya masih dipanggil ‘Cikgu’ dan bukannya nama saya.”

Meskipun penghargaan terhadap profesion perguruan mungkin semakin surut, Fadzli percaya ia bergantung pada setiap guru dan bagaimana mereka memainkan peranan dalam masyarakat. “Jika guru tersebut dapat memenuhi jangkaan tinggi yang diharapkan oleh masyarakat padanya, maka rasa hormat akan diberikan kepadanya.”

Fadzli turut merasakan pelajar zaman ini masih lagi menghormati guru, walaupun dengan cara yang agak berbeza. “Mereka menganggap guru lebih sebagai rakan mereka, dan bukannya sebagai orang yang lebih tua daripada mereka. Inilah sesuatu yang perlu ditangani dengan bijak oleh setiap guru. Ibu bapa turut memainkan peranan penting dalam menentukan bagaimana anak mereka melayan guru,” jelas beliau dengan terperinci.

Di samping itu, Fadzli percaya bahawa profesion perguruan sememangnya kian menarik minat dan menjadi antara profesion pilihan. “Daripada pengalaman saya di sekolah, banyak guru, walaupun bukan sebahagian besarnya, menceburi profesion ini kerana mereka inginkannya. Seseungguhnya menggunakan perguruan sebagai batu loncatan ke arah kerjaya lain dalam profesion ini (seperti menjadi pensyarah atau pakar bidang); yang lainnya ingin terus menjadi guru sekolah.”

Walau bagaimanapun, wujud keperluan untuk membuatkan orang ramai melihat kerjaya guru sekolah sebagai profesion yang disegani, sama seperti pekerjaan dalam sektor swasta, misalnya doktor atau arkitek. “Semakin lama, guru semakin digesa

untuk berperanan sebagai pendidik juga. Peranan ini turut melibatkan usaha mendisiplinkan pelajar, agar mereka menjadi anggota masyarakat yang berhemah, dan bukan sekadar memberikan mereka dengan fakta. Ibu bapa dan masyarakat umum sepatutnya menyedari hakikat ini.”

Cikgu Zakaria bin Muhammad, guru besar sekolah tersebut, turut bersetuju. “Guru memainkan peranan yang amat penting dan memikul tanggungjawab yang sangat besar; usaha dan pencapaian kami sepatutnya dihargai oleh masyarakat. Inilah sebabnya mereka yang ingin menjadi guru mesti benar-benar mempunyai kecenderungan yang kuat dan mempunyai iltizam yang tinggi untuk melakukan pekerjaan tersebut. Tanpanya, mereka akan berasa sukar untuk menangani cabaran yang ditempuh setiap hari.”

Namun, semua ini akan mendapat ganjaran yang setimpal pada akhirnya. “Sebagai orang yang beragama Islam, perguruan merupakan profesion yang sangat mulia. Kekayaan duniawi tidak dapat dibandingkan dengan rasa terima kasih, doa dan ucapan selamat daripada pelajar saya kerana saya telah mengajar mereka dengan baik,” Fadzli menyatakan.

Fadzli menghargai inisiatif KPM untuk melahirkan lebih banyak guru



berkemahiran tinggi dan meningkatkan daya tarikan profesion ini. “Semua inisiatif ini, iaitu menambah autonomi pelbagai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), program Jurulatih Pakar Pembangunan Prestasi Sekolah (SISC+), Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) dan sebagainya, amat berfaedah untuk guru. Tentu sekali kami perlu menggunakan semua peluang ini untuk memajukan kerjaya kami sendiri.”

Zakaria merupakan seorang daripada ramai guru besar yang bakal meraih manfaat di bawah inisiatif Tawaran Baharu, yang menyediakan pemimpin sekolah yang berkaliber tinggi dan para guru dengan pelbagai insentif. Beliau menyatakan pemimpin sedemikian biasanya perlu mempamerkan kebolehan mereka melalui prestasi yang tinggi. Ini meningkatkan lagi motivasi pengetua dan guru besar seperti beliau untuk mempertingkatkan prestasi sekolah masing-masing. Sekolah ini, contohnya, telah menunjukkan peningkatan berterusan dalam keputusan UPSR untuk tiga tahun berturut-turut, dan kami yakin dapat mencapai status SBT dalam masa beberapa tahun yang akan datang.”

Kedua-dua guru ini berasa bangga dengan pencapaian pelajar mereka, dan dapat mengingati berapa banyak

pelajar mereka yang menyapa dan memanggil mereka di kawasan awam apabila berjumpa secara tidak sengaja. “Peratusan pelajar yang berbuat demikian mungkin tidaklah tinggi, tetapi kalau ada beberapa orang yang mengingati dan menghargai apa yang kami lakukan, ianya sudah mencukupi, kerana itu bermakna kami telah meninggalkan kesan kepada kehidupan mereka,” ujar Zakaria.

**“Guru memainkan peranan yang amat penting dan memikul tanggungjawab yang sangat besar; usaha dan pencapaian kami sepatutnya dihargai oleh masyarakat.”**

# MEMBINA KEUPAYAAN TENAGA MAHIR DENGAN KEFASIHAN BAHASA YANG LEBIH TINGGI



**K**edua-dua HIP dan DLP ialah program opsyenal di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia & Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang bertujuan meningkatkan kecekapan bahasa Inggeris pelajar. Program tersebut merupakan inisiatif yang diperkenalkan susulan Makmal Bahasa Inggeris yang dijalankan oleh KPM, sebagai pilihan yang tidak wajib untuk dilaksanakan oleh sekolah.

HIP menyasarkan pengekodan amalan terbaik pemimpin sekolah dan penyebarannya kepada semua sekolah melalui perkongsian, pembelajaran dan sokongan. Melalui HIP, sekolah akan dibekalkan sarana yang merangkumi alat penilaian sendiri dan buku panduan amalan terbaik tentang cara menambah baik kecekapan bahasa Inggeris pelajar melalui peningkatan penghayatan (*immersion*) dan penggunaan bahasa. HIP menyasarkan usaha mewujudkan persekitaran pembelajaran dan perkongsian rakan sebaya dalam sekolah, antara sekolah dan dengan komuniti.

Ini menuntut pelibatan pengetua untuk menerajui inisiatif tersebut; guru untuk memberikan sokongan melalui penganjuran acara, aktiviti, program bahasa Inggeris, pengajaran dan pembelajaran; pelajar untuk memikul tanggungjawab pembelajaran dan

perkembangan diri; serta ibu bapa dan komuniti untuk menyediakan sokongan tambahan seperti bantuan kewangan, pelaksanaan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan kepakaran.

HIP bakal dilaksanakan secara berperingkat di semua sekolah rendah dan menengah di Malaysia menjelang tahun 2018. Ia akan bermula dengan kira-kira 94 sekolah pada bulan Februari 2016 dan diperluas kepada 1,200 sekolah menjelang akhir tahun 2016.

Di samping itu, terdapat kira-kira 300 sekolah yang akan merintis pelaksanaan DLP pada tahun 2016. DLP akan menyaksikan mata pelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) diajar dalam bahasa Inggeris di sekolah-sekolah tersebut. DLP akan dimulakan bagi Tahun Satu, Tahun Empat dan Tingkatan Satu, bermula dengan mata pelajaran Matematik dan Sains.

Sekolah-sekolah yang layak dipilih berdasarkan empat kriteria berbeza: (1) kesiapsediaan pucuk pimpinan sekolah untuk melaksanakan DLP, (2) kesiapsediaan sumber dari segi kapasiti dan keupayaan perguruan untuk mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris, (3) persetujuan ibu bapa (ibu bapa perlu menandatangani borang kebenaran sekiranya mereka ingin anak mereka mempelajari Matematik dan

Sains dalam bahasa Inggeris) dan akhir sekali, (4) sekolah perlu mencapai atau melepasi kadar lulus purata kebangsaan bagi Bahasa Melayu. Bagi kohort pertama DLP pada tahun 2016, sekolah ditanda aras berbanding dengan purata kebangsaan 1.85 bagi BM Pemahaman dan Penulisan UPSR 2014 atau purata kebangsaan 4.55 bagi BM SPM 2014.

Setelah sesebuah sekolah memperoleh kelayakan sebagai sekolah DLP, sekolah itu mestilah mempunyai minimum 15 pelajar untuk mengadakan kelas yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Ini mesti disahkan melalui kebenaran bertulis yang ditandatangani oleh ibu bapa. Pendekatan fleksibel ini akan mengupayakan sekolah, pejabat pendidikan daerah dan jabatan pendidikan negeri untuk menyesuaikan keperluan pelajar menurut kehendak ibu bapa. Melalui DLP, pendekatan dari bawah ke atas diperkenalkan dengan elemen “pilihan” untuk sekolah dan ibu bapa, selaras dengan Anjakan 9 dalam PPPM.

Tiada paksaan kepada semua sekolah untuk menyertai DLP kerana DLP ialah program pilihan untuk mempersiapkan SEMUA murid sekolah Malaysia agar mampu menguasai bahasa kedua atau ketiga, selepas Bahasa Melayu (BM). Bagi sekolah yang tidak memenuhi kriteria



yang ditetapkan oleh KPM, pihak sekolah boleh menulis surat kepada Kementerian agar mereka dapat membuat persediaan untuk dinilai sebagai sekolah DLP pada tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, sekolah yang berpotensi ini boleh memulakan pelaksanaan HIP dahulu.

Dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran bagi mata pelajaran khusus ini, dan meningkatkan masa luar kurikulum yang diluahkan untuk penggunaan Bahasa Inggeris, pelajar diharapkan terdedah kepada bahasa Inggeris selama lebih 20 peratus daripada masa mereka di sekolah. "Penyelidikan antarabangsa menunjukkan bahawa pelajar tidak dapat mencapai tahap kecekapan operasi melalui waktu mata pelajaran Bahasa Inggeris sebanyak 15-20 peratus yang ditawarkan dalam bilik darjah pada masa ini," jelas pengerusi Parent Action Group for Education, iaitu Datin Noor Azimah Abdul Rahim.

Kecekapan berbahasa Inggeris diakui amat penting, terutamanya dalam abad ke-21 dan sebagai persediaan untuk menghadapi kedua-dua perjanjian perdagangan bebas, iaitu Komuniti Ekonomi Asean (AEC) dan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), yang akan mendedahkan Malaysia dengan lebih jauh ke dalam pasaran serantau dan global.

Pakar Sumber Manusia (HR) khususnya amat jelas tentang betapa perlunya graduan yang baru tamat pengajian fasih berbahasa Inggeris. Anthony Raja Devadoss, iaitu Naib Presiden Asia Pasifik di Kelly Outsourcing & Consulting, menyatakan bahawa majikan menginginkan kemahiran dan kecekapan berbahasa.

"Bahasa perniagaan pada masa ini masih lagi bahasa Inggeris," terang beliau. "Dapatkah anda memperlihatkan kemahiran anda – walaupun dalam sesuatu yang ringkas penyampaian ucapan pengenalan? Mungkin hanya 30 peratus daripada jumlah pekerja dapat melakukannya. Jika semua orang mempunyai kemahiran yang sama, semua benda sama rata, maka orang yang paling pandai menzahirkannyalah yang mempunyai peluang tertinggi untuk diambil bekerja."

Rasidah Kasim, Ketua Pegawai Sumber Manusia Kumpulan di Affin Hwang Capital, berkongsi pendapat yang sama. "Selama 25 tahun pengalaman saya dalam HR, saya pernah melihat banyak temu duga kerja dengan graduan yang sangat bijak pada teorinya. Dengan pencapaian CGPA 4.0, tersenarai dalam Senarai Dekan, sebutlah apa sahaja – tetapi apabila diminta menganalisis kajian kes atau sekadar menjawab soalan

standard sahaja semasa temu duga terutamanya dalam bahasa Inggeris, mereka gagal melontarkan buah fikiran mereka."

DLP diharapkan akhirnya dapat memastikan pelajar fasih dalam dua bahasa, iaitu bahasa Melayu (BM) dan bahasa Inggeris. Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris bin Jusoh, yakin akan keupayaan rakyat Malaysia dalam perkara itu.

"Saya pernah bertemu beberapa orang dari Timor Leste (Timor Timur) yang boleh bertutur dalam lima bahasa. Saya tidak nampak mengapa rakyat Malaysia tidak mampu melakukan perkara yang sama. Jadi saya percaya tiada masalah: soalnya cuma membiasakan diri kita dengan idea kebolehan berbilang bahasa ini."



## TINJAUAN MASA HADAPAN

**K**ebanyakan inisiatif yang akan datang di bawah NKRA Pendidikan diletakkan di bawah pelaksanaan Gelombang Kedua dasar-dasar PPPM merangkumi tahun 2016 hingga 2020. Ia direka untuk melaksanakan perubahan struktur yang bertujuan mempercepat perubahan dalam sistem pendidikan.

NKRA Pendidikan akan mempergiat fokusnya pada peningkatan kecekapan bahasa Inggeris di seluruh Malaysia. Ia juga akan berusaha mengupayakan pemimpin sekolah, guru, ibu bapa dan juga pelajar dalam merumuskan strategi pendidikan yang optimum dan berkesan yang memenuhi kepentingan

semua pihak. Turut tersenarai dalam agenda ialah kurikulum yang disemak untuk pendidikan peringkat rendah dan menengah pada tahun 2017, serta penambahbaikan penilaian pelajar untuk menekankan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) seperti pemikiran kritis dan penyelesaian masalah.

Kecekapan bahasa Inggeris yang dipertingkatkan merupakan keutamaan tertinggi kerajaan, memandangkan bahasa Inggeris masih lagi menjadi bahasa urus niaga global, serta bahasa komuniti sains pada peringkat antarabangsa. Pelajar yang amat cekap berbahasa Inggeris akan mendapati mereka lebih mudah memperoleh

pekerjaan, berkomunikasi dengan lebih baik dengan rakan niaga antarabangsa serta mempunyai akses kepada ilmu dan sumber akademik. Malaysia juga akan meraih manfaatnya; lebih mudah untuk menjalankan urus niaga dan kemungkinan hasilnya ialah kemasukan pelaburan asing yang lebih banyak.

Pada masa yang sama, KPM akan berusaha memastikan guru baharu tamat latihan dengan memenuhi standard minimum yang diperlukan untuk kecekapan bahasa Inggeris dan guru sedia ada menjalani latihan untuk mempertingkatkan kedudukan mereka.

Semakan kurikulum sekolah rendah, dan pengenalan kurikulum



sekolah menengah yang baharu, adalah untuk mempersiapkan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan dalam ekonomi global pada masa hadapan. Bakal dilancarkan pada tahun 2017, kandungan yang tidak penting akan dikeluarkan, manakala kemahiran dan kompetensi yang dikenal pasti sebagai amat penting untuk kejayaan akan diterapkan sepenuhnya dalam kurikulum baharu yang disemak ini. Selain membenarkan sedikit fleksibiliti kepada sekolah dari segi jadual waktu (asalkan matlamat pembelajaran dan kandungan tercapai), laluan pembelajaran yang dipercepat akan turut diteroka untuk membolehkan

pelajar berprestasi tinggi menamatkan pengajian mereka lebih awal.

Dalam usaha merombak kurikulum untuk sekolah rendah dan juga menengah, penekanan yang lebih akan diberikan pada mata pelajaran berteraskan STEM. Secara khusus, penyediaan infrastruktur ICT akan menjadi faktor kritikal dalam memberikan pengalaman secara langsung kepada pelajar tentang dunia kesambungan tanpa henti, selain mengupayakan penyampaian sesi pendidikan dan kelas dalam talian. Guru dan pendidik juga akan diberi latihan yang perlu agar mereka dapat membiasakan diri dan bersehati dengan zaman digital ini.

Sememangnya integrasi ICT ke dalam kaedah pedagogi dan pengajaran di sekolah amatlah penting dalam memastikan pelajar mampu menguasai KBAT, kerana menjelang tahun 2016, soalan yang memerlukan pembangunan kemahiran sedemikian akan ditambah sedikit demi sedikit dalam penilaian kebangsaan<sup>4</sup>.

Kedua-dua inisiatif tersebut memperlihatkan contoh bagaimana penyampaian pendidikan yang berkualiti kepada pelajar memerlukan empat pihak, iaitu pengetua, guru, ibu bapa dan pelajar, untuk bekerjasama dan meningkatkan prestasi sekolah. Justeru, tahun 2016 bakal menyaksikan lebih banyak pengagihan kuasa pusat (desentralisasi) dalam membuat keputusan serta pengupayaan sekolah dan ibu bapa, sebagai lanjutan usaha yang telah dilakukan pada tahun 2015. KPM dan PADU, bersama-sama dengan PEMANDU, akan terus memantau sistem pendidikan secara teliti untuk menyelesaikan masalah, selain meneroka cara dan kaedah baharu untuk terus memantapkannya, sejajar dengan Gelombang 2 PPPM.

**“ Kedua-dua inisiatif tersebut memperlihatkan contoh bagaimana penyampaian pendidikan yang berkualiti kepada pelajar memerlukan empat pihak, iaitu pengetua, guru, ibu bapa dan pelajar, untuk bekerjasama dan meningkatkan prestasi sekolah. Justeru, tahun 2016 bakal menyaksikan lebih banyak pengagihan kuasa pusat (desentralisasi) dalam membuat keputusan serta pengupayaan sekolah dan ibu bapa, sebagai lanjutan usaha yang telah dilakukan pada tahun 2015.**

<sup>4</sup> Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 – 2015

# MEMERANGI JENAYAH UNTUK MALAYSIA YANG LEBIH SELAMAT



**DATO' SERI DR.  
AHMAD ZAHID HAMIDI**

TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA MERANGKAP  
MENTERI DALAM NEGERI

Meskipun kadar Jenayah Indeks di Malaysia mencatat trend menurun secara konsisten sejak inisiatif NKRA diperkenalkan pada tahun 2010, perspektif yang lebih luas melibatkan hak setiap rakyat Malaysia untuk *berada dalam keadaan* selamat dan *berasa* selamat, sama ada ketika berada di rumah sendiri atau ketika berjalan-jalan di sekitar kejiannya.

Dengan memberi tumpuan untuk memastikan keadaan yang selamat dapat dicapai, kami juga berusaha untuk mengukuhkan perasaan selamat dengan memperkenalkan Penunjuk Persepsi Jenayah (PCI) pada tahun 2015 melalui kerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM). PCI diwujudkan untuk mengukur sejauh mana perasaan selamat rakyat Malaysia pada masa ini serta memahami faktor-faktor yang mencetuskan rasa takut seseorang terhadap jenayah. Hasil yang diperoleh mengingatkan kami bahawa usaha untuk berkomunikasi dan membina kepercayaan rakyat mesti diteruskan seiring dengan inisiatif lain dalam mengurangkan keseluruhan jenayah pada masa ini.

Kami bertekad untuk meneruskan inisiatif yang telah menyumbang kepada penurunan Jenayah Indeks keseluruhan sejak tahun 2009, di samping memperkenalkan inisiatif Kepolisian Moden untuk mentransformasikan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui empat pemangkin – Perkhidmatan, Teknologi, Pengupayaan dan Proses

(Service, Technology, Empowerment and Process, STEP) – seiring dengan aspirasi kami untuk menjadi pasukan Kepolisian Bertaraf Dunia menjelang tahun 2020.

Kami akan bekerjasama dengan masyarakat untuk meraih penglibatan komuniti dan kepolisian komuniti yang lebih baik. Kepolisian merupakan peranan semua orang, dan masyarakatlah yang lebih tahu tentang cara untuk menjalankan aktiviti pencegahan jenayah di kawasan mereka. Lebih banyak program *Talk to Us* dengan masyarakat setempat bakal dianjurkan di semua balai polis. Kami menggalakkan anda untuk mengambil bahagian secara aktif untuk menjadikan kejiranan anda dan negara kita selamat dan terjamin.

Usaha memastikan infrastruktur kritikal kita berdaya tahan amat penting kepada landskap keselamatan Malaysia. Kami sedang bekerjasama dengan sektor swasta dan rakan kongsi kerajaan di semua peringkat untuk membangunkan pelan perlindungan dan daya tahan infrastruktur kritikal yang berkesan dan menyeluruh, yang tertumpu pada pelaburan berterusan dalam perniagaan, teknologi, masyarakat awam, kerajaan, dan pendidikan.

Kerajaan akan terus melabur dalam keperluan keselamatan jangka pendek dan jangka panjang yang paling mendesak di negara kita, termasuk memodenkan pasukan polis kita yang telah berusia 209 tahun, mengukuhkan keselamatan di sempadan negara dan memperuntukkan sumber kritikal untuk menangani ancaman keganasan.

Ancaman terhadap keselamatan awam dan ketenteraman rakyat Malaysia pada hari ini adalah nyata. Kita mesti sentiasa berwaspada dan berusaha ke arah pencegahan jenayah dan kepolisian yang bertanggungjawab, berdedikasi dan berkesan.

“*Kepolisian Moden merupakan usaha yang sangat kritikal untuk mentransformasikan PDRM menjadi sebuah pasukan polis bertaraf dunia menjelang tahun 2020.*”

— Dato' Asri bin Yusuff

Timbalan Pesuruhjaya Polis (TPP)

Kadar jenayah sebenar dan juga persepsi rakyat tentang kadar jenayah perlu ditangani dan ditambah baik agar taraf hidup yang lebih tinggi dapat dicapai sepenuhnya menjelang tahun 2020. Semua lapisan masyarakat Malaysia perlu terlibat sepenuhnya dalam usaha membendung jenayah ini, sepertimana yang telah diusahakan dan diselaraskan oleh jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan melalui pelbagai inisiatif pengurangan jenayah sejak tahun 2010.

Inisiatif seperti Program Bandar Selamat (berlandaskan prinsip Pencegahan Jenayah Menerusi Reka Bentuk Persekitaran atau CPTED), program *Omnipresence* atau kehadiran polis di merata-rata tempat (terutamanya di tempat tumpuan atau *'hot spot'* jenayah) dan Program Kepolisian Komuniti telah mengurangkan Jenayah Indeks dengan ketara sebanyak 45 peratus dari tahun 2010-2015. Kejadian kecurian kereta juga terus menurun lagi sebanyak 10 peratus pada tahun 2015 susulan penurunan yang besar sebanyak 20 peratus pada tahun 2014 hasil daripada usaha yang tertumpu untuk melumpuhkan sindiket besar pencuri kereta pada masa itu, seterusnya menghentikan peningkatan trend sepanjang 5 tahun (2009 - 2013). Hal ini membuktikan bahawa perkara yang dirasakan mustahil sebelum ini sebenarnya mampu dicapai.

#### DALAM NKRA INI

1

Inisiatif Kepolisian Moden Direka Khusus untuk Mentransformasikan PDRM Menjadi Sebuah Pasukan Polis Bertaraf Dunia Menjelang Tahun 2020

2

Mengembalikan Kepentingan Logistik Polis untuk Meningkatkan Kecekapan

3

PCI: Menghubungkan Persepsi dan Realiti

Jangkaan rakyat terhadap penyampaian perkhidmatan PDRM terus bertambah baik dan pegawai penguatkuasaan undang-undang yang lebih berorientasikan pelanggan terus meningkat. Justeru, inisiatif NKRA turut berkembang untuk memenuhi jangkaan tersebut; daripada hanya memfokuskan kepada pengurangan jenayah, penambahbaikan sistem keadilan jenayah, dan peningkatan kepuasan orang ramai terhadap perkhidmatan polis barisan hadapan dalam GTP 1.0 antara tahun 2010 hingga 2012, kepada

inisiatif tahun 2010 hingga 2015 di bawah GTP 2.0 yang merangkumi strategi untuk menjadi pasukan yang berorientasikan komuniti serta usaha komunikasi yang intensif untuk mengubah rasa tidak percaya rakyat terhadap keselamatan di jalanan.

Hari ini, persepsi rakyat mengenai keselamatan peribadinya memainkan peranan yang penting terhadap tahap penerimaannya tentang situasi jenayah, sama ada ia semakin baik atau buruk. Hasil rumusan Penunjuk Persepsi Jenayah (PCI) untuk menilai faktor yang

menyebabkan rasa takut rakyat terhadap jenayah merupakan satu permulaan ke arah pengenalpastian penyelesaian yang berpotensi. Sebelum ini, PDRM telah mengadakan sesi interaksi dengan orang ramai sepanjang tempoh GTP melalui Unit Perhubungan Antarabangsa (ILU), iaitu sebuah unit khas yang menjaga ekspatriat dan pelancong, serta hari terbuka di balai polis tempatan atau ibu pejabat polis daerah. Inisiatif melibatkan orang ramai ini akan membantu meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap usaha yang dilakukan oleh PDRM.

1

## Inisiatif Kepolisian Moden Direka Khusus untuk Mentransformasikan PDRM Menjadi Sebuah Pasukan Polis Bertaraf Dunia Menjelang Tahun 2020



Inisiatif *Talk to Us* oleh PDRM di Jalan Berhala, Brickfield

Tahun 2015 menyaksikan pengenalan inisiatif Kepolisian Moden yang berhasrat mentransformasikan PDRM melalui empat pemangkin – Perkhidmatan, Teknologi, Pengupayaan dan Proses (STEP) – yang akan mentransformasikan budaya pemerintahan dan kawalan PDRM untuk menjadi pasukan yang lebih berorientasikan perkhidmatan dan berorientasikan masyarakat, dan akhirnya membina kepercayaan rakyat agar berasa selamat di bawah pengawasan PDRM.

Fasa 1 Inisiatif Kepolisian Moden melibatkan projek Transformasi Balai yang dimulakan di tiga stesen polis – Brickfields (KL), TTDI (KL), Trolak (Perak). Stesen polis perintis ini dipilih berdasarkan penempatan masing-masing, untuk mewakili keratan lintang yang sesuai bagi demografi masyarakat Malaysia, dari kawasan kediaman bandar yang tipikal ke kawasan kediaman luar bandar yang tipikal.

Projek perintis selama enam bulan ini menyasarkan kajian semula aliran proses sedia ada di stesen-stesen tersebut, untuk mengenal pasti jurang atau kelemahan untuk ditambah baik. Hasilnya, satu siri penambahbaikan proses pelaporan di bawah Sistem Pelaporan Polis (PRS) telah dilaksanakan.



Program PDRM *Talk to Us* akan dilaksanakan di balai polis seluruh negara pada tahun 2016

- Daripada proses pelaporan 9 peringkat kepada proses pelaporan 5 peringkat
- Pemasukan maklumat peribadi secara automatik di halaman entri PRS melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
- Meringkaskan pelaporan kejadian dalam PRS
- Menjajarkan aliran kerja PRS dengan menukar dokumentasi dan penyimpanan rekod secara manual kepada penjejakan secara dalam talian

Peningkatan proses merekod semasa Fasa 1  
Kepolisian Moden

Usaha menghapuskan proses yang mempunyai pertindihan (*redundancies*), ini akhirnya akan memastikan pengalaman pelaporan yang lebih cepat dan lebih baik bagi mangsa jenayah, seterusnya menghasilkan tahap kepuasan yang tinggi terhadap polis dan produktiviti yang lebih tinggi dalam kalangan kakitangan di stesen polis.

Untuk membina kepercayaan orang ramai, dan sejajar dengan asas-asas Kepolisian Moden yang berorientasikan komuniti, program perintis "*Talk to Us*" telah dilancarkan di Balai TTDI dan Balai Brickfields untuk mempertingkatkan kepuasan perkhidmatan awam. Program interaksi ini telah membolehkan pihak polis untuk mendapatkan maklum

balas yang berharga daripada orang ramai tentang bagaimana polis boleh meningkatkan prestasi untuk masyarakat, seperti cadangan untuk meronda kawasan tertentu dengan lebih kerap pada waktu malam, dan cadangan bukan konvensional yang lain seperti mempertingkatkan ciri mudah didekati dan keramahan polis. Dengan keberhasilan yang sebegitu positif, program "*Talk to Us*" akan dilaksanakan di semua stesen polis seluruh negara pada tahun 2016.

# MENTRANSFORMASIKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA MENJADI PASUKAN BERTARAF DUNIA

Walaupun kejadian jenayah indeks telah berkurang 45 peratus sejak GTP diperkenalkan pada tahun 2010, persepsi rakyat terhadap kadar jenayah tidak berubah. Antara 90 peratus (berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Frost & Sullivan pada tahun 2013) hingga 96 peratus (berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia pada tahun 2015) rakyat Malaysia yang disoal selidik percaya bahawa kadar jenayah tidak berkurang.

Timbalan Pesuruhjaya Polis (TPP), Dato' Asri bin Yusuff, yang merupakan Timbalan Pengarah Pengurusan (Perkhidmatan/Perjawatan) PDRM di Bukit Aman, percaya bahawa persepsi ini sebahagian besarnya disebabkan oleh ketiadaan interaksi antara komuniti dengan pasukan polis yang memberikan khidmat dan melindungi mereka. Dato' Asri menetapkan sasaran agar perkara ini, di samping isu sistemik yang lain, dapat ditangani dalam inisiatif Kepolisan Moden. "Kepolisan Moden amat penting dalam usaha kami untuk mentransformasikan PDRM menjadi pasukan polis bertaraf dunia menjelang tahun 2020. Inilah satu-satunya cara untuk menjadikan diri kami cukup fleksibel untuk menangani tuntutan keselamatan yang sentiasa meningkat

pada abad ke-21."

S.K.K. Naidu, daripada Persatuan Penduduk Brickfields, bersetuju bahawa hubungan yang renggang antara polis dengan komuniti di tempat mereka berkhidmat menjadikan penguatkuasaan undang-undang lebih sukar dilaksanakan. Beliau menegaskan bahawa kerjasama kedua-dua pihak penting, kerana mereka boleh memanfaatkan kesan bersinergi ini untuk membendung jenayah melalui Kepolisan Komuniti. "Apabila kami mengadakan sesi *"Talk to Us"* di pasar-pasar malam di tempat kami, masyarakat memperlihatkan sokongan yang amat padu dan memberikan banyak maklumat kepada PDRM. Hal yang sama juga benar tentang rondaan bersama antara persatuan dengan PDRM, kerana penduduk boleh menunjukkan pelbagai lokasi yang menjadi kebimbangan mereka," jelas Naidu, sambil menambah bahawa walaupun masih banyak usaha perlu dilakukan, beliau percaya bahawa transformasi PDRM melalui Kepolisan Moden akan membawa kesan yang mendalam kepada masyarakat.

Kepolisan Moden bermula dengan rombakan balai polis di bawah projek Transformasi Balai. TPP Dato' Asri percaya bahawa langkah pertama dalam proses ini ialah mengukuhkan pemangkin STEP

yang mendasari inisiatif tersebut. "Ini melibatkan usaha mengubah cara berfikir polis terhadap peranannya sebagai penguatkuasa undang-undang kepada peranan yang berorientasikan komuniti dan perkhidmatan; melengkapi pegawai polis dengan teknologi mudah alih dan ICT yang terkini untuk membantu mereka memerangi jenayah dengan lebih berkesan, menyalurkan autoriti kepada balai dan memberi mereka autonomi yang lebih banyak dalam membuat keputusan, serta mempermudah proses pentadbiran dan proses interaksi bersemuka dengan orang ramai untuk meningkatkan kecekapan dan menjadikan pengalaman mengunjungi balai lebih menyenangkan," terang beliau.

Projek perintis ini direka khusus untuk memperlihatkan contoh barisan hadapan PDRM yang moden sebagai bukti konsep bahawa projek Transformasi Balai berusaha untuk memenuhi keperluan rakyat dengan lebih baik, selain bertindak sebagai penanda aras untuk pelaksanaan sepenuhnya di seluruh negara dalam masa terdekat ini. TPP Dato' Asri turut berharap agar kejayaan projek rintis ini akan mewujudkan rangka tindakan atau model untuk balai lain pada masa hadapan.

Kepolisan Moden seterusnya akan menyaksikan lebih banyak polis yang memegang peranan tertentu dipindahkan



**Dato' Asri bin Yusuff**

Timbalan Pengarah Pengurusan  
(Perkhidmatan/Perjawatan,  
PDRM, Bukit Aman)

“*Kepolisan Moden amat penting dalam usaha kami untuk mentransformasikan PDRM menjadi pasukan polis bertaraf dunia menjelang tahun 2020. Inilah satu-satunya cara untuk menjadikan diri kami cukup fleksibel untuk menangani tuntutan keselamatan yang sentiasa meningkat pada abad ke-21.*”

dari ibu pejabat daerah ke balai polis. Secara khusus, pegawai penyiasat kejadian jenayah dan trafik akan ditempatkan di balai. “Sebelum ini, pegawai-pegawai ini ditempatkan di ibu pejabat daerah, yang bermakna bahawa walaupun anda telah selesai membuat laporan, anda masih perlu menunggu pegawai penyiasat tiba. Dengan Kepolisan Moden, pegawai penyiasat akan sedia berada di balai, sekali gus lebih menyenangkan keseluruhan proses untuk rakyat,” jelas TPP Dato’ Asri secara terperinci.

Dalam jangka panjang, TPP Dato’ Asri dapat melihat PDRM itu sendiri ditransformasikan daripada pasukan yang mengawasi rakyat kepada pasukan yang membantu pengawasan rakyat. “Kami akan menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan komuniti, menggalakkan mereka mewujudkan Pasukan Polis Sukarela mereka sendiri; dan kami juga akan menyokong pemaju projek perumahan baharu untuk mewujudkan pasukan polis tambahan apabila perlu. Kedua-dua pasukan ini akan diberi uniform untuk dipakai semasa bertugas, dan akan mempunyai kuasa polis sepenuhnya semasa mereka bertugas.”

Naidu bersetuju bahawa peningkatan kehadiran pasukan beruniform di jalanan mempunyai kesan yang signifikan

dalam pencegahan jenayah, dengan menyampaikan mesej kepada bakal pelaku jenayah agar menjauhkan diri. “Ada keseimbangan yang perlu dicapai; kehadiran terlalu banyak anggota polis akan memberikan mesej yang berbeza, namun tidak diragui bahawa PDRM pastinya tahu cara untuk mendapatkan titik keseimbangan yang tepat.”

TPP Dato’ Asri dan Naidu berpendapat bahawa transformasi asasi PDRM seperti

itu akan memerlukan usaha yang amat besar. “Usaha ini memerlukan KPN dan pegawai tinggi polis mendesak pelaksanaan inisiatif ini, serta pegawai polis generasi baharu dilatih agar menerapkan cara berfikir yang betul,” Naidu meluahkan pendapatnya.

“Walaupun usaha ini amat besar dan berat, kami perlu melakukannya untuk memenuhi jangkauan rakyat,” kata TPP Dato’ Asri.



2

## Mengekalkan Kepentingan Logistik Polis untuk Mempertingkatkan Kecekapan



Jabatan Penjara - Program industri di mana banduan menerima set kemahiran latihan teknikal dan praktikal untuk memastikan mereka mendapat pekerjaan apabila dibebaskan

Inisiatif yang tertumpu pada pengurangan Jenayah Keganasan dan Harta Benda telah terbukti berkesan secara berterusan. Inisiatif ini bukan sekadar menyasarkan kejadian sebenar jenayah sedemikian, bahkan turut memfokuskan kepada sebab-sebab yang menyebabkan jenayah tersebut (cth. ketagihan dadah). Kejadian samun berkumpulan, jenayah jalanan, pecah rumah, dan kecurian kereta telah berkurang secara beransur-ansur. Pencapaian ini sebahagian besarnya disebabkan oleh operasi PDRM yang intensif dan bersasaran untuk menumpaskan sindiket jenayah. Bilangan pengulang laku jenayah turut berkurang, hasil usaha bersepadu untuk mempertingkatkan kemahiran bekas banduan dan meningkatkan peluang pekerjaan setelah dibebaskan dari penjara. Setelah selesai menjalani program pemulihan, penagih dadah terus dipantau dan diberi sokongan

untuk memastikan mereka 'kekal di landasan yang betul'.

PDRM telah mencatat penurunan Jenayah Indeks sebanyak 10.1 peratus berbanding dengan sasaran KPI 5 peratus setiap tahun. Sebahagian besar daripada pengurangan ini disumbangkan oleh penurunan dalam kejadian curi kereta (pengurangan sebanyak 1,358 kes). Ini merupakan tahun kedua berturut-turut penurunan sedemikian direkodkan. Selain itu, 14,450 tindakan keras terhadap sindiket curi kereta melalui Ops Lejang telah dijalankan pada tahun ini. Hasilnya, 5,857 tangkapan dan pendakwaan sebanyak 17.4 peratus atau 1,022 orang yang disyaki telah dibuat dari Januari hingga Oktober 2015.

PDRM turut mencatat penurunan kes pecah rumah sebanyak 6.3 peratus, namun sayangnya tidak mencapai sasarannya, iaitu 10 peratus. Walaupun gagal mencapai sasaran, sebanyak 10,848 operasi pecah rumah (Ops Pintu) telah

dijalankan di seluruh negara yang berakhir dengan 3,527 tangkapan. Satu lagi inisiatif untuk mengurangkan kes pecah rumah yang unik ialah penubuhan Unit Rondaan Bermotosikal (URB). Di seluruh negara, Unit Rondaan Bermotosikal melibatkan 2,000 kakitangan PDRM yang menunggang motosikal dan melakukan rondaan setiap hari dengan soal siasat dibuat terhadap lebih 200,000 individu yang disyaki dan lawatan ke 260,119 rumah kediaman setiap tahun. Inisiatif ini menghasilkan tambahan sebanyak 2,111 tangkapan lagi di seluruh negara pada tahun 2015.

Angka dan statistik Jenayah Jalanan masih lagi dijejaki, biarpun rangka masa GTP 1.0 sudah lama berlalu. Meskipun indeks menunjukkan penurunan yang ketara dalam bilangan kejadian yang dilaporkan semasa tahun-tahun terawal pelaksanaan KPI, kita masih perlu mengamalkan sikap berjaga-jaga. Keperluan sumber masih diperuntukkan untuk memastikan trend penurunan ini sentiasa berterusan. Pada hakikatnya, tahun 2015 menyaksikan penurunan jenayah jalanan sebanyak 16.9 peratus, yang merupakan satu peningkatan berbanding dengan sasaran KPI 15 peratus.

Di bawah program *Omnipresence*, kakitangan ditempatkan semula di hotspot jenayah jalanan, iaitu jalan belibelah popular dan kawasan tumpuan pelancong. Selain itu, di bawah Program Bandar Selamat, majlis perbandaran tempatan seperti DBKL menjalankan aktiviti 'pemulihan' menggunakan prinsip Pencegahan Jenayah menerusi Reka Bentuk Persekitaran (CPTED) di kawasan jenayah tinggi (*black spot*).

Penyelenggaraan logistik polis yang penting, terutamanya kenderaan mereka, amat kritikal untuk memastikan gerak balas polis dan aktiviti pembanterasannya jenayah dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan. Aktiviti peruntukan semula belanjawan dalaman telah dijalankan pada tahun 2015 untuk membantu PDRM dalam aspek ini. Hasilnya, PDRM berjaya menggantikan 1,200 daripada 3,541 MPV yang telah mencapai jangka hayatnya iaitu selama 8 tahun. Sebanyak 500 lagi akan digantikan pada tahun 2016

dan penggantian sepenuhnya dijangka selesai menjelang tahun 2020.

Meskipun kadar kemasukan semula banduan ke dalam penjara di Malaysia adalah antara yang terendah di Asia Tenggara (8.7 peratus), agensi-agensi seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Penjara terus melaksanakan peranan penting dalam memulihkan bekas penagih dan bekas banduan. Kebanyakan pelaku jenayah jalanan ialah penagih yang ingin mendapatkan wang mudah, justeru mewajarkan penglibatan AADK di bawah NKRA ini. Setelah pengubahsuaian besar dibuat terhadap ukuran dalaman AADK tentang kriteria 'kekal bersih', AADK memperkenalkan KPI baharu pada tahun 2015 untuk mengukur peratusan Orang Kena Pengawasan (OKP) yang merupakan penagih dadah yang telah pulih dan kekal bersih daripada ketagihan selama minimum setahun. Sehingga Disember 2015, agensi tersebut telah berjaya mencapai 37 peratus OKP berbanding dengan sasaran KPI-nya, iaitu 57 peratus, yang masih lagi merupakan pencapaian yang cukup besar dengan 5,980 OKP kekal bersih selama setahun.

Bagi Jabatan Penjara pula, banduan diberikan latihan praktikal dan kemahiran teknikal untuk mencari pekerjaan berpendapatan yang seterusnya akan mengurangkan kebarangkalian mereka kembali bergelumbang dalam jenayah. Sehingga Disember 2015, sebanyak 1758 banduan telah menamatkan latihan kemahiran yang diperakukan di bawah Sijil Kemahiran Malaysia (SKM-SLDN), Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK-CIDB) dan Program Pemanduan Kenderaan Perdagangan (Metro).

Susulan penubuhan kemudahan latihan merangkap bakeri di Penjara Kajang pada tahun 2012, satu kemudahan tambahan telah dibuka di Penjara Kluang tahun lepas. Penyiapan bakeri kedua akan mengurangkan tempoh latihan banduan, memastikan lebih banyak penjara mampu berdikari dengan menghasilkan rotinya sendiri sebagai langkah pengurangan kos, selain memperoleh pulangan komersial dengan membekalkan roti di bakeri tempatan dan kedai runcit.

## PROGRAM PEMULIHAN BANDUAN TIGA FASA

Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan program pemulihan banduan tiga fasa (Pelan Pembangunan Ihsan) yang bermatlamat meminimumkan ulang laku jenayah (recidivism), iaitu bekas banduan kembali melakukan jenayah setelah menjalani hukuman mereka. Fasa 1 merupakan program pendisiplinan, Fasa 2 melibatkan pembinaan keperibadian, dan Fasa 3 menyediakan latihan kemahiran kepada banduan yang telah insaf sepenuhnya.

ACP Hj. Wan Ramzah, yang menerajui inisiatif NKRA yang khusus ini, menyatakan bahawa sejak tahun 2012, Jabatan Penjara telah menyediakan latihan kemahiran dalam 47 bidang (termasuk bidang berteknologi tinggi). "Sepertimana yang disahkan oleh PwC, kami telah mencapai (dan melangkaui) sasaran KPI kami, iaitu sebanyak 1,500 banduan menjalani latihan kemahiran," jelas beliau.

Dua daripada kursus yang difokuskan oleh Jabatan Penjara ialah kemahiran membuat roti dan kek serta kursus pemanduan komersial. Kemahiran membuat roti dan kek diajar di tiga institusi Jabatan Penjara, iaitu di Kajang, Tapah dan Kluang. Kursus bersijil selama enam bulan ini memberikan pilihan kepada banduan sama ada untuk menjadi usahawan atau bekerja di bakeri selepas dibebaskan. "Penjara kini mampu berdikari dengan menghasilkan roti di seluruh Semenanjung Malaysia, dan dari wilayah Utara dan Tengah sahaja, kos yang dapat diijamatkan ialah RM1.2 juta setahun," Wan Ramzah menjelaskan. Sementara itu, dua kumpulan banduan telah selesai menjalani kursus pemanduan kenderaan komersial (bas); 23 orang dalam kumpulan pertama, dan 40 orang dalam kumpulan kedua (tamat kursus pada Disember 2015).

Walaupun data tidak ada bagi semua 1,500 orang banduan bagi semua bidang-bidang latihan, kadar ulang laku jenayah

telah menurun sebanyak 100 peratus bagi mereka yang telah menjalani dua kursus berfokus ini sehingga tahun 2015. Malah, kumpulan pertama yang mengambil kursus pemanduan bas kini bekerja sepenuh masa, manakala 80 peratus daripada kumpulan kedua juga diambil bekerja sepenuh masa dengan Maju Express Bhd, dan memperoleh pendapatan antara RM2,000 – RM4,000 sebulan.

"Dengan penilaian sijil oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang diterima di seluruh negara, kami dapat melihat stigma penerimaan bekas banduan sebagai pekerja semakin berkurang; syarikat yang terlibat dalam latihan praktikal banduan telah melihat hasilnya, dan berbesar hati untuk mengambil mereka bekerja. Oleh itu, apabila banduan dibebaskan dari penjara, mereka bukan sahaja dilengkapi kemahiran yang diperlukan untuk menambah baik kehidupan mereka, malah juga ada masanya, tawaran kerja sudah berada dalam genggamannya. Ibu bapa mereka berasa gembira, kerana anak mereka mendapat pekerjaan yang sah, bahkan mampu mengirimkan wang (sehingga RM1,500 sebulan) kepada mereka. Banduan sendiri menghargai inisiatif ini untuk memajukan diri mereka dan meningkatkan keupayaan mereka untuk mendapatkan pekerjaan," jelas ACP Hj. Wan Ramzah.



3

## PCI: Menghubungkan Persepsi dan Realiti

Pada tahun 2015, Penunjuk Persepsi Jenayah (PCI) telah dibangunkan menggunakan empat penunjuk, iaitu 'isyarat', 'ruang saya', 'penguat' dan 'perkhidmatan'. Berdasarkan hasil garis asas PCI pada bulan Disember 2015, sebanyak 80 peratus daripada rakyat Malaysia masih belum berasa selamat atau masih takut akan jenayah.

Perumusan PCI menasarkannya usaha untuk memberikan pemahaman yang lebih jelas tentang penyebab rasa takut rakyat terhadap jenayah dan menerangkan jurang antara kadar jenayah yang dilaporkan dengan kadar jenayah yang dirasakan oleh rakyat pada masa ini. PCI juga akan membantu dalam perumusan tindakan yang perlu diambil untuk meningkatkan pemahaman orang ramai tentang situasi jenayah yang sebenar di Malaysia, seperti

- Membersihkan tanda-tanda persekitaran dan kehidupan yang negatif, seperti penagih dadah, mat rempit, lampu yang suram/rosak, jalan yang kotor
- Mendidik rakyat Malaysia untuk menghentikan 'Sikap Tidak Apa' apabila menyaksikan perlakuan jenayah
- Memperkasakan pasukan polis untuk memastikan masa gerak balas optimum terhadap kejadian jenayah
- Mempertingkatkan komunikasi tentang usaha dan kejayaan pengurangan jenayah serta peringatan berterusan untuk menghentikan perkongsian maklumat tentang kejadian jenayah yang tidak disahkan
- Mempermudah proses pelaporan dan memastikan pengalaman yang berorientasikan pelanggan di stesen polis melalui inisiatif Kepolisian Moden.

Penambahbaikan penunjuk ini merupakan usaha bersama yang

melibatkan semua pihak. Misalnya, membaiki lampu jalan yang rosak memerlukan pihak berkuasa yang berkenaan, seperti majlis perbandaran tempatan untuk dimaklumkan mengenai kerosakan tersebut. Pengawasan kejiranan, yang dianjurkan oleh pelbagai Rukun Tetangga dan Persatuan Penduduk, merupakan satu lagi perkara yang patut dilakukan atau diteruskan oleh orang ramai.

Pendekatan keterlibatan komuniti yang dijalankan pada tahun 2015 untuk menambah baik persepsi orang ramai difokuskan pada usaha memulakan perbualan tentang jenayah. Perbualan itu diadakan melalui artikel pendapat tentang jenayah yang disiarkan setiap bulan di akhbar yang merangkumi topik kecurian kereta hinggalah pencegahan jenayah, dan siaran radio setiap tiga bulan di BFM dan Lite FM, dengan menampilkan NGO tempatan yang giat membanteras jenayah seperti MARAH dan pegawai tinggi PDRM yang membincangkan topik Kepolisian Moden, Amanita dan Sikap Tidak Apa rakyat Malaysia. Di samping itu, Sesi Meja Bulat Jenayah yang dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dengan

kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia telah diadakan pada bulan November 2015 untuk membincangkan isu-isu jenayah dan keselamatan secara terbuka dan membina di bawah sepanduk Bersama Membanteras Jenayah. Dengan memanfaatkan sejarah MCPF yang sudah lama memainkan peranan sebagai salah satu NGO pencegahan jenayah yang paling aktif di negara kita, satu siri sesi Meja Bulat Jenayah akan diadakan di seluruh negara pada tahun 2016 untuk mengekalkan trajektori perolehan maklum balas yang berharga dan jujur daripada rakyat. NKRA Mengurangkan Jenayah turut bekerjasama dengan Safer Malaysia, sebuah jawatankuasa di bawah Majlis Peguam yang ditubuhkan untuk menjadi titik tumpuan kepada komuniti, untuk berkongsi penyelesaian tentang pembanteras jenayah dan khususnya tentang usaha mendidik kanak-kanak bahawa jenayah tidak mendatangkan manfaat. Akhir sekali, melalui kerjasama dengan Radio Astro, siri Pengumuman Perkhidmatan Awam tentang pencegahan jenayah dan petua keselamatan telah disiarkan menerusi 3 stesen radio utama (Lite FM, MY FM, Sinar FM).

Dengan mengambil tindakan yang dinyatakan di atas untuk mengurus dan menangani penunjuk ini pada tahun 2016 dan meneruskan perbualan tentang jenayah, NKRA Mengurangkan Jenayah berhasrat agar dapat melihat persepsi orang ramai yang lebih baik sebagai hasilnya.



Meja Bulat MCPF mengenai Pencegahan Jenayah "Menjadikan Malaysia Lebih Selamat" yang telah diadakan di Pusat Konvensyen Sime Darby pada 3 November 2015



## TINJAUAN MASA HADAPAN

Jenayah pada masa ini bukanlah lagi suatu isu dengan implikasi setempat semata-mata. Jenayah telah merangkumi aspek keselamatan negara, termasuk ancaman keganasan domestik, aktiviti jenayah merentasi negara dan jenayah siber. Jenayah fizikal atau kolar biru mendatangkan akibat yang sesetengahnya kurang signifikan jika dibandingkan dengan akibat yang boleh dicituskan oleh jenayah kolar putih atau digital. Jenayah tanpa sempadan seperti ini turut menggugat rakyat Malaysia di sini, terutamanya ancaman ISIS untuk merekrut ahli di dalam negara dan mewujudkan sarang pengganas yang bermula di negara sendiri.

Selain mengekalkan inisiatif pencegahan jenayah yang terbukti berjaya sehingga tahun 2010, NKRA ini akan memperluas skopnya untuk mencakup keselamatan sempadan dan Zon Selamat Sabah Timur (ESSZONE), serta keselamatan siber dan keganasan (terorisme). Fasa pertama program peluasan ini akan melibatkan kajian semula semua tindakan yang berkaitan dengan keselamatan sempadan melalui makmal yang akan diadakan pada bulan Februari 2016 dengan matlamat mengukuhkan sempadan negara.

Fasa 2 Kepolisan Moden akan bermula pada awal tahun 2016 dengan menumpukan pada proses, teknologi, pengenalan “pemerintah” untuk

menentukan keperluan tenaga manusia di stesen serta menangani keperluan kelengkapan oleh kakitangan di stesen.

Proses yang akan dikaji ialah proses penyiasatan jenayah, penyiasatan trafik dan juga proses forensik. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan kecekapan kakitangan penyiasat yang berkenaan dan memberikan sokongan teknologi kepada mereka.

Antara penambahbaikan teknologi dalam Fasa 2 yang harus diberikan perhatian ialah pengenalan pusat kawalan bersepadu di stesen-stesen polis untuk tindak balas yang lebih cepat. Ini akan dilengkapi dengan kakitangan polis yang memakai kamera di badan mereka. Peralatan teknologi lain yang akan diperkenalkan termasuklah sistem pengurusan sumber (yang akan memperuntukkan sumber berdasarkan keperluan dan kadar jenayah), serta pengenalan sistem mudah alih untuk laporan polis secara serta-merta.

Pengenalan kamera yang dipakai pada badan (yang telah dilaksanakan di negara lain seperti Singapura, Australia, UK, dsb.) turut membantu pengumpulan bukti dan berfungsi sebagai mekanisme sekat dan imbang (*check and balance*).

Selain itu, usaha bersepadu akan dijalankan untuk menyampaikan maklumat tentang Kepolisan Moden dalam pasukan polis sendiri dan komunikasi luar kepada rakyat. Untuk

melibatkan kakitangan PDRM lebih 100,000 orang yang terdiri daripada anggota lelaki dan wanita, mesej Kepolisan Moden perlu disesuaikan menurut kepentingan dan demografi mereka. Bagi aspek luaran, PDRM akan meneliti juga cara untuk menonjolkan imejnya kepada khalayak ramai. Ini termasuklah mendapatkan sokongan dan penyertaan orang ramai kerana hal ini penting untuk menjamin kejayaan inisiatif ini melalui keterlibatan komuniti yang intensif.

Kesimpulannya, transformasi pasukan polis untuk mencapai status Kepolisan Bertaraf Dunia menjelang tahun 2020 akan menjadi satu perjalanan yang berliku-liku dan penuh cabaran, namun dengan sokongan dan komitmen sepenuhnya daripada kerajaan dan rakyat, PDRM mampu beralih daripada kepolisan tradisional kepada kepolisan Bertaraf Dunia, bersedia untuk menangani jenayah abad ke-21.



# MENGHAPUSKAN RANTAIAN RASUAH



**DATUK PAUL LOW  
SENG KUAN**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Kerajaan kekal komited menentang rasuah di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Bagi sebuah negara seperti Malaysia yang berada di landasan yang kukuh menuju status berpendapatan tinggi, rasuah adalah seperti barah kronik yang menjejaskan keputusan yang optimum, menyokong penyalahgunaan dan menafikan peluang untuk pertumbuhan yang sihat. Rasuah merupakan amalan yang regresif (mundur ke belakang) yang merompak masyarakat kita daripada menikmati taraf kehidupan yang sepatutnya kita impikan.

Antara tujuh NKRA, rasuah merupakan masalah yang paling sukar untuk ditangani kerana ia melibatkan usaha menghapuskan amalan yang telah lama bertapak merentas kebanyakan peringkat dan tahap dalam entiti perniagaan, Kerajaan dan masyarakat.

Masalah asas rasuah terletak pada realiti bahawa selagi terdapat pemberi, selagi itulah terdapat penerima dan sebaliknya. Budaya bertolak ansur terhadap rasuah perlu dihentikan, manakala setiap individu perlu memikul tanggungjawab membanteras rasuah dengan menetapkan pendirian yang kukuh bahawa “kami merupakan penyelesaian dan bukannya masalah.”

Menentang rasuah, dan mendukung tadbir urus dan integriti perlu dilakukan menerusi penguatkuasaan undang-undang

yang berkesan dan juga langkah-langkah pencegahan. Kebanyakan inisiatif kami di bawah NKRA menasaskan pengukuhan dan penginstitutionan mekanisme antirasuah dalam setiap kementerian dan agensi; tanggungjawab dan akauntabiliti bermula dengan Menteri dan Ketua Eksekutif yang berkenaan.

Ini telah membawa kepada penubuhan Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (BITU) di Jabatan Perdana Menteri yang terletak di bawah bidang kuasa saya, yang kini menerajui pelaksanaan semua inisiatif NKRA menerusi rangka kerja kebangsaan yang dibentuk di bawah Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU).

JITU diwakili oleh setiausaha-setiausaha agung, unit integriti, dan pegawai kanan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pejabat Ketua Audit Negara. Merangkumi kedua-dua agensi persekutuan dan negeri, matlamat utama JITU adalah untuk mewujudkan budaya ketelusan, kejujuran, dan integriti dalam perkhidmatan awam. Unit integriti ini diwujudkan untuk memantau kepatuhan kepada piawaian integriti bagi semua projek bernilai tinggi dan agensi-agensi keselamatan kawalan sempadan.

Seterusnya, perubahan dalam cara Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan dan digunakan telah secara langsung membolehkan pengesanan awal dan selanjutnya mengurangkan insiden rasuah secara terang terangan. Juruaudit mengendalikan audit semasa pelaksanaan setiap projek besar untuk mempertingkatkan pengesanan awal penipuan dan rasuah. Kami juga telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan proses perolehan kerajaan menjadi lebih telus kepada rakyat.

**“Membanteras Rasuah kekal menjadi perkara penting dalam Kerajaan, dan pihak-pihak yang berkaitan perlu terus berusaha secara holistik dan bersepadu untuk mewujudkan kehidupan rakyat Malaysia dalam budaya yang berintegriti dalam setiap bidang.**

Malaysia menduduki tangga ke-54 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2015 dengan skor sebanyak 50 daripada 100, pencapaian ini sekali gus menekankan betapa perlunya bagi semua pihak untuk ‘mengotakan kata’ (‘walk the talk’) dan mempercepat penerimaan pembaharuan antirasuah yang telah dicadangkan oleh Kerajaan sejak tahun 2010. Ranking semasa kita bukanlah sesuatu yang kita banggakan, dan kita mesti berusaha dengan lebih gigih lagi untuk menambah baik kedudukan kita terutamanya apabila pelabur asing menilai kita berdasarkan CPI.

Salah satu daripada inisiatif penting, iaitu menambah baik rangka kerja pembiayaan politik, kini sedang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP). Dalam konteks sektor swasta pula, kami masih meneruskan usaha untuk memasukkan Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM dan menggalakkan entiti korporat untuk mengukuhkan proses dan garis

panduan antirasuah dalaman organisasi.

Kesanggupan untuk melaporkan rasuah sudah semakin meningkat, namun pensabitan hanya boleh dibuat apabila ada bukti yang jelas. Kita perlu menerapkan kebolehpercayaan dan keyakinan terhadap system. Masih banyak usaha perlu dilakukan, contohnya, saluran untuk pemberi maklumat sedang dikaji untuk penambahbaikan, sekali gus memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap akauntabiliti dan kerahsiaan.

Pada akhirnya, salah satu senjata paling kuat yang dimiliki oleh negara kita untuk menentang rasuah ialah rakyatnya tampil bersuara menentang ketidakadilan yang dilihat. Seseorang itu perlu membuat keputusan untuk menolak daripada menjadi pemberi mahupun penerima agar usaha membanteras rasuah ini berjaya. Setiap orang bertanggungjawab untuk menghentikan kitaran rasuah jika kita mengimpikan masa depan yang lebih cerah untuk Malaysia.

Usaha untuk membanteras rasuah menjadi agenda utama transformasi Negara di seluruh dunia bagi mewujudkan struktur tadbir kerajaan yang baik dan boleh dipercayai. Usaha bagi membanteras rasuah memerlukan penyingkiran secara menyeluruh terhadap pemberi dan penerima. Justeru itu, inisiatif NKRA disasarkan kepada sektor awam dan juga sektor swasta.

Transformasi proses pelaporan Ketua Audit Negara (KAN) merupakan pencapaian terbesar dalam GTP 2.0 dan masih menghasilkan impak yang positif dalam mengurangkan ketirisan dan pembaziran dalam prosedur perolehan kerajaan. Sektor swasta juga menyaksikan peningkatan pelaksanaan, daripada menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) kepada pelaksanaan tindakan berhubung dengan rangka kerja Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM).

Penubuhan Unit Integriti (IU) di dalam semua sektor awam dan agensi swasta boleh dilihat sebagai suatu usaha untuk membanteras rasuah

secara menyeluruh. Fungsi utama IU antaranya ialah mengukuhkan sistem kawalan dalaman khususnya dalam pengendalian sistem pentadbiran dan isu integriti di dalam sesuatu organisasi, mengenalpasti dan menegesahkan kesalahan tepat pada masanya dan juga mengambil tindakan susulan termasuk membuat laporan kepada agensi penguatkuasa.

BITU, di bawah Jabatan Perdana Menteri yang diterajui oleh Menteri, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, menyelia dan menyelaras program merentasi pelbagai kementerian dan agensi bagi memastikan pelaksanaan dijalankan dengan baik. Pada tahun 2015, Persidangan Negara untuk JITU telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada bulan Februari, Mei dan Disember. Ianya merupakan platform untuk semua Pegawai Integriti di semua peringkat berkongsi maklumat dan mencadangkan tindakan pemulihan yang boleh diambil oleh Kerajaan untuk sesuatu isu yang dibangkitkan.

Menyadari betapa pentingnya generasi muda Malaysia didedahkan

## DALAM NKRA INI

- 1 Menginstitusikan Mekanisme Pencegahan Rasuah
- 2 Penyertaan Sektor Swasta untuk Menghapuskan Peluang Berlakunya Rasuah
- 3 Membina Asas Integriti

dengan integriti dan akauntabiliti agar meningkatkan tahap kepekaan tentang perkara tersebut, elemen-elemen pencegahan rasuah telah diserapkan dalam sukatan pelajaran baharu dan dalam proses untuk dimasukkan ke dalam buku teks sekolah rendah dan menengah. Selain itu, usaha untuk melibatkan pelajar telah dibaharui, sebagai contoh, BITU telah bekerjasama dengan gerakan Youth for Integrity di bawah NGO Empowering Youth Endeavours.

## 1 Menginstitusikan Mekanisme Pencegahan Rasuah

Perubahan yang dibuat dalam kekerapan pembentangan Laporan KAN di Parlimen, berserta persidangan Jawatankuasa Tindakan yang diadakan selepas setiap pembentangan Laporan, pengubahsuaian Papan Pemuka KAN secara dalam talian, serta Inkuisiti Putrajaya, merupakan usaha yang dijalankan untuk menangani ketirisan dan pembaziran dalam perolehan kerajaan. Penambahbaikan yang dibuat ke atas portal MyProcurement juga telah meningkatkan ketelusan dalam perincian perolehan kerajaan. Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)

turut mengeluarkan surat pekeliling untuk mewajibkan Pakatan Integriti ditandatangani bagi semua projek kerjasama awam-swasta.

Sejak tahun 2014, selaras dengan komitmen kerajaan untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti, setiap pembentangan Laporan KAN akan disusuli dengan taklimat media oleh Ketua Setiausaha Kerajaan dan Ketua Setiausaha Kementerian yang berkaitan. Selain menjelaskan tindakan pemulihan yang telah diambil, statistik tentang tindakan punitif yang dikenakan terhadap pegawai yang melakukan

rasuah turut dikongsi dalam sesi komunikasi dengan media ini untuk meningkatkan kesedaran secara keseluruhan tentang usaha Kerajaan dalam membasmi amalan rasuah.

Versi 2.0 bagi papan pemuka KAN secara dalam talian telah dilancarkan pada 26 Mac 2015. Papan pemuka yang diberi nafas baharu ini menyediakan saluran dalam talian yang lebih mudah untuk rakyat mengakses Laporan KAN pada masa yang sewajarnya. Justeru, papan pemuka ini diharap dapat membantu menggalakkan ketelusan, meningkatkan tekanan untuk

menyegerakan tindakan susulan yang berkesan untuk menyelesaikan isu, serta menambah baik persepsi rakyat tentang tindakan yang disarankan daripada laporan KAN. Selain itu, ia turut berfungsi sebagai platform perkongsian maklumat di antara ahli-ahli Jawatankuasa Tindakan (Pejabat Ketua Audit Negara, SPRM, Jabatan Peguam Negara (AGC), Polis Diraja Malaysia (PDRM), JPA dan MoF), sekaligus membolehkan mereka mengambil tindakan yang wajar dengan kadar yang cepat terhadap pesalah, misalnya, penyalahgunaan kuasa, penipuan, salah tadbir dana dan kecuiaan.

Inisiatif turut diambil untuk menjadikan aktiviti perolehan kerajaan lebih telus. Portal MyProcurement telah dinaik taraf untuk membolehkan penyiaran keputusan urus niaga rundingan terus dan butiran perolehan


kerajaan yang lain. Dokumen sebut harga dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan tender juga boleh diakses oleh orang ramai demi memelihara ketelusan.

Sejak GTP 2.0 diperkenalkan, pasukan NKRA telah beberapa kali menegaskan keperluan penginstitutionan sistem pembiayaan politik yang lebih telus untuk menangani masalah rasuah besar secara berterusan. Rangka kerja tadbir urus yang dicadangkan merangkumi 3 elemen wajib, iaitu derma perlu dibuat atas nama parti, semua derma perlu ditulis resit sebaik sahaja diterima, dan rekod semua sumber dana politik hendaklah diaudit oleh pihak luar.

Sepanjang 3 tahun lepas, meskipun beberapa cadangan telah dikaji termasuklah untuk meminda Akta Pertubuhan Syarikat. Namun, setakat

ini inisiatif ini masih gagal menarik perhatian disebabkan oleh kekangan politik yang kuat. Pada Ogos 2015, dengan berlatarkan isu sensasi tentang pembiayaan politik, Perdana Menteri mengumumkan pembentukan JKNMPP untuk mencadangkan struktur peraturan bagi pembiayaan politik dalam masa setahun.

Jawatankuasa itu dijangka menunjukkan kemajuan dalam membina momentum bagi menangani isu pembiayaan politik. Sekretariat telah bermesyuarat dengan pihak-pihak berkepentingan tempatan, parti-parti politik, kumpulan masyarakat sivil seperti Majlis Belia Malaysia, Solidariti Anak Muda Malaysia, dan ahli-ahli Parlimen Belia Malaysia untuk mendapatkan pandangan dan sokongan mereka terhadap inisiatif tersebut.



# MENINGKATKAN SKOR KETELUSAN BELANJAWAN MALAYSIA



**Datuk Juhari Haron**  
Pengarah,  
Bahagian Susulan Audit

Pengukuhan dalam pemantauan oleh Pejabat Ketua Audit Negara (KAN), dan pembentangan Laporan KAN tiga kali setahun – kedua-duanya merupakan inisiatif utama di bawah NKRA Membanteras Rasuah yang merupakan penyumbang utama kepada peningkatan kedudukan Malaysia sebanyak 7 mata dalam Tinjauan Belanjawan Terbuka Bank Dunia. Tinjauan tersebut meneliti cara kerajaan pusat menyediakan akses yang lengkap kepada orang ramai terhadap maklumat belanjawan negara dan peluang untuk mengambil bahagian dalam proses belanjawan, selain menasaskan usaha menilai dan menggalakkan proses belanjawan yang lebih terbuka dan bertanggungjawab.

Sejumlah 102 negara di seluruh dunia diberi kedudukan berdasarkan tahap ketelusan belanjawan, penyertaan rakyat dan pengawasan kerajaan masing-masing. Pada tahun 2015, Malaysia mencapai skor 46 daripada 100 pada Indeks Belanjawan Terbuka secara keseluruhan. Peningkatan daripada 35 pada tahun 2008 dan 39 pada tahun 2010 dan 2012.. Skor ini berada di atas sedikit daripada purata global, iaitu 45, setaraf dengan skor yang dicapai oleh India dan Ukraine, serta mengatasi skor Thailand, Vietnam dan China.

Bahagian Susulan Audit (BSA) di Pejabat KAN merupakan penyumbang utama bagi pengukuhan dalam pemantauan ini, dan ditugaskan untuk menangani isu yang telah dikemukakan dalam Laporan tersebut.

Datuk Juhari bin Haron, Pengarah BSA, menerangkan tiga peranan utama yang dimainkan BSA dalam memantau jabatan kerajaan yang dikenal pasti mempunyai isu dalam Laporan KAN.

“Pertama, BSA menguruskan Papan Pemuka KAN, yang memaparkan tindakan terkini yang diambil oleh pihak yang diaudit berkaitan dengan isu utama yang diketengahkan dalam Laporan KAN. Setiap suku tahun, BSA akan memantau semua maklum balas daripada pihak yang diaudit dan, jika perlu, berinteraksi dengan mereka untuk menyelesaikan isu yang belum selesai (yang mempunyai status berwarna kuning atau merah).

“Kedua, BSA bertindak sebagai sekretariat bagi Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara (JTLKAN). BSA mengenal pasti isu yang memerlukan tindakan punitif oleh pihak penguatkuasaan yang berkenaan, supaya JTLKAN dapat mempertimbangkannya dan membuat keputusan akhir.

“Ketiga, BSA turut bertindak sebagai sekretariat bagi Inkuisiti Putrajaya, jika terdapat sebarang isu audit yang masih tidak diselesaikan selepas lebih setahun. Setelah kajian semula dan interaksi dibuat dengan pihak yang diaudit untuk mengenal pasti dan menyelesaikan rintangan, jika perkara tersebut masih tidak berjaya diselesaikan, kes itu akan dikemukakan kepada Inkuisiti.”

Kemajuan besar telah ditunjukkan

oleh BSA dalam menangani isu-isu audit. “Kebanyakan badan kerajaan kini lebih proaktif dalam memberikan status terkini secara berkala, dan memastikan KPI mereka dari segi penyelesaian isu audit dalam Laporan KAN tercapai,” jelas Datuk Juhari. Beliau turut berkata bahawa badan kerajaan kini bersikap lebih terbuka dan sedia untuk bekerjasama dan bermesyuarat dengan BSA untuk menyelesaikan sebarang isu yang belum selesai.

Meskipun begitu, BSA sedang menyediakan cadangan kepada KAN untuk memperluas skop BSA untuk menjalankan audit forensik berdasarkan isu bertanda amaran yang telah dikenal pasti, sekali gus mengukuhkan lagi keberkesannya. “Banyak badan kerajaan telah membentuk unit Audit Dalaman, yang memantau maklum balas daripada pihak yang diaudit dan melaporkannya kembali kepada BSA untuk menjamin proses semakan danimbangan dalam pengemaskinian status,” ujar Datuk Juhari. “Cadangan ini akan membolehkan kami menjalankan audit forensik secara terus terhadap badan kerajaan yang dikenal pasti mempunyai isu, berdasarkan analisis isu JTLKAN.

STATUS	BILANGAN PENEMUAN			
	SIF 1	SIF 2	SIF 3	JUMLAH
TADA TINDAKAN	5	1	14	20
DALAM TINDAKAN	58	111	308	478
SELESAI	254	323	306	1183
Jumlah	313	435	628	1376

Papan Pemuka KAN boleh dilayar secara online di <https://agdashboard.audit.gov.my/#/>

# MENGGALAKKAN INTEGRITI UNTUK MEMUPUK KEYAKINAN RAKYAT



**Dato' Sri Mustafar Haji Ali,**  
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan),  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

**M**enurut Dato' Sri Mustafar, CISM merupakan amalan terbaik untuk membangunkan rangka kerja integriti di sektor swasta. Dengan menerima pakai CISM, Dato' Sri Mustafar Haji Ali berkata, syarikat sektor swasta dapat memperlihatkan minat mereka secara proaktif dalam menggalakkan budaya korporat yang menghindari amalan rasuah. “Semua sektor memperoleh manfaat daripada CISM, meskipun organisasi yang mengharapkan pelaburan daripada orang ramai dari segi deposit atau saham (iaitu syarikat tersenarai dan institusi kewangan) mungkin meraih lebih banyak manfaat, memandangkan pelaksanaan CISM merupakan unsur yang membina keyakinan,” tambah Dato' Sri Mustafar Haji Ali.

Pada masa ini, pelaksanaan CISM berdasarkan budi bicara syarikat penandatanganan dan didorong oleh peraturan dalaman syarikat tersebut. Tiada undang-undang atau langkah-langkah pematuhan lain yang memerlukan penandatanganan CIP mematuhi sebarang cadangan atau saranan daripada SPRM. Keadaan ini akan berubah dengan pemasukan Peruntukan Liabiliti Korporat (CLP) ke dalam Akta SPRM.

“CLP akan meneliti tanggungjawab sesebuah syarikat korporat dari segi undang-undang bagi tindakan jenayah (atau *ketiadaan* tindakan, dalam sesetengah kes) yang dilakukan oleh pekerja syarikat. Jika tindakan sedemikian diambil demi manfaat syarikat, atau terhasil akibat kecuai,

atau jika ia berlaku disebabkan oleh pihak pengurusan yang tidak bertanggungjawab, syarikat itu sendiri boleh didakwa dan dihukum atau dikenakan sekatan. Penelitian ini akan digunakan untuk menentukan setakat mana syarikat, boleh dipertanggungjawabkan atas perbuatan atau pengabaian tindakan oleh pekerja yang diambil bekerja di syarikat itu,” terang Dato' Sri Mustafar Haji Ali.

Melalui penguatkuasaan CLP, SPRM berharap dapat melihat pasaran yang lebih berdaya saing dan kebertanggungjawaban yang lebih tinggi oleh syarikat swasta terhadap pelanggan dan pemegang saham mereka. “Dengan adanya pasaran yang kompetitif, kita seharusnya dapat menjangkakan tender kerajaan membawa manfaat yang maksimum pada kos yang optimum kepada pembayar cukai, manakala pemegang saham syarikat pula dapat mengharapkan pengurusan sumber yang lebih berkesan dan lebih cekap, sekali gus menjana keuntungan yang lebih tinggi,” jelas Dato' Sri Mustafar Haji Ali.

Beliau juga yakin bahawa CLP akan memberikan manfaat kepada rakyat secara umum. “Pada masa ini, isu integriti menjadi tumpuan pelbagai perdebatan dalam kalangan rakyat. Oleh itu, penyempurnaan pelaksanaan CIP, CISM dan CLP akan meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap kerajaan dan ekonomi negara secara keseluruhan. Dengan mengambil pendekatan yang positif dan proaktif ini, keyakinan pelabur akan turut diperkukuh.”

“**Semua sektor memperoleh manfaat daripada CISM, meskipun organisasi yang mengharapkan pelaburan daripada orang ramai dari segi deposit atau saham (iaitu syarikat tersenarai dan institusi kewangan) mungkin meraih lebih banyak manfaat, memandangkan pelaksanaan CISM merupakan unsur yang membina keyakinan.**”

## 2

# Penyertaan Sektor Swasta untuk Menghapuskan Peluang Berlakunya Rasuah

CIP dan CISM telah dilaksanakan oleh banyak syarikat swasta yang berminat untuk membanteras amalan rasuah dalam organisasi masing-masing. Meskipun aktiviti penandaarasan dan penglibatan pihak berkepentingan telah dilaksanakan, kelulusan Peruntukan Liabiliti Korporat (CLP) dalam Akta SPRM masih belum selesai dan dalam proses pelaksanaan.

Bagi GTP 1.0 dan berikutan pelbagai skandal yang berlaku, entiti-entiti korporat telah dipelawa untuk menandatangani CIP secara sukarela.

Selain itu, pembentukan Rangka Kerja CISM memberikan kuasa kepada syarikat yang telah menandatangani CIP untuk menjalankannya sebagai sebahagian daripada rutin harian organisasi. Inilah satu-satunya inisiatif NKRA yang dilaksanakan buat masa ini yang bergantung sepenuhnya pada sektor swasta. Inisiatif ini akan melengkapi CLP.

CLP itu sendiri merupakan pendorong yang sepatutnya memberikan kebebasan kepada SPRM untuk mendakwa syarikat yang terlibat dalam amalan rasuah dan

meletakkan akauntabiliti pada syarikat tersebut (bukan hanya pada pegawai syarikat secara individu). Pada tahun 2015, SPRM telah menyediakan satu draf berdasarkan penandaarasan dengan Akta Amalan Rasuah Asing A.S. dan Akta Antirasuah U.K. 2010. NKRA kini perlu berkerja-sama dengan Peguam Negara (AG) baharu berkaitan dengan langkah seterusnya dan menetapkan tarikh sasaran baharu untuk kemasukan CLP.

## 3

# Membina Asas Integriti

Banyak usaha telah dilakukan untuk mewujudkan komunikasi tentang prinsip integriti bagi menentang amalan urus niaga biasa yang mungkin melibatkan rasuah tanpa niat.

Sebanyak 140 Ahli Parlimen telah mengambil bahagian dalam 9 sesi interaksi yang berlainan sepanjang tempoh dua tahun.

Rangkuman sukatan pelajaran pencegahan rasuah ke dalam buku teks

sekolah rendah dan menengah akan berkuat kuasa pada tahun 2016 untuk menyemai tanggungjawab moral pada usia muda. Ini merupakan inisiatif bagi menangani fakta bahawa 67 peratus daripada pelajar universiti mengakui mereka akan memberikan rasuah untuk mendapatkan pencapaian yang mereka inginkan. Interaksi dengan pihak berkepentingan di institusi pendidikan turut dipandu oleh 27

sekretariat pencegahan rasuah yang telah diwujudkan di institusi perguruan sejak tahun 2009.

Pada tahun 2015, sejumlah 15,136 rekrut baharu dalam PDRM telah menjalani ujian integriti sebelum diterima ke pusingan pertama temu duga. Langkah ini berkesan dalam memperkukuh budaya kebolehpercayaan dan kejujuran dalam PDRM untuk berkhidmat kepada orang ramai.



## TINJAUAN MASA HADAPAN

**M**elangkah ke hadapan, hubungan kerja yang lebih erat dengan PDRM, AGC dan juga NGO akan memacu pelaksanaan inisiatif GTP ini secara berterusan, sekali gus mewujudkan ketelusan perolehan kerajaan serta penginstytisian langkah-langkah integriti dalam perkhidmatan awam. KPI baharu akan diperkenalkan dalam menjejak kemajuan rang undang-undang untuk mengawal selia pembiayaan politik dan pelaporan sebagai susulan penubuhan Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP).

Jawatankuasa itu dijangka akan mengusulkan rangka kerja kawal selia dan draf badan perundangan pada bulan Ogos 2016.

Dari segi penggabungan CLP ke dalam Akta SPRM, perkara ini sedang dilaksanakan bersama Peguam Negara baru untuk mengukuhkan langkah seterusnya yang akan diambil untuk menjadikannya sebuah realiti, dan bagi mewujudkan tempoh masa yang betul untuk sektor swasta bersedia. Inisiatif CLP perlu dibangkitkan di Parlimen dengan segera, kerana perundangan adalah perkara penting

dalam menginstytusikan integriti dalam sektor swasta. Dalam usaha mendapatkan kelulusan peruntukan bagi Akta SPRM dengan segera, penglibatan semua pihak yang berkaitan dalam perkara ini adalah penting.

Membanteras Rasuah kekal menjadi perkara penting untuk ditangani oleh Kerajaan, dan pihak-pihak yang berkaitan perlu terus berusaha secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan kehidupan rakyat Malaysia dalam budaya yang berintegriti dalam setiap bidang.



**TAN SRI DR. ALI HAMSA**

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam atau *Public Service Delivery Transformation* (PSDT) mengorak langkah sebagai sebuah inisiatif yang berfokuskan rakyat (*rakyat-centric*). Umumnya, inisiatif di bawah PSDT merupakan projek yang menumpu dan mendorong ke arah penambaan proses bagi menghasilkan keberhasilan yang tinggi dan pantas.

Semenjak NKRA PSDT diperkenalkan pada akhir tahun 2013, pelbagai kejayaan telah dicapai dalam jangka masa yang singkat. Ini dapat dilihat melalui pelaksanaan 21 projek, dengan 10 projek dijayakan pada tahun 2015. Kecemerlangan ini membuktikan bahawa pelaksanaan projek-projek di bawah PSDT telah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat. Matlamat PSDT seterusnya adalah untuk menghasilkan kejayaan sebelum ini dengan skala yang lebih besar.

Sebanyak 57 projek sedang dilaksanakan pada tahun 2015, dengan sejumlah 45 projek dimulakan pada tahun tersebut.

Separuh daripada 16 Kementerian yang telah menyertai NKRA PSDT pula telah memulakan lebih banyak projek PSDT setelah menyiapkan projek perintis pertama mereka. Sebagai contoh, Kementerian Kesihatan Malaysia sedang melaksanakan portfolio projek PSDT merentasi penjagaan kesihatan primer dan sekunder.

Melangkah ke tahun 2016 pula, dengan keadaan ekonomi yang amat mencabar, Kerajaan kini mengambil langkah perbelanjaan yang berhemat. Ini jelas menunjukkan kebertanggungjawaban perkhidmatan awam dalam mencari lebih banyak peluang dan ruang untuk mengoptimumkan perbelanjaan di samping meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Akhir kata, penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat akan terus diperkasakan di samping menangani keperluan baharu yang terhasil dalam usaha mentransformasikan negara ke arah berpendapatan tinggi.

**“KPI turut diwujudkan; dengan itu, kemajuan dapat diukur - petunjuk ini bersifat objektif, bukan subjektif - justeru anda boleh melihat peningkatannya.**

— **Datin Dr. Nor Akma binti Yusuf,**  
Timbalan Pengarah Unit Perkhidmatan Pengurusan Hospital

**N**KRA Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam (PSDT) bertujuan mempercepat usaha kerajaan untuk menjadi lebih cekap dan lebih mempermudah penyampaian perkhidmatan awam. PSDT juga bertujuan mentransformasikan 1.3 juta penjawat awam negara menjadi tenaga kerja yang bermotivasi dan berprestasi tinggi. Bidang tumpuan ini memanfaatkan projek individu dalam perkhidmatan awam kementerian tertentu untuk memfokuskan penambahbaikan proses dan kualiti.

Sejumlah 21 inisiatif berskala kecil telah membuahkan hasil yang positif dan penekanan telah diberikan untuk mengembangkan lagi penambahbaikan proses dan kualiti ini pada skala yang lebih besar dan juga sistematik. Walau bagaimanapun, banyak kejayaan telah dicapai dalam jangka masa yang singkat ini. Justeru, inisiatif perintis ini berkemungkinan besar akan berkembang melangkaui status asal yang bertaraf percubaan dan perintis.

#### DALAM NKRA INI

- 1 Meningkatkan Kecekapan – Mempercepat Penyampaian Perkhidmatan Berorientasikan Pelanggan
- 2 Inovasi Berterusan Kunci Utama Penyampaian Perkhidmatan Awam yang Berkesan
- 3 Projek Perintis bagi Kecekapan

Inovasi yang dijana daripada PSDT memanfaatkan kepakaran dan pengalaman perkhidmatan awam yang meluas untuk meletakkan perkhidmatan awam pada kedudukan yang lebih baik yang menyediakan tahap kualiti dan kuantiti yang lebih tinggi demi memenuhi jangkaan orang ramai yang semakin meningkat.

1

## Meningkatkan Kecekapan – Mempercepat Penyampaian Perkhidmatan Berorientasikan Pelanggan

Peningkatan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan awam bertujuan menghapuskan pembaziran, menjimatkan masa dan kos serta menambah baik perkhidmatan kerajaan kepada rakyat. Berdasarkan kejayaan pelaksanaan **Penjagaan Kesihatan PSDT** sebagai inisiatif pertama pada tahun 2014 di Hospital Tengku Ampuan Rahimah dan Hospital Sultan Ismail Johor, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memutuskan untuk melaksanakannya

di semua 133 hospital di seluruh negara.

Sebagai sebahagian daripada NKRA PSDT, KKM menumpukan fokus ke atas penambahbaikan penyampaian perkhidmatan dengan menilai secara terperinci keseluruhan proses sedia ada dan menghapuskan pertindihan untuk menambah baik proses kerja.

Pada tahun 2015, sejumlah 15 buah hospital telah menyaksikan transformasi aliran pesakit dan proses kerja di Jabatan Kecemasan (JK) dan wad perubatan.

Ini termasuk 12 buah Hospital Besar di seluruh negeri dan wilayah persekutuan kecuali Perlis, di samping Hospital Putrajaya, Hospital Sungai Buloh dan Hospital Selayang.

Secara keseluruhan, pada tahun 2015, JK di hospital-hospital ini telah merawat lebih 44 peratus pesakit hasil penambahbaikan aliran pesakit tersebut, sekali gus menjimatkan kira-kira RM5.3 juta setahun. Sementara itu, wad perubatan telah meningkatkan kapasiti katil mereka sebanyak 5 peratus melalui penetapan aras wad (ward levelling) dan proses kebenaran keluar hospital yang telah ditambah baik, lantas mengelakkan perbelanjaan sekitar RM235 juta.

Di bawah inisiatif ini, segala proses diperkemas dan dijadikan lebih cekap. Isu yang mungkin menyebabkan kelewatan telah dikenal pasti dan ditangani atau

## BERJAYA MENGURANGKAN MASA MENUNGGU DI 16 HOSPITAL DI SELURUH NEGARA



Datin Dr. Nor Akma binti Yusuf, Timbalan Pengarah Unit Perkhidmatan Pengurusan Hospital di bawah Bahagian Pembangunan Perubatan, Kementerian Kesihatan

Pencetus utama di sebalik mana-mana projek perintis NKRA Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam adalah untuk menunjukkan 'bukti konsep' dan menyelesaikan masalah sebelum Kementerian dan/atau agensi kerajaan pelaksana meneruskan projek berskala besar. Program Penjagaan Kesihatan PSDT, iaitu usaha untuk mengurangkan masa menunggu oleh pesakit dan menambah baik pengalaman pesakit di hospital kerajaan di bawah KKM, ialah contoh yang tepat tentang kejayaan projek NKRA PSDT daripada projek perintis kepada pelaksanaan di seluruh negara.

Pada mulanya, apabila memutuskan proses dalam KKM yang harus diberikan transformasi, perkhidmatan hospital bukanlah item teratas dalam agenda. Seperti yang dijelaskan oleh Datin Dr. Nor Akma binti Yusuf, Timbalan Pengarah Unit Perkhidmatan Pengurusan Hospital di bawah Bahagian Pembangunan Perubatan KKM, keputusan untuk melaksanakan PSDT (Penjagaan Kesihatan PSDT) disepakati selepas sesi perceraian fikiran dan perbincangan yang mendalam dengan pasukan NKRA PSDT.

"Projek perintis LEAN yang pertama dilaksanakan di Hospital Sultan Ismail (HSI) di Johor Bahru. Meskipun hospital itu terletak agak jauh dari Putrajaya, pengarah hospital amat positif dengan projek ini, dan pakar perunding yang dipanggil adalah berpangkalan di Johor Bahru," Dr. Nor Akma mengimbas kembali.

Projek perintis LEAN di HSI menjadi pengalaman pembelajaran bagi semua pihak yang terlibat. KKM menyerahkan budi bicara penuh kepada HSI untuk memilih bidang penambahbaikan berdasarkan permintaan pesakit dan cabaran sedia ada. HSI telah memilih untuk melaksanakan projek perintis ini di Klinik Pakar Ortopedik dan Pusat Rawatan Onkologi. Peningkatan dalam masa menunggu bagi kedua-dua tempat ini memberikan kesan ketara, dan semua pihak berkepentingan berpuas hati dengan hasilnya. Susulan kejayaan di HSI, Menteri Kesihatan, Dato' Sri Dr. S. Subramaniam, meminta Kementerian dan pasukan NKRA PSDT untuk melihat sama ada peningkatan serupa boleh dilakukan di Jabatan Kecemasan (JK) di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang.

"JK merupakan barisan hadapan di mana-mana hospital, dan selepas itu, kebanyakan pesakit dihantar ke wad perubatan sekiranya keadaan mereka membenarkan kemasukan ke wad," terang Dr. Nor Akma. Oleh sedemikian, projek perintis ini telah diperluaskan seterusnya untuk menambah baik masa menunggu di Zon Hijau JK dan wad perubatan di HTAR.

Dr. Nor Akma menerangkan bahawa sejajar dengan prinsip LEAN, KPI turut diwujudkan; dengan itu, kemajuan dapat diukur - petunjuk ini bersifat objektif, bukan subjektif - justeru anda boleh melihat peningkatannya. "Tidak berlaku apa-apa yang

dihapuskan sekiranya boleh. Hasil yang disasarkan adalah untuk melihat penggunaan sumber yang lebih cekap dan berkesan untuk mencapai kualiti penyampaian yang dikehendaki atau pada tahap optimum di samping memenuhi jangkaan pihak berkepentingan, yang dalam kes ini adalah untuk menambah baik waktu menunggu dan mempercepat aliran pesakit.

Menambah baik waktu menunggu 'permohonan hingga pemakluman' **Bantuan Orang Tua (BOT)** merupakan inisiatif perintis baru tahun 2015 oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Diurus oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), BOT menyediakan bantuan RM300 sebulan bagi warga emas berusia 60 tahun ke atas yang tidak mempunyai sumber pendapatan lain. Pada asalnya,

tempoh menunggu antara permohonan BOT hingga pemakluman penerimaan permohonan ialah 30 hari bekerja. Objektif untuk memendekkan tempoh ini ke 5 hari bekerja telah dicapai dalam inisiatif perintis ini.



Warga emas adalah antara mereka yang merasa kesan positif daripada projek PSDT. Projek transformasi BOT membawa maksud bahawa permohonan mereka telah diproses dan diluluskan dalam masa satu hari sahaja

hebat atau menggunakan bajet yang besar; kebanyakannya ialah penambahbaikan kecil terhadap proses sedia ada, tetapi semua ini akhirnya menjadi banyak," tambahnya. Hasilnya dapat dilihat tidak lama kemudian. Kecekapan dalam proses kerja ini telah memberi manfaat yang besar kepada pesakit di mana masa menunggu semakin berkurangan dan pesakit diberi katil dengan lebih pantas. Kakitangan perubatan juga berasa lebih gembira terhadap manfaat yang diterima.

Pendekatan KKM dalam pelaksanaan di seluruh negara adalah berdasarkan penggunaan kaedah 'Agile' yang diperkenalkan oleh pasukan NKRA PSDT, bermula dari HTAR. Dengan iktibar yang diperolehi dan tatacara/garis panduan sewajarnya yang dirumuskan susulan pelaksanaan LEAN di JK dan wad perubatan HTAR, kementerian telah menerapkannya kepada 12 hospital negeri dan 3 hospital utama di Lembah Kelang. Pembelajaran daripada 16 hospital ini termasuk HTAR, akan digunakan untuk melancarkan LEAN bagi baki 117 hospital dalam kumpulan daripada 20 buah hospital.

LEAN, dan falsafah di sebalik pendekatan 'Agile', telah digunakan dengan meluas di hospital-hospital yang terlibat. HSI sebagai contoh, yang mengambil inisiatif sendiri telah melatih jabatan lain dalam melaksanakan LEAN, dan jabatan-jabatan ini telah mula menunjukkan peningkatan. "Ia bukan sekadar projek, malah satu bentuk pemindahan ilmu,



yakni pasukan yang sudah arif dengan prinsip LEAN akan melatih pasukan lain pula dan menyebarkan 'benih' melalui cara tersebut."

Memandangkan hospital-hospital ini melaksanakan LEAN pada peringkat dalaman di JK dan wad perubatan, diharapkan apabila KKM melaksanakannya di semua hospital kerajaan, seperti yang telah mula dilaksanakan, 16 hospital terawal akan menjadi mentor kepada hospital lain di negeri masing-masing.

Klinik pakar Oftalmologi dan Ortopedik ialah dua bidang seterusnya yang telah dipilih di seluruh negara untuk menggunakan pendekatan 'Agile'.

"Konsep Penjagaan Kesihatan PSDT memfokuskan peningkatan kecekapan, dan adalah penting semua orang memahaminya. Semasa kita baru bermula, tiada siapa pun tahu maksud 'LEAN'; hari ini, semua orang memahami alat ini," Dr. Nor Akma menjelaskan.

## PENDEKATAN AGILE



**Melawat ke 117 hospital seluruh negara dalam masa 2 tahun. Sejumlah 133**

Pejabat JKM Melaka Tengah telah dipilih sebagai tapak perintis inisiatif ini. Selain JKM, projek ini turut melibatkan beberapa agensi kerajaan di Kementerian berkenaan, seperti Institut Sosial Malaysia (ISM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Institut Pengupayaan Wanita NAM (NIEW), dan wakil utama daripada Kementerian dan juga Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Melaka Tengah (PKMDMT). Menerusi beberapa perbincangan dan bengkel, pasukan projek tersebut telah menyemak semula aliran kerja BOT semasa melalui proses pemetaan. Mereka telah mengenal pasti kekangan dan punca atau isu

utama, serta telah mengadakan sesi pencernaan fikiran untuk mendapatkan penyelesaian yang mungkin bagi kekangan tersebut.

Transformasi utama yang telah dikenal pasti melalui projek ini merangkumi penilaian semula terhadap permohonan BOT yang hanya sekali bagi setiap 24 bulan yang menentukan sama ada penerusan bantuan tersebut diluluskan atau ditolak. Peranan kakitangan dan pegawai yang memberikan kesan kepada permohonan BOT disusun semula. Kuasa untuk meluluskan permohonan turut diberikan kepada naib yang dipertua pejabat daerah pada bila-bila masa ketiadaan yang dipertua. Projek ini seterusnya telah

memperkenalkan waktu berakhir operasi (*cut-off window*) bagi sesetengah proses kerja dalam operasi harian.

Melalui langkah ini dan langkah-langkah lain, matlamat tersebut akhirnya berjaya dicapai. Ini telah membuahkan hasil penjimatan sebanyak RM126,000 setahun dan peningkatan ketersediaan 26 orang kakitangan (penjimatan sebanyak 14,976 jam kerja manusia (man hour) setahun, atau RM112,320 kehilangan produktiviti setahun). Penjimatan pelaksanaan projek ini di semua cawangan JKM boleh mencapai jumlah yang agak besar. Pada masa yang sama, tempoh menunggu yang lebih pendek juga telah meningkatkan kepuasan pelanggan.

2

## Inovasi Berterusan Kunci Utama Penyampaian Perkhidmatan Awam yang Berkesan



Tahap IAQ di Hospital Melaka (yang dipilih sebagai perintis bagi projek PSDT) telah dipertingkatkan dengan bakteria, kulat dan sebatian organik yang tidak stabil telah dihapuskan selepas semburan larutan nano TiO<sub>2</sub>

Kecekapan mencerminkan separuh daripada gambaran keseluruhan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan awam. Separuh yang seterusnya adalah keberkesanan. Proses tidak boleh menjadi cepat dengan mudah dan menjadi cekap secara automatik. Proses tersebut perlulah berfungsi dan kelihatan berfungsi di mata rakyat. Mempertingkatkan keberkesanan pelbagai inisiatif kerajaan merupakan teras utama projek yang digariskan di bawah.

### MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU

Di bawah naungan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), dua projek perintis **Program Pemindahan Ilmu (Knowledge Transfer Programme, KTP)** telah diperkenalkan. Projek KTP tersebut ialah, yang pertama, penggunaan teknologi fotopemangkin (photo-catalyst) mesra alam sekitar untuk menghasilkan kualiti udara dalaman (indoor air quality, IAQ) yang baik di Hospital Besar (HB) Melaka, dan yang kedua, kitar semula hasil buangan organik perbandaran melalui pengkomposan vermi di Melaka Sentral.

Objektif utama KTP yang pertama adalah untuk melindungi terutamanya IAQ. Dalam kes ini, di tapak perintis Hospital Melaka. Projek ini telah dilaksanakan dengan menggunakan titanium dioksida nano (Nano-TiO<sub>2</sub>). Objektif sekunder projek ini adalah untuk mewujudkan kesedaran berkenaan dengan IAQ, memantau dan mengajar amalan terbaik untuk mengawal IAQ, merumuskan satu model yang boleh dihasilkan semula dengan mudah di negeri lain serta memudahkan pemindahan penggunaan teknologi Nano-TiO<sub>2</sub>.

Pada asasnya, larutan Nano-TiO<sub>2</sub> disemburkan pada dinding, lantai dan siling. Melalui tindak balas pengoksidaan pemangkin, larutan tersebut terbukti berkesan untuk membunuh bakteria dan menyekat pertumbuhan virus, membuang sebatian organik mudah meruap (volatile organic compounds, VOC), berupaya melakukan sanitasi sendiri dan mencegah bau busuk. Pengukuran IAQ di enam lokasi berbeza di Hospital Melaka dilakukan oleh pakar. Didapati bahawa IAQ yang ditemui di kebanyakan lokasi berada dalam julat yang boleh diterima. Ini menunjukkan keberkesanan tindak balas fotopemangkin Nano-TiO<sub>2</sub> yang sangat baik terhadap bahan pencemar dalaman.

Projek kedua KTP ialah penggunaan cacing untuk mempercepat penghasilan vermikompos daripada hasil buangan organik. Hasil buangan ini dikutip dari pasar basah di Pasar Besar yang terletak di Melaka Sentral. Berdasarkan projek perintis ini, 70 peratus daripada bahan buangan secara puratanya dianggarkan telah ditukarkan ke dalam bentuk kompos matang dalam 3 pusingan tuaian. Setiap pusingan mengambil masa sebulan. Bergantung pada hasil penukaran, perkiraan nilai ekonomi yang dihasilkan adalah antara RM168 hingga RM321 untuk satu tan bahan buangan.

### **KEBERKESANAN PENGGUNAAN GIMNASIUM AWAM**

Sementara itu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melaksanakan projek transformasi Gym1Malaysia. Inisiatif ini bertujuan mentransformasikan infrastruktur “kasar” dan “lembut” (*hard and soft infrastructures*). Transformasi



Gym 1Malaysia dalam bangunan Kementerian Belia dan Sukan di Putrajaya. Foto adalah sumber daripada laman Facebook Gimnasium Rakyat KBS

infrastruktur “kasar” merujuk kepada pengubahsuaian infrastruktur fizikal, manakala infrastruktur “lembut” melibatkan pelaksanaan pengurusan gimnasium yang lebih baik di tapak perintis, iaitu Kompleks Rakan Muda Larut Matang dan Selama di Taiping, Perak. Dengan mereka bentuk semula susun atur tapak dan peralatan berdasarkan maklum balas pelanggan, serta membangunkan dasar dan panduan penyelenggaraan yang lebih baik, inisiatif ini telah berupaya membawa masuk lebih 6 kali jumlah pengunjung setiap bulan berbanding dengan sebelum ini. Ini membuktikan betapa penting untuk mendengar maklum balas daripada rakyat dalam mengoptimumkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam.

### **PENGURUSAN DATA PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN AWAM YANG BERKESAN**

Perkhidmatan pergigian dan perkhidmatan kesihatan lain bakal menerima rangsangan hasil usaha kolaborasi antara MOSTI dengan KKM. Pasukan kerjasama MOSTI dan KKM ini sedang membangunkan aplikasi bersepadu Sistem Penjagaan Teleprimer dan Informasi Klinik Penjagaan Mulut (Teleprimary Care and Oral Health

Clinical Information System, TPC-OHCIS) menggunakan Platform Inovasi Terbuka MIMOS. TPC-OHCIS akan memudahkan proses pendaftaran dan janji temu pesakit, membolehkan perkongsian rekod peribadi dan perubatan pesakit merentas semua klinik yang berhubungan secara selamat dan sulit, dan membolehkan pesakit untuk membuat pemantauan sendiri terhadap sesetengah penyakit kritikal seperti darah tinggi dan kencing manis. KKM juga boleh menggunakan sistem tersebut bagi perlombongan data masa nyata (*real-time data mining*) dan analisis perisikan ketika keadaan kecemasan kritikal seperti wabak denggi.

Melalui TPC-OHCIS, KKM berpeluang untuk memperoleh penjimatan kos yang tinggi dari segi pembangunan sistem, penggunaan dan penyelenggaraan. Ini berlaku kerana sistem tersebut menggunakan teknologi tempatan sepenuhnya dan bersifat vendor-neutral. Masa pentadbiran purata bagi seorang pesakit telah menunjukkan penurunan daripada 16 minit kepada kurang 3 minit, iaitu penambahbaikan sebanyak 81 peratus. Sistem tersebut telah lulus Ujian Penerimaan Pengguna (*User Acceptance Testing*, UAT) pada bulan Ogos 2015. Ciri pergigian asasnya juga telah dipamerkan dengan jayanya di Klinik Pergigian Mantin pada bulan November.

# PEMINDAHAN ILMU DARIPADA AHLI AKADEMIK UNTUK MEMPERTINGKATKAN KEHIDUPAN RAKYAT



KTP - Projek Vermicompos di pasar basah, Melaka Sentral merupakan projek perintis di bawah NKRA PSDT. Ia bukan sahaja menghasilkan sisa pepejal organik, tetapi juga manfaat dari segi ekonomi

Matlamat Program Pemindahan Ilmu (*Knowledge Transfer Programme*, KTP) adalah untuk memperoleh idea dan ilmu penyelidikan baharu daripada institusi pengajian tinggi (melalui Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, KPTM) dan menggunakannya untuk menyelesaikan isu-isu negara demi manfaat rakyat Malaysia demi manfaat rakyat Malaysia. Dalam erti kata lain, KTP menasarkankan untuk menterjemahkan idea penyelidikan akademik agar dilaksanakan dalam dunia sebenar. Setelah idea ini terbukti mempunyai nilai praktikal, langkah seterusnya adalah dengan mengkomersilkan idea tersebut untuk manfaat rakyat. Dalam kes KTP – projek Pengkomposan Vermicompos, penerima rintis ialah Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Projek KTP dipilih berdasarkan kepada potensinya untuk berjaya dilaksanakan, memberi impak yang positif terhadap penerima dan persekitaran mereka,

serta sejajar dengan kepentingan negara. Projek ini biasanya dijalankan selama dua tahun, dengan pembiayaan awal disediakan oleh Kerajaan. Dengan pengkomposan vermi, sangat sedikit kemudahan atau infrastruktur yang diperlukan; inputnya ialah sampah (sisa organik daripada buah-buahan dan sayuran), dan boleh dimulakan dengan satu tong.

Pengkomposan vermi telah digunakan di negara lain sebagai satu kaedah pengurusan sisa pepejal. Menurut Profesor Kanan Dr. Azni Idris daripada Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar di Universiti Putra Malaysia, ketua pelaksana projek KTP ini, sisa pepejal menjadi isu yang sering dibincangkan sehingga hari ini.

“Lazimnya, rakyat menyerahkan isu pengurusan sisa kepada majlis tempatan; ini kebiasaannya, tetapi sebagai penjana sisa, kita turut perlu memainkan peranan. Baru-baru ini kerajaan mengumumkan bahawa RM2

bilion dibelanjakan setiap tahun bagi pengurusan sisa,” jelas Dr. Azni. “Jadi, kaedah ini tidak mampan untuk jangka masa panjang.”

Pengasingan sisa pada sumber sudah dilaksanakan di beberapa negeri; namun, pengurangan sisa di sumber masih menjadi isu bagi isi rumah disebabkan sikap manusia. “Lebih mudah mengubah cara perniagaan mengurus sisa pepejal pada sumber. Justeru itu, kami menasarkankan perniagaan di pasar basah dan kedai runcit untuk menjana bertan-tan sisa setiap hari. Secara keseluruhan, sisa buah-buahan dan sayuran mencakup 20 peratus daripada sisa pepejal yang dibawa ke tapak pelupusan sampah.

Penggunaan vermikompos juga penting untuk mengurangkan sisa organik daripada buah-buahan dan sayuran. “Pengkomposan vermi lebih mudah dan kosnya lebih efektif berbanding dengan pengkomposan bakteria kerana ia kurang berbau dan kompos yang dihasilkan mempunyai kandungan baja yang tinggi. Malah, ia merupakan aktiviti mampan kerana cacing membiak sendiri dan tidak berlaku kekurangan input.”

Ismail bin Che Din, Arkitek Landskap dan Penolong Pegawai Pertanian Kanan di MBMB, terlibat dalam melaksanakan inisiatif ini di Pasar Besar di Melaka Sentral. “Saya memang berminat dengan teknologi organik dan saya gemar alam semula jadi. Malah, MBMB telah menghasilkan kompos sendiri daripada bahan buangan pemangkasan pokok, dan memenangi Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Melaka (Kategori Bukan IT) pada tahun 2013.”

Kebanyakan cabaran yang dihadapi semasa projek percubaan ini hanyalah menangani ragam sifat manusia, dan sedikit sahaja yang berkaitan dengan aspek teknikal. “Agar sukar mendidik orang ramai di pasar agar tidak membuang terus sisa organik mereka. Pengasingan sisa organik dan bukan organik masih menjadi isu; orang ramai cenderung membuang semua sampah dalam satu bekas dan kami terpaksa mengasingkan bahan buangan organik untuk pengkomposan vermi.

Kemudian, selepas sisa diasingkan, orang yang tidak bertanggungjawab pula datang dan "mencuri" bahan buangan organik ini untuk memberi makan kepada haiwan peliharaan mereka. Dari satu aspek, ini adalah masalah yang bagus, tetapi ini telah menyebabkan berlakunya kekurangan bekalan makanan untuk cacing. Sebelum ini, orang tidak mempedulikan bahan buangan langsung," ujarnya.

Ismail bersetuju dengan pendapat Dr. Azni bahawa pengkomposan vermi merupakan projek yang baik. "Projek ini mudah dilakukan dan cara yang mudah untuk mengurangkan sisa organik, selain amat bermanfaat dari segi ekonomi dan alam sekitar. Saya juga mendapati projek ini bersifat mendidik dan saya ingin mencadangkan agar projek ini dimulakan di sekolah rendah; kemudian, ke setiap isi rumah atau komuniti awam. Memandangkan terdapat beberapa "komuniti laman" di bawah bidang kuasa MBMB hasil daripada program NBOS, projek pengkomposan vermi seperti ini bukanlah satu masalah untuk dimulakan pada bila-bila masa sahaja."

Meskipun masih ada tempoh kira-kira setahun sebelum penyerahan rasmi kepada MBMB, Dr. Azni menegaskan bahawa berdasarkan kejayaannya setakat ini, projek ini sudah boleh diperluaskan ke pasar lain di Melaka. "Daripada satu pasar ini sahaja, pengiraan kami menunjukkan bahawa jika seluruh bahan buangan organik (lima tan sehari) ditukar kepada kompos, MBMB akan memperoleh manfaat ekonomi sehingga RM800,000 setahun. Bayangkan manfaatnya jika inisiatif ini dilaksanakan di seluruh negeri," tambahnya.

Ismail percaya bahawa projek ini turut berjaya mendidik orang ramai agar prihatin terhadap alam sekitar. "Saya rasa orang ramai lebih peka terhadap benda yang dibuang oleh mereka ke dalam tong sampah; mereka lebih menyedari sekarang bahawa bahan buangan juga mempunyai nilai," jelas beliau.

## **ROMBAKAN PORTAL JOBSMALAYSIA**

Usaha Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk merombak portal pekerjaan, iaitu portal JobsMalaysia 2.0 masih sedang dilaksanakan. Portal sedia ada sudah ketinggalan zaman setelah diperkenalkan lebih 14 tahun yang lalu. Halaman portal terlalu semak dan panjang, manakala prestasinya juga perlahan dan tidak menentu – tempoh muat turun bagi satu halaman mengambil masa melebihi 3 saat. Oleh itu, rombakan portal tersebut akan dapat menangani isu ini dan juga isu lain. Ini akan menjadikannya lebih cekap untuk kegunaan majikan dan pekerja. Pelan asal menyasarkan penyiapan portal ini pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, rombakan ini hanya akan selesai pada suku ketiga 2016.



Gambar ihsan daripada BERNAMA Images

## **MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN LIF DI PERUMAHAN AWAM**

DBKL meneruskan usahanya untuk mempertingkatkan penyelenggaraan lif di pembangunan perumahan awamnya. Kejayaan projek ujian perintis tahun lepas di PPR Batu Muda telah berupaya menambah baik waktu maklum balas ke sekitar 30 minit dan berjaya mengurangkan separuh daripada jumlah aduan pelanggan. Semenjak itu, DBKL telah memutuskan untuk melaksanakannya di 5 daripada 10 pembangunan perumahan awam yang menelan separuh daripada jumlah keseluruhan kos penyelenggaraan lif yang dibelanjakan di semua 53 pembangunan perumahan awam DBKL. Meskipun terdapat cabaran dari segi kewangan dan penyelarasan, DBKL masih berupaya untuk mengurangkan jumlah masa kerosakan lif sebanyak 60 peratus, lantas dengan mudah mencapai KPI mereka yang telah ditetapkan untuk tahun 2015.

3

## Projek Perintis bagi Kecekapan

Projek PSDT lazimnya bermula secara kecil-kecilan. Projek ini akan terlebih dahulu diuji di sebuah (atau paling banyak beberapa) tapak ujian perintis atau kes. Sebaik sahaja projek ini terbukti berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan, projek ini kemudiannya akan dilaksanakan secara berperingkat. Projek ini akan berkembang secara berperingkat-peringkat untuk meliputi seluruh kawasan di bawah bidang kuasa pihak yang bertanggungjawab.

Kita telah menyaksikan senario ini menerusi PSDT Penjagaan Kesihatan dan demikian juga menerusi program Transformasi Penyelenggaraan Jalan DBKL.

Berdasarkan hasil yang positif daripada PSDT Penjagaan Kesihatan, KKM kini akan melaksanakannya di semua 133 hospital kerajaan di seluruh negara.

Penemuan daripada 16 buah hospital (termasuk HTAR) telah dikumpulkan dan dikaji. Berasaskan penemuan ini, KKM telah mereka bentuk templat yang 'ideal' untuk JK dan wad perubahan.

Templat ini akan dilaksanakan di semua hospital lain secara berkumpulan dengan 20 hospital bagi setiap kumpulan. Apabila setiap kumpulan mengadaptasikan templat tersebut, pengalaman yang diperoleh mereka akan digunakan untuk mengemas kini templat. 20 hospital yang berikutnya akan mengadaptasikan templat yang telah dikemas kini itu. Pengalaman mereka juga akan digabungkan di dalam templat tersebut dan begitulah seterusnya sehingga semua baki 117 hospital dapat melaksanakan inisiatif PSDT Penjagaan Kesihatan.

Projek perintis Transformasi Penyelenggaraan Jalan DBKL pada tahun lepas melibatkan penambahbaikan masa pusingan (*turnaround time*) proses membaiki pulih jalan untuk MRR1. Lubang jalan yang berukuran 3m2 telah dibaiki dalam tempoh masa 2 jam. Manakala, bagi lubang jalan yang lebih besar, pembaikannya adalah dalam tempoh 2 hari. Disebabkan kejayaan yang telah diraih dalam masa pembaikan MRR1, DBKL telah memutuskan untuk mengembangkannya ke lebih 20 jalan utama dan protokol pada tahun 2015. DBKL telah menggunakan KPI yang sama seperti sebelumnya dan telah berjaya mencapai 100 peratus sasarannya. Ini seterusnya memberikan manfaat kepada 2.1 juta pengguna jalan raya yang menggunakan jalan tersebut.

“**Projek PSDT lazimnya bermula secara kecil-kecilan. Projek ini akan terlebih dahulu diuji di sebuah (atau paling banyak beberapa) tapak ujian perintis atau kes. Sebaik sahaja projek ini terbukti berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan, projek ini kemudiannya akan dilaksanakan secara berperingkat. Projek ini akan berkembang secara berperingkat-peringkat untuk meliputi seluruh kawasan di bawah bidang kuasa pihak yang bertanggungjawab.**



Program Transformasi Penyelenggaraan Jalan DBKL 2015 memperlihatkan perluasannya melebihi MRR1 kepada 20 jalan utama dan protokol, namun masih mecapai 100% sasaran masa membaikpulih yang ditetapkan sebelumnya




## TINJAUAN MASA HADAPAN

Pada tahun 2016, PSDT Penjagaan Kesihatan akan memberikan tumpuan pada usaha menggerakkan semua Jabatan Kecemasan dan Wad Perubatan di lebih banyak hospital untuk digredkan sebagai 'cekap'. Inisiatif ini juga akan berusaha untuk mengubah hospital yang telah disifatkan sebagai 'cekap' untuk memiliki pengurusan perkhidmatan dan penglibatan awam yang jauh lebih baik lagi untuk memenuhi persepsi dan jangkaan rakyat.

Langkah seterusnya bagi aplikasi TPC-OHCIS adalah perlaksanaan aplikasi sepenuhnya di 12 buah klinik di Negeri Sembilan. 8 buah klinik merupakan gabungan klinik kesihatan dengan klinik pergigian. Manakala, 4 buah klinik yang lain terbahagi

sama rata antara klinik kesihatan dan klinik pergigian yang berdiri sendiri (*standalone*). Pusat data akan ditempatkan di ibu pejabat MAMPU di Putrajaya.

Pada akhir tahun 2016, program penyelenggaraan lif yang telah ditambah baik untuk 64,000 penghuni di 14,494 unit di 10 pembangunan perumahan awam utama akan dilaksanakan sepenuhnya oleh DBKL. DBKL juga akan memohon semula penambahan peruntukan untuk memastikan sasaran penambahbaikan penyelenggaraan jalan raya pada tahun 2016 tercapai. Di samping itu, DBKL akan mempertimbangkan skop projek tersebut untuk disesuaikan dengan peringkat pembiayaan yang diluluskan pada masa ini.



# MENJADIKAN GREATER KUALA LUMPUR/ KLANG VALLEY BERTARAF DUNIA



**DATUK SERI UTAMA TENGGU  
ADNAN TENGGU MANSOR**

MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

Perjalanan Greater Kuala Lumpur dalam transformasinya untuk mencapai tahap bandar raya bertaraf dunia sekarang sudah sampai ke titik pertengahan. Kita berusaha meneruskan rancangan untuk mentransformasikan Greater Kuala Lumpur menjadi sebuah lokasi urban bertaraf dunia yang bakal menjadi kebanggaan warga penduduknya menjelang tahun 2020.

Apabila kita menilai segala pencapaian dan cabaran dari sudut pandangan semasa semenjak kita mula mengorak langkah pada tahun 2010, kita sedar bahawa impian kita bersama bagi Greater Kuala Lumpur kini semakin jelas dari setahun ke setahun. Setakat ini, kita bertekad untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif tersebut dan saya amat yakin bahawa kita akan mencapai matlamat serampang dua mata untuk menjadikan Greater Kuala Lumpur, sebuah bandar raya yang unggul dari segi taraf ekonomi dan daya huni menjelang tahun 2020.

Tahun 2015 mencerminkan tahun yang mencatat kejayaan bagi NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (Greater KL/KV).

Dengan jangkaan siapnya fasa pertama landasan Transit Aliran Berkapasiti Tinggi Kuala Lumpur / Lembah Klang yang julung-julung kali dibina di Malaysia pada bulan Disember 2016, diiringi pula dengan

minat mendalam dari pihak luar bagi pelancaran Kereta Api Berkelajuan Tinggi yang bakal menghubungkan Kuala Lumpur dan Singapura, beserta usaha berterusan untuk mentransformasikan Sungai Klang dan Sungai Gombak menjadi daya tarikan Kuala Lumpur yang mengagumkan, kita berada di ambang yang akan mencetuskan beberapa perubahan besar bagi bandar raya ini.

Meningkatkan daya huni bagi semua penduduk bandar raya dalam bentuk kehidupan berkualiti, penyelenggaraan taman rekreasi yang baik dan akses kepada pelbagai kemudahan kesemuanya membentuk sebahagian daripada usaha berterusan kita untuk menjadikan Greater Kuala Lumpur sebuah hab yang menarik bukan sahaja sebagai tempat kediaman, malahan juga sebagai tempat untuk membina perniagaan dan pelaburan di rantau ASEAN yang pesat berkembang.

Momentum luar biasa yang tercapai setakat ini adalah usaha kolektif daripada beberapa agensi kerajaan dan syarikat sektor swasta yang telah bekerjasama untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Saya berbesar hati kerana berpeluang untuk berganding bahu bersama-sama anda untuk membawa bandar raya ini dan penduduknya ke tahap kejayaan yang termampu dicapai.

“*Sebagai pemangkin pertumbuhan utama negara, wilayah Greater Kuala Lumpur/Klang Valley adalah amat penting bagi negara, dan memerlukan pelan pembangunan yang komprehensif dan mampan untuk menangani segala cabaran yang menyusuli arus pantas urbanisasi.*”

Selaras dengan hala tuju, Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (KL/KV) berhasrat untuk menjadi sebuah metropolis yang bertaraf dunia yang boleh dibangai dan pada masa yang sama akan dilengkapi dengan pelbagai prasarana perniagaan dan kemudahan awam.

Inisiatif-inisiatif NKEA Greater KL/KV adalah tertumpu ke arah memastikan Projek-projek Permulaan yang dikenal pasti akan memainkan peranan yang penting dalam mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, dengan sasaran impak PNK sebanyak RM391.6 bilion dan pewujudan 553,000 peluang pekerjaan.

Segala usaha ini telah mula membuahkan hasil, sebagaimana yang dicerminkan dalam peningkatan kedudukan bandar raya Kuala Lumpur kepada kedudukan ke-73 daripada jumlah 140 bandar raya dalam Kedudukan Daya Huni Global *Economist Intelligence Unit* (EIU) 2015. Kuala Lumpur melonjak lima anak tangga berbanding kedudukannya pada tahun 2010. Dalam Laporan Mudah Menjalankan Perniagaan Bank Dunia,

#### DALAM NKEA INI

- 1 Berada di Landasan yang Betul ke Arah Mencapai Infrastruktur Bertaraf Dunia yang Bakal Menjana Perubahan
- 2 Meningkatkan Daya Huni Bandar
- 3 Greater KL: Hab Perniagaan dan Pelaburan Serantau

Kuala Lumpur meningkat lima anak tangga dari tahun 2010 untuk berada di tempat ke-18 pada tahun 2015.

Kawasan metropolitan Greater Kuala Lumpur merangkumi 10 kawasan perbandaran, termasuk bandar Kuala Lumpur itu sendiri.

Sebagai pemangkin pertumbuhan utama negara, wilayah Greater Kuala Lumpur adalah amat penting bagi negara, dan memerlukan pelan pembangunan yang komprehensif dan mampan untuk menangani segala cabaran yang menyusuli arus pantas urbanisasi.

1

## Berada di Landasan yang Betul ke Arah Mencapai Infrastruktur Bertaraf Dunia yang Bakal Menjana Perubahan



Tujuh stesen akan dibina di sepanjang 9.5km jajaran bawah tanah MRT Lembah Klang laluan Sungai Buloh - Kajang, bermula dari KL Sentral. Di atas adalah stesen MRT bawah tanah di Maluri. Gambar ihsan daripada Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd

Pada tahun 2015, jumlah penduduk Kuala Lumpur dan Selangor ialah 7.87 juta, iaitu 25 peratus daripada 31.1 juta jumlah penduduk negara.

Ini bersama-sama dengan penumpuan aktiviti-aktiviti perniagaan dan komersil di bandar raya menunjukkan betapa perlunya untuk meningkatkan kesalinghubungan pada tahap yang lebih tinggi bagi memastikan kemajuan bandar raya ini tidak terhenti akibat dari kepadatan penduduk dan kesalinghubungan yang lemah.

Tekanan hidup berikutan kos sara hidup yang tinggi di kawasan bandar seharusnya dikurangkan, dan kemudahan rekreasi yang bagus dalam bandar juga perlu disediakan. Pada masa yang sama, kita perlu memastikan agar penyelesaian ini adalah mampan dan berterusan, di samping mempertingkatkan daya huni bandar dalam tempoh jangka panjang.

### SISTEM TRANSIT ALIRAN BERKAPASITI TINGGI BANDAR YANG BERSEPADU

Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) merupakan penjana perubahan dalam usaha yang berterusan untuk meningkatkan mobiliti, produktiviti dan mutu kehidupan. Ia bertujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas dan menyediakan kemudahan pengangkutan yang cekap dan mesra alam bagi para penumpang bekerja yang berulang-alik ke pusat bandar setiap hari.

Pada tahun 2015, KPI bagi pembinaan MRT telah berjalan dengan lancar mengikut perancangan tanpa limpahan kos. Di Depoh Sungai Buloh, sebanyak 24 buah kereta api telah siap diserahkan dan diuji mengikut jadual, malah melebihi sasaran awal sebanyak 15 buah kereta api. Di samping itu, penyerahan terowong dan landasan stesen kepada Kontraktor Kerja Sistem sentiasa dikawal selia. Perbincangan dan persetujuan bersama pihak kontraktor sentiasa

diadakan bagi memastikan penyiapan kerja adalah mengikut tarikh siap yang telah ditetapkan.

Dalam usaha untuk memastikan pembinaan kerja-kerja struktur di 12 buah stesen dan landasan dalam Fasa 1 projek tersebut menepati jadual, terdapat beberapa cabaran yang telah dihadapi. Oleh kerana kerja pembinaan di sesetengah bahagian jejambatan dan stesen mengalami kelewatan, maka tenaga kerja dan alatan telah ditumpukan di tapak-tapak pembinaan yang terlibat untuk menangani masalah ini. Tindakan proaktif ini antara lain telah memastikan keseluruhan landasan kereta api bagi Fasa 1 berjaya disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan.

Dari segi Kadar Kekerapan Kemalangan, Rakan Kongsi Pelaksana Projek (PDP) telah menambah bilangan penyelia dalam pasukan penyelia tapak, melakukan pemeriksaan keselamatan tapak dan persekitaran pada setiap minggu. Para Kontraktor Pakej Kerja (WPC) juga bertindak pantas dalam semua inisiatif keselamatan.

Fasa pertama MRT Laluan 1 (Sungai Buloh – Semantan) dijangka mula beroperasi pada penghujung bulan Disember 2016, sementara laluan penuh (Sungai Buloh – Kajang) dijangka beroperasi menjelang bulan Julai 2017.

MRT Laluan 1 sepanjang 51 km yang merangkumi 31 buah stesen, dijangka akan beroperasi mengikut selang masa 3.5 minit pada waktu puncak. Setiap tren akan dilengkapi dengan empat gerabak, menampung kapasiti 1,200 penumpang, dan penumpang hariannya dijangka akan mencecah 400,000 orang. Laluan ini juga akan disepadukan dengan sistem laluan kereta api sedia ada seperti KTM Komuter, LRT dan ERL di pelbagai lokasi contohnya Sungai Buloh, KL Sentral, Kajang, Pasar Seni dan Maluri.

Sementara itu, projek MRT Laluan 2 (Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya) yang diumumkan oleh Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2015 telah mendapat kelulusan pihak Kerajaan pada bulan Oktober 2015 dan panggilan pertama untuk tender akan bermula pada bulan Januari 2016. Laluan MRT Laluan 2 ini bakal memungkinkan lagi transformasi rangkaian pengangkutan di Greater KL/KV.

## MEMULIHKAN SEMULA SUNGAI-SUNGAI KL

Projek Sungai Nadi Kehidupan (ROL) bertujuan menghidupkan semula Sungai Klang dan Sungai Gombak, menjadikan kedua-dua batang sungai ini suatu enjin ekonomi yang memanfaatkan warisan dan budaya kita, pada masa yang sama, memperkayakan daya huni di Greater Kuala Lumpur. Air sungai harus dijamin selamat untuk kegunaan rekreasi, sementara tebing-tebing sungai akan menjalani pengubahsuaian yang besar. Tahun 2015 dianggap sebagai tahun yang penting kerana ia bukan sahaja menyaksikan penyempurnaan pelbagai infrastruktur, malahan beberapa projek besar telah mula dilaksanakan yang akan membawa kita ke arah pencapaian matlamat projek ini.

- Inisiatif pembersihan sungai ini dibahagikan kepada 67 pakej (45 telah disiapkan dan 22 masih berjalan) yang dipelopori oleh Jabatan Pengairan dan Saliran dan menyasarkan untuk

meningkatkan kualiti air Sungai Klang dan Sungai Gombak dari tahap Kelas III - V sekarang (tidak selamat untuk sentuhan kulit) kepada Kelas IIb (selamat untuk aktiviti-aktiviti rekreasi) menjelang 2020. Projek-projek ini terdiri daripada loji rawatan air sisa dan loji rawatan kumbahan serta pemasangan perangkap sampah dan sisa daripada mengalir masuk ke sungai-sungai kita (rujuk kepada Kemajuan Pembersihan Sungai bagi tahun 2015)

- Kerja-kerja pengindahan sungai sepanjang Sungai Klang dan Sungai Gombak akan dibuat sepanjang 10.7km yang menganjur melalui pusat bandar dari Gombak ke Brickfields. Kerja-kerja ini diterajui oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pada tahun 2015, kerja-kerja yang dilaksanakan boleh disaksikan di kawasan sekitar Gereja St Mary, Panggung

Bandaraya, Masjid Jamek, Lebuhraya, Sultan Abdul Samad, Pasar Seni, Dayabumi dan LRT Pasar Seni. (lihat Kemajuan Pengindahan Sungai bagi tahun 2015 untuk maklumat selanjutnya)

- Komponen ketiga projek Sungai Nadi Kehidupan berkaitan dengan hasrat mendapatkan pulangan daripada pelaburan berjumlah RM4.4 bilion dalam projek ini melalui projek pembangunan tanah di sekitar kawasan sungai-sungai ini. (Lihat Kemajuan Pembangunan Tanah bagi tahun 2015)

Apabila projek ROL ini disempurnakan pada tahun 2020, ia akan meletakkan Kuala Lumpur setanding dengan bandar raya global seperti Singapura dan Seoul yang telah melaksanakan projek yang sedemikian untuk membersihkan sungai-sungai mereka dan membangunkan kawasan *waterfront* masing-masing.

## KEMAJUAN PEMBERSIHAN SUNGAI BAGI TAHUN 2015

- Penyempurnaan Loji Rawatan Air Sisa (WWTP) di Pasar Borong Selayang – yang terbesar di Kuala Lumpur, dengan kapasiti 1,300 meter padu sehari.
- Pembinaan loji rawatan kumbahan serantau Bunus dan Jinjang Kepong telah bermula dan dijangka akan siap pada tahun 2018 dengan kapasiti merawat kumbahan bersamaan 750,000 Penduduk Setara (PE)<sup>1</sup> masing-masing.
- Kolam tadahan tebatan banjir dan lain-lain kemudahan rawatan telah dibina dan dipasang di Kolam Seri Segambut dan Kolam Kampung Benteng dengan 46 perangkap sampah<sup>2</sup>, dua *trash rake* automatik dan dua skrin statik<sup>3</sup>.
- Di bawah Pelan Induk Saliran dan Pengurusan Air Banjir, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah memasang 52 perangkap sampah<sup>2</sup>, satu *trash rake*, satu benteng balak dan satu loji rawatan air sungai untuk menangani kualiti air dan isu aliran bagi Sungai Gombak. Sejumlah 32 perangkap sampah<sup>2</sup>, dua *trash rake*, dan satu *trash rake* automatik telah dipasang di Sungai Kerayong yang mengalir dari Pandan Indah ke Pantai Baru.
- Untuk mengelakkan sisa makanan mengalir ke sungai, DBKL telah memasang 44 perangkap minyak komunal<sup>4</sup> di 10 medan selera awam di seluruh Kuala Lumpur.
- Fasa pertama sistem saluran pemintas mula dibina pada tahun 2015 sepanjang Sungai Klang yang mengalir melalui Kawasan Warisan Kuala Lumpur di sekitar Masjid Jamek. Sistem saluran pemintas ini mempunyai empat loji dan boleh membersihkan 200 liter/saat (kapasiti rawatan) isipadu air dan akan menguruskan 24 alur keluar pemetungan gabungan (CSO). Ini adalah untuk memastikan kualiti air di Sungai Klang yang mengalir melalui pusat bandar mengekalkan standard Kelas IIb yang

selamat untuk tujuan rekreasi. Pembinaan kini berada di peringkat 40 peratus dan dijangka siap pada suku kedua tahun 2016.

- Satu lagi komponen dalam inisiatif Pembersihan Sungai melibatkan program pendidikan awam untuk mewujudkan kesedaran orang awam mengenai pemuliharaan sungai. Pada tahun 2015, dua program telah dianjurkan di kawasan Keramat dan Chow Kit. Program jangkauan yang diterajui oleh JPS, dijangka akan memberi kesan positif kepada beribu-ribu penduduk di sepanjang kawasan-kawasan tadahan Sungai Bunus dan Hulu Sungai Klang.



Loji Rawatan Air Sisa Kuala Lumpur membersihkan sisa air dari pasar awam ke dalam kelas IIb

- <sup>1</sup> Penduduk Setara (PE) - penduduk tetap bagi suatu penduduk yang berubah-ubah atau yang tinggal sementara bagi sisa domestik dari sektor termasuklah kediaman, komersial dan industri yang menyumbang aliran ke dalam proses rawatan pemetungan.
- <sup>2</sup> Sejumlah 528 perangkap sisa pencemar kasar telah dipasang sejak tahun 2011
- <sup>3</sup> Key Initiative 5 Pakej 1 dan 2: Kolam Takungan Banjir Benteng
- <sup>4</sup> Sejumlah 98 perangkap minyak komunal telah dipasang sejak tahun 2012 oleh DBKL

### KERETA API BERKELAJUAN TINGGI

Pencapaian penting yang seterusnya bagi Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) ialah pemeteraian Perjanjian Dua Hala antara Kerajaan Malaysia dan Singapura. Pemeteraian perjanjian ini dijangka meneguhkan lagi komitmen kedua-dua kerajaan bagi projek ini. Selain itu, perjanjian ini juga dijangka merangkumi keputusan utama projek, bagi membolehkan projek diteruskan ke fasa yang seterusnya.

Pada masa yang sama, kedua-dua Kerajaan sedang giat berusaha untuk mentakrif ciri-ciri teknikal, komersil, keselamatan dan pengawalseliaan projek, dengan mengambil kira keperluan kedua-dua negara dan disesuaikan dengan pengalaman pelaksanaan projek HSR di seluruh dunia. Sebagai contoh, kedua-dua Kerajaan telah melancarkan sebuah kaji selidik pasaran bersama (RFI) perihal daya maju projek, struktur



komersil, pendekatan pemerolehan dan pertimbangan sokongan pengawalseliaan yang sesuai. Kaji selidik pasaran bersama ini telah menerima sambutan yang amat menggalakkan dan maklum balas yang telah diterima daripada kaji selidik pasaran bersama ini telah diambil kira dalam perbincangan dua hala kedua-dua negara.

Selain itu, Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah syarikat bertujuan khas, MyHSR Corporation Sdn Bhd (MyHSR) sebagai ejen pelaksana bagi projek HSR. Tanggungjawab utama MyHSR melibatkan pentakrifan dan

pembangunan projek dari fasa reka bentuk sehingga projek beroperasi.

MyHSR, bersama Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat, telah memuktamadkan hampir 50 peratus daripada 330km koridor projek sepanjang kawasan pantai barat Semenanjung Malaysia di antara Kuala Lumpur dan Nusajaya. Ini membolehkan MyHSR menjalankan kajian penilaian impak alam sekitar dan kajian penilaian impak sosial untuk memastikan kesan sosial dan alam sekitar yang terhasil daripada projek dipantau dan diuruskan dengan teliti.

## KEMAJUAN PENGINDAHAN SUNGAI BAGI TAHUN 2015

- Fasa 1 pembinaan telah bermula pada tahun 2014 dan tertumpu di Presint 7 atau Kawasan Warisan-lokasi di mana terletaknya mercu tanda bersejarah yang penting di Kuala Lumpur. Walaupun kerja-kerja pembinaan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2016, kemajuannya tidak seperti yang dijangkakan kerana kerja-kerja pembinaan tergendala akibat prasarana utiliti. Kemajuan pembinaan adalah 36.5 peratus berbanding 50 peratus yang dijangkakan.
- Di samping itu, timbul juga isu pengantaraan dengan laluan Transit Aliran Ringan (LRT) yang melalui sepanjang satu sisi sungai selain risiko yang tidak dapat dijangka di tapak pembinaan *Countdown Clock*. Kelambatan yang ketara dalam pembinaan dan penyempurnaan *Countdown Clock* juga menyebabkan tertanggunya kerja-kerja pengindahan sungai di kawasan Periuik Kera berhampiran Gereja St Mary.



Dinding komuniti yang distensikan dengan Sungai Nadi Kehidupan


## KEMAJUAN PEMBANGUNAN TANAH BAGI TAHUN 2015



Gambaran artis bagi Pusat Dagangan Dunia Putra dan kawasan sekitarnya pada waktu malam

- Pada tahun 2012, Kerajaan telah membekukan kepingan tanah di sepanjang Sungai Klang dan Sungai Gombak yang mengalir melalui Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan tujuan untuk mendapatkan balik pulangan kos pembangunan projek melalui pembangunan kepingan tanah ini pada masa hadapan dengan jangkaan memperoleh penilaian yang lebih tinggi.
- Pada tahun 2015, DBKL telah memuktamadkan Kajian Pasaran untuk mencari model pembangunan yang paling berdaya maju untuk menjana modal bagi 108 kepingan tanah milik kerajaan sepanjang 10.7km koridor tepian sungai.

## Meningkatkan Daya Huni Bandar



Segala langkah dan usaha di bawah NKEA ini menggunakan pendekatan holistik dalam perkembangan bandar dengan mengambil kira faktor impak terhadap alam sekitar dan kesejahteraan warga kota Kuala Lumpur supaya boleh menghuni di bandar dengan selesa. Di antara langkah-langkah yang telah dijalankan termasuklah memulihkan semula tempat-tempat ikonik bersejarah seperti Sungai Gombak dan Sungai Klang yang mengalir melalui bandar Kuala Lumpur; meningkatkan kesedaran serta minat warga kota terhadap tapak-tapak warisan bersejarah serta memastikan kemudahan prasarana awam mencukupi dan dapat memenuhi keperluan penduduk kota yang semakin meningkat bilangannya.

<sup>6</sup> EPP6 Penghijauan Kuala Lumpur

### BANDAR RAYA KUALA LUMPUR YANG LEBIH HIJAU

Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi DBKL bermatlamat untuk menambah ruang hijau terbuka di bandar untuk menghijaukan landskap bandar dan mempertingkatkan daya huni.

Setakat 31 Disember 2015, 171,097 batang pokok telah ditanam sejak empat tahun yang lalu oleh pihak berkuasa tempatan, sektor awam dan juga sektor swasta melalui inisiatif ini<sup>6</sup>.

Sustainable City Index 2015 yang dihasilkan oleh Arcadis – yang menanda aras bandar raya menurut kategori insan, planet dan keuntungan – meletakkan Kuala Lumpur di tempat ke-26 daripada 50 bandar raya.

## KEMAJUAN PENGIJAUAN KUALA LUMPUR BAGI TAHUN 2015

Pokok-pokok yang ditanam telah ditanda dengan teknologi sistem kedudukan sejagat (GPS) yang akan membolehkan DBKL mengenal pasti lokasi pokok-pokok ini bagi memudahkan kerja-kerja pemuliharaan pada masa hadapan. Sejumlah 84,938<sup>5</sup> batang pokok telah ditanda sejak tahun 2014 dan matlamatnya adalah untuk memastikan pokok-pokok yang ditanam akan terus hidup selepas tahun 2020, agar ia akan memanfaatkan keadaan cuaca alam sekitar dan pengindahan bandar raya Kuala Lumpur.



Sukarelawan berganding bahu menanam pokok-pokok di taman-taman sekitar Kuala Lumpur

<sup>5</sup> Pokok NKEA = 45,566  
Pokok Bukan NKEA = 39,372

Ini memberi petanda bagi keperluan untuk menggiatkan usaha yang menjurus kepada pencapaian skor yang lebih baik di bawah kategori insan dan planet dalam meningkatkan daya huni bandar.

Dari tahun 2016 hingga tahun 2020, EPP Penghijauan Kuala Lumpur lebih menumpukan kepada menarik penyertaan sektor swasta dan NGO untuk memacu inisiatif penghijauan di bandar dengan mengambil alih kawasan yang terbiar sebagai taman hijau di samping juga menanam dan memelihara lebih banyak pokok.

## MEMPERKENAL DAN MENUNJUKKAN KEINDAHAN TAPAK-TAPAK WARISAN DI KUALA LUMPUR

Dalam usaha untuk memodenkan Greater KL/KV agar setanding dengan bandar raya bertaraf dunia yang lain, kita perlu memelihara mercu tanda bersejarah dan tarikan ikoniknya. Di bawah EPP7: Tarikan Ikonik NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley, suatu rangkaian jejak warisan telah disediakan merentasi beberapa laluan melalui mercu tanda yang terkemuka dan laluan pejalan kaki di sekitar bandar raya Kuala Lumpur.

Tiga jejak warisan telah disediakan sejak tahun 2011. Jejak Warisan 1 bermula di Masjid Negara melintasi Jalan Hishamuddin dan Dataran Merdeka dan berakhir di Medan Pasar.

Jejak Warisan 2 bermula dari persimpangan Jalan Tun Perak dan Jalan Melaka menuju ke Jalan Gereja dan berakhir di Bukit Nanas.

Akhir sekali, Jejak Warisan 3 bermula dari Medan Pasar dan Jalan Hang Kasturi, kemudian memasuki Jalan Petaling dan Lebuhraya Pudu. Hentian bas di hadapan Bangkok Bank telah ditutup dan kawasan ini dinaiktaraf dengan sebuah kafe di tengah-tengah Medan Pasar.

Kemudahan prasarana dan jalan-jalan di sepanjang laluan telah dinaiktaraf atau dibaikpulih supaya dapat memperlihatkan keunikan dan keindahan kawasan dan bangunan bersejarah yang telah menyaksikan serta menjadi sebahagian daripada sejarah perkembangan Kuala Lumpur sejak berdekad lamanya.

Kerja-kerja pengubahsuaian dan menaiktaraf telah dijalankan di kawasan Medan Pasar untuk menjadikannya satu lagi pusat bagi menganjurkan aktiviti-aktiviti di kawasan nadi warisan pusat bandar raya. Beberapa acara seperti “Pertandingan Raja Band”, “KL Street Jam”, “Buy Nothing Day” (Hari Tanpa Belanja) dan “Malam Wayang” telah diadakan di sini, menjadikannya sebuah pusat tarikan bagi para pelancong dan warga kota. Perkembangan perniagaan dilihat semakin baik di kawasan Medan



Medan Pasar telah dinaiktarafkan secara meluas

Pasar, mendorongnya melebihi sasaran dua premis baharu bagi tahun 2015 kepada tujuh premis menjelang akhir tahun.

Ekoran kelulusan yang diterima bagi projek fasa 1 Jejak Warisan 5, kontraktor bagi projek ini telah dilantik pada bulan Disember 2015 dan kerja awam dijadualkan akan bermula pada tahun 2016. Jejak Warisan 5 bermula dari Bulatan Dato’ Onn dan dihubungkan dengan Jalan Parlimen menuju ke arah bangunan Parlimen.

Antara projek yang masih ada ruang untuk penambahbaikan adalah termasuk *Countdown Clock* (CDC). CDC ini yang terletak di persimpangan Jalan Raja Laut dan Jalan Parlimen akan menampilkan

jam digital yang dipancarkan pada air. Pelancaran projek ini dijadualkan pada 31 Ogos 2015 tetapi telah beberapa kali ditangguhkan disebabkan oleh beberapa masalah teknikal di tapak pembinaan. Kemajuan projek ini sehingga 31 Disember 2015 berada pada tahap 87 peratus dan dijangka siap pada tahun 2016.

Sebagai langkah ke hadapan, beberapa jejak warisan baharu telah pun dicadangkan dan pelaksanaan rancangan masa hadapan sedang dikendalikan untuk meningkatkan penampilan laluan ini sambil menggalakkan orang awam untuk mengenali dan menerokai jejak-jejak warisan tersebut.

## RANGKAIAN KOMPREHENSIF LALUAN PEJALAN KAKI

Kerja-kerja penaiktarafan dan pembaikan laluan pejalan kaki sepanjang 48.87km di Kuala Lumpur telah meningkatkan secara langsung kesalinghubungan bandar secara keseluruhan.

Lebih daripada 80 peratus pengguna/responden laluan pejalan kaki melaporkan tahap kepuasan tinggi dengan laluan pejalan kaki dalam satu kaji selidik yang dikendalikan oleh Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS).

Salah satu faktor penentu utama bagi tahap kepuasan yang tinggi ini adalah pemasangan pagar anti-panjat di kebanyakan laluan pejalan kaki dan perataan laluan-laluan yang tidak selamat dan tidak mesra kepada pengguna. Para pejalan kaki menyatakan bahawa mereka berasa lebih selesa dan bersependapat bahawa kemudahan ini akan menjadikan KL sebuah bandar yang mesra diterokai oleh lebih ramai pejalan kaki.

Fasa kedua penaiktarafan laluan pejalan kaki Kuala Lumpur dirancang untuk dimulakan apabila Pelan Induk Laluan Pejalan Kaki Kuala Lumpur disempurnakan pada tahun 2018.

## KEBERSIHAN DAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL

Sebagai hab ekonomi negara, Greater KL/KV akan terus mengalami perkembangan urbanisasi dan pertumbuhan penduduk yang pesat. Ini akan meningkatkan permintaan awam yang luar biasa untuk perkhidmatan dan kemudahan asas, termasuk kebersihan dan pengurusan sisa pepejal.

Di bawah Program *Sewerage Non-River* di Greater KL/KV, sejumlah RM3.3 bilion telah diluluskan bagi tujuan membaiki infrastruktur pembetungan. Peruntukan ini memberi modal yang diperlukan bagi pembinaan loji rawatan kumbahan (STP) serantau, rangkaian paip pembetungan dan membaikpulih kemudahan prasarana pembetungan sedia ada.

Kesemua program tersebut penting demi memastikan dan mempertingkatkan prestasi dan keberkesanan dalam proses rawatan pembetungan serta kemudahan lain yang berkaitan. Apabila selesai, lima wilayah STP di Kajang, Selatan Klang, Langat dan Hulu Kerayong<sup>7</sup> akan dilengkapi dengan keupayaan pada masa hadapan untuk kapasiti sebanyak 1,369,000 penduduk setara (PE)<sup>8</sup> - sejajar dengan pertumbuhan penduduk yang diunjurkan.

Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) dengan jayanya menguruskan pelaksanaan projek-projek pembetungan di bawah program *Sewerage Non-River*. Sehingga tahun 2015, dua daripada lima loji rawatan kumbahan serantau telah siap dibina sementara sejumlah 43 lagi loji rawatan kumbahan berjaya dirasionalisasi.

Sebanyak 31 loji rawatan kumbahan lagi dinaiktaraf untuk mematuhi Piawaian A seperti mana yang termaktub dalam Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. Selain itu, paip pembetungan sepanjang 99 km turut dipasang bagi mengalirkan air kumbahan ke loji rawatan kumbahan serantau di sekitar Lembah Klang.

Bagi tahun 2015, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), agensi yang bertanggungjawab dalam pengurusan sisa pepejal di negara ini telah dipertanggungjawabkan untuk mereka bentuk Sistem Rawatan Leachate di Taman Beringin. Sistem ini akan menangani isu air *leachate* yang terhasil dari tapak pelupusan berdekatan yang telah ditutup dan ini dapat menghalang air sisa daripada mengalir masuk ke laluan air yang berdekatan.



Loji rawatan air sisa (WWTP) yang khusus untuk pasar awam Jalan Klang Lama

<sup>7</sup> Terdapat dua STP untuk Hulu Kerayong

<sup>8</sup> Penduduk Setara (PE) merujuk kepada persamaan dari segi penduduk tetap atau sementara atau aktiviti lain, contohnya aktiviti bersifat perindustrian atau komersil yang menyumbang kepada pengaliran air sisa ke dalam sistem rawatan pembetungan



Kolam takungan *Leachate*, yang merupakan sebahagian daripada Loji Rawatan *Leachate* Taman Beringin. (Sisipan) Takung *Leachate*

Di samping itu, demi memastikan pendekatan holistik dalam menguruskan isu sisa pepejal dalam negara, sebuah makmal telah diadakan pada 27 Mei hingga 17 Jun 2015 untuk memberi tumpuan kepada:

- Memperbaiki pelaksanaan pengurusan sisa (3R, Pemulihan, Rawatan dan Pelupusan) di Malaysia
- Menangani isu tadbir urus berhubung dengan pengurusan sisa pepejal
- Mencadangkan penyesuaian struktur dan dasar termasuk pemboleh (*enablers*) yang akan memastikan daya maju pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam

- Mencadangkan pilihan untuk mengurangkan bebanan kewangan Kerajaan dalam memastikan pengurusan sisa pepejal dan inisiatif-inisiatif pembersihan awam yang lestari

Hasil kajian makmal ini akan dilaksanakan di seluruh negara dan dengan hasrat jelas untuk mencapai sasaran nasional, iaitu 40 peratus pengalihan sisa dari tapak pelupusan, di samping kadar kitar semula sebanyak 22 peratus menjelang tahun 2020. Susulan daripada hasil kajian makmal, program Pengasingan Sisa Pepejal di Puncu untuk mempromosi pengasingan sisa pepejal isi rumah telah pun dilancarkan pada bulan September 2015 di semua negeri yang menerima pakai Akta 672 termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya,

“**Sebagai hab ekonomi negara, Greater KL/KV akan terus mengalami perkembangan urbanisasi dan pertumbuhan penduduk yang pesat. Ini akan meningkatkan permintaan awam untuk perkhidmatan dan kemudahan asas, termasuk kebersihan dan pengurusan sisa pepejal.**”

Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kedah dan Perlis.

Pejabat Pengurusan Pelaksanaan (*Delivery Management Office, DMO*) akan diwujudkan untuk memantau dan melaksanakan hasil kajian makmal. Lebih tumpuan akan diberikan untuk melibatkan pihak industri dalam rangka kerja pengurusan sisa pepejal seperti penubuhan Pelan Strategik Nasional bagi Pengurusan Sisa Makanan dan rangka kerja untuk *Catchment Area Needs Statement (CANS)*, yang akan membantu dalam meningkatkan pelaburan sektor swasta dalam industri pengurusan sisa pepejal.

## Greater KL: Hab Perniagaan dan Pelaburan Serantau

Kedudukan Greater KL sebagai nadi serantau ASEAN yang semakin berkembang dengan pesat, dengan akses kepada 630 juta penduduk dan ekonomi serantau yang turut maju, menjadikannya sebuah hab perniagaan dan pelaburan yang strategik. Transformasi berterusan Greater KL ke arah bandar raya bertaraf dunia telah meningkatkan kebolehpasaran bandar ini sebagai hab serantau yang penting.

### PELABURAN TERUS DISALURKAN KE WILAYAH GREATER KL/KV

Menurut laporan *Economist Intelligence Unit (EIU), Hot Spots 2025: Benchmarking the Future Competitiveness of Cities*, Greater KL, dibandingkan kedudukannya dengan 120 bandar raya lain, merupakan bandar raya global kedua yang paling berdaya saing di Asia Tenggara. Greater KL

juga menduduki tempat kedua bagi Bandar Raya Pasaran Baru Muncul dan tempat keempat bagi Mesra Perniagaan menurut laporan *Pelaburan Langsung Asing Financial Times (UK) 2014*.

Greater KL kini muncul sebagai pilihan yang digemari oleh syarikat multinasional; dengan adanya ekosistem sokongan yang kian matang, struktur kos yang cekap, sumber bakat dan kemahiran tinggi yang luas dan peningkatan kemudahan menjalankan perniagaan di sini.

Pada tahun 2015, InvestKL telah berjaya menarik 10 buah syarikat multinasional (MNC) ke Greater KL, mencapai sasaran yang ditetapkan. Syarikat-syarikat MNC ini telah menubuhkan ibu pejabat serantau, pusat kecemerlangan serantau dan hab operasi utama.

Sejumlah 51 syarikat MNC telah membuka ibu pejabat serantau di Greater KL sejak penubuhannya pada tahun 2011, dengan 24 berasal dari negara Eropah, 16 dari Amerika Syarikat dan baki 11 dari kalangan negara di rantau Asia-Pasifik. Sektor utama termasuk perkhidmatan kejuruteraan, perkhidmatan perniagaan, perkhidmatan minyak dan gas, perdagangan antarabangsa dan rantaian bekalan aerospace, logistik dan produk perindustrian multinasional.



## MEMASTIKAN KETEPATAN STRATEGI MODAL INSAN NEGARA

Talent Corporation Malaysia (TalentCorp) telah berganding bahu dengan beberapa syarikat utama dalam usaha untuk menangani ketersediaan tenaga kerja sejajar dengan keperluan transformasi ekonomi negara. Langkah kerjasama ini diambil demi memastikan Malaysia kekal menjadi pilihan yang digemari sebagai hab pelaburan dan perniagaan di rantau Asia-Pasifik. Justeru, pelbagai jenis inisiatif telah diperkenalkan dan dilaksanakan bagi mempertingkatkan kebolehgajian graduan Malaysia; memudahcarakan pengembalian modal insan Malaysia di luar negara atau memudahcarakan tenaga kerja ekspatriat, khusus dalam bidang yang mengalami masalah kekurangan sumber berbakat dan berkemahiran tinggi, dan

mengoptimalkan tenaga profesional Malaysia, termasuk mengalakkan kepelbagaian dan keterangkuman.

Untuk meningkatkan kebolehgajian graduan, TalentCorp menyediakan insentif cukai atas perbelanjaan yang ditanggung oleh syarikat dengan menganjurkan latihan amali berstruktur bagi 17,967 orang siswazah; dan program latihan yang dibiayai bersama dengan industri untuk meningkatkan kemahiran 7,153 orang graduan baru bagi memenuhi keperluan industri pada 2015. Di bawah inisiatif skem *Scholarship Talent Attraction & Retention (STAR)*, seramai 1,019 pelajar tajaan Kerajaan, termasuk pelajar kejuruteraan, sains dan perakaunan, yang lulus daripada universiti tempatan dan universiti luar negara seperti dari UK, AS, Jerman dan Jepun memenuhi kontrak perkhidmatan masing-masing dengan bekerja di sektor swasta.

Laporan Bank Dunia pada Jun 2015 merumuskan bahawa *Returning Expert Programme (REP)* berkesan dalam menarik modal insan dengan kemahiran yang diperlukan oleh Malaysia. Pada tahun 2015, seramai 616 warga Malaysia yang pakar dan berpengalaman telah diluluskan di bawah program REP. Selaras dengan saranan yang diusulkan dalam laporan Bank Dunia, TalentCorp semakin banyak menjalankan kerjasama dengan pihak majikan untuk menghubungkan warga Malaysia berpengalaman yang berkhidmat di luar negara dengan peluang-peluang pekerjaan di Malaysia.

TalentCorp terus berusaha meningkatkan kebolehmasyukan tenaga ekspatriat yang pakar dan berpengalaman untuk bekerja di Malaysia, terutamanya dalam sektor industri yang menghadapi kekurangan tenaga berkemahiran tinggi. Jabatan Imigresen Malaysia dan Malaysia Expatriate Talent Service Centre (MYXpats Centre) telah memproses sebanyak 71.5 peratus permohonan pas pekerja dalam piagam pelanggan lima hari pada tahun 2015.

*Residence Pass-Talent (RP-T)* merupakan satu lagi usaha sama oleh TalentCorp dan Jabatan Imigresen Malaysia. Usaha ini telah dinilai oleh Bank Dunia pada tahun 2015, dan diterima sebagai satu alat berkesan bagi mengekalkan modal insan ekspatriat berkaliber dalam industri yang memerlukan kemahiran tinggi di Malaysia. Pada tahun 2015 seramai 1,113 ekspatriat telah diluluskan di bawah inisiatif *Residence Pass-Talent* ini.

Pada tahun 2015, TalentCorp bekerjasama dengan 20 majikan terkemuka untuk mengaplikasikan waktu kerja fleksibel sebagai salah satu strategi utama untuk mengekalkan golongan wanita dalam tenaga kerja dan membantu 256 wanita untuk kembali bekerja di bawah program *Career Comeback* yang dilancarkan tahun lalu.

## SOROTAN INVESTKL

Di antara tahun 2011 dan 2015, InvestKL telah menarik sebanyak 51 MNC dengan pelaburan yang diluluskan berjumlah RM5.89 bilion bersama komitmen mereka untuk menjana lebih 7,100 peluang pekerjaan. D daripada jumlah ini, RM1.9 bilion pelaburan tercapai dan lebih 4,700 pekerjaan baharu telah dicipta.

Pelaburan-pelaburan ini juga telah mencetuskan kesan berganda dalam sektor sewa ruang pejabat dengan MNC menduduki 570,000 kaki persegi ruang pejabat, dan menjana

sewa tahunan bernilai RM40 juta. Inisiatif ini berada di landasan untuk mencapai sasarannya bagi menarik 100 MNC terunggul menjelang tahun 2020.

Perkembangan yang memberangsangkan ialah penambahan pelaburan oleh MNC yang menjadikan Greater KL/KV sebagai pusat serantau mereka seperti Schlumberger, International SOS, Service Source dan Linde atas dasar kelebihan yang mereka nikmati setelah beroperasi dari Malaysia.



Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama-sama Duta-duta Negara



## TINJAUAN MASA HADAPAN

Setelah menilai kemajuan yang dicatatkan pada tahun lepas, tahun 2016 dijangka akan menjadi tahun yang lebih mengujakan serta mencabar bagi NKEA GreaterKL/KV, lebih-lebih lagi dengan adanya beberapa projek utama yang bakal melakarkan pencapaian yang ketara bagi merealisasikan wawasan kita untuk menjadi menjadi sebuah bandar raya bertaraf dunia. Namun begitu, masih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk memastikan momentum ini terus berkekalan meskipun berlatar belakang keadaan ekonomi global yang tidak menentu.

Kesemua kerja pemasangan landasan bagi laluan MRT Sungai Buloh – Kajang akan siap dan fasa pertama laluan 1 MRT Sungai Buloh - Semantan akan beroperasi pada akhir tahun 2016.

Sementara bagi projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR), perbincangan struktur projek masih sedang diteruskan. Kedua-dua pihak kerajaan Malaysia dan Singapura masih berada dalam proses rundingan perjanjian

dua hala bagi tujuan mentadbir pembinaan dan operasi projek ini, di mana Perdana Menteri bagi kedua-dua negara ini bersikap komited terhadap merealisasikan projek ini menjadi kenyataan. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang menerajui projek ini akan mengetuai pengubalan Terma Rujukan bagi Jawatankuasa Dua Hala yang akan ditubuhkan pada akhir tahun 2016.

Komponen pembersihan sungai dalam inisiatif Sungai Nadi Kehidupan akan terus dilaksanakan dengan pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau Jinjang-Kepong yang bermula pada tahun 2016 dan dijangka siap sebanyak 11 peratus pada tahun yang sama. Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau Bunus akan siap sebanyak 60 peratus pada akhir tahun 2016.

Tujuh pakej kerja-kerja pengindahan yang selebihnya di sepanjang 10.7km di pinggir Sungai Gombak dan Sungai Klang yang mengalir merentasi Kuala Lumpur akan dimuktamadkan pada tahun 2016,

di mana sasaran keseluruhan ialah 20 peratus pembinaan disiapkan untuk tahun yang akan datang.

Dengan pewujudan Pejabat Pengurusan Pelaksanaan (*Delivery Management Office, DMO*) yang memantau dan memastikan hasil dapatan Makmal Pengurusan Sisa Pepejal berjalan lancar, dijangkakan Sistem pra-rawatan Taman Beringin dan penaiktarafan Sistem Rawatan Leachate akan disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Sistem ini juga boleh mengelakkan limpahan air sisa ke kawasan air yang berdekatan dan mengelakkan wujudnya bau busuk air sisa daripada menjejaskan kualiti hidup penduduk sekitar.

Secara keseluruhannya, kerajaan yakin dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif mengikut perancangan yang akan membuahkan hasil, Greater Kuala Lumpur berada di landasan yang tepat ke arah mencapai aspirasinya sebagai sebuah bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020 ataupun lebih awal lagi.



**Marcus Karakashian**  
Pegarah Projek,  
MRT Laluan Sungai  
Buloh-Kajang, MRT Corp

**Dato' Haji Haris  
Fadzilah Hassan**  
Pegarah Komersil dan  
Pengurusan Tanah MRT

# SEMUANYA SIAP SEDIA UNTUK DILANCARKAN

## Fasa Pertama MRT Laluan 1 menepati jadual permulaan perkhidmatannya menjelang akhir tahun 2016

**A**pabila fasa pertama rangkaian MRT Lembah Klang Sungai Buloh-Kajang (SBK) memulakan operasi perkhidmatan menjelang akhir tahun 2016, penghuni Lembah Klang yang selama ini sentiasa menghadapi masalah kesesakan trafik, boleh merasa lega dan menikmati pengalaman baharu dalam sistem pengangkutan di kawasan Greater Kuala Lumpur/Klang Valley.

Orang ramai boleh menjangkakan suatu sistem pengangkutan yang baharu, moden, bersih, lancar dan selesa yang akan membolehkan pengguna berulang alik dari Sungai Buloh ke Kajang dalam tempoh masa 88 minit. Di samping itu, pengguna MRT boleh mengetahui jadual waktu perjalanan kereta api yang akan tiba

setiap 3,5 minit pada waktu puncak, lantas memudahkan pengguna merancang perjalanan masing-masing dengan lebih tepat dan lebih efisien.

Menurut Encik Marcus Karakashian, Pegarah Projek MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), sistem kereta api yang efisien ini disokong oleh sistem perkhidmatan bas yang kerap berulang alik dari kawasan perumahan dan perniagaan ke stesen, menyediakan kesalinghubungan yang berkesan dari mula hingga akhir, lantas menyenangkan para pengguna kereta api.

MRT Lembah Klang merupakan salah satu projek mega yang akan siap mengikut jadual, disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah hubungan kerja yang efisien dengan Rakan Kongsi Pelaksanaan Projek (PDP) MMC-Gamuda KVMRT Sdn Bhd; penglibatan kerap dan aktif dengan pihak pemilik dan sistem pengawasan ketat di bawah Jawatankuasa Eksekutif MRT, yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kerajaan, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

MMC-Gamuda diamanahkan untuk menyiapkan projek dengan menepati jadual masa serta kos yang ditetapkan, jika gagal akan dikenakan penalti lewat. Maka, PDP mesti gigih bekerja untuk melaksanakan projek mengikut jadual dan kos yang ditetapkan.



Jawatankuasa EXCO MRT, yang dianggotai wakil-wakil dari kementerian, agensi kerajaan termasuk Kerajaan Negeri, merupakan pentas perbincangan bagi semua isu antara agensi. “Oleh kerana ia dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara Malaysia, Tan Sri Dr Ali Hamsa dan diwakili oleh pegawai atasan, kebanyakan isu dapat dibincang dan diselesaikan dengan pantas,” kata Marcus Karakashian. Sesungguhnya mandat yang diberi dari pihak atasan telah memberi sokongan besar dan membantu projek dalam mempercepatkan pelaksanaan projek.

Penglibatan pihak berkepentingan, merupakan satu langkah penting semenjak projek ini dimulakan pada tahun 2011, juga menjadi faktor kenapa projek MRT, pada mulanya mendapat tentangan daripada orang ramai, dan akhirnya memperoleh sokongan yang memuaskan.

Menurut Karakashian, falsafah MRT Corp, bersandarkan prinsip bahawa kerja-kerja MRT tidak harus menyukarkan pihak lain dan perlu ada satu pasukan yang terdiri daripada pihak berkepentingan dan perlunya penglibatan yang kerap di sepanjang tempoh pelaksanaan projek. Pasukan ini kerap menemui penduduk setempat dan persatuan penduduk untuk memupuk hubungan baik dan memberi kesedaran,

berbincang dan cuba berkompromi serta mencari jalan penyelesaian bagi sesuatu masalah atau isu berbangkit.

“Kami mempertimbang segala aduan dan menerima permintaan individu setempat. Misalnya, kami menerima permintaan seorang penduduk yang mahu kami mengurangkan bunyi bising kerja pengimpalan kerana pada hari berkenaan ada majlis perkahwinan di rumahnya dan kami menanggukkan kerja-kerja pengimpalan pada hari tersebut. Dalam kes di mana kami mempunyai hak membeli tanah, syarikat mengambil keputusan untuk mendapat persetujuan bersama untuk memajukan tanah berkenaan.”

Beliau menambah lagi bahawa dengan bantuan PDP, kontraktor perlu menepati piawaian yang tinggi. Mereka mesti melayani segala aduan dalam jangka masa 48 jam dan salinan aduan mesti dihantar ke pihak pengurusan atasan MRT Corp, lantas soal pematuhan tidak menjadi satu isu.

Penglibatan meluas pihak yang berkepentingan serta mekanisma aduan dan tindak balas pantas sesungguhnya membantu MRT Corp menambat hati pihak-pihak yang menentang. “Pada mulanya kami menerima bantahan kuat daripada ramai orang dan pihak yang tidak mahu landasan MRT dibina di kawasan masing-masing.

Namun kini, kami menerima banyak permintaan untuk membina landasan MRT berdekatan kawasan perumahan mereka,” kata Karakashian.

Menurut Dato’ Haji Haris Fadzilah Hassan, Pengarah Komersil dan Pengurusan Tanah MRT, semakin ramai yang sudah dapat melihat kebaikan MRT termasuklah peningkatan nilai (harga) hartanah, peluang perniagaan baru dan projek pembangunan lain.

“Kami telah menyaksikan ekonomi setempat hidup kembali dan bertambah rancak di beberapa kawasan seperti Balakong, Sungai Buloh, Kampung Selamat di Subang, yang kini menarik banyak pelaburan baharu melalui projek pembangunan dan pembukaan perniagaan baharu,” kata Dato’ Haji Haris. Walaupun projek MRT adalah di kawasan Lembah Klang, kesan penggandaan projek telah melewati sempadan kota raya, tambah beliau lagi.

**Doreen Ho**  
Pengurus Perancangan dan  
Reka Bentuk, MRT Corp



# JURUTERA KEMBALI KE TANAH AIR UNTUK MEMBERI SOKONGAN KEPADA TRANSFORMASI NEGARA

**S**elepas lebih 10 tahun mendiami dan bekerja sebagai seorang jurutera di Auckland, Doreen Ho, seorang anak kelahiran Kuala Lumpur, mengambil keputusan untuk kembali ke rantau Asia di mana arus pembangunan infrastruktur semakin rancak berkembang.

“Saya mula mengetahui tentang peluang pekerjaan di Kuala Lumpur melalui seorang kawan dan saya pun membuat permohonan untuk pekerjaan itu. Selepas temuduga di

telefon, saya ditawarkan jawatan di sebuah firma perunding antarabangsa, dan kemudian saya mendapat tahu bahawa firma itu terlibat dalam Projek Sungai Nadi Kehidupan,” jelas Doreen. Beliau mula berkhidmat dengan firma AECOM, sebuah syarikat Amerika Syarikat, sebagai Jurutera Kanan pada tahun 2012.

AECOM merupakan sebuah firma perunding yang telah diamanahkan untuk menerajui Projek Pengindahan Sungai dan mentransformasikan Sungai

Klang dan Sungai Gombak sepanjang 10.7 km dengan nilai projek berjumlah RM1 bilion.

“Saya menjadi lebih teruja apabila mengetahui projek Sungai Nadi Kehidupan adalah sebahagian daripada NKEA Greater Kuala Lumpur. NKEA tersebut dilaksanakan bertujuan mentransformasi Sungai Klang supaya memiliki kawasan tebing sungai yang menarik dan berdaya huni tinggi dari segi nilai ekonomi. Lantas membantu meningkatkan taraf Kuala Lumpur sebagai salah satu daripada kota raya dunia yang berdaya huni tinggi, seperti Melbourne dan Singapura, menjelang tahun 2020.”

“Pada mulanya projek ini mendapat sangkaan buruk dan kritikan negatif; sesetengah pihak menganggap idea menukarkan sebuah longkang monsun yang besar kepada sesuatu yang cantik memang tidak masuk akal!”

Walau bagaimanapun, menurut Doreen, semakin projek ini berkembang, semakin ramai yang mulai yakin dan dapat melihat potensi dan manfaatnya, iaitu bukan mustahil untuk mentransformasi sebatang sungai yang lama terbiar dan dilupai menjadi tempat berguna yang wajar dibanggai.



Pernah berkhidmat dengan dua firma perunding antarabangsa di Auckland, dan kembali ke tanah air di bawah *Returning Expert Programme* oleh TalentCorp, beliau mendapati perubahan daripada dunia pekerjaan di New Zealand kepada budaya pekerjaan di Malaysia lebih sukar daripada yang dijangkakan.

“Boleh dikatakan enam bulan pertama adalah sangat sukar dan mencabar—saya terpaksa menyesuaikan diri dengan budaya kerja dan gaya hidup baru yang amat berbeza. Tambahan lagi saya terlibat dalam projek besar dengan tarikh penyerahan yang sangat singkat!”

“Memang saya dilahirkan di sini tetapi sudah bertahun-tahun saya di luar negara dan dengan banyak perubahan besar yang telah berlaku di Kuala Lumpur hari ini, saya tidak lagi mengenali kota raya ini. Maka, proses perubahan tempat dan pekerjaan adalah agak sukar bagi saya. Namun, saya lega kerana mendapat sokongan kawan-kawan dan rakan sekerja yang melalui pengalaman sama sekemalinya mereka ke tanah air. Nasihat saya kepada semua rakyat Malaysia yang kembali ke tanah air—mereka mesti mempunyai jangkaan

yang munasabah dan realistik tentang cara hidup dan budaya kerja di sini, sebelum kembali.”

Doreen salah seorang anggota dalam pasukan perintis dalam Projek Sungai Nadi Kehidupan yang dijalankan oleh AECOM. Beliau terlibat dalam kerja-kerja mengindahkan sungai di Presint 7, yang pertama daripada sebelas Presint dalam projek Sungai Nadi Kehidupan yang bermatlamat menghidupkan semula serta mengindahkan Kawasan Warisan Kuala Lumpur, dan pada masa yang sama mengekalkan nilai warisan sejarah dan budaya setempat. “Sememangnya projek ini amat mencabar kerana kami perlu mentransformasikan satu kawasan peralihan lama di kota raya KL. Kami terpaksa berhadapan dengan pelbagai pihak berkepentingan dan pemilik tanah perseorangan serta pembekal prasarana dari segi mengurus dan menyelia sistem saliran dan prasarana bawah tanah yang sudah usang dan sukar diketahui. Tambahan lagi, KPI projek juga merangkumi peningkatan tahap sedia ada ke tahap lebih tinggi dari aspek mutu rekabentuk yang bernilai tinggi dan spesifikasi dalam industri yang baru bermula untuk mencapai tahap antarabangsa.”

Selepas tiga setengah tahun berkhidmat dengan AECOM, Doreen menerima satu cabaran baharu dengan menerima tawaran kerja daripada MRT Corp (Mass Rapid Transit Corp Sdn Bhd), menyanggah jawatan sebagai Pengurus Perancangan dan Reka bentuk (Sivil dan Struktural) bagi pasukan pekerja bawah tanah Laluan 2.

“Sebagaimana Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) kami telah mengumumkan dalam akhbar NST pada 23 Februari 2016, pembangunan MRT adalah projek infrastruktur terbesar negara dan pakej kerja terbesar adalah untuk kerja-kerja bawah tanah bagi Laluan 2. Kemegahan dan keterujaan dalam menyiapkan projek MRT dengan matlamat dapat mengurangkan kesesakan trafik di kota raya KL menjadi pendorong besar kepada pasukan kami untuk terus gigih bekerja demi pencapaian EPP projek ini.”

Doreen sangat berbangga kerana memberi sokongan kepada proses transformasi nasional dengan bakat dan tenaga yang ada. Beliau sama sekali tidak menyesal kembali ke Malaysia kerana mendapat peluang untuk melibatkan diri di dalam projek berskala besar yang memberi kesan yang besar kepada rakyat dan negara.

# PROGRAM KESEDARAN AWAM SUNGAI NADI KEHIDUPAN (ROL-POP)



Sebagai sebahagian daripada inisiatif-inisiatif utama bagi Projek Permulaan 5 (EPP5) Sungai Nadi Kehidupan, Program Kesedaran Awam Sungai Nadi Kehidupan (ROL-POP) bermatlamat untuk menangani pencemaran air sungai melalui langkah-langkah bukan struktur dengan mendidik orang ramai tentang kepentingan untuk bersama-sama memelihara sungai dan kualiti airnya. Inisiatif ini juga memupuk semangat menganggap sungai sebagai milik bersama serta mencipta perubahan sikap orang awam terhadap pemuliharaan sungai secara berpanjangan dan berterusan.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) merintis projek ini dengan penglibatan 26 agensi kerajaan dan jabatan merentasi empat Kementerian, dua negeri dan tiga majlis perbandaran, iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diikuti pula dengan negeri-negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan akhirnya, dewan-dewan perbandaran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). Walaupun begitu, program

ROL-POP banyak menjurus kepada penglibatan aktif masyarakat tempatan.

Di peringkat awal, statusnya sebagai program sains sivil menekankan kesedaran awam. Di peringkat pelaksanaan pula, ia mula menumpukan kepada menyampaikan pengetahuan dan kemahiran kepada masyarakat. Di peringkat akhir, usaha bertindak masyarakat ini dipacu agar selari dengan keperluan asas masyarakat.

Objektif ROL-POP ini dicapai melalui tiga saluran. Saluran pertama terdiri daripada penganjuran kempen dan ceramah untuk memberikan ahli-ahli masyarakat tempatan peluang

untuk memahami program ini serta matlamatnya melalui penglibatan secara langsung. Kaedah tidak langsung pula menasarkankan liputan media yang mencakupi audiens secara meluas.

Saluran kedua pula melibatkan penganjuran latihan dan bengkel pada peringkat masyarakat yang berbeza untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka tentang mengurus kualiti air sungai.

Saluran ketiga akan mengekalkan aktiviti dan momentum untuk program yang sedang dijalankan untuk menampung komitmen pihak berkepentingan melalui program kesedaran awam ROL.





**Dr K Kalithasan**  
Penyelaras Program RIVER  
Care, Global Environment  
Centre (GEC)

## MENHUBUNGKAN ORANG AWAM DENGAN SUNGAI NADI KEHIDUPAN

Dr K Kalithasan, penyelaras bagi Global Environment Centre (GEC) berganding bahu dengan JPS dalam salah satu inisiatif ROL-POP. Beliau menekankan bahawa pemulihan sungai tidak akan berjaya sekiranya faktor sumbangan manusia terhadap pencemaran ini tidak ditangani secara berkesan.

“Semua masalah berpunca daripada manusia. Dan manusia juga yang boleh memikirkan penyelesaian masalah. Maka jika tiada perubahan dalam pemikiran (minda) serta perlakuan manusia, penyelesaian bagi suatu masalah pasti tidak akan dapat dicetuskan.

Dr. Kali menegaskan langkah pertama untuk menggerakkan orang ramai agar menjaga sungai adalah dengan mengembalikan naluri asal mereka terhadap sungai, terutamanya mereka yang hidup berhampiran sungai untuk menyedari bahawa mereka telah banyak menerima manfaat dari sungai dan lembangan sungai.”

“Sebaik naluri mereka terarah kepada mencintai sungai, perasaan bahawa mereka memilikinya dan bertanggungjawab terhadap penjaganya akan timbul secara semula jadi. Pendekatan ‘naluri’ (pendekatan insaniah) lebih berkesan dalam mengubah tingkah laku dan cara berfikir berbanding pendekatan kuku besi melalui arahan dari pihak atasan untuk menjaga sungai.”

“Dalam tempoh 20 tahun kami menjalankan program kesedaran awam ini, kejayaan paling besar bagi kami adalah melihat perubahan pandangan orang ramai terhadap sungai dan lembangan sungai dan mengembalikan naluri asal mereka terhadap kepentingan sungai dan lembangan sungai.”

Melalui program kesedaran awam ROL, beliau berkongsi tentang usaha masyarakat setempat dalam menjaga rizab sungai dan memantau kualiti air. Ada di antara mereka yang telah mentransformasikan rizab sungai menjadi taman sayur-sayuran dan herba sebagaimana yang disaksikan di AU2 dengan sokongan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia, dan pusat masyarakat sungai di kawasan Melawati dan masyarakat Taman AU3 yang merancang untuk mewujudkan taman-taman rekreasi awam.


Secara keseluruhannya, program ROL-POP ini menggambarkan kepentingan penglibatan orang awam dan seharusnya menjadi elemen utama dalam usaha-usaha masa depan terhadap pengurusan lembangan sungai yang lestari di Malaysia kata beliau lagi.



Gambar ihsan daripada Dr. Kalithasan dan Global Environment Centre

**“Semua masalah berpunca daripada manusia. Dan manusia juga yang boleh memikirkan penyelesaian masalah. Maka jika tiada perubahan dalam pemikiran (minda) serta perlakuan manusia, penyelesaian bagi suatu masalah pasti tidak akan dapat dicetuskan.**

# MEMACU DAYA TAHAN INDUSTRI



Gambar ihsan dari UMW Oil & Gas Corp Bhd



**DATUK SERI PANGLIMA  
DR. MAXIMUS ONGKILI**

MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Minyak, Gas dan Tenaga (OGE) dirumus kukuh dengan mengambil kira pelbagai kitaran perniagaan. Persekitaran harga minyak semasa yang rendah mewujudkan peluang bagi industri ini untuk pengimbangan semula serta proses penyesuaian bagi memastikan pulangan terbaik atas pelaburan, dan bukan sekadar memampkan ekonomi yang merudum.

Aktiviti persaingan perlu dipertingkatkan dalam usaha penyesuaian syarikat minyak dengan “situasi terkini” dan aktiviti ekonomi yang semakin berkurangan dalam industri.

Justeru itu, syarikat Perkhidmatan Minyak dan Gas serta Pembekalan Peralatan (OGSE) perlu mengambil kira untuk meneroka peluang-peluang bekerjasama dengan rakan seindustri bagi meningkatkan daya saing masing-masing sekali gus meletakkan industri dalam kedudukan yang baik apabila pasaran minyak dunia kembali pulih.

Saya percaya bahawa firma-firma OGSE tempatan harus meningkatkan kelebihan daya saing masing-masing serta gigih berusaha untuk menjadi pemilik teknologi, bukan sekadar pengguna teknologi baharu dan terkini.

Dalam sektor tenaga, kerajaan terus memperkenalkan dasar-dasar yang menjurus ke arah mengekalkan ketersediaan tenaga, kecekapan dan akses, di samping menggalakkan usaha-usaha penggunaan sumber-sumber tenaga yang lebih bersih. Walau bagaimanapun, harga minyak dan arang batu semasa yang rendah sememangnya menjadi satu cabaran besar kepada usaha-usaha ini.

Namun demikian, dalam usaha untuk mengurangkan kesan perubahan iklim dan pemanasan global, kita mesti terus berusaha untuk mengurangkan pelepasan karbon dalam pertumbuhan aktiviti ekonomi dengan mengurangkan penggunaan bahan api fosil yang lazim dan meningkatkan penggunaan sumber-sumber bahan api yang boleh diperbaharui.

“...industri dan pemainnya telah bersedia menghadapi ketidakpastian, setelah membina kecekapan dan keupayaan dalam beberapa tahun.

Usaha Malaysia ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 meletakkan sektor Minyak, Gas dan Tenaga (OGE) dalam kedudukan utama untuk melonjakkan ekonomi negara ke hadapan.

Sebagai pengeluar sumber tenaga bersih, industri Minyak dan Gas (O&G) masih menyumbangkan satu pertiga daripada pendapatan kerajaan. Walaupun kerajaan cuba mengurangkan kebergantungan kepada hasil dan sektor O&G, dengan memperkembangkan sektor ekonomi yang lain, namun kita tidak harus mengeneipkan kemahiran dan kebolehan bertaraf dunia yang telah diperkembangkan oleh syarikat minyak negara, PETRONAS selama ini. Kita hendaklah terus mengekal dan memperkukuh daya saing PETRONAS dalam usaha kita untuk melangkah maju ke hadapan.

Pada tahun 2015, sektor OGE menyumbang sebanyak 17 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan 21.5 peratus (anggaran Bajet Kementerian Kewangan-2015) dalam sumbangan kepada pendapatan kerajaan.

Bagi aktiviti hulu, inilah masanya untuk tindakan pembetulan. Harga minyak diramal akan terus jatuh ke tahap rendah pada tahun 2016 berikutan lebih bekalan minyak dunia, oleh itu, kita perlu membuat penilaian yang mendalam serta mengambil

#### DALAM NKEA INI

1

Mengekalkan Kelestarian Penghasilan O&G Tempatan

2

Menjadikan Malaysia Hab Asia bagi Pembekalan Perkhidmatan Minyak

3

Harga Minyak Masa Hadapan (Kontango) Mendorong Permintaan untuk Penyimpanan Stok

4

Langkah ke Arah Mencapai Kecekapan Penggunaan Tenaga

tindakan segera untuk memperbetulkan keadaan ini dan membuat persiapan yang sewajarnya apabila peningkatan dalam kitaran naik turun harga minyak ini berlaku.

Kepelbagaian bekalan sumber tenaga Malaysia adalah penting bagi mengurangkan kebergantungan pada sumber yang tidak boleh diperbaharui antaranya seperti minyak dan gas, serta arang batu. Langkah Kerajaan untuk melaksanakan Pemeteran Tenaga Bersih (*Net Energy Metering*, NEM) dan Solar Berskala Besar (*Large Scale Solar*, LSS) yang telah diumumkan pada tahun 2015, boleh menjadi pemangkin dalam menggalakkan usaha-usaha mencari dan menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui di negara ini.

Satu lagi perkembangan yang menggalakkan dalam dasar sektor tenaga adalah penerimaan piawaian yang lebih tinggi seperti penggunaan Euro 4M RON97 di seluruh negara pada bulan September. Langkah ini menjadi pendorong bagi perubahan dalam piawaian penggunaan minyak,

sekali gus membantu mengurangkan impak negatif penggunaan minyak bermutu rendah terhadap alam sekitar. Lantaran daripada perkembangan ini, syarikat-syarikat minyak juga telah mula memperkenalkan minyak diesel Euro 5 di beberapa stesen terpilih di Lembah Klang dan di Selatan Johor.

Berbekalkan keperluan untuk memastikan kepentingan sektor OGE dalam pertumbuhan industri negara yang dinamik, maka segala usaha NKEA OGE pada tahun 2015 telah tertumpu kepada beberapa bidang yang penting.

## 1 Mengekalkan Kelestarian Penghasilan O&G Tempatan

Naik turun harga minyak mentah yang berterusan telah memberi impak terhadap industri O&G tempatan dalam pelbagai bentuk serta membawa perubahan dalam kegiatan industri. Sebagai sebahagian daripada amalan perniagaan dan komersil yang baik, PETRONAS dan Syarikat Minyak Antarabangsa (IOCs) yang beroperasi di Malaysia telah mempertingkatkan penelitian masing-masing terhadap projek-projek dan pelbagai peringkat warga kerja.

Nampaknya era “di mana minyak senang dihasilkan” kini sudah berakhir. Dengan kejatuhan harga minyak, sesetengah projek O&G tidak lagi menguntungkan, malah ada yang tidak langsung berdaya maju. Kawasan minyak yang kurang berpotensi pula memerlukan perlaburan besar dengan teknologi yang lebih canggih.

Kedadaan kejatuhan harga minyak yang berpanjangan mengakibatkan sesetengah projek terpaksa ditangguhkan manakala projek yang dilaksanakan dijangka akan membawa keuntungan yang rendah. Justeru, syarikat pengeluar minyak utama di dalam dan di luar Malaysia telah mengumumkan pelbagai langkah untuk mengurangkan perbelanjaan modal dan peluang pekerjaan dalam industri O&G.



## GAMBARAN TAHUN 2015

- Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPRC), bersama-sama dengan *Malaysia External Trade Development Corporation* (MATRADE) telah mempertingkatkan usaha-usaha bagi mencari peluang-peluang perniagaan baharu dalam pasaran utama ASEAN, menjelang Persidangan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang berlangsung pada penghujung tahun 2015. Sejumlah 33 firma OGSE tempatan telah menyertai tiga misi pemasaran khusus (*Specialised Marketing Missions*, SMM) ke Indonesia, Myanmar dan Vietnam
- MPRC dan MATRADE juga telah memimpin delegasi perniagaan SMM, iaitu ke Azerbaijan dan Kazakhstan, Kuwait, Brazil, Abu Dhabi dan Arab Saudi
- MPRC telah menganjurkan Forum Kewangan Minyak dan Gas (*Oil & Gas Financial Forum*, OGFF) kali kedua pada bulan Jun 2015 sebagai salah satu usaha bagi memperbaiki kebolehan firma OGSE tempatan mendapatkan dana. Forum tersebut menghubungkan firma OGSE tempatan dengan badan kewangan tempatan yang utama

di Malaysia, khususnya Bank Negara Malaysia, RHB Bank, Bank SME dan Societe Generale antara lainnya bagi mencari sumber pembiayaan untuk firma Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas (OGSE) serta meningkatkan kesedaran tentang kegiatan sektor OGSE di Malaysia

- Sebagai sebahagian daripada agenda perkembangan teknologi untuk syarikat-syarikat OGSE tempatan dalam Rancangan Malaysia Ke-11, MPRC telah menandatangani tiga memorandum persefahaman dengan Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi PETRONAS. Memorandum tersebut membuka jalan ke arah kerjasama di antara tiga kluster penyelidikan dan perkembangan yang merupakan perkongsian industri-akademia yang akan menyokong pertumbuhan teknologi Malaysia dan perkembangan bakat tempatan dalam sektor OGSE

Ketiga-tiga kluster tersebut, juga dikenali sebagai Kluster Inovasi dan Teknologi Minyak & Gas (*Oil & Gas Innovation and Technology Cluster*, OGITeC), yang akan memajukan perkembangan

inovasi dan teknologi dalam bidang-bidang berikut: Teknologi Sub-permukaan (*Subsurface Technology*) (UM); Sistem Marin (UTM), dan Proses Kejuruteraan Bahagian Atas Permukaan Sisi Kapal (UTP).

Seterusnya, dengan mengurangkan keuntungan dan mengecilkan peluang pekerjaan tempatan, persaingan tempatan akan menjadi bertambah sengit. Maka, syarikat-syarikat OGSE tempatan perlu mencari peluang-peluang bagi mempertingkatkan daya saing dan bersedia apabila kitaran ekonomi pulih kelak.

Perubahan landskap ekonomi dan cabaran masa kini memperlihatkan bahawa inilah masa terbaik bagi syarikat-syarikat OGSE tempatan untuk menerokai peluang-peluang untuk bekerjasama dengan rakan niaga dan bagi tujuan meningkatkan daya saing, syarikat perlu melabur dengan lebih giat dan berusaha agar menjadi pemilik teknologi.

Perkembangan semasa tertumpu kepada tiga kluster teknologi, iaitu sub-permukaan, marin dan bahagian atas permukaan sisi kapal. Selain itu, terdapat isu integrasi sistem dan cabaran dalam usaha memanjangkan jangka hayat aset sedia ada yang merentasi kesemua tiga kluster berkenaan. Ketiga-tiga kluster boleh membekalkan sumber pengetahuan teknikal yang tinggi serta kerja dengan nilai tambah tinggi, kemahiran dan kecekapan. Peningkatan pemain tempatan yang cekap dalam bidang-bidang tersebut di bawah industri ini dapat membantu perkembangan Malaysia ke arah menjadi hab O&G serantau yang mampu memenuhi keperluan dan permintaan para pelabur.

Terdapat banyak perkhidmatan sedia ada yang menggalakkan perkembangan teknologi. MPRC memaju dan membantu menggalak pelibatan yang lebih besar dalam perkembangan teknologi minyak dan gas di antara agensi-agensi kerajaan dan pemain industri. MPRC juga akan terus berganding bahu dengan PETRONAS dalam mengenal pasti bentuk insentif yang boleh mendorong kerjasama di kalangan firma OGSE yang ada dalam pasaran.



Penyampaian ucapan utama oleh Dato' Sri Idris Jala pada Forum Kewangan Minyak dan Gas MPRC 2015. OGFF bersidang sehari bersama-sama pemimpin berpengaruh dari sektor kewangan dan O&G bagi rangkaian dan perbualan yang menarik mengenai trend dan pembangunan OGSE, dan strategi pembiayaan bagi syarikat OGE dalam kegawatan pasaran semasa

2

## Menjadikan Malaysia Hab Asia bagi Pembekalan Perkhidmatan Minyak

Sejak tahun 2011, Malaysia telah mengorak langkah untuk menjadi hab bagi aktiviti-aktiviti OGSE.

Berbekalkan pengalaman luas dalam pasaran minyak dan gas berbanding negara-negara Asia-Pasifik yang lain, kita berada di dalam keadaan yang teguh untuk mencapai visi ini.

Bagaimanapun, untuk membolehkan Malaysia menjadi hab yang berkembang maju, firma-firma OGSE di Malaysia perlu menjadi lebih berdaya maju.

Firma-firma OGSE di Malaysia kini bersaing dalam pasaran yang semakin mengecil dan lebih mencabar berpunca daripada harga minyak yang rendah dan liberalisasi pasaran.

Untuk menangani isu ini, MPRC bersama-sama dengan agensi Kerajaan yang berkaitan sedang berusaha untuk memastikan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang akan membantu syarikat-syarikat OGSE tempatan bersaing dan bertahan dalam persekitaran yang semakin mencabar ini.

MPRC giat menggalakkan pembangunan O&G yang tertumpu kepada pusat-pusat latihan dan pembangunan di negara ini. Institusi-institusi antarabangsa yang terkenal seperti Sekolah Penggerudian Aberdeen (Aberdeen Drilling School), Akademi Penggerudian UMW-INSTEP (UMW-INSTEP Drilling Academy), Harness Energy, The Welding Institute dan Pusat Latihan OPITO BOSIET, semuanya telah dibuka di Malaysia.

Tahun 2015 juga memperlihatkan peningkatan minat di kalangan Perbadanan-perbadanan Multinasional (MNC) untuk membuka pusat serantau masing-masing di negara ini. Antaranya termasuklah syarikat pembekalan kejuruteraan McDermott, firma penyediaan perkhidmatan minyak Hilong Holdings dan Harnes Energy, sebuah firma latihan penerokaan dan pembuatan (E&P) minyak dan gas.

Semua pelabur tersebut disokong oleh pertimbangan jangka panjang dalam kegiatan industri O&G global. Kewujudan pangkalan atau hab di tengah-tengah kawasan ekonomi yang pesat berkembang, iaitu rantau Asia, pelabur-pelabur ini pasti akan berada di kedudukan yang baik untuk memanfaatkan peluang ini apabila harga minyak pulih serta menggalakkan aktiviti-aktiviti OGSE. Justeru, amat penting bagi Malaysia berusaha mewujudkan persekitaran yang sesuai bagi menggalakkan perkembangan dan pertumbuhan industri OGSE masa hadapan.



(Atas) Pasukan MPRC bersama-sama pemain utama di pembukaan besar-besaran premis Hi-Force Malaysia yang baharu pada 29 Oktober 2015

(Bawah) Pasukan MPRC di pelancaran Well Control Training Centre Malaysia, Aberdeen Drilling

## 3

## Harga Minyak Masa Hadapan (Kontango) Mendorong Permintaan untuk Penyimpanan Stok

Pada tahun 2015, lebih dalam bekalan minyak telah mengakibatkan harga minyak berada di dalam keadaan 'kontango', iaitu kontrak bulan hadapan mendapat diskaun berdasarkan nilai kontrak masa hadapan yang lebih

panjang. Diskaun tinggi membolehkan pengguna dan peniaga membeli minyak pada harga murah dan kemudian menjualnya pada harga lebih tinggi kelak.

Seterusnya, situasi kontango ini mendorong permintaan global yang

tinggi untuk tujuan penyimpanan stok. Arah aliran yang sama berlaku dalam penyimpanan stok minyak dan Gas Asli Cecair (LNG) di Malaysia. Permintaan minyak dan LNG mencecah angka 1.25 juta meter padu, jauh melebihi sasaran tahun 2015, iaitu sebanyak 0.83 juta meter padu. Dialog Group Bhd, rakan kongsi usaha sama dalam Terminal Petroleum Laut Dalam Bebas Pengerang PIDPT, juga menyaksikan lonjakan dalam permintaan untuk perkhidmatan penyimpanan. Jumlah kapasiti penyimpanan yang dirancang di PIDPT ialah 5 juta meter padu menjelang tahun 2020.

## 4

## Langkah ke Arah Mencapai Kecekapan Penggunaan Tenaga

### TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI

Demi mempelbagai dan meningkatkan kemampuan tenaga boleh diperbaharui (*Renewable Energy*, RE), Kerajaan akan melaksanakan pemeteran tenaga bersih NEM dan LSS.

Inisiatif-inisiatif lain juga akan dilaksanakan bagi melengkapkan inisiatif yang sedang dilaksanakan, seperti mekanisme Kadar Tarif Galakan (FIT), untuk menambah baik penggunaan sumber RE asli. Matlamat inisiatif-inisiatif ini adalah untuk memastikan keselamatan bekalan tenaga kebangsaan dan perkembangan sosio-ekonomi yang mampan.

Mekanisme FiT Malaysia, diperkenalkan pada tahun 2011, setakat hari ini telah membawa kepada kapasiti kumulatif tenaga RE sebanyak 350MW yang dapat disambungkan kepada grid tenaga kebangsaan, kurang daripada sasaran asal sebanyak 985MW menjelang tahun 2015. Perbezaan tersebut adalah disebabkan oleh ketidakupayaan menjalankan sumber bukan PV yang berpunca oleh beberapa isu berkaitan dengan bekalan, sambungan grid, pemberian permit dan pembiayaan kewangan. Walaupun setakat ini PV merupakan mekanisme paling mudah dilaksanakan, kuota pertambahan terhalang oleh kadar FIT yang tinggi, seterusnya mengurangkan jumlah dana dalam Dana RE.

### MENAMBAH BAHAGIAN TENAGA DIPERBAHARUI DALAM PILIHAN SUMBER



Kerajaan telah mengumumkan rancangan untuk melaksanakan Jaringan Pemeteran Tenaga (*Net Energy Metering*, NEM) dan Solar Berskala Besar (*Large Scale Solar*, LSS) di Malaysia.

Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA Malaysia) sedang bekerjasama dengan beberapa agensi termasuk KeTTHA, Suruhanjaya Tenaga dan syarikat pembekal tenaga misalnya, Tenaga Nasional Bhd dan

Sabah Electricity Sdn Bhd dan juga Industri PV (fotovoltan) kini sedang menyiapkan rangka kerja bagi memudahkan pelaksanaan pelbagai inisiatif.

NEM membenarkan tenaga elektrik yang dijana daripada sistem solar PV digunakan secara *in situ* (penggunaan sendiri), seterusnya mengurangkan pembelian tenaga elektrik daripada grid elektrik kebangsaan.

Di Malaysia, apabila permintaan puncak tenaga elektrik bertembung dengan tenaga elektrik yang dijana oleh sistem solar PV, maka penggunaan pemeteran tenaga bersih di tempat kediaman dan bangunan komersil boleh membantu syarikat pengeluar tenaga elektrik mengurangkan penjanaan elektrik masa puncak yang sememangnya mahal.

Tambahan lagi, penerimaan LSS akan memberi pilihan alternatif yang boleh diterima dalam menjana kuasa. Selama ini LSS terhad kepada syarikat kecil, namun kini semakin mendapat sambutan.

Dalam jangka masa panjang, pengenalan lebih banyak sumber tenaga boleh diperbaharui ke dalam pilihan sumber tenaga dijangka boleh mengurangkan kebergantungan negara kepada bekalan bahan api import serta merangsang usaha-usaha mengawal keselamatan tenaga di dalam negara. Tambahan lagi, jika syarikat penjana tenaga mengeluarkan tenaga bersih, NEM dan LSS boleh membantu mengurangkan kesan perubahan iklim dunia.



Ladang solar 5MW milik Kumpulan Melaka Berhad

Sumber dana FiT terhad kepada surcay yang dikenakan terhadap bil elektrik para pengguna, pada kadar semasa 1.6 peratus. Had kuota perlu bagi menjamin jumlah Dana RE adalah mencukupi untuk membuat pembayaran FiT kepada syarikat pengeluar sumber RE.

Pengenalan kedua-dua NEM dan LSS akan membantu meningkatkan sumbangan keseluruhan RE kepada industri tenaga pada masa hadapan. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah mengumumkan pelaksanaan NEM dan LSS pada tahun 2015.

#### **PIAWAIAN BAHAN API YANG LEBIH TINGGI**

Pada tahun 2014, Kerajaan telah mengumumkan pelan hala tuju bagi pelaksanaan piawaian bahan api runcit di seluruh negara – Euro 4M RON97 diperkenalkan pada bulan September 2015, Euro 4M RON95 pada bulan Oktober 2018, minyak diesel Euro 5 pada bulan September 2020 dan Euro 5 RON95 dan RON97 pada bulan September 2025.

Penerimaan piawaian global tersebut akan memastikan bahan api yang dijual di Malaysia mengandungi kadar benzin dan sulfur lebih rendah – ringkasnya bahan api hijau yang mengurangkan pencemaran dan lebih

mesra terhadap alam sekitar.

Minyak Euro 4M RON97 telah berjaya diperkenalkan oleh semua syarikat minyak Malaysia pada bulan September 2015.

Persediaan untuk memperkenalkan Euro 4M RON95 di pasaran minyak tempatan telah pun bermula. Pihak berkepentingan – seperti Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Sumber Semula Jadi dan Alam Sekitar (NRE) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) – sedang meneliti beberapa persediaan seperti piawaian dan harga.

Pada 1 Disember 2015, NRE telah meluluskan dan mewartakan piawaian baharu bagi bahan api Euro 5 dalam Peraturan Mutu Alam Sekitar tahun 2015 (Kawalan Hakmilik Petrol dan Minyak Diesel) (Pindaan), untuk dilaksanakan di Malaysia. Dengan pelaksanaan peraturan tersebut, syarikat-syarikat pengeluar minyak wajib membekalkan bahan api ke pasaran tempatan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh NRE. Piawaian baharu tersebut juga menjadi garis panduan bagi melaksanakan piawaian bahan api Euro 5 (bermula dengan minyak diesel) menjelang bulan September 2020, mengikut jadual.





## TINJAUAN MASA HADAPAN

**I**ndustri O&G akan menghadapi banyak cabaran dan rintangan pada tahun 2016, khususnya kurangnya perkembangan dalam sektor hulu. Namun, industri O&G sebenarnya tidak asing kepada keadaan ekonomi yang sangat mencabar, kerana telah melalui pengalaman yang sama ketika kejatuhan harga minyak kurang USD10 setong pada tahun 1998 yang lalu. Bezanya kini adalah industri dan syarikat-syarikat O&G berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk menghadapi ketidakpastian harga pasaran dunia kerana peningkatan kecekapan dan keperluan yang telah dibina dalam beberapa tahun ini.

Satu kesan positif yang boleh dilihat ialah situasi ekonomi semasa menjadi pendorong kuat bagi syarikat-syarikat O&G untuk mengambil langkah-langkah bagi memantapkan operasi pengeluaran, sekali gus memperkukuh daya tahan dalam menghadapi ketidakpastian industri

dan perkembangan di luar jangkaan. Kita mesti berhati-hati untuk tidak mengenyahkan pengalaman luas firma tempatan dan memanfaatkan mereka untuk mencipta pembezaan daya saing dalam industri.

Dalam menghadapi pelbagai cabaran, pada tahun 2016, Kerajaan, dengan kerjasama sektor swasta, perlu memastikan kemudahan prasarana sumber tenaga di Malaysia kekal teguh.

Usaha-usaha untuk mempelbagai sumber tenaga negara dan langkah ke arah penentuan harga berdasarkan pasaran semasa akan membentuk agenda negara dalam mencapai matlamat yang diingini bagi industri ini.

Kerajaan juga akan menumpukan usaha ke arah menyiapkan rangka kerja yang perlu bagi Akses Pihak Ketiga (TPA) serta mendorong penetapan harga gas yang lebih rasional. TPA akan membuka jalan ke arah liberalisasi pasaran gas di Semenanjung Malaysia. Perkembangan liberalisasi pasaran akan membantu

kemasukan banyak pemain baharu di dalam industri, menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang lebih efisien, serta memberi manfaat kepada pengguna dengan penetapan harga minyak dan gas yang lebih kompetitif. Pada masa yang sama, akta TPA akan menyumbang ke arah pembinaan asas yang lebih kukuh bagi keselamatan tenaga negara, menjamin perkembangan ekonomi, kemakmuran dan kesejahteraan.

Di Copenhagen Climate Change Conference (COP 15) yang berlangsung di Copenhagen, Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Malaysia secara sukarela akan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 40 peratus berdasarkan tahap 2005, menjelang tahun 2020, pemindahan teknologi yang bersyarat dan bantuan kewangan oleh negara-negara maju. Penggunaan tenaga secara efisien dan teknologi hijau juga menjadi fokus utama sepanjang tahun 2016.



# MEMPROMOSIKAN KETELUSAN MAKLUMAT MELALUI MPRC100 UNTUK MEMACU PEMBANGUNAN INDUSTRI OGSE

**B**uat masa ini, sebanyak 3,613 syarikat Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas (OGSE) tempatan yang beroperasi di Malaysia dan berdaftar dengan syarikat minyak nasional PETRONAS. Justeru, semasa Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPRC) memperkenalkan MPRC100 pada bulan Jun tahun lepas, laporan ini disambut baik oleh para pelabur, pegawai bank dan pemain industri, menurut Pengarah Eksekutif MPRC Dr Shahreen Madros.

MPRC100 tersenarai dalam 100 Syarikat Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas (OGSE) teratas di Malaysia di mana kedudukannya ditetapkan berdasarkan perolehan. Ia meletakkan segmen industri di mana syarikat MPRC100 beroperasi, dan menyediakan ulasan industri yang memaparkan pandangan beragregat bagi industri OGSE di Malaysia, serta analisis tambahan.

Madros menambah bahawa laporan ini diterbitkan selaras dengan pendirian MPRC untuk mempromosikan ketelusan maklumat sebagai sebahagian daripada mandatnya untuk membangunkan dan



**Syed Azlan Syed Ibrahim**  
Naib Presiden Kanan,  
Penilai Industri dan Pasaran, MPRC

**Ir Dr Shahreen Madros**  
Pengarah Eksekutif, MPRC

mempromosikan industri perkhidmatan minyak dan gas Malaysia.

“Kami melihat ketelusan maklumat sebagai penggerak pasaran dan mempercayai proses yang telus dan sistematik agar semua maklumat boleh disahkan kesahihannya.”

Maklumat sedemikian serta analisis nilai tambahan yang digabungkan sekali sememangnya amat berguna bagi pihak-pihak yang berkepentingan, apabila mengambil kira kesukaran mendapatkan maklumat mengenai syarikat yang tidak tersenarai, jelas beliau.

MPRC100 penting bagi pelabur dalam mengenal pasti potensi dan risiko syarikat yang ditampilkan; bagi pihak bank yang ingin mengukur prestasi keseluruhan industri; bagi agensi perdagangan dalam mempromosi syarikat Malaysia di luar negara; dan bagi pemain industri dalam usaha memupuk pakatan strategik mereka.

Dalam menyediakan laporan ini, beliau menerangkan bahawa MPRC bermula dengan pangkalan data syarikat yang berdaftar dengan PETRONAS dan memperoleh maklumat

kewangan (berdasarkan akaun beraudit) daripada Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC). Data tahun 2012 dan tahun 2013 telah diterbitkan pada separuh pertama tahun 2015 dan data tahun 2014 telah diterbitkan pada bulan Januari 2016.

Selain daripada MPRC100, MPRC telah menerbitkan dua lagi dokumen - *Malaysia OGSE Catalogue* (edisi tahun 2016 menampilkan 154 syarikat) dan *Malaysia Oil and Gas R&D Catalogue*.

Pada dasarnya, melalui laporan-laporan ini, agensi menyasarkan untuk menjana lebih banyak minat, analisis dan wacana untuk membina keupayaan dan seterusnya menjulang sektor OGSE Malaysia agar selari dengan matlamat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia hab OGSE di rantau Asia Pasifik.

MPRC sedar akan keperluan untuk menerbitkan lebih banyak dokumen kepimpinan pemikiran untuk membantu industri ini berkembang di samping mencapai dan mengekalkan kedudukannya sebagai hab OGSE serantau. Ia menjangkakan akan menerbitkan lebih banyak dokumen tersebut dalam waktu terdekat ini.

**“ Kami melihat ketelusan maklumat sebagai penggerak pasaran dan mempercayai keperluan mengekalkan proses yang sangat telus dan sistematik agar semua maklumat boleh disahkan. ”**

# KEUTUHAN PERKHIDMATAN KEWANGAN ADALAH PENTING BAGI PERTUMBUHAN EKONOMI



**DATO' SERI AHMAD HUSNI  
MOHAMAD HANADZLAH**

MENTERI KEWANGAN II

Pelbagai cabaran telah melanda ekonomi global pada tahun 2015. Antara cabaran utama yang dihadapi adalah ketidakpastian yang wujud dalam pasaran ekoran daripada jangkaan pemulihan dasar kewangan di Amerika Syarikat, kesan susulan yang berpunca daripada pengimbangan semula ekonomi China, dan penurunan mendadak serta berpanjangan dalam harga komoditi dan keyakinan pelabur yang goyah berikutan iklim politik negara yang tidak menentu.

Walaupun dihimpit dengan cabaran-cabaran ini, dengan sukacitanya saya ingin melaporkan bahawa KPI bagi Bidang Ekonomi Utama Negara Perkhidmatan Kewangan (NKEA) bagi tahun ini telah pun dicapai hasil daripada usaha bersama yang merentas agensi-agensi terlibat.

Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) juga mengalami kemajuan yang memberangsangkan dan ini telah membantu melancarkan perdagangan sesama negara-negara ahli. Ia seterusnya membuahkan hasil melalui integrasi perbankan ASEAN yang telah berjaya dimuktamadkan dan disahkan oleh Gabenor-Gabenor Bank Pusat dan Menteri-Menteri Kewangan pada tahun 2015. Ini seterusnya merapatkan kita dengan hasrat untuk menjadi blok perdagangan ekonomi yang disegani di mata dunia sebaik sahaja AEC mencapai momentumnya.

Kita juga maklum bahawa salah satu daripada cabaran paling besar

yang membantutkan potensi penuh perkembangan perniagaan kecil adalah ketersediaan pembiayaan. Antara langkah yang diperkenalkan termasuk menyediakan platform pembiayaan alternatif bagi peniaga dan usahawan kecil. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya Sekuriti telah melancarkan Platform Penjana Dana Masyarakat Bagi Ekuiti (MyECF) pada tahun 2015 dan telah meluluskan enam operator daripada 27 permohonan yang diterima bagi tahun tersebut.

Demi memperbaiki dan mengukuhkan pasaran kewangan Islam, beberapa pihak dalam industri kewangan Islam telah bersama-sama menubuhkan IAP (*Investment Account Platform*) dan telah dilancarkan pada bulan Februari 2016. Badan ini merupakan gabungan pelbagai bank secara berpusat dan bermatlamat membantu serta memudahkan para pelabur membuat pelaburan dalam aktiviti kewangan atau projek-projek yang berdaya maju termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Rentetan pengubahsuaian bajet telah diumumkan oleh Perdana Menteri akibat daripada kejatuhan harga minyak yang mencecah paras terendah pada bulan Januari, sesetengah sektor dijangka pasti akan terjejas dengan perkembangan ini dan ia tentunya mendatangkan kesan kepada sektor perkhidmatan kewangan.

Namun, berbekalkan usaha yang mantap oleh Kerajaan dalam memperkukuh daya tahan ekonomi dan sistem perbankan negara sejak beberapa tahun yang lalu di samping berpegang pada kedudukan teguh ini, saya yakin bahawa kita akan dapat menangani segala cabaran yang dihadapi dengan langkah-langkah kawalan yang ada.

**“Melangkah ke tahun 2016, tumpuan NKEA Perkhidmatan Kewangan yang utama ialah memperkayakan lagi daya tahan sistem kewangan kita, ekonomi dalam negeri dan memastikan kemampuan berterusan industri perkhidmatan kewangan.”**

Tahun 2015 merupakan tahun yang mencabar bagi industri kewangan global dan Malaysia tidak terkecuali menerima tempasnya. Selain menghadapi cabaran berterusan dari dalam dan luar, pengurusan makroekonomi negara kita pada tahun 2015 menumpukan usaha pengukuhan daya tahan ekonomi, pengurusan kesan keterbukaan dari luar di samping memelihara kebajikan rakyat.

Perubahan dinamik keadaan ekonomi global telah menimbulkan lebih banyak ketidakpastian dalam ekonomi, terutamanya dalam dua aspek, iaitu pertumbuhan dan kestabilan kewangan.

Memandangkan sistem ekonomi dan kewangan Malaysia yang bersifat terbuka, ketidakpastian daripada jangkaan pemulihan dasar kewangan di Amerika Syarikat, kelembapan ketara dalam sesetengah negara berekonomi pesat, penurunan mendadak dan berpanjangan dalam harga komoditi, serta peningkatan ketidakpastian pasaran kewangan adalah di antara beberapa risiko utama dalam jangka masa terdekat.

Sesetengah negara dengan ekonomi yang sedang pesat membangun termasuk Malaysia mengalami

#### DALAM NKEA INI

- 1** Kewangan Islam Kekal pada Kedudukan yang Kukuh
- 2** Mengukuhkan Institusi Kewangan Pembangunan
- 3** Mewujudkan Platform Pembiayaan Lestari untuk Menyokong Pertumbuhan Ekonomi
- 4** Skim Persaraan Swasta (PRS) Sebagai Platform Mencipta Kekayaan Mula Menunjukkan Daya Tarikan yang Semakin Menggalakkan
- 5** Menyokong Integrasi Ekonomi Serantau Melalui Rangka Kerja Integrasi Bank ASEAN

pertumbuhan yang lebih perlahan manakala negara-negara maju pula menikmati pemulihan ekonomi. Keadaan ini diburukkan lagi oleh lebih banyak minyak di pasaran dunia dan kelemahan permintaan global secara keseluruhannya yang memberi kesan kepada harga komoditi.

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2015, nilai matawang serantau termasuk ringgit telah menyusut sebanyak 16.5 peratus manakala Dolar AS diperkukuh dengan peningkatan aktiviti ekonomi dan jangkaan kenaikan kadar faedah. Ini telah mengakibatkan pengaliran keluar portfolio yang signifikan dari pasaran kewangan serantau dan yang sedang membangun, serta memberi impak kepada prestasi bursa serantau termasuk Bursa Malaysia.

Dari dalam negara pula, ekonomi telah diuji dengan pelbagai sentimen negatif pelabur setelah dipengaruhi ketegangan politik Malaysia yang seterusnya menyebabkan tindakan pelabur-pelabur dana utama meninggalkan pasaran. Setakat bulan Ogos 2015, dana asing telah ditarik keluar dari pasaran saham negara dengan nilai bersih RM11.7 bilion ringgit (USD3 bilion).

Walaupun berhadapan dengan keadaan turun naik yang semakin ketara

dalam pasaran kewangan global, sistem kewangan tempatan masih berdaya tahan dan mempunyai kecairan yang mencukupi dalam menyokong aktiviti sektor-sektor nyata. Sistem perbankan kekal kukuh dan mempunyai modal yang mencukupi dengan nisbah modal utama mengatasi tahap minimum kawal selia yang disyaratkan.

## 1

# Kewangan Islam Kekal pada Kedudukan yang Kukuh

Malaysia terus kekal sebagai pasaran utama untuk terbitan sukuk global dengan menguasai 52.6 peratus daripada pasaran (USD34.8 bilion diterbitkan oleh Malaysia daripada jumlah USD66.1 bilion). Pasaran sukuk global Malaysia menguasai 54.3 peratus (USD174.41 bilion daripada USD321.15 bilion). Menerusi terbitan keempat sukuk global berkuasa dalam matawang Dolar AS bernilai USD1.5 bilion pada bulan April 2015, Malaysia telah mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju global.

Kepakaran yang mantap dalam pasaran sukuk menawarkan peluang kepada pelabur kewangan tempatan dan syarikat perkhidmatan profesional untuk menonjolkan dan meningkatkan keupayaan global dalam menyediakan nasihat dan perkhidmatan kewangan Islam di peringkat antarabangsa. Bersandarkan peranannya sebagai pengeluar utama dalam sukuk, Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk lebih maju dalam kewangan Islam.



Bursa Malaysia memenangi anugerah “Best Islamic Exchange 2015” bagi prestasi Bursa Suq-Al-Sila’ di majlis penyampaian Anugerah Kewangan Islam Global yang berlangsung di Bahrain

## Mengukuhkan Institusi Kewangan Pembangunan

Pindaan kepada Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP), yang bertujuan meningkatkan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan bagi Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) yang ditetapkan telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2015.

Kajian semula ini penting bagi memastikan IKP berada dalam kedudukan yang baik dan berupaya menghadapi cabaran dalam persekitaran kewangan dan operasi yang berubah-ubah, dengan memberikan tumpuan kepada peningkatan kapasiti dan keupayaan IKP untuk menyediakan perkhidmatan berterusan kepada sektor ekonomi yang strategik. Kajian semula ini tidak hanya menumpukan kepada rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang menyeluruh tetapi juga ciri-ciri tersendiri dan unik serta peranan yang dimandatkan bagi setiap IKP.

Draf Rang Undang-undang telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada 17 Jun 2015 dan 1 Julai 2015. Perjalanan lancar dalam pindaan Akta adalah hasil daripada sokongan dan komitmen kukuh yang diberikan oleh ahli-ahli Parlimen dan penyokong-penyokongnya serta pihak-pihak berkepentingan utama semasa sesi pertemuan yang diadakan. Ini termasuk maklum balas positif yang diterima sewaktu sesi rundingan awam dalam memuktamadkan draf Rang Undang-Undang.

Pada 31 Disember 2015, enam Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) di bawah pengawalseliaan BNM telah mencatat kejayaan seperti berikut:

Daripada pembiayaan keseluruhan di atas, pinjaman kepada **perniagaan mencakupi 41 peratus atau RM55.74 juta di mana 26.6 peratus atau RM14.8 juta** telah disalurkan kepada lebih kurang **93,000 PKS**, yang mana 80 peratus daripadanya telah memanfaatkan 80 peratus usahawan mikro



Pembiayaan keseluruhan bernilai **RM135.58 juta** (mewakili 2.73 juta akaun)




Jumlah deposit bernilai **RM117.25 juta**

Sehingga akhir 31 Disember 2015, tiga IKP (iaitu Bank Simpanan Nasional, Agrobank dan Bank Rakyat) yang menawarkan perkhidmatan perbankan telah mencatat hasil seperti berikut sejak perbankan ejen diperkenalkan pada tahun 2012:



Jumlah bilangan **6,452 Ejen IKP** mewakili 93.5 peratus daripada jumlah ejen



**Jumlah urusanniaga:**

- **62 juta atau 98.7 peratus daripada** jumlah urusanniaga yang dijalankan melalui ejen
- **RM4.55 juta atau 79 peratus daripada** jumlah urusanniaga ejen perbankan (RM5.7 juta)

3

## Mewujudkan Platform Pembiayaan Lestari untuk Menyokong Pertumbuhan Ekonomi

Perniagaan-perniagaan di Malaysia adalah nadi penggerak yang memastikan pusingan roda ekonomi bergerak lancar. Ketika ekonomi berada dalam kemelut, bergantung kepada aset dan rizab terkumpul syarikat-syarikat ini, kebanyakannya bergelut untuk terus beroperasi serta menghadapi kemungkinan ditindas sebelum dapat berkembang.

Dalam keadaan senario ekonomi yang mencabar ini, Kerajaan komited dalam memastikan perniagaan-perniagaan yang mempunyai perancangan kukuh terus mempunyai akses kepada pelbagai pilihan pembiayaan agar mereka boleh terus berkembang.

Platform pelbagai bank berpusat telah ditubuhkan untuk menjalankan

operasi IAP dan dilancarkan pada 17 Februari 2016.

### PELANCARAN PLATFORM PENJANAAN DANA MASYARAKAT BAGI EKUITI OLEH SURUHANJAYA SEKURITI

Akibat daripada pembangunan konsep rangka kerja pengawalan untuk Penjana Dana Masyarakat bagi Ekuiti (ECF) dan penerbitan kertas perundingan awam pada tahun 2014, Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada 10 Februari 2015 telah menerbitkan Garis Panduan mengenai Peraturan-peraturan Pasaran di bawah Seksyen 34 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan, 2007 (CMSA) untuk memperkenalkan syarat-syarat pendaftaran pengoperasi platform ECF dan pengaturan tadbir

urus bagi pengoperasi tersebut, termasuk memastikan lembaga pengarah pengoperasi layak dan sesuai serta mempunyai keupayaan untuk menjalankan operasi pasaran yang teratur, saksama dan telus. Garis Panduan Peraturan-peraturan Pasaran telah digantikan dengan Garis Panduan Pasaran Diiktiraf yang dikeluarkan pada 11 Disember 2015 dan efektif pada 15 Disember 2015 untuk memulakan operasi platform mereka pada suku pertama tahun 2016.

Seterusnya pada 10 April 2015, SC telah menjemput pengoperasi prospektif yang berminat menubuhkan dan menjalankan operasi platform ECF untuk menghantar permohonan mereka sebelum 11 Mei 2015. Sebanyak 27 permohonan telah diterima. Pada 11 Jun 2015, SC telah mengumumkan dan meluluskan enam pengoperasi platform penjana dana masyarakat bagi ekuiti status Operator Pasaran yang Diiktiraf (RMO) untuk memulakan operasi platform mereka pada suku pertama tahun 2016.



## MEMPERKENALKAN PLATFORM PEMBIAYAAN ALTERNATIF YANG MENYOKONG KEUSAHAWANAN DAN PERTUMBUHAN SYARIKAT-SYARIKAT MALAYSIA



Dato' Seri Ranjit Ajit Singh, Pengerusi SC (ketiga dari kiri) bersama-sama enam operator ECF

Malaysia ialah negara ASEAN pertama yang menggubal undang-undang Penjana Dana Masyarakat bagi Ekuiti (ECF) apabila pindaan undang-undang Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 untuk melaksanakan *Equity Crowdfunding* (ECF) berkuatkuasa pada 15 September 2015.

Setakat ini, dua platform ECF telah dilancarkan secara rasmi, iaitu platform CrowdPlus, Asia yang dilancarkan oleh Propellar Crowd+ pada 13 November 2015 dan Crowdo yang dilancarkan pada 11 Januari 2016.

Selain ECF, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) berminat untuk membantu pembangunan teknologi kewangan (FinTech) dalam pasaran modal Malaysia.

Teknologi kewangan mempunyai potensi yang besar untuk memecah model perniagaan sedia ada dan menarik lebih ramai pengguna dengan menjanjikan perkhidmatan mesra pengguna yang menjangkau demografi, geografi dan infrastruktur. Menyedari faktor ini dan keperluan penting untuk berlindung daripada risiko sekeliling, SC telah melancarkan Komuniti Pakatan Teknologi Kewangan atau aFINity@SC pada bulan September 2015, suatu inisiatif untuk memangkinkan pertumbuhan FinTech di dalam negara.

Melalui aFINity@SC, pengawal selia akan mengendalikan perhubungan antara pihak berkaitan dalam FinTech untuk memangkinkan pertumbuhan dan inovasi dalam industri ini. Pada bulan September 2015, SC telah mengeluarkan iklan bagi menjana respons dan minat daripada pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk inovator, usahawan, perniagaan terkemuka, pelabur dan pihak berkuasa lain untuk merangka agenda teknologi kewangan bersama-sama untuk Malaysia.

aFINity@SC bertujuan untuk memberi penjelasan dari segi penguasaan kawal selia dengan memudahkan perbincangan di antara perniagaan teknologi kewangan dan pihak berkuasa yang berkaitan untuk memastikan segala kemusykilan berkaitan dengan pengawalan dan risiko dapat ditangani dengan sewajarnya.

SC telah menyatakan bahawa ia akan memperkenalkan rangka kerja untuk pinjaman rakan ke rakan (*Peer-to-Peer*, P2P) pada tahun 2016, seiring dengan minat yang semakin bertambah dalam bidang ini. Pinjaman P2P mengalami pertumbuhan yang signifikan di pasaran besar seperti di Amerika Syarikat, China, United Kingdom dan India.

4

## Skim Persaraan Swasta (PRS) Sebagai Platform Mencipta Kekayaan Mula Menunjukkan Daya Tarikan yang Semakin Menggalakkan

Badan Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah mewujudkan persekitaran kewangan yang selamat bagi memastikan kepentingan pencazum dalam Skim Persaraan Swasta (*Private Retirement Scheme*, PRS) terjamin. Dalam melaksanakan rangka kerja persaraan swasta, SC telah menerapkan prinsip-prinsip antarabangsa yang utuh bagi menjamin mutu pihak-pihak yang menyediakan perkhidmatan PRS.


PRS mula diperkenalkan pada bulan November 2012 di bawah pimpinan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Meskipun masih pada tahap awal, sejak dua setengah tahun kebelakangan ini PRS telah memperlihatkan pertumbuhan yang kukuh dan memberangsangkan dari segi aspek *Asset Under Management* (AUM) dan bilangan pencazum.

Setakat 31 Disember 2015, PRS mempunyai bilangan pencazum seramai

180,651 orang (pertumbuhan sebanyak 40.1 peratus berbanding tahun 2014) dan nilai AUM berjumlah RM1,171.97 juta (pertumbuhan sebanyak 63.7 peratus berbanding tahun 2014).

Pada masa sekarang terdapat sejumlah 11 Skim dengan 50 jenis dana persaraan di bawah lapan penyedia PRS. Dana persaraan Islam menyumbang 32 peratus daripada keseluruhan nilai AUM.

### AUM INDUSTRI SKIM PERSARAAN SWASTA TELAH MENCECAH JUMLAH RM1 BILION



Ketika Malaysia mengalami transformasi daripada negara membangun kepada negara maju, keperluan terhadap sistem persaraan yang komprehensif menjadi semakin penting. Institusi-institusi global seperti Bank Dunia mengakui kepentingan sistem persaraan yang komprehensif yang bertindak menyokong keperluan persaraan penduduk sesebuah negara. Dalam konteks ini, PRS melengkapi tunggak mandatori Malaysia.

Fungsi PRS amat penting sekali ketika simpanan persaraan tidak mencukupi dalam persekitaran di mana taraf hidup semakin meningkat dan jangkaan umur bekerja melebihi apa yang dijangkakan. Dengan mengambil kira keperluan dan aspirasi negara, PRS ini menjadi platform kritikal bagi semua rakyat Malaysia

untuk menambah simpanan persaraan untuk memastikan suatu tahap kemampunan dan jaminan bagi masa depan mereka.

Setiap individu diberikan peluang yang mencukupi untuk berkongsi dalam penjanaaan kekayaan melalui saluran tambahan yang disediakan oleh pasaran modal. PRS telah direka bentuk agar boleh diakses dengan mudah, berpatutan dan mampan sementara pada masa yang sama memperkasakan semua rakyat Malaysia untuk mencapai jaminan kewangan berdasarkan apa yang mereka mampu. Berdasarkan ini, salah satu daripada ciri utama PRS ialah fleksibilitinya.

#### JUMLAH ASET DI BAWAH PENGURUSAN (AUM) DAN JUMLAH AHLI SEJAK DIMULAKAN

Penyertaan yang semakin meningkat dalam PRS berpunca daripada usaha awal yang menumpukan kepada pendidikan pelabur. Sejak pelancaran PRS, SC dan pentadbir PRS, Pentadbir Pencen Swasta Malaysia (PPA) secara proaktif telah menjalankan siri pendidikan dan pertemuan dengan orang ramai untuk memupuk kesedaran yang tinggi tentang keperluan perancangan persaraan yang terjamin.

Secara khususnya, PPA bersama-sama dengan semua Penyedia PRS menyumbang kepada Dana Pembangunan Industri (IDF) RM5 juta untuk melancarkan kempen kesedaran PRS. IDF ini merupakan komitmen tiga tahun oleh PPA dan Penyedia PRS untuk meningkatkan kesedaran bagi PRS. IDF juga akan digunakan untuk memperhebat usaha mendidik serta kempen interaksi dengan orang ramai di seluruh negara.

Peranan insentif cukai amat penting dalam mendorong pembangunan PRS. Dalam Bajet 2012, Kerajaan telah mengumumkan pelepasan cukai RM3,000 bagi sumbangan yang dibuat oleh individu kepada PRS yang dituluskan oleh SC. Pelepasan cukai ini akan diberikan selama 10 tahun, dari tahun 2012 hingga tahun 2021. Majikan juga akan diberikan potongan cukai bagi sumbangan kepada PRS yang dibuat bagi pihak pekerja mereka sehingga 19 peratus daripada gaji pekerja. Bagi memupuk budaya simpanan persaraan di kalangan demografi yang lebih muda, Kerajaan dalam Bajet 2014 telah mengumumkan insentif PRS sebanyak RM500 yang diberi sekali sahaja kepada penyumbang berusia di antara 20 dan 30 yang menyertai skim PRS dengan pelaburan terkumpul minimum RM1,000 dalam setahun. Insentif ini adalah sah dari 1 Januari 2014 bagi tempoh selama lima tahun.

## Menyokong Integrasi Ekonomi Serantau Melalui Rangka Kerja Integrasi Bank ASEAN

Dengan wujudnya Jawatankuasa Ekonomi ASEAN (AEC), pencapaian persetujuan Rangka Kerja Integrasi Bank ASEAN (ABIF) yang telah disahkan oleh Gabenor-gabenor Bank Pusat ASEAN merupakan pencapaian yang amat penting bagi ASEAN ke arah mencapai integrasi kewangan dan ekonomi yang lebih meluas.

Matlamat terdekat ABIF adalah untuk mencapai pasaran perbankan yang lebih bersepadu, diterajui oleh Bank-bank ASEAN yang Layak (QAB) yang berpotensi memberikan

impak positif di seluruh negara-negara ASEAN. ABIF memberikan keutamaan kepada hasil daripada mempromosi pembangunan kewangan dan pertumbuhan ekonomi serantau yang lebih tinggi, dan ini adalah berdasarkan prinsip yang menekankan keterangkuman, kejelasan dan kesalingan.

Dengan persepakatan rangka kerja oleh kesemua gabenor bank-bank pusat ASEAN, mana-mana dua negara ASEAN boleh memasuki perjanjian dua hala timbal balik untuk menyediakan QAB

dengan akses pasaran yang lebih besar, dan fleksibiliti operasi yang konsisten dengan amalan bank tempatan di negara tuan rumah masing-masing. Pelaksanaan rangka kerja ini akan diiringi pengukuhan pengaturan pengawalseliaan tuan rumah dan kerjasama penyeliaan bagi menyokong pengawalan dan penyeliaan QAB yang berkesan. Semakin ASEAN melangkah hampir kepada merealisasikan Komuniti Ekonomi ASEAN, ABIF akan seterusnya mengukuhkan inisiatif-inisiatif lain di bawah Rangka Kerja Integrasi Kewangan ASEAN bagi menyediakan mekanisme yang membolehkan negara-negara ASEAN mempercepatkan kadar integrasi kewangan serantau, meningkatkan perdagangan merentas sempadan dan aliran pelaburan dan seterusnya memanfaatkan potensi pertumbuhan rantau ini.



Persidangan CEO ASEAN CAP 10 memberi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) pelan tindakan ke arah merebut kekayaan pada masa ASEAN bergerak ke arah menjadi satu pasaran tunggal yang besar

## PETUNJUK PASARAN

### PERTUMBUHAN PASARAN MALAYSIA DARI BULAN JANUARI 2009 HINGGA BULAN DISEMBER 2015

FBM KLCI	Pemodalanan Pasaran	ADV	Pasaran Pegangan Saham Asing	Aliran Keluar Asing 2014 – setakat ini
+93%	+155%	+76%	+1.4 Mata Peratusan	RM26.0 b 2010 hingga 2013 Jumlah Aliran Masuk Asing Bersih: RM34.2b

### PERTUMBUHAN PASARAN MALAYSIA SEHINGGA 31 DISEMBER 2015

FBM KLCI	Pemodalanan Pasaran	ADV	Pasaran Pegangan Saham Asing	Aliran Keluar Asing 2014 – setakat ini
-4%	+3%	-3V	-2.0 Mata Peratusan	RM19.7 b

## PRESTASI PASARAN BURSA MALAYSIA 2015

### PASARAN SEKURITI

Selain daripada peningkatan dalam ketegangan geopolitik Rusia-Ukraine, krisis *Islamic State* di Timur Tengah yang terbaharu, peningkatan ancaman nuklear dari Korea Utara dan ketegangan politik Turki-Rusia, keadaan pasaran 2015 secara keseluruhannya semakin mencabar dengan adanya faktor-faktor luaran lain. Faktor dunia dan serantau ini termasuk kelembapan ekonomi China, harga minyak dan harga komoditi dunia yang rendah dan ketidakpastian kadar faedah USD telah menyumbang kepada keadaan pasaran yang mencabar ini. Faktor dalam negeri seperti nilai Ringgit yang makin lemah dan pelaksanaan GST juga mencorakkan keadaan pasaran.

Berlatarbelakangkan landskap ini, pasaran sekuriti tempatan terus menunjukkan daya tahannya sejak setahun yang lalu. Bermula pada awal tahun, FBM KLCI menunjukkan trend menaik yang sekata. Bagaimanapun, peningkatan ini terjejas pada separuh kedua tahun ini apabila sentimen

mula dipengaruhi oleh perspektif negatif luar dan dalam negeri. Namun arah aliran pasaran yang menurun telah berjaya ditangkis oleh asas ekonomi Malaysia yang kukuh dan kepelbagaian sektor ekonomi sebagaimana yang digambarkan di Bursa.

FBM KLCI bermula pada 1,761.25, mencapai 1,862.80, iaitu paras ditutup paling tinggi untuk tahun 2015 pada 21 April 2015 dan menamatkan tahun pada paras 1,692.51 mata, mencatatkan hakisan marginal sebanyak 3.9 peratus tahun-ke-tahun. Dari segi aktiviti dagang, purata jumlah urusniaga harian dan purata nilai urusniaga berkurangan sebanyak 4.8 peratus dan 2.9 peratus tahun-ke-tahun masing-masing. Permodalan pasaran menampakkan pergerakan positif RM1,695.17 bilion tercatat pada 31 Disember 2015, peningkatan 2.7 peratus berbanding RM1,651.17 bilion pada akhir tahun 2014. Tahun ini menyaksikan jumlah aliran keluar pelaburan asing

bersih sebanyak RM19.7 bilion, bagaimanapun ia disokong oleh aliran masuk bersih sebanyak RM23.8 bilion dari institusi tempatan.

Pasaran yang tidak menentu ini telah membawa kepada pengurangan jumlah dana yang diperolehi, iaitu berkurang daripada RM24 bilion pada tahun 2014 kepada RM21 bilion pada tahun 2015. Jumlah *Initial Public Offering* (IPO) ialah 14 pada tahun 2014 berbanding 10 pada tahun 2015, ini dapat dilihat dengan kutipan dana yang lebih rendah iaitu RM3.9 bilion pada tahun 2015 berbanding RM5.90 bilion pada 2014. Sementara itu, aktiviti pengumpulan dana di pasaran sekunder masih memberangsangkan iaitu sebanyak RM17.1 bilion berjaya dikumpulkan pada tahun 2015, jumlah yang rendah sedikit berbanding 2014, iaitu RM18.4 bilion. Pasaran sekunder yang lebih teguh ini dipacu pihak korporat, termasuk terbitan hak, terbitan khas dan tawaran persendirian oleh syarikat awam berhad.

### PASARAN DERIVATIF

Pada tahun 2015, turun naik harga komoditi dan FBMKLCI terus memanfaatkan Pasaran Derivatif. Pada tahun tersebut, jumlah kontrak yang diniagakan mencatat pertumbuhan 12.8 peratus berbanding kadar transaksi tahun 2014 dengan kontrak harian purata diniagakan ialah 57,157 pada tahun 2015 berbanding 50,654 pada tahun 2014. Yang jelasnya, pertumbuhan kadar transaksi ini terhasil daripada peningkatan dalam kontrak FCPO dan FKLI kerana turun naik harga minyak sawit mentah (CPO) FBMKLCI.

### PASARAN ISLAM

Bagi Pasaran Modal Islam pula, nilai harian purata Bursa Suq Al-Sila' (BSAS) meningkat 120.8 peratus kepada RM15.2 bilion pada tahun 2015 berbanding RM6.9 bilion pada tahun 2014. Pertumbuhan kukuh dalam dagangan BSAS dipacu penukaran deposit Murabahah dan minat yang semakin meningkat terhadap penentuan harga berasaskan tempoh.



## TINJAUAN MASA HADAPAN

**C**abaran-cabaran yang menggugat ekonomi negara pada tahun 2015 dijangka akan terus dihadapi pada tahun 2016. Terutamanya, turun naik yang semakin memuncak dalam pasaran kewangan, kejatuhan harga komoditi, pengukuhan Dolar AS, dan kelembapan ekonomi China, dijangka akan mempunyai kesan langsung dan tidak langsung kepada ekonomi Malaysia, terutamanya melalui saluran perdagangan dan kewangan. Dorongan yang kukuh seharusnya dibentuk untuk memelihara industri perkhidmatan kewangan Malaysia yang menjadi tulang belakang yang menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Melangkah menuju tahun 2016, tumpuan NKEA Perkhidmatan Kewangan adalah untuk meningkatkan daya tahan sistem kewangan kita dan ekonomi tempatan, di samping memastikan pengukuhan berterusan industri perkhidmatan kewangan.

Ini termasuklah bekerjasama dengan IKP untuk memastikan mereka terus

melunaskan mandat mereka dan pada masa yang sama memperbaiki sistem perbankan bagi mematuhi syarat-syarat BASEL yang terbaharu.

Dari aspek pengawalseliaan, pada tahun 2016, Bank Negara Malaysia akan memulakan langkah menukar Insurans Komposit dan Lesen Takaful kepada Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Kewangan Islam 2013. Ini akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun sehingga tahun 2018. Di bawah inisiatif ini, perniagaan insurans hayat dan am bagi syarikat insurans, dan pengendali takaful bagi keluarga dan perniagaan umum mungkin dijalankan di bawah pegangan asing kerana ciri-ciri risiko yang berbeza. Langkah ini dilaksanakan untuk mengukuhkan struktur institusi bagi institusi kewangan untuk memastikan perlindungan yang mencukupi bagi pemegang insurans dan peserta takaful terhadap risiko penulanan dan pengaruh yang berlebihan. Inisiatif ini akan disempurnakan pada 30 Jun 2018.

SC juga sedang membangunkan Rangka Tindakan yang menyeluruh bagi industri Pengurusan Dana dan Kekayaan Islam untuk Malaysia. Rangka tindakan ini yang dijangka akan siap pada penghujung tahun 2016 akan merangka hala tuju strategi jangka sederhana dan panjang bagi industri juga pada masa yang sama memetakan strategi dan cadangan untuk mengukuhkan daya saing negara.

NKEA Perkhidmatan Kewangan juga akan mengkhusus kepada usaha meneroka dan mencari jalan penyelesaian yang lebih inovatif dan kreatif agar sektor kewangan boleh meningkat dan memperbaiki pengalaman pengguna dalam tempoh jangka panjang.

Tahun 2016 tidak kurang mencabar bagi industri perkhidmatan kewangan Malaysia berbanding tahun lepas. Sistem kewangan kita tentunya akan melalui ujian getir ketika berhadapan dengan cabaran yang penuh dengan ketidakpastian ekonomi global yang sedang berlaku.

# MEREVOLUSASIKAN PENGALAMAN PENGGUNA DI MALAYSIA



**DATO' SERI  
HAMZAH BIN ZAINUDIN**

*MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,  
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN*

Sejak lima tahun yang lalu, kita telah berjaya menemui konsep peruncitan bagi para pengguna di Malaysia menikmati pengalaman baharu melalui beberapa inisiatif dalam pemborongan dan peruncitan. Sektor pemborongan dan peruncitan tumbuh pada kadar 5.9 peratus pada tahun 2015 berbanding tahun 2014, dan menyumbang hampir 13.8 peratus kepada keseluruhan jumlah KDNK.

Kedudukan Malaysia dalam Indeks Pembangunan Peruncitan Global AT Kearney telah meningkat dari tangga ke-17 pada tahun 2010 ke tangga ke-9 pada tahun 2015. Peningkatan positif ini jelas membuktikan bahawa pelaburan peruncitan dalam negara ini masih boleh dipertingkatkan.

Tatkala kita berusaha untuk memodenkan, mengglobalisasikan serta membuat pembaharuan sektor ini, kita juga perlu memastikan agar tidak ada pihak atau kumpulan yang tercicir di belakang, malahan peruncit kecil-kecilan juga diberi bantuan dan latihan agar mereka juga boleh mempertingkatkan daya saing.

Di samping mencari peluang-peluang merencanakan program pembaharuan supaya pantas bergerak, kita juga membidas beberapa kritikan yang dilemparkan terhadap program TUKAR. Sesetengah peserta program telah mengadu tentang kerugian yang agak banyak dan ketidakupayaan mereka membayar hutang pinjaman,

dan perkara tersebut menjadi berita sensasi dalam akhbar tempatan. Namun Program TUKAR ini juga menyaksikan pelbagai kisah kejayaan; para peserta ada melaporkan bahawa mereka menikmati peningkatan dalam hasil pendapatan dan pendapatan mereka juga bertambah maju pasca transformasi.

Sektor pemborongan dan peruncitan adalah salah satu penyumbang penting kepada ekonomi negara. Dengan memanfaatkan kuasa beli yang kian meningkat di rantau Asia, semakin banyak syarikat pemborong dan peruncit yang dapat bersaing untuk memenuhi permintaan yang kian membesar dalam sektor ini, lantas semakin dekat kita mencapai hasrat ingin meningkatkan pengalaman membeli-belah pelanggan dalam pasaran.

Malaysia berada di suatu rantau yang merupakan pusat membeli-belah yang rancak dan mampu bersaing dengan bandar raya lain seperti Singapura, Jakarta, Bangkok dan Hong Kong, untuk menjadi bandaraya terpilih bagi aktiviti membeli-belah. Kita mesti berusaha lebih gigih supaya boleh menjadi tempat beli-belah yang menawan hati dan imaginasi pengguna serta mendorong perbelanjaan yang besar ketika berada di Malaysia.

Sejak beberapa tahun kebelakangan, suasana sektor peruncitan di Malaysia telah mengalami transformasi yang hebat. Peruncit semakin gigih menjadikan aktiviti membeli-belah sebagai satu elemen penting dalam gaya hidup moden yang diinginkan oleh pelanggan. Justeru itu, segala kegiatan perniagaan perlu diselaraskan dengan kemunculan gedung beli-belah dalam talian (pembelian Internet) yang mempunyai tarikan gaya hidup moden masa kini.

Dengan menumpukan fokus kepada usaha melonjakkan peruncit di kompleks beli-belah ke tahap atas dalam rantaian nilai, menjadikan kompleks beli-belah maya tempat membeli-belah yang digemari dan memperkenalkan pelbagai konsep baharu lagi inovatif dalam peruncitan, sektor pemborongan dan peruncitan berterusan berkembang; dengan bantuan dan sokongan inisiatif-inisiatif Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Rentetan daripada itu, selama tempoh enam tahun kebelakangan, sektor pemborongan dan peruncitan berjaya menangani cabaran keadaan ekonomi merosot, sebaliknya menunjukkan pertambahan signifikan bagi nilai jualan pada tahun 2015 berjumlah RM1,007 bilion berbanding dengan nilai jualan berjumlah RM622 bilion pada tahun 2009.

Indeks jualan asas perniagaan borong yang berada di tangga 99.8 mata pada penghujung tahun 2009 telah meningkat kepada 146.2 mata menjelang akhir tahun 2015, manakala perniagaan runcit berkembang daripada 103.6 mata menjadi 133.6 mata dalam tempoh masa yang sama. Pertumbuhan positif tersebut adalah hasil usaha sektor pemborongan dan peruncitan yang telah memfokuskan kepada mempertingkatkan aktiviti beli-belah dengan pelbagai cara; meskipun harus berdepan dengan persaingan hebat daripada negara jiran, perubahan drastik dalam ekonomi tempatan serta ekonomi global; yang menyebabkan jumlah pelancong asing ke Malaysia bertambah kurang dan syarat-syarat pemberian kredit isi rumah semakin diperketatkan.

Sektor pemborongan dan peruncitan juga memperlihatkan daya tahan yang baik biarpun sentimen pengguna untuk membeli-belah kian lemah, seterusnya sektor ini masih dapat menyumbang 13.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun 2015.



## DALAM NKEA INI

- 1 Memenuhi Keperluan Pengguna dengan Cara Mengekalkan Imbangan di antara Kedai Format Besar dan Kedai Runcit Kecil
- 2 Menjadikan Gedung Maya Satu Tempat Beli-Belah yang Terbaharu
- 3 Mencari Penemuan Baharu dengan Memperkenalkan Konsep Inovatif dalam Sektor Peruncitan

AT Kearney meletakkan Malaysia di tangga kesembilan dalam Indeks Pembangunan Peruncitan Global 2014; peningkatan sebanyak empat anak tangga daripada kedudukan tahun 2013 dan merupakan kedudukan tertinggi sejak tahun 2007, sebelum bermulanya NTP. Pasaran Malaysia juga digambarkan sebagai kukuh dan stabil kerana faktor pendapatan per kapita yang tinggi dan penduduk berusia muda. Kedudukan baik ini menjadikan Malaysia di antara 10 negara pilihan bagi kegiatan peruncitan. Selain negara China, Malaysia merupakan satu lagi negara di kalangan 10 buah negara teratas di rantau Asia-Pasifik yang menjadi pilihan.

Sektor ini dijangka berterusan dapat memberi sumbangan signifikan kepada ekonomi Malaysia dari segi memenuhi permintaan domestik, dan pada masa yang sama menggalak pelancong asing datang dan berbelanja di negara kita – suatu destinasi beli-belah dunia yang terpilih.

1

## Memenuhi Keperluan Pengguna dengan Cara Mengekalkan Imbangan Kedai Format Besar dengan Kedai Runcit Kecil



Bahagian dalam format gedung kecil yang diubah suai mengikut rancangan TUKAR.

Pasaran runcit di Malaysia mengalami pertumbuhan signifikan dari segi pertambahan pembukaan pasar raya hiper, pasar raya besar dan gedung serbaneka selaras dengan dasar liberalisasi sub-sektor peruncitan format besar dilaksanakan pada tahun 1995. Kehadiran kedai format besar membolehkan peniaga senang membeli produk yang bermutu, menikmati banyak pilihan, pengurangan kos, serta menggunakan teknologi dan kemahiran baharu dalam menjalankan perniagaan runcit.

Namun demikian, biarpun berlaku peningkatan hebat dari pembinaan pasar raya hiper dan pasar raya besar, NKEA tetap berusaha mengekalkan keseimbangan dalam mempromosikan kedai format besar dan melengkapkan kedai format kecil dengan memberi latihan, kemahiran dan teknologi yang perlu.

Kedai format besar memerlukan asas pengguna yang besar untuk mengekalkan perniagaan dan oleh kerana itu tidak boleh berniaga di mana-mana. Perniagaan kedai format besar juga terbatas kerana memerlukan kemudahan infrastruktur yang lengkap serta pembiayaan dana yang besar. Justeru, kedai runcit masih diperlukan bagi memenuhi permintaan kecil-kecilan oleh pengguna di kawasan luar bandar dan desa.

### TREND PERKEMBANGAN KEDAI FORMAT BESAR

Sejumlah enam pasar raya hiper dan sembilan pasar raya besar telah dibuka di serata Malaysia oleh kedua-dua syarikat asing dan tempatan hasil daripada usaha di bawah Projek Permulaan (EPP) 1. Kini, ada 36 pasar raya hiper dan 44 pasar raya besar menjelang akhir tahun 2015. Di antaranya

adalah termasuk Giant, Mydin, Eonsave dan The Store – semuanya dibuka oleh syarikat peruncitan tempatan, manakala Tesco, Carrefour dan Aeon dibuka oleh syarikat asing.

Kumpulan Lulu, syarikat runcit asing dari Abu Dhabi, dijangka akan membuka 10 pasar raya hiper di serata Malaysia dalam tempoh lima tahun pertama mulai tahun 2016, dengan jumlah pelaburan awal bernilai RM885 juta (USD200 juta). Kumpulan ini akan berganding bahu dengan FELDA dan mahu merebut 20 peratus daripada keseluruhan nilai pasaran runcit.

### MELONJAKKAN PERNIAGAAN KEDAI RUNCIT KE TANGGA ATAS DALAM RANTAIAN NILAI

Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) – satu inisiatif di bawah EPP2 – telah dirancang dengan tujuan membantu para peruncit kecil untuk memoden dan mentransformasi perniagaan dengan membuat perubahan penting dari modal insan, peralatan, kepakaran, prosedur operasi yang seragam, peragaan produk dan pemantauan inventori.

Kesan transformasi TUKAR bukan saja memberi hayat baharu kepada pemilik kedai runcit tetapi juga peluang untuk mampu bersaing dengan peniaga pasar raya besar dan pasar raya hiper, dengan membantu para peruncit berubah demi memenuhi permintaan dan keperluan para pengguna masa kini yang pantas berubah dari segi cita rasa dan gaya hidup moden.

Khidmat nasihat dan kepakaran dalam program TUKAR termasuklah Mydin, Carrefour, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tesco, Giant (GCH Retail Sdn Bhd), Aeon, Eonsave dan Cash & Carry.

Sebanyak 302 peruncit kecil-kecilan telah mengalami transformasi, menjadikan jumlah bilangan kedai runcit yang berjaya ditransformasikan melalui program TUKAR mencecah angka 2016, sejak ia dilancarkan pada tahun 2011.

Sejumlah RM30 juta telah diperuntukkan di bawah program TUKAR dan bagi mereka yang menerima

tawaran pembiayaan kewangan TUKAR, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) memberi pinjaman di antara RM20,000 dan RM80,000 (dengan kadar faedah tahunan sebanyak 3 peratus).

Pada tahun lalu, Jawatankuasa Pemandu juga telah bersetuju membenarkan pembiayaan yang lebih kepada para peserta TUKAR yang berjaya untuk membesarkan kedai mereka atau membuka cawangan baharu.

Dengan pengenalan GST pada tahun 2015, pelbagai tindakan telah dibuat bagi memastikan kemampuan peserta TUKAR dapat kekal – termasuk


memberi latihan GST dan kursus ulang kaji menjalankan perniagaan.

Program TUKAR pada dasarnya ialah suatu program keusahawanan yang memerlukan para peserta memainkan peranan aktif dalam mengekalkan daya maju dan kejayaan perniagaan masing-masing. Sesungguhnya inovasi menjadi kunci bagi mengekalkan kemampuan peserta TUKAR. Justeru amat penting bagi pemilik kedai runcit kekal bijak dan peka terhadap keperluan dan permintaan pengguna agar perniagaan terus berkembang dan maju.

Satu lagi program transformasi yang telah memberi impak positif

kepada para peruncit kecil ialah Transformasi Bengkel Automotif (ATOM) di bawah EPP4 yang telah berjaya mentransformasikan sejumlah 188 bengkel baiki kereta di serata Malaysia pada tahun 2015. Ini menjadikan angka jumlah bengkel yang ditransformasikan meningkat kepada 764 sejak program ATOM dilancarkan pada tahun 2011.

Program ATOM memberi dana bagi membeli peralatan dan kelengkapan yang membolehkan pemilik bengkel menyediakan perkhidmatan pembaikan yang lebih bermutu serta meluaskan kemahiran dalam membuat kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kereta.



Sebuah kedai runcit yang mengalami transformasi mengikut rancangan TUKAR

2

## Menjadikan Gedung Maya Satu Tempat Beli-Belah yang Terbaharu

Segmen beli-belah dalam talian telah bertumbuh bagai cendawan dan berkembang pesat di Malaysia. Hampir semua jenis produk dan perkhidmatan yang ditawarkan daripada produk pelancongan, pakaian, buku sehinggalah pembelian bahan makanan boleh dibeli dalam talian.


Segmen baharu ini telah melahirkan beberapa syarikat berplatform e-dagang yang berjaya di Malaysia seperti Lazada, Zalora dan Lelong. Kejayaan syarikat-syarikat ini turut mendorong peruncit tradisional seperti Tesco, Presto dan MPH untuk sama menawarkan pembelian dalam talian kepada para pengguna. Dengan adanya perkhidmatan jalur lebar kelajuan pantas, serta penggunaan peranti pintar dan telefon mudah alih yang lain, bilangan perniagaan yang menawarkan pembelian dalam talian dijangka akan bertambah banyak lagi.

Mengikut Euromonitor, Malaysia dan Singapura merupakan pasaran e-dagang yang terbesar di Asia Tenggara, dengan menyumbang hampir separuh daripada jumlah jualan runcit dalam talian di rantau ini. Segmen perniagaan e-dagang dalam sektor peruncitan merupakan segmen paling pantas berkembang sehingga pasar raya hiper yang tradisional seperti Tesco turut menawarkan pembelian dalam talian kepada para pelanggannya. Saiz pasaran e-dagang Malaysia dianggarkan bernilai RM7 bilion bagi produk dan perkhidmatan. Dengan peningkatan pesat penggunaan telefon pintar dan peranti mudah alih yang lain, angka tersebut dijangka akan meningkat berlipat ganda.

Penubuhan gedung maya di bawah EPP7 dalam sektor pemborongan dan peruncitan NKEA akan membenarkan

lebih banyak jenis produk dijual dalam talian. Gedung maya seperti AmaxMall ialah satu pasar raya hiper bagi semua jenis peruncit saiz kecil dan sederhana yang menawarkan produk dan perkhidmatan kepada pengguna yang gemar membuat belian dalam talian. Pada tahun pertama AmaxMall ditubuhkan, ia berjaya menarik minat sebanyak 212 peruncit kecil dan sederhana untuk mengguna platform e-dagangnya bagi memasarkan produk dan perkhidmatan masing-masing. Sesungguhnya segmen terbaharu ini mempunyai potensi besar dengan jumlah jualan Internet diunjurkan akan mencecah angka RM12 bilion menjelang tahun 2020. Jangkaan positif ini akan menarik minat lebih ramai usahawan untuk menyertai perniagaan dalam talian.

Tatkala mendorong penubuhan gedung jualan maya, kerajaan juga kekal berusaha menerokai cara baharu untuk memastikan kepentingan pengguna terjamin seperti keselamatan e-transaksi dilindungi agar tidak menghalang pertumbuhan dan perkembangan kegiatan perniagaan dalam talian.



AmaxMall berjaya menarik minat 212 peruncit kecil dan sederhana dalam talian yang mengguna e-perniagaan yang disediakan oleh gedung maya ini bagi menawarkan perniagaan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan

## Mencari Penemuan Baru dengan Memperkenalkan Konsep Inovatif dalam Sektor Peruncitan

Kegagalan membuat perubahan atau inovasi boleh memudaratkan industri peruncitan. Lazimnya, inovasi melahirkan konsep-konsep yang mampu menarik minat dan mendorong pelanggan supaya sentiasa mahukan pengalaman baharu.

Kedai Runcit Bersepadu Besar Oasis Damansara (*Big Box Boulevard*) yang dimajukan oleh syarikat Sime Darby-Brunfield adalah satu contoh ruang niaga runcit yang inovatif dan menjanjikan suatu pengalaman membeli-belah yang unik dalam suasana yang menarik. Pembangunan kedai runcit bersepadu yang terletak di Ara-Damansara, dibina

mirip kompleks yang telah berjaya di benua Eropah dan Amerika Syarikat. Beberapa jenis kedai termasuk pasar raya hiper, pasar raya besar perabot, pusat membeli-belah produk digital dan peralatan elektronik serta kedai alat permainan dan produk sukan, bilik pameran kereta, pusat jualan tekstil, dan pasar raya besar kebun dan perkakasan, semuanya terletak di kedai runcit bersepadu ini.

Ruang niaga runcit – seluas 26 hektar – juga merangkumi kedai makan dan minuman, kedai serbaneka, kedai rokok dan arak.



(Gambar atas) Bazar Makan Oasis Square di Ara-Damansara (Gambar bawah) Tesco ialah salah satu pasaraya besar di bawah rancangan Format Besar Gedung

Setakat tahun 2015, Big Box Boulevard yang separuh siap merangkumi Bazar Makan dan pasar raya hiper Tesco telah pun memulakan perniagaan. Pembinaan komponen lain seperti Auto City (kawasan membeli-belah yang besar bagi perniagaan jual-beli kenderaan) akan dilaksanakan dalam masa terdekat dan pembinaan trek LRT di kawasan ini sedang berjalan lancar.

Pembinaan seterusnya ialah sambungan trek LRT dari kawasan ini dengan komponen lain dalam perkembangan kompleks ini serta persekitaran berhampiran. Laluan pejalan yang berbumbung dan jambatan jejantas dibina bagi memberikan keselesaan dan kebolehcapaian kepada pelanggan yang berkunjung ke kompleks tersebut.

Satu lagi konsep inovatif ialah Bazar Makan, yang jelas memanfaatkan kegemaran kita semua untuk menikmati pelbagai jenis makanan dan masakan yang terdapat di negara ini. Misi pembangunan bazar ini ialah membina tempat makan kegemaran ramai yang menggabungkan makanan penjaja yang terbaik di bawah satu bumbung dengan kedai makan ternama seperti restoran seisi keluarga, restoran makanan ringan, kafe, bar dan restoran makan yang mewah.

Pusat makan ini juga mempunyai tarikan menarik yang lain seperti taman-taman, arena permainan dan acara serta taman kanak-kanak, dan kedai runcit seperti kedai serbaneka dan kedai buku dan suratkhbar.

Setiap Bazar Makan direka bentuk seluas kira-kira 9,000 meter persegi dan boleh menampung seramai 3,500 orang pelanggan.

Selain Oasis Square, satu lagi Bazar Makan yang telah siap dibina terletak di Medini Mall di Nusajaya.

Sejumlah 10 Makan Bazaar akan siap dibina menjelang tahun 2020 di bandar-bandar utama di Malaysia.

Konsep Bazar Makan terbukti berjaya di Oasis Square Bazar Makan yang kini meliputi ruang yang lebih besar, iaitu daripada 9,104 meter persegi pada mulanya, kepada 27,871 meter persegi, dengan pelbagai jenis kedai makan yang menyediakan hidangan-hidangan tempatan dan antarabangsa.

## OASIS PIAZZA: BAZAR MAKAN YANG HEBAT DAN BERMUTU

Oasis Piazza ialah medan makan yang kecil di tengah-tengah kawasan perumahan Oasis Damansara. Ia dibangunkan di bawah konsep Bazar Makan NTP, yang bertujuan untuk membuka medan makan dan minum ikonik, dan bazar ini kini menjadi ciri istimewa di Oasis Square, sebuah tapak pembangunan komersil yang berintegrasi. Oasis Square dibangunkan oleh Brunfield Corporation dan Kumpulan Sime Darby.

Tapak F&B seluas 27,900 meter persegi menawarkan pelbagai jenis hidangan Malaysia dan antarabangsa dan menjadi sebutan ramai di kalangan warga kota KL yang gemar makan luar. Oasis Piazza semakin menarik minat orang ramai bukan saja kerana aneka hidangan yang boleh dinikmati, tetapi juga kerana suasana sekitar yang cantik lagi menarik, seperti air pancut, kolam air yang bening dan hiasan lampu warna-warni. Sesungguhnya tapak makan ini amat menarik sekali, khususnya pada waktu malam.

Pengarah Eksekutif Brunfield Corporation Sdn Bhd, En Mohamad Hassan Zakaria berkata, "Oasis Piazza ialah tapak makan dan minum premium

yang dibangunkan bukan hanya untuk menarik penduduk Lembah Klang malah untuk menggalak golongan ekspatriat dan multi-nasional supaya membuka pejabat dan menginap di Oasis Square. Kami mahu membangunkan sebuah kawasan yang mengintegrasikan kehidupan, perniagaan dan riadah serta rekreasi dan di mana penghuninya berasa selamat untuk membeli-belah, menikmati juadah makanan dan minuman serta menikmati masa dengan seisi keluarga dan rakan-rakan selepas habis kerja."

Menurut Muhamad Hassan lagi, adanya tapak makan yang menarik di Oasis Square bukan sahaja berjaya menarik minat ramai orang malah ia telah meningkatkan nilai dan menggandakan harga hartanah di Oasis Damansara. Semua unit apartmen berservis habis dijual dan ruang pejabat dibeli oleh firma tempatan dan syarikat asing, seperti Perbadanan PR1MA, Hilti (America), BDA Architect (Australia), Malindo Airways dan banyak lagi organisasi yang lain.

Oasis Piazza ini mempunyai potensi besar untuk menjana hasil kepada Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan

serta membuka peluang perniagaan dan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi besar ini, kami harus menjadikan Oasis Piazza sebuah destinasi pelancong yang menarik serta hebat.

Melangkah ke hadapan, Sime Darby Kumpulan Brunfield juga akan mengembangkan hab peruncitan F&B (Makanan dan Minuman), dengan membuka sebuah medan selera yang menyediakan warung penjaja yang selesa dengan persekitaran yang bersih. "Di samping itu, sambil menarik minat pelbagai jenis penyewa utama dari usahawan tempatan dan antarabangsa, serta menyediakan lebih banyak peluang kepada usahawan sederhana dan kecil (SME), perniagaan penjajaan makanan dan minuman di medan selera tersebut boleh memberi sumbangan yang baik kepada komuniti setempat dan pihak-pihak yang berkepentingan (pemegang saham), dari segi menggalakkan peningkatan dalam taraf hidup serta gaya hidup kontemporari yang bermutu," beliau menjelaskan.



(Kiri) Mohamad Hassan Zakaria, Pengarah Eksekutif, Kumpulan Brunfield International



(Kanan) Piazza Oasis di Oasis Damansara, dikelilingi bangunan kediaman dan bangunan perniagaan yang mencakar langit



## TINJAUAN MASA HADAPAN

**T**inggal hanya lima tahun lagi menjelang tahun 2020, justeru suatu kajian impak akan dijalankan bagi menilai keberkesanan program TUKAR dan ATOM serta tindakan yang harus diambil bagi membaiki hasil yang boleh dicapai melalui kedua-dua program transformasi. Hasil kajian ini akan membolehkan kita menilai keberkesanan program, pelibatan peruncit, perubahan trend pengguna dan menjaga sebarang penguncupan dalam pasaran. Semua elemen ini akan menentukan kemampuan program TUKAR dan ATOM.

Penekanan baharu akan tertumpu kepada memberi kesedaran dan pendidikan tentang program TUKAR supaya para peruncit memahami semua syarat dan peraturannya. Usaha-usaha memberi kesedaran dan pemahaman juga ditumpukan kepada usahawan muda yang menyertai program TUKAR.

Bagi meningkatkan pemasaran runcit berasaskan Internet, inisiatif di bawah EPP7 ini akan tertumpu kepada memperluas asas penjual semasa berdasarkan Gedung Maya sedia ada.

Satu lagi rancangan yang akan dilaksanakan tidak lama lagi ialah

penggabungan Unified Malaysia Sales dengan Malaysian Mega Sale oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MoTAC), yang bertujuan untuk memberi impak yang lebih besar kepada sektor peruncitan. Memandangkan pasaran runcit kita semakin bertambah kepelbagaiannya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan akan berganding bahu dengan MoTAC untuk memberi nilai tambah pemasaran bagi menyatukan acara jualan.

Pusat Beli Belah 1Malaysia di bawah EPP6 dan EPP8, bertujuan membantu syarikat perniagaan tempatan membeli saham dalam syarikat peruncitan asing, kini tertangguh kerana keadaan ekonomi yang tidak kukuh dan nilai ringgit yang semakin lemah dan syarikat-syarikat tidak berminat untuk melabur dalam projek besar di luar negara. Tambahan lagi, pelaburan di luar negara akan menghadapi masalah sokongan dan bantuan daripada Kerajaan tempatan.

Di bawah EPP8, syarikat tempatan kurang berminat untuk membeli saham dalam syarikat asing. Sebaliknya, syarikat tempatan lebih gemar membuat

perjanjian pelesenan, yang kurang risiko dan kos pembiayaan yang lebih rendah. Sejak tahun 2011, hanya tiga jenama asing telah dibeli oleh syarikat tempatan – pembelian PT Tozy Sentosa dan Odel Plc oleh Kumpulan Parkson serta pembelian JECO Pte Ltd oleh Bonia – lantas mendorong kerajaan melakukan penilaian dan semakan semula dan seterusnya menghentikan usaha pemilikan saham syarikat asing.

Sektor pemborongan dan peruncitan bergerak ke tahun 2016 dengan penuh cabaran akibat ekonomi negara yang merosot. Penggunaan domestik dijangka tidak banyak meningkat kerana kos sara hidup yang semakin tinggi dan suasana mencabar dalam persekitaran perniagaan. Namun, Kerajaan akan tetap bekerjasama dengan industri pemborongan dan peruncitan dan kekal mencari penemuan baharu yang boleh mendorong pengguna untuk terus berbelanja dan membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara.

# MENGUTAMAKAN INSAN, BUMI DAN KEUNTUNGAN



**DATO' SRI AMAR  
DOUGLAS UGGAH EMBAS**

MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN  
DAN KOMODITI

Pada tahun 2015, kami telah meneruskan langkah-langkah strategik yang diperkenalkan untuk merangsang produktiviti bagi aktiviti hulu. Misi kami di sini adalah untuk mengukuhkan kuasa pendapatan sektor-sektor ini dengan mencipta pendapatan jangka panjang yang berulang-ulang untuk negara dan juga golongan 40 peratus peringkat terbawah yang terlibat dalam sektor-sektor ini.

Usaha membangunkan rantaian aktiviti-aktiviti hilir yang kukuh bersama-sama dengan bekalan hulu yang mampan akan mengukuhkan daya tahan sektor serta membantu menangkis kesan daripada pergolakan ekonomi semasa.

Kesemua langkah meningkatkan daya tahan dan pendapatan ini adalah bertujukan kelestarian demi memastikan matlamat keuntungan diimbangi kepentingan alam sekitar dan masyarakat.

Sejak Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Minyak Sawit dan Getah dilaksanakan, ia telah memainkan peranan penting dalam mengekalkan kelestarian

sektor hulu sambil pada masa yang sama melangkah dengan pantas untuk mengutamakan sektor hiliran. Dari segi fokus ekonomi, NKEA ini memastikan peralihan dari sektor hulu ke sektor hiliran berjalan lancar melalui pengagihan sumber secara strategik dan terancang.

“*Penyepaduan hiliran yang lebih teguh telah membantu sektor-sektor ini mengharungi fenomena turun naik harga minyak sawit yang berterusan dan harga getah asli yang rendah. Jika tidak, kedua-dua faktor ini pastinya menjadi penghalang besar dalam industri perladangan.*”

**N**KEA Minyak Sawit dan Getah bermatlamat untuk mencapai “*triple bottom line*” yang merangkumi tema Insan, Bumi dan Keuntungan (*People, Planet, Profit*). Ia menekankan keperluan untuk mengimbangi pertumbuhan dan kemampanan yang progresif dalam memastikan inisiatif-inisiatif yang bersifat mesra rakyat.

Walaupun berhadapan dengan cabaran yang berterusan dalam sektor minyak sawit dan getah, kedua-dua sektor ini terus mendorong untuk merungkai dimensi nilai melalui peningkatan usaha hiliran dan juga peningkatan produktiviti hulu.

Kebelakangan ini, harga minyak sawit dunia amat tidak stabil, dari paras kemuncaknya, iaitu kira-kira RM3,800 pada tahun 2011 hingga mencecah kira-kira RM1,800 pada bulan Ogos 2015 (Sumber: laman web BEPI). Tahun 2015 menyaksikan prestasi bercampur-campur industri minyak sawit Malaysia. Berbanding dengan tahun 2014, kawasan tanaman pokok kelapa sawit, pengeluaran minyak sawit mentah (CPO), import,

#### DALAM NKEA INI

- 1** **INSAN:** Mencipta Arus Pendapatan Berulang untuk Meningkatkan Taraf dan Kualiti Hidup Komuniti dan Pemain Industri Secara Keseluruhan
- 2** **BUMI:** Mencapai Kemampanan melalui Penyelesaian Inovatif dan Pelaburan Berkesan
- 3** **KEUNTUNGAN:** Mengutamakan Aktiviti Hiliran Memperbaiki Daya Tahan Sektor dan Mengekalkan Pertumbuhan

eksport, dan stok penutup semakin meningkat, sementara harga dan hasil eksport pula merosot. Harga purata CPO turun 9.6 peratus kepada RM2,153.50 berbanding dengan RM2,383.50 pada tahun 2014. Perubahan harga besar yang disebabkan oleh permintaan import yang lebih rendah mengakibatkan inventori yang lebih tinggi, mencapai kemuncak 2.7 juta MT pada bulan Ogos 2015 dan ditambah pula dengan tahap pengeluaran yang lebih tinggi.

Jumlah eksport produk sawit meningkat sedikit dari segi volum sebanyak 1.0 peratus kepada 25.33 juta MT tetapi menurun sebanyak 5.5 peratus dari segi hasil eksport pada tahun 2015. Pada tahun 2015, di kalangan tiga pengimport terbesar minyak sawit, China mencatat penurunan sebanyak 16.2 peratus dari 2.8 juta MT. Bagaimanapun, India dan Kesatuan Eropah mencatat peningkatan dari segi volum sebanyak 13.6 peratus dan 0.9 peratus masing-masing.

Harga getah asli, seperti juga minyak sawit, semakin menyusut ekoran kebimbangan terhadap kelembapan ekonomi dan permintaan yang lebih

rendah dari pasaran pengguna utama seperti China. Ini telah membawa kepada ciptaan getah khusus seperti getah asli *epoxidised* (Ekoprena) dan getah asli *deproteinised* (Pureprena) yang boleh digunakan untuk tayar mesra alam dan produk kejuruteraan berprestasi tinggi.

Inovasi dan insentif untuk bergerak ke arah sektor hiliran juga disaksikan dalam sektor minyak sawit. Produk tambah nilai termasuk derivatif oleo dan fitonutrien untuk makanan dan suplemen, diteruskan bagi tahun 2015. Langkah-langkah yang lebih teguh dalam mengintergrasikan sektor hiliran telah membantu sektor ini untuk menangani keadaan turun naik

harga minyak sawit dan harga getah asli yang rendah. Jika tidak kerana langkah-langkah seperti ini, kedua-dua faktor ini pastinya menjadi kekangan besar dalam industri perladangan ini.

Ini adalah salah satu langkah yang diambil oleh sektor minyak sawit dan juga getah dalam mempelbagaikan aktiviti-aktiviti masing-masing, mengukuhkan daya tahan dengan mengurangkan kebergantungan yang mendalam kepada pasaran komoditi. Anjakan tumpuan kepada sektor hiliran beserta dengan pelbagai inisiatif awam dan swasta yang telah diperkenalkan untuk melancarkan proses peralihan terus dibina atas asas 3P.

1

## INSAN: Mencipta Arus Pendapatan Berulang untuk Meningkatkan Taraf dan Kualiti Hidup Komuniti dan Pemain Industri Secara Keseluruhan

NKEA Minyak Sawit dan Getah melibatkan beberapa Projek Permulaan (EPP) yang merangkumi penanaman semula dan program penanaman baharu bagi pekebun-pekebun kecil, pembangunan fitonutrien baharu dan bernilai tinggi, dan usaha-usaha untuk meningkatkan produktiviti hulu.

Usaha-usaha sedang ditumpukan ke arah menyokong penanaman baharu dan penanaman semula pokok-pokok sawit dan getah bagi merencanakan semula pengeluaran sektor hulu.

Semenjak lima tahun yang lalu, sejumlah 97,421 hektar tanaman baharu atau tanaman semula pokok sawit oleh pekebun-pekebun kecil persendirian, atau 85 peratus daripada jumlah sasaran tahun 2020, iaitu 115,000 hektar.

Usaha ini yang dilaksanakan melalui EPP1: Mempercepatkan Penanaman

Semula dan Penanaman Baharu Kelapa Sawit, telah mencapai matlamat walaupun Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) hanya mempunyai 300 kakitangan lapangan untuk melaksanakan EPP ini. Proses-proses baharu telah diperkenalkan, seperti bekerjasama dengan Jabatan Pertanian Sarawak bagi membantu proses verifikasi tanah yang memberikan perbezaan ketara kepada pelaksanaan skim ini di Sarawak. Berdasarkan kaedah ini, MPOB kini berada di landasan yang tepat untuk mencapai sasaran asal tahun 2010 menanam 115,000 hektar walaupun berhadapan dengan cabaran besar seperti isu tanah, terutamanya di Sarawak.

Skim yang dipacu oleh kerajaan melalui EPP ini merupakan suatu inisiatif proaktif bagi mencapai pengeluaran optimum dengan menggantikan pokok

sawit tua yang berusia 25 tahun ke atas dengan pokok sawit muda yang akan memberikan hasil pengeluaran yang tinggi oleh pekebun dan pekebun kecil persendirian. Skim ini yang termasuk penanaman semula pokok sawit di tanah persendirian memastikan kelestarian bekalan komoditi kepada operator minyak sawit hiliran di dalam dan luar rantau ini.

Sebanyak RM1b telah diperuntukkan di bawah skim ini melalui RMK-10 dan akan diberikan kepada pemohon sehingga tahun 2017 apabila kelompok terakhir 2015 melengkapkan fasa tiga tahunnya. Bantuan kewangan akan disediakan untuk pembukaan tanah, bekalan anak benih berhasil tinggi dan penyenggaraan ladang selama dua tahun.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan aliran hasil pekebun-pekebun kecil dalam sektor sawit, usaha-usaha di bawah EPP1 akan diperluaskan untuk meliputi hasil luar dari penanaman sawit, iaitu melalui integrasi tanaman yang akan meliputi lebih daripada lapan jenis tanaman termasuk lada dan pisang, manakala integrasi ternakan akan melibatkan lembu dan kambing. Walaupun kedua-dua ini bukan konsep baharu, tetapi ia akan dijadikan KPI sektor sawit buat



Pekerja ladang sedang mengumpul Buah Tandan Segar (BTS) di ladang kelapa sawit

kali pertama. Tujuannya adalah untuk memberikan pekebun-pekebun kecil pendapatan awal dalam tiga tahun pertama penanaman semula/baharu sambil menunggu masa untuk pokok kelapa sawit menjadi matang.

Antara usaha-usaha di bawah EPP2: Meningkatkan Hasil Buah Tandan Segar adalah untuk mencipta kelompok pekebun-pekebun kecil persendirian, yang akan membolehkan mereka mencapai ekonomi skala sambil mengukuhkan kuasa tawar-menawar untuk hasil tanaman mereka dari segi harga.

Ini dicapai melalui koperasi, yang telah terbukti menjadi landasan yang cekap dalam meningkatkan kesedaran tentang kaedah pertanian dan teknologi penuaian yang lebih baik untuk meningkatkan hasil purata negara.

Semenjak NKEA ini dimulakan, sebanyak 30 koperasi dengan keahlian 29,000 pekebun-pekebun kecil telah ditubuhkan dengan bantuan MPOB dan ini telah membolehkan pekebun-pekebun kecil menikmati diskaun pukal bagi input pertanian dan menerima harga yang lebih baik bagi hasil mereka yang dijual ke kilang kelapa sawit. Lima belas daripada koperasi

ini sedang beroperasi di seluruh negara. Usaha yang berterusan di bawah EPP ini termasuk mengenal pasti inisiatif agar koperasi ini kekal relevan dan merangsang prestasi perniagaan. Jumlah BTS yang disasarkan dijual ke kilang oleh semua koperasi pada tahun 2015 ialah 26,800MT, dengan pencapaian 39,330.38MT (146.8 peratus). Sasaran lima koperasi baharu yang akan mula menjual BTS ke kilang pada tahun 2015 juga telah pun dicapai.

Bagi getah, sasaran EPP9.1: Memastikan Kemampanan Industri Utama Getah adalah untuk meningkatkan semula kawasan ladang getah yang semakin berkurangan di Malaysia bagi memastikan pengeluaran hulu boleh menyokong aktiviti-aktiviti hiliran domestik. Pada tahun 2000, jumlah kawasan ladang getah di Malaysia ialah 1.4 juta hektar yang menunjukkan kejatuhan ketara kepada 1.02 juta hektar pada tahun 2010.

EPP ini bertujuan mengekalkan kawasan tanaman pada 1.2 juta hektar, di mana satu juta hektar akan dituai. Dengan hasilnya yang dijangka mencapai 2,000kg/ha, Malaysia dijangka menghasilkan 2 juta tan metrik getah untuk menyokong

## MENGENAL PASTI ANAK BENIH SIHAT

Bagi merangsang produktiviti dan mengukuhkan hasil pekebun kecil, kit Suresawit telah diedarkan untuk membantu usaha menyaring klon berhasil rendah, agar sasaran pengeluaran dipenuhi.



aktiviti-aktiviti hulu domestik.

Kerajaan telah menggalakkan usaha penanaman semula dan penanaman baharu oleh pekebun-pekebun melalui agensi pelaksana seperti Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS), Jabatan Pertanian Sarawak (JPS), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA).

Pada tahun 2015, Kerajaan terus menyediakan geran untuk penanaman semula pokok-pokok yang tua dan tidak produktif oleh pekebun kecil. Bagi tempoh 2012-2015, jumlah peruntukan sebanyak RM830.5 juta telah disediakan untuk penanaman semula dan penanaman baharu di 196,891 hektar kawasan tanaman getah oleh pekebun kecil.

Di antara usaha-usaha sampingan di bawah EPP ini termasuk menggunakan klon yang memberikan hasil pengeluaran yang tinggi dalam program penanaman semula dan penanaman baharu, dengan potensi pengeluaran boleh ditingkatkan kepada 2,000kg setahun bagi setiap hektar, yang juga meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

2

## BUMI: Mencapai Kemampanan Melalui Penyelesaian Inovatif dan Pelaburan Berkesan



Sungkupan EFB untuk mengawal rumpai dan mencegah hakisan tanah

Pendekatan NKEA terhadap pembangunan sektor sawit dan getah asli adalah bersifat holistik berteraskan kemampanan.

Kelapa sawit yang ditanam secara bertanggungjawab bukan sahaja membantu memelihara bumi, ia juga menidakkan pelbagai dakwaan mengenai kerosakan kepada alam sekitar yang mengalih pandangan umum daripada mengenali kelebihan minyak sawit.

Pada masa ini, salah satu cabaran terbesar dalam segmen utama sektor ini ialah menggalakkan usaha ke arah kelestarian terutamanya di kalangan pekebun-pekebun kecil, di mana kebanyakan daripada mereka tidak mempunyai kemampuan dari segi kewangan untuk memenuhi kriteria pensijilan lestari. Permintaan yang semakin meningkat daripada pengguna minyak sawit utama seperti Unilever, P&G, Starbucks dan Dunkin Donuts

yang mahu memastikan kelestarian sumbernya menekankan kepentingan pensijilan Minyak Sawit Lestari yang Disahkan (CSPO).

Pada bulan Ogos 2015, RM53 juta telah diperuntukkan untuk membantu pekebun-pekebun kecil minyak sawit mendapatkan pensijilan Minyak Sawit Lestari yang Disahkan (MSPO) dalam tempoh lima tahun yang akan datang. MSPO ini memberikan pekebun-pekebun kecil peluang untuk sama-sama bersaing dalam pasaran minyak sawit yang sangat kompetitif di samping juga peluang untuk meningkatkan hasil.

Setakat ini, usaha-usaha di bawah EPP2: Meningkatkan Hasil Buah Tandan Segar telah membuahkan hasil melalui penambahan pensijilan 5.6 juta hektar tanah ladang kelapa sawit di Malaysia, di mana lebih kurang 1.4 juta hektar daripada tanah ladang yang dimiliki oleh kebun-kebun pekebun kecil dan syarikat

perladangan telah diberikan pensijilan. Pada tahun 2015 sahaja, 486,775 hektar telah diperakui berbanding sasaran 220,000 hektar, mencatat pencapaian sebanyak 194.7 peratus.

Salah satu hasil sampingan pengeluaran minyak sawit ialah gas Metana dan EPP5: Membangunkan Kemudahan Biogas di Kilang Minyak Sawit menyasarkan penggunaan gas sebagai sumber tenaga alternatif yang berpotensi mencipta RM3.3 bilion hasil tahunan secara berterusan (dengan andaian bioCNG bernilai RM40/MMBTU (satu juta British Thermal Unit) dan menjanakan lebih kurang 2,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Kumbahan kilang minyak sawit (POME) merupakan sisa yang dihasilkan daripada proses pensterilan, proses penjernihan minyak mentah dan proses pemisahan campuran rekah. POME menghasilkan gas metana dalam jumlah yang banyak daripada proses anaerob dan mempunyai 21 kali Potensi Pemanasan Global (GWP) berbanding gas-gas lain. Bagaimanapun, masalah ini ada penyelesaiannya.

Hasil sampingan ini boleh digunakan sebagai bahan api untuk penjana kuasa dan penjana bersama dan ini memberikan peluang tambah nilai dengan menggunakan metana sebagai sumber yang besar tenaga boleh diperbaharu. Ini berpotensi mencipta aliran hasil yang berdaya maju bagi kilang-kilang melalui penghasilan tenaga dan pada masa yang sama mengatasi kebimbangan mengenai alam sekitar dan pengawalseliaan.

Biogas termampat akan membolehkan pemilik kilang untuk menjana keuntungan kerana setiap aliran biogas tunggal akan diukur dan diskalakan mengikut harga pada dasar MMBTU. Pengguna akhir Gas Asli bio-Termampat (bioCNG) bukan sahaja menerima manfaat dari segi kos tetapi apabila dibandingkan dengan bahan api seperti diesel, minyak bahan api sederhana, minyak bahan api ringan dan petroleum gas cecair, boleh juga memanfaatkan pelabelan kelestarian bahan api mesra alam apabila memasarkan produk di luar negara.

Sasaran asal dalam tahun 2020 di bawah EPP5 ialah untuk mencapai

jumlah 500 buah kilang dengan kemudahan biogas. Bagaimanapun, berikutan ujian kebolehlaksanaan, apa yang didapati ialah ia tidak boleh dicapai kerana cabaran-cabaran struktur dan perlunya skim insentif yang tepat untuk menggalakkan kilang memikul inisiatif ini. Ekoran daripada penemuan ini, metodologi yang berstruktur telah dilaksanakan di antara MPOB-TNB yang mana pelbagai tindakan berbeza akan disesuaikan dari setiap langkah pelaksanaannya bergantung kepada kapasiti, kemajuan dan lokasi geografinya. Pengaturan langkah untuk bertindak ini termasuk membina kemudahan biogas, menyambungkan kilang-kilang dengan kemudahan biogas sedia ada ke grid, membina kilang Bio-CNG perintis, menggunakan gas untuk penggunaan dalaman, *biogas avoidance*, dengan *trapping* dan *flaring* sebagai pilihan yang minimum.

Sehingga penghujung tahun 2015, sejumlah 83 kemudahan biogas telah dibina, sembilan sedang dalam

pembinaan dan 145 masih di peringkat perancangan.

Pada bulan Oktober 2015, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) Datuk Amar Douglas Uggah Embas telah merasmikan pelancaran loji pengeluaran komersil Gas Asli Bio-Termampat (Bio-CNG) yang pertama di dunia di kilang minyak sawit FELDA Sungai Tengi di Selangor – satu usahasama di antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Felda Palm Industries Sdn Bhd dan Sime Darby Offshore Engineering Sdn Bhd. Loji komersil Bio-CNG ini dijangka akan menghasilkan 80,000m<sup>3</sup>/tahun CNG untuk pengguna industri dan beberapa perjanjian *off-take* telahpun ditandatangani.

Pembangunan dan promosi biogas sebagai sumber bahan api alternatif juga akan diberikan penekanan dalam usaha untuk maju ke hadapan. Ini termasuklah usaha untuk memudahkan sambungan ke grid kuasa. Ini akan dilakukan dengan menyasarkan kilang-kilang berdasarkan kriteria dan keutamaan.

Bagi sektor getah asli, inisiatif di bawah EPP11.1: Mengkomersilkan Ekoprena dan Pureprena sedang dalam proses anjakan di kalangan konsumen daripada getah sintetik kepada getah asli boleh diperbaharu. Anjakan ini membayangkan potensi komersil yang perlu direbut peluangnya.

Penekanan kepada kelestarian telah mendorong Malaysia untuk merebut peluang yang terungklai dengan kewujudan lebih ramai konsumen yang menitikberatkan alam sekitar di mana mereka ini mula memilih untuk menggunakan bahan-bahan asli dan boleh diperbaharu berbanding bahan sintetik. Antara peluang ini ialah perintisan pembangunan getah mesra alam khusus Ekoprena (*epoxidised natural rubber*) dan Pureprena (*deprotenised natural rubber*) yang boleh digunakan dalam tayar mesra alam dan produk kejuruteraan berprestasi tinggi.

Walaupun Ekoprena telah dibangunkan beberapa tahun dahulu, pengkomersilannya masih belum mencapai tahap kejayaan yang besar.



Loji biogas perintis milik Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) yang mampu membekalkan gas termampat kepada entiti komersil telah memulakan operasinya di kilang Sungai Tengi, pada suku keempat tahun 2015. Kilang ini menjadi perintis bagi pemasangan kemudahan bioCNG skala komersil. BioCNG merupakan alternatif yang lebih berdaya maju dan menguntungkan berbanding menyalurkan tenaga elektrik yang diubah daripada metana ke grid nasional, yang terbukti mendatangkan cabaran kepada kilang-kilang yang terletak jauh dari stesen janakuasa

Bagi mempercepatkan proses pengkomersilan, pada peringkat awal, ujian bersama di antara pihak sektor swasta dan awam akan dijalankan, dengan Lembaga Getah Malaysia bertindak sebagai fasilitator. Tujuan ujian ini adalah untuk memastikan data yang mencukupi dikumpul yang kemudiannya boleh diterjemahkan menjadi usul bernilai kukuh untuk produk ini. Aktiviti kajian bersama ini akan merangkumi produk-produk seperti tayar, tayar celup, tapak kasut untuk but, alat-alat ganti kereta, hos industri dan produk bukan automatif yang lain.

Antara usaha-usaha yang telah dimulakan pada tahun 2014 ialah memulakan projek kajian dengan

Prasarana Bhd untuk menguji tayar Ekoprena pada bas-bas RapidKL di Lembah Klang.

Pada bulan Ogos 2015, Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana) telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Lembaga Getah Malaysia (LGM) untuk menggunakan tayar Ekoprena pada bas-bas RapidKL dalam projek kajian bernilai RM1.7 juta, yang dibiayai oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Tayar Ekoprena akan digunakan pada bas-bas yang berulang-alik di enam kawasan laluan di Lembah Klang. Dalam fasa pertama, tayar ini akan dipasang pada 10 bas, dalam fasa kedua – 30 bas, dan fasa akhir – 80 bas. Lapan ratus unit tayar Ekoprena akan

digunakan untuk projek ini. Berikutan projek kajian dengan Prasarana Bhd untuk menguji tayar Ekoprena; 10 bas RapidKL di laluan Cheras Selatan telah mula menggunakan tayar-tayar ini sejak bulan Ogos 2015.

Felda juga bercadang untuk menggunakannya untuk angkatan pengangkutan dari bulan Januari 2016. Untuk ujian komersil dengan Felda Transport Services Sdn Bhd (FTSB), 16 kenderaan akan digunakan untuk sejumlah empat ujian yang meliputi kawasan Pahang dan Johor.

Terdapat juga hasrat untuk mempromosi Ekoprena melalui cara kreatif yang lain seperti kerjasama dengan pembuat kereta terkemuka atau melalui platform penajaan.

### 3

## KEUNTUNGAN: Aktiviti Hiliran Memperbaiki Daya Tahan Sektor dan Mengekalkan Pertumbuhan



Kajian pemprosesan hiliran semakin diperhebatkan di Malaysia sejak pelancaran ETP

Sektor minyak sawit dan getah Malaysia sedang berusaha untuk merealisasikan potensi penuh peluang huluhan sedia ada. Masa depan sektor-sektor ini bergantung kepada pengukuhan aktiviti-aktiviti hiliran, yang akan mengurangkan kegoyahan sektor ini kepada keadaan pasaran yang tidak menentu dan turun naik harga.

Pengeluaran hiliran memberikan aliran hasil per unit yang lebih menguntungkan, lebih kurang 50 peratus lebih tinggi berbanding keluaran dari sektor huluhan. Tindakan mengutamakan sektor hiliran adalah sebahagian daripada Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) dari tahun 2016 hingga 2020, susulan daripada Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Semasa RMKe-10, geran bernilai RM504 juta telah diperuntukkan bagi sektor hiliran, dengan pelaburan bernilai RM3.16b oleh pemain minyak sawit tempatan dalam pengeluaran kimia oleo bernilai tinggi dan fitonutrien berasaskan sawit. Di bawah RMK-11, peruntukan sebanyak RM280 juta telah disediakan untuk meneruskan inisiatif ini.



Dari makmal ke arah pengkomersilan, pemrosesan hiliran memerlukan input modal yang signifikan. Seterusnya, geran pengkomersilan EPP8 disediakan bagi sektor swasta untuk mempromosikan lebih banyak usaha aktiviti hiliran

Usaha-usaha di bawah NKEA untuk mempromosi hiliran diwakili dua Projek Permulaan (EPP):

Pertamanya, pembangunan Derivatif Oleo, usaha-usaha di bawah EPP6: Membangunkan Derivatif Oleo Kimia dan Bahan Kimia Berasaskan Bio Bernilai Tinggi telah mencipta kejayaan dalam memacu aktiviti hiliran bernilai tinggi yang diteruskan sepanjang tahun 2015. Sokongan kepada industri yang diberikan dalam bentuk geran oleh Kerajaan serta pelaburan oleh syarikat-syarikat perladangan sendiri telah mendorong inovasi mempelbagaian berterusan dan meluaskan nilai tambahan dalam aktiviti-aktiviti hiliran bernilai tinggi ini.

Pelaburan bernilai RM2.5 bilion telah diperuntukkan oleh penerima geran EPP6, di mana 55 peratus daripada nilai tersebut terlaksana setakat ini.

Pada tahun 2015, Lipidchem Sdn Bhd menjadi syarikat IKS pertama untuk menerima geran daripada dana. Membangunkan NKEA POR EPP6: Derivatif Oleo. Syarikat ini akan membuka loji di Masai, Johor untuk menghasilkan serbuk trigliserida rantai sederhana (MCT) dan serbuk asid stearik, yang digunakan dalam makanan fungsian, suplemen dan produk farmaseutikal. Proses yang dijalankan akan mematuhi Amalan Pengilangan Baik Terkini (CGMP), yang akan membolehkan ia dieksport ke lebih banyak negara yang mempunyai peraturan yang lebih ketat seperti Eropah dan Jepun.

Bagi merangsang aktiviti-aktiviti dalam segmen hiliran bagi makanan berasaskan sawit dan produk kesihatan, kerajaan telah memperuntukkan geran bernilai RM 157.2 juta di bawah EPP8:

Mempercepatkan Pertumbuhan Produk Makanan dan Kesihatan dalam Segmen Sampingan. Setakat ini, pelaburan bernilai RM179 juta, iaitu 23 peratus daripada jumlah pelaburan RM789 juta telah dibawa masuk.

EPP8 mempunyai fokus dua serampang, iaitu menggalakkan projek pengkomersilan di samping pada masa yang sama, menyediakan sokongan untuk kerja-kerja R&D dengan menyediakan geran untuk ujian klinikal. Bahagian pengkomersilan membolehkan fitonutrien berasaskan sawit dikomersilkan dengan menyediakan sokongan kewangan bagi pemerolehan teknologi dan pembinaan loji.

Penerima geran pengkomersilan EPP8 yang berjaya termasuk Carotino, yang menyiapkan pembinaan kilangnya di Pasir Gudang, Johor pada awal tahun 2013 dan sejak itu mula mengkomersilkan produk-produknya, karotena dan tokotrienol.

Di samping itu, 11 daripada 14 projek ujian klinikal sedang berjalan dan berada di peringkat analisis. Antara projek-projek pada tahun 2015 yang diluluskan adalah termasuk kajian tentang Degenerasi Makular Berkaitan Umur yang akan dijalankan di Sekolah Perubatan Harvard, dan kajian siasatan kesan tokotrienol bercampur yang akan dijalankan di Universiti Sains Malaysia (USM). Pada akhir tahun 2015, geran yang dibelanjakan ialah 36.5 peratus daripada RM52 juta jumlah keseluruhan yang diperuntukkan.

Dorongan membangunkan produk nilai tambahan sampingan dalam sektor getah merupakan usaha di bawah EPP9.2: Meningkatkan Ekuiti dalam Pasaran Sarung Tangan Getah Dunia kepada 65 Peratus Menjelang Tahun 2020. Antara usaha utama ialah menskalakan sektor pasaran Malaysia berbanding pasaran

global kepada 65 peratus menjelang 2020, dengan memastikan kadar pertumbuhan tahunan 13 peratus bagi mempertahankan dominasi sebagai peneraju dunia pengeluar sarung tangan getah.

Malaysia sebagai pusat pengeluar sarung tangan getah terbesar dunia maka yang secara kolektifnya industri ini menjadi majikan utama dan penjana hasil negara.

Ringgit telah menyusut nilai sebanyak 22.8 peratus pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 atas asas tahunan, menyumbang secara positif terhadap hasil dan keuntungan yang semakin meningkat bagi syarikat-syarikat yang mengeksport produk lateks. Jumlah hasil eksport produk Malaysia, yang mana sarung tangan lateks menjadi penyumbang utama, mencatat RM14.5 bilion bagi tahun tersebut, mengatasi sasaran tahunan berjumlah RM13 bilion.

**“ Bagi merangsang aktiviti-aktiviti dalam segmen hiliran makanan berasaskan minyak sawit dan produk-produk kesihatan, kerajaan telah memperuntukkan geran bernilai RM157.2 juta di bawah EPP8: Mempercepatkan Pertumbuhan Produk Makanan dan Kesihatan dalam Segmen Sampingan. Sehingga kini, ia telah membawa masuk pelaburan tercapai bernilai RM179 juta, iaitu 23 peratus daripada jumlah pelaburan bernilai RM789 juta.**

## KELEBIHAN TOKOTRIENOL



Minyak sawit juga merupakan salah satu daripada sumber asli tokotrienol yang mengandungi sifat unik perlindungan neuro yang paling banyak. Ia juga salah satu sumber terkaya karotenoid asli, yang ditukar menjadi vitamin A di dalam badan kita. Nutrien-nutrien lain adalah termasuk fenolik, fitosterol, skualena sawit dan Coenzyme Q.

Semakin banyak kajian yang telah menunjukkan peranan tokotrienol minyak sawit yang dihasilkan secara semula jadi dalam memelihara

sel otak ketika serangan strok. Tokotrienol adalah antioksidan. Dalam kes strok iskemik, tokotrienol memelihara neuron daripada kematian melalui modulasi isyarat kimia, menghasilkan perbezaan ketara dari segi kesan dan proses pemulihan.

Penemuan ini telah memperhebatkan usaha pengkomersilan terutamanya dalam membangunkan produk nutraseutikal bernilai tinggi di samping juga memperkuat produk sedia ada dengan nutrien terbitan minyak sawit.

Setakat ini, usaha untuk mencipta kesedaran secara meluas mengenai tokotrienol dan manfaat farmaseutikal dan nutraseutikal yang signifikan sedang dilaksanakan bagi memecah halangan persepsi yang dicipta pengkritik minyak sawit. Semakin banyak kajian telah diterbitkan tentang kelebihan mengambil tokotrienol, antaranya ialah sifat-sifatnya yang melindungi kulit sifat-sifat antipenuaan, kemampuan anti-kanser dan anti-diabetes, kepada memelihara hati dan kecederaan disebabkan ubat.



## TINJAUAN MASA HADAPAN

**M**eskipun dengan unjuran kedatangan fenomena El Nino dan pengurangan dalam simpanan stok, industri sawit tempatan masih bersifat yakin.

Dato' Sri Amar Douglas Uggah Embas Menteri MPIC, berpendapat bahawa Malaysia harus memiliki mekanisme yang lebih berkesan untuk mengurangkan simpanan stok dalam negara, iaitu sesuatu yang berada dalam kawalannya sendiri. Mekanisme yang terbaik bagi mencapainya terletak pada inisiatif NKEA sawit melalui mempelbagaian hiliran.

Bagi sektor getah, Lembaga Getah Malaysia berkeyakinan bahawa harga getah akan menunjukkan peningkatan berterusan berlatarbelakangkan permintaan yang bertambah untuk

tayar dari Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah. Pempelbagaian aktiviti-aktiviti dalam industri juga semakin banyak, seperti peralihan daripada pembuatan produk getah seperti sarung tangan kepada pengeluaran Ekoprena dan Pureprena.

Perencanaan masa hadapan akan terus menyaksikan inisiatif-inisiatif di bawah NKEA ini terus tertumpu kepada Insan, Bumi dan Keuntungan.

Zon penanaman Ripirian (gambar, kiri sungai) adalah penting untuk memulihara ekosistem air tawar dan menyediakan habitat untuk haiwan darat

# AMALAN BERKOPERASI UNTUK MENJANA PENDAPATAN TINGGI



**Haji Sharif Azib**  
Pengerusi,  
Koperasi Penanam Sawit  
Mampan Termeloh (KPSMT)

“*Orang ramai perlu melihat bahawa kami tidak sama dengan koperasi yang ditubuhkan sebelum ini dan saya percaya kami sedang menempa kemajuan kerana ada di kalangan bukan ahli yang datang menjual hasil mereka di pusat pengumpulan kelapa sawit kami.*”

Cabaran paling besar bagi Haji Sharif Azib adalah untuk membuktikan kepada pekebun-pekebun kecil di Termeloh bahawa menggembeng tenaga melalui tindakan bersama dalam sebuah koperasi berpotensi besar untuk meningkatkan pendapatan, jika dibandingkan bekerja secara sendiri.

Pengerusi Koperasi Penanam Sawit Mampan Termeloh (KPSMT) yang berusia 57 tahun ini menghadapi bukan calang-calang cabaran untuk memenangi hati pekebun-pekebun kecil yang banyak kali dikecewakan oleh kegagalan beberapa koperasi sebelum ini. Walaupun begitu, beliau tidak begitu bimbang kerana yakin bahawa kejayaan yang bakal dikecapi oleh KPSMT akan melenyapkan kekhawatiran mereka mengenai keberkesanan koperasi.

KPSMT yang telah ditubuhkan pada bulan September 2011 dibuka kepada semua pekebun kecil yang memiliki ladang sawit seluas 100 ekar dan kurang daripada itu di daerah Termeloh.

Ia mempunyai 64 ahli yang memiliki keluasan ladang berjumlah 400 ekar.

“Jumlah keahlian kami tidaklah begitu besar tetapi mereka ini semua amat berdedikasi dan yakin mereka boleh mengubah keadaan,” kata Haji Sharif, yang juga menekankan bahawa ketelusan dan pengurusan yang berkesan adalah amat penting semasa menjalankan koperasi.

“Kami perlu membuktikan bahawa kami tidak sama dengan koperasi yang ditubuhkan sebelum ini dan saya percaya kami sedang menempa kemajuan kerana ada di kalangan bukan ahli yang datang menjual hasil mereka di pusat pengumpulan kelapa sawit kami.”

Beliau menegaskan bahawa pusat pengumpulan koperasi KPSMT bukan sahaja membolehkan pekebun-pekebun kecil menjimatkan kos pengangkutan ke kilang tetapi pusat ini juga membeli hasil mereka mengikut harga pasaran. “Berbanding dengan pusat pengumpulan bebas yang lain, kami hanya mengambil keuntungan koperasi sebanyak 18

peratus, yang akan disalurkan semula kepada ahli-ahli dalam bentuk dividen dan insentif. Kami juga memastikan kesemuanya dilakukan secara terbuka, bersih serta telus.

KPSMT juga menggalakkan pekebun-pekebun kecil untuk menggunakan pakai kaedah pertanian yang lebih baik dan memanfaatkan teknologi penuaian untuk meningkatkan hasil dan menghasilkan buah tandan segar yang lebih berkualiti dengan kadar pengekstrakan minyak sawit mentah yang lebih tinggi. Menurut Haji Sharif, tidak seperti koperasi lain yang telah bertapak lebih lama dengan keahlian yang terdiri daripada mereka yang lebih berumur, KPSMT cuba menarik pekebun-pekebun kecil yang terdiri daripada anak-anak muda yang lebih terbuka kepada idea baharu dalam pertanian dan pengurusan.

“Selain daripada pelibatan anak-anak muda ini, kami juga diselia oleh MPOB yang memberi nasihat tentang kaedah yang terbaik,” tambah beliau.

# KE ARAH MENJANA HASIL YANG LEBIH LUMAYAN



Lia Ah Kau  
Pekebun Kecil

“*Ia mungkin memakan masa yang lebih lama untuk menanam semula tanpa bantuan ini, dan kos kepada kami mungkin mencecah lebih RM7,500 bagi setiap hektar yang merangkumi anak benih, baja, racun perosak, sewa traktor dan upah buruh.*”

Lia Ah Kau 39, mungkin terpaksa menabung lebih dari dua tahun sebelum pokok sawitnya yang berusia 40 tahun boleh diganti dengan pokok baharu jika tidak kerana bantuan kerajaan, yang memperuntukkan benih berprestasi tinggi dan bantuan kewangan untuk penebangan pokok sawit tua dan menanam semula pokok sawit.

Bantuan ini adalah sebahagian daripada skim Kerajaan di bawah EPP1 yang menggalakkan penggantian pokok sawit tua yang berusia 25 tahun ke atas dengan pokok berprestasi tinggi oleh peladang dan pekebun-pekebun kecil untuk memastikan bekalan yang mampan bagi komoditi ini kepada operator sawit hiliran di dalam negeri dan di luar kawasan serantau.

Setahun telah pun berlalu sejak penanaman semula dibuat dan dia harus menunggu setahun lagi sebelum boleh menikmati hasil 30 peratus lebih tinggi berbanding sebelum ini.

“Ia mungkin memakan masa yang lebih lama untuk menanam semula tanpa bantuan ini, dan kos kepada kami mungkin mencecah lebih RM7,500 bagi setiap hektar yang merangkumi anak benih, baja, racun perosak, sewa traktor dan upah buruh,” tegas Lia yang memiliki seluas 20 hektar ladang kelapa sawit.

Katanya, hasil pokok sawit tua lebih rendah dan kerana pokok-pokok ini lebih tinggi berbanding pokok sawit muda, menuai menjadi masalah. “Kami memerlukan penuai yang berkemahiran dan tidak ramai penuai seperti ini boleh ditemui sekarang.”

Beliau juga menyatakan bahawa bantuan kerajaan telah membolehkan dia menggunakan jentera untuk menebang pokok dan membersihkan kawasan dan seterusnya menanam semula. Ia mengambil masa hanya sebulan untuk dua ladang seluas 10 hektar setiap satu. Tanpa menggunakan jentera, kerja-kerja yang intensif buruh ini mungkin akan mengambil masa setahun sebelum ia boleh disiapkan.

Di kalangan adik beradiknya, hanya Lia yang sanggup mengusahakan ladang

bapa mereka. “Memang banyak cabaran yang perlu diharungi dan adik beradik saya lebih selesa bekerja di bandar.”

Disebabkan oleh permintaan yang tinggi untuk minyak sawit, pekerjaan ini mendatangkan pendapatan yang agak lumayan, kata Lia. Bagaimanapun, dia bimbang dengan kesanggupan anak-anaknya untuk mengusahakan ladang ini. “Walaupun dengan bantuan dan galakan kerajaan, ia bukanlah pekerjaan yang menjadi pilihan anak-anak muda.”

Menurutnya, cabaran paling besar yang dihadapi oleh pemilik ladang, baik yang kecil mahupun yang besar, ialah mendapatkan pekerja yang berkemahiran, terutamanya penuai buah sawit. “Menuai ialah kerja yang memerlukan kemahiran tinggi. Kamu mesti pandai menuai tanpa merosakkan buah sawit. Tenaga buruh muda tempatan tidak berminat mempelajari kemahiran ini kerana mereka lebih suka berhijrah ke bandar besar untuk mencari pekerjaan lain.”

“Orang banyak menyangka bekerja di ladang kelapa sawit ini susah; tidak susah sebenarnya kerana saya selalunya bekerja selama setengah hari sahaja dengan pulangan yang boleh tahan juga. Orang muda memang sukakan bandar besar kerana lebih banyak hiburan di sana. Waktu malam di Termeloh memang sunyi tanpa daya tarikan yang menarik.”

# DAYA TAHAN PELANCONGAN SANDARAN KEKUATAN



**DATO' SERI MOHAMED  
NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tahun 2015 merupakan Tahun Festival Malaysia, dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) telah bekerjasama dengan rakan kongsinya untuk menyusun jadual yang dipenuhi temasya untuk meraikan penawaran pelancongan yang unik dan pelbagai di Malaysia. Tahun 2015 turut menyaksikan Malaysia terus mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa dalam sektor pelancongan dengan pelbagai anugerah industri diterima, seperti Destinasi Golf Terbaik di Asia buat tahun kedua berturut-turut oleh Anugerah Golf Dunia 2015, 10 Destinasi Makanan Terunggul di Dunia oleh CNN, dan Georgetown di Pulau Pinang sebagai salah satu daripada 10 Destinasi Pelancongan Terbaik bagi tahun 2016 dalam Lonely Planet.

Sekalipun berhadapan dengan pelbagai cabaran, Pelancongan kekal sebagai sektor yang berdaya tahan, dan saya tetap berkeyakinan teguh bahawa pelancongan merupakan salah satu tunjang ekonomi yang dapat membantu pemulihan ekonomi Malaysia. Kami akan memanfaatkan peluang ini untuk

mempromosikan pelancongan yang mampu dinikmati bukan sahaja kepada pelancong antarabangsa tetapi juga kepada rakyat Malaysia.

Inisiatif di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan juga Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia (MTTP) adalah penting dalam memacu negara kita ke arah sasaran yang tinggi untuk mencapai 36 juta pelancong dan RM168 bilion perolehan pelancongan menjelang tahun 2020. Memandangkan kita kini berada di pertengahan perjalanan program ini, inilah masa yang tepat bukan sekadar untuk mengkaji semula malah memantapkan pelaksanaan sesetengah inisiatif yang sedia ada, dan pada masa yang sama merangkumkan sebarang idea baharu dan unsur yang berpotensi mengubah landskap industri. Dengan usaha yang berterusan ini, saya yakin sektor pelancongan akan terus mencapai tahap kejayaan baharu pada masa hadapan.

“*Sekalipun berhadapan dengan pelbagai cabaran, Pelancongan kekal sebagai sektor yang berdaya tahan, dan ia merupakan salah satu tunjang ekonomi yang dapat membantu pemulihan ekonomi Malaysia.*”

**P**elancongan merupakan sektor ekonomi yang utama di Malaysia dan kekal penting dalam transformasi ekonomi negara. Sungguhpun berhadapan dengan cabaran ekonomi global dan juga cabaran sektor pelancongan, sektor pelancongan telah meningkatkan kedudukannya daripada tangga kelima pada tahun 2014 kepada tangga ketiga tertinggi dalam Pendapatan Negara Kasar (PNK) pada tahun 2015. Dari segi perolehan pelancong, penurunan sebanyak 4.0 peratus daripada RM 72 bilion kepada RM69.1 bilion pada tahun 2015 telah dicatatkan. Ketibaan pelancong juga mencatatkan penurunan sebanyak 6.3 peratus daripada 27.4 juta pada tahun 2014 kepada 25.7 juta pada tahun 2015. Penurunan dalam ketibaan dan penerimaan pelancong adalah berpunca daripada kelembapan ekonomi dunia dan cabaran seperti banjir terburuk dalam 30 tahun yang menjejaskan beberapa negeri di Malaysia pada awal 2015 dan gempa bumi di Ranau, Sabah pada Jun 2015, amaran perjalanan ke kawasan Tenggara Pantai Sabah serta kesan lanjutan

#### DALAM NKEA INI

- 1 Pelancongan di Malaysia Berkembang Melalui Usaha dan Kerjasama Sektor Swasta
- 2 Perkembangan Industri Pelancongan Disokong oleh Inisiatif Strategik Kerajaan

daripada peristiwa MH370 dan MH17. Daya saing Malaysia sebagai destinasi pelancongan terkemuka di rantau ini diiktiraf melalui pelbagai anugerah yang diterima pada tahun 2015, dengan majalah perjalanan dan barangan mewah yang terkenal di India, iaitu ‘Travel + Leisure’, menobatkan Malaysia sebagai “Best International Destination – Food and Drinks 2014” pada April 2015. Daya tarikan negara kita sebagai syurga beli-belah terus meningkat, dan Malaysia meraih kedudukan sebagai bandar beli-belah yang kedua paling popular di dunia untuk pelancong beragama Islam oleh Muslim Travel Shopping Index (MTSI) 2015.

Malaysia menjadi negara Asia pertama dalam sejarah yang memenangi Destinasi Golf Terbaik di Asia selama dua tahun berturut-turut di Anugerah Golf Dunia. Negara kita juga terus menambah momentum dalam kategori yang penting dan menguntungkan, iaitu Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE), dengan meningkat lima anak tangga ke kedudukan ke-30 di dunia dalam ranking Persatuan Kongres dan Konvensyen Antarabangsa 2015 (International Congress and Convention Association, ICCA) bagi keseluruhan tahun 2014.

Walaupun banyak kerosakan berlaku disebabkan oleh banjir pada akhir tahun

2014 dan gempa bumi dahsyat yang melanda Sabah pada Jun 2015, sejumlah 755,399 pelawat dilaporkan telah mengunjungi lokasi Hab Biodiversiti Mega Malaysia (MMBH) pada tahun 2015. Pencapaian ini memang sewajarnya diberikan pujian, memandangkan pembaikan dan pemulihan sepenuhnya infrastruktur di lokasi yang terlibat belum lagi selesai, terutama sekali di Taman Kinabalu di mana hanya sebahagian daripada treknya dibuka semula pada September 2015.

Industri pelancongan kekal berdaya tahan dengan perkembangan yang ketara terutamanya oleh sektor swasta.

Salah satu kemuncak pencapaian yang membanggakan ini ialah pembukaan pusat ruang perniagaan jenama premium terbesar di Asia Tenggara pada Mei 2015, iaitu Mitsui Outlet Park KLIA Sepang yang menempatkan 127 premis. Pusat ruang perniagaan ini berjaya menarik lebih 1 juta pengunjung sejak dibuka hingga akhir tahun 2015. Tidak diragui lagi, Malaysia terus bersedia untuk mengenal pasti inisiatif dan penambahbaikan selanjutnya, dalam usahanya untuk mengekalkan keunggulannya dalam persaingan industri ini, mengatasi negara lain terutamanya dalam kalangan pesaing serantau.

## 1 Pelancongan di Malaysia Berkembang Melalui Usaha dan Kerjasama Sektor Swasta



Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, YB Dato' Seri Mohamed Nazri memberi ucapan di majlis Anugerah Pelancongan Malaysia ke-19 2014/2015 yang diadakan untuk meraikan industri dan rakan media terhadap usaha mereka sepanjang tahun 2014 dan 2015 dalam mempertingkatkan imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di dunia

Perbelanjaan pelancong dalam aktiviti beli-belah meraih momentum pada tahun 2015, dengan jumlah perbelanjaan bagi aktiviti beli-belah meningkat 0.2 peratus kepada RM 21.63 juta dan aktiviti beli-belah merupakan 31.3 peratus daripada jumlah perbelanjaan pelancong di Malaysia. Sekretariat Beli-belah Malaysia (Shopping Secretariat Malaysia, SSM) turut mempertingkatkan usaha untuk menjalinkan hubungan dengan industri peruncitan dan mengadakan beberapa sesi interaksi pada tahun itu. Kerajaan menggalakkan perkongsian pintar melalui kerjasama dengan pelbagai peserta sektor swasta, termasuk gedung beli-belah, persatuan beli-belah dan peruncit.

Pusat ruang perniagaan untuk item premium terus meningkat dari segi populariti. Malaysia menjadi negara pertama yang membuka ruang perniagaan Mitsui di luar Jepun pada tahun 2015 dan menjadi tuan rumah kepada ruang perniagaan Mitsui yang terbesar setakat ini. Mitsui Outlet Park KLIA Sepang (MOP KLIA) adalah unik kerana ia menawarkan kemudahan yang khusus buat pengembara transit, seperti bas ulang-alik percuma ke KLIA dan KLIA2, kemudahan penyimpanan bagasi dan papan maklumat penerbangan. MOP KLIA ini juga dilengkapi sepenuhnya



Quantum of the Seas semasa panggilan sulungnya pada 14 Jun 2015 bersama dua panggilan pelayaran serentak lain di Boustead Cruise Center (BCC), Pelabuhan Klang. Kapal Royal Caribbean antarabangsa menjadi kapal persiaran terbesar untuk singgah di mana-mana pelabuhan Malaysia, berlabuh di kedua-dua BCC dan Jeti Swettenham, Pulau Pinang pada 2015

penyaman udara setelah mengambil kira keadaan iklim di Malaysia. Lokasi yang strategik dan perkhidmatan yang difikirkan dengan teliti itu sememangnya berjaya menarik minat pembeli, seperti yang dapat dilihat melalui bilangan kunjungan yang menggalakkan serta angka jualan yang melangkaui jangkaan.

Pada tahun 2016, SSM akan berusaha memastikan inisiatifnya di luar negara menghasilkan Pulangan Pelaburan (Return on Investment, ROI) yang disasarkan, yang mungkin merupakan gabungan nilai daripada pakej yang dijual dan juga apa-apa nilai PR daripada kempen. Dari perspektif taktikal, kempen juga akan memberikan penekanan yang lebih pada elemen pengalaman beli-belah di Malaysia. SSM juga akan mengkaji usaha memperluas model Persatuan Pelancongan BKKLCC dengan menggalakkan presint beli-belah yang lain di negara ini menubuhkan persatuannya sendiri.

Berikutan pengiktirafan dua projek pembangunan bersepadu baharu di Melaka dan Rawang, iaitu Melaka Gateway dan The TWO, usaha pada tahun 2015 difokuskan pada aktiviti melicinkan kemajuan projek tersebut. Fasa pertama projek Melaka Gateway telah mengalami sedikit kelewatan kerana pemajunya KAJ Sdn Bhd memilih untuk menangguhkan penyiapan Malaysia Eye selama beberapa bulan untuk memberikan tumpuan pada penyatuan tanah. Malaysia Eye kini dijangka siap pada

tahun 2016, dan Jeti Pelayaran Persiaran Antarabangsa mencapai kemajuan seperti yang dirancang untuk siap menjelang akhir tahun 2017.

Industri pelayaran persiaran di Malaysia terus mencatat trajektori pertumbuhan yang meningkat pada tahun 2015 dengan peningkatan ketara sebanyak 50 peratus dalam jumlah penumpang pelayaran persiaran kepada 523,272 penumpang daripada 352,322 penumpang pada tahun 2014. Sejumlah 487 persinggahan dibuat pada tahun 2015 yang mencerminkan peningkatan berbanding dengan 356 persinggahan pada tahun 2014. Hampir semua pelabuhan persinggahan utama di Malaysia mencatat peningkatan, walaupun Star Cruises membuat keputusan komersial untuk memanfaatkan pasaran China yang berkembang pesat dan mengatur semula kedudukan Superstar Libra yang berkapasiti 1,480 penumpang ke pasaran China. Sebelum ini, tempat berlabuh asal bagi kapal persiaran itu adalah di Pulau Pinang.

Industri pelayaran persiaran mencatat beberapa perkembangan yang ketara pada tahun 2015. Salah satu kemuncak pencapaian yang penting ialah persinggahan sulung Quantum of the Seas di Jeti Swettenham, Pulau Pinang, dan Boustead Cruise Center (BCC), Pelabuhan Klang. Kapal berkapasiti 4,180 penumpang ini merupakan Kapal Royal Caribbean terbesar yang

ditempatkan di Asia Tenggara. Kapal Mein Schiff oleh Tui Cruises turut membuat persinggahan semalamannya yang pertama di BCC. Pertumbuhan dilihat akan berterusan pada tahun 2016, dengan tumpuan pada penambahbaikan penyelarasan destinasi, terutamanya untuk persinggahan bernilai tinggi.

Zon Hiburan Khas (DEZ) baharu yang besar, iaitu TREC KL, telah dibuka pada tahun 2015 di Kuala Lumpur dengan Zouk KL, iaitu kelab super terbesar di Asia, sebagai penyewa utamanya. Zouk menyediakan 10 bilik baharu dalam kawasan seluas 106,000 kaki persegi, dan dinamai antara 100 Kelab Terunggul di dunia oleh majalah antarabangsa DJ Magazine. Kelab itu terus menawarkan kemasukan percuma kepada pelancong melalui laluan yang diperuntukkan khas, dan ini dijangka menjadi perangsang kepada landskap pelancongan Malaysia. Selain Zouk, TREC juga mempunyai Electric Boulevard, iaitu kawasan premis perniagaan gaya hidup yang menawarkan pilihan antarabangsa yang terbaik, bertujuan menarik pengunjung tempatan dan juga asing.

Kejayaan pembukaan TREC merupakan hasil kemuncak pelaburan sektor swasta dan juga usaha pemudahan yang dibuat oleh Kerajaan. Projek ini disahkan sebagai projek EPP pada tahun 2014 yang melibatkan pelaburan swasta sebanyak kira-kira RM130 juta.

2

## Perkembangan Industri Pelancongan Disokong oleh Inisiatif Strategik Kerajaan

Insentif dan program Kerajaan terus memainkan peranan penting dalam membangunkan industri pelancongan. Diiringi oleh dasar sokongan yang berkaitan, Kerajaan telah berusaha memastikan persekitaran yang kondusif untuk industri ini berkembang.

Elaun Cukai Pelaburan telah membantu menggalakkan pembukaan lebih banyak hotel bertaraf 4 dan 5 bintang pada tahun 2015, termasuk hotel mewah 5 bintang berjenama Kempinski oleh KSK Group di Kuala Lumpur yang akan memulakan pembinaannya pada tahun 2016. Hotel baru siap yang penting termasuklah The Light Hotel dan G Hotel Kelawai di Pulau Pinang, The Waterfront Hotel di Kuching dan Sipadan Mangrove Resort di Sabah. Bilangan bilik hotel bertaraf 4 dan 5 bintang yang baru siap pada tahun 2015 ialah 4,597 bilik, menjadikan jumlah bilik hotel baharu bertaraf 4 dan 5 bintang sebanyak 19,823 sejak Program Transformasi Ekonomi diperkenalkan pada tahun 2010.

Usaha Kerajaan bersama-sama dengan Pusat Kecemerlangan Spa (*Centers of Excellence*, COE) telah ditingkatkan untuk menjenamakan

semula industri spa. Susulan usaha ini, 255 juruterapi spa tempatan dilatih oleh COE pada tahun 2015. Jumlah juruterapi spa yang dilatih sejak bermulanya Program Latihan Juruterapi Spa pada tahun 2011 ialah 820 orang. Selepas menamatkan kursus itu dengan jayanya, juruterapi yang dilatih akan ditempatkan di pusat spa bertaraf 3-5 bintang selama 18 bulan.

Dua COE baharu – Geomatika University College dan YTL Academy – telah ditambah kepada empat COE sedia ada, sekali gus melonjakkan lagi kapasiti untuk memenuhi permintaan industri. COE tersebut dipilih dengan teliti dan mesti berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran untuk menjalankan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard*, NOSS) Tahap 3 untuk Juruterapi Spa menggunakan Sistem Latihan Dual Nasional. COE dikehendaki mengemukakan laporan kepada MOTAC secara berkala berkaitan dengan jadual latihan, kemajuan pelajar, maklumat kemas kini kurikulum dan penempatan pelajar di pusat spa selepas tamat

pengajian. COE juga mesti mengadakan pengaturan awal penempatan pelajar dengan bakal majikan.

MOTAC juga telah meneruskan usaha untuk mengawal selia industri spa, dan sebagai sebahagian daripada usaha ini, 240 spa telah diberi penarafan di seluruh negara. Sehingga akhir tahun 2015, 91 daripada spa ini diberi penarafan 3 bintang, 66 spa bertaraf 4 bintang, dan 32 spa menerima penarafan 5 bintang.

Sebagai sebahagian daripada usaha mewujudkan industri penerbangan yang lebih berstruktur dan sistematis, Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia pada Julai 2015. Suruhanjaya ini akan menjalankan fungsi perancangan dan penggubalan dasar untuk mengurus kapasiti dan persaingan melalui pelesenan, penguntukan laluan dan penyelarasan lapangan terbang berdasarkan hierarki.

Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (*Malaysia Convention & Exhibition Bureau*, MyCEB) terus berperanan sebagai platform pertumbuhan yang berkesan untuk menganjurkan acara bertaraf dunia. Unit Acara Utama Malaysia (*Malaysia Major Events*, MME) dan unit Acara Perniagaan (*Business Events*, BE) di bawah MyCEB telah membantu menyusun kalendar acara yang menarik dengan 245 acara yang disokong sepanjang tahun.

Kemuncak acara utama ini termasuklah Ironman 70.3 Putrajaya 2015 dengan 2,272 peserta, dan konsert Jon Bon Jovi “*Because We Can: The Tour*” yang berjaya menarik 18,168 hadirin. Semua usaha ini telah membolehkan MME mencatat sejumlah 67,400 pelancong antarabangsa di acara yang disokong.

Bagi kategori MICE, Malaysia menjadi tuan rumah Kongres Asian Pacific Society of Respiriology 2015, dan Kongres ke-18 ASEAN Federation of Endocrine Societies (AFES 2015), yang kedua-duanya menerima kehadiran lebih 2,000 perwakilan. Bidaan besar yang berjaya diperoleh pada tahun 2015 termasuklah Kongres Statistik Dunia ISI (ISI) 2019, Perhimpunan Agung International Co-operative Alliance (ICA 2017) dan Kongres Asian-Australian Association of Animal Production Societies (AAAP) 2018.



Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (Malaysia Convention & Exhibition Bureau, MyCEB)



## TINJAUAN MASA HADAPAN

**K**erajaan terus bersungguh-sungguh dalam mencapai sasarannya yang tinggi, iaitu 36 juta pengunjung dan RM168 bilion perolehan daripada pelancong menjelang tahun 2020. Memandangkan tahun 2015 merupakan jarak pertengahan perjalanan bagi Program Transformasi Ekonomi dan dengan mengambil kira kedinamikan landscape sektor pelancongan, MoTAC

membuat keputusan untuk mengkaji semula inisiatif sedia ada dan juga mengenal pasti penawaran produk baharu termasuk menerapkan saranan daripada kajian terkini yang dijalankan oleh Kementerian. Ini akan dilakukan melalui Makmal NKEA Pelancongan dan Kebudayaan. Saranan yang dikemukakan oleh Makmal tersebut akan membantu melonjakkan lagi sektor pelancongan ke tahap yang lebih tinggi.



## MEMDEFINISIKAN SEMULA PERNIAGAAN PUSAT BELI-BELAH RUANG PERNIAGAAN KILANG DI MALAYSIA

Dengan anggaran 250 premis pada tahun 2021, Mitsui Outlet Park KLIA Sepang (MOP KLIA) mempunyai potensi untuk menjadi ruang perniagaan kilang yang terbesar di Asia Tenggara. Bagi tujuh bulan pertama tahun 2015 pusat beli-belah ruang perniagaan beroperasi, MOP KLIA juga telah berjaya mengatasi sasaran jualan yang diunjurkan.

MOP KLIA merupakan bahagian daripada pembangunan KLIA Aeropolis yang menasaskan transformasi kawasan KLIA menjadi perniagaan pelbagai mod dan fungsi dan akhirnya menjadi sebuah Bandar Raya Lapangan Terbang Berkepelbagaian yang menggalakkan pekerjaan, beli-belah, perniagaan, pameran, kemudahan logistik, perniagaan dan hiburan.

“Malaysia dan Kuala Lumpur telah dikenali sebagai syurga beli-belah para pembeli, justeru konsep ruang perniagaan kilang akan terus memperkukuh dan menyediakan spektrum pilihan yang lebih meluas kepada pengunjung tempatan dan juga antarabangsa sambil pada masa yang sama melengkapkan pembangunan bandar raya lapangan terbang,” jelas Timbalan Pengarah Urusan MOP KLIA, TJ Cheah.

Mitsui Fudosan merupakan pemaju harta tanah utama di Jepun dan memegang 70 peratus kepentingan dalam MOP KLIA dengan baki selebihnya dipegang oleh Malaysia Airports. Pengendali lapangan terbang membantu dari segi pemudahan dan komunikasi dengan pihak berkuasa tempatan selain menyediakan risikan pasaran berkaitan dengan jangkaan tempatan.

“Sementara Mitsui Fudosan menyediakan Mitsui Outlet Park KLIA Sepang dengan kepakaran operasi global, Malaysia Airports merupakan tulang belakang yang menyokong keperluan tempatan. Kami berhasrat untuk berganding bahu mendefinisikan semula perniagaan pusat beli-belah ruang perniagaan kilang di Malaysia,” kata Cheah.

Menurut Cheah, beberapa agensi kerajaan lain turut penting dalam merealisasikan kejayaan MOP KLIA Sepang. Agensi tersebut termasuklah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan Malaysia, PEMANDU dan Kementerian Kerja Raya. Pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Perbandaran Sepang dan BOMBA turut menyumbang dan terlibat dalam kejayaan MOP KLIA.



**T.J. Cheah,**  
Timbalan Pengarah Pengurusan,  
Mitsui Outlet Park KLIA

“*Malaysia dan Kuala Lumpur telah dikenali sebagai syurga beli-belah para pembeli, justeru konsep ruang perniagaan kilang akan terus memperkukuh dan menyediakan spektrum pilihan yang lebih meluas kepada pengunjung tempatan dan juga antarabangsa sambil pada masa yang sama melengkapkan pembangunan bandar raya lapangan terbang.*”

“Agensi dan pihak berkuasa ini memberikan sokongan dari segi pemberian nasihat perniagaan, pemudahan dan penyediaan insentif cukai,” ujar Cheah. “Pihak berkuasa memahami model perniagaan kami dan memberikan sokongan yang diperlukan untuk memastikan aspirasi kami terlaksana sebagaimana yang dijadualkan.”

MOP KLIA menawarkan banyak kemudahan buat pengembara transit seperti kiosk daftar masuk penerbangan dan kemudahan penyimpanan bagasi. Cheah menyatakan meskipun bilangan pengembara transit meningkat dengan kukuh, kebanyakan pengunjung ke MOP KLIA ialah pembeli di Lembah Klang.

Terdapat 128 premis di MOP KLIA pada akhir tahun 2015, yang merentangi ruang perniagaan seluas 24,000 meter persegi. Peluasan kawasan ruang perniagaan telahpun dirancang untuk Fasa 2 dan Fasa 3, yang dijadualkan memulakan operasinya masing-masing pada 2018 dan 2021. Pada tahun 2021, ruang perniagaan di MOP KLIA akan meningkat melebihi 44,000 meter persegi.



# MENUJU KE ARAH KEGIATAN EKONOMI YANG BERNILAI TAMBAH TINGGI



**DATO' SRI  
MUSTAPA MOHAMED**

*MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA  
DAN INDUSTRI MALAYSIA*

Industri Elektrik dan Elektronik (E&E) terus menjadi pemacu utama dalam pembangunan sektor perindustrian di Malaysia dan memberikan sumbangan yang signifikan kepada pertumbuhan KDNK, pendapatan eksport, pelaburan dan peluang pekerjaan.

Pada tahun 2015, sebanyak 93 projek E&E bernilai RM8.9 bilion telah diluluskan, melebihi sasaran tahunan sebanyak RM6.0 bilion. Daripada jumlah ini, 26 projek ialah projek baharu dengan nilai pelaburan sebanyak RM2.1 bilion manakala 67 projek ialah projek pembangunan atau pelbagai dengan nilai pelaburan berjumlah RM6.8 bilion. Pelaburan asing masih menguasai keseluruhan pelaburan dengan sumbangan sebanyak RM8.2 bilion (92 peratus) daripada jumlah pelaburan berbanding dengan pelaburan domestik yang berjumlah RM0.7 bilion (8 peratus). Pada keseluruhannya, 455 projek bernilai RM45 bilion telah diluluskan bagi tempoh tahun 2011 hingga tahun 2014, daripada jumlah ini 78 peratus ataupun 356 projek bernilai RM35 bilion telah diusahakan.

Eksport bagi produk E&E telah meningkat 8.5 peratus kepada RM277.92 bilion pada tahun 2015 berbanding dengan RM256.14 bilion



**YB DATUK SERI  
PANGLIMA MADIUS TANGAU**

MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

pada tahun 2014. Ia merupakan nilai eksport yang paling tinggi sejak tahun 2007 dan menyumbangkan sebanyak 35.6 peratus daripada jumlah eksport. Peningkatan ini didorong oleh permintaan yang berterusan untuk aplikasi baharu melalui *Internet of Things* (IoT) bagi komunikasi wayarles dan peranti boleh pakai. Pada tahun 2015, destinasi eksport utama bagi produk E&E dengan pertambahan yang signifikan (melebihi RM1 bilion) adalah termasuk Singapura, Amerika Syarikat, Thailand, Republik Korea, Jerman, Jepun dan India.

Sejak pelaksanaannya, NKEA E&E telah berjaya mencapai 78 peratus daripada sasaran Pelan Hala Tujunya pada akhir tahun 2015 dan kian berjalan lancar untuk mencapai sasaran keseluruhannya menjelang tahun 2020.

Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) yang ditandatangani pada 4 Februari 2016 dijangka akan membawa manfaat kepada sektor industri E&E secara menyeluruh, dan mampu menjana peluang bagi syarikat-syarikat Malaysia, terutamanya firma Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) untuk mengeksport produk-produk mereka ke negara-negara anggota TPPA yang membentuk 40 peratus daripada KDNK global.

Industri E&E berterusan menjadi tulang belakang ekonomi sejak tahun-tahun 1970-an. Kementerian ini, bersama-sama agensi lain seperti MIMOS, SIRIM dan NanoMalaysia Bhd, telah memainkan peranan aktif dalam sektor ini.

Pada tahun 2015, MIMOS menggalas tugas berat dalam memberi latihan kepada lebih 500 orang jurutera dan pelajar E&E. Hasilnya, lebih 150 buah syarikat telah mendapat manfaat secara langsung daripada program-program latihan yang diberikan di Pusat Kemudahan Bersama (*Advanced Shared Facilities*).

Pusat Semikonduktor Nano-Teknologi (*Nanotechnology Semiconductor Technology Centre*, NSTC) di MIMOS, yang telah dibuka pada bulan Julai 2015, menyediakan sokongan ekosistem E&E serba lengkap dalam bidang elektronik nano, graphene dan mikroelektronik semikonduktor.

Kementerian ini memberi komitmen penuh dalam menyokong penggunaan teknologi nano di Malaysia, kerana teknologi ini merupakan suatu teknologi inovatif yang mengubah corak dan cara pertumbuhan industri E&E. Teknologi nano berpotensi tinggi untuk meniup nafas baharu melalui penciptaan produk

tempatan dan kaedah penyelesaian yang lebih nilai.

Rangka kerja mengkomersilkan NanoMalaysia, iaitu iNanovation dan Pelan Tindakan Graphene Negara 2020, memanfaatkan dan memaksimumkan penggunaan infrastruktur dan bakat sedia ada, lantas mengukuhkan lagi perkongsian sektor swasta dan sektor awam.

Sepanjang tahun 2015, kita juga telah melancarkan Hala Tuju Strategik *Internet of Things* (IoT) Negara. Tujuan utama hala tuju ini adalah untuk mencipta satu ekosistem kebangsaan yang akan membolehkan penggunaan meluas dalam industri IoT sebagai satu sumber baharu bagi pertumbuhan ekonomi.

Pada tahun 2015, jumlah eksport Malaysia bagi produk E&E ialah RM277.92 bilion. Dengan adanya penemuan baharu dalam teknologi nano dan kemunculan IoT, kita yakin bahawa angka eksport tersebut akan dapat ditingkatkan menjelang tahun 2020.

**E**lektrik dan Elektronik (E&E) merupakan industri utama dan paling bebas dalam sektor perkilangan Malaysia. Semenjak pembukaan kilang semikonduktor yang pertama di Pulau Pinang pada tahun 1972, Malaysia telah menjadi hab perkilangan global bagi industri E&E. Empat dekad berlalu, Malaysia kekal menjadi destinasi pilihan bagi pelaburan dalam industri E&E.

Produk E&E merupakan barang dagangan terbesar Malaysia selama beberapa dekad semenjak permulaan industri E&E pada tahun-tahun 1960-an. Sehingga hari ini evolusi industri ini telah mengubah Malaysia menjadi satu faktor penting dalam rantai nilai E&E dunia.

Semakin negara kita maju ke hadapan, sektor E&E akan memperdalam dan memperkukuhkan tiga ekosistem

penting iaitu semikonduktor, teknologi solar dan teknologi LED.

Sektor semikonduktor dijangka berterusan memacu pertumbuhan industri E&E di Malaysia; sekali gus kekal mendapat manfaat daripada perkembangan permintaan dunia bagi alat-alat peranti mudah alih (telefon pintar, tablet), alat-alat penyimpanan (pengkomputeran awan, pangkalan data, pemacu data peribadi), elektronik opto (fotoniks, optik gentian, LED) dan teknologi tertanam (litar sepadu, PCB dan LED).

Trend pertumbuhan yang dicapai sepanjang tahun 2015 memperlihatkan suatu usaha berpadu yang merentasi industri untuk mengubah daripada aktiviti yang mempunyai nilai tambah rendah kepada aktiviti bernilai tambah tinggi demi mengekalkan daya saing dalam ekonomi global.

## DALAM NKEA INI

- 1 Mula Menerokai Industri Hiliran
- 2 Beralih kepada LED
- 3 Memanfaatkan Kuasa Suria
- 4 Mengembangkan Industri E&E

### 1


## Mula Menerokai Industri Hiliran


Perkembangan pesat dalam industri sampingan telah meningkatkan Pendapatan Negara Kasar (GNI) sektor E&E kepada RM53 bilion bagi tempoh tahun 2015 berbanding dengan RM46.5 bilion bagi tempoh tahun 2014.

Dalam tahun 2015, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah meluluskan sejumlah RM8.9 bilion bagi pelaburan E&E, melebihi sasaran tahunan iaitu RM6.0 bilion. Sebahagian besar pelaburan adalah pelaburan asing; termasuk pelaburan bernilai RM2.0 bilion daripada sebuah syarikat Amerika bagi mengeluarkan alat perakam magnetik

pelbagai sensor yang menggunakan kuasa haba; satu projek baharu oleh syarikat milik penuh Malaysia dengan pelaburan sejumlah RM71 juta bertujuan untuk menjalankan aktiviti penyediaan die pada peringkat wafer bagi litar sepadu fotonik (IC); dan dua buah kilang pengeluaran sel solar dan modul solar milik syarikat dari negara China dengan pelaburan bernilai RM600 juta.

Daripada sejumlah RM45 bilion pelaburan yang diluluskan bagi tempoh 2011-2014, sebanyak 78 peratus atau RM35.2 bilion telah digunakan dan angka ini melebihi sasaran 65 peratus.





Pada tahun 2015, MIDA meluluskan sebanyak 11 buah projek impak tinggi dalam NKEA, iaitu, di bawah

- EPP1: Kilang fabrikasi semikonduktor (1)
- EPP2: Teknologi pembungkusan moden (2)
- EPP3: Firma reka bentuk litar sepadu (IC) (1)
- EPP4: Pengilang substrat (2)
- EPP6: Pengeluar wafer dan sel (1)
- EPP7: Pengeluar modul solar (1)
- EPP14: Pengeluar alat transmisi dan pengagihan (T&D) (1)
- EPP17: Syarikat alat peranti mudah alih (1)

- Peluang Perniagaan (BO) 5: Hab teknologi penyelesaian storan rangkaian (1).

Pada 25 Jun 2015, Majlis Strategik Elektrik dan Elektronik (*Electrical and Electronics Strategic Council*, EESC) ditubuhkan bertujuan untuk menyediakan strategi-strategi untuk meningkatkan tahap dan daya saing industri E&E negara ke tahap yang lebih tinggi. Majlis ini, dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, akan memainkan peranan sebagai badan penasihat untuk industri E&E selama lima tahun yang akan datang.

Penubuhan EESC tepat pada masanya kerana majlis ini akan dapat mengenal pasti kekurangan dalam ekosistem industri E&E, lantas boleh

membentuk kumpulan sub-kerja yang dapat membantu memenuhi keperluan spesifik industri E&E agar dapat bergerak maju dalam lima tahun berikutnya. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, syarikat-syarikat tempatan telah merasai dan terpaksa menanggung impak daripada kos perniagaan yang semakin meningkat, misalnya pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST), kesan mata wang Ringgit yang semakin lemah terhadap kos import, kekurangan bakat tempatan dan persaingan hebat daripada syarikat yang menikmati kos perniagaan yang lebih rendah di negara China. Semua kesan tersebut telah membantutkan pertumbuhan dan perkembangan syarikat E&E tempatan.

2

## Beralih kepada LED

Kini, Malaysia semakin digemari sebagai hab pengeluaran bagi pengilang diod pancaran cahaya (LED). Perkembangan dan penghasilan kluster lampu LED di negara ini meliputi alat semikonduktor untuk LED, fabrikasi wafer, produk cahaya dan lampu; aplikasi LED termasuk dalam lampu kenderaan, lampu pentas dan lampu peragaan.

Syarikat Osram Opto Semiconductors akan melaburkan sejumlah €1 bilion (RM4.67 bilion) bagi membina kilang cip LED yang baharu di Kulim, Kedah. Kerja-kerja pembinaan akan bermula

pada tempoh suku pertama tahun 2016. Kilang berkenaan akan menjadi tapak penghasilan cip LED enam-inci yang terbesar dan terkini di dunia. Projek ini ialah satu daripada pelaburan baharu Kumpulan Osram berjumlah €3 bilion, dan dijangka akan mengubah Osram menjadi syarikat semikonduktor dunia.

Projek ini sememangnya memanfaatkan Malaysia dari segi pewujudan peluang pekerjaan baharu dan menguatkan lagi rantai nilai bagi syarikat tempatan yang terlibat dalam industri LED. Tambahan lagi, pembinaan kilang tersebut akan melengkapkan

ekosistem industri LED di Malaysia, serta menjadikan Malaysia tapak yang sesuai bagi menjalankan projek-projek teknologi tinggi.

Meskipun industri E&E telah memperlihatkan perkembangan yang boleh dibanggakan sepanjang tahun 2015, masih terdapat beberapa cabaran baharu yang harus dihadapi dan ditangani. Pengujian lampu LED amat mahal dan memerlukan masa yang lama (6,000 jam) kerana piawaian baharu yang dikenakan (MS 62722-2-1) oleh negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat. Akibatnya, produk LED baharu yang menepati piawaian tidak dapat menembusi pasaran antarabangsa dengan pantas.



P-Plus Sdn. Bhd., sebuah syarikat di bawah Program LED/SSL Hijau mempamerkan produk LED/SSL buatan Malaysia di suatu acara rantai perniagaan tertutup yang diadakan oleh SME Corp Malaysia



First Solar melancarkan Tetrasun, talian pengeluaran berasaskan teknologi di kompleks pengeluaran PV di Kulim Industrial Park, Malaysia

Setakat bulan Disember 2015, terdapat sejumlah 16 kilang pengeluaran solar dengan daya pengeluaran sebanyak 2.6GW sel solar dan 5GW modul solar di Malaysia.

Pada tahun 2015, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) menyambut kedatangan dua syarikat pengeluar panel solar, iaitu JA Solar Holdings Co Ltd dan JinkoSolar Holdings, ke Pulau Pinang. JA Solar Holdings Co Ltd merupakan salah satu daripada syarikat pengeluar dunia yang terbesar dalam penghasilan produk solar berdaya tinggi. Syarikat asing ini telah melaburkan RM300 juta pada bulan Oktober 2015 bagi membina kilang pengeluarannya di luar negara China. Penghasilan daripada kilang di Malaysia akan menyumbang 10 peratus daripada jumlah keseluruhan daya pengeluaran syarikat JA Solar di pasaran dunia.

Sementara itu, fasiliti pengeluaran sel solar dan modul syarikat JinkoSolar pula telah memulakan pengeluaran sel berdaya tinggi dan modul pelbagai-kristal pada bulan Mei 2015 di kilang pengeluarannya, membekalkan syarikat dengan kapasiti pengeluaran 500MW untuk solar sel PV dan 500MW untuk modul setiap tahun.

Walaupun pertumbuhan industri solar di negara ini semakin rancak, masih ada banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh syarikat pengeluar produk solar. Pada bulan Mei 2015, badan EU telah menjalankan siasatan ke atas syarikat pengeluar solar di Taiwan dan Malaysia. Siasatan dijalankan ekoran pengeksport dari negara China dituduh cuba mengelak membayar cukai levi anti-lambakan dengan cara menghantar panel solar menerusi Taiwan

dan Malaysia. Akibatnya cukai levi anti-pemintasan sebanyak 53.4 peratus dan cukai duti anti-subsidi sebanyak 11.5 peratus dikenakan ke atas semua panel dan sel solar PV dari negara China yang dihantar ke negara-negara EU melalui Taiwan dan Malaysia. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berusaha mengurangkan kesan penganan cukai berkenaan dengan mengetatkan syarat dan peraturan dalam meluluskan pembinaan kilang pengeluaran syarikat China di Malaysia, untuk memastikan hanya aktiviti pengeluaran bernilai tinggi dijalankan di Malaysia dan syarikat-syarikat tempatan membentuk sebahagian daripada rantaian bekalan.

4

## Mengembangkan Industri E&E

Kegiatan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bernilai tinggi adalah amat penting dalam usaha negara ini untuk bergerak maju di dalam industri E&E.

Pada tahun 2015, Penchem Technologies Sdn Bhd telah mencipta dakwat konduktif graphene yang memiliki tahap konduktiviti yang sesuai bagi aplikasi pencetakan elektronik. Penciptaan tersebut adalah amat signifikan kerana pencetakan elektronik memainkan peranan penting dalam banyak aplikasi sampingan seperti alat-alat elektronik boleh pakai dan fleksibel, serta merupakan pemboleh utama dalam pelbagai penyelesaian IoNT (*Internet of Nano-Things*). Setakat hari ini, Penchem sudah menandatangani perjanjian dengan berapa rakan kongsi untuk menggunakan dakwat graphene bagi perkembangan aplikasi, terutamanya dalam pengesanan frekuensi-radio (RFID), alat sensor dan pencetakan elektronik.

Bagi kerja-kerja membuat prototaip bas elektrik dan bateri lithium-ion (Li-

ion) untuk kegunaan kenderaan elektrik dan hybrid, di bawah gandingan usaha sama antara Institut Automotif Malaysia (MAI), Universiti Wollongong dan Universiti Teknologi Sydney, AutoCRC Ltd dan Universiti Swinburne telah berjaya disiapkan pada tahun 2015. Prototaip e-bas telah diperkenal dan diperagakan dalam ASEAN Auto Show 2015. Kerja-kerja pengkomersilan dan pengeluaran besar-besaran dijangka akan bermula pada permulaan separuh suku kedua tahun 2016.

Malaysian Green Technology Corp (GreenTech Malaysia), sebuah agensi kerajaan di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, sedang berusaha melancarkan kenderaan elektrik dalam sistem pengangkutan negara. Agensi ini bercadang untuk membina sebanyak 300 stesen mengecas kuasa elektrik di serata negara menjelang tahun 2016, setakat ini sudah ada lebih 70 stesen mengecas kuasa elektrik dibina di Lembah Klang, Melaka, Pahang,

Pulau Pinang dan Sarawak. Di antara syarikat yang bekerjasama dengan GreenTech Malaysia ialah Eclimo Sdn Bhd, sebuah syarikat milik tempatan yang menghasilkan skuter elektrik dan pek bateri lithium-ion. Setakat ini Eclimo telah membekalkan 450 skuter elektrik kepada Skuad Polis Pengaman Wanita (*Amanita – Women Peace Police Squad*), KFC, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Taman Botanical Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Melaka.

Tambahan lagi, Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) telah berganding bahu dengan Hans System Design Sdn Bhd, sebuah firma reka bentuk LED/SSL tempatan, untuk mencipta Cu-CNT (*copper-carbon nanotube*), substrat nanokomposit untuk kegunaan pengurusan terma dalam aplikasi LED yang boleh meningkatkan mutu pencahayaan. Pada tahun 2015, syarikat Hans System Design Sdn Bhd telah berjaya meningkatkan nilai dan memasarkan teknologi tersebut ke dalam aplikasi pencahayaan LED. Teknologi baharu ini juga boleh diterapkan ke dalam aplikasi elektronik yang lain dan dilesenkan kepada syarikat-syarikat dalam pelbagai industri.

## PERKONGSIAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN MEMANFAATKAN PEMAIN DALAM PASARAN

Perkongsiannya MIMOS – NANO Semiconductor Technology (NST) menyediakan perkhidmatan dan kemudahan analitikal yang dikongsi bersama-sama; bertujuan untuk menjadi pemangkin penting yang boleh meransang perkembangan sektor E&E di Malaysia dan negara-negara serantau; melalui suatu model keterlibatan yang mudah diubahsuai mengikut keperluan masing-masing; tempoh masa kerja yang pendek dan perkhidmatan dengan nilai tambah yang sepadu pada harga yang boleh berdaya saing. Di antara perkhidmatan yang disediakan termasuklah analisis kegagalan/analisis bahan; pengujian kebolehpercayaan, pengujian wafer dan litar sepadu (IC), reka bentuk litar sepadu, prototaip wafer, dan program latihan amali bagi meningkatkan kemahiran industri.


Perisian dan alat-alat pengujian memang mahal. Oleh itu, kemudahan yang disediakan oleh MIMOS menjadi berguna

bagi syarikat-syarikat yang tidak mempunyai kemudahan atau alat-alat; sebagai contoh, Fintex Technologies Sdn Bhd, bergantung kepada perkhidmatan dan kemudahan yang boleh dikongsi bersama – Fintex menjadi sebahagian dalam proses dan menjadi saluran bagi memasarkan produk, memberi demonstrasi dan memperkenalkan teknologi baru. Kemudahan ini juga membolehkan para jurutera mendapat pengalaman amali dan memajukan teknik-teknik baharu. Sesungguhnya kemudahan MIMOS telah membantu Fintex melakukan inovasi dan perubahan dalam usahanya memenuhi permintaan pelanggan semakin berubah.

Fintex merupakan sebuah syarikat dagang yang menjalankan aktiviti jualan dan sokongan selepas jualan termasuklah pemasangan, latihan, sokongan aplikasi dan pentauliahan. Selama beberapa tahun kebelakangan, Fintex terlibat dalam projek-projek siap dan serah (*turnkey*) bagi Infineon

China, Silterra dan X-FAB bagi menyediakan kemudahan analisis kegagalan dan pengujian kebolehpercayaan. Mereka yang membantu Fintex mempunyai pengalaman 20 tahun dalam memberi perkhidmatan teknikal kepada pihak pengeluar dalam pelbagai industri, termasuk peralatan bagi teknologi maklumat dan elektronik pengguna. Sebelum adanya perkongsian perkhidmatan dan kemudahan MIMOS, Fintex telah menggunakan kemudahan pelanggan tetapi menghadapi banyak halangan. Fintex dapat menjimatkan masa dan kos sehingga 30 ke 40 peratus secara purata setelah menggunakan kemudahan yang disediakan oleh MIMOS.

Setelah mendapat manfaat daripada perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh MIMOS, kini Fintex semakin giat cuba menggalakkan pelanggannya untuk menggunakan MIMOS untuk keperluan masing-masing.



## TINJAUAN MASA HADAPAN

**S**esungguhnya, inovasi menjadi kunci kepada usaha negara bergerak maju dalam rantaian nilai serta berkembang daripada ekonomi pendapatan pertengahan kepada ekonomi pendapatan tinggi. Demi mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan daya saing Malaysia, Kerajaan mesti memfokus bukan sahaja nilai pelaburan tetapi mutu pelaburan yang dilaburkan.

Kerajaan menggunakan pendekatan ekosistem bagi menarik minat dan mendorong pelaburan bermutu dalam bidang teknologi tinggi, nilai-tambah yang tinggi, pengetahuan dan kemahiran intensif, orientasi eksport, penggunaan intensif modal, dan reka bentuk serta insentif R&D. Matlamatnya supaya banyak projek dengan impak PNK yang tinggi dan jaringan kuat dengan syarikat tempatan akan dilaksanakan. MIDA juga bekerja keras untuk menaikkan nama Malaysia sebagai hab pilihan

bagi menjalankan aktiviti teknologi tinggi, khususnya dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk dan pembangunan (D&D). MIDA juga menggalak penubuhan lebih banyak pusat sokongan teknikal dan pusat kecemerlangan (CoE).

Dalam Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020), MIMOS akan menubuhkan satu badan seragam bagi reka bentuk litar yang membolehkan firma reka bentuk IC dan universiti tempatan mereka cipta dan mengkomersilkan reka bentuk IC bagi kegunaan pelbagai aplikasi E&E. Yang diperlukan ialah satu model mampan bagi memastikan firma reka bentuk tempatan, malah semua syarikat E&E tempatan, boleh berdikari tanpa bantuan pembiayaan dana daripada agensi Kerajaan, dalam menjalankan aktiviti mereka cipta dan mengkomersilkan rekaan masing-masing. Kajian lanjut perlu dilakukan untuk lebih mengetahui bagaimana negara dapat melangkah

ke tahap teknologi lebih tinggi dalam industri E&E.

Diharapkan sebaik sahaja TPPA berjaya dilaksanakan, pengeksport-pengeksport Malaysia akan dapat menikmati kelebihan daya saing dalam menandingi pesaing-pesaing serantau dalam mengeksport produk, khususnya produk elektrik dan elektronik. Ini akan memanfaatkan keseluruhan rantai nilai E&E dari aspek PNK, menjana peluang pekerjaan serta pelaburan dengan memberi negara kita lebih yang tinggi dengan menghapuskan atau mengurangkan halangan tarif dan bukan tarif di antara negara-negara anggota.

# SEKTOR PERKHIDMATAN PERNIAGAAN MENGEMBANGKAN SAYAPNYA



**DATO' SRI RICHARD  
RIOT ANAK JAEM**

MENTERI SUMBER MANUSIA

Saya amat berbesar hati menyaksikan pertumbuhan yang berterusan dicatatkan oleh NKEA Perkhidmatan Perniagaan memandangkan sektor ini ialah komponen penting ke arah merealisasikan transformasi negara. NKEA ini berupaya mengangkat Malaysia ke tahap yang lebih tinggi dalam rantaian nilai dengan menarik pelaburan yang lebih tinggi sekali gus mempertingkatkan ekonomi berasaskan pengetahuan, memartabatkan negara ke tahap global dan mewujudkan pekerjaan berasaskan kemahiran bagi rakyat Malaysia.

Pertumbuhan terus-menerus dalam Perkhidmatan Perniagaan juga bererti lebih ramai pekerja berkemahiran tinggi diperlukan. Berlatarkan penjanaaan lebih 16,000 pekerjaan dalam industri perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar pada tahun ini, sektor ini jelas terbukti sedang berjalan lancar mengikut jadual.

Kami akan terus berpadu tenaga dengan syarikat-syarikat

terbabit dan institusi pendidikan bagi memastikan Malaysia berjaya menghasilkan graduan terbaik yang bersedia mengisi keperluan industri.

Dalam perkembangan yang lain, tadbir urus Perkhidmatan Perniagaan akan beralih daripada Kementerian Sumber Manusia (MOHR) kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada tahun 2016. Saya percaya bahawa peralihan ini akan bergerak seiring dengan agenda MITI untuk membangunkan industri perkhidmatan. Bahkan, saya yakin bahawa jalinan kerjasama yang erat sesama pelbagai pihak kementerian dan agensi kerajaan bakal melakarkan kejayaan apabila industri ini mencapai sasaran sumbangan Pendapatan Negara Kasar (PNK) berjumlah RM78.7 bilion dan menjana 43,000 peluang pekerjaan baharu menjelang tahun 2020.

**S**ektor perkhidmatan perniagaan terus mencatat perkembangan pada tahun 2015 berdasarkan penjana PNK berjumlah RM46.2 bilion, mewakili pertumbuhan setinggi 9.7 peratus sepanjang tahun 2014. Hal ini membuktikan bahawa Perkhidmatan Perniagaan kekal di antara NKEA yang paling pantas berkembang dan berada tepat pada landasan untuk merealisasikan sasaran PNK berjumlah RM78.7 bilion menjelang tahun 2020.

Selaku peneraju sektor perkhidmatan perniagaan di rantau ini, Malaysia berkedudukan kukuh untuk beranjak ke tahap rantaian nilai yang lebih tinggi dan meningkatkan eksport perkhidmatannya. Matlamat yang disasarkan adalah menjadikan Malaysia kompetitif di peringkat global sehingga berupaya muncul sebagai ekonomi berasaskan pengetahuan dengan kepelbagaian perkhidmatan bernilai tinggi yang luas sebagai sandaran utama. Ketika ini, negara bukan hanya pemain global yang penting dalam bidang perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (SSO) dan perkhidmatan penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) pesawat udara, malah, negara turut berkembang pesat dalam bidang pusat data, teknologi hijau dan kejuruteraan pengkhususan tinggi.

Antara detik-detik penting tahun ini termasuklah pembukaan pusat sokongan operasi global milik Schlumberger, kontrak penting yang dimeterai UMW untuk mengeluarkan selongsong kipas aeroenjin untuk Rolls-Royce dan penubuhan pusat perkhidmatan sehenti oleh firma tempatan, DreamEDGE, yang menyediakan keupayaan reka bentuk kejuruteraan dan prototaip.

Namun begitu, persaingan untuk menarik pelaburan masih sengit, sementara keadaan ekonomi global yang tidak menentu ketika ini pula mengekang pelaburan daripada bakal klien dalam perniagaan penyumberan luar. Dalam pada itu, kemajuan teknologi yang begitu pantas turut memberi kesan menyebabkan dasar yang telah dipersetujui terpaksa disemak terus-menerus agar Malaysia dapat memanfaatkan perkembangan terbaharu.



## DALAM NKEA INI

- 1** Pertumbuhan Pantas dan Mampan bagi Sektor Perkhidmatan Strategik
- 2** Membangunkan Segmen Pertumbuhan pada Masa Hadapan

Pada tahun 2016, NKEA ini akan dipindahkan ke bawah bidang kuasa MITI, justeru, tidak lagi bernaung di bawah MOHR. Langkah ini bertujuan memanfaatkan platform tadbir urus yang sedia ada, termasuk Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (MSDC) dan Majlis Aeroangkasa Malaysia (MAC) yang kini bernafas baharu. Namun, pelaksanaan setiap EPP di bawah NKEA ini masih diterajui oleh agensi dan kementerian berkaitan seperti Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Multimedia Development Corporation (MDeC) dan Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT).

1

## Pertumbuhan Pantas dan Mampan bagi Sektor Perkhidmatan Strategik



Pelancaran Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 oleh YAB Perdana Menteri

### **MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH HAB AEROANGKASA**

Industri aeroangkasa, antara sektor prioritas di bawah Rancangan Malaysia ke-11, telah menyaksikan kemajuan yang ketara tahun ini, termasuk pelancaran Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030, pembaharuan ke atas Majlis Aeroangkasa Malaysia serta penubuhan Pejabat Penyelarasan Industri Aeroangkasa Nasional (NAICO), sebuah badan khas di bawah bidang kuasa MITI.

Dari segi pelaburan pula, sebuah perjanjian penting bernilai RM830 juta dimeterai di antara UMW dengan Rolls-

Royce. Di bawah perjanjian tersebut, UMW akan mengeluarkan selongsong kipas bagi enjin pesawat Rolls-Royce Trent 1000 yang dibangunkan bagi pesawat Boeing 787 Dreamliner. Perjanjian ini melambangkan keyakinan syarikat-syarikat tersohor dunia terhadap kemampuan Malaysia, justeru membuka lebih banyak peluang untuk pemindahan teknologi, pembangunan modal insan dan perkembangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Dalam pada itu, Airbus melancarkan pusat perkhidmatan pelanggannya secara rasmi pada bulan Oktober 2015. Pusat ini mempunyai 70 pekerja,

dan terdapat hanya lima pusat Airbus seumpamanya di seluruh dunia yang menawarkan kepakaran kejuruteraan baik pulih pesawat dan pembaikan badan pesawat kepada pelanggannya.

Dalam perkembangan yang sama, EPP8 turut dilancarkan untuk membangunkan PKS dalam industri pembuatan aeroangkasa global. Projek yang diterajui oleh SME Corp ini dijangka menarik lebih ramai pelabur aeroangkasa multinasional yang terkemuka untuk menanam modal di Malaysia sekali gus mempertingkatkan takungan bakat di dalam negara.

### **MENEMPATKAN MALAYSIA SEBAGAI HUB PUSAT DATA BERTARAF DUNIA**

Penubuhan Hab Data Sedenak Iskandar baharu serba canggih telah diumumkan secara rasmi pada tahun ini. Tapak hab berkeluasan 700 ekar di Iskandar, Johor tersebut akan dilengkapi infrastruktur termaju, bekalan tenaga yang berkapasiti tinggi dan sambungan Internet yang kukuh. Hab ini bakal menempatkan syarikat pusat data dari dalam dan luar negara.

Gandingan hab ini berserta pelaburan Pusat Data yang penting oleh syarikat-syarikat terkemuka seperti Huawei dan VADS Bhd (subsidiari TM) telah memantapkan lagi kedudukan Johor sebagai lokasi pusat data terbesar di Malaysia selepas Cyberjaya.

Meskipun demikian, keyakinan pelanggan terhadap penyumberan luar aktiviti pusat data mereka agak terkesan akibat pasaran global yang muram. Ini telah menyebabkan EPP<sub>3</sub> mencatat hasil yang sedikit rendah berbanding sasaran tahun 2015. Trend ini dijangka berterusan pada tahun 2016 kerana pelanggan lebih berhati-hati dalam keputusan

penyumberan luar lebih-lebih lagi ketika berdepan dengan ketaktentuan ekonomi.

Cabaran kos menjalankan perniagaan turut meruncing pada tahun ini. Kos sambungan Internet masih tidak berdaya saing, dan sungguhpun kadar harga bekalan tenaga masih rendah berbanding negara lain di rantau ini, namun pembekal perkhidmatan berasa tertekan susulan kenaikan tarif yang mungkin dilaksanakan. Justeru, kajian semula yang lebih strategik perlu dilakukan untuk merencanakan ekonomi digital Malaysia, sesuai dengan sumbangannya kepada

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara yang semakin meningkat.

Trend perubahan teknologi turut menyukarkan rangka kerja kawal selia yang sedia ada, terutamanya yang membabitkan perkhidmatan berasaskan awan dan data analitik. Menyedari cabaran tersebut, pengawal selia harus mengkaji semula dasar-dasar berkaitan yang terdahulu, sementara pembekal perkhidmatan pula harus memperkukuh langkah-langkah yang menjamin keselamatan data agar mampu mengekalkan keyakinan pengguna.



Pusat Data VAD yang bernilai US\$130 juta di Iskandar Puteri, Johor

## **2**

## **Membangunkan Segmen Pertumbuhan pada Masa Hadapan**

### **MELONJAKKAN INDUSTRI TEKNOLOGI HIJAU YANG DINAMIK**

Dalam industri Tenaga Hijau, cabaran yang masih menghimpit seluruh negara ialah isu pengurusan sisa pepejal, apatah lagi kebergantungan pada pelupusan kambus tanah masih berleluasa. Usaha perlu dipergiat untuk mewujudkan ekosistem yang mampan. Namun demikian, KPI mencatatkan pencapaian 106 peratus, yakni mengatasi sasaran tahun 2015 justeru membuktikan bahawa

di sebalik cabaran tersebut, industri ini sebenarnya sedang berkembang pesat.

Sehubungan dengan itu, Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) telah dilanjutkan permohonannya sehingga 31 Disember 2017 dengan peruntukan berjumlah RM1.2 bilion. Di bawah skim ini, Kerajaan memberi kepada syarikat yang layak subsidi 2 peratus daripada jumlah kadar faedah dan jaminan 60 peratus bagi risiko jumlah pembiayaan menerusi Credit Guarantee Corporation.

## PEMBANGUNAN PKS DALAM INDUSTRI PEMBUATAN AEROANGKASA GLOBAL

Industri aeroangkasa di Malaysia bermula pada tahun-tahun 1970-an sebagai operasi MRO dan telah berkembang sehingga merangkumi pelbagai bidang lain, termasuklah pembuatan komponen dan pemasangan pesawat ringan.

Melihat kepada pasaran Asia Pasifik yang semakin giat berkembang dan bakal menjadi pasaran terbesar bagi pesawat komersil dengan jumlah pesanan dijangka mencecah 13,000 unit menjelang tahun 2032, permintaan bagi perkhidmatan MRO serta pembuatan bahagian dan komponen pesawat juga dijangka meningkat.

Komitmen Malaysia untuk merealisasikan aspirasi industri ini dibuktikan dengan pelancaran Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2015-2030 bersempena dengan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA). Seiring dengan pelancarannya, EPP8 turut dilancarkan untuk membangunkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam industri pembuatan aeroangkasa global. Projek yang diterajui oleh SME Corp ini disasarkan menyumbang RM258 juta kepada PNK, menandakan 4,108 peluang pekerjaan dan RM88 juta nilai pelaburan menjelang tahun 2020.

Pada tahun 2015, permohonan lima buah PKS di bawah Program Business Accelerator oleh SME Corp telah diluluskan. Program ini membantu PKS melalui satu pendekatan bersepadu dengan bimbingan, termasuk mengukuhkan perniagaan teras mereka, membina kapasiti dan keupayaan, serta memudahkan akses kepada pembiayaan. Pemohon akan menerima khidmat nasihat perniagaan dan teknikal, bertujuan untuk meningkatkan potensi perniagaan mereka.

Usaha memperkukuh EPP ini turut disokong oleh kerajaan Perak yang mengumumkan projek Green Asia Aerospace Technology Park yang berkeluasan 81 hektar di Seri Iskandar, seperti yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Perak selama lima tahun. Projek ini diterajui oleh Admanco, syarikat pembuatan komposit pesawat tempatan dan tapak projek tersebut bakal menjadi tuan rumah kepada Hexcel, firma pengeluar bahan komposit dari Amerika Syarikat, Singapore Aerospace Manufacturing dan All Star Fortress, iaitu syarikat pengeluar alat teknologi jitu tinggi dari Malaysia. Apabila siap kelak, hab ini bakal menempatkan sehingga 135 syarikat dan menawarkan 10,000 pekerjaan baharu.

Industri aeroangkasa membutuhkan pelaburan modal pendahuluan yang tinggi, disamping pelbagai jenis pensijilan dan kelulusan. Sehubungan dengan itu, sokongan dan bantuan dalam pembinaan keupayaan dan kemampuan PKS harus disalurkan secara berterusan, terutamanya pada peringkat permulaan.

Usaha untuk mengembangkan sayap PKS dalam bidang aeroangkasa memerlukan peningkatan kerjasama dengan pakar industri agar berupaya mewujudkan program pembangunan daya keusahawanan PKS secara lebih holistik. Program seumpama ini haruslah meliputi penandaan aras, latihan, khidmat rundingan, pemasaran dan pepadanan perniagaan. Tegasnya, matlamat ini akan terlaksana dengan bersandarkan platform tadbir urus NAICO (termasuk Majlis Aeroangkasa Malaysia dan Pasukan Kerja Teknikal) lantas memastikan penyepaduan yang menyeluruh dan berterusan pada setiap peringkat dalam rantai bekalan.





## TINJAUAN MASA HADAPAN

Tahun 2016 bakal menyaksikan penyesuaian yang dipertingkatkan di antara kesemua EPP di bawah sektor aeroangkasa menerusi Pejabat Penyesuaian Industri Aeroangkasa Nasional (NAICO). Pejabat ini akan menggabungkan wakil-wakil pihak berkepentingan daripada sektor awam dan swasta. Ternyata, keselarasan di antara agensi-agensi terbabit serta kerjasama awam-swasta berperanan amat penting memandangkan Malaysia masih dilihat sebagai pemain kecil di persada antarabangsa. Menyedari hakikat ini, industri aeroangkasa wajar memperluas penjangkauan kepakaran daripada modal insan dalam negara.

Tahun akan datang juga bakal menyaksikan pelaksanaan Hab Data Sedenak Iskandar yang kini sedang dibina. Pada masa yang sama, tumpuan khusus akan dipertingkatkan untuk membangunkan Sarawak sebagai lokasi Pusat Data bersandarkan kelebihan semula jadi yang terdapat di negeri itu, antara lain, bidang tanah yang luas, bekalan kuasa hidroelektrik yang tinggi dan risiko bencana alam yang rendah.

**Dato' Yasmin Mahmood,**  
Ketua Pegawai Eksekutif MDeC



# MEMBINA PERKHIDMATAN PERKONGSIAN DAN PENYUMBERAN LUAR YANG KOMPETITIF DI TAHAP GLOBAL

Sektor perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (*Shared Services and Outsourcing, SSO*) merupakan salah satu kisah kejayaan ekonomi Malaysia yang paling terserlah sejak tahun-tahun kebelakangan ini. Malaysia bukan sahaja diiktiraf antara tiga destinasi terbaik bagi perniagaan perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar secara berturut-turut oleh AT Kearney, sebuah firma perunding pengurusan global, bahkan, sektor ini turut mengatasi sasaran penjanaaan peluang pekerjaan.

Dengan mengumpamakan sektor ini sebagai “mutiara” Malaysia, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MDeC, Dato' Yasmin Mahmood menjelaskan bahawa “kluster yang dahulunya dikenali sebagai perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (SSO) kini dinamakan sebagai Perkhidmatan Perniagaan Global (*Global Business Services, GBS*) bagi memperlihatkan peralihan pasaran penyumberan luar global serta kelebihan yang mampu dimanfaatkan oleh Malaysia.”

Pencapaian penting, menurut Yasmin, ialah bilangan pekerjaan baharu



yang disasarkan pada tahun 2020 telah diperoleh pada tahun 2015. “Pekerjaan yang dibuka pula melibatkan pekerjaan bernilai tinggi,” tegas Yasmin. “Bukan hanya bilangan pekerjaan, namun nilai pekerjaan (juga penting).”

Veteran industri ini turut menambah, walaupun gaji bulanan purata pekerja dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Malaysia menjangkau kira-kira RM3,500 sebulan, tetapi gaji purata dalam industri Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) adalah kira-kira RM6,400 manakala gaji dalam sektor penyumberan luar proses berdasarkan pengetahuan (KPO) yang lebih tinggi nilainya mampu mencecah RM8,400 sebulan.

Jelas Yasmin, faktor penting yang menentukan kejayaan sektor ini ialah komitmen kerajaan. Komitmen inilah yang mengukuhkan keyakinan pelabur terhadap Malaysia sebagai salah sebuah lokasi GBS terbaik.

“Dengan mengangkat kedudukan EPP2 ke tahap nasional dalam ETP, kita telah mewar-warkan kepada seluruh dunia bahawa Malaysia komited merealisasikan keyakinan yang dunia

amanahkan kepada kita,” ujar Yasmin. “Kita mewar-warkan bahawa kita mempunyai akses kepada kuasa tertinggi negara, kita mempunyai mandat untuk membantu mereka berkembang, malah kita berani melaksanakan perubahan di tahap nasional jika perlu, semata-mata untuk menyokong mereka.”

Beliau turut menekankan bahawa komitmen oleh kuasa tertinggi negara telah menyuntik keyakinan yang tinggi kepada pelabur global.

“Ia membina tunjang keyakinan yang amat kukuh,” tegas Ketua Pegawai Eksekutif MDeC ini.

Beliau menyebut bahawa agensi seperti MDeC juga membantu memperteguhkan lagi keyakinan pelabur.

“Pelabur menghargai kewujudan sebuah agensi khusus untuk menyokong mereka agar perniagaan mereka berjaya dan mampu berkembang maju di Malaysia,” tambah Yasmin.

Selaras dengan hala tuju masa depan, dasar baharu serta pindaan yang perlu terhadap dasar-dasar sedia ada, di samping pembaharuan kepada peraturan kawal selia mungkin perlu dilakukan bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif.

“Pembaharuan di tahap global sedang berlaku ketika ini, terutamanya dalam bidang undang-undang, penjagaan kesihatan dan kewangan islam, justeru penyesuaian dari segi pembaharuan juga harus dilakukan,” jelas Yasmin. “MDeC menanti peluang untuk berganding bahu dengan pihak berkuasa agar pembaharuan tersebut dapat dilaksanakan sekiranya perlu.”

**“ Dengan mengangkat kedudukan EPP2 ke tahap nasional dalam ETP, kita telah mewar-warkan kepada seluruh dunia bahawa Malaysia komited merealisasikan keyakinan yang dunia amanahkan kepada kita. ”**



## BAKAT MEMACU PERTUMBUHAN DALAM SEKTOR AEROANGKASA

**K**emunculan Malaysia sebagai hab aeroangkasa serantau adalah penting untuk merealisasikan hasrat negara menjadi ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Menurut Zulfikri Osman, Ketua Pegawai Operasi M-AeroTech, pertumbuhan sektor aeroangkasa telah memperlihatkan peralihan negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.

“Sebagai suatu industri, aeroangkasa mempunyai nilai yang tinggi dan amat menitikberatkan pembangunan modal insan,” jelas beliau. “Usaha mempelbagaikan ekonomi negara adalah amat penting, sekali gus berupaya mengurangkan kebergantungan terhadap sektor tradisi seperti minyak dan gas, apatah lagi dalam keadaan ekonomi sekarang.”

Tambah Zulfikri, Malaysia harus menyedari betapa pentingnya pembinaan sumber negara yang paling asas: rakyatnya.

M-AeroTech ditubuhkan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) pada tahun 2014 bagi melaksanakan usaha niaganya



**Zulfikri Osman,**  
Ketua Pegawai Operasi,  
M-AeroTech

**“Sebagai suatu industri, aeroangkasa mempunyai nilai yang tinggi dan amat menitikberatkan pembangunan modal insan,” jelas beliau. “Usaha mempelbagaikan ekonomi negara adalah amat penting, sekali gus berupaya mengurangkan kebergantungan terhadap sektor tradisi seperti minyak dan gas, apatah lagi dalam keadaan ekonomi sekarang.**”

dalam bidang aeroangkasa. M-AeroTech turut menerajui EPP7 Perkhidmatan Perniagaan - Menjadikan Malaysia sebagai Hab OEM Aeroangkasa di Asia Tenggara.

Zulfikri menyebut bahawa usaha untuk menaikkan industri aeroangkasa telah mendatangkan banyak manfaat serta inovasi dalam pembangunan modal insan MARA, agensi utama yang menyediakan 30 peratus tenaga kerja negara.

“Usaha ini merintis jalan untuk tenaga kerja Malaysia agar sedia untuk menghadapi cabaran industri moden yang bernilai tinggi,” tambah beliau.

Menurut Ketua Pegawai Operasi ini lagi, pelibatan M-AeroTech dalam industri aeroangkasa serta kerjasama dengan PEMANDU ke arah pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi menjadi suatu pengalaman berharga kepada M-AeroTech agar mampu turut serta dalam industri bernilai tinggi dan pembangunan modal insan yang tinggi nilainya.

“Ini membantu kami menyempurnakan matlamat ETP untuk mencipta pekerjaan bernilai tinggi,” kata Zulfikri. “Bersandarkan sebuah

perancangan dan matlamat yang disatukan di bawah ETP, kami lebih berpotensi untuk melakukan sinergi yang lebih baik, malah perangkaian dan kordinasi sesama pihak berkepentingan yang lain dalam Kerajaan juga bertambah baik.”

Sebagai perancangan masa depan, Zulfikri merasakan bahawa peningkatan pembangunan modal insan perlu diterajui oleh industri ini sendiri. Tambah beliau lagi, M-AeroTech akan terus memainkan peranan penting dalam usaha tersebut menerusi pelibatan bersama dengan industri agar berupaya mempertingkatkan keupayaan modal insan dalam MARA.

Selain itu, tambah beliau lagi, PKS perlu dibina secara berterusan agar mereka juga mampu menceburi industri aeroangkasa.

“Hal ini penting bagi menyokong rantaian bekalan, serta memastikan negara memanfaatkan pertumbuhan industri aeroangkasa ke paras maksimum,” tegas Zulfikri.

# MENINGKATKAN KANDUNGAN DAN KESALINGHUBUNGAN



**DATUK SERI PANGLIMA DR.  
MOHD SALLEH TUN SAID KERUAK**

MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

Tahun 2015 sekali lagi membuahkan pencapaian yang memberangsangkan bagi NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi bersandarkan momentum projek-projek terkini serta inisiatif-inisiatif yang telah diperkemas.

Salah satu inisiatif tersebut, Insentif Perfilemen di Malaysia (FIMI), mengalami pertumbuhan luar biasa pada 2015. Kami menyaksikan peningkatan 40 peratus dalam pelaburan penerbitan yang dinilai melebihi RM457 juta. Daripada jumlah tersebut, 98 peratus disuntik pelabur asing, justeru, kita harus melanjutkan usaha untuk mempromosi Malaysia sebagai lokasi perfileman global serta mempermudah pembikinan filem di negara ini.

Sebuah lagi inisiatif, Content Malaysia Pitching Centre yang ditubuhkan pada 2015 mewujudkan sebuah platform bagi penggiat industri kreatif menghasilkan kandungan bertaraf dunia untuk bersaing dalam pasaran global. Penubuhan pusat ini bukan sahaja mengisi lompong yang besar dalam industri bahkan menjadi 'game changer' memandangkan peranannya melahirkan karyawan baharu dalam pembikinan filem,

termasuklah, antaranya, penerbit dan penulis skrip berbakat, pereka gaya rambut dan jurusolek, bakat baharu dalam kesan khas visual dan pengarah filem.

Selain itu, kami terus mencapai kemajuan dalam projek berimpak tinggi bertujuan untuk menyediakan akses jalur lebar berkelajuan tinggi dan memperluas capaian ke kawasan pedalaman dan luar bandar. Usaha ini kami gagahi demi menunaikan janji untuk menambah baik perkhidmatan serta melicinkan kesalinghubungan antara semua pihak bagi memastikan ketersediaan akses jalur lebar yang lebih inklusif diantara bandar dan luar bandar.

Saya tetap optimistik dengan tahun 2016, dimana saya akan memastikan pihak kami terus berkembang dalam sektor ini dengan menyasarkan fokus terhadap pembangunan modal insan dalam industri kreatif dan kandungan kreatif, di samping memperkukuh infrastruktur pemasaran dan komunikasi.

“*Insentif Perfileman di Malaysia telah mengalami pertumbuhan luar biasa pada 2015, dengan menyaksikan peningkatan 40 peratus dalam pelaburan penerbitan yang dinilai melebihi RM457 juta.*”

— **Datuk Seri Panglima Dr Mohd Salleh Tun Said Keruak,**  
Menteri Komunikasi dan Multimedia

**S**ektor Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi (CCI) adalah sebuah ekosistem yang luas merangkumi kandungan kreatif, aplikasi rangkaian, perkhidmatan dan peranti. Pertumbuhan industri CCI menjadi sandaran utama bagi NKEA lain seperti Elektrikal dan Elektronik, Perkhidmatan Kewangan, Pelancongan, Penjagaan Kesihatan, Perkhidmatan Perniagaan, bahkan Pendidikan sekalipun, yang bergantung pada infrastruktur komunikasi untuk memperluas potensi ekonominya.

Dalam menyusun langkah menjelang 2020, sektor ini turut melalui anjakan paradigma untuk beralih daripada hanya menyediakan infrastruktur dan akses Internet kepada warga Malaysia kepada pembekalan aplikasi dan kandungan sebagai persediaan negara menjadi ekonomi berasaskan pengetahuan. Usaha ini ialah peranan kritikal yang dibawa oleh NKEA CCI juga sebagai pemangkin bagi memastikan pembangunan dan kemampuan Malaysia sebagai ekonomi berpendapatan tinggi.

Sektor ini juga menyaksikan ekosistem kandungan kreatif Malaysia bangkit menjadi teras yang penting, malah, bakal diakui sebagai penyumbang ekonomi yang signifikan hasil sokongan

#### DALAM NKEA INI

- 1 Merencanakan Pertumbuhan dalam Industri Kandungan
- 2 Menembusi Sempadan e-Kerajaan
- 3 Mempertingkatkan Asas dan Akses Capaian Jalur Lebar

dan penyertaan peserta industri yang berterusan. Yang menariknya, Malaysia semakin menempa nama sebagai destinasi perfileman yang diperakui. Keyakinan terhadap Malaysia terserlah apabila beberapa penerbit filem terkenal seperti Marco Polo Productions Asia Sdn Bhd, Netflix, The Weinstein Company dan syarikat penerbitan lain menampakkan minat mereka. Keyakinan ini terbukti dengan syarikat-syarikat penerbitan daripada luar negara telah memilih Pinewood Studios di Iskandar Johor untuk dijadikan lokasi penerbitan bagi Fremantle Asia dan Turner Broadcasting System Asia Pacific.

Dalam pada itu, insentif kewangan berjaya menarik dan membawa pulangan hampir setengah bilion ringgit hasil daripada pembikinan pada tahun lalu, dan 98 peratus daripada luar negara. Pada masa yang sama, perkara ini membuka peluang untuk perkhidmatan dan jualan barangan tempatan seperti penginapan, khidmat catering, pengangkutan, pakaian, pembinaan dan pertukangan.

Antara aspek utama NKEA ini adalah untuk memperluas penerapan teknologi terbaru dalam perkhidmatan Kerajaan dengan matlamat untuk menambah baik pelbagai perkhidmatan yang kerap diakses oleh orang awam. Apabila langkah ini siap kelak, 90

peratus transaksi Kerajaan dapat dijalankan sepenuhnya dalam talian justeru hanya 10 peratus lagi yang memerlukan perkhidmatan di kaunter. Usaha yang sudah digerakkan selama ini selari dengan matlamat Kerajaan untuk mewujudkan sebuah sistem 'tanpa kertas' menjelang 2020, sekali gus mengatasi masalah dokumen hilang di samping memudahkan pencarian dokumen dan memperbaiki kaedah penyimpanan rekod.

Hak menggunakan internet, yakni hak kepada jalur lebar, telah diisytiharkan sebagai hak asasi manusia oleh Majlis Hak Asasi Manusia di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi membolehkan setiap

insan bebas memberi pendapat di samping merencanakan pembangunan ekonomi. Namun, kemajuan teknologi telah membawa kepada peningkatan penggunaan maklumat di dalam talian, justeru dengan perkembangan ini, penambahbaikan akses kepada jalur lebar perlu dipertingkatkan. Ini adalah kerana jalur lebar bukan sahaja dimanfaatkan oleh syarikat perniagaan untuk mengakses data dan maklumat, malah, pengguna biasa juga turut menggunakan aplikasi, transaksi di atas talian, portal, dan media sosial. Dalam erti kata lain, kesinambungan jalur lebar kini suatu kemestian memandangkan semakin ramai rakyat Malaysia yang menggunakan khidmat dalam talian.

1

## Merencanakan Pertumbuhan dalam Industri Kandungan



Ekspo Perlesenan 2015 di Las Vegas - tempat perjumpaan bagi industri perlesenan global yang membolehkan syarikat-syarikat dapat mengenalpasti trend yang boleh mewujudkan perkongsian strategik atau memperoleh promosi yang selaras menerusi rakan kongsi yang sesuai atau peluang bagi mengembangkan perniagaan mereka

*Content Malaysia Pitching Centre* (CMPC) yang dilancarkan pada 2015 menghubungkan industri kreatif kepada bantuan pembiayaan dan pembeli kandungan. Peranan utama pusat ini adalah membuat penilaian terhadap daya maju komersial dan memastikan kelayakan bagi kandungan berkaitan, serta menjamin akauntabiliti pembiayaan. Selain itu, pusat ini menyediakan sebuah ruang kemudahan untuk peserta industri berkumpul dan menghadiri bengkel serta kelas kelolaan pakar industri, menyertai acara berkaitan industri dan masyarakat serta berinteraksi dengan pembeli mahupun pengedar kandungan. Sejak April 2015, 72 projek berjaya memperoleh kelulusan untuk dibiayai melalui Content Malaysia Pitching Centre.

Dalam pada itu, penerbitan tempatan dan luar negara kini menikmati rebat 30 peratus daripada jumlah perbelanjaan penerbitan jika diusahakan menerusi Insentif Perfilemen di Malaysia (FIMI). Usaha gigih FIMI telah menyerlahkan hasil apabila 16 syarikat terdiri daripada 13 syarikat asing dan 3 syarikat tempatan layak mendapat rebat tersebut sepanjang tahun 2015, lantas



Marché du Film de Cannes dianggarkan menarik 10,000 orang peserta yang menggunakan acara ini untuk kemunculan pertama dan menemui hampir 4,000 filem dan projek dalam 34 bilik saringan. Pertubuhan Kandungan Kreatif Malaysia (CCAM), sebuah persatuan yang diterajui oleh industri dan disokong oleh kerajaan mengetuai penciptaan kandungan di Malaysia menyertai Marché du Film 2015 bagi membantu mempromosikan filem-filem tempatan

sumbangan keseluruhan dalam pelaburan penerbitan berjaya mencecah RM457 juta. Antara penerbitan yang dimaksudkan ialah Indian Summer Series 2, Asia's Got Talent, Lost in the Pacific dan filem animasi, Supa Strikas.

Di samping insentif menarik daripada FIMI dan bantuan penerbitan lain yang ditawarkan, pembukaan Studio Pinewood Iskandar Malaysia yang serba canggih turut menyumbang kepada kedudukan Malaysia sebagai destinasi perfilemen yang menarik. Pelaburan penerbitan yang tertinggi telah dicatatkan oleh siri Marco Polo Musim-2 pada jumlah RM194 juta diikuti oleh Aankhen 2 dengan jumlah RM47 juta.

Di samping menggalakkan perkongsian kepakaran dan pengetahuan sesama penerbit asing dan warga tempatan yang bekerja dalam kru penerbitan, FIMI juga berperanan merencanakan ekonomi tempatan dengan mewujudkan permintaan untuk barangan dan perkhidmatan berkaitan seperti katering, pembikinan alatan dan sewa kereta yang diperlukan ketika proses penerbitan.

FIMI telah membawa masuk RM893 juta pelaburan produksi ke Malaysia

yang diterjemahkan kepada Pulangan ke atas Pelaburan (ROI) sebanyak 3.27 kali. Selain iut, jumlah perbelanjaan ke atas barang dan perkhidmatan Malaysia oleh syarikat ini terhadap sewaan dan pajakan; pembinaan dan pertukangan kayu, penginapan; makanan dan minuman, dan lain-lain adalah RM406.2 juta.

Produksi sokongan FIMI telah menjana RM156.2 juta dalam pamapasan pekerja di Malaysia, termasuk RM82.8 juta dalam pamapasan pekerja langsung (contohnya, pelakon dan krew Malaysia) dan RM73.4 juta kesan penggandaan pamapasan pekerja daripada industri pembekal. Akhir sekali, produksi sokongan FIMI juga menjana 5,679 Full-time Equivalent (FTE) pekerjaan di Malaysia, termasuk 2,542 FTE bagi pekerja langsung iaitu pelakon dan krew Malaysia serta 3,137 FTE kesan penggandaan pekerjaan dalam industri pembekal.

Selari dengan perkembangan industri kreatif yang semakin giat, permintaan terhadap bakat baharu dan pelakon tambahan juga turut meningkat. Perkembangan tersebut membuka peluang untuk penulis skrip yang berkebolehan untuk menjana pendapatan tambahan

bulanan sehingga melebihi RM15,000 manakala yuran pelakon tambahan pula boleh mencecah RM4,500. Perkembangan ini pastinya disambut baik oleh industri dan warga industri yang terlibat. Sementara itu, program *Creative Industry Lifelong Programme* (CILLP) yang sedia ditawarkan berupaya memupuk dan menggilap bakat kreatif, penulis skrip, pengarah filem, malah sesiapa jua rakyat Malaysia yang berminat untuk berkecimpung dalam industri kreatif. Berbekalkan tawaran masuk ke program yang diiktiraf di institusi berkaitan, pelajar boleh mengajukan permohonan pembiayaan menerusi CMPC. Setakat ini, 310 warga Malaysia yang sedang mengikuti kursus di institusi tempatan dan luar negara telah dibiayai.

## 2

### Menembusi Sempadan e-Kerajaan

Aplikasi didalam e-Kerajaan menggunakan teknologi CCI untuk mempertingkatkan akses dan penyampaian perkhidmatan Kerajaan bagi memberi manfaat kepada rakyat dan sektor perniagaan. e-Kerajaan berupaya mencetuskan persekitaran perniagaan yang lebih baik, memperkukuh tadbir urus, memperluas pelibatan orang awam serta menambah baik produktiviti dan kecekapan agensi Kerajaan.

Antara inisiatif utama untuk merealisasikan agenda e-Kerajaan ialah Sistem Pengurusan Dokumen secara Digital (DDMS). Sistem ini berasaskan ini direka khusus untuk menguruskan penghasilan dan penyelenggaraan dokumen yang diwujudkan secara elektronik untuk kegunaan agensi dalam sektor awam di Malaysia.

Kira-kira 31 buah kementerian dan agensi telah menerima pakai Sistem

Pengurusan Dokumen secara Digital (DDMS) setakat tahun lepas, suatu angka yang jauh menjangkau sasaran awal, iaitu 18. Kadar penerapan yang memberangsangkan ini terbit daripada hasrat Kerajaan untuk meminimumkan penggunaan dan pembuangan kertas dengan menggunakan pendekatan berteraskan penyelesaian secara digital



Pelajar sekolah menggunakan kemudahan Pusat Internet 1Malaysia selepas waktu persekolahan untuk mencari maklumat dan tujuan pendidikan

dan juga untuk mengurangkan kesan perlepasan karbon. Dalam pada itu, DDMS turut dilihat oleh agensi Kerajaan sebagai langkah meningkatkan keselesaan, kecekapan dan ketelusan perkhidmatan kepada rakyat di samping melicinkan urusan transaksi perdagangan.

DDMS berjaya memenuhi matlamat kerajaan Malaysia yang menyasarkan perkhidmatan kerajaan 'tanpa kertas'. Di terajui oleh MAMPU, DDMS turut menyasarkan peningkatan akses, kelajuan dan capaian dalam semua perkhidmatan kerajaan yang disediakan.

## 3

### Mempertingkatkan Asas dan Akses Capaian Jalur Lebar

Matlamat untuk memberi capaian jalur lebar kepada setiap rakyat Malaysia tidak pernah diketepikan. Bagi memastikan matlamat ini tercapai, pendekatan secara khusus telah digerakkan agar akses dan capaian yang bakal disediakan memenuhi kehendak pengguna.

Bagi menunaikan hasrat ini, peruntukan belanjawan dan keutamaan telah diberikan khusus kepada pembangunan infrastruktur. Pada 2015, sejumlah 611 kampung di seluruh Malaysia berupaya menikmati akses Internet menerusi inisiatif Kampung Tanpa Wayar 1 Malaysia. Usaha ini telah membekalkan akses wayarles percuma kepada kampung-kampung terpilih di segenap pelosok negara. Sementara itu, 99 buah Pusat Internet 1 Malaysia

dibina pada 2015 bagi membolehkan masyarakat tempatan di kawasan yang terpinggir memperoleh akses kepada Internet asas dan latihan ICT. Selain itu, 51 menara telekomunikasi turut dibina bagi membuka ruang kepada masyarakat di kawasan tersebut mendapat manfaat liputan telefon mudah alih. Menara-menara ini dibina oleh beberapa syarikat telekomunikasi Malaysia bagi memastikan bahawa pelanggan mereka dapat menikmati akses yang berterusan di mana sahaja mereka berada.

Pada Disember 2015, Telekom Malaysia (TM) mengumumkan 2 buah perjanjian perkongsian awam-swasta yang dimeterai dengan Kerajaan Malaysia untuk pelaksanaan Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 (HSBB 2) dan Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar

(SUBB). Kedua-dua projek yang bakal dilaksanakan oleh TM ini menggunakan teknologi Fibre-to-the-home (FTTH), Ethernet-to-the-home (ETTH) dan VDSL2 untuk membawakan rangkaian akses yang lebih meluas ke premis kediaman dan perniagaan.

Di bawah projek tersebut, 95 ibu sawat tambahan bakal dilengkapi dengan infrastruktur HSBB bagi menyediakan akses kepada 390,000 premis di kawasan keutamaan ekonomi termasuk ibu negeri dan bandar utama terpilih menjelang 2017. Selain itu, projek SUBB akan memberi akses kepada kira-kira 420,000 premis di kawasan pinggir bandar dan luar bandar menjelang 2019. Hasilnya kelak, lebih ramai rakyat Malaysia akan menikmati akses jalur lebar yang lebih baik menjelang 2020.




## TINJAUAN MASA HADAPAN

Untuk tahun 2016, fokus NKEA ini adalah mengkaji semula pencapaian KPI bagi projek-projek yang telah meraih pencapaian di luar dugaan sepanjang 2015. Langkah ini bertujuan mendorong pemilik projek terbabit untuk berusaha dengan lebih gigih agar dapat merealisasikan pencapaian yang lebih terancang. Sementara itu, kami juga berhasrat akan bergabung tenaga dengan pihak berkepentingan dan pemilik projek untuk menyemak semula senarai perbelanjaan mereka. Pemantauan juga akan di perketatkan bagi aspek ini supaya dana yang diperolehi dibelanjakan sebaik mungkin dengan ketika ekonomi sedang berdepan dengan situasi serba mencabar.

Selain itu, kami juga akan mempergiatkan kerjasama dengan pihak berkepentingan yang celik teknologi untuk membantu kami mempertingkatkan pengetahuan dan pemahaman tentang projek teknikal sekali gus menjamin penyelesaian masalah dan pelaksanaan yang lebih pantas.

Secara tuntasnya, pada tahun akan datang, kami akan memberikan penekanan terhadap kesinambungan dasar dan pelaksanaan projek Kerajaan termasuklah Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2, dan Insentif Perfilemen di Malaysia (FIMI). Langkah ini demi memastikan agar setiap sasaran yang tercatat dalam pelan hala tuju NKEA ini diurus secara berkesan, malah dilaksanakan sepenuhnya menjelang 2020.



## MENDAFTAR MASUK BERSAMA LAGISATU

Aplikasi buatan Malaysia, LagiSatu, menyasarkan tujuan untuk menembusi pasaran pelancongan Muslim melalui penawaran enjin carian yang menyenaraikan hotel-hotel mesra Muslim bagi pelancong yang berminat.

“Kami amat gemar melancong, tetapi pada waktu yang sama, kami tidak mahu mengabaikan pegangan dan amalan kami ketika melancong,” ujar Faez Fadhillah, Pengasas Bersama LagiSatu. LagiSatu menawarkan keunikan tersendiri berbanding aplikasi lain dalam pasaran berdasarkan penarafan mesra Muslim yang diselitkan dalam aplikasi tersebut, di samping semua penawaran pelancongan dan aktiviti yang menepati kehendak pelancong Muslim.

Menurut Faez, pada awalnya, tidak ramai yang yakin akan kemampuan

beliau dan pasukan kerjanya untuk berjaya. “Pada siang hari, kami mengusahakan platform dan teknologi kami, sementara pada waktu malam pula kami bekerja bebas untuk membiayai perniagaan kami yang baru hendak bertapak,” tambah Faez.


Dalam pada itu, sokongan daripada pelbagai pihak serta pihak berkepentingan termasuklah rangkaian hotel, organisasi pelancongan negara serta institusi kerajaan amat penting. Menurut Faez, kerajaan Malaysia pada ketika ini menawarkan banyak inisiatif untuk perniagaan yang baru hendak bermula serta inisiatif untuk pemilik perniagaan. LagiSatu turut beroleh manfaat kerana statusnya sebagai syarikat berstatus MSC yang memberikannya akses kepada program pendidikan dan sokongan pembiayaan.

“Penyertaan dalam inisiatif seumpama ini membantu memberikan rangka struktur kepada perniagaan. Hal ini banyak membantu terutamanya pada peringkat awal ketika memulakan syarikat,” jelas Faez.

Setakat ini, pengguna aplikasi tersebut bukan hanya terdiri daripada rakyat Malaysia, bahkan turut merangkumi rakyat bukan-Malaysia yang majoritinya ialah pelancong Asia Tenggara, negara-negara Timur Tengah dan Afrika Utara, dan juga Eropah.

“Kami agak kehairanan apabila menerima tempahan daripada pelancong bukan Muslim. Ini menunjukkan bahawa penawaran produk mesra Muslim bukan bererti kami meletak kriteria yang eksklusif,” tegas Faez.

Pulangan yang diraih oleh LagiSatu meningkat dengan pantas setelah





**Faez Fadhillah**  
Pengasas Lagi Satu

“Menjual produk pelancongan adalah suatu keistimewaan kerana setiap pengguna menunggu peluang waktu yang terbaik untuk melancong dan inilah masa yang dinanti-nantikan oleh mereka setiap tahun. Maka, kami serius memegang janji kami iaitu menawarkan produk pelancongan yang terbaik untuk pengguna kami

pelancarannya, malah, pertumbuhan dari bulan-ke-bulan juga didapati tinggi. Menurut Faez, faktor penting yang harus ditekankan adalah meneruskan penambahbaikan perkhidmatan kepada pengguna secara konsisten di samping menjadikan kualiti produk dan perkhidmatan sebagai tanda aras kejayaan.

“Menjual produk pelancongan adalah suatu keistimewaan kerana setiap pengguna menunggu peluang waktu yang terbaik untuk melancong dan inilah masa yang dinanti-nantikan oleh mereka setiap tahun. Maka, kami serius memegang janji kami iaitu menawarkan produk pelancongan yang terbaik untuk pengguna kami,” ujar beliau lagi.

Lagi Satu diasaskan pada 2013 dan kini mempunyai lebih 350, 000 hotel dalam pangkalan datanya. Laman web tersebut boleh dilayari di [www.tripfez.com](http://www.tripfez.com).



# MEMBANGUNKAN MODAL INSAN NEGARA



**DATO' SERI  
IDRIS JUSOH**

MENTERI PENDIDIKAN TINGGI

Perkongsian Awam-Swasta (PPP) merupakan perkara penting yang berupaya meningkatkan kebolehpasaran graduan. Dengan kepakaran sektor swasta sebagai sandaran utama, Kerajaan berupaya menyuntik pengalaman, metodologi dan juga sumber baharu ke dalam sistem pendidikan Malaysia untuk mewujudkan sebuah tenaga kerja yang tinggi kebolehpasarannya sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Bakat yang terbaik dalam pendidikan tinggi juga akan membolehkan Malaysia terus menambah baik tawaran pendidikan dan memperkukuh kedudukannya sebagai sebuah hab pendidikan serantau serta sebuah destinasi pengajian yang menarik.



**DATO' SERI  
MAHDZIR KHALID**

MENTERI PENDIDIKAN

Sektor swasta terus mengekalkan peranannya sebagai penyumbang utama kepada kualiti dan akses pendidikan prasekolah untuk kanak-kanak kita. Oleh itu, Kementerian akan meningkatkan kerjasama dengan sektor swasta untuk membangunkan pendidikan prasekolah bermutu tinggi kerana langkah ini turut menjadi asas kukuh yang bakal mengisi kumpulan bakat negara yang berkemampuan tinggi. Usaha ini termasuklah peningkatan kemahiran dan kelayakan warga pendidik dalam sektor ini.

Perkongsian Awam-Swasta juga akan digunakan sebagai landasan untuk mempergiat sokongan terhadap pelbagai inisiatif, termasuklah mempromosi kemahiran berbahasa Inggeris dan pendidikan kepada pelajar berkeperluan khas (SEN). Malah, institusi pengajian tinggi swasta, pemain industri dan Kerajaan sendiri telah bergabung tenaga untuk membuka lebih banyak peluang kepada belia yang tergolong sebagai pelajar berkeperluan pendidikan khas.

**“Keupayaan Perkongsian Awam-Swasta untuk terus memacu NKEA Pendidikan sememangnya tidak dapat disangsikan lagi, berasaskan kerjasama yang terjalin mudah antara kerajaan dan sektor swasta untuk membangunkan modal insan.**

**K**ualiti dan keupayaan kumpulan pekerja berbakat merupakan komponen kritikal dalam usaha mentransformasikan Malaysia, apatah lagi tatkala ekonomi semakin beralih kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan yang bernilai tambah dan bernilai tinggi, yang memerlukan teknologi dan inovasi memainkan peranan yang besar.

Oleh itu, usaha menjana kumpulan pekerja berbakat yang berkualiti untuk menampung permintaan yang dicetuskan oleh transformasi ekonomi terus menjadi fokus pada 2015 dan pada tahun-tahun seterusnya.

Menyedari keperluan tersebut, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah berpadu tenaga dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta kementerian-kementerian lain untuk menambah baik kualiti dan mempertingkatkan kumpulan modal insan negara. Kementerian turut berganding bahu dengan sektor swasta untuk mengurangkan masalah ketidakpadanan penawaran modal insan dan permintaan industri.

#### DALAM NKEA INI

1

Malaysia Terus Memfokuskan Usaha untuk Menjadi Hab Pendidikan Pilihan

2

Perkongsian Awam-Swasta Menjana Pembinaan Keupayaan

3

Pemfokusan Terhadap Kluster bagi Melonjakkan Kualiti Penawaran Pendidikan Malaysia

NKEA Pendidikan akan terus mendorong pertumbuhan industri pendidikan di samping memastikan penawaran pendidikan kita mampu mengisi keperluan sebuah ekonomi berpendapatan tinggi dan berdaya saing di tahap global. Bahkan, NKEA ini turut berperanan menyalurkan bakat kepada semua NKEA lain bagi menjamin modal insan yang mencukupi dan mengekalkan pertumbuhan serta pembangunan ekonomi negara.

1

## Malaysia Terus Memfokuskan Usaha untuk Menjadi Hab Pendidikan Pilihan

NKEA Pendidikan meliputi seluruh spektrum pendidikan dalam negara bermula daripada penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak sehinggalah latihan kemahiran profesional. Dengan memanfaatkan lokasi Malaysia serta akses yang strategik dari seluruh pelusok Asia Tenggara, inisiatif yang diusahakan di bawah NKEA ini turut menyasarkan hasrat untuk menempatkan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau sekali gus memaksimumkan potensi penajaan hasil daripada sektor ini.

Pasukan Petugas Pelajar Antarabangsa yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi adalah salah sebuah platform yang membolehkan proses perundingan dengan pihak berkaitan daripada sektor awam dan swasta, bertujuan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab pendidikan yang berjaya.

Lanjutan usaha dalam mewujudkan hab ini telah berjaya menarik lebih ramai pelajar luar negara ke Malaysia, bukan setakat untuk meneruskan pengajian tertiar bahkan program latihan teknikal dan vokasional. Pada 2015, sejumlah 140,420<sup>1</sup> pelajar antarabangsa diterima masuk mengikuti pelbagai kursus di institusi pengajian tinggi awam dan swasta, termasuklah institusi latihan kemahiran, sekolah swasta dan juga sekolah antarabangsa, melepasi sasaran tahun ini pada 3.1 peratus.

Sementara itu, Education Malaysia Global Services (EMGS), iaitu syarikat yang ditubuhkan di bawah KPT merupakan badan terpenting yang bukan hanya berperanan memasarkan Jenama Pendidikan Malaysia malah turut memikul tugas menguruskan permohonan, pemprosesan dan pembaharuan visa pelajar antarabangsa yang memasuki institusi pengajian tinggi, institusi latihan kemahiran, pusat bahasa dan sekolah swasta dan antarabangsa.

Peranan EMGS di bawah EPP12 sebagai pusat sehenti bagi pelajar antarabangsa diteruskan, antara lain, mengalu-alukan ketibaan pelajar, memberikan keselesaan dan mewujudkan suasana yang menyenangkan pelajar untuk menyesuaikan diri di Malaysia. EMGS turut mengembangkan usaha pemasarannya untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke Malaysia.

Pada 2015, terdapat lebih 140,420 pelajar antarabangsa yang terdiri daripada 113,711 di institusi pengajian tinggi, 26,709 di sekolah swasta dan antarabangsa. ETP menyasarkan enrolmen 200,000 pelajar antarabangsa menjelang 2020.

Di samping itu, EduCity, sebuah inisiatif di bawah EPP11 pula ialah konsep unik yang menggabungkan beberapa universiti dalam sebuah hab pendidikan yang lengkap, membolehkan pelajar tinggal, belajar dan beriadah di satu lokasi tunggal. Pada 2015, enrolmen

pelajar di institusi Educity meningkat 43 peratus kepada 4,022 pelajar berbanding 2,822 pelajar pada tahun 2014.

EduCity juga meneruskan usaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan yang dibawakannya melalui kerjasama pelbagai pihak. Pasukan petugas dibentuk pada suku pertama 2015, yang terdiri daripada wakil pengurusan EduCity dan institusi di dalam Educity, dengan KPT berperanan sebagai fasilitator. Pasukan ini memastikan sebarang isu yang tercetus melibatkan Educity diselesaikan secara kolektif oleh setiap pihak terbabit. Inisiatif ini turut memperkukuh gabungan kerjasama antara pihak berkepentingan sehingga mencapai potensi maksimum hab tersebut, iaitu menjadikannya hab pendidikan bertaraf antarabangsa. Institusi-institusi pendidikan ini menangani setiap isu bersama-sama agar pelajar mereka memperoleh kualiti pendidikan dan pengalaman yang terbaik semasa berada di EduCity.

EPP ini turut berhasrat menyalurkan modal insan kepada industri-industri lain di Malaysia sekali gus menjadi penyumbang utama kepada Iskandar Malaysia dan pertumbuhan ekonomi negara.



Lebih ramai pelajar antarabangsa yang datang ke Malaysia untuk pendidikan asas dan pengajian tinggi serta pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional

<sup>1</sup> Berdasar data yang telah diperakui oleh PwC dalam Tatacara yang Dipersetujui. Rujuk kepada bab "Tatacara yang Dipersetujui" mengenai proses AUP.



Heriot-Watt University merupakan kampus baru yang terletak di lokasi strategik iaitu Putrajaya

Berlatarkan usaha di bawah EPP15 pula, Malaysia kini mempunyai bilangan kampus cawangan yang tertinggi di dunia. EPP ini telah melonjakkan nama Malaysia sebagai destinasi terpilih untuk perniagaan dan pendidikan yang membawa kepada penubuhan kampus cawangan universiti luar negara.

Dalam beberapa tahun yang lepas, empat kampus cawangan universiti tersohor dunia ditubuhkan di Malaysia di bawah NKEA Pendidikan, terdiri daripada Heriot-Watt University Malaysia (HWUM), Newcastle University of Medicine Malaysia (NUMed), University of Reading Malaysia (UoRM) dan University of Southampton Malaysia (USMC). Selain itu, Universiti Xiamen dari China turut menubuhkan kampus cawangannya di Malaysia dengan pengambilan pertama bermula pada bulan Februari 2016. Antara program yang bakal ditawarkan ialah ijazah sarjana muda sastera dalam Pengajian Cina dan Perubatan Tradisional Cina. Kampus-kampus cawangan ini telah menggembelng tenaga untuk

menawarkan kursus dan program baharu kepada pelajar serta memperkukuh usaha pemasaran untuk menarik pelajar bukan hanya dari dalam negara, malah dari seluruh pelosok dunia.

Bagi HWUM, program yang sama turut ditawarkan di kampusnya di Edinburgh, Dubai dan Malaysia, maka pelajar berpeluang untuk meneruskan pengajian mereka di kampus yang lain, sekali gus memanfaatkan pengalaman belajar di luar negara. Pada 2015, 30 pelajar Edinburgh melanjutkan pengajian mereka ke Malaysia selama 1 tahun, sementara 15 pelajar Malaysia pula bertukar kampus ke Edinburgh untuk pengajian selama setahun hingga dua tahun. Kerajaan Malaysia sentiasa menggalakkan pertukaran pelajar antara kampus utama dan cawangannya. Sehubungan dengan itu, kerajaan turut melonggarkan syarat penyaringan keselamatan bagi pelajar yang datang dari kampus utama untuk belajar di kampus cawangannya di Malaysia.

Di samping itu, HWUM diperakui kecemerlangannya berlatarkan nilai profesional ijazah yang ditawarkan serta kebolehgajian graduannya. Pada 2015, HWUM melancarkan 24 kursus baharu di kampus Malaysia dalam pengajian ijazah sarjana muda dan sarjana, termasuk kursus Kejuruteraan, Sains Aktuari, Pembinaan, Perakaunan dan Pengurusan Perniagaan. Aspek-aspek tersebut merupakan bidang utama yang menyumbang kepada ekonomi Malaysia di samping menyokong inisiatif ETP untuk mentransformasikan Malaysia kepada negara berpendapatan tinggi. Bersandarkan program tambahan tersebut, HWUM kini mempunyai 25 kursus, malah berhasrat menjadikan bilangan program 28 pada tahun 2020. Jumlah pelajar disasarkan meningkat kepada 4,000 menjelang 2020, dengan tenaga kerja 300 orang. Setakat 2015, HWUM mempunyai 1,010 pelajar, 20 peratus daripadanya pelajar antarabangsa manakala tenaga kerja seramai 150 orang.

Selain itu, HWUM turut bekerjasama dengan rakan industri untuk membina kemahiran graduan ke tahap daya saing lebih tinggi agar sejajar dengan keperluan kerjaya mereka. Hal yang demikian ini akan melonjakkan kebolehgajian graduan dalam kerjaya pilihan mereka ke tahap maksimum sehingga mencapai taraf antarabangsa. Rakan industri mereka termasuk Shell, Schlumberger, Loh & Loh, YTL Corporation, MNRB Holdings, Malaysian Rubber Export Promotion Council (MREPC), dan Great Eastern, justeru membuka peluang pekerjaan kepada graduan HWUM.

Penubuhan kampus-kampus cawangan ini memberikan peluang kepada pelajar mendapatkan pendidikan di Malaysia yang setara mutunya dengan kampus utama namun dengan yuran pengajian yang jauh lebih murah. Usaha ini membantu pelajar Malaysia meraih pendidikan bertaraf dunia pada kos yang lebih rendah, pada masa yang sama, menjadi daya penarik untuk Malaysia sebagai hab pendidikan disebabkan kos pengajian yang perlu dibayar tidaklah semahal kampus utama.

Dalam pada itu, KPT terus menerima permohonan bagi penubuhan kampus cawangan, namun moratorium yang masih dikenakan ketika ini tidak membenarkan penubuhan IPTS baharu, lantas EPP ini dijangka lebih perlahan pada tahun-tahun akan datang. Moratorium ini bertujuan agar kapasiti berlebihan dalam program sedia ada dipenuhi terlebih dahulu di samping membolehkan IPTS memfokuskan rasionalisasi dan konsolidasi sektor pendidikan swasta. Pada waktu yang sama, IPTS akan berpeluang menambah baik kualiti program yang ditawarkan di kampus masing-masing.

Terdapat 140 sekolah antarabangsa pada tahun 2015, berbanding 57 pada 2010, melepasi sasaran awal Kerajaan iaitu 87 sekolah menjelang 2020. Jumlah enrolmen pelajar pada 2015 ialah 50,581<sup>2</sup> terdiri daripada 28,797<sup>2</sup> pelajar tempatan dan 21,784<sup>2</sup> pelajar antarabangsa.

Enrolmen sekolah antarabangsa dijangka meningkat kepada 75,000 pada tahun 2020, justeru inisiatif

di bawah EPP<sup>3</sup> turut merangkumi peningkatan taraf dan perluasan sekolah antarabangsa yang sedia ada dan menarik masuk pengusaha sekolah antarabangsa yang baharu ke Malaysia.

Dalam perkembangan yang lain, International School of Kuala Lumpur yang serba canggih bernilai RM350 juta bakal dibina dan disasarkan menarik 2,500 pelajar antarabangsa dan pelajar Malaysia yang pulang ke negara. Kampus baharu di Ampang Hilir, Kuala Lumpur ini bercirikan konsep alam sekitar yang mampan, teknologi tercanggih, fasiliti untuk pembelajaran mata pelajaran sains, bahasa dan kemanusiaan bertaraf dunia di samping fasiliti lain seperti kesukanan, teater, muzik dan seni.

Sekolah-sekolah seumpama ini diyakini melonjakkan Malaysia agar berjaya menyaingi negara-negara ASEAN di samping membawa masuk syarikat-syarikat multinasional untuk membina dan mengembangkan tapak perniagaan serantau mereka di Malaysia.

Kampus baharu ini dijangka menjana impak setinggi RM14.2 juta kepada PNK menjelang 2020.

Pada masa yang sama, Persatuan Kebangsaan Institusi-institusi Pendidikan Swasta (NAPEI) bersama Bahagian Pendidikan Swasta di KPM telah melancarkan inisiatif pemasaran dan promosi di negara sasaran utama, termasuk Vietnam dan Indonesia, untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke Malaysia.

Penubuhan sekolah-sekolah seumpama ini sering terbentuk daripada perkongsian bersama dengan pemaju hartanah tempatan. Sebagai contoh, Tropicana Group Berhad dan St Joseph's Institution International School, SP Setia Berhad Group dan Ternby Schools Group, Perdana ParkCity Sdn Bhd dan Brighton Education Group, malah termasuk kerjasama yang bakal dimeterai oleh YTL Berhad dan British Council untuk penubuhan sekolah antarabangsa baharu di Sentul West.



International School of Kuala Lumpur yang serba canggih bernilai RM350 juta bakal dibina akan bercirikan konsep alam sekitar yang mampan, teknologi tercanggih, fasiliti untuk pembelajaran mata pelajaran sains, bahasa dan kemanusiaan bertaraf dunia di samping fasiliti lain seperti kesukanan, teater, muzik dan seni

<sup>2</sup> Berdasar data yang telah diperakui oleh PwC dalam Tatacara yang Dipersetujui. Rujuk kepada bab "Tatacara yang Dipersetujui" mengenai proses AUP



**Mohd Yazid Abd Hamid**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Education Malaysia Global  
Services (EMGS)

# MEWUJUDKAN SEBUAH HAB PENDIDIKAN GLOBAL DI MALAYSIA

Malaysia pada ketika ini tersenarai pada kedudukan ke-12 sebagai destinasi pengajian tinggi yang paling digemari oleh pelajar antarabangsa dan Kuala Lumpur telah meraih kedudukan teratas dunia sebagai bandar dengan kos pengajian dan sara hidup paling rendah untuk pelajar. Walaupun telah berjaya mencapai kedudukan tersebut, daya saing serantau yang semakin meningkat bererti bahawa Malaysia perlu memperkukuh persaingan dan tarafnya sebagai hab pendidikan antarabangsa pilihan, menurut Mohd Yazid Abd Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif Education Malaysia Global Services (EMGS).

“EMGS diamanahkan bukan hanya untuk mencipta sebuah jenama Pendidikan Malaysia pada tahap global malah turut dipertanggungjawabkan untuk menyediakan perkhidmatan berbentuk holistik untuk pelajar antarabangsa.”

“Malaysia perlu meningkatkan daya saing serantau. Kami telah memantapkan inisiatif pemasaran serta promosi antarabangsa di samping mempergiatkan aktiviti bersama pelbagai pihak berkepentingan di dalam industri pengajian tinggi pada tahap global.”

Pada 2015, EMGS telah melaksanakan sejumlah 34 aktiviti promosi antarabangsa merentasi 22 negara. Aktiviti tersebut termasuklah pameran pendidikan antarabangsa, siri jelajah Pendidikan Malaysia di samping inisiatif penglibatan berbentuk kluster bersama dengan agendapengambilan pelajar serta penaja pelajar antarabangsa. Malah, EMGS turut bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi terutama dalam mempromosikan program mobiliti pelajar.

“Pada 2015, kami menjalankan kempen pengiklanan merentasi 12 negara untuk menyokong inisiatif pemasaran kami. Selain usaha memperluas kehadiran Education Malaysia di pasaran utama seperti Asia, Asia Tenggara, Timur Tengah dan Afrika, kami turut mengembangkan sayap ke pasaran baharu iaitu Brazil, Turki dan Morocco,” jelas Yazid.

Selain itu, menurut beliau lagi, kempen agresif yang dilancarkan oleh EMGS telah menyerlahkan peningkatan yang mantap dalam jumlah enrolmen pelajar antarabangsa dari tahun ke tahun. Pada Tahun 2015, jumlah enrolmen pelajar antarabangsa di institusi

pengajian tinggi (IPT) dan juga di sekolah antarabangsa mencecah 151,979<sup>3</sup> orang. Jumlah ini mencerminkan peningkatan sehingga 12 peratus berbanding 135,502 enrolmen pelajar pada 2014. Daripada jumlah 151,979<sup>3</sup> ini, 80.3 peratus merupakan enrolmen di IPT dengan pecahan 41 peratus dalam program ijazah, 40 peratus dalam program diploma dan 9 peratus dalam program pascasiswazah. “Nisbah pelajar antarabangsa dengan pelajar tempatan pada tahun 2015 meningkat kepada 12:100 berbanding 5:100 pada tahun 2002.”

Sementara itu, untuk mempertingkatkan keselamatan pelajar antarabangsa, pada 2014, EMGS berganding tenaga dengan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia untuk memperkenalkan i-kad, iaitu kad pengenalan rasmi bagi pelajar antarabangsa. I-kad memudahkan pelajar kerana mereka tidak lagi diwajibkan membawa pasport mereka ke sana sini sekali gus mengurangkan risiko kehilangan atau kecurian pasport. Pada tahun 2015, EMGS telah memperkenalkan sebuah aplikasi mudah alih yang memudahkan pegawai penguatkuasa memeriksa kesahihan i-kad pelajar dengan menggunakan telefon pintar atau komputer atas talian.

Menurut Yazid, di dalam masa terdekat, EMGS akan turut memperkukuh kehadirannya di Timur Tengah, Asia, Amerika Selatan, Korea Selatan dan Jepun.

“Kami akan meneruskan usaha berlandaskan platform B2B dan menyasarkan inisiatif G2G bagi manfaat pelajar tajaan kerajaan. Di samping itu, kami akan memberikan fokus terhadap peningkatan penglibatan pelajar antarabangsa di Malaysia menerusi projek-projek sosial dan projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Usaha ini kami harap dapat mewujudkan semangat kekitaan dalam kalangan pelajar sekali gus membantu mereka menyesuaikan diri dalam masyarakat tempatan yang berbilang budaya.”

Pada 2016, EMGS berhasrat untuk membuka Pusat Pelajar Antarabangsa di pintu masuk utama iaitu di KLIA dan KLIA2. “Dengan adanya pusat ini kelak, kami akan dapat menyambut ketibaan pelajar secara lebih efektif termasuk menyediakan taklimat ringkas bagi pelajar yang baru tiba buat pertama kali di Malaysia sebagai persediaan awal untuk mereka menetap dan belajar di Malaysia dengan selesa.”

<sup>3</sup> Enrolmen pelajar antarabangsa diperolehi hanya selepas proses AuP oleh PwC telah siap

# MELAHIRKAN BAKAT BAGI MEMENUHI PERMINTAAN



**Profesor Bob Craik**  
Provos dan Ketua Pegawai  
Eksekutif di Heriot-Watt  
University Malaysia (HWUM)

Mutakhir ini, golongan majikan cenderung mencari graduan yang bukan hanya terserlah dalam kelayakan akademik mereka malah turut memaparkan kemahiran berkomunikasi, analisis dan penyelesaian masalah, serta kemampuan kerja berpasukan. “Majikan mempunyai pelbagai kehendak yang berbeza. Ada yang mahukan graduan yang produktif untuk menggalas tugas mereka sebaik sahaja diambil bekerja tanpa mengambil kira kemahiran yang diperlukan untuk disesuaikan dengan keperluan perubahan perniagaan. Seseengah syarikat pula, terutamanya syarikat-syarikat multinasional, lebih tertumpu kepada kemahiran yang boleh digunakan untuk jangka masa panjang dan menyediakan sokongan kepada para graduan untuk memulakan karier mereka.

Pendidikan universiti yang tidak membekalkan siswazah mereka dengan aspek kemahiran umum selain pengetahuan teknikal yang utuh pastinya tidak berupaya melahirkan bakat yang berjaya di pasaran dunia,” tegas Profesor Bob Craik, Provos dan Ketua Pegawai Eksekutif di Heriot-Watt University Malaysia (HWUM).

HWUM ditubuhkan di Putrajaya pada September 2012 sebagai kampus cawangan Heriot-Watt University, yang berpusat di Edinburgh, United Kingdom (UK) yang usianya sudah menjangkau hampir 200 tahun.

Menurut Craik, cawangan universiti UK dan Australia di Malaysia kini melaksanakan gaya pembelajaran yang kurang menggunakan kaedah penghafalan fakta gaya lama tetapi lebih menekankan kaedah penggunaan ilmu

pengetahuan bagi tujuan analisis dan penyelesaian masalah kerana kedua-dua kaedah ini merupakan kemahiran yang dititikberatkan oleh majikan.

Sektor pengajian tinggi di Malaysia sudah terbangun kukuh justeru banyak universiti berprestasi tinggi dalam negara, ujar Craik. Walau bagaimanapun, banyak institusi masih lagi cenderung mengutamakan kaedah pembelajaran tradisional yang hanya menilai fakta dan pengetahuan, oleh itu, tidak semua graduan bersedia untuk pekerjaan di peringkat global.

Namun, berlatarkan perkembangan hari ini yang menyaksikan banyak maklumat terpapar percuma dalam internet, penekanan terhadap pelajar semakin menjurus kepada aplikasi ilmu dan kemahiran dalam aspek penyelesaian sesuatu masalah. Semua universiti sedang mengorak langkah ke arah kaedah ini tetapi terdapat universiti yang tidak bergerak secepat yang lain. Perubahan mengambil masa dan memberi manfaat yang sama di peringkat sekolah,” tambah Craik lagi.

Kewujudan universiti luar negara yang bertaraf tinggi di Malaysia, seperti HWUM memberi peluang kepada pelajar Malaysia memperoleh pendidikan UK terbaik tanpa perlu meninggalkan negara. Selaku universiti yang beroperasi secara global, HWUM berupaya melahirkan graduan di seluruh dunia yang setara dari segi pengetahuan dan kemahiran tanpa mengira lokasi di dunia. Bahkan majikan daripada syarikat multinasional yang besar percaya dengan kebolehan graduan Herriot-Watt juga

Tambah Craik lagi, universiti luar

negara dianggap lebih menarik oleh pelajar asing lantas turut membantu memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab pengajian tinggi bertaraf antarabangsa.

Buat masa ini, HWUM menawarkan program pengajian asasi, pengajian ijazah sarjana muda dan sarjana bagi kursus Kejuruteraan (Kimia, Petroleum, Mekanikal, Kejuruteraan Elektrik dan Awam), Ukur Bahan Pembinaan, Perniagaan, Perakaunan, Sains Aktuari dan Psikologi. HWUM yang memulakan operasinya pada 2013 kini mempunyai 1,000 pelajar dan merancang untuk meningkatkan kira-kira 6,000 pelajar di bawah Fasa 2.

Dalam pada itu, program Go Global yang dilancarkan baru-baru ini oleh HWUM ialah inisiatif baharu bertujuan untuk menggalakkan pertukaran pelajar antara kampus. 15 pelajar Malaysia telah melanjutkan pengajian mereka di kampus UK sepanjang 2015 manakala 30 pelajar UK pula bertukar ke kampus Malaysia. Bilangan pelajar yang menyertai program ini dijangka akan terus meningkat dengan penyebaran berita tentang peluang-peluang menarik belajar di luar negara oleh para pelajar tanpa perlu menghadapi masalah dengan perubahan institusi.

“Penambahbaikan yang sedang kami usahakan termasuklah semakan kurikulum yang disasarkan terhadap penerapan kaedah pengajaran yang baharu serta penggunaan teknologi untuk menyokong pembelajaran. Fasa ke-2 dalam usaha peluasan kami pula bakal menyaksikan pembinaan fasiliti penyelidikan yang meluas serta peningkatan portfolio program yang kami tawarkan.”

## Perkongsian Awam-Swasta Menjana Pembinaan Keupayaan

Keupayaan Perkongsian Awam-Swasta untuk terus memacu NKEA Pendidikan sememangnya tidak dapat disangsikan lagi, berasaskan kerjasama yang terjalin mudah antara kerajaan dan sektor swasta untuk membangunkan modal insan. Dengan kepakaran sektor swasta sebagai sandaran utama, Kerajaan berupaya menyuntik pengalaman, metodologi dan juga sumber baharu ke dalam sistem persekolahan awam, justeru meningkatkan peluang kepada pelajar di seluruh negara mendapatkan pendidikan berkualiti.

Bagi mengangkat reputasi global negara sebagai hab pendidikan, kementerian berusaha mendorong jalinan PPP sebagai usaha memperbaiki penawaran pendidikan sekali gus menarik pelaburan yang lebih tinggi di dalam dan luar negara.

PPP sudah diusahakan sejak 2011 lagi, antaranya, agihan bantuan yuran kepada kanak-kanak prasekolah daripada golongan berpendapatan rendah, serta latihan yang dianjurkan bagi manfaat 21,000 guru prasekolah swasta antara tahun 2010 dan 2011, bertujuan mempertingkatkan kualiti mereka. Pada 2015, KPM membentangkan sebuah rangka panduan PPP yang telah disemak semula, untuk dimanfaatkan oleh pemain sektor swasta ketika menjalinkan perkongsian dengan Kerajaan.

Di bawah Pelan Tindakan Pelancongan Langkawi yang dilancarkan pada 2011, kerjasama antara Kolej Komuniti Langkawi dan Taylor's University dilaksanakan dengan jayanya, membolehkan Kolej Komuniti tersebut menyelaraskan beberapa aspek termasuk pembangunan kurikulum, peningkatan kemahiran pensyarah dan infrastruktur serta pembinaan kerjasama dengan pemain industri. Sejak PPP ini, 85 pelajar daripada kelompok pertama sudah lulus pengajian mereka pada Oktober 2015. Lanjutan inisiatif ini

bakal menyaksikan penubuhan Akademi Pelancongan di Kota Kinabalu dengan pelaburan komited bernilai RM80 juta bermatlamat untuk membangunkan tenaga kerja bertaraf dunia bagi industri pelancongan di Sabah, selaras dengan Pelan Tindakan Pelancongan.

Kelebihan pendidikan awal yang diberikan kepada kanak-kanak terbukti membawa impak jangka panjang yang signifikan kepada pelajar, bukan setakat pencapaian yang lebih cemerlang di sekolah, malah, turut melahirkan modal insan yang hebat dengan daya tuntutan kebolehpasaran yang lebih tinggi. Oleh itu, penambahbaikan dalam bidang penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) di bawah EPP1 mampu membawa kesan ketara dari segi sosial dan ekonomi berserta peluang untuk membawa penyertaan sektor swasta.

Peluang perniagaan yang besar menanti bidang ECCE berkualiti tinggi di Malaysia ekoran peningkatan pesat dalam permintaan prasekolah yang berkualiti. Sejumlah 426,246 enrolmen pelajar berumur antara 4 dan 5 tahun kini tercatat di prasekolah swasta setakat ini, menyumbang 50.75 peratus daripada jumlah keseluruhan enrolmen prasekolah di seluruh negara. Pasaran ini sarat dengan peluang memandangkan kadar enrolmen seluruh negara dilaporkan kini mencecah 84.63 peratus, walhal sasaran enrolmen menjelang 2020 ialah 97 peratus. Oleh itu, ECCE berpeluang menjana RM 2.4 bilion kepada PNK dan 78,000 pekerjaan menjelang 2020.

Disebabkan sumber yang terhad, peranan sektor awam dalam membangunkan ECCE ini juga terbatas maka sektor swasta digesa untuk berperanan lebih besar untuk membantu mencapai sasaran enrolmen prasekolah sebanyak 95 peratus dan 25 peratus bagi enrolmen penjagaan kanak-kanak menjelang 2020.

417 prasekolah swasta dan 222 pusat penjagaan kanak-kanak swasta baharu ditubuhkan pada 2015, lantas menjadikan jumlah prasekolah swasta 7157 dan jumlah pusat penjagaan kanak-kanak 3286. Tahun ini turut menyaksikan pelaksanaan sistem penilaian sendiri dalam talian yang dipertingkat untuk dimanfaatkan oleh pelajar prasekolah awam dan swasta. Sistem penilaian ini dijadikan lebih sesuai dan seimbang bagi kegunaan kedua-dua prasekolah awam dan swasta.

Penekanan untuk tahun ini disasarkan terhadap peningkatan kualiti prasekolah berasaskan kaedah penilaian sendiri yang lebih mantap dan memperluas penyertaan prasekolah dalam program penilaian tersebut. Bersandarkan kaedah dan latihan yang dipertingkat, diharapkan sekolah-sekolah yang berprestasi rendah berupaya mencapai standard yang diperlukan.

Dalam perkembangan yang sama, kerajaan akan meneruskan bantuan yuran kepada keluarga yang berpendapatan rendah hingga sederhana bagi menjamin setiap kanak-kanak berpeluang mendapat pendidikan prasekolah yang berkualiti. Berhubung dengan hal ini, kerajaan turut menggesa keterbukaan prasekolah yang belum berdaftar agar segera tampil bekerjasama dan mendaftarkan sekolah mereka dengan KPM sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan sektor ini.

PPP turut dimanfaatkan sebagai kaedah untuk mempertingkatkan kualiti tenaga pengajar ECCE, inisiatif di bawah EPP2. Bilangan guru bertauliah di institusi ECCE swasta masih mengundang kebimbangan pelbagai pihak. Salah satu penyebab utama guru kurang berminat mengikuti kelayakan formal adalah kerana guru ECCE dalam sektor swasta tidak memerlukan sebarang kelayakan formal untuk mengajar.

Untuk mengatasi isu ini, KPM telah mempertimbangkan dengan serius sama ada hendak memperkenalkan dasar baharu yang mewajibkan kelayakan minimum kepada guru prasekolah. Langkah ini melibatkan sesi perbincangan sesama beberapa Kementerian, agensi dan sektor swasta. Kabinet dijangka memutuskan isu ini pada 2016. Usaha menambah bilangan ahli profesional ECCE telah membawa kepada penubuhan sebuah hab ECCE yang sedang dilaksanakan, sebuah inisiatif PPP bersama dengan SEGi University Group. Apabila siap kelak, hab ECCE bersepadu di Kota Kemuning, Selangor ini akan dilengkapi semua kemudahan yang perlu untuk menyediakan latihan dan pendidikan yang diperlukan oleh guru ECCE profesional.

Antara pencapaian yang lebih signifikan dalam usaha PPP juga termasuk kemajuan dan pemasaran program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada pelajar yang kurang cenderung meneruskan pengajian akademik dan juga pelajar berkeperluan pendidikan khas.

Pelibatan sektor swasta dalam program TVET bukan hanya menyumbang kepada usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti dan

kuantiti program TVET yang ditawarkan, bahkan turut membekalkan latihan industri kepada pelajar TVET dengan kemahiran dan keupayaan yang sesuai dengan keperluan industri.

Latihan vokasional yang dahulunya dianggap pilihan terakhir kini berubah menjadi pilihan ramai pelajar. Sebuah tenaga kerja yang kukuh berasaskan TVET dengan kemahiran khusus dan bernilai tinggi bakal meningkatkan inovasi dan produktiviti industri, malah penting dalam mentransformasikan Malaysia kepada negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Pertumbuhan dalam sektor TVET dilihat agak tinggi dalam tahun-tahun lepas. Setakat 2015, sejumlah 102,045 pelajar mengikuti kursus berasaskan kemahiran, 2,539 daripadanya pelajar antarabangsa. Sasaran enrolmen pelajar TVET pada 2020 ialah 16,000 orang, dijangka mampu dicapai menerusi usaha pihak kerajaan, pusat latihan swasta dan EMGS.

Dalam pada itu, usaha juga terus digiatkan untuk memperkukuh rangkaian kerja antara institusi TVET awam dan swasta bersama-sama syarikat berkaitan untuk mempromosi latihan kerja berorientasikan industri. Usaha ini dilaksanakan di bawah Sistem Dwi Latihan Kebangsaan yang membabitkan

program pembelajaran berasaskan kerja di lokasi dan bertujuan meningkatkan kebolehgajian graduan, membuka skop pilihan pekerjaan mereka sekaligus meraih upah yang lebih tinggi dan memperbaiki mobiliti kerjaya mereka.

Bagi pelajar tempatan, peningkatan yang disasarkan adalah dari 39,153 pada tahun 2015 kepada 70,000 menjelang tahun 2020 terutamanya dalam tahap 1 dan 2, Sijil Kemahiran Malaysia. Penyertaan tersebut diharap dapat meningkatkan segmen pelajar yang kurang mendapat perhatian dan pelajar yang berhasrat mengambil Sijil Kemahiran yang lebih tinggi. Menyedari keperluan tersebut, Kerajaan memperuntukkan lebih RM1.17 bilion kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) sejak tahun 2011 ke 2015.

Dalam mencapai hasrat membangunkan kemahiran pelajar berkeperluan pendidikan khas (SEN), 40 tempat diperoleh di Berjaya University College of Hospitality (UCH) di Kuala Lumpur dan (ATI) College, Sabah untuk memberikan mereka latihan dalam bidang Hospitaliti. Program ini mendapat sambutan besar daripada khalayak ibu bapa dan rakan industri kerana berjaya menempatkan pelajar SEN untuk bekerja, antara lain, di Starbucks, Krispy Kreme, Deli France dan KFC.



(Kiri) Di bawah EPP5, Kerajaan telah memperuntukkan lebih RM1.17 bilion daripada 2011 hingga 2015 kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (Kanan) Pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional mempelajari kemahiran asas yang memenuhi keperluan industri serta mampu menyumbang kepada masyarakat secara berkesan

### 3

## Pemfokusan Terhadap Kluster Bagi Melonjakkan Kualiti Penawaran Pendidikan Malaysia



Presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Tan Sri Rais Yatim (kiri) berkongsi saat manis bersama para peserta selepas melancarkan International Council of Islamic Finance Educators (ICIFE) di Mesyuarat Agung Tahunan Ke-2. Turut hadir adalah Rektor UIAM, Prof Datuk Seri Dr Zaleha Kamaruddin (dua dari kanan) dan Presiden Pengasas, Profesor Dr Khaliq Ahmad (kanan). Gambar ihsan daripada BERNAMA Images

NKEA Pendidikan dibangunkan berfokuskan kluster disiplin yang akan membentuk modal insan yang diperlukan oleh ETP selaras dengan keperluan dan trend global industri. Kluster yang dimaksudkan ialah kewangan Islam (EPP7), sains kesihatan (EPP8), hospitaliti dan pelancongan (EPP9), pembangunan permainan video (EPP14) dan perakaunan (EPP17). Pembangunan kluster ini juga sebahagian daripada usaha ETP ke arah mewujudkan hab serantau dan di peringkat global.

Pencapaian unggul dalam kluster pendidikan kewangan dan perniagaan Islam ialah penubuhan International Council of Islamic Finance Educators (ICIFE), sebuah badan profesional bagi warga pendidik sektor kewangan dan perniagaan Islam bertaraf global. ICIFE dilancarkan setahun yang lalu dengan

objektif menyelaraskan pendidikan kewangan dan perniagaan Islam di seluruh dunia. ICIFE turut disokong oleh Bank Negara Malaysia, KPT dan semua institusi pendidikan tinggi tempatan.

Matlamat utama EPP7 adalah membangunkan Malaysia menjadi salah sebuah hab pendidikan kewangan dan perniagaan Islam yang terbaik di dunia. Namun, Malaysia masih agak terkebelakang dalam penawaran pendidikan kewangan dan perniagaan Islam meskipun telah dinobatkan sebagai pusat kewangan Islam tersohor. Hal ini berlaku kerana pihak terlibat belum menemukan suatu kata sepakat antara mereka tentang standard kurikulum yang ingin dibangunkan.

EPP7 juga akan berusaha untuk meningkatkan bilangan kemasukan pelajar di institusi pendidikan kewangan

Islam kepada 54,000 pelajar menjelang tahun 2020. Pada 2015, pendidikan kewangan Islam mencatatkan enrolmen 16,293 pelajar, yakni peningkatan 19 peratus berbanding tahun sebelumnya. Impak PNK disasarkan mencecah RM1.2 bilion menjelang 2020 seiring dengan 4,300 peluang pekerjaan.

Berhubung dengan EPP8 pula, Kluster Disiplin Sains Kesihatan ini semakin rancak susulan pembinaan hospital universiti UCSI di Bandar Springhill, Port Dickson. Hospital pengajar yang memuatkan 1,000 katil ini bakal menerobos sempadan paradigma baharu dalam bidang latihan dan amalan perubatan serta mengangkat kualiti penjagaan kesihatan di Malaysia. Hospital ini juga bakal melakar nama sebagai hospital pengajar swasta yang pertama di Malaysia yang menggabungkan ruang khusus untuk pesakit awam.



Dato' P. Kamalanathan P. Panchanathan, Timbalan Menteri Pendidikan I (kiri) merasmikan Politeknik Merlimau sebagai MyCenTHE dan pemimpin kumpulan kelima sementara Dato' Peter Ng, pengasas Universiti UCSI dan juara EPP10 (paling kanan) dan YB Datuk Wira Hj. Yunos bin Husin, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi (tengah)

Hospital Pengajar Universiti UCSI mempunyai jalinan kerjasama global dengan hospital universiti yang termasyhur dunia. Kerjasama ini berperanan sebagai pemangkin ke arah pembangunan kluster sains kesihatan. Hospital UCSI bakal mempelopori pelbagai inisiatif berinovasi termasuklah menggabungkan kampung persaraan warga emas dengan hospital. Inisiatif ini sedang di tahap perbincangan.

Sementara itu, perbincangan untuk *precision medicine* juga sedang diteliti, termasuk usaha penyelidikan global merentasi sempadan yang memfokuskan bidang yang tersenarai di bawah:

- Peralihan epidemiologi di negara berpendapatan rendah-sederhana dengan pemberian dana
- Kajian berkaitan pengawalan tekanan darah bersama-sama London School of Hygiene dan Tropical Medicine, di bawah Tabung Newton-Ungku Omar
- Kesan jerebu terhadap kesihatan manusia, sebuah projek penyelidikan bersama beberapa universiti terkemuka.
- Penyelidikan berkaitan kesihatan masyarakat peribumi di bawah konsortium melibatkan kerajaan Malaysia, Australia, New Zealand dan Kanada.

Jumlah pelaburan terancang bagi Fasa 1 Hospital UCSI (130 katil) ialah RM 285.9 juta sementara jumlah pelaburan keseluruhan projek dijangka mencecah RM773.9 juta.

Fokus EPP10, kluster hospitaliti dan pelancongan pula adalah mempercepatkan pembangunan NKEA Pelancongan dengan menangani isu pembangunan modal insan yang dibelenggu masalah gaji rendah, tahap kemahiran rendah dan lambakan buruh asing yang kurang berkemahiran.

Di bawah teraju Malaysia Centre for Tourism and Hospitality Education (MyCenTHE) berserta kerjasama Persatuan Hotel Malaysia (MAH), EPP ini memfokuskan perkembangan pendidikan hospitaliti dan pelancongan. Matlamat utama adalah meningkatkan peratusan graduan diploma dan ijazah kepada 50 peratus menjelang 2020 berbanding hanya 13 peratus yang bekerja dalam industri ini setakat 2010.

Aspirasi EPP ini adalah untuk menyokong penambahbaikan sektor perkhidmatan dalam industri pelancongan agar berupaya mengekalkan pelanggan tetap dan menarik pelanggan baharu tanpa perlu menggadaikan gaji pekerja. Hal yang demikian ini berlaku apabila konsep perkhidmatan menawarkan harga murah semata-mata hendak berebut pelanggan, namun

tawaran dibuat dengan mengurangkan gaji pekerja. Selain itu, EPP10 digerakkan seiring dengan aspirasi negara untuk dimartabatkan sebagai destinasi pelancongan premier.

Pelancong yang berbelanja di Malaysia membawa kesan limpahan pengaliran wang masuk yang positif yang turut dimanfaatkan oleh pelbagai sektor perniagaan yang luas dalam negara, tidak kiralah pelancong yang berkunjung ialah pelancong baharu ataupun yang memilih kembali berkunjung ke Malaysia. Oleh itu, industri perkhidmatan juga perlu dipertingkatkan bagi memastikan sektor pelancongan berkembang pesat. Dengan kelayakan graduan yang lebih tinggi dalam industri ini, mereka berpeluang menjawat jawatan lebih tinggi justeru tarikan menyertai industri ini turut meningkat.

Dalam hal ini, model pembelajaran berasaskan kerja (*Work Based Learning-“WBL”*) merangkumi pengalaman belajar sambil bekerja dalam industri bertujuan menambah pengetahuan pelajar, di samping melonjakkan kebolehgajian graduan. Usaha di bawah EPP ini dijangka akan terus diperkukuh bagi memastikan sasaran output tahunan graduan pelancongan mencecah 50,000 setahun menjelang 2020 berbanding 20,000 pada 2009.

Dalam perkembangan yang lain, pasaran permainan video global dijangka melonjak daripada USD83.6 (RM367.7<sup>4</sup>) bilion pada 2014 kepada USD91.5 (RM402.4<sup>4</sup>) bilion pada 2015, berdasarkan Laporan Pasaran Permainan Video Global, yang dikeluarkan oleh firma penyelidikan, Newzoo. Walaupun pasaran Asia Tenggara dianggarkan merangkumi hanya 4 peratus daripada penggunaan global, pertumbuhan pasaran ini adalah yang terpentas berbanding dengan kelompok negara lain, malah, peningkatan CAGR dijangka meningkat 30 peratus antara 2015 dan 2018.

Pertumbuhan ini turut didorong oleh peningkatan mendadak dalam akses internet dan pemilikan peranti ICT. Kedudukan Malaysia yang berada di tengah-tengah Asia Tenggara berpotensi meningkatkan pelibatan dalam industri permainan video, tetapi persepsi umum terhadap industri ini perlu ditangani terlebih dahulu. Pembangunan permainan video tidak dianggap sebagai suatu kerjaya masa panjang, hanya sekadar hobi. Tanggapan ini masih dipegang oleh golongan pendidik, kaunselor sekolah dan ibu bapa meskipun industri ini menjanjikan pendapatan yang lumayan.

Tanggapan inilah yang cuba ditangani oleh MyGameDev2020, sebuah inisiatif di bawah EPP14. MyGameDev2020 dilancarkan pada 2012 dengan misi utamanya untuk menggilap bakat dalam kalangan pelajar sekolah menengah awam serta graduan pascaijazah yang berhasrat menceburi bidang permainan video yang kini pesat membangun, sekali gus membuka mata khalayak ramai bahawa industri ini sudah bertaraf global. EPP ini disertai oleh kluster terdiri daripada institusi pendidikan tinggi swasta dan awam, agensi kerajaan dan sektor swasta untuk menghasilkan penciptaan permainan video terhandal dengan mewujudkan sebuah ekosistem yang mampan agar industri ini terus dimajukan.

Berikutan kejayaan program seperti Tabletop2014 untuk menggalakkan reka bentuk permainan jenis board yang disasarkan kepada pelajar berumur

15 hingga 17 tahun, MyGameDev telah memperluas jangkauan aktiviti luar sekolah yang dianjurkannya bagi menambat hati para pendidik dan ibu bapa.

Sehubungan dengan itu, portal MyGameDev dalam talian yang baru dilancarkan telah membuka sebuah platform yang menghubungkan para pelabur, pencipta permainan video, universiti dan peminat industri. Portal ini berperanan penting untuk mengetengahkan bakat Malaysia

kepada studio-studio antarabangsa dan menjadi landasan untuk membuka mata khalayak dunia tentang inisiatif sektor ini pada masa akan datang.

Di bawah EPP14 ini juga, pada 2015, usaha semakin dipergiat untuk mendorong pelaburan swasta kerana pelaburan terhadap kluster ini berupaya mencipta rantai pulangan hasil yang meluas serta membuka peluang perniagaan bernilai tinggi selaras dengan aspirasi Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi.



(Atas) Watak bagi Model 3D oleh Andrejo Chong Carreon (Bawah) MyGameDev Table Top Board Game Competition bersama pelajar daripada Sekolah Menengah di Melaka bergambar bersama hakim-hakim industri dan para guru. Acara ini telah diadakan di Universiti Teknikal Melaka (UTeM) dengan kerjasama MyGameDev dan KDU

<sup>4</sup> Berdasarkan kadar pertukaran \$1USD = RM 4.39

Sasaran EPP ini menjelang 2020 adalah menjana hasil bernilai RM500 juta, mencipta harta intelektual bernilai RM150 juta dan membuka sejumlah 4,000 pekerjaan berkaitan permainan video.

Dalam perkembangan lain, pewujudan hab perakaunan di bawah EPP17 merupakan langkah penting untuk membawa masuk pelaburan langsung asing dan syarikat multinasional untuk menjadikan Malaysia tapak perniagaan serantau mereka. Sebuah ekosistem perkhidmatan sokongan untuk golongan profesional seperti perakaunan berupaya mengangkat kedudukan Malaysia sebagai hab operasi serantau.

Tambahan lagi, pelonggaran peraturan pasaran dan standardisasi pelaporan kewangan di seluruh dunia juga bererti perkhidmatan perakaunan kini boleh dieksport ke luar negara. Perkembangan ini membuka peluang untuk meningkatkan bilangan akauntan yang berkelayakan profesional dan bermutu tinggi, di samping membangunkan kemahiran khusus dalam bidang seperti pencukaian antarabangsa, perakaunan forensik serta perakaunan karbon yang bakal menjadi bidang pertumbuhan ekonomi pada masa akan datang.

Bagi meningkatkan bilangan akauntan profesional, Sunway TES Sdn Bhd telah menjalin kerjasama dengan universiti-universiti awam tempatan bagi membolehkan pelajar mengikuti kursus perakaunan profesional sedang mereka melanjutkan pengajian ijazah – kaedah pantas untuk menjadi akauntan bertauliah.

Dalam pada itu, biasiswa turut diberikan oleh Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Peneraju)

sebagai galakan dan sokongan kepada pelajar Bumiputera untuk memperoleh kelayakan profesional dalam bidang perakaunan, sekali gus meningkatkan bilangan akauntan Bumiputera.

Pada tahun 2015, peneraju EPP ini iaitu Sunway TES menyaksikan 480 graduan tamat pengajian dalam kursus perakaunan profesional. Menjelang 2020, EPP ini dijangka melahirkan 7,000 akauntan profesional baharu bersandarkan sokongan penyedia pendidikan profesional dalam kluster ini.



Mewujudkan hab perakaunan di bawah EPP 17 adalah salah satu langkah penting dalam usaha untuk meningkatkan pelaburan asing dan tarikan langsung syarikat multinasional untuk menjadikan Malaysia sebagai pangkalan untuk berkembang di rantau ini



## TINJAUAN MASA HADAPAN

**T**atkala negara semakin menghampiri titik kritikal di pertengahan landasan transformasi, peranan NKEA Pendidikan teramat penting demi memastikan semua sasarannya tercapai, sekali gus menyumbang kepada matlamat akhir Program Transformasi Negara.

Langkah seterusnya ialah memfokuskan TVET sebagai bidang pertumbuhan utama di bawah NKEA ini kerana aspirasi menjadi negara berpendapatan tinggi banyak bergantung pada program TVET. Rancangan Malaysia ke-11 turut mengenal pasti TVET sebagai asas terpenting untuk meningkatkan takungan modal insan berkemahiran, justeru sokongan terhadap pertumbuhan institusi TVET, malah penyelarasan serta pengemasan sektor ini banyak

ditekankan agar berupaya merealisasikan pertumbuhan yang terfokus.

Penjenamaan dan promosi terhadap program TVET juga akan dipertingkat, termasuk memperluas pemahaman umum berkenaan latihan kemahiran dan kerjaya berasaskan kemahiran agar lebih ramai memilihnya sebagai kerjaya yang menjanjikan prospek yang cerah.

Usaha terhadap TVET disasarkan bagi memberi impak dari segi kuantiti dan kualiti. Bagi mewujudkan graduan berkualiti, usaha di bawah EPP13 turut merangkumi usaha promosi bagi program pembelajaran berasaskan kerja dalam suasana bekerja sebenar di lokasi industri, yang dilaksanakan menerusi jalinan kerjasama antara institusi latihan kemahiran dan syarikat-syarikat yang berminat. Usaha seumpama ini bertujuan

meningkatkan kebolehgajian graduan, membuka skop pilihan pekerjaan mereka sekali gus meraih pendapatan yang lebih tinggi dan memperbaiki mobiliti kerjaya para graduan.

Secara tuntas, kedua-dua KPM dan KPT akan berpadu usaha untuk menangani sebarang isu yang tercetus bersama-sama pemilik projek bagi memastikan tiada kekangan yang timbul dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sektor pendidikan Malaysia. Malah, KPM dan KPT tidak ketinggalan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu (SC) yang dianjurkan bersama bagi memastikan pengurusan yang terancang sesama pihak berkepentingan serta membantu mengatasi kelemahan ketika pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut.

# MENTRANSFORMASIKAN SEKTOR PERTANIAN KEPADA PERNIAGAAN TANI



**DATO' SRI  
AHMAD SHABERY CHEEK**

KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI (KPIAT)

Sektor agromakanan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia, membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan. Disebabkan kebergantungan kebanyakan rakyat terhadap sektor ini, justeru ianya merupakan sebuah kepentingan sosial.

Permintaan global terhadap produk pertanian yang kian berkembang membuka potensi besar yang mampu meningkatkan sumbangan PNK. Matlamat kami adalah mentransformasikan sektor pertanian kepada perniagaan tani dan mewujudkan sebuah model inklusif yang berteraskan aspek *'market-centric'*, ekonomi skala dan penyepaduan rantaian nilai sebagai tunjang utama.

Selain itu, sektor ini menyumbang kepada keselamatan dan kedaulatan negara dengan memastikan bekalan sumber strategik, iaitu bekalan makanan mencukupi. Sejarah telah membuktikan, dalam peperangan atau keamanan, kedaulatan

sesebuah negara akan mudah dilumpuhkan oleh kebergantungan terhadap sumber makanan dari luar.

Hal ini dapat dilihat terutamanya ketika ketidakpastian ekonomi yang menggugat nilai ringgit dan daya beli. Defisit berterusan yang dicatatkan dalam imbalan dagangan sektor makanan Malaysia, daripada RM11 bilion pada tahun 2009 kepada RM17 bilion pada tahun 2014 adalah membimbangkan.

Sebagai persediaan buat masa hadapan, pihak Kementerian bercadang mewujudkan dasar dan strategi yang berteraskan ciri 'export-centric' bertujuan untuk mengurangkan defisit imbalan dagangan negara. Dasar ini akan meletakkan sektor ini pada kedudukan yang lebih strategik untuk menyumbang kepada diversifikasi ekonomi Malaysia dan memastikan kestabilan Ringgit.

**N**KEA Pertanian memfokuskan usaha untuk mentransformasikan sektor yang sekian lamanya mengambil pendekatan tradisional berasaskan pengeluaran berskala kecil, agar beralih kepada industri perniagaan tani berskala besar yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan dan kemampanan ekonomi negara. Di bawah Rancangan Malaysia ke-11, pendapatan negara kasar (PNK) bersumberkan agromakanan diunjurkan mencapai RM36.2 bilion pada tahun 2015, malah, dijangka mampu mencecah RM46 bilion pada 2020, bersamaan 42.4 peratus nilai keseluruhan PNK pada tahun 2020.

Sejumlah 16 Projek Permulaan (EPP) telah dikenal pasti untuk mempergiat sektor ini dan membantu merealisasikan sasaran Dasar Agromakanan Negara, termasuklah jaminan bekalan makanan, pembangunan pertanian bernilai tinggi dan pelaburan swasta untuk memangkinkan transformasi pertanian moden. Setakat ini, NKEA Pertanian berjaya mencatatkan PNK komited berjumlah RM9.224 bilion, membuka 28,645 peluang pekerjaan dan menjanjikan pelaburan komited bernilai RM7.7 billion.

Bagi merencanakan produktiviti dan memastikan sektor ini beranjak ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi, Malaysia kini menerokai kaedah teknologi *Internet of Things* (IoT) dalam industri. Malah, Malaysia kini merupakan peneraju teknologi IoT dalam sektor pertanian di rantau ini.

Kerajaan telah mengenal pasti IoT sebagai salah satu bidang teknologi terpenting bagi mempertingkatkan produktiviti dalam sektor-sektor utama di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020). Pertanian ialah satu daripada empat sektor utama yang

## DALAM NKEA INI

- 1 Memanfaatkan Kelebihan Keberdayasaingan Malaysia
- 2 Menembusi Pasaran Premium
- 3 Memastikan Matlamat Keselamatan Makanan Negara Konsisten dengan Peningkatan PNK

terpilih untuk merintis penggunaan alat penderiaan, atau sensor.

Pihak berkepentingan dari pelbagai sektor telah menggembeng tenaga untuk membangunkan projek-projek perintis dengan aplikasi IoT. Di samping itu, penyelidikan dan pembangunan (P&P) sedang dijalankan di institusi penyelidikan dengan kerjasama erat sektor swasta dan agensi kerajaan untuk tujuan yang sama.

MIMOS telah berjaya mencipta beberapa kaedah yang dapat dimanfaatkan dalam pembangunan pertanian. Sebagai contoh, sensor Mi-SCAN TpH ciptaan mereka merupakan gabungan beberapa penderiaan yang berupaya mengumpul daya persekitaran, contohnya, kesuburan tanah. MIMOS turut menghasilkan sebuah rangka kerja pertanian yang menghubungkan pengeluar, peniaga dan pembekal pertanian dalam sebuah jalinan bersepadu menggunakan sistem aplikasi IoT.

MIMOS juga yakin bahawa IoT yang diaplikasikan secara menyeluruh dalam sistem pertanian kelak mampu menjana pengeluaran mencecah USD319 juta menjelang tahun 2020.

## 1 | Memanfaatkan Kelebihan Keberdayasaingan Malaysia



Produk herba bernilai tinggi membuka sebuah dimensi nilai yang besar dalam sektor pertanian. Program Kluster Herba seperti yang dipaparkan di atas, yang terletak di Negeri Sembilan, merupakan salah satu inisiatif yang diterajui Jabatan Pertanian dan Bahagian Pembangunan Herba untuk mendorong penyertaan lebih ramai pemain industri dan memanfaatkan pasaran yang sedang berkembang ini

Projek-projek permulaan bagi produk herba bernilai tinggi berada tepat pada landasan untuk merealisasikan sasarannya menjelang akhir tahun 2020, iaitu mengeluarkan 10 produk nutraseutikal dan cosmeceutical yang terhasil daripada 18 herba terpilih, antaranya, Tongkat Ali, Kacip Fatimah, Misai Kucing, Dukung Anak, dan Hempedu Bumi. Setakat bulan Disember 2015, sejumlah 27 produk herba tersebut berada di peringkat pembangunan produk – 10 dalam proses ujian klinikal, 17 pula dalam proses ujian praklinikal.

Sepanjang tahun lepas, projek kluster herba berjaya mengutip hasil

jualan terkumpul berjumlah RM3.85 juta. CAGR hasil jualan bagi produk herba pula mencecah 6 peratus dalam tempoh 2012-2013, berbanding 5.4 peratus dalam tempoh 2008-2012.

Sejak EPP ini dilancarkan, harga herba mentah juga telah meningkat sekali gus menguntungkan petani tempatan. Sebagai contoh, Tongkat Ali mentah dijual serendah RM 2/Kg pada tahun 2014, namun meningkat kepada RM5/kg pada tahun 2015.

EPP ini berpotensi mencatatkan keberhasilan yang lebih tinggi sekiranya difokuskan hanya kepada 18 herba bernilai tinggi tersebut. Namun,

disebabkan produk nutraseutikal masih di tahap pembangunan produk, permintaan terhadap herba premium juga tidak tinggi. Hal yang demikian ini menyebabkan golongan petani tidak terdorong untuk menanam 18 herba yang terpilih, sebaliknya, mereka lebih cenderung mengusahakan herba yang mempunyai permintaan tinggi, termasuklah beberapa jenis herba bernilai rendah.

Justeru, apabila produk-produk terbabit selesai menjalani ujian klinikal dan sedia untuk dipasarkan kelak, DoA akan menyelaraskan supaya penanaman akan dibuat hanya untuk herba yang telah terpilih.

## HEPAR-P MERUPAKAN PRODUK HERBA PERTAMA MALAYSIA MENJALANI UJIAN KLINIKAL

Kapsul Hepar-P keluaran Nova Laboratories Sdn Bhd merupakan produk herba Malaysia yang pertama menjalani ujian klinikal di bawah EPP1. Ujian klinikal pertama siap pada bulan Januari 2015 dengan membabitkan 50 subjek (25 menggunakan Hepar-P dan 25 menggunakan plasebo). Ujian tersebut dilakukan di pelbagai pusat kajian (lapan hospital di seluruh negara) secara rawak, menggunakan eksperimen 'double blind' yakni dua pihak dengan plasebo terkawal, bertujuan untuk menentukan keberkesanan dan keselamatan Hepar-P untuk merawat penyakit hati berlemak tidak beralkohol (NAFLD). Nova kini sedang menunggu 'lampu hijau' daripada NKEA Pertanian untuk memulakan ujian klinikalnya yang kedua.

Hepar-P mengandungi ekstrak sejenis tumbuhan tempatan, iaitu *Phyllanthus niruri* atau dukung anak setelah proses piawai sebagai agen pelindung hati yang berkesan. Malah, ekstrak ini telah diluluskan sebagai produk herba tradisional oleh Kementerian Kesihatan dan sudah berada dalam pasaran sejak 2005. Ujian klinikal yang berjaya membuktikan keberkesanan dan keselamatan Hepar-P akan membolehkan Nova memasarkan produk ini sebagai ubat botanikal dengan kesan terapeutik, bukan setakat produk 'herba' atau 'tradisional' semata-mata. Hal yang demikian ini pastinya mengangkat nilai

pasaran produk tersebut sehingga bertlipat kali ganda! Bahkan, bukti kesan saintifik yang sah bagi produk ini akan turut meningkatkan nilai pasarnya pada peringkat global.

Namun begitu, ujian klinikal adalah sangat mahal dan ada kala di luar kemampuan syarikat tempatan. Ujian klinikal yang pertama untuk Hepar-P sahaja telah menelan kira-kira RM2.2 juta.

Walau bagaimanapun, bersandarkan pembiayaan khusus oleh EPP ini bagi ujian klinikal dan Penyelidikan dan Pembangunan (P&P), Nova berharap agar cabaran yang diidap oleh industri herba tempatan pada ketika ini dapat diatasi sekali gus membolehkan Malaysia mengeluarkan dan mengeksport ubat nutrasetikal dan botanikal berkualiti tinggi.

Nova yang ditubuhkan pada 17 Mac 1989 adalah sebuah syarikat berasaskan penyelidikan yang menemukan, membangunkan, mengeluarkan dan memasarkan fitofarmaseutik, sebuah ciptaan baharu yang terhasil daripada tumbuhan botani tempatan sebagai agen pencegahan dan rawatan penyakit manusia. Nova menampilkan lebih 45 jenis produk yang termasuk makanan fungsian, produk herba dan suplemen kesihatan yang diedarkan secara meluas di farmasi, klinik dan kedai yang bernaung di bawah jenama Nova.



Outlet Runcit Pemakanan Tambahan & Penjagaan Kulit oleh Nova

2

## Menembusi Pasaran Premium

Sepanjang tahun lepas, jumlah penghasilan buah-buahan dan sayur-sayuran premium di bawah EPP 7 (betik, belimbing, tembikai batu, nangka, pisang, capsicum, pokok salad dan tomato) mencecah 54,489 tan metrik dengan nilai RM70.8 juta.

Pendapatan bersih bulanan yang diperoleh 278 peserta Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dilaporkan telah melebihi RM3,000 sementara 194 peserta pula memperoleh pendapatan bersih dalam lingkungan RM1,000-RM2,999. Jumlah ini merupakan suatu peningkatan berbanding 171 peserta TKPM yang menjana pendapatan bersih bulanan sebanyak RM3,000 atau lebih pada tahun 2014. Perkembangan ini pastinya menggembirakan golongan petani dan menyuntik semangat mereka untuk tahun-tahun berikutnya.

Dalam pada itu, sektor ini tidak terkecuali daripada dilanda dugaan. Pencapaian yang lebih baik terkekang akibat rentetan bencana alam yang berlaku pada tahun lepas, sebagai contoh,

masalah cuaca melampau yang menimpa kawasan penanaman sayur-sayuran di tanah tinggi Cameron Highlands dan Kundasang, Sabah. Selain itu, gempa bumi di Sabah turut menghambat pembinaan TKPM Masilau di Kundasang. Banjir besar di pantai timur Semenanjung pada awal tahun juga menjejaskan penghasilan buah-buahan dan sayur-sayuran di kawasan terbabit.



Penjual buah di PAKAR Jenka

3

## Memastikan Matlamat Keselamatan Makanan Negara Konsisten dengan Peningkatan PNK

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (KPIAT) komited menangani defisit imbalan dagangan berjumlah RM17 bilion di samping berusaha mengurangkan kebergantungan negara terhadap makanan import. Oleh hal yang demikian, pihak Kementerian telah memulakan pelbagai rancangan bertujuan meningkatkan eksport produk pertanian bertaraf premium serta menambah penghasilan tempatan agar defisit tersebut dapat diatasi. Hal ini selari dengan hasrat untuk

mengurangkan kebergantungan terhadap beras import.

Sementara itu, tahap sara diri (SLL) bekalan beras negara meningkat kepada 71.4 peratus pada tahun 2015 berbanding 63.1 peratus pada tahun 2010. Tempoh yang sama turut menyaksikan SSL bekalan susu meningkat kepada 13 peratus (2015) berbanding 8.5 peratus (2010). Justeru, SSL yang disasarkan iaitu 85 peratus untuk beras dan 13.6 peratus untuk susu menjelang tahun 2020 semakin hampir direalisasikan.



Operasi ladang di jelangang MUDA

Tahun lepas juga menyaksikan jumlah penghasilan padi di Muda, Kedah mencatat 230,793 tan metrik di bawah EPP10 dan 103,604 tan metrik di kawasan jelapang di bawah EPP11. Seramai 14,214 pesawah meraih manfaat daripada program penyatuan tanah MADA di bawah EPP10 dalam tempoh antara tahun 2011 dan 2015.

Dalam perkembangan yang sama, selaku peneraju EPP10, MADA akan melanjutkan program-program promosi bagi menarik lebih ramai peserta, juga

demikian memastikan peserta EPP ini meneruskan pelibatan mereka meskipun selepas peserta tamat tempoh kontrak (10 sesi penanaman).

Dalam pada itu juga, rantaian bekalan domestik bagi produk tenusu telah diperkukuh dengan pengurangan pembabit orang tengah dan tempoh penghantaran dari pengeluar susu ke loji pemprosesan (berdasarkan bilangan hari). Gabungan teknologi moden dan program latihan yang terbukti berkesan oleh syarikat peneraju bukan hanya

berjaya meningkatkan penghasilan susu tempatan, malah memperbaiki jaminan keselamatan serta kualiti susu dan juga produk tenusu. Mesin-mesin baharu yang diperkenalkan di loji pemprosesan tenusu juga berperanan memanjangkan tempoh simpan produk tenusu tempatan.

Sementara itu, jumlah susu segar berkualiti tinggi yang dihasilkan oleh tiga syarikat peneraju dan ladang ternak kluster di bawah EPP13 berjaya mencecah 19 juta liter pada tahun lepas.



**(Kiri atas)** Lembu tenusu diberi makan di ladang ternak Evergreen Livestock Sdn Bhd di Keningau, Sabah. **(Kanan)** Fasiliti pembungkusan susu di loji pemprosesan di Sabah di bawah EPP13. **(Kiri bawah)** Mr. Loi daripada Holstein Milk Company di Ladang Ternak Mawai, Kota Tinggi, Johor, di bawah EPP Kluster Tenusu

# KISAH KEJAYAAN HOLSTEIN

Kejayaan pantas Farm Fresh sehingga melonjak menduduki senarai teratas dalam kategori susu segar di negara begitu mengagumkan. Walaupun baru memasuki pasaran empat tahun yang lalu, jenama tempatan ini sudah menguasai 38.3 peratus daripada pasaran susu yang kompetitif ini (sumber: Nielson, September 2015).

Pengeluar Farm Fresh, The Holstein Milk Company Sdn Bhd mengakui bahawa kejayaan tidak diduga ini bertitik tolak daripada EPP Kluster Tenusu (EPP13). Allied Dairy Sdn Bhd yang merupakan ahli kumpulan Holstein telah dilantik sebagai syarikat peneraju EPP13 pada tahun 2012 manakala Holstein pula dilantik sebagai syarikat peneraju EPP13 pada tahun 2014.

Kejayaan Holstein selaku satu-satunya pengeluar bersepadu susu segar di negara yang telah mampu menerobos, malah menguasai pasaran yang sehingga ini didominasi oleh syarikat asing selama 20 tahun memperlihatkan perancangan perniagaan dan pelaksanaan yang cukup mantap dalam usaha EPP ini mewujudkan juara tempatan.

Hal ini dikatakan demikian kerana industri tenusu Malaysia agak lembap selama lebih dua dekad sebelum EPP ini dilaksanakan. Pemain asing tidak berminat untuk membantu membangunkan penternak tempatan kerana kos susu tepung import adalah 50 peratus lebih murah berbanding harga susu segar. Jika ada susu segar tempatan yang dibeli sekalipun, harga yang mereka bayar adalah mengikut harga komoditi susu tepung dunia. Penternak tempatan pastinya tidak berupaya mengekalkan perniagaan yang mampan disebabkan hal ini.

Justeru, EPP yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ini menyediakan geran bernilai RM11 juta yang disalurkan untuk pembelian lembu-lembu bunting, peralatan pemerahan susu dan tangki pendingin – semuanya diagihkan kepada penternak yang dipilih oleh Allied Dairy yang kemudiannya membeli susu mentah daripada penternak terpilih pada harga yang wajar.

Holstein memiliki dua buah ladang ternakan, namun 40 peratus daripada keperluan susu mentahnya dibekalkan oleh Allied Dairy daripada kira-kira 40 penternak kontrak yang bertempat di Johor dan Negeri Sembilan. Para penternak ini dibayar pada kadar RM2.50 seliter, iaitu harga yang jauh lebih baik berbanding RM1.50 seliter yang mereka peroleh dahulu, sekali gus melonjatkan pendapatan serta kemampunan perniagaan mereka.



Produk Farm Fresh yang terdapat di pasar raya utama



## TINJAUAN MASA HADAPAN

Tahun 2016 bakal menyaksikan pemfokusan yang lebih terurus terhadap pelaksanaan dan pemantauan. Hal ini dikatakan demikian kerana kekangan paling ketara dalam pencapaian NKEA Pertanian berkisar pada isu pelaksanaan dan pemantauan, justeru, pendekatan yang lebih terarah dan terancang perlu diinstitusikan.

Pendekatan ini membabitkan, antara lain, mewujudkan S.O.P teknikal untuk setiap EPP bagi mengatasi isu pelaksanaan, pemantauan dan penilaian teknikal di luar skop sedia ada. Langkah tersebut dijangka berupaya merapatkan jurang antara pelaksanaan dan penyampaian EPP.

Berlatarkan hala tuju seterusnya, perancangan menjelang tahun 2020 wajar memberi penekanan kepada hubungan kerja yang lebih erat dengan pihak Exco

Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk Pertanian. Usaha ini mampu menyelesaikan isu pelaksanaan EPP sekiranya tercetusi di peringkat negeri. Sementara itu, kelewatan akibat masalah cuaca juga wajib dipertimbangkan sebagai perancangan luar jangkaan apabila pelan pelaksanaan, permohonan belanjawan dan trajektori KPI dibentangkan.

Secara tuntasnya, di Malaysia, pertanian masih kekal sebagai faktor utama pertumbuhan ekonomi yang terbukti berdasarkan pasaran tempatan dan eksport yang semakin meningkat, khususnya dalam sektor agromakanan. Pulangan eksport yang lumayan menanti rangkaian produk pertanian yang luas di ASEAN dan pasaran halal. Bersandarkan potensi dan prospek besar ini, peluang perniagaan dalam pertanian diyakini positif.

# MEMACU PERKEMBANGAN INDUSTRI PENJAGAAN KESIHATAN MALAYSIA



**DATUK SERI DR.  
S. SUBRAMANIAM**

MENTERI KESIHATAN

Sistem penjagaan kesihatan sesebuah negara membawa impak sosial yang signifikan, sama ada secara langsung atau tidak. Sektor penjagaan kesihatan Malaysia telah menyaksikan pertumbuhan yang mantap dalam dekad yang lalu, malah terus berperanan sebagai salah satu faktor pengganda ekonomi tertinggi negara.

Dalam hal ini, pelaksanaan projek permulaan (EPP) penjagaan kesihatan berjaya memangkin perkembangan bidang pertumbuhan yang baharu. Sejak diumumkan pada tahun 2011, NKEA ini telah berupaya menarik kira-kira RM2.44 bilion pelaburan untuk negara dan mewujudkan 8,100 peluang pekerjaan yang bernilai tinggi. Infrastruktur dibina atau dipertingkatkan, manakala bidang kepakaran khusus dan teknologi pula telah dimanfaatkan sebaiknya bagi menambah baik kualiti penjagaan kesihatan pesakit.

Dalam suku kedua tahun 2016, Rang Undang-undang Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Swasta akan dibentangkan di Parlimen. Meskipun hasrat memperbaiki industri penjagaan warga emas sudah digerakkan, kami turut sedar bahawa industri ini baru sahaja memulakan langkah awalnya di Malaysia. Cabaran yang dihadapi ketika ini adalah penyediaan sebuah ekosistem yang baik bagi pihak berkepentingan dan peserta industri. Menyedari keperluan ini, Kerajaan

bukan sahaja bersiap siaga dengan menggubal undang-undang tersebut, malah turut gigih memastikan agar garis panduan perancangan fizikal bagi kemudahan penjagaan kesihatan warga emas sedia diterapkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Pastinya, tahun 2016 tidak ketinggalan dalam membawakan cabarannya kepada NKEA ini. Ketidaktentuan ekonomi tempatan dan global dijangka sedikit sebanyak memberi impak kepada pertumbuhan industri pelancongan kesihatan, pelaburan oleh beberapa pemilik EPP serta eksport farmaseutikal dan peranti perubatan. Namun, Kementerian Kesihatan (KKM) tidak gentar, malah akan berganding bahu dengan Majlis Pengembaraan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan MITI untuk mendepani kesan keperlantikan ekonomi. Dalam pada itu, kami melihat liberalisasi visa pelancong China sebagai suatu peluang untuk membuka pasaran China dalam pelancongan kesihatan.

Ketika ini, industri penjagaan kesihatan di Malaysia sedang dalam fasa pertumbuhan yang begitu rancak lantas mewajarkan penilaian semula senarai EPP yang sedia ada. Bagi memastikan NKEA ini kekal dinamik dan relevan, senarai EPP akan diperkemas pada tahun 2016 sementara EPP baharu pula akan diperkenalkan susulan proses sindikasi bersama-sama pihak industri. Cabaran yang diharungi pada tahun 2015 telah mengharuskan penilaian semula dua EPP terbabit oleh pihak Kementerian, sekali gus pengambilan langkah modifikasi demi memastikan EPP ini terus berperanan sebagai 'game changer' dalam industri.

**“ Demi mewujudkan suasana kondusif agar industri penjagaan kesihatan swasta berupaya berkembang menjadi sektor ekonomi utama, kerajaan berusaha mempercepatkan pertumbuhan ini.**

**S**ejak pelancaran Program Transformasi Ekonomi (ETP), sektor penjagaan kesihatan dilihat berpeluang menjadi penjana kekayaan negara yang berpotensi tinggi. Dengan memanfaatkan pertumbuhan organik dalam bidang perkhidmatan, farmaseutikal dan peranti perubatan, bidang baharu telah diteroka dari segi perkhidmatan, penyelidikan klinikal, pelancongan kesihatan dan pembuatan farmaseutikal generik.

Dua projek baharu diumumkan sepanjang tahun lepas di bawah EPP pengeksportan farmaseutikal yang akan diterajui oleh Pharmaniaga Sdn Bhd dan Auscustom Pharma. Kedua-dua projek tersebut dijangka menjana RM13.1 juta sumbangan PNK, RM50.8 juta pelaburan dan 116 peluang pekerjaan.

Secara kolektif, sebanyak 40 projek penjagaan kesihatan yang diumumkan di bawah NKEA ini diunjurkan membuka 26,966 pekerjaan baharu dan menjana hasil pendapatan berjumlah RM6.59 bilion, termasuk RM4.96 bilion pelaburan baharu menjelang tahun 2020.

#### DALAM NKEA INI

- 1 Mempromosi dan Meletakkan Kedudukan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Malaysia
- 2 Industri Pembuatan Teras Sektor Penjagaan Kesihatan
- 3 Mempermudah Eksport Produk Buatan Tempatan
- 4 Mendukung Kualiti Peranti Perubatan Bersandarkan Peraturan dan Standard
- 5 Membangunkan Pasaran Penjagaan Warga Emas yang Terancang

Sepanjang tahun 2015, Malaysia berupaya menjana RM588.6 juta dalam pulangan hasil pelancongan membabitkan penjagaan kesihatan bagi tempoh Januari hingga September 2015 pada kadar purata respons sebanyak 79 peratus berlatarkan sasaran RM854 juta sepanjang tahun (Rujuk–nilai dasar 2014: RM777 juta). Selain itu, hasil pelancongan kesihatan pada tiga suku tahun tersebut mencecah RM353.2 juta berlatarkan sasaran RM516 juta untuk keseluruhan tahun (Rujuk–nilai dasar 2014: RM449 juta). Catatan tahunan setakat ini meramalkan jumlah keseluruhan bagi pelancongan penjagaan kesihatan untuk

tahun 2015 bakal mencecah lebih 90 peratus berbanding sasaran keseluruhan tahun.

Eksport farmaseutikal Malaysia setakat Oktober 2015 berjumlah RM 516.09 juta, lebih rendah berbanding RM505 juta pada tempoh yang sama tahun 2014. Cabaran yang melanda sektor ini termasuklah penyusutan ringgit berbanding USD, kenaikan kos Bahan Aktif Farmaseutikal (API) dan bahan kandungan pembungkusan, sekatan bukan tarif yang dikenakan oleh negara-negara lain (cth: Indonesia dan Thailand), dan persaingan dari negara-negara ASEAN. Oleh hal yang demikian, sasaran pertumbuhan eksport

bagi produk farmaseutikal untuk tahun ini dipinda daripada RM 671.78 juta kepada RM 641.24 juta.

Meskipun industri penjagaan kesihatan sekian lama didominasi oleh sektor awam, pertumbuhan perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta telah berlipat ganda dalam dekad yang lepas. Sebagai usaha mencetuskan persekitaran yang dapat membantu industri penjagaan kesihatan swasta berkembang menjadi sektor ekonomi utama, Kerajaan turut berganding bahu demi mempercepatkan pertumbuhan tersebut.

1

## Mempromosi dan Meletakkan Kedudukan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Malaysia



Minggu Penjagaan Kesihatan Malaysia 2015 oleh MHTC di Bangladesh

Terdapat lebih 250 hospital swasta di Malaysia, namun, hanya hospital yang dilengkapi khas untuk menerima dan mengendalikan pelancong kesihatan diberi kelulusan untuk didaftarkan sebagai penyedia perkhidmatan bagi pelancong kesihatan di Malaysia. Pada bulan Julai, Malaysian Healthcare Travel Council (MHTC) memperkenalkan program Rakan Elit bertujuan mempromosi dan menampilkan institusi penjagaan kesihatan yang diperakui cemerlang yang mampu merawat pesakit luar negara dengan rawatan bertaraf dunia. Terdapat 22 hospital dan penyedia penjagaan ambulatori terpilih dalam senarai ini.

Sementara itu, MHTC menubuhkan dua lagi pejabat perwakilannya pada tahun lepas, iaitu di Ho Chi Minh City dan Yangon, bertujuan menampung operasi pejabatnya di Jakarta, Dhaka dan Hong Kong. Kelima-lima pejabat tersebut berperanan sebagai pusat promosi dan penyelidikan operasi mereka, di samping menyediakan perkhidmatan mula-hingga-akhir kepada bakal pelancong kesihatan ke Malaysia – bermula daripada pertanyaan tentang rawatan dan harga rawatan sehinggalah persiapan visa dan aspek-aspek logistik berkaitan.



(Atas) Pegawai melancarkan Pejabat Perwakilan MHTC di Yangon, Myanmar (Bawah) Pejabat Perwakilan MHTC di Ho Chi Minh City, Vietnam

Bagi memudahkan mobiliti penjagaan kesihatan ke tahap lebih baik sekali gus mempererat kerjasama dengan pasaran utamanya, MHTC juga memeterai perjanjian dengan pihak insurans dan pentadbir pihak ketiga di Bangladesh, Vietnam dan Indonesia, serta beberapa hospital utama di Malaysia sepanjang tahun 2015. Di bawah perjanjian ini, pemegang polisi berupaya memohon rawatan di hospital-hospital yang tersenarai dalam skim insurans mereka.

Seiring dengan usaha hospital-hospital swasta terbabit, MHTC kini berperanan penting dalam menerajui kerjasama antara Malaysia dan negara-negara lain di dunia, khususnya negara Timur Tengah dan Commonwealth of Independent States (CIS) dengan matlamat memeterai perjanjian antara kerajaan, menyediakan khidmat rujukan pesakit, program lawatan doktor pakar serta sokongan latihan.

Pasaran utama Malaysia ialah Indonesia yang menyumbang 62 peratus jumlah hasil pelancongan penjagaan kesihatan, diikuti oleh Timur Tengah (7.4 peratus), India (3 peratus), China (2.6 peratus), Jepun (2.6 peratus),

Australia dan New Zealand (2.5 peratus) serta UK (2.5 peratus).

Pasaran yang kian menonjol seperti China, Asia Tengah dan rantau ASEAN umumnya dijangka terus berperanan sebagai penyumbang aktif kepada sektor penjagaan kesihatan negara. Pertumbuhan yang diunjurkan bakal diraih daripada ketibaan pelancong pada tahun 2016 adalah dari Timur Tengah, Australia, New Zealand, Bangladesh, Vietnam dan Myanmar. Penyusutan ringgit turut membuka semula peluang baharu bagi pasaran dari Singapura.

Namun, Indonesia kekal sebagai pasaran utama sektor penjagaan kesihatan Malaysia (61.7 peratus pada tahun 2015). Oleh itu, MHTC akan terus memperluas aktiviti promosinya ke bandar-bandar kedua dan ketiga utama di Indonesia, mengembangkan kehadiran Malaysia di luar negara serta mengukuhkan jenamanya di negara sasaran, di samping mengeratkan kerjasama dengan Tourism Malaysia, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Kementerian Luar Negeri.

Selain daripada kecemerlangan perubahan Malaysia dalam rawatan

kardiologi, ortopedik, onkologi, neurologi dan pergigian, permintaan dilihat semakin meningkat untuk rawatan masalah kesuburan di Malaysia yang diperakui hebat, khususnya dalam rawatan IVF. Hal ini dikatakan demikian memandangkan hospital yang menawarkan rawatan kesuburan yang terunggul di Malaysia mencatat kadar kejayaan IVF pada tahap 66 peratus dalam tahun 2013 berbanding catatan purata global hanya 50 peratus. Permintaan juga turut meningkat bagi rawatan kosmetik dan rehabilitasi.

2

## Industri Pembuatan Teras Sektor Penjagaan Kesihatan



Sutur pembedahan yang dikeluarkan oleh Vigilez Medical Devices Sdn. Bhd

Sektor yang bakal menjadi sandaran utama industri penjagaan kesihatan Malaysia ialah sektor pembuatan yang memfokuskan pembuatan produk farmaseutikal dan peranti perubatan. Usaha berteraskan teknologi termaju dan bermutu tinggi ini bakal membawakan pelaburan yang amat lumayan berserta pekerjaan yang berkualiti. Langkah ini diusahakan melalui pengukuhan keupayaan dan kemampuan dalam subsektor farmaseutikal dan sokongan ke atas pertumbuhan sektor peranti perubatan. Salah sebuah peneraju projek di

bawah EPP3; Farmaseutikal Malaysia, iaitu Biocon telah memulakan operasi fasiliti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan pembuatan biofarma miliknya yang bernilai USD250 juta pada pertengahan tahun 2015. Aktiviti pembuatan dan peningkatan ke atas dua produknya – insulin rekombinan manusia dan insulin analog – dijangkakan siap pada awal tahun 2016. Fasiliti yang bertempat di Nusajaya Johor ini mempunyai lebih 300 pekerja graduan Sains/Kejuruteraan dari Malaysia.

Sementara itu, matlamat AJ Biologics Sdn Bhd untuk menjadi fasiliti pembuatan

vaksin berakreditasi penuh yang pertama di Malaysia semakin hampir menjadi nyata. Kerja-kerja membina fasiliti di tapak pembinaan bermula pada 31 Julai 2015. Pada waktu yang sama, syarikat ini mengembangkan pasukan pengurusan kanan mereka dan memeterai perjanjian perkongsian bersama dengan sebuah pengeluar vaksin Eropah. Selain itu, AJ Biologics juga hampir memuktamadkan perbincangan dengan beberapa pengeluar vaksin tersohor bertaraf global untuk menandatangani perjanjian perkongsian dengan pengeluar-pengeluar tersebut.

Dua projek baharu diumumkan sepanjang tahun lepas di bawah EPP3:

- Pertama, fasiliti bersepadu menggabungkan penyelidikan GMP dan pembuatan milik Auscustom Pharma Sdn Bhd. Syarikat ini merancang menubuhkan fasiliti P&P dan pembuatan untuk menghasilkan ubat orphan dalam kelompok kecil serta menampung keperluan perubatan yang tidak mencukupi di Malaysia dan rantau ini. Produk ini termasuk suntikan steril, ubat-ubatan bukan steril dan ubar cecair retinopati diabetik, penyakit kronik dan onkologi integratif. Projek ini dianggarkan menjana RM10.7 juta dalam sumbangan PNK, RM14.4 juta nilai pelaburan, dan 95 pekerjaan baharu.
- Kedua, pembuatan produk farmaseutikal berkualiti tinggi yang terhasil daripada pengeringan sejuk beku oleh Pharmaniaga Bhd. Pharmaniaga mencadangkan agar fasiliti pembuatannya yang sedia ada diperluas dan diubah suai untuk membina tapak pengilangan *lyophilisation* bertujuan menghasilkan produk farmaseutikal bernilai tinggi secara pengeringan sejuk beku. Projek ini dijangka menjana RM2.4 juta dalam sumbangan PNK, RM20.9 juta nilai pelaburan dan 21 pekerjaan baharu.

Dengan memanfaatkan ekosistem pembuatan yang sedia kukuh, sektor peranti perubatan juga menjanjikan

pertumbuhan yang menyaksikan perkembangan terbaru dan berjaya memberikan pulangan sepanjang tahun lepas, hasil usaha lapan EPP Peranti Perubatan.

Syarikat berstatus Bionexus, Olipro Biotechnology kini mengeluarkan kit uji yang mematuhi standard Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di Malaysia di bawah EPP7: Mempertingkatkan Industri IVD di Malaysia. Dua jenis kit yang dihasilkan ialah kit uji cepat *Olipro HIV 1/2* untuk mengesan dan mengenal pasti HIV jenis 1 dan 2, dan kit *Olipro Bloodcheck LF* untuk mengesan jangkitan *transfusion transmissible infection (TTI)* yang berkemungkinan berlaku sewaktu proses derma darah atau ujian darah.

Sementara itu, Medical Innovation Ventures Sdn Bhd (MEDIVEN) terpilih meneraju EPP ini menerusi projek IVD yang diusahakannya. Projek ini bakal menjadi teras untuk mempertingkatkan

industri IVD Malaysia dan mengangkat profil IVD negara ke peringkat global, bermula dari negara-negara membangun. Syarikat ini telah merangkul Anugerah Amalan Terbaik Malaysia 2016 setelah diiktiraf oleh Frost & Sullivan sebagai salah sebuah syarikat terunggul. Setakat ini, produk bertanda CR keluaran MEDIVEN berjaya mengukir nama di pasaran tempatan dan antarabangsa. Malah, MEDIVEN juga telah membekal produknya kepada hospital-hospital utama di Malaysia.

Dalam pada itu, pembuat produk pembedahan, Vigilenz Medical Devices Sdn Bhd dan Karl Mueller Scientific terpilih untuk meneraju pembuatan peranti perubatan di bawah EPP8: Mempamerkan Kebolehan Malaysia dalam Penghasilan Produk Teras Peranti Perubatan Pakai Buang (SUD) Generasi Baru dan bakal menempatkan Malaysia sebagai pembekal produk SUD yang terpilih dan berkualiti tinggi.

Empat juara EPP9: Menjadi Hab untuk Pembuatan Kontrak Peranti Perubatan Bernilai Tinggi – ABio Orthopaedics Sdn Bhd, SteriPack Asia Sdn Bhd, Medical Devices Corporation Sdn Bhd (MDC) dan Straits Orthopaedics (Mfg) Sdn Bhd – kini meneraju pembangunan dalam bidang ini menerusi peluasan aktiviti pembuatan mereka yang bertujuan menyemarakkan penyertaan daripada usahawan Malaysia.

ABio berhasrat untuk mengembangkan pembuatan peranti ortopedik secara kontrak di Malaysia dengan menggabungkan pemesinan peringkat tinggi, penganodan titanium, kemahiran penempaan, penuangan dan kemas dalam erti gred perubatan. Di samping itu, Malaysia akan menjadi satu-satunya pengeluar produk untuk mengubati kecederaan kebakaran yang serius bagi jenama Smith & Nephew apabila Steripack memulakan operasinya di Malaysia.



Vigilenz Medical Devices Sdn. Bhd. di Bukit Minyak, Pulau Pinang

EPP10: Mewujudkan Peneraju Peranti Klinikal Malaysia yang masih pada tahap awal kini memfokuskan sasaran terhadap tiga pemilik projek yang dilihat berpotensi untuk melancarkan projek dalam industri pembuatan peranti implan ortopedik.

UWC Holdings, yang turut mengusahakan pembuatan produk bagi industri perubatan dan penjagaan kesihatan ialah peneraju EPP11: Penyelarasan Rantaian Bekalan Peralatan Perubatan dengan sandaran pelaburannya sebuah fasiliti pembuatan peralatan perubatan di Bukit Minyak, Pulau Pinang. Kilang yang berkeluasan 80,000 kaki persegi ini bakal menghasilkan peralatan perubatan, termasuklah katil hospital, troli, pengusung, pemegun dan pelembab *prefilled*.

Toshiba Medical System Malaysia menghasilkan sistem mesin ultrabunyi (*Ultrasound*), *transducer*, *printed wired board* dan produk-produk lain di Malaysia untuk tujuan pengeksporan di bawah EPP12: Hab Pembuatan Peranti Perubatan Bernilai Tinggi. Kilang Toshiba di Pulau Pinang yang mempunyai keluasan lantai 7,800 meter persegi telah memulakan operasi pada bulan Disember 2014.

EPP13: Membangunkan Kluster Perkakasan dan Perabot Perubatan diterajui oleh LKL Advance Metaltech



Meja rawatan pemeriksaan buatan LKL Advance Metaltech Sdn. Bhd.

Sdn Bhd, sebuah pengeluar perabot perubatan yang membuat katil hospital, troli mengangkut pesakit, meja rawatan bersalin, troli rawatan perubatan, peralatan sokongan periferan dan memasang siap produk keluli atau kayu.

EPP14: Produk Rawatan Sakit Buah Pinggang merangkumi penawaran perkhidmatan serta pembuatan produk perubatan yang berkaitan dengan rawatan penyakit renal peringkat akhir (ESRD). Perkhidmatan yang dimaksudkan ini termasuklah kaedah rawatan inovatif seperti modaliti rawatan di rumah yang menggunakan sistem teleperubatan yang bersepadu. Produk yang dihasilkan termasuklah *cycler PD* automatik, mesin HD, larutan dialisis dan juga beg serta penapis bagi mesin HD.

Tahun 2015 menyaksikan penyempurnaan percubaan klinik ke

atas Lucenxia (M) Sdn Bhd INTELLIS, sebuah dialisis peritoneal automatik (APD) pintar telah direka khas untuk pesakit buah pinggang yang kronik. Kajian telah dibuat dan didapati bahawa sistem Lucenxia INTELLIS APD ini adalah selamat dan berkesan dan sedia untuk dikomersialkan. Produk ini telah dilancarkan secara rasmi oleh YB Menteri Kesihatan, Datuk Seri S. Subramaniam pada bulan Januari 2016.

Presenius Medical Care, pembekal produk rawatan sakit buah pinggang global dan juga pemain industri utama untuk produk rawatan sakit buah pinggang secara hemodialisis (HD) dan dialisis peritoneal (PD), berjaya meningkatkan pengeluaran konsentrat untuk rawatan HD pada tahun 2014 dan kini mempunyai rangkaian produk konsentrat baharu untuk rawatan PD di kilang pembuatannya yang terletak di Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan.

Bersandarkan sokongan rakan teknologi dari Perancis, Suisse Med Technologies, Proligen telah beroleh hak eksklusif untuk menghasilkan penapis filtrasi darah bergred tinggi di Malaysia bagi pihak SuisseMed Technologies SA di rantau ASEAN.

Mesin dialisis yang dihasilkan ini bukan hanya berupaya menampung permintaan tempatan, malah turut disasarkan untuk pasaran eksport. Usaha ini mampu mengurangkan kos rawatan pesakit di samping mewujudkan peluang pekerjaan di Malaysia. Pengeluaran secara komersial dijangka bermula pada tahun 2017.



Majlis Perasmian Intellis of Lucenxia (M) Sdn Bhd oleh Datuk Seri Dr. S Subramaniam, Menteri Kesihatan

## Mempermudah Eksport Produk Buatan Tempatan



KKM memeterai dua perjanjian Offtake (OTA) bersama dengan Kotra Pharma (M) Sdn Bhd, pengeluar ubatan tempatan pada tahun 2015, bagi bekalan Diamicron MR 60mg (**kiri**) dan Vastarel MR 35mg (**kanan**)

Skim OTA yang diperkenalkan di bawah EPP3 untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah hab eksport generik serantau telah berhasil menarik perhatian daripada syarikat-syarikat multinasional (MNC) dan farmaseutikal tempatan. OTA merupakan rundingan langsung di antara kerajaan dan pengeluar tempatan bertempoh tiga tahun. Lanjutan dua tahun akan dipertimbangkan sekiranya pengeluar tempatan tersebut berupaya mengeksport produk mereka ke luar negara.

Berlatarkan landskap farmaseutikal global yang tinggi keberdayasaingannya,

Kerajaan berhasrat menjadi pelonjak sekali gus memperkukuh kebolehpasaran produk generik buatan Malaysia menerusi OTA, di samping mempercepat pendaftaran produk generik tersebut. OTA membuka akses kepada pasaran menerusi pembelian produk oleh sektor awam yang sekali gus membuktikan keselamatan dan keberkesanan produk dengan matlamat untuk memperkukuh keyakinan pasaran eksport yang berpotensi terhadap produk buatan Malaysia.

Pada tahun 2015, KKM telah menandatangani dua OTA bersama pengeluar ubat tempatan, Kotra Pharma

(M) Sdn. Bhd. bagi bekalan Diamicron MR 60mg dan Vastarel MR 35mg. Kedua-dua produk tersebut merupakan produk yang bernaung di bawah paten Servier dan dihasilkan oleh Kotra Pharma (M) Sdn. Bhd. menerusi usaha sama dengan syarikat farmaseutikal multinasional Perancis tersebut.

Berikutan OTA tersebut, Servier memperoleh kelulusan pengawalseliaan daripada pihak berwajib untuk pendaftaran ubat Vastarel MR 35mg, membolehkan ubat ini dipasarkan di Brunei, Singapura, Filipina, Myanmar, Hong Kong dan Thailand.

4

## Mendukung Kualiti Peranti Perubatan Berdasarkan Peraturan dan Standard

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) adalah sebuah badan berkanun Kementerian Kesihatan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2012 (Akta 738) bagi mengendalikan, mengawal selia peranti perubatan, industri serta aktiviti berkaitan di samping menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737).

Bagi menjamin pengawalseliaan yang lebih baik dan mengatasi isu berkaitan industri, badan berkuasa ini beriltizam untuk mendepani sebarang masalah yang timbul sewaktu penguatkuasaan Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) dilakukan.

Justeru, kesemua peranti perubatan yang digunakan dalam negara wajib didaftarkan menjelang bulan Julai 2016, yakni lanjutan tempoh daripada Julai tahun lepas. Pendaftaran ini bukan hanya menjamin agar kawalan mutu

dan peranti perubatan yang dihasilkan adalah selamat, malah turut menjamin agar peranti tersebut mematuhi standard global yang ditetapkan. Pelanjutan tarikh pelaksanaan dibuat bagi memastikan semua syarikat terbabit mempunyai waktu yang cukup untuk menyiapkan segala persediaan yang perlu sebelum mendaftarkan produk mereka.

Pada bulan Julai yang lepas, garis panduan pascapemasaran tambahan diperkenalkan di Malaysia, merangkumi isu pengendalian aduan serta tindakan pembaikan di lapangan (FCA). Dokumen ini dirangka sebagai panduan kepada industri untuk mematuhi Akta Peranti Perubatan dan undang-undang berkaitan.

Sementara itu, pasaran AS, Eropah dan Australia mewajibkan pensijilan Amalan Makmal Piawai (GLP) bagi peranti perubatan yang digunakan meliputi sempadan negara mereka. Malaysia

mempunyai fasiliti pengujian yang diakreditasi, namun tiada yang patuh GLP. Oleh itu, kebanyakan produk buatan Malaysia terpaksa diuji di Singapura, AS, Australia dan Eropah, yang pastinya menelan kos yang tinggi, sehingga mencecah kira-kira RM300,000 untuk setiap produk. Hal ini menjadi faktor penghalang kepada pengeluar tempatan untuk mengeksport barangan mereka.

Susulan itu, MDA telah memberikan geran bernilai RM22 juta kepada MyBioScienceLab Sdn Bhd untuk mewujudkan sebuah pusat sehenti bersepadu yang komprehensif dimiliki awam-swasta yang akan berperanan sebagai Fasiliti Pengujian CRO bukan klinikal dengan pensijilan OECD-GLP bagi menguji produk farmaseutikal, kosmetik, nutrasetikal, agrokimia dan juga peranti perubatan untuk menyokong industri tempatan dan global.

Pembinaan makmal tersebut sudah 90 peratus siap dan dijangka memperoleh pensijilan GLP menjelang tahun 2016. Permohonan geran bagi pembinaan sebuah lagi makmal GLP kini sedang diproses dan dijangka diketahui keputusannya pada tahun ini.



Menara Prisma MDA

## Membangunkan Pasaran Penjagaan Warga Emas yang Terancang



Perkhidmatan Penjagaan Warga Emas oleh Econ Healthcare Group

Industri penjagaan warga emas di Malaysia masih baharu dengan ekosistem yang baru menapak. Namun, minat terhadap industri ini semakin terserlah dalam tahun-tahun kebelakangan memandangkan orang ramai turut peka akannya. Ekoran itu, pelbagai pihak – termasuk hospital, pemaju hartanah, penyedia insurans dan kumpulan niaga – telah menampakkan minat yang mendalam terhadap bidang ini. Namun, sebagai persediaan untuk menjana pertumbuhan dalam industri ini, sebuah ekosistem perlu diwujudkan terlebih dahulu.

Pertama, Garis Panduan Perancangan Fizikal bagi Warga Emas telah siap dirangka. Pada tahun 2012, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) mula merancang garis panduan fasiliti kemudahan penjagaan warga emas untuk diguna pakai oleh pihak

berkuasa tempatan. Garis panduan ini meliputi prinsip dan perancangan umum juga spesifik, malah reka bentuk khusus bagi pembinaan rumah baharu dan pengubahsuaian rumah sedia ada menggunakan konsep bersesuaian dengan warga menua, kampung persaraan dan pusat penjagaan warga emas juga termasuk dalam garis panduan ini.

Garis panduan tersebut diluluskan Kabinet pada 1 Julai 2015 dan sedang menanti tarikh pembentangan di Mesyuarat Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) yang dijadualkan pada awal 2016. Susulan MNKT, garis panduan itu akan dibahaskan pula di mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) di setiap negeri Semenanjung Malaysia. Berdasarkan kelulusan oleh SPC, garis panduan tersebut akan diterima pakai oleh pihak berkuasa tempatan di negeri-

negeri terbabit.

Kedua, undang-undang baharu dirangka dan peraturan kawal selia diperketat. Dua Akta sedia ada – Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) dan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) – mengawal aspek penjagaan orang tua di bawah bidang kuasa dua Kementerian berbeza, iaitu KKM dan Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah KPWKM dipertanggungjawabkan ke atas rumah jagaan orang tua yang disasarkan terhadap golongan berpendapatan rendah yang tidak mempunyai saudara terdekat, sementara warga emas yang berkemampuan pula boleh memilih untuk dijaga di rumah penjagaan swasta yang dikendalikan di bawah KKM.

Terkini, hanya 16 rumah jagaan swasta yang terdaftar dengan KKM, dan pastinya bilangan ini langsung tidak memadai. Jabatan Perangkaan menganggarkan bahawa pada 2015, nisbah penduduk Malaysia berumur 60 tahun dan ke atas bakal mencecah 9.1 peratus. Berdasarkan unjuran terkini pula, Malaysia dijangka berdepan dengan status negara menua menjelang 2035, ketika 15 peratus jumlah penduduk berumur 60 tahun dan ke atas.

Kedua-dua perundangan yang wujud sekarang tidak mampu menampung keperluan warga emas di masa depan, apatah lagi rumah jagaan orang tua

kini perlu ditransformasikan kepada fasiliti penjagaan warga emas yang lebih sempurna. Rang undang-undang Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Swasta menggabungkan aspek-aspek yang relevan daripada kedua-dua Akta di atas agar lebih berupaya mentadbir urus penyediaan khidmat dan fasiliti bagi industri penjagaan warga emas selari dengan ekonomi yang progresif.

Rang undang-undang tersebut telah diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk disemak. Sebelum penyerahan dibuat, perbincangan dan pensindiketan untuk tujuan tersebut

dijalankan terlebih dahulu – 11 sesi di seluruh negara melibatkan 112 pengusaha pusat jagaan (didaftarkan di bawah KPWK) dengan kira-kira 450 peserta.

Dalam pada itu, Kementerian sudah mula merangka peraturan kawal selia membabitkan rang undang-undang tersebut. Lima bengkel dan tujuh mesyuarat/perbincangan diadakan bersama-sama pihak berkepentingan untuk mengumpul pandangan mereka tentang peraturan tersebut. Draf pertama akan siap sejurus pemuktamadan Rang undang-undang ini oleh Kabinet. Pembentanganannya di Parlimen dijadualkan pada suku kedua tahun 2016.

## EDEN-ON-THE-PARK MEMBUKA DIMENSI LUAS DALAM INDUSTRI KAMPUNG PERSARAAN

Salah satu projek peneraju di bawah EPP Kampung Persaraan ialah Eden-on-the-Park, yakni, fasiliti perkhidmatan penjagaan kesihatan warga emas bersepadu bercirikan resort percutian yang julung kali dibina di Malaysia. Fasiliti ini mengetengahkan konsep "3R", iaitu Rehat, Rekreasi dan Rejuvenasi, dan dibangunkan bertunjangan prinsip "5S", iaitu Tenteram, Selamat, Tersokong, Khidmat, Mampan (*Security, Safety, Support, Service, Sustainability*).

Rumah penginapan untuk warga emas telah siap dibina, bahkan telah memperoleh lesen sementara daripada pihak berkuasa tempatan. Selanjutnya, syarikat ini akan memohon Lesen Penjagaan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat berserta lesen daripada KKM untuk memulakan operasinya sebagai rumah jagaan warga tua.

Menara pangsapuri 'gaya hidup aktif' di bawah projek ini sedang giat didirikan - 7 daripada 14

tingkat telah siap dibina. Tarikh siap disasarkan pada bulan Disember 2016. Kerja-kerja binaan vila juga sudah bermula, bahkan beberapa unit vila sudah pun siap dipasang alang bumbungnya.

Sebagai langkah persediaan sebelum rumah jagaannya dibuka kepada orang ramai, Eden memulakan terlebih dahulu khidmat penjagaan di rumah justeru menggunakan perniagaan ini sebagai asas latihan dan persiapan, di samping

meraih manfaat pendedahan pasaran. Sepanjang tahun lepas, perniagaan ini terus mengukuh dan perkhidmatannya pula bertambah popular.

Pengambilan pekerja serta latihan berjalan lancar seperti yang disasarkan, malah, sebaik sahaja lesen rasmi dikeluarkan oleh JKM, projek ini akan dibuka sepenuhnya. Setakat Disember 2015, bilangan pekerja Eden sudah mencecah 26 orang, tidak termasuk staf penyelenggaraan dan pentadbiran.



(Kiri) Tapak pembinaan terkini di Rumah Penginapan Warga Emas Eden-on-the-Park (Kanan) Bilik rawatan di Eden-on-the-Park



## TINJAUAN MASA HADAPAN

**S**enarai EPP dalam NKEA Kesihatan sering disemak bagi menilai semula keupayaan projek-projek, sama ada masih mampu atau tidak untuk berperanan sebagai ‘*game changer*’ dalam industri penjagaan kesihatan. Pada 2015, dua EPP telah dikaji semula, lantas skop projek terbabit turut dipinda.

Pertama, EPP5: Mewujudkan Nexus Perkhidmatan Diagnostik. Kementerian Kesihatan memutuskan untuk tidak meneruskan model perniagaan yang digunakan dalam projek ini kerana model perkhidmatan radiologi kepada hospital-hospital KKM terlalu bergantung pada penyumberan luar. Rentetan itu, skop projek ini telah disemak semula, justeru, peneraju projek yang baharu akan dikenal pasti kelak.

Kedua, EPP6: Membangunkan Metropolis Kesihatan UM. Ekoran kelewatan memperoleh Kelulusan Perancangan daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang menjejaskan pembangunan projek ini, UM Holdings memutuskan untuk mengubah skop

projek tersebut. Pasukan NKEA akan bekerjasama erat dengan UM Holdings untuk meneliti pilihan-pilihan lain, antaranya, memindahkan sempadan projek ini ke tapak kampus UM yang terletak di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Berlatarkan hala tuju seterusnya, penekanan akan ditumpukan kepada EPP15, 16 dan 17 yang menyasarkan pembangunan industri penjagaan warga emas. Rang undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Warga Emas Swasta akan dibahaskan di Parlimen pada suku kedua tahun 2016.

Pada masa yang sama, perancangan juga sedang dilaksanakan ke atas penerapan “Garis Panduan Perancangan Fizikal Bagi Warga Emas” yang dirangka oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) ke dalam Rang Undang-undang bagi Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Swasta, termasuk menggalakkan pihak berkuasa tempatan mengguna pakai garis panduan tersebut.

Selain pengutamaan berterusan terhadap subsektor farmaseutikal dan peranti perubatan, EPP baharu juga bakal muncul berlatarkan perbincangan dan rundingan yang kini sedang berlangsung serta dijadualkan bersama-sama pemain utama dalam industri.

# MENDAHULUI PESAING DALAM EKONOMI YANG BERSIFAT GLOBAL



**DATO' SERI  
HAMZAH ZAINUDIN**

MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,  
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

Kita telah berusaha gigih untuk memupuk persekitaran perniagaan kompetitif yang menggalakkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan melalui penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (AP 2010) secara berterusan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Syarikat perniagaan yang digesa bersaing di tempat sendiri akan dipersiapkan untuk bersaing pada peringkat global.

Dengan tertubuhnya Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community, AEC*) dan Malaysia menjadi salah satu negara anggota di bawah Perkongsian Trans-Pasifik (*Trans-Pacific Partnership Agreement, TPPA*), liberalisasi terhampar betul-betul di hadapan kita, justeru kita haruslah mencabar diri untuk bersaing. Kita tidak sepatutnya bercita-cita menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi sekiranya asas untuk menjadi negara yang berdaya saing tidak disediakan. Syarikat perniagaan mesti meningkatkan usaha dan membuat pembaharuan untuk memanfaatkan peluang besar dalam pasaran yang dibawa oleh liberalisasi.



**DATUK SERI  
PANGLIMA MADIUS TANGAU**

MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Standard mampu memecahkan halangan dengan menjamin kualiti dan kecekapan yang diperlukan untuk menambah baik akses pasaran dan meningkatkan eksport. Ini merupakan sesuatu yang perlu difahami oleh syarikat perniagaan di Malaysia, terutamanya PKS.

Walaupun PKS mencakupi lebih 98 peratus daripada syarikat perniagaan Malaysia, sumbangannya kepada KDNK negara hanyalah 32 peratus pada tahun 2012. Standard sepatutnya digunakan sebagai pemangkin untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK sebanyak 41 peratus menjelang tahun 2020.

Kisah-kisah kejayaan syarikat yang mematuhi standard hendaklah ditonjolkan supaya memberikan inspirasi kepada lebih banyak pengilang dan pengguna di Malaysia, agar mereka menerapkan dan mengamalkan budaya kualiti, seterusnya menyumbang kepada daya saing negara. Saya benar-benar percaya bahawa standard, yang amat sinonim dengan kualiti, merupakan komponen yang sangat penting untuk kita mencapai status negara maju.

Usaha membangunkan standard kita sendiri adalah bagus dan wajar dipuji, namun kita juga mesti sedar bahawa terdapat beberapa amalan atau proses terbaik yang diperkenalkan dan digunakan oleh banyak syarikat perniagaan atau negara lain yang boleh kita terapkan. Kita mestilah tangkas dan bersedia untuk belajar daripada orang lain dan membuat penyesuaian untuk meningkatkan kecekapan kita.



**DATO' SRI  
MUSTAPA MOHAMED**

MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Pelan Induk Sektor Perkhidmatan yang dilancarkan pada bulan Mac 2015 menyediakan hala tuju dasar yang amat bermakna bagi pembangunan sektor perkhidmatan Malaysia. Cadangan-cadangan yang digariskan di bawah Pelan Induk telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia ke-11. Sebagai sekretariat kepada Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (Malaysia Services Development Council, MSDC), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) memainkan peranan yang penting dalam memantau secara rapi pelaksanaan strategi Pelan Induk selain melaporkan secara konsisten kemajuan yang dicapai kepada Jawatankuasa Khas Sektor Perkhidmatan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

## DALAM SRI INI

- 1 Akta Persaingan 2010: Mewujudkan Medan Persaingan yang Adil
- 2 Meningkatkan Ranking dari segi Daya Saing
- 3 Menyegerakan Hasil, Menambah Baik Akses Pasaran melalui Standard
- 4 Penekanan pada Amalan Terbaik dalam Pertanian
- 5 Memacu Penggunaan Standard Keselamatan Siber untuk Memperkukuh Sistem bagi Keselamatan Data
- 6 Mempertingkatkan Akses Pasaran yang Baik
- 7 Meliberalisasikan Pasaran Negara untuk Daya Saing yang Lebih Tinggi
- 8 Hala Tuju Dasar Strategik untuk Memajukan lagi Sektor Perkhidmatan

**P**roses globalisasi memerlukan persekitaran perniagaan yang cekap dan kondusif dipupuk dan dikekalkan untuk meningkatkan daya saing Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan. Terdapat potensi besar yang boleh dimanfaatkan daripada AEC dan pelbagai perjanjian perdagangan bilateral dan serantau, termasuk Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik dan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership Agreement, RCEP*).

Sejajar dengan ini, SRI Persaingan, Standard dan Liberalisasi (CSL-SRI) memainkan peranan yang penting untuk membina persekitaran dan budaya perniagaan yang cekap dan kompetitif dalam mendukung matlamat Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. CSL-SRI turut memfokuskan usaha pembaharuan ekonomi yang dilakukan semasa Rancangan Malaysia ke-10.

Pembaharuan ini bertujuan mengukuhkan kedudukan sektor swasta sebagai jentera teras ekonomi

dengan memodenkan peraturan perniagaan, meliberalisasikan sektor perkhidmatan, menghapuskan herotan pasaran, menambah baik perantaraan antara Kerajaan dengan perniagaan, memperkenalkan undang-undang persaingan serta meningkatkan kualiti barangan dan perkhidmatan melalui pematuhan standard.

1

## Akta Persaingan 2010: Mewujudkan Medan Persaingan yang Adil

Pelaksanaan AP 2010 dan penguatkuasaannya oleh MyCC telah membantu mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan untuk menggalakkan persekitaran perniagaan yang lebih berdaya saing di Malaysia.

Ditubuhkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (MDTCC), MyCC merupakan badan berkanun bebas yang diberi mandat untuk mengukuhkan persaingan dalam landskap perniagaan tempatan. MyCC menjalankan penguatkuasaan, penyiasatan dan penghakiman tentang pelanggaran di bawah AP 2010.

Pelaksanaan AP 2010 dikenal pasti sebagai salah satu SRI di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), yang bertujuan memupuk persaingan yang sihat dan berkembang maju dalam ekonomi Malaysia.

Akta tersebut, yang mula berkuat-kuasa pada tahun 2012, merangsang pembangunan ekonomi dengan menyokong dan melindungi proses persaingan. Dengan berbuat demikian, persekitaran perniagaan yang mendorong kecekapan, inovasi dan

keusahawanan dapat berkembang maju. Ini seterusnya menggalakkan harga yang kompetitif dan penambahbaikan kualiti produk dan perkhidmatan; sekali gus memberikan pilihan yang lebih banyak kepada pengguna pada harga yang berpatutan.

MyCC meneruskan usahanya untuk melibatkan pihak berkepentingan dari sektor awam dan swasta dalam khidmat sokongannya untuk meningkatkan kesedaran tentang AP 2010, di samping

berusaha meningkatkan bilangan kes yang diselesaikan. Pada tahun 2015, MyCC mengendalikan 48 program sokongan di seluruh Malaysia. Peningkatan aduan yang diterima oleh MyCC daripada 8 aduan pada tahun 2012 kepada 232 aduan pada tahun 2015 membuktikan tahap kesedaran yang semakin tinggi dalam kalangan pengguna dan pemilik perniagaan serta memberikan petanda baik tentang usaha yang dilakukan oleh MyCC.

MyCC juga telah berusaha gigih untuk meningkatkan bilangan kes yang diselesaikan. Pada tahun 2015, Suruhanjaya tersebut mengemukakan 6 dapatan tentang kesalahan persaingan di bawah AP 2010 dan melaksanakan dua keputusan yang dicadangkan. Terdapat juga dua kes yang sedang menunggu rayuan.



Program Advokasi telah diadakan pada bulan Oktober 2015 untuk PKS mengenai Akta Persaingan: *Bagaimana PKS Boleh Dimanfaatkan*

## 2

## Meningkatkan Ranking dari segi Daya Saing

Kedudukan Malaysia sebagai salah satu daripada 18 negara paling kompetitif dalam kalangan 140 ekonomi di seluruh dunia, dalam *Global Competitiveness Report 2014-2015* oleh Forum Ekonomi Dunia (*World Economic Forum*, WEF), mengesahkan keberkesanan pembaharuan ekonomi yang dilakukan oleh negara kita. Malaysia meningkat dua anak tangga daripada tahun sebelumnya, sekali gus mengukuhkan kedudukannya dalam senarai 20 ekonomi paling

kompetitif di dunia, iaitu ranking tertinggi yang dicapai oleh negara kita sejak tahun 2005.

Selain itu, Malaysia turut meningkatkan rankingnya dalam Laporan *Ease of Doing Business 2015* oleh Bank Dunia kepada tempat ke-18 daripada tempat ke-20 pada tahun 2014, mendahului ekonomi lain seperti Taiwan, Switzerland, Thailand, Belanda dan Jepun. Di Asia, negara kita meraih tempat ke-4 selepas Singapura, Hong Kong dan Korea Selatan.

Menurut Laporan tersebut, jarak Malaysia ke skor sempadan bertambah daripada 76.84 pada tahun 2014 kepada 78.83 pada tahun 2015, hasil penambahbaikan dalam lima penunjuk, iaitu memulakan perniagaan, mengendalikan permit pembinaan, mendapatkan bekalan elektrik, mendaftarkan harta tanah dan menyelesaikan ketaksolvenan.

Laporan tersebut menyatakan bahawa peningkatan ranking itu mencerminkan inisiatif yang dilakukan oleh Kerajaan melalui program pentadbiran dan juga ETP, serta usaha yang dijalankan oleh pasukan petugas gabungan sektor awam-swasta untuk memudahkan perniagaan.

## 3

## Menyegerakan Hasil, Menambah Baik Akses Pasaran melalui Standard

Pematuhan terhadap standard amat penting kepada kualiti. Ia merupakan penyelesaian untuk melonjakkan produk dan perkhidmatan melangkaui sempadan pasaran selain membina kesetiaan pelanggan.

Untuk mengukuhkan daya saing produk dan perkhidmatan di Malaysia, usaha telah dilaksanakan untuk menambah baik ekosistem pembangunan dan penggunaan standard. Langkah-langkah telah dijalankan untuk memperkemas dan mengurangkan masa yang diambil untuk pembangunan dan meningkatkan penggunaan standard.

Sehingga tahun 2015, terdapat sejumlah 6,204 Standard Malaysia yang dibangunkan oleh Agensi-agensi Pembangunan Standard yang dilantik

oleh Standards Malaysia. Daripada jumlah ini, 3,622 standard adalah setaraf dengan standard antarabangsa.

Sebagai usaha untuk meningkatkan pematuhan standard dan menghubungkan inisiatif yang ditawarkan oleh pelbagai Agensi Kerajaan, Program Pematuhan Standard Nasional (NSCP) dilancarkan pada tahun 2014 oleh Standards Malaysia.

NSCP direka bentuk berdasarkan Kajian NSCP pada tahun 2013, yang ditanda aras berdasarkan pendekatan negara terpilih yang mempunyai pematuhan standard yang lebih baik. Negara tersebut termasuklah Singapura, Jerman, Korea Selatan, Thailand, Indonesia dan Kesatuan Eropah. NSCP ialah komponen yang amat penting untuk menangani

kekurangan usaha bersepadu dalam kalangan Agensi Kerajaan dan sektor swasta untuk membudayakan standard dan pematuhan dalam produk dan perkhidmatan.

Standards Malaysia telah bekerjasama dengan beberapa Agensi termasuk SME Corporation, CyberSecurity Malaysia, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Malaysian Green Technology Corporation (MGTC), Malaysian External Trade Development Corporation (MATRADE), dan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menjalankan beberapa program bina upaya dan kesedaran tentang kepentingan standard dalam kalangan industri untuk meningkatkan permintaan terhadap pematuhan standard.

Meskipun dengan usaha ini, masih wujud cabaran terutamanya dalam kalangan PKS yang menganggap pematuhan standard dan pensijilan sebagai kos, bukannya pelaburan untuk pulangan pada masa hadapan. Memandangkan pensijilan standard dibuat secara sukarela, hal ini masih lagi menjadi isu yang berulang.

Dalam usaha menyelami perspektif persepsi pematuhan standard pada masa ini, Standards Malaysia mengadakan kajian tentang kesan ekonomi daripada pematuhan standard terhadap kebolehsasaran produk dan perkhidmatan. Kajian tersebut turut meneliti aspek yang berkaitan dengan kecekapan dan produktiviti di syarikat-syarikat terpilih daripada sektor elektrik dan elektronik, makanan dan minuman, serta pertanian. Dapatan kajian ini akan digunakan untuk mempromosikan penggunaan standard dan akan dikongsi dengan Agensi Pusat dan Kementerian untuk merumuskan dasar yang berkaitan untuk meningkatkan penggunaan standard.

Interaksi dengan pihak berkepentingan termasuk dialog dengan Badan Pensijilan serta sesi dialog dengan Agensi Kerajaan, Persatuan Perdagangan dan Syarikat Multinasional (MNC) telah diadakan sepanjang tahun 2015 untuk meningkatkan pematuhan standard dalam kalangan industri.

Standards Malaysia turut menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Steinbeis Foundation Malaysia (STMY) pada Jun 2015 untuk menjalankan Audit Teknologi dan analisis jurang pematuhan standard bagi 30 syarikat terpilih.

Sejajar dengan inisiatif untuk meningkatkan penggunaan standard, Standards Malaysia akan mengakreditasi

lebih banyak Badan Penilaian Pematuhan (*Conformity Assessment Bodies, CAB*) untuk menjamin proses pengujian dan pensijilan yang boleh dipercayai. Produk perlu menjalani prosedur penilaian pematuhan, termasuk pengujian makmal, untuk mendapatkan pensijilan. Untuk mencapai matlamat ini, kemudahan pengujian sedia ada mungkin perlu dinaik taraf untuk menambah baik infrastruktur pengujian produk di Malaysia.

Ini bukan sahaja akan membantu industri perkilangan menjadi lebih kompetitif, malah akan melonjakkan industri perkhidmatan di negara kita dan membantu Malaysia menjadi hab pengujian.



(Atas) Bengkel Penggunaan Standard telah diadakan pada bulan September 2015 dengan Kementerian dan Agensi Pusat  
(Bawah) Program Bina Upaya MS 9001 Sistem Pengurusan Kualiti telah diadakan pada bulan Ogos 2015 untuk PKS

## Penekanan pada Amalan Terbaik dalam Pertanian



Hasil daripada myGAP telah dipasarkan di Pasar Tani Putrajaya

Tahun 2015 menyaksikan pertambahan bilangan ladang yang menerima pensijilan sebanyak 21 peratus, menjadikan jumlah ladang yang telah diperakukan sebanyak 4,414 buah. Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh program jangkauan dan bina upaya yang dijalankan oleh agensi pelaksana, iaitu Jabatan Pertanian (DoA), Jabatan Perikanan (DoF) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Pembangunan dan penggunaan standard untuk NKEA Pertanian ditumpukan pada penandaarasan amalan pertanian Malaysia berbanding dengan standard antarabangsa seperti Amalan Pertanian Baik (GAP).

MoA telah menggabungkan beberapa skim pensijilan untuk pertanian di bawah myGAP (dengan slogan “*Producing More, Improving Lives*”) yang kini mewakili skim pensijilan yang menyeluruh untuk sektor pertanian, akuakultur dan penternakan.

MyGAP ditanda aras dengan skim pensijilan GAP antarabangsa seperti GAP ASEAN dan kini sedang diseragamkan dengan GAP Global. Justeru, produk yang diperakukan di bawah myGAP akan mendapat manfaat daripada usaha ini dengan meraih pengiktirafan dan penerimaan pasaran yang lebih baik.

Sejak pelaksanaan standard dan pensijilan dirangkumkan sebagai salah satu SRI pada tahun 2010, DoA, DoF dan DVS telah mencatat kadar pertumbuhan tahunan kompaun (*compound annual growth rate, CAGR*) masing-masing sebanyak 40 peratus, 40 peratus, dan 37 peratus dari segi bilangan pensijilan ladang. Sehingga tahun 2015, DoA mempunyai 1,600 ladang yang dianugerahkan pensijilan, manakala DoF mempunyai 173 ladang yang diperakui dan DVS pula 2,251 ladang.

Peningkatan bilangan ladang yang menerima pensijilan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh program

jangkauan dan bina upaya yang berterusan oleh agensi pelaksana, iaitu DoA, DoF dan DVS. Selain itu, pensijilan myGAP adalah percuma pada masa ini untuk peladang yang berjaya memenuhi keperluannya.

Pada tahun 2015, sejumlah 41 program bina upaya telah dijalankan melibatkan kira-kira 1,740 peladang. Semasa program tersebut, maklumat tentang keperluan myGAP, termasuk rundingan tentang proses pensijilan, telah dihebahkan.

Program promosi myGAP turut merangkumi jangkauan kepada pengguna, melalui kerjasama dengan petani dan peniaga yang menyertai program tersebut, tentang manfaat produk yang mendapat pensijilan myGAP.

Pada tahun 2015, sebanyak 14 program kesederan telah diadakan keseluruh negara di peringkat negeri dan di peringkat kebangsaan iaitu pada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2015.

Meskipun dengan langkah kemajuan yang dibuat, masih wujud beberapa cabaran. Misalnya, proses pensijilan myGAP pada masa ini memakan masa yang lama. Ditambah pula dengan ketiadaan pembezaan harga bagi produk yang diperakukan dalam pasaran domestik, ini melunturkan minat banyak ladang daripada mendapatkan pensijilan, kerana peladang inginkan manfaat serta-merta daripada pensijilan myGAP. Selain itu, kurangnya kesedaran di kalangan pengguna mengenai manfaat kesihatan daripada produk myGAP yang selaras dengan slogan “*Improving Lives*”.

Oleh yang demikian, usaha memperkemas dan mengurangkan tempoh proses pensijilan perlu dilakukan. Peladang juga perlu digalakkan untuk menjalankan penilaian sendiri tentang kesediaan mereka sebelum memohon pensijilan.

Walaupun usaha untuk mendapatkan pensijilan bagi semua ladang harus diteruskan, penekanan seharusnya dibuat pada perusahaan yang lebih besar, yang cuba melangkaui sempadan pasaran domestik. Tumpuan pada masa ini hanyalah pada ladang yang tampil untuk menjalani audit, yang majoritinya ialah ladang-ladang kecil.

5

## Memacu Penggunaan Standard Keselamatan Siber untuk Memperkukuh Sistem bagi Keselamatan Data

Pada masa ini, risiko siber berada pada keutamaan tertinggi dalam agenda antarabangsa kerana pencerobohan berprofil tinggi meningkatkan kebimbangan bahawa serangan penggodaman dan kegagalan keselamatan siber lain boleh membahayakan ekonomi dunia. Jenayah siber menyebabkan ekonomi global menanggung kerugian lebih US\$400 bilion setahun, berdasarkan anggaran yang dibuat oleh *Center for Strategic and International Studies*.

Laporan *Global Risks 2015* oleh Forum Ekonomi Dunia (*World Economic Forum*, WEF) jelas menyatakan bahawa 90 peratus daripada syarikat di seluruh dunia sedar bahawa mereka tidak cukup bersedia untuk melindungi syarikat mereka daripada serangan siber. Pergantungan yang semakin meningkat terhadap peranti pintar yang senang digodam menjadikan kita lebih mudah terganggu.

Di Malaysia, Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (*Critical National Information Infrastructure*, CNII) seperti perkhidmatan bank, telekomunikasi, dan pengangkutan sering terdedah kepada kerentanan yang boleh menyebabkan gangguan teruk. Serangan terhadap CNII boleh mengancam negara dan rakyatnya.

Keselamatan Siber telah dikenalpasti oleh kerajaan Malaysia sebagai salah satu daripada pemacu utama pertumbuhan baru dalam ekonomi digital. Semenjak tahun 2010 sehingga kini, sebanyak 48 produk ICT telah dinilai dan disijilkan oleh skim *Malaysian Common Criteria Evaluation & Certification* (MyCC) berdasarkan standard ISO 15408. Usaha berterusan sedang dijalankan bagi meningkatkan kesedaran di kalangan CNII mengenai kepentingan pensijilan produk bagi meningkatkan keselamatan organisasi mereka. Antara inisiatif yang telah dijalankan pada tahun 2015 adalah

program latihan Common Criteria untuk pembangun produk ICT (*Information and Communication Technology*).

Pada tahun 2010, standard *Information Security Management Systems* (ISO/IEC 27001), atau lebih dikenali sebagai ISMS, telah diperkenalkan untuk mengurus maklumat sensitif agar ia lebih selamat dengan menggunakan proses pengurusan risiko.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah diberi mandat untuk memantau pelaksanaan dan pematuhan standard ISMS oleh agensi-agensi CNII. Sejak MKN memegang teraju, bilangan CNII yang mendapat pengiktirafan meningkat daripada 20 pada tahun 2012 kepada 146 daripada 201 CNII pada tahun 2015.

Peningkatan dalam pematuhan ISMS turut menyebabkan kesan limpahan bagi Industri Keselamatan Maklumat yang lain seperti khidmat Pematuhan ISMS, khidmat rundingan keselamatan siber, pertambahan pembelian perkakasan dan perisian yang berkaitan dengan keselamatan siber, termasuk peningkatan minat kepada Produk yang Diperakukan mengikut standard *Common Criteria* dan Khidmat Penilaian Kerentanan, sebagai contoh.



Majlis Penyampaian Anugerah Keselamatan Cyber Malaysia 2015

## 6 | Mempertingkatkan Akses Pasaran yang Baik



Penganugerahan Pensijilan MeSTI kepada Safiah Satay oleh Kementerian Kesihatan sempena Hari Kesihatan Sedunia pada Ogos 2015

Standard membawa nilai yang amat tinggi dalam permintaan terhadap produk yang berkualiti dan selamat pada masa ini, apatah lagi kini dengan pengawal selia dan pengguna semakin prihatin tentang kualiti dan keselamatan makanan. Mereka menunjukkan minat yang belum pernah disaksikan sebelum ini dalam cara makanan dihasilkan, diproses, dan dipasarkan serta menuntut jaminan kualiti dan keselamatan yang lebih tinggi.

### STANDARD MAKANAN

Pada tahun 2015, Kementerian Kesihatan telah memberikan pensijilan kepada 1,152 premis pengilangan

makanan, menjadikan jumlah premis yang diberi pensijilan di bawah Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) sebanyak 2,401 buah. Ia merupakan 30.9 peratus daripada jumlah premis pengilangan makanan yang berdaftar dengan Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia (FOSIM) Domestik di bawah kategori P1 – Semua premis makanan yang terlibat dalam pengilangan makanan.

Matlamat MeSTI adalah mewujudkan sistem yang dapat mengawal kebersihan makanan dan kawalan proses, termasuk jaminan keselamatan makanan dan kebolehsesanan makanan. Sejak MeSTI dilaksanakan di bawah SRI pada tahun

2012, kadar kumulatif pertumbuhan tahunan (CAGR) adalah 40 peratus, hasil daripada program bina upaya yang dijalankan untuk premis pengilangan makanan, sekali gus meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap nilai MeSTI.

Pematuhan elemen MeSTI turut berfungsi sebagai asas kepada perusahaan mikro dan PKS di Malaysia untuk menjadi pengeluar dan pengeksport utama produk makanan melalui pematuhan keselamatan dan kualiti makanan. Program ini turut bertindak sebagai batu loncatan bagi syarikat untuk memperoleh pensijilan di bawah Amalan Pengilangan Baik (GMP) dan Titik Kawalan Kritikal Analisis Bahaya (HACCP). Sebagai contoh, Fatihah Frozen Sdn. Bhd. berjaya memperoleh GMP dalam masa 7 bulan selepas mendapat pensijilan MeSTI, berbanding tempoh biasa iaitu 1-2 tahun.

Antara cabaran yang dihadapi dalam proses pensijilan MeSTI ialah kekurangan juruaudit yang menyebabkan kelewatan memproses permohonan. Walaupun juruaudit sementara telah dilantik, mereka terikat dalam kontrak jangka pendek. Pelantikan semula juruaudit sementara juga memerlukan latihan yang berterusan.

### TEKNOLOGI HIJAU

*MyHIJAU Directory* merupakan panduan yang menyeluruh kepada pelbagai produk dan perkhidmatan hijau, yang dikategorikan secara sistematik dengan maklumat dan huraian terperinci untuk rujukan pengguna. Produk atau perkhidmatan yang mendapat logo MyHIJAU layak menikmati skim tarif seperti Elaun Cukai Pendapatan Hijau (*Green Income Tax Allowance*, GITA) dan Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (*Green Income Tax Exemption*, GITE) seperti yang diumumkan dalam Bajet Negara 2014.

Produk MyHIJAU yang berdaftar juga boleh disenaraikan untuk Perolehan Hijau Kerajaan (*Government Green Procurement*, GGP).



Bengkel *Government Green Procurement* (GGP) telah diadakan pada bulan Disember 2015

Pada tahun 2015, sejumlah 1,439 produk dan perkhidmatan memperoleh pensijilan di bawah MyHIJAU, iaitu peningkatan sebanyak 307.6 peratus (353 produk) dari tahun 2014. Peningkatan pencapaian ini berikutan keperluan mandatori Standard Prestasi Tenaga Minimum (MEPS) bagi 5 produk elektrik rumah (Penyaman Udara, Peti Sejuk, Televisyen, Kipas dan Lampu Rumah) di bawah Peraturan-peraturan Elektrik 1994 (Akta Bekalan Elektrik 1990) yang mula berkuatkuasa pada 3 Mei 2015. Di bawah MEPS, peralatan yang memenuhi keperluan keselamatan dan prestasi (Faktor Kecekapan Tenaga) mesti diberi Sijil Kelulusan (COA) oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia. Sebelum pengenalan MEPS, standard dan program pelabelan Perkakas dan Peralatan Cepak Tenaga Secara Sukarela dikuatkuasakan.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui MGTC telah mengadakan 14 bengkel Program Pembangunan PKS & Usahawan MyHIJAU di seluruh negara pada tahun 2015. Bengkel ini bertujuan menggalakkan PKS untuk melaksanakan

aplikasi teknologi hijau dan menerima pakai amalan hijau serta memudahkan proses pendaftaran MyHIJAU untuk syarikat perniagaan yang menghasilkan produk dan perkhidmatan hijau.

Pada tahun 2015, pembangunan struktur perniagaan dan aktiviti sokongan program MyHIJAU telah berjaya meningkatkan bilangan Badan Pensijilan bagi MyHIJAU daripada 3 kepada 8. 5 Badan Pensijilan MyHIJAU tambahan yang berdaftar dengan MGTC ialah Majlis Pensijilan Kayu Malaysia (Malaysian Timber Certification Council, MTCC), Global GreenTAG Sdn Bhd, GREENBUILDINDEX Sdn Bhd, BSI Services Malaysia Sdn Bhd dan DQS Certification (M) Sdn Bhd.

Walaupun bilangan pendaftaran badan pensijilan meningkat, namun permintaan dan kesedaran tentang produk hijau masih rendah dalam pasaran domestik. Sebagai usaha untuk mengatasi isu tersebut, KeTTHA melalui MGTC memulakan kempen kesedaran tentang GGP untuk semua Kementerian dan Agensi. Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan

Malaysia, KeTTHA, Kementerian Dalam Negeri dan Unit Perancang Ekonomi telah dipilih sebagai pelaksana rintis dalam projek ini.

KeTTHA menasarkankan peluasan pelaksanaan GGP pada tahun 2016 dengan merangkumi 12 produk yang telah dikenal pasti di bawah GGP, iaitu khidmat cucian, peralatan ICT, cat/salutan, simen fiber dan lampu EE, kemudahan bangunan, pusat data hijau, peranti pencetakan serba guna, penyaman udara, pakaian dan perabot.

Pada tahun 2016, GGP juga akan diperluas kepada Kementerian Kerja Raya Malaysia, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

## Meliberalisasikan Pasaran Negara untuk Daya Saing yang Lebih Tinggi

Menghapuskan halangan pasaran untuk membolehkan pelaburan dan entiti perniagaan asing membawa masuk idea dan teknologi baharu yang mungkin memainkan peranan sebagai pemangkin pertumbuhan yang lebih tinggi dan mampan, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau ASEAN. Dalam usaha untuk mewujudkan persekitaran perdagangan global yang lebih liberal dan saksama, Malaysia terus berusaha untuk mencapai pengaturan perdagangan serantau dan dua hala untuk melengkapkan pendekatan multilateral dalam liberalisasi perdagangan. Proses liberalisasi perkhidmatan negara diselaraskan oleh Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (MSDC) yang dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Sehingga tahun 2015, Malaysia telah memuktamadkan dan menandatangani sebanyak tujuh Perjanjian Perdagangan

Bebas (FTA) Dua Hala, dengan lima daripadanya mengandungi bab perkhidmatan. Lima FTA ini dimeterai dengan negara Jepun, Pakistan, Australia, New Zealand dan India. Pada peringkat serantau, sektor perkhidmatan telah diliberalisasikan dengan agak ketara menerusi pelaksanaan Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan (AFAS).

Pada masa ini, ASEAN telah menandatangani Pakej ke-9 AFAS dengan purata tawaran bagi 100 subsektor. Di samping itu, liberalisasi perkhidmatan juga merupakan sebahagian daripada Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN+1 dengan China, Korea, India, Australia dan New Zealand. Selain FTA, untuk menarik lebih banyak pelaburan asing dalam perkhidmatan, Malaysia juga telah melaksanakan liberalisasi secara autonomi bagi 45 subsektor

perkhidmatan yang diumumkan oleh Kerajaan pada tahun 2009 dan 2011.

Selepas lebih lima tahun perundingan yang intensif berlangsung, pada 5 Oktober 2015, Menteri-menteri 12 Negara Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) iaitu Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura, Amerika Syarikat dan Vietnam telah mengumumkan keputusan perundingan mereka. Perkongsian ini dijangka menyokong pekerjaan, mendorong pertumbuhan mampan, menggalakkan pembangunan inklusif dan menggalakkan inovasi merentas rantau Asia Pasifik.

Untuk memastikan keberkesanan inisiatif dan meraih manfaat daripada liberalisasi, peraturan perdagangan yang memudahkan dan pembaharuan pengawalseliaan telah dilaksanakan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang selesa. Langkah-langkah dasar yang tertentu telah diambil untuk mengurangkan kos pengawalseliaan dalam menjalankan perniagaan untuk menambahbaik iklim perniagaan dan menyokong pertumbuhan ekonomi.



Ketua-ketua Negara bergambar sebelum Mesyuarat Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) di Kuala Lumpur pada bulan November 2015.

8

## Hala Tuju Dasar Strategik untuk Memajukan lagi Sektor Perkhidmatan

Kerajaan telah merumuskan Pelan Induk Sektor Perkhidmatan untuk mengukuhkan sektor perkhidmatan. YAB Perdana Menteri melancarkan Pelan Induk Sektor Perkhidmatan pada 16 Mac 2015.

Pelan Induk ini mengenal pasti cabaran-cabaran penting dalam memajukan lagi sektor perkhidmatan selain mewujudkan pelbagai strategi dan

pelan tindakan bagi pelaksanaannya. Sejumlah 29 pelan tindakan dicadangkan untuk pelaksanaan di bawah empat dasar utama:

- Pengantarabangsaan – untuk meningkatkan dengan ketara jumlah penyedia perkhidmatan di Malaysia

- Insentif Pelaburan – untuk meningkatkan keberkesanan insentif
- Pembangunan Modal Insan – untuk menghasilkan, menarik dan mengekalkan bakat mahir
- Pembaharuan Tadbir Urus Sektor – untuk memupuk persekitaran dan jentera dasar yang cekap

Pelan Induk Sektor Perkhidmatan akan dilaksanakan dari 2015 hingga 2020 sejajar dengan Rancangan Malaysia ke-11.



Majlis Pelancaran Pelan Induk Sektor Perkhidmatan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib Razak pada bulan Mac 2015. Gambar ihsan daripada BERNAMA Images



## TINJAUAN MASA HADAPAN

**P**ada tahun 2016, usaha akan diteruskan untuk menggalakkan sektor perkhidmatan melaksanakan standard dalam produk dan perkhidmatan masing-masing. Standard dan pensijilan merupakan sebahagian daripada formula yang diperlukan untuk syarikat berkembang, dan penekanan harus dibuat ke arah pembangunan industri untuk memberikan tumpuan pada kehendak dan keperluan di seluruh rantaian nilai.

Proses pensijilan akan diperkemas dan kemudahan pengujian akan ditambah baik untuk menggalakkan lebih banyak syarikat mendapatkan pensijilan. Setelah menerima pensijilan, MATRADE akan dapat membantu syarikat tersebut menambah baik akses pasaran, terutamanya dalam sektor keutamaan seperti LED dan Peralatan Perubatan.

Fokus pada sektor perkhidmatan akan ditumpukan pada pelaksanaan Pelan Induk Sektor Perkhidmatan secara menyeluruh dan memastikan keberhasilannya. Justeru, usaha memantau kemajuan secara berkesan dan memastikan sebarang penghalang ditangani dengan sewajarnya perlu dilakukan.

Secara keseluruhan, kemajuan SRI ini telah menyediakan perspektif dan inisiatif dasar yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dan peluang ekonomi yang wujud pada masa ini. Langkah yang sedang diatur ke arah pasaran yang lebih terbuka menyebabkan perlunya tindak balas strategi yang berterusan untuk mengekalkan dan menambah baik kedudukan daya saing ekonomi Malaysia.

# MENCAPAI DAYA TAHAN FISKAL DEMI KELESTARIAN EKONOMI



**DATO' SERI AHMAD HUSNI  
MOHAMAD HANADZLAH**

MENTERI KEWANGAN II

Tahun 2015 sedikit sebanyak telah memberikan kesan kepada kelancaran perkembangan ekonomi Malaysia. Cabaran demi cabaran muncul di penghujung tahun yang berpunca dari pergolakan persekitaran luaran dan tahap keyakinan pelabur yang konservatif manakala nilai ringgit kita seperti mata wang ekonomi lain di rantau ini pula menurun secara tidak stabil berbanding dolar AS seiring dengan kemerosotan teruk harga minyak dunia akibat lebih bekalan.

Dengan pelaksanaan Program Transformasi Negara pada tahun 2010, ekonomi negara menjadi lebih kukuh untuk menghadapi cabaran pada tahun 2015. Bagi mencapai sasaran untuk mengurangkan defisit fiskal daripada 6.5 peratus KDNK pada tahun 2009 dan mengekalkan tahap maksimum hutang Kerajaan Persekutuan pada tahap 55 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahunan, kita telah memulakan siri pembaharuan kewangan awam yang berdisiplin dan tersusun untuk memastikan kewangan kerajaan adalah terkawal.

Di bawah SRI ini pada tahun 2015, kita telah menyaksikan kejayaan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan

(GST) selepas hampir 30 tahun mengumpul bukti bagi menguatkan hujahan untuk memperkenalkan cukai penggunaan secara meluas di negara ini. Kutipan GST terbukti menjadi sumber penting yang menyeimbangkan kemerosotan pendapatan negara akibat sumbangan hasil yang berkurangan daripada industri minyak dan gas.

Di samping itu, tindakan untuk menghapuskan subsidi bahan bakar api pada penghujung tahun 2014, telah menghasilkan penjimatan kos yang dianggarkan sebanyak RM10.7 bilion pada tahun 2015, dan ia telah membolehkan penjimatan ini disalurkan semula sebagai sebahagian daripada program jaringan keselamatan sosial untuk rakyat Malaysia yang amat memerlukannya.

Selaras dengan usahanya untuk membina disiplin bagi mencetuskan peralihan ke arah negara berpendapatan tinggi, kerajaan telah berjaya mengurangkan defisit negara kepada 3.2 peratus daripada KDNK pada tahun 2015 sebagaimana yang disasarkan. Hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir 2015 ialah 54.5 peratus daripada KDNK, yang masih berada di bawah kadar 55 peratus siling hutang yang dikawalselia sendiri.

Sejak tahun 2010, Kerajaan juga telah berjaya mengurangkan pergantungan kepada pendapatan sumber minyak dengan memacu sumbangan dari sektor dan bidang lain. Ini adalah penting untuk memastikan sektor lain dapat menjadi benteng kepada impak harga minyak yang turun naik secara mendadak. Contohnya pada tahun 2015, hasil minyak jatuh sebanyak 19.6 peratus berikutan harga minyak yang rendah berbanding 30 peratus pada tahun 2014. Meskipun begitu, sumbangan GST dan penjimatan daripada penyusunan semula subsidi, serta pembangunan sektor ekonomi lain di bawah Program Transformasi Ekonomi, telah sedikit sebanyak membantu mengurangkan kesan ini.

Kita telah memasuki tahun 2016 dengan berbekalkan maklumat bahawa pergolakan ekonomi pada tahun ini adalah sesuatu yang pasti. Namun kerunsingan ini mampu diredakan kerana pelaksanaan langkah yang berpandangan jauh dan berhemat akan membolehkan kita mengharungi keadaan sukar ini dengan lebih keyakinan. Ini merupakan ujian keberkesanan langkah Kerajaan untuk mempertingkatkan daya tahan ekonomi yang telah dilaksanakan dengan sedaya upaya.

## DALAM SRI INI

**1** Meningkatkan Sistem Pencucuaian untuk Kutipan Hasil yang lebih Baik

**2** Pelaksanaan Perakaunan Akruan untuk Mengukuhkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Fiskal

**3** Cukai Barangan dan Perkhidmatan

Pelbagai cabaran telah dihadapi pada tahun 2015. Harga minyak mentah yang merosot secara mendadak seiring dengan nilai ringgit yang jatuh berbanding Dolar AS telah memberi kejutan yang tidak dijangkakan, yang seterusnya memberi tekanan kepada ekonomi dan ia membuktikan kepada kita, iaitu betapa pentingnya bagi kita untuk mengurangkan kebergantungan kepada hasil berasaskan minyak, suatu pengetahuan yang telah lama kita ketahui.

Hakikatnya adalah Malaysia telah berjaya mengurangkan kebergantungannya kepada hasil minyak dan gas daripada 41 peratus pada tahun 2009 kepada kadar semasa 21.5 peratus daripada hasil Kerajaan, meletakkannya pada kedudukan yang lebih baik berbanding dengan negara-negara lain yang juga berhadapan dengan kejatuhan pendapatan negara seiring dengan harga minyak mentah.

Sumber hasil kita yang pelbagai, pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), dan penyusunan semula subsidi, telah banyak membantu mengurangkan kesan kejatuhan harga minyak yang mendadak. Tambahan pula, dengan perbelanjaan penggunaan akhir swasta yang masih menunjukkan peningkatan pertumbuhan sebanyak 4.9 peratus pada tahun 2015, serta pelaburan oleh sektor swasta yang semakin meningkat, juga telah membantu kita menghadapi cabaran ekonomi yang melanda.

Inisiatif SRI PKA menumpukan terutamanya kepada sistem pencukaian dengan Kementerian Kewangan (MoF) menjadi satu-satunya pemacu yang dipertanggungjawabkan dan disokong oleh agensi-agensi yang terlibat, iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDNM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Akauntan Negara (JANM).

#### **INISIATIF-INISIATIF INI ADALAH TERMASUK:**

- Peningkatan pentadbiran dan pematuhan cukai – cukai langsung
- Peningkatan pentadbiran dan pematuhan cukai – cukai tak langsung

- Pelaksanaan sistem Perakaunan Akruan
- Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)

1

## **Meningkatkan Sistem Pencukaian untuk Kutipan Hasil yang lebih Baik**

Kutipan hasil tambahan daripada cukai tak langsung melalui pengauditan khusus oleh JKDM telah melebihi sasarannya secara signifikan daripada RM159.6 juta pada tahun 2014 kepada RM222 juta pada tahun 2015 (148 peratus daripada sasaran). Ini adalah disebabkan oleh kecekapan pengauditan dan kutipan

yang dipertingkatkan oleh JKDM. Ia disokong oleh tambahan pengambilan pegawai kontrak dan beberapa perubahan dalam pendekatan audit turut dilaksanakan pada tahun 2015.

Pihak LHDN yang berjaya mencapai kutipan tambahan sebanyak RM2.04 bilion pada tahun 2015 berbanding

RM1.99 bilion pada tahun 2014 berikutan perubahan dalam pendekatan audit yang juga memperlihatkan penambahbaikan dalam pematuhan pembayar cukai. Kedua-dua inisiatif ini telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan kerajaan secara keseluruhannya.

2

## **Pelaksanaan Perakaunan Akruan untuk Mengukuhkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Fiskal**

Pelaksanaan perakaunan akruan ini adalah selari dengan amalan negara maju. Perakaunan akruan akan menambahbaik tahap kebertanggungjawaban dan ketelusan pengurusan sumber sektor awam dan ia akan memudahkan pengekosan sumber, sesuatu yang penting untuk

meningkatkan Bajet Berasaskan Hasil dalam mempromosikan kelestarian polisi fiskal.

Penyampaian sistem baharu telah tertangguh disebabkan oleh isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan sistem. Pencapaian penyampaian ini dipanjangkan ke bulan Disember 2016

dan Kerajaan yakin akan menepati tarikh pelancaran dan penggunaan sistem ini pada tahun 2017, menandakan peralihan daripada sistem perakaunan berasaskan tunai kepada perakaunan akruan dalam jangka masa enam tahun sejak ia mula dikendalikan pada tahun 2011.

**JADUAL: RINGKASAN PERBANDINGAN MANFAAT PERAKAUNAN TUNAI DAN AKRUAN DALAM KERAJAAN**

Kriteria	Perakaunan Tunai	Perakaunan Akruan
Mudah difahami	Lebih mudah tetapi orang ramai kurang mengenalinya	Lebih rumit tetapi lebih dikenali oleh orang ramai
Mudah dimanipulasi	Mudah juga untuk dimanipulasikan, tetapi terbitan Standard Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) berasaskan tunai adalah langkah maju ke hadapan	Tahap manipulasi bergantung kepada standard perakaunan dan audit
Maklumat yang dirangkumi	Maklumat tunai sahaja	Termasuk maklumat tunai bersama-sama dengan maklumat lain
Kegunaan untuk menguruskan kecairan	Hanya menyediakan maklumat asas	Menyediakan maklumat tunai dan maklumat komitmen (cth, bayaran tunggakan)
Pengurusan aset bukan kewangan	Tiada maklumat disediakan	Menyediakan maklumat mengenai penggunaan aset
Kebolehbandingan	Negara lain menggunakan rangkaian asas perakaunan, polisi secara amnya tidak diterangkan dengan jelas	Negara lain menggunakan standard perakaunan akruan yang berbeza. Perlu mendapatkan pematuhan dengan IPSAS
Mengukur kelestarian fiskal polisi/mempertimbangkan ekuiti intergenerasi	Kegunaan terhad	Berguna, tetapi ia perlu ditambah dengan maklumat tambahan (cth, profil demografi)
Kredibiliti	Terhad	Agensi penarafan kredit, peminjam dan media lebih arif dengan penyata kewangan akruan. Boleh menghasilkan kos pinjaman yang lebih rendah
Asas untuk menentukan strategi fiskal	Terhad	Baik, bersama dengan maklumat tunai
Akauntabiliti	Terhad	Menyediakan maklumat mengenai ketanggungjawaban sumber (cth, aset tetap)
Asas untuk peletakan harga produk/perkhidmatan	Terhad	Baik
Pengurangan insentif untuk penipuan dan rasuah	Terhad	Lebih baik daripada tunai, tetapi bergantung kepada persekitaran dalaman yang terkawal (antara yang lain)
Pelaksanaan	Kos sistem maklumat boleh menjadi lebih mahal (kerana pelanggan dan ketersediaan yang terhad)	Walaupun kos sistem maklumat lebih rendah, usaha tambahan diperlukan untuk mengenal pasti dan menilai aset (antara yang lain)
Operasi sedang berjalan	Sistem maklumat yang sedang berjalan mungkin lebih tinggi kerana sistem pelanggan secara amnya. Sistem Perakaunan Tunai selalunya memerlukan lebih banyak staf untuk menjalankan operasinya. Bagaimanapun, tidak banyak akauntan bertauliah diperlukan	Sistem operasi yang sedang berjalan lebih lestari kerana (i) lebih mudah untuk memikat dan mengekalkan staf yang berkemahiran; dan (ii) rekod subsidiari disepadukan (cth, pemiutang, penghutang dan daftar aset)

3

## Cukai Barangan dan Perkhidmatan

GST yang telah dilaksanakan pada bulan April 2015 terbukti menjadi dasar yang berpandangan jauh kerana hasil yang diperoleh setelah ia dilaksanakan, akan membantu menampung kekurangan hasil sektor petroleum. Jumlah cukai penggunaan yang terdiri daripada Cukai Jualan, Cukai Perkhidmatan dan GST telah menjana hasil yang dianggarkan berjumlah RM34.6 bilion pada bulan Disember 2015 dan kutipan pula dijangka meningkat kepada RM39 bilion pada tahun 2016.

Ia berbeza berbanding dengan sumbangan daripada Petronas dan sektor berkaitan dengan minyak yang dijangka akan merosot kepada RM31.8 bilion pada tahun 2016 berbanding RM43.6 bilion pada tahun 2015. Sementara itu, peratusan hasil berkaitan minyak berbanding hasil kerajaan secara keseluruhannya pula dijangka semakin menurun kepada 14.1 peratus pada tahun 2016 daripada anggaran 19.6 peratus pada tahun 2015. Ini adalah disebabkan oleh pengurangan sumbangan Petronas bagi pembayaran dividen sebanyak RM10 bilion serta faktor harga minyak mentah yang rendah.

Walaupun GST mengenakan cukai 6 peratus berbanding Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) sebanyak 10 peratus yang sudah dihentikan dan Cukai Perkhidmatan sebanyak 6 peratus, GST dijangka akan menghasilkan kutipan hasil yang lebih tinggi.

GST yang telah dilaksanakan dengan jayanya di lebih 160 buah negara, telah diiktiraf sebagai sistem cukai yang lebih saksama dan efisien memandangkan pendekatannya yang meluas, dengan penganan cukai pada peringkat penggunaan. Keperluan penting yang tersenarai sebagai Bekalan Berkadar Sifar seperti makanan dan ubat-ubatan terkawal untuk memastikan keluarga

berpendapatan rendah dan pertengahan tidak terlalu terbeban oleh cukai. Melalui sistem ini, mereka yang berbelanja banyak, terutamanya golongan yang berpendapatan tinggi akan menanggung beban cukai yang lebih berat.

Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) juga merupakan cukai penggunaan tetapi perbezaan utamanya adalah GST meliputi keseluruhan rantai bekalan sementara SST terhad kepada bahagian tertentu rantai bekalan. GST juga boleh dituntut bagi produk dan perkhidmatan input, bermakna ia berasingan daripada kos perniagaan sementara SST pula dianggap sebagai sebahagian daripada kos perniagaan.





## TINJAUAN MASA HADAPAN

**D**alam usaha merencanakan masa depan, cabaran utamanya adalah untuk memastikan sasaran Kerajaan mencapai bajet seimbang menjelang tahun 2020. Sebagai sebahagian daripada usaha ini, Kerajaan akan terus mengurangkan subsidi yang mengherot pasaran dan berusaha untuk mengurangkan ketirisan hasil melalui unsur kawalan cukai terutamanya dalam bidang import kereta terpakai, industri perkapalan dan insentif cukai korporat bagi IKS.

Perlu diingatkan juga bahawa matlamat pembaharuan kewangan awam adalah untuk memanfaatkan dana Kerajaan dengan lebih berkesan untuk bidang seperti jaringan keselamatan sosial bagi mereka yang memerlukan, penjagaan kesihatan, pendidikan dan infrastruktur kritikal yang lain untuk rakyat.

Kita juga bakal menyaksikan pelaksanaan sistem perakaunan akruan yang akan menggantikan sistem berasaskan tunai pada tahun 2017.

# MEMANGKIN PERTUMBUHAN YANG INKLUSIF DAN MAMPAN DENGAN MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN



**DATO' SRI  
ABDUL WAHID OMAR**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) bagi merapatkan jurang ketaksamaan bagi tahun ini telah melepasi KPI yang ditetapkan dan ini merangkumi peningkatan modal pasaran 11 syarikat Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) bernilai RM3.69 bilion, di mana dua daripada syarikat tersebut berjaya mencecah paras melebihi RM1 bilion.

Pelbagai inisiatif yang dipelopori oleh TERAJU telah menghasilkan peluang perniagaan bernilai RM63.4 bilion untuk syarikat-syarikat Bumiputera menerusi program-program utamanya iaitu Program *Carve Out and Compete*, Program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS), Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) dan Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB).

Mengambil kira persekitaran ekonomi yang mencabar pada tahun 2015, TERAJU telah menumpukan usaha ke arah mempertingkat dan memperluaskan inisiatif-inisiatifnya ke arah membina syarikat Bumiputera yang lebih berdaya tahan dan berdaya saing. Ini telah membawa kepada pembangunan pelbagai inisiatif serta kerjasama dalam meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam Projek Permulaan (EPP) Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Liberalisasi dan perluasan pasaran yang bakal dilaksanakan di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) turut membuka peluang serta cabaran kepada syarikat Bumiputera. Oleh itu, adalah amat penting bagi syarikat Bumiputera membina kapasiti mereka untuk bersaing dalam ekonomi yang lebih terbuka dan liberal. Bagi memastikan agar pelbagai usaha yang dilaksanakan tidak tergendala disebabkan oleh liberalisasi ini, program baharu yang efektif tertumpu kepada pembangunan modal insan, pemilikan kekayaan yang mampan dan keusahawanan akan dibangunkan, sebagaimana yang disarankan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

TERAJU akan memperhebatkan usahanya menerusi jalinan kerjasama efektif bagi mempertingkatkan daya maju syarikat-syarikat Bumiputera untuk bersaing di pasaran.

**“Cabaran utama TERAJU adalah untuk menyediakan perniagaan-perniagaan Bumiputera menghadapi penghapusan halangan perdagangan yang bakal dilaksanakan di bawah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).”**

Inisiatif Pembaharuan Strategik bagi Merapatkan Jurang Ketaksamaan (SRI) dirumuskan bagi menangani ketaksamaan penguasaan ekonomi Bumiputera dari segi penduduknya dengan kaum lain. Ia bertujuan membantu syarikat-syarikat Bumiputera membangun dan meningkatkan kapasiti, memperbaiki daya saing dan mengurangkan kebergantungan kepada kontrak Kerajaan di samping meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pasaran ekuiti, pekerjaan dengan nilai tambah yang tinggi serta jawatan dalam bidang pengurusan.

Kesemua inisiatif ini dipelopori oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dengan mandat yang diberi untuk menerajui, menyelaras serta memacu penyertaan ekonomi Bumiputera. Inisiatif-inisiatif di bawah SRI ini dirumus berdasarkan Hala Tuju

#### DALAM SRI INI

1

Memudahcara Pembangunan Syarikat Berprestasi Tinggi

2

Memfaatkan Kerjasama Pembinaan Kapasiti

Transformasi Ekonomi Bumiputera yang telah dilancarkan pada bulan November 2011. Lima bidang utama bagi tujuan pembangunan ekonomi Bumiputera telah diberi perhatian yang khusus - pendidikan, pekerjaan, tahap pendapatan, penciptaan kekayaan dan prestasi keseluruhan syarikat-syarikat Bumiputera.

1

## Memudahkan Pembangunan Syarikat Berprestasi Tinggi

TERAJU telah mengenal pasti syarikat-syarikat Bumiputera berprestasi tinggi serta mewujudkan program dan inisiatif untuk menangani cabaran ekonomi agar syarikat-syarikat tersebut dapat berkembang maju dalam persekitaran kondusif yang menggalakkan persaingan yang saksama. Ini merupakan asas program TeraS, yang pada masa kini terdiri daripada 991 syarikat kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera dari pelbagai sektor dan industri. Matlamat program ini adalah untuk membolehkan PKS Bumiputera memacu sektor berkaitan dan seterusnya menyumbang kepada ekonomi menjelang tahun 2020.

Sejak tahun 2011, TERAJU terus mencipta peluang dan meningkatkan nilai untuk syarikat-syarikat Bumiputera

dengan memperkenalkan pelbagai program dan inisiatif dari peringkat permulaan sehinggalah ke tahap potensi penyenaian di Bursa Malaysia.

Setakat tahun 2015, peluang perniagaan dengan nilai sebanyak RM36.06 bilion telah dicipta untuk syarikat-syarikat Bumiputera di bawah Program *Carve-Out & Compete*, menerusi kerjasama dengan pelbagai institusi awam dan swasta selaku pemilik projek mega. Inisiatif ini telah menyediakan satu platform kepada kontraktor Bumiputera untuk bersaing sesama sendiri berdasarkan merit dengan tujuan untuk menyokong dan menggalakkan penyertaan mereka dalam projek-projek mega seperti Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) Laluan 1 dan 2.

Bagi membangun dan menyokong pertumbuhan syarikat-syarikat Bumiputera, tahun ini turut menyaksikan kesinambungan program-program yang meningkatkan akses Bumiputera kepada pembiayaan dan pasaran, seperti Dana TeraS, Dana Mudahcara, Dana Halal, Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) dan program-program eksport. Pembangunan kapasiti dan program pembiayaan seumpama ini dilaksanakan dengan kerjasama institusi kewangan dan bukan kewangan awam dan swasta.

Tahun ini turut menyaksikan kerjasama dengan Yayasan Waqaf Malaysia, di mana ia meliputi beberapa bidang di bawah wakaf korporat seperti pembangunan tanah rizab Melayu dan tanah wakaf. Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB) yang baharu sahaja ditubuhkan akan meneraju dan melaksanakan inisiatif-inisiatif ini.



Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB) yang baru ditubuhkan ditugaskan untuk menyebarkan dan melaksanakan inisiatif Wakaf Korporat

## Memanfaatkan Kerjasama Pembinaan Kapasiti

Sektor koperasi juga merupakan salah satu bidang fokus kerana majoriti koperasi di Malaysia dimiliki oleh Bumiputera. Dalam memastikan agar keupayaan koperasi-koperasi ini dapat dipertingkatkan dan diperkukuh, TERAJU telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada tahun 2015 bagi meningkatkan keupayaan 20 koperasi Bumiputera yang berprestasi tinggi ke tahap yang seterusnya.

Dalam usaha memperkasa perusahaan sederhana dan mikro, TERAJU turut bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Koridor Ekonomi untuk menyediakan skim pembiayaan khusus, latihan dan inisiatif-inisiatif pembinaan keupayaan yang berkaitan kepada usahawan-usahawan Bumiputera di wilayah ekonomi masing-masing.

Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), yang berada di bawah naungan TERAJU, telah ditugaskan untuk mengenal pasti dan melaksanakan inisiatif-inisiatif pembinaan keupayaan dengan matlamat untuk melengkapkan usahawan Bumiputera dengan kemahiran dan pengetahuan yang relevan dengan industri. Usaha ini bertujuan untuk membangun dan mengenal pasti mekanisme latihan yang berpotensi dan berkesan untuk mencapai aspirasi pembangunan keusahawanan nasional.

Pada masa ini, seramai 7,871 pelajar-pelajar kurang bernasib baik telah menerima manfaat dari inisiatif pembinaan kapasiti di bawah Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera yang merangkumi pendidikan akademik, teknikal sehinggalah ke tahap profesional.

Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera adalah sebahagian daripada inisiatif Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera.



## PERKHIDMATAN PERGIGIAN YANG UNIK

Patang Saharing  
Doktor Gigi

**B**agi kebanyakan orang, berjumpa doktor gigi sentiasa menimbulkan perasaan bimbang atau gerun. Dalam usaha menjadikan perkhidmatan pergigiannya berbeza daripada yang lain, Patang Saharing telah mendapat idea untuk membuka klinik gigi yang memberikan suasana tenang dan selesa dalam bentuk spa. “Dental Spa dibuka untuk menggalakkan budaya penjagaan kesihatan gigi serta menghapuskan stigma ketakutan dan kegerunan yang selalu dikaitkan apabila kita pergi ke klinik gigi. Selalunya, ketakutan dan kegerunan timbul kerana keadaan atau suasana di kebanyakan klinik sama seperti di hospital dan kadang kala, keadaan klinik gigi di luar bandar yang tidak mempunyai kelengkapan yang cukup.”

“Apabila pesakit lebih tenang, lebih senang untuk merawat dan mereka akan menjadi selesa dan tidak lagi takut untuk kerap datang ke klinik bagi mendapatkan rawatan.”

Imej positif perkhidmatan pergigian yang julung-julung kali ditawarkan oleh Dental Spa mendapat sambutan hebat, dengan bilangan pesakit yang datang semakin hari semakin meningkat. Maka, Patang merancang untuk membuka satu rangkaian Dental Spa di seluruh Sabah, dan akhirnya, ke seluruh Malaysia.

“Pada masa sekarang, hanya ada lapan klinik gigi termasuk klinik gigi kerajaan di Tawau yang memberi perkhidmatan kepada lebih 400,000 orang penduduk. Kami memang tidak dapat memenuhi keperluan penjagaan kesihatan gigi yang kian bertambah.”

“Di Dental Spa, setiap hari kami terpaksa menolak permintaan sembilan orang pesakit kerana kami tidak mampu memberi layanan yang diminta atau diperlukan.”

Patang menjelaskan bahawa kejayaannya adalah hasil program TERAJU SUPERB yang memberikan pengalaman bermakna dan telah memperkenalkan beliau kepada ramai usahawan inovatif, jurulatih dan mentor yang memberi inspirasi kepadanya supaya berfikir kreatif dan melakukan sesuatu yang inovatif.

“SUPERB tidak saja membantu saya mengenalpasti peluang-peluang yang ada tetapi juga mengetahui peluang mana yang patut direbut. Penekanan yang ditegaskan dalam aspek perwatakan diri, perkhidmatan dan produk yang ditawarkan kepada pelanggan, telah membantu membentuk saya menjadi usahawan yang sangat berkeyakinan seperti hari ini.”

Pada tahun 2015, disebabkan permintaan yang semakin bertambah dan sambutan baik dalam pasaran, Dental Spa berpindah ke premis yang lebih besar serta dilengkapi peralatan dan mesin yang serba lengkap. Langkah tersebut merupakan permulaan usaha perkembangan Dental Spa. “Saya sedang memikirkan cara bagaimana melahirkan suasana kerja yang lebih selesa bagi kakitangan saya supaya mereka boleh menghadapi cabaran yang pasti timbul dalam proses perkembangan perniagaan.”

# BERSEDIA MENUJU KE ARAH LIBERALISASI



**Dato' Husni Salleh**  
Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU

Agenda utama TERAJU sentiasa tertumpu dalam memastikan agar syarikat-syarikat Bumiputera mampu bersaing dalam persekitaran ekonomi yang bebas. Dalam menerajui Agenda Pemerkasaan Bumiputera Nasional, kebanyakan usaha TERAJU bertumpu kepada meningkatkan kemahiran dan mempersiapkan perniagaan Bumiputera menghadapi TPPA dan AEC di samping memastikan agar objektif pembangunan Bumiputera yang dinyatakan dalam RMK-11 terlaksana, jelas Dato' Husni Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU.

Makmal SRI Merapatkan Jurang Ketaksamaan bermula apabila Malaysia terlibat dalam rundingan TPPA. Pada ketika itu, TERAJU kerap menerima maklum balas mengenai perkara yang bakal dijangka berlaku sebaik sahaja perjanjian tersebut ditandatangani.

“Oleh sebab itu, liberalisasi atau kebebasan ekonomi, menjadi satu unsur penting yang di ambil kira dalam merancang pelbagai jenis program kami. Kami mahu memastikan syarikat-syarikat Bumiputera mampu bersaing dalam persekitaran yang amat kompetitif, serba-serbi lengkap dan berupaya memanfaatkan kelebihan daripada kemunculan pasaran-pasaran baharu yang dibawa oleh liberalisasi.”

Tambahan lagi, beliau berpendapat kebanyakan syarikat Bumiputera terlalu tertumpu kepada pasaran tempatan, amat bergantung kepada jalinan hubungan dan konsesi kerajaan. Bagi sebahagian besar syarikat Bumiputera, pelanggan terbesar ialah sama ada pihak Kerajaan atau Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), di mana hanya segelintir yang berani menerokai pasaran antarabangsa.

Sememangnya usaha mengubah minda dan pemikiran ini amat mencabar. INSKEN, salah satu institusi di bawah TERAJU, telah memainkan peranan besar dalam menggalak syarikat Bumiputera tempatan untuk berani mencuba dan menerokai pasaran-pasaran baharu.

Menurut Dato' Husni, pihaknya telah menerangkan dengan jelas kepada syarikat-syarikat TeraS bahawa mereka perlu bersaing dan tiada jaminan kontrak dapat diperolehi sama ada daripada Kerajaan mahupun TERAJU. Meskipun mereka mendapat pelbagai kelebihan sebagai syarikat TeraS, termasuk peluang pembiayaan (dana) dan pembangunan kapasiti, ini tidak bermakna mereka tidak perlu bersaing dengan syarikat TeraS dan syarikat-syarikat Bumiputera bukan TeraS.

Melalui inisiatif *Carve-Out and Compete*, syarikat-syarikat Bumiputera diberi peluang untuk menyertai projek-projek mega kerajaan seperti MRT Laluan

1, Menara Warisan Merdeka, projek-projek pembangunan oleh Kumpulan EMKAY dan pembinaan MITEC (Malaysian International Trade and Exhibition Centre - Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia), kesemuanya bernilai RM36.06 bilion.

Kejayaan awal Program TeraS ini terbukti oleh kajian prestasi interim projek MRT, di mana ia merupakan projek pertama yang di letakkan di bawah program *Carve Out & Compete*.

Pertamanya, setakat tahun 2015, 47 peratus daripada kontrak yang telah diberikan oleh MRT Corporation adalah kepada kontraktor Bumiputera, di mana kadar tersebut lebih tinggi daripada nilai ambang (threshold) minimum *Carve Out & Compete* sebanyak 42 peratus. Kedua, kajian interim juga mendapati bahawa daripada tiga kontraktor berprestasi tinggi dalam projek MRT, dua daripadanya adalah syarikat TeraS.

Pada tahun 2015, TERAJU telah berjaya mencipta lebih RM60 bilion peluang-peluang pelaburan, perniagaan, pembiayaan dan perkembangan modal insan. Seterusnya, TERAJU akan terus menumpukan fokus kepada usaha-usaha meningkatkan kemahiran dan memperkasa lebih banyak syarikat Bumiputera untuk terlibat dalam pasaran global dan perdagangan antarabangsa.



## TINJAUAN MASA HADAPAN

**C**abaran utama TERAJU adalah untuk menyediakan perniagaan-perniagaan Bumiputera bagi menghadapi penghapusan halangan perdagangan yang bakal dilaksanakan di bawah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). Ini mungkin memberi kesan kepada syarikat Bumiputera yang lebih cenderung menjalankan perniagaan di peringkat domestik kerana lebih berteraskan dasar dan program bantuan kerajaan.

Pertumbuhan syarikat Bumiputera dijangka mengalami cabaran disebabkan oleh persaingan yang lebih sengit terutama sekali dengan adanya perjanjian-perjanjian perdagangan bebas seperti Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN, Komuniti Ekonomi ASEAN dan TPPA. Justeru itu, bagi memperhebat dan meningkatkan pertumbuhan dan daya saing syarikat Bumiputera dalam menghadapi TPPA dan mencapai matlamat Rancangan Malaysia Kesebelas dalam mencipta 30 Juara nasional, 10 Juara rantau dan 5 Juara antarabangsa, pelbagai program baharu akan diwujudkan bagi meningkatkan Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC)

yang tertumpu kepada bidang-bidang berikut:

- Memperkasa modal insan Bumiputera
- Meningkatkan penguasaan Bumiputera secara berkesan dan pemilikan korporat yang mampan
- Memperluas pemilikan kekayaan Bumiputera
- Memperkasa Komuniti Ekonomi Bumiputera
- Memperkukuh keberkesanan penyampaian program berorientasikan Bumiputera

Pelaksanaan program baharu akan turut meliputi penyertaan daripada syarikat yang layak di bawah program TeraS.

Atas dasar ini, TERAJU juga akan mengusahakan beberapa cadangan utama yang disarankan dalam Kajian mengenai Potensi Impak Ekonomi oleh TPPA ke atas Ekonomi Malaysia dan Sektor Ekonomi Utama yang Terpilih, ini termasuk penekanan ke arah pelarasan bantuan perdagangan. Kajian pada

tahun 2015 yang dijalankan oleh pihak MITI dan TERAJU ini juga menggesa SME Bumiputera untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam rantaian bekalan global menerusi bantuan GLC, syarikat-syarikat besar dan juga MNC. Ini akan membantu meningkatkan pertumbuhan SME Bumiputera yang bakal meletakkan mereka pada kedudukan yang lebih baik untuk bersaing di pasaran terbuka.

Pelbagai usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan nilai Syarikat Tersenarai Awam (PLC) Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) dengan nilai tambahan sebanyak RM1 billion menjelang akhir tahun 2016. Sasaran bagi tahun yang akan datang adalah untuk merangka peningkatan sebanyak 10 peratus dalam Pertumbuhan, Pekerjaan dan Pusing Ganti (GET) bagi 60 peratus syarikat mikro dan kecil yang menyertai program INSKEN 500.

# MEMBANGUNKAN TENAGA KERJA BERTARAF DUNIA BAGI MEMENUHI PERMINTAAN EKONOMI BERPENDAPATAN TINGGI



**DATO' SRI RICHARD  
RIOT ANAK JAEM**

MENTERI SUMBER MANUSIA

Pembangunan modal insan merupakan teras penting bagi memastikan Malaysia berjaya merealisasikan aspirasi Negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Pada masa yang sama, sebuah pasaran buruh yang cekap dan berkesan untuk menarik masuk pelaburan agar setiap individu berpeluang untuk turut serta dan memperoleh manfaat daripada pertumbuhan ekonomi.

Dalam menegenahkan agenda Pembangunan Modal Insan (PMI), saya ingin merujuk langkah yang telah ditekankan oleh Kerajaan terhadap peningkatan kemahiran seperti yang terkandung dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), yang bakal dilaksanakan mulai 2016. Usaha ini wajar memandangkan 60 peratus daripada 1.5 juta pekerjaan yang akan diwujudkan di bawah RMK11 memerlukan kemahiran berkaitan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Oleh itu, tenaga kerja di Malaysia harus mempertingkatkan kemahiran untuk berhadapan dengan persaingan dalam ekonomi yang semakin liberal pada masa hadapan.

Dari segi pencapaian, Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) PMI berjaya menepati kebanyakan sasaran KPI yang ditetapkan bagi tahun 2015. Memandangkan skop kerja PMI yang luas, kejayaan yang

dicapai ini adalah hasil kerjasama pelbagai kementerian yang lebih padu.

Perkembangan penting yang boleh dianggap 'game-changer' pada tahun ini disaksikan pada November 2015 apabila Majlis Ekonomi memberikan 'lampu hijau' kepada penubuhan Majlis Pembangunan Modal Insan Negara yang akan memacu pelaksanaan dasar dan inisiatif yang diperlukan untuk membangunkan modal insan Malaysia yang lebih kompetitif di peringkat global.

Usaha untuk meningkatkan bilangan wanita sebagai pemimpin telah menyaksikan pelantikan lebih ramai wanita ke peringkat pentadbir dalam syarikat awam pada tahun 2015. Menurut laporan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan BURSA, peningkatan 15.6 peratus telah dicatatkan bagi syarikat awam dan 10.7 peratus bagi syarikat tersenarai awam.

Program pembangunan kapasiti dan peningkatan kemahiran, termasuk MyProcert dan TVET yang sudah terlaksana pada 2015 dijangka akan diteruskan dan meningkat momentumnya pada 2016.

Kini, kita telah berada di titik persimpangan yang penting dalam pembangunan modal insan negara. Asas sistem pendidikan kita sedang dipertingkatkan menerusi NKRA dan NKEA Pendidikan. Tatkala kita gagah melangkah menghampiri status negara berpendapatan tinggi dan liberalisasi ekonomi yang terbentang luas di hadapan kita, usaha memajukan tenaga kerja sedia ada dan mengangkat kehadiran kita ke tahap global menjadi tunjang utama.

Kerajaan komited untuk mencorakkan landskap yang kondusif agar modal insan terbaik negara dapat dibangunkan dan berkembang maju.

**“Usaha di bawah Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) dalam Pembangunan Modal Insan (PMI) ini disasarkan untuk membentuk dasar buruh yang lebih inklusif dan progresif, mempertingkatkan kemahiran pekerja dan menggesa penerapan diversiti dalam tenaga kerja.**

**S**RI PMI yang memantau bidang pembangunan modal insan yang luas ini dipertanggungjawab untuk mempertingkat tenaga kerja Malaysia agar memenuhi permintaan negara yang semakin maju ke status pendapatan tinggi.

SRI PMI juga berperanan untuk membantu tenaga kerja Malaysia bersiap sedia untuk menempuh ekonomi yang lebih liberal setelah pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). Liberalisasi susulan AEC dan TPPA akan mencetuskan persaingan tenaga kerja yang lebih sengit dengan aliran bebas pekerja berkemahiran dari negara-negara ASEAN dan selainnya.

Sejak pelaksanaan Program Transformasi Negara (NTP) pada 2010, usaha di bawah inisiatif SRI PMI ini disasarkan untuk membentuk dasar buruh yang lebih inklusif dan progresif, mempertingkatkan kemahiran pekerja dan menggesa penerapan kepelbagaian tenaga kerja.

#### DALAM SRI INI

- 1 Memantapkan Teraju Pimpinan dan Kecekapan Dasar
- 2 Membina Keupayaan Menerusi Latihan Kemahiran
- 3 Keterangkuman di Tempat Kerja untuk Meningkatkan Produktiviti, Menyuntik Motivasi dan Mengekalkan Bakat

Antara pencapaian penting termasuk penambahbaikan perundangan buruh, pelaksanaan Gaji Minimum dan Umur Persaraan Minimum, pertambahan dalam inisiatif peningkatan kemahiran adalah untuk memenuhi sasaran sebanyak 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang 2020 dan pewujudan persekitaran kerja yang kondusif agar mampu menarik dan mengekalkan bakat.

1

## Memantapkan Teraju Pimpinan dan Kecekapan Dasar

Usaha untuk mendukung agenda pembangunan modal insan di bawah RMK11 turut dilihat berdasarkan penubuhan badan khas iaitu Majlis Pembangunan Modal Insan Negara (NHDCDC) yang akan menetapkan hala tuju dasar pembangunan modal insan dan menentukan keutamaan inisiatif.

Penubuhan NHDCDC dibuat atas usaha Unit Perancang Ekonomi (EPU) yang telah diluluskan oleh Majlis Ekonomi pada November 2015. Keanggotaan Majlis ini bukan sahaja terdiri daripada wakil kementerian dan agensi-agensi kerajaan, tetapi turut diwakili oleh wakil sektor swasta dan industri utama.

Majlis ini akan membantu mempercepat pelaksanaan program-program yang diterajui oleh pihak

berkepentingan dalam industri di samping menyelaraskan standard merentasi pelbagai Kementerian. Usaha ini didorong oleh hasrat untuk memastikan institusi-institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) melahirkan para graduan berkualiti yang memenuhi keperluan industri.

Sementara itu, penambahbaikan kandungan dan penyampaian dalam pengurusan data pasaran buruh telah diteruskan sepanjang 2015.

Dalam hal ini, Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) sedang memperkukuh portal dan komponen dashboard yang dibangunkan pada 2013. Portal ini turut dipertingkatkan dengan maklumat tambahan indikator pasaran buruh daripada Jabatan Perangkaan dan

kajian penyelidikan ke atas beberapa sektor yang dikenal pasti dan koridor ekonomi. Dengan Gudang Data Pasaran Buruh Bersepadu (LMIDW) yang telah dipertingkatkan sebagai sandaran utama, ILMIA bakal melancarkan inisiatif ini pada separuh tahun pertama 2016 untuk menyediakan data tentang pasaran buruh serta tawaran tenaga buruh mengikut sektor dan keupayaan.

Portal Pasaran Buruh ini dijangka memberikan manfaat kepada semua pihak berkepentingan khususnya Kementerian dan agensi terbabit dalam dasar intervensi serta perancangan berkaitan permintaan tenaga kerja. Malah, pemain industri turut akan memperoleh manfaat daripada data pasaran selain maklumat tentang keperluan tenaga kerja.

2

## Membina Keupayaan melalui Latihan Kemahiran

Inisiatif-inisiatif utama di bawah SRI PMI ini disasarkan untuk membangunkan sebuah tenaga kerja berkemahiran agar pekerja berupaya mengisi permintaan sebuah ekonomi yang dinamik. Usaha turut dipergiat untuk mengelakkan jurang kemahiran agar syarikat majikan tidak menghadapi masalah mendapatkan pekerja yang diperlukan.

Tenaga kerja berkemahiran dalam negara telah mencecah 28 peratus daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja setakat 2015, manakala sasaran menjelang 2020 adalah meningkatkan jumlah ini kepada 35 peratus.

### MYPROCERT DAN KERJASAMA INDUSTRI-AKADEMIA (IAC)

Program MyProCert dibangunkan menerusi usaha sama dengan Multimedia Development Corp (MDeC) dengan tujuan melahirkan lebih ramai ahli profesional yang berkelayakan teknikal dan ICT bertaraf antarabangsa.

Menerusi program tersebut, seramai 3169 pekerja telah dilatih untuk meningkatkan kemahiran dan taraf kerja dalam pelbagai bidang pengetahuan seperti pengurusan projek, analisis data besar, sistem terbenam, seni bina perusahaan dan lain-lain.

Tahun 2015 juga menyaksikan pengukuhan kerjasama industri-akademia dalam pelaksanaan program persijilan hasil usaha sama dengan 55 institusi pengajian tinggi, termasuk politeknik. Jalinan usaha sama ini telah membantu meningkatkan kemahiran 707 tenaga pengajar di fakulti terlibat selain melatih 6016 pelajar dalam pelbagai bidang pengetahuan.

### PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL

Memandangkan TVET berperanan penting sebagai landasan bagi mempertingkatkan kepakaran pekerja berkemahiran rendah dan sederhana, Kementerian Belia dan Sukan telah menjalinkan kerjasama dengan Institut Pengajian Teknikal Singapura (ITE) pada tahun 2015 (lihat rajah 1) untuk menyediakan rangkaian kursus kelolaan pakar industri bertujuan melengkapkan

## Kerjasama Kementerian Belia dan Sukan bersama ITE Singapura untuk Melatih bagi Pemimpin dan Tenaga Pengajar TVET



Rajah 1: Kementerian Belia dan Sukan menjalankan usaha sama dengan ITE Singapura untuk mengadakan program latihan bagi pemimpin dan tenaga pengajar TVET

tenaga pengajar TVET Malaysia dengan kemahiran khusus agar dapat menyampaikan kursus TVET dengan lebih efektif.

Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11) memberi penekanan segera terhadap keperluan untuk mempertingkatkan kemahiran tenaga kerja tempatan untuk membolehkan mereka bersaing di peringkat negara dan serantau. Hal ini kerana sebanyak 60 peratus daripada 1.5 juta pekerjaan yang akan diwujudkan di bawah RMK11 memerlukan kelayakan berkaitan TVET.

Menyedari keperluan tersebut, Malaysia perlu meningkatkan enrolmen pelajar TVET daripada 164,000 pada tahun 2013 kepada 225,000 menjelang tahun 2020 untuk memastikan bakal graduan memenuhi keperluan majikan di masa hadapan.

Peruntukan berjumlah RM1 bilion kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) di bawah RMKe-11 untuk lima tahun akan datang membuktikan kesungguhan kerajaan dalam usaha ini. Tabung ini disasarkan kepada tenaga kerja muda bagi membolehkan mereka memperoleh pendidikan dan kemahiran vokasional.

Di samping itu, RM1.2 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan Pelan Transformasi Vokasional dan Teknikal, selain RM30 juta yang turut diberikan kepada TalentCorp untuk melaksanakan program Kerjasama Industri-Akademia (IAC).

Selain itu, penyelarasan program-program TVET merentasi pelbagai Kementerian juga perlu dilakukan segera bagi memastikan institusi-institusi TVET awam dan swasta berupaya menghasilkan graduan berkemahiran yang diperlukan industri.

Pada ketika ini, tujuh kementerian terlibat dalam penyediaan program TVET, termasuklah, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Belia dan Sukan. Malah, terdapat banyak pusat latihan TVET di peringkat kerajaan negeri serta di institusi awam dan swasta Malaysia.

RMK11 membawa anjakan penting dalam pengoperasian sistem TVET sedia ada. Program dan intervensi TVET yang sebelum ini diterajui oleh Kerajaan akan beralih kepada pihak industri.

Sehubungan dengan itu, Unit Perancang Ekonomi (EPU) akan bekerjasama dengan Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk menyelaraskan sebuah sistem akreditasi dan sistem penarafan tunggal. Langkah ini akan memperkukuh jalinan berasaskan industri di samping meningkatkan program perantisan, lantas menjadikan TVET sebagai laluan pilihan kepada pelajar.

Pada 2015, TalentCorp memfokuskan usaha untuk mempertingkatkan kebolehan pasaran siswazah tempatan, termasuklah memberikan pendedahan industri kepada 17,967 pelajar siswazah menerusi Program Internship Berstruktur. Selain itu, hasil usaha sama dengan pihak industri telah memberi peluang kepada 7,153 siswazah baharu untuk mempertingkatkan kemahiran mereka sejajar kehendak industri.



Kontijen Malaysia dalam Pertandingan Kemahiran Dunia sebelum berlepas ke Sao Paulo, Brazil

# MENGEKALKAN WANITA DALAM TENAGA KERJA

**Johan Mahmood Merican**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
TalentCorp Malaysia



Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Towers Watson pada 2015 bertajuk “Global Norm Database”, pembabitan wanita yang menyandang jawatan pengurus hanya mencatat 27 peratus pada peringkat global. Sementara itu, di Malaysia pula, penglibatan wanita yang berjawatan pengurus dalam tenaga kerja cuma 31 peratus, yakni suatu jumlah yang kecil apatah lagi 36 peratus daripada bilangan ini berkemungkinan besar meninggalkan majikan mereka dalam tempoh dua tahun selepas itu.

Dalam hal ini, kepentingan diversiti gender di tempat kerja di samping langkah untuk memperbaiki situasi tersebut telah diberikan penekanan dalam Rancangan Malaysia ke-10. Malah, pelancaran *30% Club Malaysia* mencerminkan usaha terkini untuk mendorong diversiti agar berupaya mempertingkatkan bilangan wanita dalam barisan lembaga pengarah.

Sebenarnya, pewujudan diversiti gender dalam tenaga kerja merupakan suatu kewajipan ekonomi dan bukan hanya suatu isu gender kerana hal ini melibatkan kewajaran mengekalkan dan menarik bakat wanita yang begitu berharga demi memastikan pertumbuhan ekonomi. Bahkan, laporan McKinsey pada 2012 bertajuk “Women Matter: An Asian Perspective” mengetengahkan bukti bahawa penglibatan wanita dalam tenaga kerja berpotensi melonjakkan KDNK Malaysia sehingga mampu mencecah antara RM6 bilion sehingga RM9 bilion.

Hal ini disokong oleh kajian tahunan terhadap Ketua Pegawai Eksekutif oleh PwC pada 2015 yang menunjukkan bahawa, daripada dua pertiga jumlah Ketua Pegawai

Eksekutif yang melaksanakan dasar diversiti dan keterangkuman secara formal, 85 peratus yakin bahawa diversiti merupakan faktor yang telah membantu meningkatkan keuntungan syarikat mereka manakala 56 peratus pula meyakini sebagai faktor yang membolehkan mereka bersaing dalam industri baharu atau lokasi baharu.

Menurut Johan Mahmood Merican, Ketua Pegawai Eksekutif TalentCorp Malaysia, usaha berterusan pada pelbagai peringkat ke arah pencapaian matlamat ini telah membuahkan hasil berdasarkan peningkatan penyertaan tenaga wanita kepada 53.6 peratus pada tahun 2014 berbanding 46.8 peratus pada tahun 2010. “Sungguhpun Vietnam mengatasi kita dari segi penglibatan keseluruhan wanita dalam tenaga kerja, berdasarkan peningkatan ini, kita bakal melihat penambahan 600,000 wanita dalam tenaga kerja tempatan sekali gus memberikan impak KDNK sebanyak 0.3 peratus berdasarkan laporan Bank Dunia.”

Langkah-langkah penting oleh Kerajaan untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita termasuklah menggalakkan lebih ramai pekerja menggunakan sistem waktu kerja anjal atau fleksibel dan penyediaan khidmat penjagaan kanak-kanak, melancarkan program “Career Comeback” sebagai laluan mudah untuk wanita kembali bekerja serta sokongan terhadap keusahawanan wanita.

Selain itu, menurut Johan lagi, walaupun dua pertiga graduan negara terdiri daripada wanita, peratusan yang tinggi daripada jumlah ini cenderung meninggalkan tenaga kerja apabila menjangkau usia lewat 20-an atau awal 30-an kerana berdepan dengan tuntutan

keluarga yang menjadi kekangan kepada tuntutan kerjaya.

Berhubung dengan hal ini, laporan Bank Dunia pada tahun 2012 meletakkan faktor “sindrom dua bebanan” yang sering dihadapi oleh wanita sebagai penyumbang utama situasi tersebut kerana wanita kerap kali menggalas bebanan tambahan seperti menjaga rumah tangga, anak-anak serta orang tua mereka.

“Sebaik sahaja meninggalkan pekerjaan, mereka jarang kembali bekerja, berbeza daripada wanita di negara Asia Tenggara yang lain seperti Jepun dan Korea yang kembali menyertai tenaga kerja setelah usia mereka menjangkau lewat tiga puluhan.”

Namun begitu, cabaran utama adalah meyakinkan majikan untuk melaksanakan sistem kerja fleksibel serta pengambilan pekerja berdasarkan gaya hidup seimbang agar bakat wanita yang berpotensi tinggi tidak lenyap hanya disebabkan tuntutan kerjaya yang tidak seimbang, jelas Johan. “Tetapi, apabila perkara ini dibangkitkan, respons lazim oleh para majikan adalah – ‘mengapa harus kami laksanakan sistem ini’ dan ‘bolehkah pekerja tersebut dipercayai.’”

Sehubungan dengan itu, pada Julai dan Ogos 2015, TalentCorp dan PwC Malaysia telah berganding bahu bagi menjalankan kajian berkaitan diversiti di tempat kerja dengan sokongan Bursa Malaysia, bertujuan memperoleh gambaran yang lebih jelas tentang landskap diversiti dalam syarikat senaraian awam. Hasil kajian tersebut menunjukkan respons daripada 130 syarikat tersenarai, merangkumi 1,094 ahli lembaga korporat dan 464,092 pekerja di syarikat tersenarai awam di Malaysia.

Dapatan tersebut turut merangkumi 67 daripada 100 syarikat tersenarai yang berkedudukan teratas, dengan mewakili 70 peratus daripada jumlah permodalan pasaran Bursa.

Bersandarkan hasil kajian yang diperoleh, 31 peratus syarikat telah pun memulakan sistem kerja fleksibel, 28 peratus sistem jam kerja berperingkat, 18 peratus membenarkan sistem jam kerja di luar pejabat, 15 peratus melaksanakan kerja separuh masa atau sambilan manakala 10 peratus pula membenarkan sistem minggu kerja yang dimampatkan.

Johan turut menegaskan, sudah tiba masanya lebih banyak syarikat menyedari hakikat bahawa zaman sudah berubah berbanding era tahun 80-an di mana lebih ramai wanita kini mengisi tempat di universiti. Justeru, tenaga kerja wanita turut melonjak secara mendadak. Oleh hal yang demikian, sudah tentulah langkah yang wajar dan bijak adalah menawarkan sokongan kepada golongan wanita agar modal insan yang bernilai tinggi dapat dikekalkan.

“Wanita pada zaman ini tidak semuanya berpeluang mendapat sokongan daripada keluarga terdekat. Lantaran itu, ibu-ibu yang bekerja berdepan dengan situasi yang sukar

untuk mengimbangi antara tuntutan keluarga dengan tuntutan kerjaya sebagai penjawat profesional. Apabila kesukaran terlalu meruncing, ramai wanita akhirnya terpaksa meninggalkan pekerjaan mereka.

“Sistem kerja fleksibel yang mudah seperti waktu kerja yang anjal mampu mengekalkan modal insan wanita.”

Dari segi keyakinan terhadap pekerja pula, Johan menyatakan, majikan boleh melaksanakan sistem kerja fleksibel secara berperingkat. Beliau mengetengahkan contoh PwC yang memulakan sistem tersebut berdasarkan merit, iaitu memberikan keutamaan kepada pekerja berprestasi tinggi.

“Pendekatan PwC berjaya kerana pekerja tidak melihatnya sebagai hak mereka, sebaliknya sebagai suatu keistimewaan atas dasar kecemerlangan kerja mereka. Selain itu, EcoWorld sebagai contoh, menjadi perintis dalam sistem fleksibel ketika cuti sekolah agar ibubapa dapat menjaga anak-anak mereka.

“Malah, pekerja yang tidak memanfaatkan sistem kerja fleksibel juga didapati lebih gembira kerana mereka tahu kemudahan tersebut tersedia buat mereka sekiranya perlu.


Berhubung dengan program *Career Comeback* pula, contoh dipetik daripada Petronas dan IHS yang telah melaksanakan program khas untuk mendorong pengambilan wanita profesional selepas tempoh berehat atas pelbagai sebab, di samping menyediakan laluan untuk mereka kembali bekerja.

“IBM sebagai contoh, membenarkan pekerjaanya mengambil cuti berehat tanpa perlu melepaskan jawatan mereka. Bahkan, Chong Chye Neo, yakni wanita pertama yang menyandang jawatan Pengarah Urusan IBM Malaysia pernah mengambil tempoh berehat sebanyak dua kali sewaktu kerjayanya di IBM. Sekiranya IBM tidak menawarkan peluang tersebut, sudah pasti IBM kehilangan wanita berkaliber tinggi seperti Chong.”

Dalam tahun-tahun kebelakangan, lebih banyak syarikat di Malaysia dilihat telah mengorak langkah untuk melaksanakan sistem kerja fleksibel, memberikan manfaat untuk keluarga serta kerjaya pekerja. Antara majikan tersebut termasuk Maybank, Nestle, Kimberly-Clark, IBM, DHL dan Standard Chartered.


## Penyertaan Tenaga Kerja Wanita di Malaysia

Kadar Penyertaan Tenaga Kerja Wanita di Malaysia dari 2010-2014



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014

Komposisi Gender Mengikut Peringkat Organisasi



Sumber: Kajian Diversiti di Tempat Kerja PLC Malaysia oleh TalentCorp & PwC Malaysia, 2015

3

## Keterangkuman di Tempat Kerja untuk Meningkatkan Produktiviti, Menyuntik Motivasi dan Mengekalkan Bakat

Tempat kerja yang diterapkan dengan ciri keterangkuman bukan hanya mengangkat jati diri pekerja dan maruah diri, bahkan, bakat dan kemahiran pekerja daripada pelbagai latar belakang yang berbeza turut dihargai. Tenaga kerja yang lebih bermotivasi sudah tentu membuahkan produktiviti yang tinggi.

### MENGALAKKAN DAN MENGEKALKAN PENYERTAAN WANITA DALAM TENAGA KERJA DENGAN KAEDAH PENYELESAIAN YANG INOVATIF DI TEMPAT KERJA

Sejumlah 63 peratus kemasukan ke universiti awam diisi oleh golongan wanita, dan sebahagian besar daripada mereka akan melangkah ke pasaran tenaga kerja sejurus selepas tamat pengajian. Walau bagaimanapun, ramai daripada golongan wanita ini terpaksa meninggalkan kerja ketika berpeluang memperoleh kenaikan pangkat, dan hal ini sering kali berpunca daripada komitmen keluarga.

Dalam hal ini, inisiatif di bawah SRI ini menyasarkan peningkatan penyertaan tenaga kerja wanita kepada 59 peratus menjelang 2019 dan 30 peratus penyertaan wanita pada peringkat pembuat keputusan di sektor korporat menjelang tahun 2016.

Usaha tersebut telah menyaksikan penyertaan tenaga kerja wanita meningkat kepada 53.6 peratus pada 2014, berbanding dengan 49.5 peratus pada 2012. Akan tetapi, peratusan wanita bekerjaya dikatakan masih rendah berbanding dengan negara-negara ASEAN lain.

Langkah-langkah penting oleh Kerajaan untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita termasuk galakan kepada majikan untuk melaksanakan sistem waktu kerja anjal (flexi hours, FWA), menyediakan khidmat penjagaan kanak-kanak dan melancarkan program “Career

Comeback” sebagai laluan mudah untuk wanita kembali bekerja, serta sokongan terhadap keusahawanan wanita.

Walaupun bagaimanapun, sistem kerja fleksibel (FWA) yang pada dasarnya memudahkan wanita hendaklah dilaksanakan dengan penuh kebertanggungjawaban dan kematangan untuk memastikan keberkesannya dalam organisasi terbabit. Perubahan yang meliputi sistem kerja fleksibel dan khidmat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja terbukti faktor yang berjaya meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja. Khidmat penjagaan kanak-kanak ialah faktor penting yang membolehkan kaum ibu bekerja tanpa dihambat perasaan bimbang.

Bagi mendorong pembabitn wanita dalam tenaga kerja, bantuan yuran bagi penjagaan kanak-kanak, geran pelancaran bagi penubuhan pusat asuhan, pengecualian cukai untuk pusat asuhan serta potongan cukai berganda kepada

majikan yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak untuk manfaat pekerja mereka juga perlu dipertingkatkan.

Perkembangan dalam sistem kerja fleksibel (FWA) turut menyaksikan portal flexWorkLife.my oleh TalentCorp membangunkan sebuah rangkaian yang menghubungkan majikan dan bakat wanita, yang disasarkan untuk mengoptimumkan keseimbangan budaya kerja dengan kehidupan seharian. Usaha ini berhasrat untuk mengekalkan pelibatan wanita dan mendorong mereka kembali bekerja. Portal dalam talian ini bukan hanya memaparkan amalan terbaik serta garis panduan pelaksanaan FWA, malah turut menyetengahkan kajian kes daripada majikan yang sudah melaksanakan FWA, termasuk manfaat keseimbangan budaya kerja dan fasiliti yang mesra keluarga.

Pada 2015, TalentCorp memberikan khidmat sokongan kepada 20 majikan terkemuka di Malaysia untuk melaksanakan serta mempertingkatkan FWA di organisasi mereka kerana FWA jelas merupakan strategi utama yang mengekalkan pelibatan wanita dalam tenaga kerja. Selain itu, di bawah program Career Comeback yang dilancarkan pada Mac 2015, TalentCorp membantu 256 wanita untuk kembali bekerja selepas mengambil tempoh berehat.



Perbincangan ahli panel semasa acara Lead the Change untuk menggalakkan diversiti dalam tenaga kerja di Malaysia pada tahun 2015



Lebih 700 orang hadir semasa acara Lead the Change 2015 termasuk Lembaga Pengarah, CEO, Pengarah dan tetamu kehormat yang bertaraf pembuat keputusan

### **MENANGANI JURANG GENDER DALAM KEPIMPINAN: WANITA DALAM BARISAN LEMBAGA PENGARAH - LEAD THE CHANGE**

Untuk mendorong kepelbagaian gender ini, kerajaan menyasarkan jumlah penyertaan wanita pada peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat sebanyak 30 peratus menjelang 2020. Berlatarkan matlamat tersebut, majlis 'Memangkin Perubahan: Meletakkan Wanita Dalam Lembaga Pengarah' (Lead the Change) yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada Mei 2015 telah dilancarkan. Majlis tersebut dihadiri oleh ramai peserta terdiri daripada Pengarah, ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan tertinggi dalam sektor korporat di Malaysia. Majlis ini dianjurkan bersama oleh PEMANDU dan Kementerian Wanita, Keluarga dan masyarakat dengan kerjasama BURSA dan TalentCorp.

Menyedari bahawa matlamat untuk merealisasikan 30 peratus wanita dalam lembaga pengarah yang belum tercapai, Perdana Menteri menggesa tokoh-tokoh perniagaan untuk "mengambil langkah seterusnya, memecah siling kaca dan meletakkan wanita sebagai ahli lembaga pengarah."

Bagi mencapai matlamat ini, Perdana Menteri mengumumkan dua langkah utama:

- Menerusi keperluan dasar, GLC akan membolehkan eksekutif untuk berkhidmat dalam lembaga pengarah syarikat-syarikat lain yang disenaraikan selagi tidak wujud konflik dalam kepentingan
- Pada masa akan datang, semua syarikat tersenarai dikehendaki mendedahkan komposisi dan aspek kepelbagaian dalam kalangan ahli lembaga pengarah dan pengurusan tertinggi, dari segi jantina, etnik dan umur

Kelab 30 peratus Malaysia (30 peratus Club Malaysia) telah dilancarkan bersempena majlis tersebut bersama-sama tiga Pengerusi Pengasas Kelab 30 peratus Club iaitu Tan Sri Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor, Tan Sri Jeffrey Cheah dan Tan Sri Zarinah Anwar. 30 peratus Club merupakan sebuah rangkaian kerja global yang dianggotai oleh tokoh-tokoh perniagaan

yang menyokong dan mengetengahkan kepelbagaian gender dalam Lembaga Pengarah. UK, iaitu lokasi penubuhan 30 peratus Club yang pertama telah mencatat kejayaan yang besar dengan menyaksikan peratusan wanita dalam lembaga pengarah meningkat kepada 26.1 peratus setakat Oktober 2015, berbanding hanya 12.6 peratus pada 2010.

Sejumlah 197 akuan janji telah ditandatangani oleh Pengarah dan CEO syarikat senarai awam ketika program "Lead the Change" bersempena pelancaran 30 peratus Club Malaysia. Kesepakatan ini bukan hanya membuka laluan yang lebih luas kepada peningkatan penyertaan wanita pada peringkat pembuat keputusan, malah lebih daripada itu, kerana kepelbagaian gender menjadikan setiap keputusan lembaga pengarah lebih efektif sekali gus melonjakkan perniagaan.

Rentetan semua inisiatif tersebut berjaya menyaksikan pelantikan 40 wanita pada kedudukan pengurusan tertinggi pada tahun 2015 sejak bermulanya Program Pengarah-pengarah Wanita pada 2013.

Dalam pada itu, cabaran utama yang masih didepani dalam inisiatif ini adalah mencetuskan anjakan minda dalam kalangan tokoh-tokoh perniagaan yang masih berfikir tradisional. Justeru, tahun 2015 bakal menyaksikan pelbagai usaha dipergiat untuk membuka minda golongan peneraju perniagaan akan pentingnya agenda yang semakin diiktiraf secara signifikan di peringkat global ini. Kebolehlaksanaan dari segi operasi organisasi bagi membuka kekosongan tempat untuk diisi oleh wanita dalam lembaga pengarah juga merupakan suatu cabaran. Hal yang demikian termasuklah mekanisme yang perlu dikenal pasti untuk membarui komposisi lembaga pengarah dan mencari kesesuaian dalam kebolehan dan pengalaman wanita yang mampu memikul tanggungjawab tersebut

Perlu ditegaskan bahawa usaha ini bukan hanya mengenai keinklusan, ia juga mengenai kedudukan lembaga berdasarkan merit.

# MEMPERJUANGKAN DIVERSITI DALAM BARISAN LEMBAGA PENGARAH

**Dato' Aziz Bakar**  
Mantan Ketua Pegawai Eksekutif  
Malaysian Directors Academy (MINDA)  
dan Pengasas 30% Club Malaysia



**M**enjelang 2016, penyertaan wanita pada peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat Malaysia seharusnya sudah mencecah 30 peratus. Demikianlah aspirasi yang disasarkan oleh Kerajaan sewaktu pengumuman tersebut dibuat pada 2011.

Dalam ucapan Bajet 2012, Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Razak menyatakan bahawa Kerajaan akan menyusun program pengurusan tertinggi untuk wanita yang berpotensi menyandang jawatan pengarah, memperhebat aktiviti advokasi untuk menambahkan jumlah pembabitan wanita dalam sektor korporat serta membangunkan sebuah pangkalan data khusus bagi wanita yang berpotensi menyandang jawatan pengarah.

Bahkan, aspirasi 30 peratus pembabitan wanita ini turut ditekankan dalam Rancangan Malaysia ke-11. Pelaksanaan diversiti pada peringkat pengurusan tertinggi sudah pasti merintis laluan bagi mewujudkan diversiti yang lebih menyeluruh di segenap peringkat organisasi tersebut, jelas Anne Abraham, Ketua Pegawai Eksekutif LeadWomen Sdn Bhd dan pengasas bersama 30% Club Malaysia.

Namun, menurut beliau, usaha mewujudkan diversiti gender dalam sektor korporat Malaysia tidak mampu digalas oleh Kerajaan semata-mata kerana pembabitan sektor korporat itu sendiri adalah perlu bagi memastikan keberhasilannya.

Daripada tahun 2008 hingga 2014, bilangan wanita yang memegang jawatan pengurusan tertinggi dalam syarikat hanya meningkat 2.7 peratus, lantas memberikan jumlah keseluruhan hanya 10.7 peratus pada tahun 2015 walaupun pelbagai kempen rancak dijalankan oleh kerajaan. Bahkan, dalam 100 syarikat senaraian awam yang berkedudukan tertinggi dari segi permodalan pasaran syarikat, peratusan penyertaan wanita dalam lembaga pengarah meningkat hanya kepada 14 peratus pada tahun 2015

berbanding 13.2 peratus pada tahun 2014.

Sehubungan dengan itu, menurut Anne, 30% Club Kuala Lumpur yang dilancarkan pada Mei 2015 akan meneraju pembabitan sektor korporat bagi merencanakan pertumbuhan bilangan wanita dalam barisan lembaga pengarah. 30% Club mula-mula ditubuhkan di United Kingdom pada 2010 dengan matlamat untuk mendorong penyertaan wanita dalam barisan lembaga pengarah, manakala 30% Club Malaysia merupakan cawangannya yang ke-7 berserta cawangan lain di UK, Ireland, AS, Afrika Selatan, Hong Kong dan Australia.

"Berdasarkan pengalaman di UK, usaha ke arah diversiti sewajarnya diputuskan oleh sesebuah syarikat secara sukarela dan bukan sekadar menunaikan tuntutan undang-undang atau penguatkuasaan semata-mata, kerana kelak ia dibuat hanya atas dasar 'ambil syarat'. Pendekatan sukarela lebih menjamin sebuah perubahan yang kekal dan lebih menyeluruh. Hakikatnya, kajian banyak membuktikan bahawa bilangan wanita yang lebih ramai di peringkat pengurusan tertinggi berupaya meningkatkan prestasi syarikat berbanding rakan seangkatan dalam industri.

Sementara itu, 30% Club di UK telah berupaya memperoleh 26.1 peratus penyertaan wanita dalam barisan lembaga pengarah 100 syarikat teratas FTSE (FTSE-100) pada Oktober 2015 berlandaskan sasaran 30 peratus menjelang akhir 2015. Kehadiran ramai ketua pegawai eksekutif dalam syarikat-syarikat tersebut sebagai ahli 30% Club UK membolehkannya mengembangkan sayap sebagai sebuah gerakan antarabangsa.

Menurut Dato' Aziz Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif 30% Club Malaysia, ikhtiar untuk mengubah minda sektor korporat merupakan sebuah perjalanan yang masih jauh dan ada kalanya menghampakan.

"Banyak syarikat yang masih terbelenggu dengan gaya fikiran yang kolot sehingga menganggap jawatan pengarah hanyalah

milik kaum lelaki semata-mata, sedangkan banyak kajian menunjukkan bahawa kehadiran wanita dalam barisan lembaga korporat mampu meningkatkan prestasi syarikat dalam membuat suatu keputusan yang lebih seimbang," ujar Dato' Aziz.

Akan tetapi, bilangan pengarah lelaki yang berfikiran progresif dan mampu menghargai kepentingan pengarah wanita juga dilihat semakin bertambah.

Dengan tujuan untuk menyediakan sebuah takungan bakat wanita profesional yang bersedia memikul tugas sebagai pengarah, 30% Club Malaysia kini giat menyediakan latihan yang komprehensif bagi menggilap bakat wanita sebagai pengarah bagi wanita yang berhasrat menyandang jawatan tersebut. "Syarikat yang berminat boleh merujuk kepada repositori kami yang menyenaraikan nama wanita yang berpotensi mengisi jawatan pengarah dalam syarikat mereka."

Dasar baharu kerajaan yang membolehkan wanita menjawat jawatan eksekutif tertinggi dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sekali gus memegang jawatan pengarah dalam syarikat tersenarai yang lain dijangka meningkatkan bilangan eksekutif wanita yang berpengalaman sebagai pengarah. Kerajaan turut menggesa semua syarikat tersenarai untuk menerapkan dasar yang sama.

Sementara itu, langkah seterusnya bakal menyaksikan Bursa Malaysia meletakkan syarat kepada semua syarikat tersenarai untuk tidak hanya mendedahkan komposisi dan aspek kepelbagaian atau diversiti dalam kalangan ahli lembaga pengarah dan pengurusan tertinggi, dari segi jantina, etnik dan umur tetapi juga menyatakan sasaran dan tempoh masa untuk mencapainya.

Sasaran pada 31 Disember 2016 adalah untuk memastikan bahawa Malaysia mencapai 30 peratus wanita yang mewakili 100 syarikat teratas, agar Malaysia berada di kedudukan yang sama dengan negara-negara lain.



## TINJAUAN MASA HADAPAN

Sebagai usaha untuk membangunkan tenaga kerja Malaysia yang mampu memenuhi permintaan ekonomi berpendapatan tinggi, tahun 2016 akan memberi penekanan kepada aspek pengoperasian, termasuklah penambahbaikan maklumat berkaitan pasaran buruh, memastikan dasar dan inisiatif ke arah peningkatan TVET kekal mampan dan memanfaatkan bakat wanita dalam tenaga kerja.

Berkaitan dengan projek Gudang Data Pasaran Buruh Bersepadu, usaha sulung ini telah memperoleh komitmen semua kementerian terbabit untuk meneruskan analisis yang berupaya menyalurkan input kepada Gudang ini bagi tujuan penyelidikan, pembikinan dasar dan pembangunan program.

Dalam usaha mentransformasikan TVET pula, kerajaan sentiasa mencari peluang untuk menggalakkan serta melibatkan pihak majikan untuk sama-sama menjayakan program Latihan Dwi Vokasional. Sementara itu, kempen kesedaran juga akan terus dianjurkan untuk mempromosi dan mendidik ibu bapa dan pelajar tentang peluang kerjaya yang ditawarkan oleh TVET.

Selari dengan matlamat untuk memanfaatkan bakat wanita, sebuah

pelan tindakan yang terancang dan menyeluruh membabitkan penjagaan kanak-kanak di tempat kerja akan dibangunkan sebagai usaha untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja. Sesi perbincangan juga bakal dianjurkan dengan pelbagai pihak menerusi dewan bandaran; dewan perniagaan, persatuan pemaaju hartanah, pertubuhan arkitek dan pihak berkuasa tempatan.

Selanjutnya, inisiatif ini akan digiatkan lagi dengan meningkatkan bilangan wanita pada peringkat pembuat keputusan, oleh 30 peratus Club Malaysia, Institut Pengupayaan Wanita Bagi Anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NIEW) dan TalentCorp.

Secara tuntasnya, kemampuan dan kemahiran warga Malaysia menjadi penentu kejayaan ekonomi negara. Dasar yang tepat akan berupaya memanfaatkan modal insan sebagai sumber yang menjana hasil yang lumayan, bukan kepada tenaga kerja semata-mata, malah di segenap peringkat ekonomi. Tegasnya, SRI PMI akan terus gigih berusaha ke arah mencipta sebuah tenaga kerja yang mampu menyahut permintaan ekonomi berpendapatan tinggi.

# BAJET PERBELANJAAN 2015

**P**restasi dan bajet perbelanjaan GTP dibentangkan di sini demi mendukung ketelusan dan akauntabiliti. Berbangga dengan penekanan yang diberikan terhadap keberkesanan kos yang dapat dilaksanakan, menjadikan GTP berbeza dengan projek yang lain sekali gus membolehkan penjimatan dalam bidang yang berkemungkinan asalkan tindakan tersebut tidak menjadi penghalang kepada pencapaian NKPI yang disasarkan.

Sementara itu, bajet perbelanjaan tidak dibentangkan untuk Program Transformasi Ekonomi (ETP) memandangkan ETP merupakan program yang dipacu oleh swasta dan mengandungi data yang sensitif pasaran.

## NKRA 2015 PERBELANJAAN PENGURUSAN (OE)\*

PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP)								
No	NKRA	Pencapaian KPI (%)		Jumlah OE 2015	Jumlah Dibawa Ke Depan (tahun sebelum) (RM)	Jumlah Dibelanjakan (RM)	% Dibelanjakan	
1	Menangani Kos Sara Hidup Rakyat	98	●	15,000,000	-	15,000,000	100	●
2	Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar	107	●	6,232,000	-	6,217,466	100	●
3	Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah	97	●	154,666,600	-	154,326,829	100	●
4	Memastikan Pendidikan Berkualiti	94	●	163,067,900	-	150,932,998	93	●
5	Mengurangkan Jenayah	114	●	114,099,102	-	112,076,154	98	●
6	Membanteras Rasuah	93	●	2,644,890	-	2,542,026	96	●
<b>Jumlah</b>				<b>438,065,602</b>		<b>423,553,448</b>		

\*OE merujuk kepada Perbelanjaan Pengurusan

## NKRA 2015 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (DE)\*

PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP)								
No	NKRA	Pencapaian KPI (%)		Jumlah DE 2015	Jumlah Dibawa Ke Depan (tahun sebelum) (RM)	Jumlah Dibelanjakan (RM)	% Dibelanjakan	
1	Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar	107	●	2,247,692,900	-	2,154,638,309	96	●
2	Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar	72	●	46,010,290	-	46,010,290	100	●
3	Mengurangkan Jenayah	114	●	40,000,000	69,083,600	10,000,000	25	●
<b>Jumlah</b>				<b>2,333,703,190</b>	<b>69,083,600</b>	<b>2,210,648,599</b>		

\*DE merujuk kepada Perbelanjaan Pembangunan

# TATACARA YANG DIPERSETUJUI OLEH PwC

“

**A**pakah nilai yang dibawa oleh Tatacara yang Dipersetujui (*Agreed-Upon Procedures, AUP*) kepada Program Transformasi Negara (*National Transformation Programme, NTP*)?

Pengesahan luaran ialah faktor utama untuk menilai keberkesanan NTP. Justeru, adalah penting firma khidmat profesional bebas dilantik untuk memenuhi tujuan ini. Sejak NTP diperkenalkan, PricewaterhouseCoopers Malaysia (PwC) telah melaksanakan langkah AUP terhadap proses pelaporan NTP. Ini merupakan satu siri ujian khusus dan tatacara yang dilaksanakan terhadap hasil dilaporkan bagi setiap Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Result Area, NKRA), Bidang Ekonomi Utama Negara (National Key Economic Area, NKEA) dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (Strategic Reform Initiatives, SRI) terhadap Penunjuk Prestasi Utama Negara (National Key Performance Indicators, NKPI).

**Bagaimanakah kaedah penilaian AUP berusaha memastikan ketelusan dan ketepatan lebih tinggi dalam proses pelaporan NTP?**

Dalam usaha memastikan sistem pemarkahan dilakukan setelus mungkin, pelantikan pihak ketiga yang bebas memastikan ketekalan dan ketepatan lebih tinggi dalam kaedah pengumpulan data dan pengiraan yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan. AUP digunakan pada sampel yang diambil daripada setiap KPI selain projek yang diumumkan semasa Kemas Kini Kemajuan. Kemudian, maklumat ini disemak dengan garis panduan dan kaedah yang dibangunkan dalam sesi makmal PEMANDU awal. Sekiranya pengecualian didapati oleh PwC, proses dan sumber data dinilai semula sebelum dimasukkan dalam Laporan Tahunan.

**Sekiranya pengecualian didapati, bagaimanakah PwC menangannya?**

Dapatan tahunan PwC secara amnya menyatakan beberapa pengecualian dalam sampel yang dipilih. Ini seterusnya ditangani berdasarkan AUP dan dilaporkan dalam Laporan Tahunan. PwC turut mengesahkan bahawa hasil yang dilaporkan untuk sampel yang dipilih dalam Laporan Tahunan telah disahkan menurut AUP. Pasukan PEMANDU akan menggunakan tatacara ini terhadap projek yang lain untuk memastikan ketegasan dan disiplin yang sewajarnya digunakan untuk menentukan keberhasilan bagi 2015.

**Adakah proses Tatacara Dipersetujui mempunyai ruang untuk penambahbaikan? Apakah langkah yang akan diambil untuk menambah baik proses ini?**

Dalam usaha menambah baik proses dan kualiti maklumat, PwC telah mengenal pasti beberapa peluang untuk mencapai matlamat ini. Proses AUP sentiasa diperbaharui. PEMANDU, bersama-sama Kementerian yang berkenaan dan pihak berkepentingan sektor swasta, akan mengambil tindakan preskriptif yang positif untuk merealisasikan penambahbaikan ini dalam tempoh 12 bulan akan datang.




**Sekiranya terdapat sebarang data sensitif pasaran dalam proses pelaporan data, adakah ia akan dilaporkan?**




Pengecualian akan dibuat sekiranya sasaran menampilkan data sensitif pasaran untuk memastikan kerahsiaan pihak-pihak yang terlibat. Dalam kes tersebut, pihak yang terlibat akan ditanya sama ada maklumat itu harus dirahsiakan.

# PRESTASI NTP 2015

**K**etiga-tiga kaedah telah dirumuskan untuk menyediakan sebuah gambaran pragmatik nombor KPI sebenar dalam peratusan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKRA/ NKEA/ SRI adalah purata bagi semua markah.

Kaedah Pemarkahan	Huraian
Kaedah 1	Pemarkahan ditentukan dengan perbandingan mudah dengan sasaran 2015 yang ditetapkan.
Kaedah 2	Pemarkahan dikira dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran 2015 yang ditetapkan, dengan peraturan tambahan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jika markah kurang 100%, skor #2 diambil sebagai peratusan sebenar</li> <li>• Jika markah sama atau lebih 100%, markah #2 diambil sebagai 100%</li> </ul>
Kaedah 3	Pemarkahan dikira dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran 2015 yang ditetapkan, dengan peraturan tambahan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jika markah adalah sama atau kurang 50%, markah #3 ditunjukkan sebagai 0</li> <li>• Jika markah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, skor #3 akan dinyatakan sebagai 0.5</li> <li>• Jika markah sama atau lebih 100%, markah #3 dinyatakan sebagai 1</li> </ul>

Kaedah 1 dan 2	
Pencapaian	Kod Warna
90% dan ke atas	
51% – 89%	
50% dan kurang	

Kaedah 3		
Pencapaian	Pemarkahan	Kod Warna
100% ke atas	1	
51% – 99%	0.5	
50% dan kurang	0	

# Penunjuk Prestasi Utama

## BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA (NKRA)

NKRA — MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT						
No	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1	Penubuhan KR1M baharu	25	24	96	96	0.5
2	Pemberian Insentif Kembali ke Sekolah	100%	99.3%	99	99	0.5
3	Pemberian BB1M	100%	100%	100	100	1.0
4	Bantuan terus kepada Rakyat (BR1M): i. RM950 untuk penerima isi rumah yang layak dengan jumlah pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan + Skim Khairat Kematian Keluarga; ii. RM750 untuk penerima isi rumah yang layak dengan jumlah pendapatan antara RM3,000 hingga RM4,000 sebulan + Skim Khairat Kematian Keluarga; iii. RM300 untuk penerima individu bujang yang layak, berumur 21 tahun ke atas dengan pendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan	100%	98.3%	98	98	0.5
5	Bilangan Klinik 1Malaysia baharu yang menyediakan perkhidmatan	34	27	79	79	0.5
<b>JUMLAH</b>				<b>98%</b>	<b>98%</b>	<b>63%</b>

NKRA — MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR						
No	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1.1	<b>Pembinaan Jalan Raya (km panjang)</b>	<b>697</b>	<b>732.22</b>	<b>105</b>	<b>100</b>	<b>1.0</b>
	Semenanjung Malaysia	303	313.67	104	100	1.0
	Sabah	198	214.85	109	100	1.0
	Sarawak	196	203.7	104	100	1.0
1.2	<b>Penyampaian Bekalan Air: Bilangan Isi Rumah</b>	<b>7,500</b>	<b>9,399</b>	<b>125</b>	<b>100</b>	<b>1.0</b>
	Semenanjung Malaysia	2,500	2,536	101	100	1.0
	Sabah	2,500	4,150	166	100	1.0
	Sarawak	2,500	2,713	109	100	1.0
1.3	<b>Penyampaian Bekalan Elektrik: Bilangan Isi Rumah</b>	<b>13,319</b>	<b>14,430</b>	<b>108</b>	<b>100</b>	<b>1.0</b>
	Semenanjung Malaysia	1,235	1,243	101	100	1.0
	Sabah	3,584	3,605	101	100	1.0
	Sarawak	8,500	9,582	113	100	1.0
1.4	<b>Perumahan: Bilangan Rumah</b>	<b>8,500</b>	<b>9,080</b>	<b>107</b>	<b>100</b>	<b>1.0</b>
	Semenanjung Malaysia	4,244	4,372	103	100	1.0
	Sabah	1,309	1,733	132	100	1.0
	Sarawak	2,947	2,975	101	100	1.0

(Bersambung)

(Sambungan daripada halaman sebelum)

NKRA — MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (sambungan)						
No	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1.5	Penyelenggaraan Jalan (jarak km)	313	322.5	103	100	1.0
	Semenanjung Malaysia	213	222.5	104	100	1.0
	Sabah	50	50	100	100	1.0
	Sarawak	50	50	100	100	1.0
2.0	Pembangunan Luar Bandar: Kampung Abad Ke-21					
2.1	EPP7 Pertanian: Ladang Buah-buahan atau Sayur-sayuran Premium Berskala Besar	2	2	100	100	1.0
2.2	Program Desa Lestari: Bilangan Kampung	13	13	106	100	1.0
2.3	Peratusan pemenang Pertandingan Perniagaan Luar Bandar (RBC) tahun 2013 telah mencapai peningkatan pendapatan sebanyak 30%	80%	85%	100	100	1.0
	<b>JUMLAH</b>			107%	100%	100%

NKRA — MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR						
No	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1	Bilangan Teksi Bajet KL - setanding dengan standard ASEAN	3,749	1,895	51	51	0.5
2	Projek Peluasan KL Monorel: Bilangan set tren empat gerabak telah tersedia dan digunakan	12	5	42	42	0.0
3	Projek Aliran Bas Rapid Transit (BRT) Koridor 1: Kelulusan kabinet untuk model pendanaan	100%	90%	90	90	0.5
4	Peratus penyempurnaan penyalaraan rangkaian bas henti-henti di Lembah Klang mengikut koridor	100%	100%	100	100	1.0
5	Peratus penyempurnaan reka bentuk Sistem Kutipan Tambang Automatik (AFC) KTMB	100%	54.9%	55	55	0.5
6	Projek ITT Gombak: Pemuktamadan Perjanjian Tambahan (berdasarkan keputusan yang terbaru)	100%	100%	100	100	1.0
7	Tahap kepuasan pelanggan pengangkutan awam bandar (GKL/KV)	75%	74%	99	99	0.5
8	Bilangan penumpang pengangkutan awam bandar pada waktu puncak pagi (GKL/KV)	500,000	447,195	89	89	0.5
9	Ketepatan masa KTM Komuter pada waktu puncak pagi (dalam masa 10 minit)	85%	95.14%	112	100	1.0
10	Penambahan bilangan tempat letak kereta di rangkaian rel di Lembah Klang	1,600	229	14	14	0.0
11	Peluasan LRT (Kelana Jaya): Kemajuan pembinaan	98%	93.57%	95	95	0.5
12	Peluasan LRT (Ampang): Kemajuan pembinaan	98%	91.24%	93	93	0.5
13	Bilangan teksi bajet yang dipasang Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat (TEKS1M)	1,500	0	0	0	0.0
14	Kemudahan Parkway Dropzone: i. Kg. Dato' Harun: Projek telah siap dan kemudahan telah beroperasi ii. Serdang: Isu LOA dan pemilikan tapak iii. Batu Tiga: Isu LOA dan pemilikan tapak	100%	78.49%	78	78	0.5
15	Semi KTMB: Baik pulih 83 projek Kelas EMU	40%	15%	38	38	0.0
16	Peratusan penyiapan platform Perancang Perjalanan	100%	70%	70	70	0.5
17	Pengoperasian Sistem Hab Pemantauan Prestasi (PMHS) bagi semua bas henti-henti di GKL/ KV oleh SPAD	100%	83.2%	83	83	0.5
18	Penggunaan Bas Henti-henti di GKL/ KV	70%	75.25%	108	100	1.0
	<b>JUMLAH</b>			72%	71%	50%

**NKRA — MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH**

No	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1.0	Bilangan peserta baharu dalam program 1AZAM	18,500	19,945	108	100	1.0
2.0	Bilangan peserta 1AZAM baharu dan sedia ada yang berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak RM300 bagi mana-mana 3 bulan	22,387	18,880	84	84	0.5
3.0	Bilangan peserta 1AZAM dalam Program Literasi Kewangan	18,500	13,960	75	75	0.5
4.0	Bilangan projek 1AZAM yang bekerjasama dengan NGO dan sektor korporat	28	37	132	100	1.0
5.0	Bilangan komuniti 1AZAM/ program berasaskan kumpulan	60	65	108	100	1.0
6.0	Peserta Beyond 1AZAM yang memperoleh peningkatan minimum 50% dalam pendapatan daripada projek AZAM sedia ada untuk 3 bulan berturut-turut	2,100	1,511	72	72	0.5
7.0	Peratusan rekod yang telah dikemas kini dalam eKasih	100	100	100	100	1.0
<b>JUMLAH</b>				<b>97%</b>	<b>90%</b>	<b>79%</b>

**NKRA — MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI**

No	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1	Enrolmen prasekolah seluruh negara, termasuk NGO (4+ dan 5+ tahun sahaja)	88%	84.63%	96	96	0.5
2	Kadar literasi bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Tahun 3	90%	94.1%	105	100	1.0
3	Peratusan sekolah Band 1 & 2 daripada jumlah sekolah	35%	36.83%	105	100	1.0
4	Peratusan sekolah Band 6 & 7 daripada jumlah sekolah	1.2%	0.95%	126	100	1.0
5	Bilangan Sekolah Berprestasi Tinggi	130	132	102	100	1.0
6	Kadar numerasi	100%	99.1%	99	99	0.5
7	Kadar literasi bahasa Melayu	100%	98.6%	99	99	0.5
8	Peratusan guru besar sekolah rendah yang menerima Tawaran Baharu	5%	3.42%	68	68	0.5
9	Peratusan pengetua sekolah menengah yang menerima Tawaran Baharu	5%	4.22%	84	84	0.5
10	Guru pelatih bahasa Inggeris baharu yang mencapai minimum A atau A+ dalam bahasa Inggeris SPM sebelum memasuki IPG	100%	100%	100	100	1.0
11	Peratusan penilaian Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang mendapat penarafan garis asas	100%	100%	100	100	1.0
12	Pelan Strategik IPG diwujudkan menjelang Disember 2015	100%	100%	100	100	1.0
13	i. Peratusan guru yang bermula dengan kecekapan tahap permulaan B1 meningkat sebanyak sekurang-kurangnya satu band lebih tinggi ii. Peratusan guru yang bermula dengan kecekapan tahap permulaan B2 meningkat sebanyak sekurang-kurangnya satu band lebih tinggi	100%	93.46%	93	93	0.5
14	Peratusan kemajuan pembangunan pangkalan data enrolmen pelajar 13 - 17 tahun dalam Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET)	100%	100%	100	100	1.0
15	Guru bahasa Inggeris baharu daripada IPG, IPTA dan IPTS yang mencapai C1 berdasarkan CEFR sebelum ditempatkan ke sekolah	100%	66.2%	66	66	0.5
16	Kadar enrolmen kanak-kanak (0-4) kebangsaan	12.5%	8.02%	64	64	0.5
<b>JUMLAH</b>				<b>94%</b>	<b>92%</b>	<b>75%</b>

NKRA — MENGURANGKAN JENAYAH						
No	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1	Peratusan penurunan dalam Jenayah Indeks yang dilaporkan	5%	10.1%	202	100	1.0
2	Peratusan penurunan dalam Kejadian Pecah Rumah yang dilaporkan	10%	6.3%	63	63	0.5
3	Peratusan penurunan dalam Jenayah Jalanan yang dilaporkan	15%	16.9%	113	100	1.0
4	Peratusan pembangunan Penunjuk Persepsi Jenayah	100%	100%	100	100	1.0
5	Bilangan Kereta Peronda PDRM lama yang digantikan	25%	33.9%	136	100	1.0
6	Peratusan Orang Kena Pengawasan (OKP) yang menghadiri program rawatan dalam komuniti untuk mengekalkan pemulihan	57%	36.7%	64	64	0.5
7	Peningkatan kemahiran banduan: i. Bilangan banduan yang menjalani latihan kemahiran yang diperakukan ii. Peratusan penyiapan kemudahan latihan bagi banduan mempelajari kemahiran baharu	100%	117.1%	117	100	1.0
<b>JUMLAH</b>				<b>114%</b>	<b>90%</b>	<b>86%</b>

NKRA — MEMBANTERAS RASUAH						
No	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
3	Transparency International (TI) - skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI)	55%	50%	91	91	0.5
4	Peratusan pendakwaan terhadap kes-kes rasuah dalam tempoh 1 tahun selepas pendaftaran	85%	84.5%	99	99	0.5
5	Peratusan kadar sabitan kes-kes rasuah	85%	77%	91	91	0.5
6	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dalam setiap Sesi Parlimen	100%	100%	100	100	1.0
7	Peratusan kes-kes yang berjaya diselesaikan dalam Laporan KAN Siri 1-3 2013 tempoh 1 tahun selepas	85%	80.6%	95	95	0.5
8	Peratusan penyempurnaan kemasukan peruntukan liabiliti korporat dalam Akta SPRM	100%	60%	60	60	0.5
9	Bilangan syarikat yang menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) dalam melaksanakan langkah-langkah pencegahan	40	41	103	100	1.0
10	Peratusan keputusan kontrak rundingan terus yang disiarkan secara dalam talian, tidak termasuk kontrak Strategik dan Keselamatan	100%	100%	100	100	1.0
11	Peratusan projek Perkongsian Awam Swasta (PPP) yang disasarkan untuk menandatangani Pakatan Integriti	100%	100%	100	100	1.0
<b>JUMLAH</b>				<b>93%</b>	<b>93%</b>	<b>72%</b>

**NKRA — TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM**

No	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1.1	Indeks PSDT i. Bilangan Kementerian yang terlibat ii. Bilangan projek yang dilaksanakan iii. Bilangan projek yang telah ditutup dalam tahun yang dilaporkan	100%	155%	155	100	1.0
1.2	Bilangan projek perintis Program Pertukaran Pengetahuan (KTP)	2	2	100	100	1.0
2.1	Pelancaran model penyelenggaraan baharu untuk jalan utama dan jalan protokol: Peratusan penyelenggaraan jalan yang dilaksanakan termasuk: i. Di bawah 3m2: 12 jam ii. Di atas 3m2: 2 hari iii. Pasukan penyelenggaraan perlu memeriksa tapak untuk baik pulih jalan dalam masa 18 jam	100%	100%	100	100	1.0
2.2	Peratusan pengurangan tempoh kerosakan lif	60%	60%	100	100	1.0
3.1	Peratusan pelaksanaan portal JobsMalaysia yang baharu	100%	51.2%	51	51	0.5
4.1	Pembangunan TPC-Sistem Maklumat Klinikal Pergigian dan Penjagaan Kesihatan (OHCIS): Pameran VER 1.0 di sebuah klinik OHCIS (mempamerkan ciri-ciri permohonan pergigian asas)	100%	100%	100	100	1.0
5.1	Peratusan kes kerja semula bagi penerima PBR yang disasarkan selepas mendapat sokongan Jawatankuasa Kumpulan Fokus	50%	86%	172	100	1.0
6.1	Penambahan bilangan hospital KKM yang melaksanakan Penjagaan Kesihatan LEAN - mengurangkan masa tunggu	10	16	160	100	1.0
<b>JUMLAH</b>				<b>120%</b>	<b>93%</b>	<b>93%</b>

**BIDANG EKONOMI UTAMA NEGARA (NKEA)**

NKEA — GREATER KUALA LUMPUR/KLANG VALLEY							
No	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1	EPP1: Menarik 100 daripada Syarikat Paling Dinamik di Dunia dalam Sektor Keutamaan	Jumlah Surat Tunjuk Minat disediakan untuk MNC melaksanakan aktiviti Ibu Pejabat Serantau/Hab Serantau	10	10	100 <span style="color: green;">●</span>	100 <span style="color: green;">●</span>	1.0 <span style="color: green;">●</span>
		Peluang pekerjaan yang dijana	400	560	140 <span style="color: green;">●</span>	100 <span style="color: green;">●</span>	1.0 <span style="color: green;">●</span>
		Jumlah perbelanjaan MNC dalam tahun 2015 (RM juta)	360	588.59	164 <span style="color: green;">●</span>	100 <span style="color: green;">●</span>	1.0 <span style="color: green;">●</span>
		Pekerjaan yang direalisasikan pada tahun 2015	1,000	1,313	131 <span style="color: green;">●</span>	100 <span style="color: green;">●</span>	1.0 <span style="color: green;">●</span>
2	EPP2: Menarik gabungan bakat terbaik dari dalam negeri dan luar negara	Bilangan permohonan diluluskan di bawah <i>Returning Expert Programme</i>	800	616	77 <span style="color: orange;">●</span>	77 <span style="color: orange;">●</span>	0.5 <span style="color: orange;">●</span>
		Peratusan pengeluaran Proses Pas Pekerjaan dalam masa 5 hari bekerja	70%	71.5%	102 <span style="color: green;">●</span>	100 <span style="color: green;">●</span>	1.0 <span style="color: green;">●</span>
		Pemegang biasiswa JPA baharu di bawah Program STAR	2,000	1,019	51 <span style="color: orange;">●</span>	51 <span style="color: orange;">●</span>	0.5 <span style="color: orange;">●</span>
		Bilangan permohonan diluluskan di bawah Program <i>Residence Pass-Talent</i>	1,000	1,113	111 <span style="color: green;">●</span>	100 <span style="color: green;">●</span>	1.0 <span style="color: green;">●</span>
3	EPP3: Menghubungi KL ke Singapura melalui sistem Kereta Api Kelajuan Tinggi	Penyiapan perjanjian dua-hala di antara MY dan SG	100%	50%	50 <span style="color: red;">●</span>	50 <span style="color: red;">●</span>	0 <span style="color: red;">●</span>
		Peratusan penyiapan untuk kelulusan bagi penajajaran trek bahagian MY	100%	60%	60 <span style="color: orange;">●</span>	60 <span style="color: orange;">●</span>	0.5 <span style="color: orange;">●</span>
4	EPP4: Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi	Peratusan Trek Terowong dan Stesen diserahkan kepada Kontraktor Kerja Sistem (SWC)	80%	100%	125 <span style="color: green;">●</span>	100 <span style="color: green;">●</span>	1.0 <span style="color: green;">●</span>
		Peratusan penyiapan struktur 12 stesen untuk Fasa 1 (Sg. Buloh - Semantan)	100%	100%	100 <span style="color: green;">●</span>	100 <span style="color: green;">●</span>	1.0 <span style="color: green;">●</span>
		Peratusan trek dipasang untuk Fasa 1 (Sg. Buloh - Semantan)	100%	100%	100 <span style="color: green;">●</span>	100 <span style="color: green;">●</span>	1.0 <span style="color: green;">●</span>
		Bilangan kereta api dihantar dan diuji di Depot Sg. Buloh	15	24	160 <span style="color: green;">●</span>	100 <span style="color: green;">●</span>	1.0 <span style="color: green;">●</span>
		Kadar Kekerapan Kemalangan	2	1.18	100 <span style="color: green;">●</span>	100 <span style="color: green;">●</span>	1.0 <span style="color: green;">●</span>
5	EPP5: Memulihkan Sungai Klang dan Sungai Gombak untuk dijadikan Kawasan Warisan dan Pusat Komersial untuk Greater KL/ KV	Pelaksanaan Bonus STP untuk mencapai 5% progres pembinaan	5%	75.3%	151 <span style="color: green;">●</span>	100 <span style="color: green;">●</span>	1.0 <span style="color: green;">●</span>
		Peratusan pelaksanaan Jinjang-Kepong STP untuk mencapai 3% progres pembinaan	100%	100%	100 <span style="color: green;">●</span>	100 <span style="color: green;">●</span>	1.0 <span style="color: green;">●</span>
		Peratusan pengurangan sampah yang terkumpul di benteng balak di SMART (L1 & L2) berbanding dengan keputusan tahun 2010 (0%)	80%	104.3%	130 <span style="color: green;">●</span>	100 <span style="color: green;">●</span>	1.0 <span style="color: green;">●</span>
		Keputusan analisis kualiti air dari 3 stesen pemantauan kualiti air terpilih mematuhi WQI ≥ 60 (Kelas III) i. Sungai Gombak (Stn. Tun Razak) ii. Sungai Klang (Stn. IFFRM - DUKE) iii. Sungai Klang (Stn. Dang Wangi)	100%	104.75%	105 <span style="color: green;">●</span>	100 <span style="color: green;">●</span>	1.0 <span style="color: green;">●</span>
		Keputusan analisis kualiti air dari 5 Loji Rawatan Air Sungai mematuhi WQI ≥ 76.5 (Kelas II) a. RWTP Sg. Gisir b. RWTP Sg. Kemensah c. RWTP Sg. Klang d. RWTP Sg. Belongkong **Pengguguran RWTP Sg. Sering	100%	100%	100 <span style="color: green;">●</span>	100 <span style="color: green;">●</span>	1.0 <span style="color: green;">●</span>
		Peratusan Penyempurnaan kerja-kerja Pengindahan Sungai (Fasa 1) dan pembinaan sistem pemintas di Presint 7	50%	36.5%	73 <span style="color: orange;">●</span>	73 <span style="color: orange;">●</span>	0.5 <span style="color: orange;">●</span>

(Bersambung)

(Sambungan daripada halaman sebelum)

NKEA — GREATER KUALA LUMPUR/KLANG VALLEY (Sambungan)							
No	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
5	EPP5: Memulihkan Sungai Klang dan Sungai Gombak untuk dijadikan Kawasan Warisan dan Pusat Komersial untuk Greater KL/ KV (sambungan)	Pematuhan kualiti pelepasan air sisa dari semua Loji Rawatan Air Sisa (WWTP) untuk Indeks Kualiti Air $\geq$ 76.5 (Kelas II) i. Pasar Harian Selayang ii. Pasar Jln Kelang Lama iii. Pasar Air Panas iv. Pasar Sentul Pasar	100%	100%	100	100	1.0
		Penyiapan pembinaan Loji Rawatan Sisa Air (WWTP) di Pasar Borong Kuala Lumpur	100%	100%	100	100	1.0
		Peratusan peluahan efluen dari semua 101 perangkap gris komunal dipasang untuk mematuhi Standard Kualiti Air Negara (lemak, minyak, gris)	100%	93%	93	93%	0.5
		Peratusan Penyempurnaan Kerangka Kerja Dasar daripada Kajian Pemasaran dan Kebolehlaksanaan Tanah Kerajaan yang Dibekukan sepanjang koridor RB	100%	100%	100	100	1.0
6	Penghijauan Greater Kuala Lumpur untuk memastikan penduduknya menikmati kawasan hijau yang mencukupi	Jumlah pokok ditandakan di bawah <i>Global Positioning Index (GPI)</i>	30,000	35,043	117	100	1.0
		Jumlah pokok disumbangkan	2,500	2,219	89	89	0.5
7	EPP7: Mewujudkan tempat dan tarikan ikonik	Jejak Warisan 5: Peratusan penyiapan projek	45%	45%	100	100	1.0
		<i>Countdown Clock</i>	100%	87%	87	87	0.5
		Jejak Warisan 3: Bilangan penukaran pengusaha runcit yang sesuai	2	7	350	100	1.0
8	EPP8: Mewujudkan rangkaian pejalan kaki yang menyeluruh	Peratusan penyiapan laporan penilaian bagi laluan pejalan kaki yang dibina di antara tahun-tahun 2011 - 2014	100%	100%	100	100	1.0
9	EPP9: Sistem Pengurusan Sisa Pepejal	Peratusan penyiapan Reka Bentuk Sistem Rawatan Leachate di Taman Beringin	100%	90%	90	90	0.5
		Peningkatan kadar penggunaan semula: Peraturan bagi pengasingan di sumber akan dipinda pada bulan Ogos	100%	70%	70	70	0.5
		Penyiapan Penggazetan peraturan Loji Pembinaan & Pemusnahan ( <i>Construction &amp; Demolition</i> ) kepada AG	100%	88%	88	88	0.5
BO #3	Perkhidmatan Asas Pembedungan (Non-River)	Loji Rawatan Kumbahan Berpusat & Rangkaian Langat	100%	100%	100	100	1.0
		Peratusan penyiapan pembinaan Rangkaian Paip di Petaling Jaya Utara (Pakej D47)	65%	72.2%	136	100	1.0
		Peratusan penyiapan pembinaan Rangkaian Paip Kajang 1 & 3 (Pakej D49)	12%	14.9%	124	100	1.0
		Peratusan penyiapan pembinaan Rangkaian Paip Lot 130 Klang (Pakej D55)	75%	86%	137	100	1.0
		Penyerantauan Loji Rawatan Kumbahan (STP) di Kajang 2: Peratusan progres pembinaan	100%	99.98%	100	100	1.0
<b>JUMLAH</b>					<b>111%</b>	<b>93%</b>	<b>86%</b>

NKEA — MINYAK, GAS DAN TENAGA							
No	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
2	EPP2: Membangunkan Telaga-telaga Kecil Melalui Penyelesaian Berinovasi	Jumlah Pengeluaran dari Kawasan Pinggiran (Minyak dan Gas)(kboe/d)	*Maklumat adalah sulit di atas permintaan pihak yang berkenaan				
		Pengeluaran dari Kawasan Pinggiran (Minyak)(kboe/d)					
		Pengeluaran dari Kawasan Pinggiran (Gas) (MMscfd)					
3	EPP3: Memperhebatkan Aktiviti Carigali	Bilangan telaga minyak yang telah diteroka					
4	EPP4: Membina Hab Pusat Penyimpanan dan Perdagangan Minyak Serantau	Kapasiti Penyimpanan Stok Minyak Terikat (Juta m <sup>3</sup> )(sasaran kumulatif 10 juta m <sup>3</sup> )	0.83	1.25	151	100	1.0
		Bilangan syarikat perniagaan minyak yang berpangkalan di Malaysia	6	6	100	100	1.0
5.1	EPP5: Membuka Permintaan Gas Premium Terpendam di Malaysia	Pindaan dalam Akta Pembekalan Gas - Pelaksanaan Akses Pihak Ketiga	100%	97.5%	75	75	0.5
6	EPP6: Menggalakkan Pelaburan Dalam Industri Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas	Jumlah pelaburan yang dibuat oleh Syarikat Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) (RM juta)	1,500	1,231	82	82	0.5
		Pelaburan terlaksana oleh Syarikat Pembekal, Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (RM juta)	1,000	1,439	144	100	1.0
7	EPP7: Membawa syarikat perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas tempatan (OGSE)	Bilangan pembida pertama kali (syarikat) untuk projek antarabangsa di segmen pasaran baharu (termasuk negara baharu atau segmen pasaran baharu dalam negara yang sama)	15	22	147	100	1.0
8	EPP8: Menarik minat MNC untuk menubuhkan Operasi di Malaysia	Bilangan MNC baharu yang membawa operasi global mereka ke Malaysia atau penggabungan/usaha sama di antara syarikat OGSE tempatan dan MNC global	6	11	183	100	1.0
9	EPP9: Kecekapan Tenaga	Peratusan penyiapan penggazetan spesifikasi Euro5	100%	100%	100	100	1.0
10	EPP10: Membangunkan kapasiti tenaga boleh baharu	Jumlah tambahan kapasiti pemasangan loji tenaga boleh baharu bersambung grid (MW)	400	332.76	83	83	0.5
11	EPP11: Menggunakan Tenaga Nuklear untuk Penjanaan Kuasa	Peratusan progres untuk memperoleh keputusan Kabinet untuk Pelan Pembangunan Infrastruktur Tenaga Nuklear	100%	0%	0	0	0
13	EPP13: Meningkatkan output petrokimia	Peratusan penyiapan MOU yang ditandatangani untuk melaksanakan pembangunan loji penapisan bersepadu dan pelaburan petrokimia	100%	100%	100	100	100
		Peratusan penyiapan aktiviti bagi tahun 2015 berkaitan dengan penempatan semula dan pembinaan infrastruktur	100%	97.83%	98	98	0.5
<b>JUMLAH</b>					<b>107%</b>	<b>89%</b>	<b>78%</b>

**NKEA — PERKHIDMATAN KEWANGAN**

No	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1	EPP1: Mencergaskan Semula Pasaran Ekuiti Malaysia	Pelancaran Platform Penjanaan Dana Masyarakat bagi Ekuiti Islam	100%	100%	100	100	1.0
		Pelancaran Platform Penjanaan Dana Masyarakat bagi Ekuiti	100%	100%	100	100	1.0
		Nilai Harian Purata (ADV) - (RM Bilion)	2	1.991	100	100	1.0
		Peningkatan nilai penyenaian baharu. Sasaran Permodalan Pasaran (RM bil)	14	12.613	90	90	0.5
		Bilangan produk dan penawaran baharu	5	6	120	100	1.0
3	EPP3: Mentransformasikan Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)	Peratusan penyiapan Draf Rang Undang-undang untuk meminda Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002	100%	100%	100	100	1.0
5	EPP 5: Melindungi Hampir Semua, Jika Tidak Semua, Penduduk Malaysia	Penukaran Lesen Insurans Komposit dan Takaful di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA)	100%	100%	100	100	1.0
6	EPP6: Mempercepatkan Pertumbuhan Industri Pencen Swasta	Pendidikan Pelabur dan program kesedaran umum bagi Skim Persaraan Swasta (PRS)	100%	111.7%	112	100	1.0
<b>JUMLAH</b>					<b>103%</b>	<b>99%</b>	<b>94%</b>

**NKEA — PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN**

No	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1	EPP1: Meningkatkan Bilangan Kedai Format Besar	Jumlah pasar raya hiper baharu	6	6	100	100	1.0
		Jumlah pasar raya besar baharu	5	9	180	100	1.0
2	EPP2: Pemodenan Melalui Program Transformasi Kedai Runcit Kecil	Jumlah kedai runcit yang dimodenkan di bawah Program TUKAR	300	302	101	100	1.0
4	EPP4: Transformasi Bengkel Automotif (ATOM)	Jumlah bengkel yang telah dimodenkan di bawah Program ATOM	180	188	104	100	1.0
5	EPP5: Membangunkan Bazar Makan	Kenal pasti tapak Bazar Makan yang baharu	1	1	100	100	1.0
7	EPP7: Gedung Maya	Jumlah gedung maya yang dikenalpasti dan mula beroperasi pada tahun 2015	1	1	100	100	1.0
		Bilangan penjual yang melanggan di Gedung Maya	75	212	283	100	1.0
9	EPP9: Menjadikan Malaysia negara bebas cukai	Peningkatan dalam Kos, Insurans dan Bayaran Pengangkutan (CIF) bagi 328 barangan siap import terpilih (RM bilion)	732	11.88	162	100	1.0
11	EPP11: Menganjurkan Jualan Bersepadu 1Malaysia	Jumlah subsektor yang terlibat dalam Jualan Bersepadu	60	60	100	100	1.0
13	EPP13: Membangunkan Kedai Runcit Bersepadu Besar	Peratusan Pembangunan di Oasis Autocity	60%	77.79%	130	100	1.0
<b>JUMLAH</b>					<b>122%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>

NKEA — MINYAK SAWIT DAN GETAH							
No	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1	EPP1: Mempercepat penanaman semula kelapa sawit	Kawasan penanaman semula dan penanaman baharu yang diluluskan bagi pekebun-pekebun kecil (hektar)	8,550 (ditutup pada 100%)	100	100	100	1.0
		Kawasan penanaman semula dan penanaman baharu oleh pekebun-pekebun kecil (hektar)	15,000	15,798	105	100	1.0
2	EPP2: Meningkatkan Hasil Buah Tandan Segar (BTS)	Jumlah buah tandan segar yang dijual kepada kilang oleh semua koperasi pada akhir tahun (MT)	26,800	39,330.38	147	100	1.0
		Bilangan koperasi baharu yang mula menjual BTS kepada kilang	5	5	100	100	1.0
		Kawasan baharu ladang / pekebun kecil yang patuh COP/MSGAP/RSPO/MSPO (ha)	250,000	486,775.38	195	100	1.0
		Hasil Purata Nasional (MT/hektar/tahun)	19.56	18.49	95	95	0.5
3	EPP3: Meningkatkan Produktiviti Pekerja di Ladang	Jumlah kemasukan ICOPM 2.0	70	104	149	100	1.0
		EPP4: Meningkatkan Kadar Pengekstrakan Minyak	Jumlah Kilang Minyak Sawit yang diperakukan oleh Kod Amalan Baik MPOB dan pensijilan antarabangsa lain	25	23	92	92
4	EPP4: Meningkatkan Kadar Pengekstrakan Minyak	Kadar Pengekstrakan Minyak (%)	21.05	20.46	97	97	0.5
		EPP5: Membangunkan Kemudahan Biogas di Kilang Minyak Sawit	Kemajuan pembinaan lapan kilang biogas baharu (%)	100	112.5	113	100
5	EPP5: Membangunkan Kemudahan Biogas di Kilang Minyak Sawit	Kemajuan pembinaan 2 kilang biogas yang disambungkan ke grid (%)	100	250	250	100	1.0
		EPP6: Membangunkan Derivatif Oleo Kimia	Kadar pemanfaatan dana pra-pemerdagangan dan teknologi (%)	100	74.309	74	74
6	EPP6: Membangunkan Derivatif Oleo Kimia	Kadar pemanfaatan dana pra-pemerdagangan dan teknologi (%)	100	74.309	74	74	0.5
8	EPP8: Mempercepatkan Pertumbuhan Produk Makanan dan Kesihatan dalam Segmen Sampingan	Kadar pemanfaatan dana untuk produk-produk makanan dan kesihatan (%)	100	5.5	6	6	0.0
9	Getah EPP1: Memastikan Kemampanan Industri Hulu Getah	Kawasan penanaman semula dan penanaman baharu oleh pekebun-pekebun kecil (hektar)	44,641	45,713	102	100	1.0
		Ekspor getah asli dan getah kompaun Malaysia (juta mt)	1.3	1.0	77	77	0.5
10	Getah EPP2: Meningkatkan Ekuiti Dalam Pasaran Sarung Tangan Getah Dunia	Pendapatan daripada Eksport Produk Getah Malaysia (RM bil)	13	14.5	112	100	1.0
11	Getah EPP3: Mengkomersialkan Ekoprena dan Pureprena	Jualan Ekoprena dan Pureprena (tan)	700	646	92	92	0.5
<b>JUMLAH</b>					<b>111%</b>	<b>91%</b>	<b>78%</b>

**NKEA — PELANCONGAN**

No	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1	EPP1: Meletakkan Malaysia sebagai destinasi beli-belah bebas cukai	Jumlah perbelanjaan pelancong bagi setiap ketibaan (RM setiap pelancong)	1,016	842	83	83	0.5
2	EPP2: Menjadikan presint-presint beli-belah yang meriah di Malaysia	Pendapatan runcit setiap kaki persegi (RM/kp)	1,650	1,522	92	92	0.5
3	EPP3: Mewujudkan ruang perniagaan premium di Malaysia	Mewujudkan Pusat Ruang Perniagaan Kedua di Malaysia; pembukaan Mitsui Outlet Park di KLIA, Sepang	100%	100%	100	100	1.0
4	EPP4: Memartabatkan Malaysia sebagai hab biodiversiti mega (MMBH)	Jumlah pengunjung ke Hab Biodiversiti Mega Malaysia (MMBH)	625,000	755,399	121	100	1.0
		Peratusan penyiapan penambahbaikan Sepang Environmental Interactive Centre (EIC)	70%	70%	100	100	1.0
5	EPP5: Membangunkan resort bersepadu	Projek TWO: Peratusan penyiapan kerja tanah	50%	33.4%	67	67	0.5
		Melaka Gateway: Peratusan penyiapan Malaysia Eye	50%	54%	108	100	1.0
6	EPP6: Membangunkan Pelancongan Pelayaran PERSIARAN	Jumlah penumpang kapal pelayar persiaran di pelabuhan Malaysia	500,000	523,272	105	100	1.0
		Bilangan persinggahan kapal pelayaran persiaran antarabangsa di pelabuhan Malaysia	404	487	121	100	1.0
7	EPP7: Menyasarkan lebih banyak acara antarabangsa	Jumlah pelancong antarabangsa di Acara Antarabangsa	95,000	67,400	71	71	0.5
8	EPP8: Mewujudkan Zon Hiburan Khas	Bilangan premis hiburan dan gaya hidup khas yang diluluskan	2	2	100	100	1.0
9	EPP9A: Membangunkan kepakaran tempatan dan pengawalseliaan industri spa yang lebih baik EPP9B: Meluaskan penawaran pelancongan sukan di Malaysia	Bilangan pakar terapi spa terlatih/menjalani latihan	250	255	102	100	1.0
		Pendapatan yang dijana daripada pelancongan golf (RM juta)	320	319.3	100	100	1.0
10	EPP10: Memartabatkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan perniagaan yang utama	Bilangan hari perwakilan untuk acara yang dianjurkan/tahun	370,000	334,493	90	90	0.5
11	EPP11: Meningkatkan kesalinghubungan dengan memberi keutamaan kepada pasaran jarak sederhana	Jumlah tempat duduk mingguan ke negara keutamaan yang dikenalpasti oleh semua syarikat penerbangan Malaysia	129,500	125,432	97	97	0.5
12	EPP12: Menambah baik kadar, jenis dan kualiti hotel	Jumlah bilik hotel 4-bintang & 5-bintang yang baharu	4,500	4,597	102	100	1.0
<b>JUMLAH</b>					<b>97%</b>	<b>94%</b>	<b>81%</b>

NKEA — ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK									
No	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)		
1	EPP1: Pelaksanaan strategi pengguna bestari untuk kilang fabrikasi semikonduktor teknologi matang	Bilangan Perkhidmatan Analisis Lanjutan yang disediakan oleh konsultan tempatan kepada industri	30	67	223	100	100	1.0	
		Bilangan jurutera terlatih dan pelajar dalam Analisis Kegagalan (FA) dan Analisis Bahan	50	78	156	100	100	1.0	
		Bilangan jurutera terlatih dan pelajar dalam Pengujian Wafer	50	75	150	100	100	1.0	
		Bilangan perkhidmatan pengujian wafer yang disediakan kepada syarikat E&E tempatan	3	3	100	100	100	1.0	
		Bilangan projek yang menggunakan Makmal Metrologi	15	15	100	100	100	1.0	
2	EPP2: Membangunkan pemasangan dan pengujian menggunakan teknologi	Bilangan syarikat Pembungkusan Moden yang beroperasi	3	5	167	100	100	1.0	
3	EPP3: Membangunkan Firma Reka Bentuk Litar Sepadu	Bilangan peluang pekerjaan daripada firma reka bentuk Litar Sepadu (IC)	40	13	33	33	0.0		
		Bilangan syarikat yang terlibat dalam cip Green Motion Controller (GMC) untuk pengesaha pra pengkomersialan dan kelayakan	2	3	150	100	100	1.0	
4	EPP4: Menyokong pertumbuhan pengilang substrat dan industri berkaitan	Bilangan pengilang substrat wafer yang beroperasi	2	2	100	100	1.0		
6	EPP6: Membangunkan pengeluaran wafer dan sel	Tambahan MW pengeluaran wafer dan sel solar di Koridor Utara	30	500	200*	100	100	1.0	
7	EPP7: Menambah pengeluaran modul solar	Tambahan MW pengeluaran modul solar tempatan di Koridor Utara	100	500	200*	100	100	1.0	
7	EPP8: Membangunkan operasi bahagian hadapan LED	Bilangan projek berimpak tinggi yang diluluskan untuk pembekal bahan substrat atau pengilang epitaksi	1	1	100	100	100	1.0	
10	EPP10: Mewujudkan juara Solid State Lighting (SSL)	Jumlah jualan tahunan syarikat LED tempatan di bawah program membina kapasiti SMECorp (RM juta)	110	116.98	106	100	100	1.0	
		Bilangan produk LED baharu yang diperakui secara antarabangsa	30	35	117	100	100	1.0	
11	EPP11: Membina hab ujian dan pengukuran	Bilangan produk baharu untuk meningkatkan ekosistem tempatan Ujian & Pengukuran	10	10	100	100	100	1.0	
		Bilangan kolaborasi Ujian & Pengukuran di antara syarikat tempatan dan MNC	5	5	100	100	100	1.0	
		Bilangan produk yang menggunakan pusat ujian QAV (di Pulau Pinang & Selangor)	48	43	90	90	0.5		
		Bilangan negara yang QAV tembusi di pasaran antarabangsa	5	4	80	80	0.5		
12	EPP12: Mengembangkan komunikasi tanpa wayar dan RFID	Bilangan projek dalam Rangkaian Sensor Tanpa Wayar (WSN) yang dikomersialkan di pasaran	3	3	100	100	100	1.0	
13	EPP 13: Membangunkan pembuatan peralatan automasi	Bilangan projek berimpak tinggi yang beroperasi untuk Peralatan Automasi	1	1	100	100	100	1.0	
		Bilangan pelantikan tambahan syarikat automasi Jentera & Peralatan oleh AMD	5	6	120	100	100	1.0	
		Jumlah projek automasi baharu yang dilaksanakan oleh IKS dalam reka bentuk sistem, pemprototaipan, bukti konsep dan sistem pengubahsuaian di National Instruments Academy and Innovation Nucleus (NI-AIN)	30	29	97	97	0.5		
14	EPP14: Membangunkan syarikat transmisi dan pendedaran	Pengilang T&D menerima tawaran MIDA untuk memulakan pengilangan peralatan T&D	1	1	100	100	100	1.0	

(Bersambung)

\*Pencapaian dihadkan pada 200%. JinkoSolar telah membangunkan sel suria luar negara pertamanya dan modul suria fab di Pulau Pinang pada bulan Mei 2015. Kemudahan ini menyediakan syarikat dengan kapasiti tambahan sebanyak 500MW untuk sel-sel PV suria dan 450MW untuk modul-modul yang telah melebihi sasaran.

(Sambungan daripada halaman sebelum)

NKEA — ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK (Sambungan)								
No	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)	
15	EPP 15: Membangunkan pusat pengeluaran peralatan elektrik rumah dan rangkaian pengedaran antarabangsa	Jumlah jualan tahunan Pensonic yang menjadi syarikat peralatan elektrik rumah tempatan yang utama (RM juta)	380	385.50	101	100	1.0	
16	EPP16: Perkembangan <i>Balance of Systems</i> untuk Photovoltaic	Bilangan projek berimpak tinggi yang diluluskan untuk <i>Balance of Systems</i> untuk industri Photovoltaic	1	1	100	100	1.0	
17	EPP17: Membangunkan Industri Sistem Tertanam	Bilangan projek sistem tertanam baharu yang diluluskan di bawah Program Pembiayaan Sistem Tertanam Digital Malaysia	4	4	100	100	1.0	
		Bilangan rakan kongsi ekosistem baharu yang dilantik untuk membangunkan industri sistem tertanam di bawah Digital Malaysia	2	2	100	100	1.0	
18	EPP18: Memangkin Pembuatan Komponen Kenderaan Elektrik	Peratusan penyiapan pemprototaipan bateri Li-ion litium untuk kenderaan elektrik dan hibrid	100	100	100	100	1.0	
		Peratusan penyiapan pemprototaipan bas elektrik (EV)	100	100	100	100	1.0	
20	EPP20: Memangkin Industri E&E melalui Nanoteknologi	Peratusan pra pengkomersialan nanokomposit (Cu-CNT) untuk pengurusan terma dalam industri LED	100	100	100	100	1.0	
		Bilangan syarikat yang mengambil bahagian dalam prototaip komersial (Lithium Battery & Conductive Inks) di bawah National Graphene Action Plan 2020 (NGAP2020)	2	2	100	100	1.0	
1-20	EPP1-20: Pemboleh potongan silang	Jumlah projek kualiti NKEA E&E baharu yang diluluskan oleh MIDA	11	11	100	100	1.0	
		Peratusan pelaburan projek sektor E&E yang direalisasikan sejak 2011 sehingga 2014	65%	78%	120	100	1.0	
		Jumlah pelaburan yang diluluskan untuk sektor E&E (RM bilion)	6.0	8.9	148	100	1.0	
		Bilangan projek R&D dengan kolaborasi ahli akademik dan sektor swasta di mana geran CREST telah diluluskan	20	16	80	80	0.5	
		Bilangan aplikasi Reka Bentuk Eko yang dilaksanakan oleh syarikat/organisasi menggunakan Reka Bentuk Eko-Perindustrian	20	24	120	100	1.0	
<b>JUMLAH</b>					<b>116%</b>	<b>97%</b>	<b>91%</b>	

NKEA — PERKHIDMATAN PERNIAGAAN								
No	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)	
1	EPP1: Mengembangkan perkhidmatan penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih pesawat	Pendapatan daripada perkhidmatan MRO (RM juta)	6,050	3,531	58	58	0.5	
2	EPP2: Membina pihak pembekal perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar yang berdaya saing di peringkat antarabangsa	Pendapatan hasil jualan luar negara (RM juta)	2,318	2,506	108	100	1.0	
		Jumlah pekerjaan baharu yang diwujudkan	13,200	16,370	124	100	1.0	
		Pusat Data Sektor Awam Luaran - Bilangan agensi	10	25	250	100	1.0	
3	EPP3: Menempatkan Malaysia sebagai hab pusat data bertaraf dunia	Peratusan penyiapan tapak untuk pelaksanaan Hab Data Neksus Iskandar	100%	100%	100	100	1.0	
		Jumlah pendapatan perkhidmatan Pusat Data (RM juta)	915	831	91	91	0.5	
4	EPP4: Melonjakkan industri teknologi hijau yang dinamik	Hasil yang dijana dari subsektor teknologi hijau cth. Tenaga/Bangunan/Pengangkutan/Sisa/Air/Perkhidmatan (RM juta)	3,500	3,801	109	100	1.0	
		Pelaburan baharu yang direalisasikan (RM juta)	2,500	2,540	102	100	1.0	

(Bersambung)

(Sambungan daripada halaman sebelum)

NKEA — PERKHIDMATAN PERNIAGAAN (Sambungan)							
No	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
5	EPP5: Membangunkan PerkhidmatanKejuruteraan Pengkhususan Tinggi	Bilangan jurutera baharu yang dilantik	280	196	70	70	0.5
		Pelaburan oleh syarikat perkhidmatan kejuruteraan pengkhususan tinggi (RM juta)	37	12.35	33	33	0.0
		Pendapatan oleh syarikat perkhidmatan kejuruteraan pengkhususan tinggi (RM juta)	80	66.29	83	83	0.5
7	EPP7: Menjadikan Malaysia sebuah Hab OEM Aeroangkasa di Asia Tenggara dengan memanfaatkan 'Bandar Aeroangkasa Asia'	Bilangan pekerjaan yang diwujudkan	350	1,053	301	100	1.0
		Jumlah Hasil (RM Juta)	550	588.9	107	100	1.0
		Pelaburan Tambahan daripada syarikat hiran (RM Juta)	580	353	61	61	0.5
		Bilangan IKS yang telah melengkapkan penilaian dan pengenalanpastian skop dan tujuan pensijilan untuk AS9100 atau NADCAP	5	5	100	100	1.0
6	EPP6: Membangunkan Malaysia sebagai Hab Pembinaan dan Pembaikan Kapal	Bilangan pekerjaan yang diwujudkan	620	245	40	40	0.0
<b>JUMLAH</b>					<b>109%</b>	<b>84%</b>	<b>72%</b>

NKEA — KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI							
No	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1	EPP1: Kandungan Kreatif Malaysia	Hasil eksport kandungan kreatif (RM juta)	600	890.31	148	100	1.0
		Anggaran jumlah yang dibelanjakan untuk penerbitan di bawah Insentif Perfileman di Malaysia (FIMI) (RM juta)	400	457	114	100	1.0
4	EPP4: e-Pembelajaran	Peratusan sekolah dengan sambungan Internet berkelajuan tinggi dengan kelajuan minimum mencecah 4Mbps-10Mbps	6,690	6,695	100	100	1.0
5	EPP5: e-Penjagaan Kesihatan	Bilangan kemudahan kesihatan kerajaan yang melaksanakan Aplikasi e-Penjagaan Kesihatan	200	409	205	100	1.0
6	EPP6: Memperdalamkan e-Kerajaan	Bilangan agensi yang mengamalkan Sistem Pengurusan Dokumen secara Digital (DDMS)	18	31	172	100	1.0
		Peratusan peningkatan dalam bilangan transaksi dalam talian di Kementerian dan agensi terpilih	10%	7.28%	73	73	0.5
7	EPP7: Jalur Lebar untuk Semua	Bilangan port yang menyediakan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir bandar (SUBB)	55,000	88,588	161	100	1.0
		Peratusan akses (liputan) jalur lebar wayarles LTE	58%	53.5%	92	92	0.5
		Bilangan port yang menyediakan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan kelajuan hingga 100Mbps di ibu negeri dan bandar utama	76,000	106,854	141	100	1.0
8	EPP8: Memperluas Jangkauan	Jumlah tapak program baharu yang telah dikomisyenkan	950	983	103	100	1.0
10	EPP10: Rangkaian Serantau	Peratusan pelaksanaan bagi pemasangan kabel dasar laut (menghubungkan Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia)	45%	35%	67	67	0.5
		Peratusan penyiapan pelaksanaan kabel dasar laut antarabangsa baharu	50%	50%	100	100	1.0
<b>JUMLAH</b>					<b>123%</b>	<b>94%</b>	<b>88%</b>

NKEA — PENDIDIKAN								
No	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)	
1	EPP1: Perluasan pusat penjagaan dan pendidikan kanak-kanak	Enrolmen pelajar di prasekolah swasta (termasuk NGO) (umur 4+ dan 5+ sahaja)	454,177	426,246	94	94	0.5	
		Enrolmen kanak-kanak di pusat penjagaan swasta (umur 0 -4)	9.4%	6.07%	65	65	0.5	
5	EPP5: Penambahbaikan penyediaan latihan kemahiran swasta	Penambahbaikan Penyediaan Latihan Kemahiran Swasta	38,000	39,153	103	100	1.0	
		Jumlah pelajar yang dilatih melalui pendekatan berasaskan industri	6,500	8,451	130	100	1.0	
		Jumlah pelajar TVET baharu yang sedang belajar di Malaysia	1,200	2,539	212	100	1.0	
		Jumlah peratusan graduan dengan kemahiran Tahap 3,4 dan 5 SKM	35%	41.3%	118	100	1.0	
7	EPP7: Membangunkan kluster disiplin pendidikan kewangan dalam perniagaan Islam	Jumlah enrolmen pelajar di IPTS di dalam program kewangan dan perniagaan Islam	14,000	16,293	116	100	1.0	
		i. Jumlah keanggotaan berdaftar dengan <i>International Council of Islamic Finance Educators</i> (ICIFE) - 150 individu & 10 institusi ii. Bilangan program yang telah diakreditasi di bawah ICIFE	100%	83%	83	83	0.5	
10	EPP10: Membangunkan klluster disiplin hospitaliti dan pelancongan	Jumlah enrolmen pelajar di IPTS dalam program Hospitaliti dan Pelancongan: i. kluster ii. seluruh negara	100%	100%	100	100	1.0	
11	EPP11: Melancarkan EduCity@ Iskandar	Jumlah enrolmen pelajar di EduCity@Iskandar	3,000	4,022	134	100	1.0	
12	EPP12: Meneraju pendidikan Malaysia sebagai jenama antarabangsa	Jumlah enrolmen pelajar antarabangsa	125,000	140,420	112	100	1.0	
		Jumlah enrolmen pelajar antarabangsa pasca siswa di IPT	30,000	26,538	88	88	0.5	
13	EPP13: Memperkenalkan perkongsian awam-swasta bagi pendidikan asas	Bilangan tempat dalam program latihan amali di bawah Program Latihan Amali Berstruktur	15,000	17,967	120	100	1.0	
14	EPP14: Membangunkan kluster pembangunan permainan video	Jumlah enrolmen pelajar di IPTS dengan perhubungan kluster permainan video	500	458	92	92	0.5	
17	EPP17: Membangunkan kluster perakaunan	Membangunkan kluster perakaunan: i. Jumlah enrolmen pelajar dalam program kerjasama Sunway TES ii. Bilangan graduan perakaunan yang mempunyai kelayakan profesional yang baharu	100%	67%	67	67	0.5	
<b>JUMLAH</b>					<b>109%</b>	<b>93%</b>	<b>80%</b>	

NKEA — PERTANIAN								
No	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)	
1	EPP1: Membuka nilai daripada biodiversiti Malaysia melalui produk-produk herba	Jumlah ujian praklinikal dan klinikal yang akan dijalankan untuk nutraseutikal dan kosmeseutikal	10	10	100	100	1.0	
		Jumlah jualan produk herba (RM Juta)	3.5	3.85	110	100	1.0	
2	EPP2: Penambahan pengeluaran sarang burung	Jumlah eksport produk Sarang Burung Walit Boleh Dimakan (MT)	200	262.79	131	100	1.0	
		Jumlah EBN premis berdaftar baharu	3,000	1,344	45	45	0.0	
3	EPP3: Meneroka pertanian rumpai laut skala komersial di Sabah	Jumlah pengeluaran Rumpai Laut di bawah Estet Pertanian Mini (MT)	1,500	1,235.53	82	82	0.5	
4	EPP4: Penternakan melalui sistem sangkar akuakultur yang bersepadu	Jumlah pengeluaran ikan ternak oleh syarikat peneraju (MT)	11,500	8,627.86	75	75	0.5	
5	EPP5: Penternakan lembu di ladang kelapa sawit	Jumlah keseluruhan lembu di ladang kelapa sawit	42,500	43,741	103	100	1.0	
6	EPP 6: Mereplikasi model penternakan akuakultur yang bersepadu (iZAQs)	Jumlah pengeluaran udang (MT)	35,000	31,670	90	90	0.5	

(Bersambung)

(Sambungan daripada halaman sebelum)

NKEA — PERTANIAN (Sambungan)								
No	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)	
7	EPP7: Menaik taraf keupayaan menghasilkan buah-buahan sayur-sayuran premium	Jumlah pengeluaran dari Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan syarikat peneraju (MT)	55,000	54,489.14	99	99	0.5	
8	EPP8: Mengukuhkan keupayaan eksport industri makanan proses	Jumlah jualan Syarikat Peneraju (AC) dan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (RM juta)	200	294.7	147	100	1.0	
		Bilangan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) di bawah Syarikat Peneraju (AC)	21	50	238	100	1.0	
9	Memperkenalkan beras wangi di kawasan bukan jelapang padi	Jumlah tan padi wangi yang dikeluarkan. (MT)	2,500	2,719.58	109	100	1.0	
		Jumlah kawasan penanaman (Hektar)	1,000	1,027.46	103	100	1.0	
10	EPP10: Memperkukuh dan menambah baik produktiviti penanaman padi di kawasan Muda	Jumlah pengeluaran dari tanah yang digabungkan (MT)	254,600	230,793	91	91	0.5	
		Jumlah kawasan tanah yang digabungkan (Hektar)	5,000	5,029	101	100	1.0	
		Bilangan blok pada reka bentuk rinci dan perencanaan dokumen perjanjian bagi sistem tertiar	57	57	100	100	1.0	
11	EPP11: Memperkukuh dan menambah baik produktiviti penanaman padi di kawasan pengairan yang lain	Jumlah pengeluaran dari tanah yang digabungkan (MT)	83,570	103,603.971	124	100	1.0	
		Jumlah kawasan tanah yang digabungkan (Hektar)	7,700	8,079.29	105	100	1.0	
13	EPP13: Membangunkan kluster tenusu di Malaysia	Jumlah susu segar yang dihasilkan (Juta liter)	23	19	83	83	0.5	
14	EPP14: Membangunkan kedudukan peneraju dalam industri pembenihan serantau	Jumlah 'outgrowers' yang telah dibangunkan	100	100	100	100	1.0	
		Jumlah benih dihasilkan (MT)	150	94.769	63	63	0.5	
17	EPP17: Membangunkan pasar komuniti	Jumlah hasil yang terjana dari PAKAR (RM juta)	75	76.608	102	100	1.0	
<b>JUMLAH</b>					<b>104%</b>	<b>93%</b>	<b>80%</b>	

NKEA — PENJAGAAN KESIHATAN								
No	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)	
2	EPP2: Mewujudkan ekosistem yang menyokong pembangunan penyelidikan klinikal	Jumlah ujian klinikal baharu	214	201	94	94	0.5	
		Jumlah ujian klinikal baharu yang dijalankan di fasiliti KKM	120	128	107	100	1.0	
3	EPP3: Meneroka peluang untuk eksport barangan farmaseutikal	Peratusan cadangan offtake yang siap diproses dalam tempoh 87 hari bekerja seperti yang tertera dalam SOP yang diluluskan oleh MoF (diproses bererti Lembaga Perolehan A telah memutuskan cadangan tersebut dan permohonan dilanjutkan kepada Perbendaharaan)	100%	97.7%	98	98	0.5	
		Pertumbuhan bagi eksport produk farmaseutikal (RM juta)	641.244	627.80	98	98	0.5	
4	EPP4: Mencergaskan semula pelancongan kesihatan melalui pengalaman pelanggan yang lebih mesra, perikatan proaktif dan pemasaran niche	Hasil yang dijana daripada Pelancongan Kesihatan (RM juta)	854	900.04	105	100	1.0	
		Hasil yang dijana daripada Pelancongan Kesihatan (RM juta)	516	574.18	111	100	1.0	
7-14	EPP7-14: Peranti perubatan	Peratusan masa yang diambil untuk memproses penyerahan yang lengkap yang diterima pada tahun 2015 bagi memproses lesen penubuhan dalam tempoh 30 hari bekerja	80%	100%	125	100	1.0	
		Peratusan penyampaian dalam penyelarasan data bagi eksport peranti perubatan (RM juta)	100%	100%	100	100	1.0	
15-17	EPP15-17: Komuniti Warga Emas	Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta bagi Warga Emas: Penyerahan draf akhir Undang-undang oleh Pusat Pengajian Guaman dan Undang-undang Antarabangsa (ICeLLS) kepada PEMANDU	100%	70%	70	70	0.5	
<b>JUMLAH</b>					<b>101%</b>	<b>96%</b>	<b>78%</b>	

## INISIATIF PEMBAHARUAN STRATEGIK (SRI)

SRI — PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI							
No	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	Bilangan ladang buah-buahan dan sayur-sayuran baharu yang diiktiraf di bawah myGAP	750	692	92	92	0.5
		Bilangan ladang akuakultur baharu yang diiktiraf di bawah myGAP	106	105	99	99	0.5
		Bilangan ladang/premis ternakan baharu yang diiktiraf di bawah myGAP	1,834	2,328	127	100	1.0
2	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)	Bilangan produk di bawah Program MyHIJAU	1,100	1,439	131	100	1.0
3	Kementerian Kesihatan	Syarikat Pengeluaran Makanan yang dianugerahkan Pensijilan sistem jaminan makanan selamat (MeSTI)	1,078	1,152	107	100	1.0
4	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	Bilangan syarikat yang dianugerahkan pensijilan baharu oleh Badan Pensijilan yang Bertauliah	1,000	1,052	105	100	1.0
<b>JUMLAH</b>					110%	99%	83%

SRI — PEMBAHARUAN KEWANGAN AWAM						
No	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1	Peningkatan pentadbiran dan pematuhan cukai - Cukai Langsung (LHDNM) (RM juta)	2,000	2,043	102	100	1.0
2	Peningkatan pentadbiran dan pematuhan cukai - Cukai Tidak Langsung (RMCD), RM juta	150	222.03	148	100	1.0
3	Peratusan Pelaksanaan Aktiviti bagi Perakaunan Akruan untuk tahun 2015	100%	36.1%	36	36	0.0
<b>JUMLAH</b>				95%	79%	67%

SRI — MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN						
No	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1	Jumlah nilai peluang pekerjaan yang dicipta untuk syarikat Bumiputera (RM bil)	73	14.53	199	100	1.0
	Mencapai kelulusan kewangan bagi syarikat Bumiputera pada minimum 2.5 kali daripada dana kerajaan masing-masing	2.5	3.07	100	100	1.0
	Peningkatan nilai SSA (PLC) Bumiputera (RM bil)	2.5	1.5	60	60	0.5
<b>JUMLAH</b>				120%	87%	83%

SRI — PEMBANGUNAN MODAL INSAN						
No	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 (%)	Kaedah 2 (%)	Kaedah 3 (%)
1	Peratusan penyiapan laporan pengenalan jurang kemahiran kritikal	100%	95%	95	95	0.5
	Bilangan syarikat baharu yang menawarkan <i>flexible work arrangement</i>	20	20	100	100	1.0
	GEMS & Peningkatan Kemahiran	7,000	7,137	102	100	1.0
	Bilangan penempatan pekerja wanita di bawah Flexworklife.my	200	256	128	100	1.0
2	Peratusan wanita dalam peringkat Lembaga Pengarah (Syarikat Senaraian Awam sahaja)	16%	15.6%	98	98	0.5
	Bilangan pusat asuhan kanak-kanak baharu yang ditubuhkan/didaftarkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): i. Di tempat kerja ii. Institusi-institusi iii. Kerajaan iv. Rumah berdaftar v. Pemberitahuan untuk penjagaan di rumah bagi kanak-kanak bawah 4 orang	100%	119%	119	100	1.0
	Sistem pengumpulan data akan dilanjutkan kepada semua pusat asuhan kanak-kanak yang berdaftar	100%	89%	89	89	0.5
	Peratusan wanita dalam lembaga syarikat senaraian awam (BURSA)	11.50%	10.7%	93	93	0.5
	Bilangan wanita tambahan yang memegang jawatan di bawah Program Pengarah Wanita	15	14	93	93	0.5
	Bilangan pengasuh kanak-kanak yang terlatih melalui Kursus Asuhan PERMATA atau Kursus Asas Asuhan (bagi pusat asuhan yang bertempat di rumah)	800	1,254	157	100	1.0
3	Peratusan penyiapan bagi Penyelidikan dan Penerbitan ILMIA berkaitan dengan: i. Penjana perubahan HCD bagi transformasi pasaran buruh ii. Pengajian Kuasa boleh Diperbaharui oleh Koridor Sarawak (SCORE)	100%	100%	100	100	1.0
	Peratusan penyiapan Peningkatan Kandungan bagi Portal dan Dashboard ILMIA: i. Mengemaskini maklumat dan analisis dalam pasaran buruh untuk menyediakan maklumat terkini bagi pengubalan dasar	100%	100%	100	100	1.0
	Peratusan penyiapan Peningkatan Pasaran Buruh Datawarehouse (LMIDW) dan Dashboard: i. Menyediakan data dan analisis pasaran buruh yang menyeluruh	100%	100%	100	100	1.0
	Bilangan peserta di dalam Program Peningkatan Keupayaan HR untuk SME	22,000	29,302	133	100	1.0
	Kepuasan Pelanggan terhadap Portal Pusat Sumber Manusia Kebangsaan: i. Pengalaman pembelajaran bersama portal NHRC (pengalaman pelayaran) ii. Kuantiti maklumat yang disediakan oleh pusat pembelajaran adalah baik	100%	106%	106	100	1.0
	Bilangan pekerja yang diperiksa di bawah Perintah Gaji Minimum	34,100	41,009	120	100	1.0
	Peratusan penyiapan sesi keterlibatan yang dikendalikan bersama-sama pihak berkepentingan dan pengecaman bidang yang boleh diperbetulkan	100%	100%	100	100	1.0
	Bilangan permohonan yang diluluskan bagi pensijilan MyProCert	3,000	3,169	106	100	1.0
4	Kerjasama Industri-Akademia (IAC):Bilangan Kepakaran yang dibangunkan dan Ahli Fakulti (FM)	5,550	6,723	121	100	1.0
	<b>JUMLAH</b>			<b>108%</b>	<b>98%</b>	<b>87%</b>







# PENGHARGAAN

Program Transformasi Negara (NTP) merupakan satu langkah berani yang diambil dalam membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara yang teguh, berkeyakinan tinggi dan relevan di peringkat global.

Program yang menyasarkan untuk mentransformasikan pelbagai aspek penyampaian perkhidmatan awam dan menjadi pemangkin ekonomi bagi mencapai kemampanan dan keinklusan dalam pembangunan sosioekonomi untuk rakyat Malaysia dari setiap lapisan kehidupan, NTP adalah sebuah usaha bagi pembinaan negara yang sangat besar dipikul oleh semua pihak berkepentingan daripada sektor awam dan swasta.

Kerajaan Malaysia menzahirkan sebuah penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua penjawat awam, syarikat-syarikat, organisasi bukan kerajaan dan semua individu terlibat yang telah menyumbang masa, usaha dan panduan dalam perancangan serta pelaksanaan pelbagai inisiatif di bawah program ini sejak tahun 2010. Sokongan padu ini memberi makna yang sangat besar dan membakar semangat dalam melaksanakan usaha ini.

Tahun 2020 merupakan sebuah wawasan. Program Transformasi Negara akan terus memacu negara bagi merealisasikan matlamat ini. Sasaran haruslah diteruskan untuk membolehkan kita mencapai cita-cita untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020.

Hak cipta © 2016

## **UNIT PENGURUSAN PRESTASI DAN PELAKSANAAN (PEMANDU), JABATAN PERDANA MENTERI**

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian dokumen ini tidak dibenarkan untuk dihasilkan semula dalam apa bentuk sekalipun sama ada secara elektronik, salinan foto, mekanikal, rakaman atau sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta.

Kenyataan: Walaupun perhatian yang munasabah telah diberikan dalam proses penyediaan dokumen ini, pihak PEMANDU tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa maklumat yang tidak tepat. Semua maklumat dan spesifikasi adalah benar pada masa dokumen ini disediakan dan ia tertakluk kepada perubahan apabila diperlukan.



## **UNIT PENGURUSAN PRESTASI DAN PELAKSANAAN (PEMANDU)**

Jabatan Perdana Menteri, Aras 3, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya, Malaysia

Tel : +603 8872 7240  
Faks: +603 8889 4428

[www.pemandu.gov.my](http://www.pemandu.gov.my)